# KERATAN AKHBAR ISU-ISU INTEGRITI 2023 (JULAI - DISEMBER)

UNIT INTEGRITI & PEMODENAN PENTADBIRAN MBJB



# JULAI 2023

**UNIT INTEGRITI & PEMODENAN PENTADBIRAN MBJB**



# Bongkar rasuah di KLIA

## Menteri jawab isu tular berhubung tindakannya membuat kecoh di KLIA pada Khamis



King Sing berkata, beliau akan menyerahkan semua maklumat yang diperoleh berhubung amalan rasuah di pintu masuk negara kepada SPRM untuk tindakan selanjutnya.

LAPORAN MUKA DEPAN

SHAH ALAM

Heboh di media sosial berhubung tindakan seorang individu dipercayai menteri yang didakwa membuat kecoh dan menceroboh balai ketibaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) untuk membebaskan seorang pelawat China yang ditahan Jabatan Imigresen.

Menurut sumber, kejadian berlaku pada petang Khamis apabila pelawat wanita warga China itu ditahan pihak berkuasa sebaik sahaja tiba masuk ke negara ini.

Katanya, menteri berkenaan bergegas ke KLIA apabila mendapat tahu mengenai penahanan tersebut dan memasuki ke dalam dewan ketibaan tanpa memohon pas keselamatan.



KING SING

"Apabila tindakannya cuba dihalang, beliau menggunakan kuasa sebagai menteri termasuk memarahi Polis Bantuan KLIA dan pegawai imigresen sehingga berlaku suasana tegang," dakwa sumber berkenaan.

Berikutan dakwaan tersebut, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Tiong King Sing pada Jumaat tampil menjawab persoalan.

Beliau mengakui bahawa dirinya merupakan individu yang dimaksudkan itu.

Bagaimanapun, King Sing berkata, kekecohan yang timbul itu bukanlah seperti dilaporkan, kononnya beliau menuntut Jabatan Imigresen membebaskan pelawat dari China.

Menurut beliau, kehadirannya di KLIA adalah untuk melakukan pemantauan, namun telah membawa kepada pembongkaran budaya rasuah dalam kalangan pegawai di lapangan terbang.

"Saya bersyukur kerana kehadiran saya telah membongkar satu peristiwa memalukan apabila wujudnya budaya rasuah dilakukan oleh segelintir pegawai dan penyalahgunaan kuasa yang kronik di pintu masuk negara.

"Pada mulanya saya tidak mahu mendedahkan perkara ini kerana sedang bertindak mengikut saluran serta platform yang lebih praktikal.

"Namun disebabkan isu ini tular dan ramai pengamal media menghubungi, maka ini penjelasannya," katanya dalam satu kenyataan.

Mengulas lanjut, King Sing menegaskan, beliau tidak mempunyai kuasa untuk mengarahkan penguat kuasa melepaskan pelawat berkenaan.

Ujar beliau, sekiranya tindakan itu benar-benar dilakukan, ia hanya merosakkan reputasi sebagai seorang menteri.

"Apa guna saya sebagai menteri sekiranya tidak memberi tumpuan serius terhadap kepentingan negara, tambahan pula ia menjejaskan imej negara dan menakutkan pelancong asing?

"Jika kita tidak serius dalam isu ini, sampai bila-bila pun ia tidak akan diselesaikan dan mungkinkah ada segelintir pegawai takut sekiranya perkara tersebut terbongkar sehingga memberi kesan kepada kepentingan peribadi mereka?" soal beliau.

Pada masa sama, King Sing berkata, beliau dimaklumkan ada pegawai imigresen yang meminta wang daripada pelancong asing jika mahu dilepaskan.



Pelancong asing yang ditahan Jabatan Imigresen sebaik masuk ke negara ini pada Khamis.

Katanya, penguat kuasa berkenaan meminta sehingga RM3,000 untuk pelancong dikeluarkan dari tahanan termasuk tiket penerbangan pulang ke negara asal.

Bukan itu sahaja, tambahan RM3,000 juga akan dikenakan jika mahu pulang ke negara asal dengan kadar segera menerusi 'laluan khas', manakala RM12,000 bagi kos memproses visa.

Jelasnya, semua maklumat yang diperoleh itu akan diserahkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) supaya siasatan dapat dijalankan seterusnya memulihkan imej Malaysia terutamanya di pintu masuk negara.



RUSLIN

## Imigresen akan lakukan siasatan secara menyeluruh

SEPANG - Jabatan Imigresen menjalankan siasatan berhubung insiden tular berhubung dakwaan seorang menteri yang membuat kecoh di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini pada Khamis.

Ketua Pengarahnya, Datuk Ruslin Jusoh berkata, tindakan serta-merta dilakukan melibatkan dakwaan berhubung kejadian tersebut.

"Siasatan akan dijalankan secara menyeluruh merangkumi semua aspek yang berkaitan.

"Orang ramai bagaimanapun diharapkan agar memberikan ruang tanpa membuat sebarang spekulasi dan provokasi supaya siasatan dapat dijalankan secara telus dan tidak diganggu," katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**SINAR HARIAN**
**01/07/2023**
**(SABTU)**

Dakwaan gejala rasuah di KLIA

# 'Usah buat spekulasi, sensasi isu'

## SPRM mulakan siasatan dapatkan maklumat semua pihak



*Laporan disiarkan BH, semalam*

Oleh Ilah Hafiz Aziz
ilahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan memulakan siasatan dakwaan pegawai imigresen yang menjaga pintu masuk utama negara di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) terbabit dalam rasuah.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki mengesahkan pihaknya kini sedang mendapatkan maklumat lanjut daripada semua pihak yang terbabit, termasuk daripada seorang kenamaan dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

"Berhubung dakwaan rasuah yang dinyatakan oleh Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, SPRM akan menyiasat perkara itu. Kita akan mendapatkan maklumat daripada semua pihak dan menyiasat perkara itu sewajarnya.

"Orang ramai digesa tidak mensensasikan isu itu atau membuat spekulasi mengenai perkara berkenaan," katanya.

Media kelmarin melaporkan seorang menteri menceroboh masuk ke balai ketibaan antarabangsa di KLIA tanpa pas keselamatan bagi membebaskan seorang pelawat China yang ditahan Jabatan Imigresen.

### [illegible]

Susulan penularan laporan itu, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Tiong King Sing dalam satu kenyataan mengakui beliau adalah menteri yang dikaitkan dengan kejadian itu, malah mendakwa kehadirannya adalah untuk membongkar amalan rasuah dalam kalangan pegawai di pintu masuk negara.

King Sing juga mendakwa ada pegawai imigresen yang meminta wang diberikan sekiranya pelancong asing yang ditahan mahu dilepaskan.

"Ada yang minta sehingga RM3,000 untuk dikeluarkan daripada tahanan termasuk tiket penerbangan pulang ke negara asal.

"Tambahan RM3,000 pula diminta jika mahu pulang ke negara asal dengan kadar segera menerusi laluan khas, manakala RM12,000 untuk kos memproses visa," katanya.

### Teliti semua aspek

Sementara itu, Timbalan Ketua Panel Pemikir Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW), Noor Mohamad Shakil Hameed dalam satu kenyataan menyifatkan dakwaan rasuah dibuat menteri adalah serius dan perlu tindakan segera oleh pihak berkuasa, termasuk menubuhkan sebuah jawatankuasa siasatan dalaman.

"Jawatankuasa ini perlu meneliti dan menyiasat semua aspek secara menyeluruh seperti menyiasat petugas yang didakwa terbabit rasuah serta menyemak semula prosedur kerja sedia ada.



*Jabatan kerajaan sudah ada prosedur siasatan yang teratur dan sistematik untuk menangani dakwaan rasuah.* (Foto hiasan)

"Umumnya jabatan kerajaan sudah ada prosedur siasatan yang teratur dan sistematik untuk menangani dakwaan seperti ini, termasuk salah laku anggota, jadi kita perlu yakin dengan proses itu dan beri ruang kepada pihak imigresen melakukan siasatan yang sewajarnya," katanya.

Pada masa sama, beliau juga berpendapat mana-mana individu termasuk yang berstatus menteri tidak sepatutnya bertindak sendirian dalam usaha membanteras rasuah kerana ia boleh mencetuskan pelbagai masalah lain, termasuk menjejas imej dan nama baik negara.

Beliau berkata, adalah lebih wajar menteri mengemukakan bukti dengan melaporkan kepada pihak yang berkuasa bagi tindakan mengikut lunas undang-undang.

"Kekecohan seperti yang berlaku di KLIA boleh menjejaskan imej dan nama baik negara di mata pelancong luar.

"Menegur kesalahan orang terutama penjawat awam ketika bertugas ada caranya, dan ia perlu dilakukan secara berhemah tanpa menjatuhkan air muka di khalayak," katanya.

Mohamad Shakil berkata, SPRM juga perlu menyiasat dan memuktamadkan sama ada elemen salah guna kuasa melibatkan menteri selain dakwaan rasuah oleh anggota imigresen.



> Menegur kesalahan orang terutama penjawat awam ketika bertugas ada caranya, dan ia perlu dilakukan secara berhemah tanpa menjatuhkan air muka di khalayak

*Noor Mohamad Shakil Hameed, Timbalan Ketua Panel Pemikir Pemerhati Rasuah Malaysia*

**BERITA HARIAN**
**02/07/2023**
**(AHAD)**

# KPISM kesal dakwaan dilemparkan King Sing

**Kuala Lumpur:** Kesatuan Perkhidmatan Imigresen Semenanjung Malaysia (KPISM) kesal dengan tuduhan dibuat Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Tiong King Sing yang mendakwa wujud gejala rasuah dalam kalangan kakitangan agensi itu yang bertugas di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Presiden KPISM, Khairil Niza Khairuddin, berkata jika benar dakwaan bahawa pegawai Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) di KLIA terbabit dengan rasuah, ia perlu dilaporkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

"Ia bukan dengan membuat kenyataan media yang boleh dianggap tidak berasas kerana tiada bukti serta hanya bertujuan sebagai 'diversion' atau mengalihkan tumpuan daripada isu utama.

"Sebagai seorang kenamaan, beliau seharusnya lebih menghormati undang-undang negara dan tidak mengganggu penjawat awam menjalankan tugas mereka.

"Dalam hal ini, pegawai JIM yang bertugas ketika itu (insiden kekecohan) sudah semestinya mengetahui denam lebih jelas mengenai apa yang berlaku dan mengambil tindakan berdasarkan peraturan semasa yang sedang berkuat kuasa," katanya dalam kenyataan, semalam.

KPISM bertegas tiada mana-mana pihak seharusnya mengganggu tugas penguatkuasaan dan pelaksanaan undang-undang oleh JIM dan mana-mana pihak berkuasa di negara ini.

"KPISM tidak akan teragak-agak untuk membuat laporan polis jika perkara seperti ini berlaku lagi. Kita juga bersetuju dengan tindakan JIM yang mengambil tindakan serta merta memulakan siasatan berkenaan isu berkenaan.

"Kami juga senada dengan saranan oleh Presiden Kongres Kesatuan Pekerja Perkhidmatan Awam (CUEPACS) supaya satu siasatan terperinci dilakukan oleh kerajaan berkenaan isu tular mengenai menteri yang didakwa membuat kecoh serta menceroboh dewan ketibaan di KLIA," katanya.

Sejak kelmarin insiden tular di media sosial mendakwa seorang menteri menceroboh masuk ke dewan ketibaan antarabangsa KLIA bagi membebaskan seorang pelawat China yang ditahan Jabatan Imigresen.

Menteri itu juga dikatakan memasuki dewan ketibaan KLIA tanpa memohon pas keselamatan.

Berikutan insiden itu, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Tiong King Sing tampil mengaku beliau adalah menteri itu dan bersyukur kehadirannya ke KLIA membongkar budaya rasuah dalam kalangan pegawai di pintu masuk masuk negara itu.

**BERITA HARIAN**
**02/07/2023**
**(AHAD)**

MENTERI BUAT 'KECOH' DI KLIA

# JIM SIASAT INSIDEN SERTA-MERTA

**Putrajaya**

Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) sudah mengambil tindakan serta-merta dengan memulakan siasatan mengenai satu maklumat yang tular di media sosial, membabitkan orang kenamaan yang dikatakan menceroboh balai ketibaan antarabangsa Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) bagi 'membebaskan' pelawat dari China yang ditahan.

Ketua Pengarah Imigresen Datuk Ruslin Jusoh dalam satu kenyataan berkata, siasatan akan dijalankan secara menyeluruh merangkumi semua aspek yang berkaitan.



TANGKAP layar video tular di media sosial menunjukkan kekecohan yang berlaku membabitkan seorang menteri di KLIA.

"JIM memohon supaya orang ramai memberikan ruang supaya siasatan dapat dijalankan dengan telus dan tidak membuat sebarang spekulasi atau provokasi yang boleh mengganggu siasatan," katanya.

Satu portal berita kelmarin melaporkan kekecohan di KLIA membabitkan orang kenamaan dikatakan cuba 'menyelamatkan' seorang wanita warga China yang dinafikan kemasukan ke negara ini sebaik tiba di KLIA.

Kejadian itu turut tular di media sosial apabila orang kenamaan berkenaan dikatakan masuk ke ruang balai ketibaan itu tanpa memohon pas keselamatan.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**METRO AHAD**
**02/07/2023**
**(AHAD)**

# SPRM siasat dakwaan rasuah

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan menyiasat dakwaan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Datuk Seri Tiong King Sing yang mendakwa wujud budaya rasuah dilakukan segelintir pegawai di pintu masuk negara.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, pihaknya akan mendapatkan maklumat daripada semua pihak serta menyiasat dakwaan itu sewajarnya.

"Berhubung dakwaan rasuah yang dinyatakan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, SPRM akan menyiasat perkara berkenaan. SPRM akan mendapatkan maklumat daripada semua pihak dan menyiasat perkara itu sewajarnya," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan, semalam.

Azam berkata, orang ramai juga digesa tidak mensensasikan atau membuat spekulasi berhubung perkara itu.

**METRO AHAD**
**02/07/2023**
**(AHAD)**

# Tiba masa imigresen letak pegawai mahir bertutur pelbagai bahasa

**Kuala Lumpur:** Persatuan Pembangunan Pelancongan Antarabangsa Malaysia (Mitda) menyifatkan dakwaan seorang menteri menceroboh masuk ke dewan ketibaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) adalah keterlaluan.

Presidennya, Datuk Noor Zaleha Baharuddin berkata, sebagai Menteri Pelancongan, Seni dan Kebudayaan, Datuk Seri Tiong King Sing bertanggungjawab terhadap segala aspek atau isu berkaitan pelancongan negara.

"Kami dari pengiat pelancongan Malaysia ingin mengucapkan syabas khasnya kepada Menteri Pelancongan yang sanggup turun padang bagi menyelesaikan isu mengenai pelancong yang ditahan pihak imigresen di KLIA.

"Kami sudah lebih dari 40 tahun dalam bidang pelancongan Malaysia memang sudah tiba masa sesuatu tindakan memperbetulkan patut diperbaiki dengan pihak imigresen supaya imej Malaysia dapat dihormati sebagai *frontliners* (barisan hadapan)," katanya dalam satu kenyataan.

Kelmarin, tular laporan portal mendakwa kekecohan tercetus di KLIA apabila seorang menteri didakwa menceroboh balai ketibaan lapangan terbang untuk 'menyelamatkan' seorang pelancong dari China.

King Sing kemudian tampil mempersoal siapa sebenarnya yang menyalah guna kuasa dalam kejadian itu, sama ada beliau atau pun pegawai imigresen bertugas.

Mengakui dirinya menteri yang dikaitkan dengan kejadian itu, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya itu sebaliknya bersyukur kehadirannya ke KLIA membongkar budaya rasuah dalam kalangan pegawai di pintu masuk masuk negara itu.



Sementara itu, Presiden Persatuan Agensi Pelancongan Malaysia (Mata), Datuk Dr Mohd Khalid Harun berkata, imigresen disarankan membaiki komunikasi dengan menempatkan pegawai yang boleh bertutur dengan pelbagai bahasa bagi memudahkan urusan keluar dan masuk pelancong dalam negara.

Katanya, jika perkara berkenaan menjadi satu masalah, tiba masanya pihak imigresen menempatkan pegawai mereka yang boleh bertutur, dengan pelbagai bahasa bagi memudahkan urusan berkenaan.

"Sebagai negara yang menjadi tumpuan pelancongan asing, kerajaan perlu menyediakan semua kemudahan termasuk jurubahasa di semua pintu masuk negara.

"Jangan jadikan komunikasi batu penghalang bagi pertumbuhan ekonomi negara dalam industri pelancongan," katanya dalam kenyataan.

Mohd Khalid berkata, industri pelancongan negara mempunyai banyak saingan dengan negara jiran yang memudah cara pelancong asing untuk melancong ke negara mereka.

"Jika perkara berkenaan masih tidak diatasi, Mata percaya pelancong akan lari ke negara lain dan sudah tentu merugikan pendapatan negara dan pemain industri pelancongan negara yang baru keluar dari kemelut wabak Covid-19," katanya.

# Tindakan lanjut lepas terima laporan penuh: KDN

**Putrajaya:** Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan menunggu laporan penuh insiden kekecohan membabitkan seorang menteri di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) sebelum memutuskan langkah selanjutnya.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail memaklumkan laporan penuh perlu diteliti terlebih dahulu.

"Saya menunggu laporan penuh," katanya seperti dilapor Malaysiakini.

Jawapan ringkas diberikan beliau ketika ditanya sama ada sudah menghubungi Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian terbabit atau akan merujuk perkara berkenaan kepada Kabinet.

Kelmarin, seorang menteri didakwa menceroboh masuk ke balai ketibaan antarabangsa KLIA bagi membebaskan pelawat China yang ditahan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

Susulan itu, Datuk Seri Tiong King Sing mengakui dirinya adalah menteri yang dikaitkan dengan kejadian itu malah mendakwa kehadirannya membongkar budaya rasuah dalam kalangan pegawai di pintu masuk masuk negara itu.

**METRO AHAD**
**02/07/2023**
**(AHAD)**

# Siapa dalang sebar video?

**Kuala Lumpur:** Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Datuk Seri Tiong King Sing akan merujuk kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk menyiasat dalang penyebaran video kekecohan yang mendakwa dirinya menyalahguna kuasa di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Khamis lalu.

Tanpa berselindung, King Sing mendakwa video itu dirakam oleh pegawai imigresen yang turut berada di tempat kejadian.

Beliau turut mendakwa penyebaran itu adalah tindakan yang sengaja untuk menutup kesalahan serta aktiviti rasuah yang berlaku di balai ketibaan berkenaan.

"Kenapa orang imigresen takut sangat orang tular gambarnya. (Punca) Viral ini saya boleh sahkan 100 peratus daripada Imigresen sendiri kerana saya berada dalam pejabat Imigresen," katanya, semalam.

Beliau berkata, oleh itu dalang yang mengambil dan menyebarkan video berkenaan perlu disiasat dengan segera kerana melakukan berita yang tidak benar.

"Saya mahu satu siasatan lengkap. Periksa gambar viral itu daripada telefon siapa dan saya minta SKMM melakukannya dan pegawai ini disiasat.

"Kenapa dia melakukannya, kenapa buat berita tidak tepat, buat tuduhan fitnah. Adakah mahu selamatkan segelintir pegawainya," katanya.

King Sing sebelum ini menjelaskan, beliau tidak pernah menyalahgunakan kuasa untuk membebaskan wanita asing seperti yang didakwa, sebaliknya mendakwa pelancong dari China itu ditahan Jabatan Imigresen tanpa sebarang sebab.

Katanya, wanita itu ditahan kerana didakwa tidak mempunyai butiran tempat tinggal dan tiada tiket pulang semula ke negara asal.

Bagaimanapun, katanya, butiran berkenaan sebenarnya tersimpan di dalam telefon bimbit milik wanita terbabit yang ketika itu dirampas oleh pegawai imigresen.

"Saya cuma mahu tanya pegawai imigresen, kenapa dia merampas telefon orang sedangkan mereka tiada kuasa untuk melakukan rampasan barangan atau harta, melainkan ada kesalahan (yang terbukti).

"Macam kes wanita ini, dia bukan bebas disebabkan saya dan tiada alasan untuk menahannya. Cuma Imigresen kata dia tiada tempat tinggal dan *return ticket*, tetapi semua itu di dalam telefon bimbit itu (yang dirampas).

"Dia juga datang (masuk ke Malaysia) dengan orang atasannya," katanya dalam satu video yang dikongsi di Facebooknya.



KING SING

**METRO AHAD**
**02/07/2023**
**(AHAD)**

Dakwaan gejala rasuah di KLIA

# PM jamin adakan siasatan rapi

## Anwar buat lawatan mengejut tinjau operasi imigresen, kastam di KLIA



*Anwar berbual dengan anggota serta pegawai imigresen bertugas ketika melakukan tinjauan di KLIA, semalam.*
(Foto Ihsan Pejabat Perdana Menteri)

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi jaminan siasatan rapi akan dibuat terhadap isu membabitkan kakitangan Jabatan Imigresen di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), khususnya dakwaan wujud salah laku dan amalan rasuah.

Perdana Menteri yang mengadakan lawatan mengejut ke pintu masuk utama negara itu semalam berkata, secara umumnya, pengasan kakitangan imigresen dan kastam di KLIA, di Sepang berjalan dengan baik dan berkawal.

"Saya ingin bagi jaminan siasatan rapi akan dibuat. Tapi umumnya majoriti petugas imigresen dan kastam berjalan dengan baik.

"Cuma ada beberapa masalah kita adakan siasatan untuk perbaiki atau kalau ada kesilapan, akan diambil tindakan sewajarnya.

"Saya cuba teliti langkah diambil setakat ini dan saya lihat imigresen buat respon yang sangat baik dan positif.

"Yang harus kita kenal pasti adalah kelompok kecil yang masih tidak mampu membawa perubahan, termasuk berdepan dengan beberapa perlakuan. Siasatan rapi akan dibuat," katanya dalam lawatan kira-kira 30 minit tanpa diiringi menteri Kabinet atau orang kenamaan.

Anwar berkata, perbincangan awal berkait beberapa isu dibangkitkan beberapa hari lalu akan dilakukan dalam mesyuarat Jemaah Menteri, Rabu ini.

Perdana Menteri semalam berada di KLIA bagi menyambut keberangkatan Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah yang selamat kembali ke tanah air selepas tunai ibadah haji.

Pesawat khas membawa Seri Paduka berdua dan delegasi tiba di Kompleks Bunga Raya, KLIA pada 1.10 tengah hari.

Beberapa hari lalu, tular gambar dan laporan mendakwa Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Tiong King Sing campur tangan dalam urusan 'menyelamatkan' seorang pelancong China sehingga mencetuskan kekecohan, namun dinafikan Ahli Parlimen Bintulu itu.

Kelmarin, King Sing tampil mempersoal siapa sebenarnya menyalah guna kuasa dalam kejadian itu, sama ada beliau atau pun pegawai imigresen bertugas.

King Sing sebaliknya mendakwa wujud amalan salah guna kuasa dan rasuah membabitkan sebilangan kakitangan imigresen yang bertugas di pintu masuk utama negara itu, sehingga mengundang beberapa keraguan penafian daripada kesatuan dan kakitangan yang mewakili agensi berkenaan.

### Perlu tambah baik

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, dalam lawatan mengejut ke kaunter imigresen dan kastam di KLIA itu, beliau dapati ada ruang untuk penambahbaikan bagi memantapkan pengoperasian di pintu masuk negara.

"Saya sempat bertegur sapa dan bertanyakan kepada anggota serta pegawai bertugas berkenaan operasi harian, baik di kaunter ketibaan mahupun pelepasan.

"Kesempatan ini juga digunakan untuk melihat sendiri isu berbangkit atau permasalahan sewaktu pengendalian harian membabitkan pelancong dan warga asing selain warga tempatan," katanya.

Malah, Anwar berkata tindakan akan diambil terhadap pihak terbabit andai wujud kesilapan yang tidak sepatutnya sehingga menjejaskan kelancaran operasi.

"Insya-Allah tahap keselamatan dan pengoperasian di lapangan terbang negara akan sentiasa ditambah baik dalam memastikan perkhidmatan sewajarnya diberikan kepada semua pihak," katanya.

Kelmarin, Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Ruslin Jusoh berkata pihaknya akan menjalankan siasatan menyeluruh mengenai insiden itu, merangkumi semua aspek berkaitan.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki juga mengesahkan pihaknya akan memulakan siasatan dakwaan pegawai imigresen yang menjaga pintu masuk utama negara di KLIA terbabit dalam rasuah.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**BERITA HARIAN**
**03/07/2023**
**(ISNIN)**

Dakwaan gejala rasuah di KLIA

# SPRM kesan orang tengah minta rasuah RM18,000

## Beberapa pegawai imigresen akan dipanggil beri keterangan

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedang mengesan ejen yang bertindak sebagai orang tengah meminta rasuah sehingga RM18,000 untuk 'membantu' kemasukan seorang pelancong asing yang tidak memenuhi syarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Perbuatan ejen itu dikesan pasukan SPRM ketika menyiasat insiden kekecohan di balai ketibaan KLIA membabitkan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Tiong King Sing dengan beberapa pegawai imigresen, Khamis minggu lalu.

Sumber berkata, SPRM sedang mengesan individu yang meminta wang rasuah sebanyak RM18,000 bagi menyelesaikan kes membabitkan kemasukan ke dalam negara pelancong asing.

"Pelancong wanita itu tidak memenuhi syarat kemasukan ke negara ini seperti yang ditetapkan oleh Jabatan Imigresen. Ini termasuk tiada tiket pergi dan balik, tiada alamat penginapan di negara ini dan tidak mempunyai wang yang mencukupi.

"Siasatan menyeluruh sedang dijalankan. Beberapa pegawai imigresen juga akan dipanggil untuk diambil keterangan," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, difahamkan SPRM sudah mengambil keterangan King Sing dan dua warga China yang terbabit dalam kekecohan bersama pegawai imigresen di balai ketibaan KLIA.

### Jangan buat spekulasi

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki ketika dihubungi *BH* mengesahkan siasatan sudah dimulakan dan kes itu disiasat mengikut Seksyen 16 (a) Akta SPRM 2009.

Beliau turut menggesa semua pihak supaya tidak membuat sebarang spekulasi dan memberikan masa kepada agensi itu melengkapkan siasatan.

Beberapa hari lalu, tular gambar dan laporan berita yang mendakwa King Sing campur tangan dalam urusan melepaskan seorang pelancong wanita dari China di KLIA.

Dakwaan itu dinafikan Ahli Parlimen Bintulu.

King Sing sebaliknya mendakwa wujud amalan salah guna kuasa dan rasuah membabitkan sebilangan kakitangan Jabatan Imigresen yang bertugas di pintu masuk utama negara itu, sehingga mengundang beberapa kenyataan penafian daripada kesatuan dan kakitangan yang mewakili agensi berkenaan.




**BERITA HARIAN**
**05/07/2023**
**(RABU)**

# Polis selesai ambil keterangan 22 saksi

**Kuala Lumpur:** Polis sudah mengambil keterangan 22 saksi berhubung kekecohan membabitkan seorang menteri di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Khamis lalu.

Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan, berkata mereka terdiri daripada 12 pegawai imigresen, empat pegawai polis bantuan, empat pengadu dan dua pekerja sebuah syarikat pelancongan.

Beliau berkata, setakat ini, pihaknya menerima empat laporan daripada orang awam berhubung insiden itu.

"Setakat ini, kes belum lagi diklasifikasikan mengikut mana-mana seksyen. Kertas Inkuiri Polis (KIP) bagi kes ini akan dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara untuk pandangan dan keputusan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Sebuah portal berita minggu lalu melaporkan kekecohan di KLIA membabitkan seorang menteri yang dikatakan cuba 'menyelamatkan' seorang wanita warga China yang dinafikan kemasukannya ke negara ini sejurus tiba di KLIA.

Kejadian itu kemudian turut tular di media sosial.

Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Datuk Seri Tiong King Sing, kemudian tampil mengaku beliau adalah menteri dalam video tular itu.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**BERITA HARIAN**
**05/07/2023**
**(RABU)**

# JPN, Imigresen tak kompromi gejala rasuah

**Kuala Lumpur:** Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Imigresen komited untuk menangani rasuah dan akan membantu siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) susulan pendedahan kedua-dua jabatan itu disiasat berhubung amalan rasuah dan salah guna kuasa.

Malah, ketua pengarah kedua-dua jabatan itu memberi jaminan untuk tidak berkompromi soal rasuah dan integriti di jabatan masing-masing.

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Ruslin Jusoh, berkata pihaknya juga sedia berkongsi maklumat dengan SPRM bagi membantu agensi itu menjalankan siasatan ke atas kakitangannya yang terbabit rasuah.

"Saya tidak akan berkompromi dalam isu rasuah dan tata kelola serta tidak akan sesekali melindungi mana-mana pegawai terbabit. Kita serahkan sepenuhnya siasatan kepada SPRM.

"Kita sentiasa berhubung, berbincang dan berkongsi maklumat dengan SPRM untuk membantu proses siasatan dengan lebih telus tanpa sebarang gangguan dari pihak luar," katanya dalam kenyataan, semalam.

Ruslin berkata, Jabatan Imigresen dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) tidak akan berkompromi jika ada mana-mana pegawai terbabit rasuah sama ada di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) atau mana-mana pejabat Imigresen di seluruh negara.

"Jika terdapat pegawai yang bersalah, kita akan mengambil tindakan pada peringkat jabatan. Imigresen juga komited dalam menambah baik prosedur operasi standard (SOP) untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dan juga pelawat asing yang memasuki Malaysia," katanya.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata Jabatan Imigresen dan Jabatan Pendaftaran Negara sedang disiasat pihak berkuasa berhubung amalan rasuah dan salah guna kuasa.

Bagaimanapun katanya, jumlah kakitangan yang terbabit adalah terlalu kecil, namun harus ada tindakan yang keras dan tegas, kerana jika dibiarkan akan merosakkan imej seluruh pentadbiran.

Ketua Pengarah JPN, Zamri Misman dalam kenyataan berasingan turut komited untuk menangani rasuah, termasuk dengan menambah baik SOP pengeluaran dokumen pengenalan diri.

Beliau berkata, JPN juga mengadakan pelbagai program pengukuhan integriti bagi memastikan tiada sebarang tindakan penyelewengan atau salah guna kuasa oleh kakitangannya.

"Jabatan ini mengambil serius terhadap laporan akhbar berkaitan isu JPN yang disiasat berkaitan amalan rasuah dan salah guna kuasa.

"Adalah menjadi prinsip JPN yang sama sekali tidak akan berkompromi terhadap sebarang amalan rasuah dan salah guna kuasa," katanya.

Dalam pada itu, Zamri mengingatkan orang ramai supaya tidak mempercayai sebarang tawaran perkhidmatan membabitkan orang tengah untuk berurusan dengan JPN.

"JPN ingin mengingatkan orang ramai, tiada ejen atau orang tengah yang dilantik bagi sebarang urusan di JPN," katanya.



"Kita sentiasa berhubung, berbincang dan berkongsi maklumat dengan SPRM untuk membantu proses siasatan dengan lebih telus tanpa sebarang gangguan dari pihak luar"

*Ruslin Jusoh,*
*Ketua Pengarah Imigresen*

**BERITA HARIAN**
**05/07/2023**
**(RABU)**

# SPRM buru dalang minta RM18,000 bawa masuk pelancong China



Insiden kekecohan yang berlaku di KLIA pada Khamis lalu.

SHAH ALAM - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedang giat memburu individu yang dipercayai meminta 'duit kopi' sebanyak RM18,000 berhubung kes kemasukan seorang pelancong China ke negara ini.

Menurut sumber, SPRM telah mengenal pasti seorang individu disyaki menjadi orang tengah dalam urusan 'menyelesaikan' permasalahan yang berlaku di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) baru-baru ini.

"Pelancong asing itu dikatakan tidak memenuhi syarat kemasukan ke negara ini sebagaimana yang ditetapkan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

"Kami sedang giat mengesan individu yang merupakan ejen dikatakan telah meminta wang rasuah sebanyak RM18,000," ujarnya.

Sumber berkata, satu siasatan menyeluruh sedang dijalankan SPRM dan setakat ini, tiga keterangan saksi termasuk seorang menteri yang terlibat dalam kejadian tersebut dan dua orang saksi utama warga China telah diambil percakapan.

"Beberapa orang pegawai imigresen yang terlibat akan dipanggil untuk diambil keterangan berhubung perkara ini hari ini (Selasa)," katanya.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan kes disiasat di bawah Seksyen 16 (a) Akta SPRM 2009.

Beliau menggesa semua pihak untuk tidak membuat sebarang spekulasi dan memberikan masa bagi SPRM melengkapkan siasatan berhubung insiden tersebut.

SINAR HARIAN
05/07/2023
(RABU)

# Ada 'kacang hantu' di JPN, imigresen

**Ahmad Zahid yang pernah terajui KDN tak nafikan perkara itu, mahu siasatan terperinci**

PUTRAJAYA

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang pernah menerajui Kementerian Dalam Negeri (KDN) tidak menafikan wujudnya 'kacang hantu' dalam Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).




Laporan *Sinar Harian* pada Selasa.

Beliau berkata 'kacang hantu' itu perlu dibanteras kerana tindakan kumpulan berkenaan menyebabkan jabatan itu menerima tuduhan tidak benar.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata, adalah tidak wajar dan adil untuk melakukan tuduhan secara rambang terhadap kedua-dua jabatan tersebut tanpa siasatan terperinci.

"Saya pernah berada di kementerian itu dan dua jabatan ini banyak mendapat tuduhan rambang, jadi untuk mengelakkan perkara tersebut Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim) mengambil langkah supaya siasatan dijalankan.

"Cukup adil jika siasatan dapat dilakukan untuk melakukan pencerahan. Jika ia benar mesti diperbaiki, jika ia tidak benar mesti dilakukan pencerahan," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan Majlis Tindakan Sara Hidup (NACCOL) di sini pada Selasa..

Namun, kata Ahmad Zahid, yang penting sekarang adalah keberkesanan langkah-langkah yang diambil bagi mengelakkan kewujudan 'kacang hantu' itu daripada menjadi berleluasa.

Anwar pada Isnin dilaporkan berkata, JIM dan JPN sedang disiasat berhubung amalan rasuah dan salah guna kuasa. - *Bernama*

## Imigresen kongsi maklumat dengan SPRM

**PUTRAJAYA** - Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) berkongsi maklumat dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam membantu siasatan kes rasuah dan integriti.

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Ruslin Jusoh berkata, pihaknya merujuk beberapa laporan berita yang mengaitkan dakwaan terdapat segelintir kakitangan jabatan itu terlibat dengan amalan rasuah.

"Jabatan ini sentiasa berhubung, berbincang dan berkongsi maklumat dengan SPRM untuk membantu proses siasatan dengan lebih telus tanpa sebarang gangguan daripada pihak luar.

"Dalam konteks ini, JIM dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) tidak akan berkompromi dengan mana-mana pegawai yang didapati terlibat dengan salah laku rasuah sama ada yang berlaku di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) atau mana-mana pejabat imigresen di seluruh negara," katanya.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**SINAR HARIAN**
**05/07/2023**
**(RABU)**

## JPN tidak pernah lantik orang tengah

**PUTRAJAYA** – Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) tidak pernah melantik ejen atau orang tengah bagi menyelesaikan sebarang urusan di jabatan itu.



ZAMRI

Ketua Pengarah JPN, Zamri Misman berkata, orang ramai diharap tidak percaya dengan sebarang tawaran perkhidmatan daripada pihak tidak bertanggungjawab yang mengenakan sebarang bayaran.

Menurutnya, maklumat mengenai prosedur permohonan dan bayaran-bayaran yang dikenakan boleh dirujuk di portal rasmi JPN atau boleh hadir ke mana-mana 212 pejabat JPN untuk mendapatkan khidmat nasihat berkaitan.

"JPN kekal komited menangani gejala rasuah di peringkat jabatan dengan melaksanakan penambahbaikan prosedur pengeluaran dokumen-dokumen pengenalan diri secara berterusan

"JPN juga mengadakan pelbagai program pengukuhan integriti kakitangan bagi memastikan tiada sebarang ruang penyelewengan dan salah guna kuasa oleh pihak yang tidak bertanggungjawab," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Tambah Zamri, adalah menjadi prinsip JPN yang sama sekali tidak akan berkompromi terhadap sebarang amalan rasuah dan salah guna kuasa melibatkan kakitangan jabatan ini.

## 22 saksi diambil keterangan

**SHAH ALAM** - Polis selesai mengambil keterangan 22 saksi berhubung kejadian kekecohan melibatkan seorang menteri di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan berkata, daripada 22 saksi tersebut, empat orang adalah pengadu, manakala yang lain adalah 12 pegawai Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), empat pegawai Polis Bantuan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) dan dua pekerja syarikat agensi pelancongan.

"Setakat ini, sebanyak empat laporan polis yang telah diterima polis Selangor.

"Kesemua aduan tersebut dibuat oleh orang awam membabitkan kejadian ini," katanya.

Beliau berkata, Kertas Enkuiri Polis (KEP) berhubung kejadian tersebut akan dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara pada Selasa bagi mendapatkan pandangan perundangan dan keputusan.

Pada Khamis, *Sinar Harian* melaporkan mengenai Menteri Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan, Datuk Seri Tiong King Sing yang didakwa menceroboh masuk ke balai ketibaan antarabangsa KLIA bagi membebaskan seorang pelancong China yang ditahan pihak JIM.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**SINAR HARIAN**
**05/07/2023**
**(RABU)**

# Kenal pasti 'kacang hantu' dalam JIM, JPN

**Putrajaya:** Tindakan siasatan dilaksanakan pihak berkuasa terhadap Jabatan Imigresen (JIM) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) adalah perlu bagi mengenal pasti 'kacang hantu' dalam dua agensi berkenaan yang berkait dengan kegiatan rasuah dan salah guna kuasa.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, adalah tidak adil membuat tuduhan secara rambang atau mengaitkan seluruh jabatan melakukan amalan rasuah walaupun pihaknya mengakui kewujudan 'kacang hantu' itu perlu dibanteras.

"Kita tidak wajar melakukan tuduhan secara rambang dan dalam perkara ini yang penting adalah keberkesanan terhadap langkah dilakukan kepada dua jabatan itu, mungkin ada kacang-kacang hantu.

"Kacang hantu ini memang wujud dan sentiasa wujud malah disebabkan kacang hantu ini atau kerana nila setitik, ia merosakkan susu sebelanga.

"Justeru, ia harus dibanteras dan saya amat bersetuju dengan Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim) yang melakukannya, tetapi saya fikir tidak adil untuk menuduh seluruh jabatan," katanya kepada pemberita, di sini, semalam.

Terdahulu, Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan Majlis Tindakan Sara Hidup Negara, di sini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas kenyataan Anwar bahawa JIM dan JPN sedang disiasat pihak berkuasa berhubung amalan rasuah dan salah guna kuasa.

Anwar dilaporkan berkata, pihaknya menerima maklumat bahawa ada unsur salah guna kuasa di JPN apabila proses untuk mendapatkan sijil warga negara dikenakan bayaran tertentu kepada mereka yang layak mendapat status kewarganegaraan.

HARIAN METRO
05/07/2023
(RABU)

WUJUD 'ORANG TENGAH' SELESAI KES PELANCONG ASING

# Minta suapan RM18k

Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin
anbia@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Wujud 'orang tengah' dalam urusan 'menyelesaikan' kes membabitkan seorang pelancong asing yang dikatakan tidak memenuhi syarat kemasukan ke negara ini minggu lalu.

Individu terbabit yang berperanan sebagai ejen meminta wang rasuah sebanyak RM18,000 bagi membolehkan wanita terbabit 'bolos' memasuki negara ini.

Sumber berkata, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memandang serius isu rasuah yang dikatakan berlaku dalam insiden membabitkan seorang warga China di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) baru-baru ini.

Menurutnya, satu siasatan menyeluruh sedang dijalankan bagi mengesahkan perkara ini.

"Setakat ini tiga keterangan saksi termasuk menteri yang terbabit dan dua orang saksi utama warga China sudah diambil pihak SPRM.

"Beberapa pegawai imigresen yang terbabit akan dipanggil untuk diambil keterangan berhubung perkara itu semalam," katanya.

Menurut sumber terbabit, SPRM juga sudah mengenal pasti seorang individu yang disyaki menjadi orang tengah dalam urusan 'menyelesaikan' kes membabitkan seorang pelancong asing yang dikatakan tidak memenuhi syarat kemasukan ke negara ini sebagaimana ditetapkan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

"Kami sedang giat mengesan individu yang juga ejen dikatakan meminta wang rasuah sebanyak RM18,000 bagi menyelesaikan kes terbabit," katanya.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan kes disiasat mengikut seksyen 16 (a) Akta SPRM 2009.

Beliau menggesa semua pihak untuk tidak membuat sebarang spekulasi dan memberikan masa bagi SPRM melengkapkan siasatan ini.

Minggu lalu media melaporkan, seorang menteri didakwa menceroboh masuk ke balai ketibaan antarabangsa KLIA bagi membebaskan pelawat China yang ditahan pegawai JIM.

Susulan itu, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Tiong King Sing mengakui dirinya adalah menteri dikaitkan dengan kejadian itu malah mendakwa, kehadirannya membongkar budaya rasuah dalam kalangan pegawai di pintu masuk masuk negara itu.

King Sing mendakwa, ada pegawai imigresen yang meminta wang diberikan sekiranya pelancong asing ditahan mahu dilepaskan.

"Ada yang minta sehingga RM3,000 untuk dikeluarkan dari tahanan termasuk tiket penerbangan pulang ke negara asal.

"Tambahan RM3,000 pula diminta jika mahu pulang ke negara asal dengan kadar segera menerusi laluan khas, manakala RM12,000 untuk kos memproses visa," katanya.

## PM jamin siasatan rapi akan dibuat



LAPORAN Harian Metro, 3 Julai lalu.



## Wujud mekanisme lindungi individu dedah rasuah

Kuala Lumpur: Satu mekanisme perlindungan perlu diwujudkan bagi melindungi individu yang melaporkan rasuah dan penyelewengan membabitkan agensi kerajaan.

Presiden Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW), Jais Abdul Karim berkata, ia susulan pendedahan dibuat Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berhubung siasatan salah guna kuasa membabitkan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

"Perlu ada saluran aduan yang selamat dan boleh dipercayai bagi kakitangan JPN dan orang awam untuk melaporkan sebarang penyelewengan atau tindakan rasuah.

"Perlindungan pelapor yang sewajarnya perlu diberikan untuk memastikan mereka yang melaporkan tidak terdedah kepada gangguan atau tindakan balas negatif," katanya dalam kenyataan semalam.

Perkara itu didedahkan Anwar pada Perjumpaan Bulanan Perdana Menteri bersama Warga Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya, kelmarin.

Anwar dilapor berkata menerima maklumat ada unsur salah guna kuasa di JPN apabila proses untuk mendapatkan sijil warga negara dikenakan bayaran tertentu oleh mereka yang layak mendapat status kewarganegaraan.

## Serah sepenuhnya pada SPRM

Kuala Lumpur: Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) menyerahkan sepenuhnya siasatan dakwaan segelintir kakitangannya terbabit rasuah serta pelanggaran integriti kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Ruslin Jusoh berkata, pihaknya merujuk beberapa laporan berita diterbitkan hari ini yang mengaitkan dakwaan itu.

"JIM sentiasa berhubung, berbincang dan berkongsi maklumat dengan SPRM untuk membantu proses siasatan lebih telus tanpa gangguan pihak luar.

"Dalam konteks ini, JIM dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) tidak akan berkompromi dengan mana-mana pegawai didapati terbabit salah laku rasuah sama ada di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) atau mana-mana pejabat imigresen seluruh negara," katanya.

**HARIAN METRO**
**05/07/2023**
**(RABU)**

# 22 saksi sudah dirakam percakapan

**Kuala Lumpur:** Seramai 22 saksi dirakam percakapan berkaitan insiden kekecohan membabitkan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Tiong King Sing di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Khamis lalu.

Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan berkata, setakat ini pihaknya menerima empat laporan daripada orang awam berhubung kejadian itu.

Katanya, saksi yang dirakam percakapan terdiri daripada empat pengadu, 12 pegawai Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), empat pegawai polis bantuan Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) dan pekerja syarikat ejen pelancongan.

"Setakat ini, kes itu belum lagi diklasifikasikan mengikut mana-mana Seksyen kesalahan dengan kertas inkuiri polis (KEP) dibuka.

**"Setakat ini, kes itu belum lagi diklasifikasikan mengikut mana-mana Seksyen kesalahan dengan kertas inkuiri polis (KEP) dibuka"**

"KEP bagi kes ini akan dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara, hari ini untuk pandangan dan keputusan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Sebelum ini, King Sing dalam kenyataan, menyifatkan tindakan beliau ke KLIA bagi membongkar 'peristiwa' memalukan selain mendakwa wujudnya budaya rasuah dilakukan segelintir pegawai dan penyalahgunaan kuasa kronik di pintu masuk negara.

Malah, Tiong mengakui gambar tular di media sosial berhubung isu itu adalah dirinya dan beliau mengatakan ada menerima aduan daripada pelancong sebelum ke KLIA bagi memahami situasi pelancong asing itu selain ia pemantauan biasa bagi seorang menteri untuk turun padang.

Terdahulu, Harian Metro melaporkan seorang menteri didakwa menceroboh masuk ke balai ketibaan antarabangsa KLIA bagi membebaskan pelawat China yang ditahan JIM, pada Khamis lalu.

Kejadian itu turut tular di media sosial apabila menteri terbabit dikatakan masuk ke ruangan itu tanpa memohon pas keselamatan.

Perbuatannya dipercayai bagi 'menyelamatkan' seorang wanita warga China yang dinafikan kemasukan ke negara ini sebaik tiba di lapangan terbang.

Sementara itu, JIM mengambil tindakan serta-merta dengan memulakan siasatan ke atas laporan berita itu.

**HARIAN METRO**
**05/07/2023**
**(RABU)**

# Ahli politik paling ramai disiasat SPRM

*Wang RM51 juta disita, 211 individu ditahan sejak 3 tahun lalu*



Bernama

**Putrajaya**

Lebih 60 peratus daripada 456 kertas siasatan kes berprofil tinggi dan berkepentingan awam yang dibuka oleh Bahagian Operasi Khas (BOK), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) daripada 2020 hingga 8 Jun 2023, membabitkan ahli politik.

Pengarah Kanan BOK Datuk Tan Kang Sai berkata, daripada jumlah itu, 211 individu sudah ditahan dengan 91 daripadanya dituduh di mahkamah membabitkan 454 pertuduhan.

"Dalam tempoh sama, SPRM turut menyita wang RM51,132,539, melucut hak harta dan wang berjumlah RM10,465,873.79 serta mengeluarkan kompaun berjumlah RM128,968,750," katanya kepada Bernama baru-baru ini.

Menurutnya, mengendalikan siasatan membabitkan golongan berprofil tinggi dan kes berkepentingan awam mempunyai cabarannya tersendiri terutamanya dalam menyiasat transaksi kewangan membabitkan bank dan institusi kewangan luar negara.

Beliau berkata, tugas menyiasat jejak kewangan menjadi sukar apabila wang berkenaan dipindahkan ke akaun di luar negara kerana setiap negara mempunyai undang-undang berlainan bagi melindungi sistem perbankan mereka.

Menurutnya, bank dan institusi kewangan terbabit mempunyai hak untuk tidak bekerjasama dan tidak menyerahkan maklumat berkaitan akaun yang disiasat.

"Berikutan itu, kita dapat lihat kebanyakan bukti berkaitan jejak kewangan yang dibawa ke mahkamah hanya membabitkan bank dan institusi kewangan tempatan sahaja," katanya.

Tan berkata, antara kes berprofil tinggi berjaya disiasat oleh BOK termasuk Op Mitra, Op Hire dan Op Marii membabitkan penyalahgunaan dana berjumlah ratusan juta ringgit yang disediakan oleh kerajaan bagi



TAN

pembangunan masyarakat India, pekerja dan industri automotif negara.

Selain itu, katanya, antara cabaran lain turut dihadapi oleh BOK ialah apabila sesuatu kes disensasikan oleh media dan ahli politik sebelum penyiasatan berjalan atau selesai, menyebabkan pihak terlibat mengambil kesempatan menghapuskan dokumen-dokumen penting seperti transaksi kewangan, malah ada yang melarikan diri.

"Kecanggihan teknologi masa kini juga memberi cabarannya tersendiri iaitu transaksi kewangan boleh dilakukan dengan hanya menggunakan telefon bimbit membabitkan bank dan institusi kewangan tempatan malah institusi kewangan luar negara.

"Berikutan cabaran ini, SPRM mengorak langkah untuk menggunakan tenaga pakar dalam bidang perakaunan, kejuruteraan dan undang-undang sebagai sebahagian daripada pasukan siasatan BOK untuk memastikan kertas siasatan yang dihasilkan lengkap dan kukuh untuk dihantar ke Pejabat Peguam Negara," katanya.

Menurut Tan, selain menggunakan khidmat pakar, pihaknya juga menggunakan kaedah Model Pengurusan Penyiasatan Berpasukan (MTI) bagi memastikan kertas siasatan dapat dilengkapkan dengan berkualiti dan efisien.

Katanya, MTI mempunyai lapan peringkat antaranya membabitkan menganalisis aduan dan hala tuju siasatan, siasatan awal, penyediaan perintah operasi dan pelaksanaan operasi.

**HARIAN METRO**
**06/07/2023**
**(KHAMIS)**

# Insiden KLIA: SPRM sudah mulakan siasatan penuh

**Syarikat urus pelancong kena NTL juga akan diteliti semula**



Pegawai imigresen melakukan pemeriksaan kepada pengembara asing KLIA.

PUTRAJAYA

Siasatan penuh berhubung dakwaan berlaku kegiatan rasuah di pintu masuk negara di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) telah dimulakan.

LAPORAN MUKA DEPAN

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, perkara tersebut disahkan oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki menerusi pertemuan singkat pada Rabu.

Menurutnya, Jemaah Menteri yang bermesyuarat pada Rabu juga tidak menafikan wujud sindiket membabitkan penjawat awam dan pihaknya bersedia memberi kerjasama penuh kepada SPRM.

"Tahap perkhidmatan yang baik dilaksanakan oleh sebahagian besar anggota dan pegawai Jabatan Imigresen, tapi dalam masa sama, Jemaah Menteri tidak menafikan penglibatan pegawai terbabit (rasuah) seperti insiden yang didakwa.

"Jadi kami beri kerjasama penuh kepada SPRM meneruskan siasatan sehingga selesai untuk sahkan sama ada berlaku atau tidak (rasuah di KLIA)," katanya pada sidang akhbar khas di sini pada Rabu.



SAIFUDDIN

Pada masa sama, Saifuddin berkata, Kabinet turut mengarahkan agar peranan sebuah syarikat yang dilantik bagi menguruskan pengembara China yang dikenakan notis penolakan masuk (NTL), Khamis lepas diteliti semula.

Jelas beliau, syarikat yang dilantik sejak tahun 2015 itu bertanggungjawab menguruskan proses penghantaran pulang pengembara yang dikenakan NTL.

"Misalnya urusan tiket kapal terbang untuk balik. Mungkin apabila diminta untuk membayar kos tiket, ia seolah-olah dianggap imigresen minta duit.

"Jemaah menteri minta Menteri Pengangkutan lihat aspek ini sama ada ia amalan biasa atau bagaimana," katanya.

Beliau juga menjelaskan, sejak Januari hingga Jun 2023, hanya 0.07 peratus NTL dikeluarkan terhadap 423 pengembara dan China, berbanding sejumlah 592,490 kemasukan yang direkodkan.

Katanya, angka tersebut amat kecil berbanding pengembara China yang dibenarkan masuk ke negara ini.

"NTL juga dikenakan terhadap pengembara dari negara lain, dan lebih tinggi berbanding NTL terhadap warga China. Ini menunjukkan jika sekatan dikenakan, pasti ada sebabnya," kata beliau.

Tambah Saifuddin, Kabinet juga bersetuju supaya hanya pegawai kanan Gred 41 ke atas dibenarkan mengeluarkan arahan NTL kepada pengembara.

Sebelum ini, perkara tersebut boleh diputuskan oleh pegawai imigresen dengan Gred KP29 ke atas.

Baru-baru ini, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Tiong King Sing mendakwa tindakan beliau dalam insiden seorang wanita warga China yang dinafikan kemasukan ke negara ini di KLIA telah membongkar perbuatan segelintir pegawai imigresen terlibat dalam rasuah.

**SINAR HARIAN**
**06/07/2023**
**(KHAMIS)**

# Pegawai fasih pelbagai bahasa akan ditempatkan di KLIA

**PUTRAJAYA** - Kaunter bantuan khas atau 'Help Desk' bagi melancarkan urusan komunikasi melibatkan pengembara luar yang tiba di negara ini akan dibuka di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dalam masa terdekat.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, kaunter berkenaan akan menempatkan pegawai yang boleh berkomunikasi dalam bahasa asing antaranya Mandarin, Inggeris, Arab dan Hindi.

Menurutnya, langkah penambahbaikan itu akan membolehkan pengembara memahami dengan lebih baik soalan yang akan ditanya oleh pegawai imigresen kepada mereka.

"Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB) telah setuju untuk naikkan lebih banyak papan tanda di KLIA supaya pengembara asing tahu perkara asas yang akan ditanya," katanya di sini pada Rabu.

Saifuddin berkata, antara soalan asas yang akan ditanya adalah seperti tiket pulang ke negara asal, wang yang mencukupi dan alamat penginapan di negara ini.

"(Proses temu bual ini) sama seperti kita ke luar negara. Ini bagi mengelakkan pengembara menggunakan pas sosial untuk bekerja," katanya.

Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Tiong King Sing sebelum ini membangkitkan isu ketiadaan jurubahasa yang menimbulkan pelbagai masalah di KLIA.

**SINAR HARIAN**
**06/07/2023**
**(KHAMIS)**

# Nama pegawai JPN minta wang diserah kepada SPRM

**PUTRAJAYA** - Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah mengenal pasti kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) yang meminta sejumlah besar bayaran daripada pemohon warganegara yang sudah mendapat kelulusan.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, tindakan tersebut adalah bertentangan dengan proses sebenar kerana tiada bayaran dikenakan melibatkan permohonan yang telah diluluskan.

Menurutnya, nama pihak terlibat diserahkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) pada Rabu untuk siasatan lanjut.

"Lebih 14,000 permohonan menjadi warganegara yang belum dibuat keputusan dan mereka ini sudah menunggu lama, ada yang sehingga 15 tahun.

"Sejak saya masuk (jadi menteri), kita permudahkan proses kelulusan berdasarkan pertimbangan sewajarnya, (tapi) kita dapati wujud elemen pemohon dihubungi oleh kakitangan JPN yang minta wang.

"Saya dihubungi terus pengadu berkait tindakan pegawai itu yang meminta sejumlah wang yang besar, bagi memperoleh dokumen yang sudah diluluskan itu," katanya.

Ditanya sama ada kegiatan meminta sogokan telah lama berlaku, Saifuddin bagaimanapun enggan membuat sebarang spekulasi.

"Saya cuma sebut bahawa ini adalah aduan spesifik yang sampai kepada saya, segera saya adu kepada SPRM," ujarnya.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan orang ramai agar tidak melayan sebarang bentuk permintaan pembayaran kerana tiada bayaran dikenakan dalam urusan berkenaan.

"Bagi permohonan kewarganegaraan ini ada satu jawatankuasa yang akan membuat pertimbangan dan mengesyorkan sama ada ia lulus atau tidak.

"Pemohon akan dimaklumkan tentang kelulusan permohonannya dan tidak ada bayaran dikenakan," katanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim Isnin lalu mendedahkan wujud amalan salah laku dalam kalangan pegawai JPN berhubung permohonan kewarganegaraan.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**SINAR HARIAN**
**06/07/2023**
**(KHAMIS)**

# Identiti pegawai JPN minta rasuah diserah kepada SPRM

**Putrajaya:** Identiti pegawai Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) yang dipercayai meminta sejumlah wang bagi kelulusan permohonan warga negara sudah dikenal pasti dan diserah kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata pegawai terbabit dikenal pasti selepas beliau menerima aduan yang dibuat secara terus kepadanya.

"Kita kenal pegawai yang terbabit. Saya dihubungi terus pengadu berkait tindakan pegawai terbabit yang meminta sejumlah wang yang besar, bagi memperoleh dokumen yang sudah diluluskan itu.

"Saya akan beri nama pegawai itu kepada SPRM hari ini (semalam). Saya sudah hubungi Tan Sri Azam Baki (Ketua Pesuruhjaya SPRM). Jadi, kita serahkan kepada suruhanjaya itu untuk melakukan siasatan lanjut," katanya di sini, semalam.

## JPN, Imigresen disiasat

Terdahulu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, mendedahkan Jabatan Imigresen dan Jabatan Pendaftaran Negara sedang disiasat pihak berkuasa berhubung amalan rasuah dan salah guna kuasa.

Beliau mendedahkan menerima maklumat ada unsur salah guna kuasa di JPN apabila proses mendapatkan sijil warga negara dikenakan bayaran tertentu kepada mereka yang layak mendapat status kewarganegaraan.

Susulan kenyataan Perdana Menteri, JPN memaklumkan komited menangani rasuah dalam jabatannya dengan melaksanakan penambahbaikan prosedur pengeluaran dokumen pengenalan diri.

Mengulas lanjut, Saifuddin menegaskan, sebarang urusan di JPN sama ada kelulusan bagi sijil warga negara atau kelahiran, tidak memerlukan sebarang bayaran.

"Di JPN, ada jawatankuasa yang membuat pertimbangan berdasarkan undang-undang dan pekeliling, pengesahan kesahihan dokumen. Jadi, mereka akan syorkan permohonan lulus atau tidak.

"Pemohon juga akan dimaklumkan permohonan mereka lulus. Bermaksud mereka hanya perlu datang ambil dokumen. Kalau ada pegawai yang menghubungi untuk minta bayaran, abaikan sebab itu bukan amalan dalam tata kelola kerajaan," katanya.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**BERITA HARIAN**
**06/07/2023**
**(KHAMIS)**

Kes rasuah, pengubahan wang haram

# Bekas SUB KBS dipenjara 15 tahun, denda RM284.2j

## Mahkamah benar pendakwa lucut hak 119 harta tertuduh

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my



*Otman (kanan) tiba di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, semalam.*
(Foto BERNAMA)

**Kuala Lumpur:** Bekas Setiausaha Bahagian Kewangan, Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Otman Arsahd dihukum penjara 15 tahun dan didenda RM284.2 juta oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam, selepas didapati bersalah atas 32 tuduhan rasuah dan 64 tuduhan pengubahan wang haram.

Hakim Kamarudin Kamsun turut membenarkan permohonan pendakwaan untuk melucuthakkan 119 harta, termasuk gelang tangan, cincin, jam tangan dan wang tunai kepada Kerajaan Malaysia mengikut Seksyen 40(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Hakim juga membenarkan warta dikeluarkan kepada pihak ketiga yang ingin menuntut harta, antaranya beg tangan mewah berjenama Hermes Birkin dan Prada, beberapa kenderaan mewah dan wang tunai.

Kamarudin menjatuhkan hukuman berkenaan selepas mendapati Otman bersalah terhadap semua pertuduhan berkenaan yang dilakukan sejak tahun 2012.

"Selepas mahkamah mendengar keterangan bersumpah daripada semua saksi dan meneliti semua eksibit serta hujahan dikemukakan, mahkamah memutuskan bahawa pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan.

"Oleh itu, tertuduh didapati bersalah dan disabitkan atas semua pertuduhan yang dikenakan terhadapnya," kata Kamarudin.

Bagaimanapun, hakim membenarkan Otman yang diwakili peguam Rafique Rashid Ali menangguhkan pelaksanaan hukuman itu dengan syarat wang jaminan ditambah RM300,000 dengan seorang penjamin.

Sebelum ini, tertuduh dijamin berjumlah RM250,000 dengan seorang penjamin.

Kamarudin arahkan jaminan RM100,000 dibayar semalam dan selebihnya RM200,000 dibayar sebelum atau pada Isnin depan.

Beliau juga mengarahkan barang kes diserahkan kepada pihak pendakwaan untuk pelupusan tertakluk kepada rayuan dan permohonan dari mana-mana pihak.

### Salah guna kedudukan

Pada 31 Mac 2016, Otman didakwa atas 32 pertuduhan salah guna kedudukan dan mengemukakan tuntutan palsu membabitkan nilai RM38.4 juta di Pejabat Majlis Sukan Negara, Kompleks Sukan Negara, Bukit Jalil di sini antara 23 Februari 2012 hingga 18 November 2015.

Bagi 17 kesalahan tuntutan palsu, dia dituduh mengikut Seksyen 18 (a) Akta SPRM 2009, manakala 15 lagi pertuduhan salah guna kedudukan dibuat mengikut Seksyen 23(1) akta sama.

Bagi 17 kesalahan tuntutan palsu itu, mahkamah memerintahkan Otman dipenjara 243 tahun dan didenda RM190 juta atau dipenjara 119 bulan, sekiranya gagal membayar denda, manakala bagi 15 tuduhan salah guna kedudukan, dia dipenjara 85 tahun dan didenda RM10.8 juta atau dipenjara 125 bulan, sekiranya denda gagal dibayar.

Pada 21 April 2016, Otman didakwa atas 64 pertuduhan menerima wang RM16,623,000 hasil daripada aktiviti haram ke dalam akaun Maybank, RHB dan CIMB Berhad menerusi cek antara 7 Mac 2012 hingga 11 Disember 2015.

Bagi 64 pertuduhan menerima wang hasil daripada aktiviti haram, mahkamah memerintahkan Otman dipenjara antara tiga bulan dan 11 tahun serta didenda berjumlah RM83.4 juta atau dipenjara 934 bulan, sekiranya denda gagal dibayar.

Bagaimanapun, Kamarudin mengarahkan semua hukuman penjara itu berjalan secara serentak bermula semalam, menjadikannya selama 15 tahun.

Dia dituduh melakukan kesalahan itu di beberapa lokasi berbeza antaranya RHB Bank cawangan Presint 8, Putrajaya; Menara Maybank Jalan Tun Perak dan Maybank Jalan Raja.

**BERITA HARIAN**
**07/07/2023**
**(JUMAAT)**

# Datuk Seri mohon lepas tanpa bebas tuduhan rasuah

**Koala Lumpur:** Seorang pengarah syarikat bergelar Datuk Seri memohon untuk mengetepikan empat tuduhan rasuah RM15 juta yang dihadapinya bagi mendapatkan projek milik agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Datuk Seri Sim Choo Thiam yang menfailkan notis itu menerusi firma guaman, Tetuan Low di Mahkamah Sesyen, semalam memohon supaya dilepas tanpa dibebaskan daripada semua tuduhan.

Choo Thiam mendakwa pendakwa raya selaku responden, telah melanggar kewajipan statutori mereka di bawah Seksyen 153 dan 154 Kanun Tatacara Jenayah dan siasatan kes itu tidak lengkap.

Pada 28 Jun lalu, Mahkamah Sesyen menetapkan perbicaraan kes pengarah syarikat itu selama 10 hari pada 2024 iaitu bermula 6 hingga 10 Mei dan 13 hingga 17 Mei.

Pada 10 Mei lalu, Choo Thiam, 54, mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan terhadap keempat-empat tuduhan terbabit.

Bagi tuduhan pertama, Choo Thiam didakwa meminta suapan RM15 juta daripada Pengarah Urusan Asia Coding Centre Sdn Bhd, Hep Kim Hong melalui Syed Abu Zafran Syed Ahmad pada Jun 2021.

Ia sebagai dorongan untuk seorang pegawai badan awam iaitu Datuk Seri Hamzah Zainudin yang juga Menteri Dalam Negeri ketika itu untuk membantu syarikat terbabit mendapatkan apa-apa projek milik agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri pada Jun 2021.

Ia sebagai dorongan untuk seorang pegawai badan awam iaitu Datuk Seri Hamzah Zainudin yang juga Menteri Dalam Negeri ketika itu untuk membantu syarikat terbabit mendapatkan apa-apa projek milik agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri pada Jun 2021.

Dia juga didakwa dengan tiga lagi tuduhan iaitu menerima bagi dirinya suatu suapan iaitu wang tunai berjumlah RM15 juta daripada individu sama sebagai dorongan untuk Hamzah melakukan perkara serupa.

Semua pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Ahli perniagaan itu juga memohon supaya responden menyerahkan kepadanya pernyataan bertulis fakta yang memihak kepada pembelaan, di bawah Seksyen 51A(1)(c) KTJ dalam masa tujuh hari dari tarikh perintah mahkamah.

**BERITA HARIAN**
**07/07/2023**
**(JUMAAT)**

**HARIAN METRO**
**07/07/2023**
**(JUMAAT)**

KES RASUAH RM15 JUTA

# Mohon dilepas tanpa dibebas

Oleh Faris Fuad
faris.fuad@bh.com.my



> "Responden (pendakwaan) melanggar kewajipan statutori mereka di bawah Seksyen 153 dan 154 Kanun Tatacara Jenayah serta siasatan kes adalah pada setiap masa material tidak lengkap"

**Kuala Lumpur**

Seorang pengarah syarikat memohon untuk mengetepikan empat pertuduhan rasuah RM15 juta bagi mendapatkan projek milik agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Susulan itu, Datuk Seri Sim Choo Thiam *(gambar)* yang memfailkan notis permohonan menerusi firma guaman, Tetuan Low di Mahkamah Sesyen, di sini, pada Selasa lalu memohon supaya dilepas tanpa dibebaskan daripada semua tuduhan terbabit.

"Selain itu, apa-apa perintah lanjut, lain, arahan dan relif yang difikirkan sesuai serta wajar oleh mahkamah. Alasan bagi menyokong notis permohonan dihuraikan dalam afidavit sokongan.

"Responden (pendakwaan) melanggar kewajipan statutori mereka di bawah Seksyen 153 dan 154 Kanun Tatacara Jenayah serta siasatan kes adalah pada setiap masa material tidak lengkap," katanya.

Pada 28 Jun lalu, Mahkamah Sesyen menetapkan perbicaraan kes pengarah syarikat itu selama 10 hari bermula 6 hingga 10 dan 13 hingga 17 Mei 2024.

Pada 10 Mei lalu, Choo Thiam, 54, mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan terhadap keempat-empat tuduhan terbabit.

Bagi tuduhan pertama, Choo Thiam didakwa meminta suapan wang berjumlah RM15 juta daripada Pengarah Urusan Asia Coding Centre Sdn Bhd, Hep Kim Hong melalui Syed Abu Zafran Syed Ahmad pada Jun 2021.

Ia sebagai dorongan untuk seorang pegawai badan awam iaitu Datuk Seri Hamzah Zainudin yang juga Menteri Dalam Negeri ketika itu untuk membantu syarikat terbabit mendapatkan apa-apa projek milik agensi di bawah KDN pada Jun 2021.

Dia juga didakwa dengan tiga lagi tuduhan iaitu menerima bagi dirinya suatu suapan iaitu wang tunai berjumlah RM15 juta daripada individu sama sebagai dorongan untuk Hamzah melakukan perkara serupa.

Choo Thiam berkata, pendakwaan diberikan masa tujuh hari dari tarikh perintah mahkamah untuk menyerahkan kepadanya satu pernyataan bertulis fakta berkaitan permohonan itu.

"Ada fakta memihak kepada pembelaan iaitu pemohon (Choo Thiam) didakwa di mahkamah dengan empat pertuduhan pada pagi 10 Mei lalu. SPRM kemudian merekodkan kenyataan Hamzah pada petang hari sama.

"Fakta bahawa dua kenyataan pemohon direkodkan oleh SPRM pada 16 dan 28 Februari lalu, masing-masing mengandungi pelbagai kenyataan melepaskan yang tidak menyokong mana-mana unsur kesalahan seperti didakwa dalam setiap pertuduhan rasuah," katanya.

# Bekas Setiausaha Kewangan KBS bersalah kes rasuah

**Kuala Lumpur:** Bekas Setiausaha Bahagian Kewangan, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) Otman Arshad semalam didapati bersalah oleh Mahkamah Sesyen di sini atas 32 pertuduhan salah guna kedudukan dan mengemukakan tuntutan palsu serta 64 tuduhan pengubahan wang haram sejak 2012.

Hakim Kamarudin Kamsun membuat keputusan itu selepas mendapati pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes melampaui keraguan munasabah terhadap Otman, 64, di akhir kes pembelaan.

Pada 31 Mac 2016, Otman didakwa atas 32 pertuduhan salah guna kedudukan dan mengemukakan tuntutan palsu membabitkan nilai RM38.4 juta di Pejabat Majlis Sukan Negara, Kompleks Sukan Negara, Bukit Jalil di sini antara 28 Februari 2012 hingga 18 November 2015.

Bagi 17 kesalahan membabitkan tuntutan palsu, pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 18 (a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009, manakala 15 lagi pertuduhan salah guna kedudukan dibuat mengikut Seksyen 23(1) akta sama.

Pada 21 April 2016, Otman didakwa atas 64 pertuduhan menerima wang berjumlah RM16,623,000 hasil daripada aktiviti haram ke dalam akaun Maybank, RHB dan CIMB Berhad menerusi cek antara 7 Mac 2012 hingga 11 Disember 2015.

Dia dituduh melakukan kesalahan itu di beberapa lokasi berbeza antaranya RHB Bank cawangan Presint 8, Putrajaya; Menara Maybank Jalan Tun Perak dan Maybank Jalan Raja.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 4(1) (b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan Dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 yang membawa hukuman penjara sehingga 15 tahun atau boleh juga didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai hasil daripada aktiviti haram, jika sabit kesalahan.

Mahkamah kini sedang mendengar hujahan pendakwaan dan pembelaan sebelum menjatuhkan hukuman.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**HARIAN METRO**
**07/07/2023**
**(JUMAAT)**

# Bintara Muda APMM nafi terima RM7,900

**Butterworth:** Seorang pegawai Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, di sini, semalam, atas lima pertuduhan menerima suapan keseluruhan berjumlah RM7,900 daripada seorang pemilik syarikat lima dan enam tahun lalu.

Bagaimanapun, tertuduh, Mohd Fadzil Abdullah, 48, yang berpangkat Bintara Muda Maritim Gred T6 mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan selepas semua pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Zulhazmi Abdullah.

Mengikut kelima-kelima kertas pertuduhan, bapa kepada tiga anak itu didakwa menerima wang keseluruhan berjumlah RM7,900 daripada seorang pemilik perniagaan berusia 38 tahun yang mempunyai hubungan dengan kerja rasminya.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di beberapa bank di sekitar Pulau Pinang antara 17 April 2017 hingga 2 Ogos 2018.

Pendakwaan dikendalikan mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang jika sabit kesalahan membawa hukuman penjara tidak lebih dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Afiqa Liyana Rosman dan Noor Azura Zulkifli manakala tertuduh diwakili peguam SP Ramah.

Ketika prosiding, Afiqa Liyana meminta tertuduh dikat jamin RM15,000 dengan seorang penjamin dan memohon supaya dikenakan syarat tambahan dengan perlu melapor diri di pejabat SPRM serta menyerahkan pasport antarabangsa sehingga kes selesai.

Namun, peguam tertuduh meminta mahkamah memberikan jaminan munasabah memandangkan anak guamnya perlu menyara tiga anak yang masih bersekolah.

Hakim kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM10,000 dengan seorang penjamin, selain meminta tertuduh hadir melapor diri di pejabat SPRM berhampiran setiap bulan sehingga perbicaraan selesai.

**Kes akan disebut semula pada 10 Ogos depan.**



# HARIAN METRO
# 07/07/2023
# (JUMAAT)

# Bekas pegawai kanan KBS dipenjara 15 tahun, denda RM284.2 juta

**KUALA LUMPUR** - Bekas Setiausaha Bahagian Kewangan, Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Otman Arsahd pada Khamis dijatuhi hukuman penjara 15 tahun dan didenda RM284.2 juta selepas didapati bersalah oleh Mahkamah Sesyen di sini atas 32 pertuduhan salah guna kedudukan dan mengemukakan tuntutan palsu serta 64 tuduhan pengubahan wang haram, 11 tahun lepas.

**KES RASUAH DAN GUBAH WANG HARAM**

Hakim Kamarudin Kamsun menjatuhkan hukuman itu terhadap Otman, 64, selepas mendapati pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes melampaui keraguan munasabah.

Bagi 17 kesalahan membabitkan tuntutan palsu, mahkamah memerintahkan Otman dipenjara 243 tahun dan didenda RM190 juta, atau dipenjara 119 bulan sekiranya gagal membayar denda.

Bagi 15 tuduhan salah guna kedudukan, lelaki itu dipenjara 85 tahun dan didenda RM10.8 juta, atau dipenjara 125 bulan sekiranya denda gagal dibayar.

Sementara itu, bagi 64 pertuduhan menerima wang hasil aktiviti haram, mahkamah memerintahkan Otman dipenjara antara tiga bulan dan 11 tahun serta didenda RM83.4 juta atau dipenjara 934 bulan, sekiranya denda gagal dibayar.

Bagaimanapun, Kamarudin mengarahkan kesemua hukuman penjara itu berjalan serentak bermula Khamis menjadikannya selama 15 tahun.

Hakim juga membenarkan permohonan peguam Muhammad Rafique Rashid Ali yang mewakili Otman untuk menangguhkan pelaksanaan hukuman denda dan penjara itu dengan syarat wang jaminan ditambah RM300,000 dengan seorang penjamin.

Sebelum ini, tertuduh dijamin RM250,000 dengan seorang penjamin.

Kamarudin mengarahkan jaminan RM100,000 dibayar pada Khamis dan baki selebihnya iaitu RM200,000 dibayar sebelum atau pada Isnin depan.

Sementara itu, Kamarudin membenarkan permohonan pendakwaan untuk melucuthakkan kesemua 119 harta termasuk gelang tangan, cincin, jam tangan dan wang tunai kepada Kerajaan Malaysia mengikut Seksyen 40(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Hakim turut membenarkan satu warta dikeluarkan kepada pihak ketiga yang ingin menuntut harta-harta, antaranya beg tangan mewah berjenama Hermes Birkin dan Prada, beberapa kenderaan mewah dan wang tunai.

Pada 31 Mac 2016, Otman didakwa atas 32 pertuduhan salah guna kedudukan dan mengemukakan tuntutan palsu membabitkan nilai RM38.4 juta di Pejabat Majlis Sukan Negara, Kompleks Sukan Negara, Bukit Jalil di sini antara 28 Februari 2012 hingga 18 November 2015.

Pada 21 April 2016 pula, Otman didakwa atas 64 pertuduhan menerima wang berjumlah RM16,623,000 hasil daripada aktiviti haram ke dalam akaun Maybank, RHB dan CIMB Berhad menerusi cek antara 7 Mac 2012 hingga 11 Disember 2015 di beberapa lokasi berbeza, antaranya RHB Bank cawangan Presint 8, Putrajaya; Menara Maybank Jalan Tun Perak dan Maybank Jalan Raja.

Pendakwaan turut dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Norzilati Izhani Zainal, Haresh Prakash Somiah dan Harris Ong Mohd Jeffery Ong. - *Bernama*



FOTO: BERNAMA

**Otman (kanan) hadir di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada Khamis atas 32 pertuduhan salah guna kedudukan dan mengemukakan tuntutan palsu serta 64 tuduhan pengubahan wang haram.**

**SINAR HARIAN**
**07/07/2023**
**(JUMAAT)**

# Pengarah syarikat mohon lepas tanpa bebas kes rasuah RM15 juta

**KUALA LUMPUR** - Seorang pengarah syarikat bergelar Datuk Seri memohon kepada Mahkamah Sesyen di sini untuk mengetepikan empat pertuduhan meminta dan menerima rasuah RM15 juta bagi mendapatkan projek milik agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) tahun lalu.

Menerusi notis permohonan difailkan menerusi Tetuan Low Selasa lalu, Sim Choo Thiam, 54, memohon agar mahkamah melepas tanpa dibebaskannya daripada kesemua pertuduhan.

Beliau selaku pemohon memfailkan perkara itu dengan alasan pasukan pendakwaan sebagai responden melanggar kewajipan statutori di bawah Seksyen 153 dan 154 Kanun Tatacara Jenayah.

Ahli perniagaan itu turut memohon supaya responden menyerahkan pernyataan bertulis dalam masa tujuh hari daripada tarikh perintah mahkamah dibuat.

Beliau berkata, terdapat fakta yang memihak kepada pembelaan iaitu pertuduhan terhadapnya dibuat pada pagi 10 Mei lalu.

Sedangkan, katanya, kenyataan bekas Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainudin hanya direkodkan pada sebelah petang hari yang sama.

Selain itu, beliau berkata, kenyataan direkodkan oleh pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 16 dan 28 Februari lalu tidak menyokong mana-mana kesalahan dalam setiap pertuduhan rasuah itu.

Pada 28 Jun lalu, Mahkamah Sesyen menetapkan perbicaraan kes pengarah itu selama 10 hari bermula 6 hingga 10 dan 13 hingga 17 Mei 2024.

Pada 10 Mei lalu, Choo Thiam, 54, mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan terhadap keempat-empat tuduhan terbabit.

Bagi tuduhan pertama, beliau didakwa meminta suapan wang RM15 juta daripada Pengarah Urusan Asia Coding Centre Sdn Bhd, Hep Kim Hong melalui Syed Abu Zafran Syed Ahmad pada Jun 2021.

Ia sebagai dorongan untuk seorang pegawai badan awam iaitu Hamzah yang juga Menteri Dalam Negeri ketika itu untuk membantu syarikat terbabit mendapatkan apa-apa projek milik agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri pada Jun 2021.

Beliau juga didakwa dengan tiga lagi tuduhan iaitu menerima bagi dirinya suatu suapan iaitu wang tunai berjumlah RM15 juta daripada individu sama sebagai dorongan untuk Hamzah melakukan perkara serupa.

**SINAR HARIAN**
**07/07/2023**
**(JUMAAT)**

KES REMAN KETUA POLIS DAERAH

# Mahkamah Tinggi tolak permohonan semakan SPRM

**Kuantan:** Mahkamah Tinggi di sini, semalam menolak permohonan semakan jenayah difaifkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap keputusan Mahkamah Majistret yang menolak permohonan mendapatkan perintah reman seorang Ketua Polis Daerah (KPD) di Pahang yang didakwa menerima rasuah lebih RM1 juta.

Hakim Datuk Zainal Azman Ab Aziz membuat keputusan itu selepas meneliti hujah Timbalan Pendakwa Raya, Ritah Izzati Abdul Mutalif dan peguam, Datuk Bob S Arumugam yang mewakili KPD terbabit selaku responden dalam permohonan itu.

Dalam penghakimannya, beliau berkata, keputusan Mahkamah Majistret yang menolak permohonan mendapatkan perintah reman adalah betul dan wajar.

Beliau berkata, majistret tidak terkhilaf dalam undang-undang atau prosedur dalam kes reman.

Mahkamah Majistret pada 7 Jun lalu, menolak permohonan reman mengikut Seksyen 117 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) yang dikemukakan SPRM terhadap responden memandangkan siasatan tidak dapat diselesaikan dalam tempoh 24 jam.

Pada 6 Jun lalu, SPRM melalui kenyataan mengesahkan seorang KPD di Pahang ditahan kerana disyaki menerima rasuah dianggarkan lebih RM1 juta sepanjang tempoh antara 2017 hingga tahun lalu.



ARUMUGAM (kanan) ditemui media di pekarangan Kompleks Mahkamah Indera Mahkota. Gambar NSTP/FARIZUL HAFIZ AWANG

Pegawai kanan polis itu disyaki menerima rasuah bagi melindungi aktiviti pusat hiburan dan pusat urut di sekitar daerah kawalannya.

Susulan itu, Ketua Polis Pahang, Datuk Yahaya Othman berkata, pihaknya tidak akan berkompromi terhadap sebarang kegiatan salah laku atau jenayah dilakukan pegawainya dan sedia bekerjasama dengan pihak berkuasa yang menjalankan siasatan.

HARIAN METRO
08/07/2023
(SABTU)

KES PEMILIK KELAB KOMEDI CRACKHOUSE

# RIZAL DIDENDA RM8,000

Kuala Lumpur

Pemilik kelab komedi Crackhouse Mohamad Rizal Johan Van Geyzel didenda RM8,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam kerana membuat dan memulakan hantaran video yang menyentuh sensitiviti kaum melalui aplikasi Facebook, tahun lalu.

Hakim N Priscilla Hemamalini menjatuhkan hukuman itu ke atas Mohamad Rizal, 40, selaku Orang Kena Saman (OKS) selepas Timbalan Pendakwa Raya (TPR) Nurul'Ain Abu Bakar memaklumkan kepada mahkamah bahawa Jabatan Peguam Negara (AGC) menerima representasi ketiga difailkan Mohamad Rizal pada 7 Jun lalu.

"Hari ini ditetapkan untuk sebutan bagi keputusan representasi dan pihak pendakwaan bersetuju menerima representasi untuk OKS mengaku bersalah bagi pertuduhan pertama dihadapinya.

"Bagaimanapun, dua lagi pertuduhan dihadapi Mohamad Rizal dipertimbangkan sebagai *take into consideration* (TIC) di bawah Seksyen 171A Kanun Tatacara Jenayah," kata Nurul'Ain.

Mohamad Rizal, berkemeja putih kemudian menukar pengakuan kepada bersalah bagi pertuduhan pertama dihadapinya dan mahkamah turut memerintahkan dia dipenjara empat bulan sekiranya gagal membayar denda. OKS membayar denda berkenaan.



MOHAMAD Rizal ketika hadir di Mahkamah Sesyen Jalan Duta. - Gambar NSTP/ASWADI ALIAS

Bagi pertuduhan pertama, Mohamad Rizal didakwa membuat dan memulakan penghantaran komunikasi jelik dengan niat untuk menyakitkan hati orang lain melalui aplikasi Facebook menggunakan nama profil 'Rizal van Geyzel' pada 1 Julai tahun lalu.

Hantaran itu dibaca di Pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Siber dan Multimedia, Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, Menara KPJ di sini, pada 1.17 tengah hari, 13 Julai tahun lalu.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 233 (1) (a) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 233(3) akta sama yang membawa hukuman denda maksimum RM50,000 atau penjara maksimum setahun atau kedua-duanya dan boleh didenda RM1,000 bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan, jika disabitkan kesalahan.

Dia juga berdepan dua lagi pertuduhan membabitkan penghantaran komunikasi jelik di laman media sosial iaitu Instagram 'rizalvangeyzel' dan TikTok 'rizalvangeyzel' pada 5 dan 6 Julai tahun lalu dan hantaran itu dibaca pada tempat, masa dan tarikh sama, mengikut seksyen serupa.

HARIAN METRO
08/07/2023
(SABTU)

DAKWAAN RASUAH DI KLIA

# SIASATAN MASIH BERJALAN

Oleh Hafidzul Hilmi Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) masih menjalankan siasatan berhubung dakwaan rasuah membabitkan anggota Jabatan Imigresen Malaysia (Jim) di balai ketibaan Lapangan Terbang Kuala Lumpur (KLIA) pada 29 Jun lalu.

Ketua Pesuruhjayanya Tan Sri Azam Baki berkata, siasatan baru memasuki hari keenam dan tidak munasabah untuk menyelesaikannya dalam tempoh berkenaan.

"Perkara ini saya dah sebut, pertamanya elemen rasuah yang perlu kita lihat dan dibuktikan seperti mana tohmahan. keduanya prosedur undang-undang yang perlu dipatuhi oleh pihak berkuasa (Jabatan Imigresen).

"Manakala ketiga apa-apa peraturan yang perlu dikuatkuasakan di KLIA secara umum iaitu perlu dipatuhi mana-mana pihak di KLIA dalam menguruskan mereka yang tidak dibenarkan masuk ke negara ini atau dikenakan tindakan Notis Penolakan Masuk (NTL) memasuki Malaysia," katanya ketika dihubungi.

**"Perkara ini saya dah sebut, pertamanya elemen rasuah yang perlu kita lihat dan dibuktikan seperti mana tohmahan"**



Menurutnya, siasatan berkenaan akan merangkumi pelbagai sudut yang perlu dilengkapkan SPRM.

"Semua pihak termasuk pengamal media digesa tidak membuat sebarang spekulasi atau andaian yang mengatakan tiada elemen rasuah dalam kes berkenaan," katanya.

Pada 5 Julai lalu, SPRM mengesahkan sudah mengambil keterangan 14 individu berhubung dakwaan terdapat elemen rasuah dalam kalangan pegawai dan anggota imigresen di pintu masuk negara.

Individu yang diambil keterangan termasuk seorang menteri, lapan kakitangan imigresen serta wanita warga China bersama rakannya dari negara sama.

Kekecohan di KLIA tular apabila seorang menteri didakwa menceroboh masuk ke balai ketibaan KLIA bagi melepaskan seorang pelawat China yang ditahan Jabatan Imigresen.

Susulan itu, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Datuk Seri Tiong King Sing mengakui dirinya adalah menteri yang dikaitkan dengan kejadian itu dan mendakwa kehadirannya bagi membongkar kewujudan budaya rasuah dilakukan segelintir pegawai dan penyalahgunaan kuasa kronik di pintu masuk negara.


BANDARAYA JOHOR BAHRU

**METRO AHAD**
**09/07/2023**
**(AHAD)**

# MB Kedah sahkan pegawai kerajaan negeri kena tahan

## Suspek direman tiga hari untuk siasatan lanjut, tangkapan keempat SPRM babit kes REE

Oleh M Hifzuddin Ikhsan dan Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my



*Keratan akhbar BH, semalam*

**Yan:** Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Noor mengesahkan seorang pegawai kanan kerajaan negeri ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung isu perlombongan unsur nadir bumi (REE), kelmarin.

Beliau bagaimanapun tidak mempunyai maklumat lanjut mengenai butiran tangkapan itu, sebaliknya memaklumkan pegawai berkenaan ditahan SPRM bagi tujuan membantu siasatan.

"Saya pun dimaklumkan pagi ini (semalam) dia ditahan untuk membantu siasatan, bukan ditahan kerana bersalah. Saya tak tahu dia salah apa. Tak apalah bagi selesai siasatan dahulu.

"Dia pun tidak maklum apa-apa (mungkin) dia tidak boleh maklumlah kot. Usaha-usaha itu (penahanan berkaitan kes REE) semakin hari semakin rancak nampaknya," katanya ketika ditemui selepas menyampaikan Geran dan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) bagi Daerah Yan di Guar Chempedak, di sini, semalam.

Terdahulu, ular mengenai seorang pegawai kanan kerajaan negeri ditahan SPRM susulan kes rasuah dan salah guna kuasa dalam perlombongan REE yang berlaku di Bukit Enggan di Sik, dekat sini.

Lelaki berusia lingkungan 50-an itu ditahan kira-kira jam 8 malam kelmarin di pejabat SPRM Alor Setar selepas disyaki meminta wang rasuah kira-kira RM1 juta daripada seorang pemilik syarikat.



*Muhammad Sanusi*

Suspek yang dibawa ke Mahkamah Majistret Alor Setar kemudian ditahan reman selama tiga hari sehingga Rabu ini untuk siasatan lanjut.

### SPRM sahkan tangkapan

Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM Putrajaya, Datuk Seri Hishamuddin Hashim mengesahkan tangkapan terkini itu dan memaklumkan siasatan dijalankan mengikut Seksyen 17 dan 23 Akta SPRM 2009.

Muhammad Sanusi ketika ditanya sama ada penahanan terkini itu mempunyai kaitan dengan tangkapan SPRM terhadap Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Perbadanan Menteri Besar (MBI) Kedah sebelum ini, berkata beliau tidak menolak kemungkinan itu.

"Ya saya rasa betul. Saya rasa macam itu (ada kaitan) pasal satu-satunya hasil daripada *brainstorm* Pakatan Harapan (PH) untuk merebahkan Perikatan Nasional (PN) adalah isu REE, sebab itu dia pulun... tidak apalah, biarlah. Kita tidak ada masalah apa.

"Saya relaks sahaja dan suruh semua si apa yang dipanggil bagi keterangan (untuk bekerjasama). Apa yang depa mahu, kita cerita. Kita tak ada apa nak dibimbangkan. Selama kita benar tiada apa yang perlu dikhuatirkan. Jangan takut, jangan gentar kita bukan bangsa penunduk," katanya.

Berdasarkan maklumat, tangkapan semalam adalah yang keempat membabitkan kes rasuah dan salah guna kuasa dalam perlombongan REE di Kedah.

Rabu minggu lalu, SPRM dilapor menahan CEO MBI Kedah dan seorang pengarah wanita sebuah syarikat untuk siasatan kes sama yang membabitkan nilai rasuah lebih RM13 juta.

Beberapa hari kemudian, seorang pembantu kepada pemilik syarikat ditahan susulan kes sama.

Dalam pada itu, Muhammad Sanusi memaklumkan beliau tidak mempunyai maklumat mengenai dua warga China yang dibawa masuk MBI Kedah untuk tujuan eksplorasi REE di Bukit Enggang di Sik seperti dipersoalkan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Ini kerana, katanya, beliau tidak mempunyai kuasa eksekutif kepada MBI Kedah sehingga mengetahui seluruh perjalanan operasi projek entiti itu.

Sebaliknya, Sanusi berkata, beliau hanya sebahagian daripada panel penasihat kepada MBI yang turut membabitkan Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-Undang, Pegawai Kewangan Negeri serta Pengarah Jabatan Perhutanan dan Pengarah Tanah dan Galian (PTG).

**BERITA HARIAN**
**25/07/2023**
**(SELASA)**

# Atase antara 2 ditahan SPRM kes rasuah visa

## Penguat kuasa disyaki terima lebih RM100j lulus kemasukan warga Bangladesh

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Dua lelaki termasuk seorang atase di suruhanjaya tinggi, ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki menerima rasuah bagi meluluskan permohonan visa warga Bangladesh memasuki Malaysia.

Kedua-dua lelaki berusia lewat 30-an itu dipercayai ditahan kira-kira jam 6.30 petang kelmarin, ketika hadir di ibu pejabat SPRM Putrajaya.

*BH* difahamkan, mereka dipercayai menerima bayaran antara AS$300 hingga AS$500 bagi setiap kelulusan permohonan Visa Luar Negara (VLN), dengan jumlah rasuah dianggar melebihi RM100 juta.



*Antara pegawai penguat kuasa dan pengarah syarikat yang ditahan kes rasuah lulus visa warga Bangladesh masuk Malaysia.*

Sumber berkata, penguat kuasa yang bertugas di suruhanjaya tinggi itu dipercayai bersubahat dengan agensi pekerjaan di Bangladesh dan Malaysia untuk membawa masuk rakyat Bangladesh bekerja di Malaysia sejak 2021.

"Mereka meminta bayaran AS$300 hingga AS$500 bagi satu permohonan VLN, sedangkan pembayaran ditetapkan kerajaan hanya RM105.

"Seorang daripada yang ditahan ini dipercayai pengarah urusan sebuah syarikat pembekal tenaga kerja yang bersekongkol dengan pegawai agensi penguat kuasa itu," katanya.

*BH* difahamkan, suspek ialah pegawai ketiga yang ditahan untuk membantu siasatan Op Taka yang dilancarkan April lalu oleh Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram SPRM dengan kerjasama Jabatan Imigresen.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu dan berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 17a Akta SPRM 2009.

### Direman empat hari

Sementara itu, Majistret Mageshwary Muniandy membenarkan kedua-dua suspek direman empat hari bermula semalam sehingga Isnin, selepas SPRM mengemuka permohonan reman di Mahkamah Shah Alam.

Mengikut laporan sebelum ini, dua pegawai agensi penguat kuasa yang bertugas di Suruhanjaya Malaysia di Bangladesh disyaki menerima wang rasuah bagi pengeluaran Visa Luar Negara dan kemasukan pelancong serta pekerja Bangladesh ke negara ini.

Lebih 20 akaun bank membabitkan individu dan syarikat berkaitan sudah dibekukan.

**BERITA HARIAN 29/07/2023 (SABTU)**

DATUK MALIK DITAHAN SPRM

# 'SAYA HARAPKAN YANG TERBAIK'

Oleh Skuad Khas Harian Metro
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Ahli perniagaan, Abdul Malik Dasthigeer atau lebih dikenali sebagai Datuk Malik mendedahkan beliau memberi kerjasama sepenuhnya kepada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas dikaitkan dengan siasatan penggubahan wang haram.

Menurut Malik, beliau mengucapkan terima kasih kepada keluarga, rakan-rakan yang sentiasa memberikan sokongan sepenuhnya kepadanya ketika dirinya ditahan.

"Saya amat terhutang budi kepada kebaikan dan sokongan mereka.

"Saya mengharapkan yang terbaik dan keadilan akan berlaku," katanya dalam video Instagram miliknya semalam.

Di samping itu, tambahnya, beliau sudah memberi kerjasama sepenuhnya ketika disoal siasat SPRM dan akan terus bekerjasama dengan pihak berkuasa selepas ini.

Sementara itu, peguam yang mewakilinya berkata, anak guamnya itu sudah memberi kerjasama yang baik kepada pihak berkuasa.

"Kita harap akan dapat satu keputusan yang positif," katanya.

Harian Metro sebelum ini melaporkan seorang ahli perniagaan bergelar Datuk dan sekutunya ditahan dengan wang tunai RM38 juta, emas seberat anggaran 200 kilogram bernilai kira-kira RM60 juta serta 17 kereta mewah antaranya berjenama Maserati, Ferrari dan Mercedes Benzdisita dalam Op 82S yang diadakan besar-besaran Isnin lalu.

Pasukan MATF yang diketuai SPRM melancarkan operasi besar-besaran itu sekali gus melumpuhkan satu sindiket rasuah, pecah amanah, penyeludupan barang-barang haram dan pengurangan cukai tidak sah.

Operasi itu dijalankan dengan kerjasama enam agensi penguatkuasaan lain iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Bank Negara Malaysia (BNM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Siber Sekuriti Malaysia (CSM).

Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki berkata, kes disiasat mengikut Akta SPRM 2009, Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA)2001, Akta Percukaian 1967 dan Akta Kastam 1967.



"Saya amat terhutang budi kepada kebaikan dan sokongan mereka. Saya mengharapkan yang terbaik dan keadilan akan berlaku"



PEGAWAI agensi keselamatan dan pengurus syarikat ditahan kerana disyaki terbabit tuntutan palsu dan rasuah.

## Buat tuntutan palsu bekal senjata RM550k

Kuala Lumpur: Enam individu termasuk pegawai agensi keselamatan ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Kuala Lumpur kerana disyaki membuat tuntutan palsu dan rasuah membabitkan pembekalan peralatan senjata berjumlah lebih RM550,000.

Sumber berkata, mereka yang ditahan adalah seorang pengurus syarikat dan lima pegawai agensi keselamatan berusia antara 30 hingga 40-an.

"Kesemua suspek lelaki ditahan di pejabat SPRM Kuala Lumpur kira-kira 10 malam kelmarin.

"Mereka disyaki terbabit dalam tuntutan palsu yang dilakukan pada tahun lalu sedangkan kerja itu tidak dibekalkan," katanya.

Menurutnya, lima suspek direman tujuh hari sehingga 2 Ogos ini manakala seorang lagi suspek dilepaskan dengan jaminan SPRM akibat masalah kesihatan.

Perintah reman itu dikeluarkan oleh Majistret Wong Chai Sia di Mahkamah Majistret Kuala Lumpur.

Sementara itu, Pengarah SPRM Kuala Lumpur Mohamad Fauzi Husin ketika dihubungi mengesahkan penahanan berkenaan.

Beliau berkata, siasatan dijalankan mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

**HARIAN METRO**
**29/07/2023**
**(SABTU)**

# Pegawai gred 54 terbabit rasuah meningkat




AZAM ketika menjadi tetamu rancangan Tamu Kito di platform media sosial Facebook NEGERIfm Official, kelmarin.

**Kuala Lumpur:** Pembabitan pegawai awam gred 54 ke atas dalam gejala rasuah menjadi trend yang amat membimbangkan, berbanding 10 tahun lalu sekali gus memperlihatkan satu penanda aras tidak sihat membabitkan kes berprofil tinggi.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki, berkata pembabitan pegawai kerajaan gred 54 ke atas menunjukkan peningkatan sejak 2018 seolah-olah menjadi perkara biasa.

"Sekarang ini ia jadi seperti satu kebiasaan pula dan ini agak menakutkan apabila penerima rasuah itu membabitkan pegawai awam gred 54 ke atas.

"Selain itu, kes profil tinggi ini turut membabitkan ahli politik, pemimpin negara dan peguam," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjadi tetamu rancangan Tamu Kito di platform media sosial Facebook NEGERIfm Official, kelmarin.

Azam berkata, menyiasat kes berprofil tinggi agak sulit dan kompleks berbanding kes lain kerana ia memerlukan pembuktian unsur rasuah.

"Contoh pegawai kerajaan Jusa C yang mengambil rasuah RM200,000, SPRM perlu menyiasat kerana bukan dia seorang saja yang menerimanya, kerana ada banyak lapisan dan tugas kita hendak mengesahkan wang itu sampai kepadanya.

"Kita kena siasat satu persatu, tambahan jika menggunakan proksi kerana kadang-kadang proksi itu tidak wujud malah apabila dapat wang itu mereka lakukan penggubahan wang haram.

"Namun kita tetap akan cari balik wang yang dicuci itu sehingga mereka bankrap semula," katanya.

**Kes profil tinggi ini babitkan ahli politik, pemimpin negara**

**HARIAN METRO**
**29/07/2023**
**(SABTU)**



ATASE dan pengarah urusan syarikat pembekal tenaga kerja direman sehingga 31 Julai di Mahkamah Shah Alam.

# SATU VLN SAPU RM2,274

*Atase disyaki ambil rasuah RM100 juta lulus visa warga Bangladesh masuk Malaysia*

Oleh Muhammad Hafis Nawawi
mhafis@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

**RM100j**

Dua lelaki termasuk seorang atase yang berkhidmat di sebuah suruhanjaya tinggi negara ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas disyaki menerima wang rasuah bagi meluluskan permohonan visa oleh warga Bangladesh bagi memasuki Malaysia.

Kedua-dua lelaki berusia lewat 30-an itu ditahan kira-kira jam 6.30 petang kelmarin ketika diminta hadir di ibu pejabat SPRM Putrajaya.

Difahamkan, suspek dipercayai menerima bayaran sekitar A$$300 (RM1,364) hingga A$$500 (RM2,274) bagi setiap kelulusan permohonan Visa Luar Negara (VLN), dengan jumlah rasuah dianggarkan melebihi RM100 juta.

Sumber berkata, suspek membawa masuk rakyat Bangladesh untuk bekerja di Malaysia sejak 2021 dengan menggunakan visa pelancong.

"Hasil siasatan mendapati pegawai kerajaan itu menerima bayaran tinggi bagi setiap visa meskipun pembayaran visa ditetapkan kerajaan hanya RM105 sahaja," katanya.

Sumber berkata, seorang lagi individu yang ditahan ini dipercayai pengarah urusan sebuah syarikat pembekal tenaga kerja yang bersekongkol dengan pegawai agensi penguat kuasa terbabit.

"Pegawai terbabit adalah pegawai agensi penguat kuasa ketiga yang ditahan untuk membantu siasatan Op Taka yang dilancarkan pada April lalu oleh Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram SPRM dengan kerjasama Jabatan Imigresen Malaysia," katanya.

Susulan penahanan terbabit, Majistret Maggeshwary Manisandy membenarkan kedua-dua suspek direman sehingga 31 Julai 2023 selepas pihak SPRM mengemukakan permohonan reman di Mahkamah Shah Alam.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan penahanan terbabit dan berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 17a Akta SPRM 2009.

HARIAN METRO
29/07/2023
(SABTU)

# Individu profil tinggi dalam radar SPRM

## Selain rasuah, mereka disyaki terlibat sindiket penyeludupan

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI
SHAH ALAM

Terdapat beberapa individu berprofil tinggi dalam radar Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk siasatan melibatkan rasuah, pecah amanah, sindiket penyeludupan barang haram serta pengurangan cukai tidak sah.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, pihaknya tidak menolak kemungkinan penglibatan individu berprofil tinggi tersebut.

"Memang ada beberapa individu berprofil tinggi membabitkan ahli politik serta ahli perniagaan akan disiasat dan dipanggil untuk dirakam keterangan.

"Mereka akan membantu siasatan berhubung harta-harta dan perbelanjaan mencurigakan seperti yang dikesan baru-baru ini," katanya kepada *Sinar Harian* pada Ahad.

Beliau berkata, mengenai rampasan pelbagai barangan tempoh hari, SPRM masih menganalisa hasil sitaan emas, wang tunai, wang dalam bank untuk mengetahui bagaimana ia diperolehi.

Tambahnya, setakat ini seramai 25 saksi telah dipanggil untuk membantu siasatan.

Beliau memberitahu, siasatan kes berkenaan turut dijalankan mengikut Akta Percukaian 1967 dan Akta Kastam 1967 yang disiasat oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) serta Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

Pada 24 Julai lalu, Pasukan Petugas Agensi-Agensi Penguat Kuasa Malaysia (MATF) yang diketuai SPRM menahan seorang ahli perniagaan bergelar Datuk dan sekutunya dalam satu operasi besar-besaran di 34 lokasi sekitar Selangor dan Kuala Lumpur.



AZAM BAKI

Dalam serbuan itu, MATF turut menyita wang tunai kira-kira RM38 juta, emas dianggarkan 200 kilogram bernilai kira-kira RM60 juta selain 17 kereta mewah antaranya berjenama Maserati, Ferrari dan Mercedes Benz.

Kes disiasat di bawah Akta SPRM 2009 serta Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001.

Op 82S itu dijalankan dengan kerjasama enam agensi penguatkuasaan lain iaitu polis, Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam, Bank Negara Malaysia, LHDN dan Cyber Security Malaysia.

Sementara itu, individu berkenaan turut tampil di media sosial dan sedia untuk bekerjasama dengan pihak berkuasa.

**SINAR HARIAN**
**31/07/2023**
**(ISNIN)**

# SPRM tegaskan pemberian geran RM350,000 bukan rasuah

## Kerajaan berhak beri inisiatif difikir wajar kepada rakyat

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
dan Saadiah Ismail
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menegaskan pemberian geran bernilai RM350,000 oleh Kerajaan Persekutuan kepada pertubuhan belia Terengganu adalah tidak menyalahi undang-undang atau berunsur rasuah.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata sebagai sebuah kerajaan yang mentadbir negara, ia berhak untuk memberi inisiatif yang difikirkan wajar untuk rakyat.

Katanya, tiada isu boleh dikaitkan dengan pemberian geran




*Keratan akhbar BH kelmarin.*

berkenaan kerana ia adalah satu inisiatif daripada kerajaan.

"Jadi kalau inisiatif peruntukan ini sudah diluluskan oleh kerajaan, jadi ia tiada unsur rasuah," katanya.

Sebelum ini, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi mengumumkan pemberian geran RM100,000 kepada Persatuan Belia Gabungan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) dan RM250,000 Majlis Belia Malaysia (MBM) Terengganu.

Pengumuman itu dilakukan sehari sebelum penamaan calon PRN itu, dipersoalkan pelbagai pihak memandangkan ia diberikan ketika menjelang Pilihan Raya Negeri (PRN) enam negeri dan didakwa sogokan.

Selain sumbangan kepada gabungan belia KETENGAH dan MBM Terengganu, Zahid juga mengumumkan bantuan RM200,000 kepada kelab bermotosikal di negeri itu.

Terengganu adalah antara enam negeri diadakan PRN selain Selangor, Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Kedah dan Kelantan.

Presiden MUDA, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman menuduh Zahid cuba 'menormalisasikan rasuah' namun dinafikan Zahid.

### Pertikai ucapan Zahid

Sementara itu, Timbalan Presiden PAS, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man, berkata ramai menanti apakah tindakan SPRM terhadap ucapan Ahmad Zahid di Terengganu itu yang didakwa jelas memberi sogokan dan bercanggah dengan undang-undang negara.

"Tindakan memberi pelbagai geran dan sumbangan kewangan dengan syarat mengundi BN atau PH jelas satu rasuah menjelang PRN.

"Keadaan ini berbeza apabila SPRM mengatakan tindakan Kerajaan Kelantan mahu menyediakan bas untuk kemudahan pengundi pulang mengundi, dengan tiada syarat siapa diundi, tetapi tetap dianggap satu kesalahan rasuah," katanya dalam kenyataan, semalam.

Kelmarin, Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH) menggesa Kerajaan Persekutuan tidak menyalahgunakan kuasa dan membelakangi amanah dalam sebarang pengumuman dasar serta peruntukan daripada kementerian dan agensi Persekutuan sepanjang tempoh PRN.

Sementara itu, Tuan Ibrahim berkata, BERSIH yang sebelum ini lantang memperjuangkan sistem pilihan raya bersih dan adil, turut sepi apabila parti pemerintah melakukan kesalahan.

> "Sebagai sebuah kerajaan yang mentadbir negara, ia berhak untuk memberi inisiatif yang difikirkan wajar untuk rakyat. Tiada isu boleh dikaitkan dengan pemberian geran berkenaan kerana ia adalah satu inisiatif daripada kerajaan"



*Azam Baki,*
*Ketua Pesuruhjaya SPRM*

**BERITA HARIAN**
**31/07/2023**
**(ISNIN)**

BANDARAYA JOHOR BAHRU

# OGOS 2023

**UNIT INTEGRITI & PEMODENAN PENTADBIRAN MBJB**



Isu kecurian unsur nadir bumi

# SPRM akan panggil lebih ramai saksi bantu siasatan

**Putrajaya:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan memanggil lebih ramai saksi bagi membantu siasatan isu kecurian unsur nadir bumi (REE).

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata siasatan kes itu masih dijalankan dan setakat ini, hanya empat orang sudah ditahan.

"Kita masih perlu memanggil lebih ramai saksi untuk siasatan lanjut. Dalam hal ini, kita bukan saja menyiasat berhubung isu wang tetapi juga pematuhan kelulusan REE.

"SPRM bukan saja siasat berhubung kesalahan bawah rasuah, salah guna kuasa dan sebagainya, malah turut menjadi tanggungjawab kami di bawah Seksyen 7 untuk melihat kepada sistem serta prosedur yang ada sekiranya ada kelemahan dan sebagainya," katanya selepas merasmikan Majlis Pelancaran Body-Worn Camera (BWC) dan Vest SPRM, di Ibu Pejabat SPRM, di sini, semalam.

Berhubung isu penahanan dua lelaki termasuk seorang Atase di sebuah pejabat suruhanjaya tinggi kerana disyaki menerima rasuah bagi meluluskan permohonan visa warga Bangladesh memasuki Malaysia, Azam berkata, kedua-dua suspek masih direman.

Beliau berkata, kedua-duanya berkemungkinan akan disambung reman kerana siasatan masih memerlukan mereka ditahan mengikut Seksyen 117.

"Kita mengesyaki sejumlah besar wang disalurkan kepada beberapa tempat. Kita sedang cuba mengesan wang dipercayai sudah dibayar bagi tujuan memperoleh visa pelancong yang disalahgunakan untuk masuk ke dalam negara dan bekerja.

"Sepatutnya mereka menggunakan sistem pekerja asing tetapi kita mengesan lambakan warga Bangladesh yang masuk ke Malaysia adalah menggunakan sistem Visa Luar Negara dan masuk ke sini sebagai pekerja," katanya.

Azam berkata, pihaknya sedang menyiasat perkara itu bagi mengetahui puncanya dan setakat ini, SPRM berjaya mengesan dua lagi individu serta berkemungkinan akan ada lagi.

Ditanya berkaitan Pilihan Raya Negeri (PRN) pula, Azam memaklumkan setakat ini, SPRM belum menerima sebarang laporan membabitkan kempen berunsur



*Azam memasangkan kamera badan pada seorang pegawai operasi SPRM ketika Majlis Pelancaran Pemakaian Kamera Badan di Putrajaya, semalam*
(Foto BERNAMA)

rasuah, sekali gus meminta semua pihak supaya mematuhi Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954.

## Pemakaian kamera badan

Sementara itu, Azam berkata, pegawai penguat kuasa SPRM yang menjalankan operasi tangkapan, penyitaan dan penggeledahan, akan dilengkapi pemakaian kamera badan atau BWC bagi melindungi agensi berkenaan daripada sebarang tohmahan.

Setakat ini, beliau berkata, pihaknya telah membeli 142 unit BWC menggunakan peruntukan terhad bagi dibekalkan kepada pegawai operasi yang penting.

Bagaimanapun dengan penambahan bajet daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, beliau berkata, SPRM akan menambah pembelian BWC berikutan risiko mengalami kerosakan akibat kekerapan penggunaan yang tinggi.

"Pada zaman serba canggih ini, mereka yang berniat jahat tanpa rasa tanggungjawab sudah menggunakan saluran media sosial untuk menyebarkan propaganda atau tohmahan jahat terhadap pegawai SPRM.

"Akibatnya, reputasi dan imej SPRM terjejas teruk serta berdepan risiko tindakan undang-undang yang tidak berasas.

"Pemakaian BWC adalah untuk menunjukkan ketelusan kita dalam menjalankan tugas dan menghindari sebarang tohmahan," katanya.

Menjelaskan lanjut, Azam berkata, pemakaian BWC bertujuan merekod audio dan visual setiap peristiwa yang berlaku ketika proses siasatan dijalankan SPRM, termasuk bagaimana suspek atau saksi dikendalikan oleh pegawainya sepanjang tempoh itu.

"Jika berlaku sebarang tohmahan berkaitan tingkah laku pegawai SPRM yang tidak profesional ketika menjalankan tugasan siasatan di lapangan, rakaman BWC ini boleh dijadikan rujukan untuk pengesahan," katanya.

Berita Harian - 1/8/2023 - Selasa

**BERITA HARIAN**
**01/08/2023**
**(SELASA)**



AZAM (kanan) berbual bersama kakitangannya ketika melawat bilik gerakan PRN/PRK SPRM di Bangunan SPRM Putrajaya, semalam.

# 'Do and don't' sudah termaktub dalam akta: Azam

**Putrajaya:** Belum ada lagi aduan berkaitan rasuah diterima Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sepanjang tempoh kempen pilihan raya ini.

"Ikut pengalaman yang lalu, kami sudah buat pemerhatian, biasa sehari dua belum ada lagi (laporan berkaitan rasuah)," kata Ketua Pesuruhjaya Tan Sri Azam Baki.

Azam berkata demikian ketika ditanya perkembangan Pilihan Raya Negeri (PRN) di enam negeri dan Pilihan Raya Kecil (PRK) Kuala Terengganu.

SPRM turut melancarkan tujuh bilik gerakan sempena PRN dan PRK iaitu di Ibu Pejabat SPRM Selangor, Negeri Sembilan, Kedah, Pulau Pinang dan Terengganu.

Ia beroperasi 24 jam bermula 29 Julai sehingga 12 Ogos ini.

Pada masa sama, menurut Azam, SPRM tidak berhasrat mewujudkan garis panduan baharu berhubung pemberian bantuan semasa pilihan raya.

Bercakap pada sidang media selepas melancarkan pemakaian kamera badan (BWC) dan jaket SPRM di sini, semalam, beliau berkata, ini kerana, peruntukan *do and don't* berkaitan pilihan raya jelas termaktub di bawah

**SPRM tidak berhasrat wujudkan garis panduan baharu berhubung pemberian bantuan semasa pilihan**

Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954.

"Ada undang-undang, Seksyen 10 di bawah akta itu jelas tentang *do and don't* yang perlu dipatuhi oleh setiap calon pilihan raya," katanya mengulas cadangan Timbalan Presiden Pas Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man, supaya satu garis panduan khusus dikeluarkan berhubung pemberian bantuan semasa pilihan raya.

Tuan Ibrahim dilaporkan berkata, garis panduan terbabit penting supaya semua pihak mengetahui bentuk bantuan yang dibenarkan serta yang tidak dibenarkan sepanjang pilihan raya.

**HARIAN METRO**
**01/08/2023**
**(SELASA)**

INSIDEN DI KLIA

# 'Tunjuk jika dia masih ada'

## SPRM sahkan ejen gagal dikesan hingga kini

Oleh Farah Marshita Abdul Patah
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Seorang ejen wanita warga China yang cuba memasuki Malaysia menerusi Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) sehingga mencetuskan kekecohan membabitkan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Datuk Seri Tiong King Sing, kini gagal dikesan.

Sehubungan itu, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Tan Sri Azam Baki berkata, pihaknya mengarahkan siasatan kes terbabit dilengkapkan.

Kata Azam, perkara itu juga dikemukakan kepada timbalan pendakwa raya untuk dibuat kajian dan melihat kepada sebarang unsur jenayah berdasarkan hasil siasatan.

"Saya ingin katakan, kerana orang masih tak percaya kepada SPRM yang mengatakan dua saksi itu sudah balik ke China.

"Tapi kalau ada yang boleh tunjuk di mana saksi itu, kami bersedia. Sebab ramai pandai-pandai kat luar tu kata saksi itu ada di Malaysia...jadi tunjuklah kepada kami," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Majlis Pelancaran *Body-Worn Camera* (BWC) dan Vest SPRM di Ibu Pejabat SPRM di sini, semalam.

Tambahnya, SPRM memeriksa dengan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan sistem menunjukkan mereka meninggalkan negara.

Sebelum ini, Tiong mendakwa, wujud budaya rasuah membabitkan segelintir pegawai JIM di pintu masuk negara di KLIA.

Tiong mendedahkan perkara itu selepas mengakui dirinya adalah individu yang terbabit dalam insiden kekecohan di KLIA selepas dikatakan cuba 'melepaskan' kemasukan seorang wanita warga China yang dilarang memasuki negara ini oleh pegawai imigresen.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, turut mengakui budaya rasuah masih berlaku dalam kalangan penguat kuasa, tetapi hanya membabitkan segelintir mereka di KLIA.



AZAM bersama pegawai operasi SPRM pada Majlis Pelancaran *Body-Worn Camera* (BWC) dan Vest SPRM di Ibu Pejabat SPRM. - Gambar NSTP/MOHD FADLI HAMZAH.

**HARIAN METRO**
**01/08/2023**
**(SELASA)**

# Zahirkan integriti dalam kempen PRN

**HARIAN METRO**
**01/08/2023**
**(SELASA)**

# SPRM tidak berhasrat perkenal garis panduan pemberian bantuan



AZAM

**PUTRAJAYA** - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak berhasrat untuk memperkenalkan garis panduan khusus pemberian bantuan semasa pilihan raya.

Ini kerana kata Ketua Pesuruhjaya Tan Sri Azam Baki, Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 telah menyatakan perkara tersebut secara jelas.

"Kami mohon semua pihak memahami akta ini," katanya menerusi sidang akhbar selepas majlis pelancaran pemakaian kamera badan (BWC) dan jaket SPRM di sini pada Isnin.

Beliau berkata demikian mengulas mengenai gesaan Pas agar satu panduan khusus disediakan.

Ia susulan pengumuman Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi bahawa peruntukan geran tambahan RM100,000 kepada Persatuan Belia Gabungan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah) bagi tujuan pembangunan aktiviti golongan itu di negeri berkenaan.

Beliau yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) berkata, jumlah itu mungkin bertambah bergantung kepada prestasi golongan itu dalam pilihan raya negeri (PRN) pada 12 Ogos ini.

Pengumuman itu dikritik oleh banyak pihak termasuk pemimpin politik yang didakwa mempunyai unsur rasuah.

Bagaimanapun, SPRM menyifatkan ia bukan rasuah, sebaliknya sebagai inisiatif dari kementerian di peringkat Persekutuan.

Sementara itu, Azam berkata, pihaknya belum menerima sebarang aduan dan laporan berhubung perkara yang berkaitan dengan rasuah sepanjang tiga hari kempen pilihan raya bermula.

"Mengikut pengamatan pengalaman lepas, tempoh sehari dua ini belum lagi," katanya.

Dalam perkembangan lain, katanya, pemakaian kamera badan (BWC) oleh pegawai SPRM semasa menjalankan tugas sebagai langkah untuk mengelakkan tohmahan jahat kepada suruhanjaya itu.

"Pihaknya melihat BWC sebagai titik-tolak penting di saat SPRM menjadi agensi yang amat diberi perhatian di dalam dan luar negara.

"Ketelusan amat penting kerana kita tidak mahu SPRM disyak wasangka dengan pelbagai tohmahan," katanya.

**SINAR HARIAN**
**01/08/2023**
**(SELASA)**



WWW.HMETRO.COM.MY HARIANMETRO HMETROMY

RABU 2 OGOS 2023

**Metro**

RASAI BERITA SEBENAR

TRANSAKSI KEWANGAN BAWAH TANAH

# RASUAH GUNA 'HAWALA'

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesan beberapa transaksi wang menggunakan sistem 'hawala' membabitkan kes rasuah kelulusan Visa Luar Negara (VLN) beribu-ribu warga Bangladesh yang memasuki Malaysia. Hawala merujuk kepada kaedah transaksi kewangan bawah tanah tanpa membabitkan sistem perbankan atau syarikat kewangan rasmi. Pihak tertentu disyaki menggunakan kaedah bayaran ini bagi tujuan perolehan visa pelancong yang disalahgunakan untuk masuk dan bekerja di negara ini.

**HARIAN METRO**
**02/08/2023**
**(RABU)**

# Hantar wang 'bawah tanah'

*SPRM kesan transaksi bagi tujuan perolehan visa pelancong disalahguna untuk masuk negara*

Putrajaya

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki mendedahkan kewujudan sistem 'hawala' berhubung kes rasuah berkaitan kelulusan Visa Luar Negara (VLN) warga Bangladesh memasuki Malaysia.

Sistem hawala merujuk kepada penghantaran wang melalui kaedah 'bawah tanah' tanpa membabitkan sistem perbankan atau syarikat kewangan rasmi.

Bercakap pada sidang media selepas majlis pelancaran pemakaian kamera badan dan jaket SPRM di sini, kelmarin, Azam berkata, pihaknya sedang mengesan beberapa transaksi wang yang disyaki dibayar bagi tujuan perolehan visa pelancong yang disalahgunakan untuk memasuki negara.

"Kami juga mengesyaki terdapat sejumlah besar wang yang disalurkan melalui sistem hawala di beberapa tempat," katanya ketika ditemui.

Untuk rekod, VLN merupakan visa lawatan sosial untuk pelancong luar memasuki Malaysia bagi tempoh tertentu dan menurut undang-undang negara, pelancong Bangladesh dibenarkan menetap di Malaysia selama 30 hari dan tidak layak didaftar untuk sistem permit kerja.

Di samping itu, Azam turut berkata, siasatan lanjut SPRM mendapati lambakan pekerja Bangladesh di Malaysia adalah menerusi sistem VLN yang disalahgunakan untuk bekerja dalam negara serta tidak melalui saluran pengambilan pekerja asing yang betul.

Isu penyelewengan permohonan VLN oleh warga Bangladesh mendapat liputan meluas sejak April lalu susulan penahanan dua pegawai Jabatan Imigresen (Imigresen) yang ditempatkan sementara untuk bertugas di Pejabat Atase Imigresen di Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Dhaka, Bangladesh.

Seorang pegawai penguat kuasa yang pernah bertugas di Suruhanjaya Tinggi Bangladesh adalah antara dua individu ditahan kerana disyaki menerima rasuah dianggarkan lebih RM100 juta sejak 2021.

Siasatan mendapati pegawai berkenaan dipercayai menerima bayaran sekitar RM1,363 (AS$300) ke RM2,272 (AS$500) bagi setiap kelulusan permohonan VLN membabitkan jumlah rasuah dianggarkan bernilai lebih RM100 juta meskipun pembayaran visa yang ditetapkan oleh kerajaan hanya RM105. - Bernama

**"Siasatan lanjut SPRM mendapati lambakan pekerja Bangladesh di Malaysia adalah menerusi sistem VLN yang disalahgunakan untuk bekerja dalam negara serta tidak melalui saluran pengambilan pekerja asing yang betul"**



**HARIAN METRO**
**02/08/2023**
**(RABU)**

# Representasi kes rasuah, AMLA Ahmad Zahid belum diputuskan

**KUALA LUMPUR** – Pihak pendakwaan memberitahu Mahkamah Tinggi di sini pada Selasa bahawa representasi oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi bagi menggugurkan 47 pertuduhan pecah amanah, rasuah dan pengubahan wang haram membabitkan Yayasan Akalbudi (YAB), belum diputuskan Jabatan Peguam Negara (AGC).



AHMAD ZAHID

Ketua Unit Rayuan dan Perbicaraan Jabatan Peguam Negara, Datuk Mohd Dusuki Mokhtar berkata, ini kerana isu dibangkitkan Ahmad Zahid dalam representasi itu, masih dalam proses siasatan.

"Tidak ada lagi keputusan dalam proses siasatan itu," kata Mohd Dusuki.

Pada 10 April lalu, peguam Ahmad Zahid, Hamidi Mohd Noh berkata, pihaknya menghantar representasi baharu berhubung pertuduhan itu kepada AGC pada Februari lepas.

Ahmad Zahid, 70, berdepan 47 pertuduhan dengan 12 daripadanya membabitkan pecah amanah, lapan rasuah dan 27 pengubahan wang haram melibatkan puluhan juta ringgit dana milik Yayasan Akalbudi.

Prosiding di hadapan Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah bersambung dengan pihak pendakwaan menyoal balas saksi pembelaan keenam, bekas Pegawai Tugas-tugas Khas Ahmad Zahid, Datuk Mohd Kamal Abdullah, 66.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**SINAR HARIAN**
**02/08/2023**
**(RABU)**



TIGA suspek diiringi pegawai SPRM di Mahkamah Majistret Labuan.

# Tiga direman buat tuntutan rondaan palsu lebih RM100,000

**Labuan:** Tiga individu termasuk dua pegawai pasukan seragam direman lima hari kerana disyaki menggunakan dokumen yang mengandungi butiran matan palsu bagi tujuan tuntutan tugasan rondaan berjumlah lebih RM100,000.

Perintah reman bermula semalam hingga 7 Ogos itu dikeluarkan Majistret Lovely Natasha Charles selepas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengemukakan permohonan berkenaan di Mahkamah Majistret Labuan, pagi semalam.

Menurut sumber, ketiga-tiga suspek termasuk seorang wanita berusia dalam lingkungan 30 tahun dipercayai ditahan kira-kira jam 2.30 petang semalam di pejabat SPRM Labuan.

Katanya, ketiga-tiga suspek yang bertugas di Labuan dan Tawau dipercayai melakukan perbuatan itu pada 2019.

Sementara itu, Pengarah SPRM Labuan, Datu Robbyie Shym Datu Pindatun ketika dihubungi mengesahkan tangkapan berkenaan dan kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

**HARIAN METRO**
**03/08/2023**
**(KHAMIS)**

# Perlu hapus pembaziran, ketirisan serta rasuah sebelum perkenal cukai baharu

**Kuala Lumpur:** Kerajaan harus menghapuskan pembaziran, ketirisan dan rasuah sebelum memperkenalkan cukai baharu atau menaikkan cukai untuk meningkatkan hasil cukainya, kata ahli ekonomi.

Profesor Ekonomi Malaysia University of Science and Technology (MUST) Geoffrey Williams berkata, beliau bersetuju dengan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang menekankan bahawa kenaikan cukai harus menjadi pilihan terakhir dan bukan pilihan utama.

Beliau berkata, menaikkan cukai akan membebankan isi rumah dan syarikat manakala memperluaskan asas cukai bermakna kumpulan berpendapatan sederhana (M40) dan 40 peratus berpendapatan terendah (B40) akan membayar lebih.

"Ia juga menjadikan Malaysia kurang berdaya saing berbanding negara lain dan ia merupakan disinsentif (penghalang) untuk bekerja, melabur atau berinovasi.

"Sebelum kita mempertimbangkan menaikkan cukai, kita perlu mengurangkan pembaziran, ketirisan dan rasuah," katanya kepada Bernama sebagai respons kepada kenyataan cukai oleh perdana menteri sebelum ini.

Anwar yang juga Menteri Kewangan sebelum ini berkata, dasar percukaian Malaysia mesti berpandu kepada dua prinsip asas, iaitu dikenakan cukai apabila ia benar-benar perlu dan ia tidak seharusnya membebankan pembayar cukai, sama ada individu atau komuniti perniagaan.

Turut bersetuju dengan pandangan Williams ialah Pengarah Eksekutif Pusat Penyelidikan Sosio Ekonomi (SERC) Lee Heng Guie, beliau berkata kerajaan perlu mencari cara untuk meningkatkan hasil cukainya dengan cekap.

Ia termasuk menangani ketirisan, memastikan semua orang membayar cukai pada kadar yang adil, tidak berlaku pengelakan cukai dan berbelanja dengan bijak untuk sektor yang produktif kepada negara dan ekonomi.

**HARIAN METRO**
**03/08/2023**
**(KHAMIS)**

# Tiga individu termasuk anggota Rela direman kes tuntutan palsu

**LABUAN** - Tiga individu termasuk dua anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) direman lima hari bagi membantu siasatan kes membuat tuntutan palsu berjumlah RM103,664 pada 2019.

Perintah reman hingga Ahad ini dikeluarkan Majistret Lovely Natasha Charles selepas membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Ketiga-tiga mereka termasuk seorang wanita berusia 30-an itu ditahan di pejabat SPRM Labuan pada 2.30 petang Selasa selepas hadir memberikan keterangan.

Suspek didakwa mengemukakan dokumen yang mengandungi butiran palsu kepada ibu pejabat Rela Sabah untuk tugasan rondaan bersempena dengan sambutan kemerdekaan di Labuan pada 2019.

Seorang daripada suspek tidak lagi berkhidmat dengan Rela, manakala dua lagi kini bertugas di pejabat Rela Labuan dan Tawau.

Kes disiasat di bawah Seksyen 18 Akta SPRM 2009. - *Bernama*

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**SINAR HARIAN**
**03/08/2023**
**(KHAMIS)**

# Bicara rasuah tangguh, Zahid perlu hadir mesyuarat Kabinet

**Kuala Lumpur:** Mahkamah Tinggi di sini, semalam menangguhkan perbicaraan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi (**gambar**) yang berdepan 47 pertuduhan rasuah, pecah amanah dan pengubahan wang haram dana Yayasan Akalbudi.

Hakim Mahkamah Rayuan Datuk Collin Lawrence Sequerah yang bersidang selaku Hakim Mahkamah Tinggi membenarkan penangguhan selepas peguam Datuk Hisyam Teh Poh Teik memaklumkan anak guamnya perlu menghadiri mesyuarat Kabinet, semalam.



"Pasukan pembelaan memohon penangguhan kerana Datuk Ahmad Zahid menghadiri mesyuarat Kabinet pagi ini (semalam), bicara didengar esok (hari ini)," katanya ketika ditemui wakil media di pekarangan mahkamah di sini.

Semalam, mahkamah sepatutnya menyambung keterangan saksi pembelaan kesembilan, Datuk Rosiah Osman, 71, yang juga bekas Setiausaha Eksekutif Ahmad Zahid pada sesi pemeriksaan utama.

Kelmarin, saksi berkenaan antara lain menyatakan kad kredit peribadi Ahmad Zahid digunakan bagi mendahulukan pembelian peralatan termasuk kipas, pendingin hawa dan permaidani untuk sumbangan masjid yang juga sebahagian daripada aktiviti kebajikan Yayasan Akalbudi.

Kata Rosiah, wang Yayasan Akalbudi kemudian dikeluarkan bagi membayar balik pembelian yang menggunakan kad kredit Presiden Umno itu.

Ahmad Zahid, 70, sedang dibicarakan atas 47 pertuduhan rasuah, pecah amanah dan pengubahan wang haram dana Yayasan Akalbudi.

Ahli Parlimen Bagan Datuk itu didakwa menggunakan dana Yayasan Akalbudi untuk membuat enam pembayaran bagi kad kredit persendirian, polisi insurans serta lesen kenderaan persendirian, kiriman wang kepada sebuah firma guaman dan sumbangan kepada persatuan bola sepak Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Kesalahan mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksaan itu didakwa dilakukan antara 13 Januari 2014 dan 23 Januari 2016.

Bagi lapan pertuduhan rasuah, Ahmad Zahid didakwa menerima suapan daripada tiga syarikat iaitu Mastoro Kenny IT Consultant & Services, Data Sonic Group Berhad dan Profound Radiance Sdn Bhd.

Suapan berkenaan sebagai dorongan kepadanya atas kapasiti selaku Menteri Dalam Negeri pada ketika itu untuk membantu syarikat terhabit mendapatkan projek MyEG, membekalkan cip pasport serta menyediakan perkhidmatan pusat sehenti di Pakistan dan Nepal.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 16(a) Akta SPRM 2009 yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali nilai suapan atau RM10,000 mana lebih tinggi, jika disabitkan kesalahan.

HARIAN METRO
03/08/2023
(KHAMIS)




# Komplot jual beli kereta 'lari' cukai

**_SPRM sudah kenal pasti beberapa tokoh perniagaan disyaki bersekongkol dalam proses pemilikan kereta mewah elak cukai_**

Oleh Skuad Khas
Harian Metro
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Beberapa tokoh perniagaan yang memiliki syarikat pengedar kereta mewah kini berada dalam radar Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas disyaki bersekongkol dengan sindiket membawa keluar kenderaan itu dari Langkawi untuk pengurangan duti secara tidak sah.

Menurut sumber, SPRM sudah mengenal pasti individu terbabit dan pekerjanya yang dipercayai bersubahat membeli kereta mewah itu sebelum dijual semula.

"Siasatan SPRM dipercayai syarikat terbabit bersama pekerjanya membuat dokumen baru kenderaan mewah itu dan berselindung di sebalik perniagaan mereka yang memiliki lesen sah mengedar kereta mewah terbabit.

"Mereka ini dalam radar SPRM dan akan dipanggil untuk dirakam keterangan bagi membantu siasatan," katanya.

Sumber berkata, turut berada dalam radar SPRM adalah tokoh perniagaan terkenal yang memiliki syarikat pengedar kereta mewah.

"Individu terbabit akan dipanggil dalam masa terdekat bagi dirakam keterangan, difahamkan ketika ini dia berada di luar negara.

"Siasatan masih berjalan bagi mengembalikan semula cukai kerajaan yang dilarikan sindiket sehingga menyebabkan negara mengalami kerugian jutaan ringgit," katanya kepada Harian Metro.

> **"Mereka dalam radar SPRM dan akan dipanggil untuk dirakam keterangan"**
> Sumber

Harian Metro sebelum ini mendedahkan sebanyak 100 kenderaan mewah termasuk McLaren dan Ferrari yang dibawa keluar dari Langkawi 'diburu' SPRM.

Kenderaan itu sedang dicari dalam operasi khas SPRM yang dijalankan selepas pemiliknya dipercayai bersekongkol dengan sindiket untuk membawa keluar kereta itu dari Langkawi dengan mendapat pengurangan duti kereta mewah secara tidak sah.

Siasatan SPRM mendapati ada 100 kenderaan mewah yang berada di atas jalan raya di seluruh negara selepas dibawa keluar dari Langkawi oleh sindiket terbabit.

Hasil operasi itu, SPRM berjaya menumpaskan satu sindiket mengurangkan duti kereta mewah secara tidak sah yang mengakibatkan ketirisan cukai kerajaan sehingga RM33 juta.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas SPRM Datuk Tan Kang Sai berkata, kes disiasat masih dalam siasatan mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.




**HARIAN METRO**
**04/08/2023**
**(JUMAAT)**

# Bekas penyelia didakwa rasuah

**KUALA LUMPUR** – Seorang bekas penyelia syarikat pelancongan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Khamis, atas 11 pertuduhan kes rasuah berhubung 6,051 tiket penerbangan umrah, sejak empat tahun lalu.

Muhammad Fariz Jamaluddin, 35, membuat pengakuan itu selepas semua pertuduhan terhadapnya dibaca di hadapan Hakim, Azura Alwi.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih 20 tahun, denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan, atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan. Sebutan semula kes ditetapkan 18 September depan.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**SINAR HARIAN**
**04/08/2023**
**(JUMAAT)**

# Gaji menteri Singapura disiasat rasuah dipotong

**SINGAPURA** - Menteri Pengangkutan Singapura, S Iswaran dilarang menjalankan tugas malah bayaran gajinya dipotong kepada S$8,500 (RM28,819) sebulan sehingga dibentahu kelak, menurut Perdana Menteri, Lee Hsien Loong pada Rabu.

Pengumuman itu dibuat Hsien Loong ketika beliau mengulas tentang siasatan rasuah ke atas Iswaran dan peletakan jawatan bekas Speaker, Tan Chuan-Jin dan ahli Parlimen (MP), Cheng Li Hui yang terlibat hubungan sulit.

Menurutnya, keputusan itu dibuat setelah mempertimbangkan amalan semasa perkhidmatan awam kerana tiada peraturan atau panduan tentang cara melaksanakan larangan ke atas Pemegang Jawatan Politik.

Beliau belum disabit bersalah. Tindakan lain akan menyusul bergantung kepada laporan akhir," jelasnya.

Difahamkan, lebih 10 MP menuntut penjelasan mengenai siasatan Biro Siasatan Amalan Rasuah (CPIB) yang turut menyiasat bilionair, Ong Beng Seng yang bertanggungjawab membawa penganjuran Formula 1 (F1) ke Singapura.

Mereka juga mempersoalkan kewajaran pemberian gaji tersebut sedangkan Iswaran tidak melakukan sebarang tugas sepanjang tempoh 'bercuti'.

Data Bahagian Perkhidmatan Awam menunjukkan penanda aras gaji bulanan menteri ialah S$55,000 (RM186,479) sebulan dan pengurangan yang dikenakan ke atas Iswaran hanyalah 15 peratus daripada bayaran asal. - *Agensi*

Sinar Harian - 4/8/2023 : Jumaat

**SINAR HARIAN**
**04/08/2023**
**(JUMAAT)**

# Nafi minta rasuah hampir RM150,000

***Bekas penyelia syarikat pelancongan didakwa minta upah bagi mendapatkan 6,051 tiket penerbangan untuk umrah***

Oleh Suraya Roslan
surayaroslan@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

Seorang bekas penyelia syarikat pelancongan yang didakwa meminta upah bagi mendapatkan 6,051 tiket penerbangan untuk umrah berhadapan 11 pertuduhan rasuah berjumlah hampir RM150,000 di Mahkamah Sesyen, di sini, semalam.

Tertuduh, Muhammad Fariz Jamaluddin, 35, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Azura Alwi.

Mengikut pertuduhan, Muhammad Fariz secara rasuah meminta dan menerima masing-masing satu telefon bimbit Samsung Galaxy Z Fold 4 dan iPhone 14 Pro Max 1TB bernilai RM15,598 selain menerima rasuah wang tunai RM110,280 dan satu set lensa kamera bernilai RM6,600.

Bapa dua anak itu didakwa meminta dan menerima rasuah daripada tiga pengarah urusan syarikat pelancongan lain sebagai upah membantu mendapatkan tiket penerbangan Saudi Airlines bagi urusan jemaah mengerjakan umrah.

Kesalahan didakwa dilakukan di beberapa lokasi termasuk restoran dan rumah tertuduh di ibu negara pada tahun ini, 2022 dan 2019.



MUHAMMAD Fariz berhadapan 11 pertuduhan rasuah berjumlah hampir RM150,000 di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, semalam.

Dia didakwa mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih 20 tahun, denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan yang menjadi hal perkara kesalahan itu jika suapan itu dapat dinilai atau berbentuk wang atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Farah Yasmin Salleh mencadangkan jaminan RM70,000 dengan seorang penjamin.

"Syarat tambahan, tertuduh perlu menyerahkan pasport kepada mahkamah dan melaporkan diri ke pejabat SPRM setiap bulan.

"Jumlah jaminan itu sesuai dan wajar. Tertuduh juga tidak boleh berinteraksi dengan saksi pendakwaan yang juga rakannya hingga kes selesai," katanya.

Peguam bela Muhammad Fariz, Ridha Abdah Subri memohon jaminan minimum RM20,000 dengan dua penjamin, namun tidak membantah syarat tambahan dicadangkan pendakwaan.

"Jumlah jaminan itu mengambil kira keadaan kewangan anak guam yang adalah penanggung tunggal keluarga termasuk dua anak berusia lapan serta lima tahun yang tinggal bersamanya.

"Tertuduh sudah bercerai dengan isteri pada tahun lalu manakala bapa meninggal dunia pada 2016 dan ibu yang sudah uzur turut tinggal bersamanya," katanya.

Mahkamah kemudian membenarkan jaminan RM40,000 dengan dua penjamin serta syarat tambahan dicadangkan pendakwaan selain menetapkan 18 September ini untuk sebutan semula kes.

**Mahkamah menetapkan 18 September ini untuk sebutan semula kes**

**HARIAN METRO**
**04/08/2023**
**(JUMAAT)**

# Rasuah secara tersembunyi rosakkan integriti pilihan raya



Pensyarah Kanan Jabatan Undang-Undang Islam, Kulliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Oleh Dr Mohamed Rashid Ab Razak
bhrencana@bh.com.my

**Isu** rasuah dan penyalahgunaan kuasa kembali menjadi tumpuan pada Pilihan Raya Negeri (PRN) selepas ada beberapa wakil parti disyaki melakukan rasuah secara implisit sebagai taktik memenangi hati pengundi.

Rasuah secara implisit ini tidak membabitkan pertukaran wang secara terang-terangan sebaliknya, membabitkan penyalahgunaan kuasa, penyaluran bantuan dan projek secara tidak adil serta tindakan bagi mempengaruhi keputusan pengundi.

Contohnya, ada pemimpin dan parti melaksanakan pembangunan infrastruktur dan penyaluran bantuan ke kawasan dikuasai parti tertentu atau pengundi yang diharap menyokong mereka.

Rasuah secara implisit ini dikhuatiri menyebabkan calon terdedah kepada kesalahan pilihan raya, berpotensi memaksa pilihan raya diadakan semula, seperti berlaku di kerusi Parlimen Kuala Terengganu sebelum ini.

Walaupun kelihatan sebagai tindakan biasa atau menonjolkan sikap 'baik hati', sebenarnya ia satu bentuk rasuah lebih halus dan kompleks. Ia berpotensi merosakkan integriti proses pilihan raya dan mempengaruhi keputusan pengundi.

Dalam menghadapi isu ini, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) harus bertindak tegas. Mereka perlu menyiasat laporan dan dakwaan diterima dengan teliti dan cekap.

Langkah ini bukan sahaja penting untuk menegakkan keadilan ketika PRN, tetapi juga untuk memastikan integriti dan kepercayaan rakyat terhadap proses pilihan raya dapat dipelihara.

Sebagai tambahan, SPRM juga perlu meningkatkan pemantauan mereka terhadap aktiviti parti, terutama ketika tempoh kempen. Pendidikan dan kesedaran segala elemen membentuk rasuah dan bagaimana ia boleh mempengaruhi proses pilihan raya harus diperkasa.

**Calon, parti perlu berhati-hati**

Dalam konteks lebih besar, semua parti dan calon bertanding perlu berhati-hati dan memahami kesalahan serta hukuman berkaitan kesalahan pilihan raya, terutama aktiviti kempen berunsur rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

Ini termasuk kesalahan mengikut Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (AKPR 1954), Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Kanun Keseksaan dan Akta Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

AKPR 1954 mempunyai undang-undang ketat, namun Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tidak mempunyai kuasa untuk menguatkuasakannya, termasuk tidak boleh menjalankan siasatan, memberikan denda terhadap calon atau siapa sahaja melanggar undang-undang pilihan raya.



Bagaimanapun, undang-undang sedia ada masih membolehkan SPRM, polis dan SKMM mengambil tindakan tegas terhadap amalan rasuah, salah guna kuasa dan kesalahan berkaitan PRN apabila ada laporan.

Setiap calon harus memahami dengan jelas peruntukan AKPR 1954 mengandungi kesalahan rasuah dan salah guna kuasa. Ini termasuk Seksyen 8 (menjamu), Seksyen 9 (pengaruh tidak wajar) dan Seksyen 10 (rasuah) berlaku ketika atau selepas tempoh pilihan raya. Hukumannya boleh merangkumi penjara, pembatalan kelayakan sebagai wakil rakyat dan kehilangan hak mengundi.

Di samping itu, semua parti politik perlu memahami batas perbelanjaan ketika pilihan raya. Mengikut Seksyen 19 akta itu, batas maksimum perbelanjaan pilihan raya adalah RM150,000 untuk setiap kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan RM200,000 untuk setiap kerusi Parlimen.

Keadaan ini membuka peluang untuk pembaharuan dalam AKPR 1954, termasuk memberikan kuasa penguatkuasaan kepada SPR, mengkaji semula batas perbelanjaan pilihan raya dan memperkuatkan audit serta pemeriksaan perbelanjaan pilihan raya.

Calon dan penyokong harus menjalankan kempen dalam batas undang-undang dan mematuhi prosedur operasi standard (SOP), sementara agensi penguatkuasaan harus melaksanakan tugas mereka melindungi proses demokrasi.

Mengikut teori demokrasi, pilihan raya adalah salah satu cara terbaik untuk memerangi rasuah dan memastikan pemilihan adil dan bebas.

Seterusnya, kerajaan terbentuk harus berusaha menjadi berintegriti, stabil dan bebas rasuah serta bekerjasama dengan rakyat untuk melawan rasuah demi masa depan negara dan generasi akan datang.

BERITA HARIAN
04/08/2023
(JUMAAT)

Usaha perangi rasuah sehingga akar umbi

# Bangkit perangi rasuah bermula dari sekolah rendah

Oleh MUHAMMAD SHAMSUL ABD GHANI
SHAH ALAM

Budaya memerangi rasuah perlu bermula dari peringkat awal di sekolah rendah, sekali gus membentuk jati diri benci rasuah apabila dewasa kelak.

Pengerusi Rasuah Busters Selangor, Wilayah Persekutuan dan Putrajaya, Profesor Dr Hamdan Daniel M Sharib berkata, kesedaran awal ini membolehkan negara melihat hasilnya dalam tempoh satu dekad, seterusnya menjadi negara bebas rasuah.

"Melentur buluh biarlah daripada rebungnya. Maka, begitu juga usaha kita memerangi rasuah sehingga akar umbi melalui kesedaran awal anak-anak di bangku sekolah rendah.

"Semoga mereka ini kelak menjadi warga yang penuh jati diri dan menaikkan nama Malaysia sebagai negara bebas gejala rasuah," katanya kepada Rasuah Busters, baru-baru ini.

Beliau ditemui selepas menyampaikan hadiah Program Bicara Cilik Rasuah Busters kepada Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Kuda, Klang pada Jumaat.

Hamdan yang juga Exco Persatuan Tadika Islam Malaysia berkata, anak-anak ini bakal menjadi warga kerja penuh integriti dalam melunaskan tanggungjawab yang bakal digalas nanti.

Terdahulu, seramai 10 pelajar dinobatkan sebagai pembentang terbaik program berkenaan yang diadakan secara dalam talian.

"Ayuh kita berikan sokongan padu dalam usaha memerangi rasuah.

"Waktu tunggu dan lihat seharusnya disusuli langkah drastik untuk Malaysia bangkit memerangi rasuah," katanya.



**Hamdan (dua dari kanan) bersama pasukan Bicara Cilik Rasuah Busters SK Bukit Kuda Klang.**

**SINAR HARIAN**
**15/08/2023**
**(SELASA)**

# Beri kerjasama SPRM siasat suspek pelaku rasuah - ABIM



ZAIRUDIN

**SHAH ALAM** – Semua pihak perlu memberi kerjasama kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk melakukan siasatan penuh terhadap pihak disyaki terlibat dalam penyelewengan.

Naib Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Zairudin Hashim berkata, bagi setiap siasatan dan pendakwaan, keberanian bertindak perlu terus digerakkan tanpa mengira status serta latar belakang pelaku.

Menurutnya, tindakan berterusan perlu dilakukan bagi membanteras gejala rasuah yang semakin menjadi barah dalam negara.

"Generasi muda perlu lebih didedahkan kepada pendidikan kenegaraan iaitu menerusi konteks membina sebuah negara.

"Justeru, saya berharap semua pihak memberi ruang kepada SPRM melakukan siasatan adil terhadap pihak yang didakwa terbabit dalam isu rasuah dan penyelewengan," katanya ketika dihubungi di sini pada Jumaat.

Dalam pada itu, Zairudin berkata, dunia politik perlu dilihat secara lebih meluas dan bukan hanya membabitkan soal ideologi kepartian, sebaliknya nilai jati diri perlu digerakkan bagi membentuk sahsiah terbaik.

Jelasnya, rakyat perlu memastikan mereka mampu menggembleng tekanan supaya hanya calon terbaik akan diterima penduduk setempat.

"Ini kerana, ia akan menjurus kepada setiap calon berusaha gigih menampilkan potensi terbaik mereka, di samping memberi perkhidmatan yang bersih dan cekap," katanya.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**SINAR HARIAN**
**15/08/2023**
**(SELASA)**

# Ambil tindakan segera jika terlibat rasuah - Gema

**SHAH ALAM** - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) digesa mengambil tindakan terhadap mana-mana ahli politik termasuk dalam kalangan pemimpin negara yang terbabit dalam perbuatan salah laku khususnya rasuah.



MOHAMMAD AMAR

Naib Presiden Pertubuhan Pemuda Gema Malaysia (Gema), Mohammad Amar Masuri berkata, sikap itu tidak sepatutnya ada dalam diri seorang pemimpin ketika kerajaan berusaha menjadikan negara ini sifar rasuah.

"Kesungguhan pemimpin untuk menggerakkan atau memajukan nasib rakyat perlu disertakan dengan kebolehannya yang bersesuaian nilai integriti, amanah dan telus," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian*.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan media mengenai Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi yang mengumumkan peruntukan lebih setengah juta ringgit membabitkan Persatuan Belia Gabungan Ketengah berjumlah RM100,000 selain RM250,000 untuk Majlis Belia Terengganu dan RM200,000 bagi persatuan permotoran di Terengganu.

Dalam laporan tersebut, Ahmad Zahid yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) dan Presiden UMNO berkata, jumlah diperuntukkan mungkin ditambah bergantung kepada keputusan pilihan raya.

Pengumuman itu menyebabkan ramai pihak mempertikaikan langkah terbabit dengan menyifatkan peruntukan itu sebagai 'rasuah' kepada pengundi di Terengganu.

Dalam pada itu, Amar berkata, pemimpin perlu fokus, mempunyai keinginan, prinsip dan integriti tinggi untuk membela nasib rakyat agar tidak terlibat dengan salah laku.

"Sekiranya terdapat unsur rasuah seperti didakwa, SPRM harus mengambil tindakan segera," ujarnya.

SINAR HARIAN
15/08/2023
(SELASA)

# Pemimpin tulen perlu bijak, jujur ketika mentadbir




Nik Mohd Hasyudeen ketika menjadi panel program 'Soalan Panas' Rasuah Busters pada Isnin.

**SHAH ALAM** - Pemimpin perlu memiliki aspek kebijaksanaan dan jujur ketika mentadbir kerana aspek itu menjadi tiang kepada sebuah kepimpinan yang baik.

Bekas Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Haji, Datuk Dr Nik Mohd Hasyudeen Yusoff berkata, kedua-dua aspek itu saling berkait dan boleh menjadi panduan kepada rakyat ketika memilih pemimpin.

Beliau berkata, dua perkara itu tidak boleh dipisahkan kerana sekiranya bijak sahaja tetapi tidak amanah, pemimpin itu tetap gagal untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai pemimpin.

"Kalau orang itu jujur sahaja tapi tidak bijak, tidak pandai, dia juga tidak boleh melaksanakan amanah dan tanggungjawab," katanya dalam temu bual Soalan Panas bagi menjawab segala isu berkaitan integriti dan rasuah yang disiarkan menerusi Facebook Rasuah Busters dan *Sinar Harian* pada Isnin.

Mohd Hasyudeen berkata, rakyat juga perlu menggunakan daya fikiran dalam membuat pemilihan terhadap seseorang pemimpin.

"Kita perlu guna akal untuk menilai, dalam masa yang sama kita kena juga tengok panduan-panduan agama berkenaan dengan pemilihan pemimpin.

"Jadi kepimpinan ini bukan hanya berkenaan dengan orang yang boleh bercakap tentang kebaikan tapi dia kena mampu melaksanakan kebaikan," jelasnya.

Menyentuh dakwaan bahawa 'rasuah sebagai satu strategi perniagaan', Nik Mohd Hasyudeen tidak bersetuju dengan perkara tersebut.

"Itu satu perkara yang amat silap. Rasuah adalah satu jenayah yang hina dan sesiapa yang melakukannya tidak boleh diberi kasihan langsung.

"Kerana ia (jenayah itu) akan melibatkan kita semua. Cuma saya nak jelaskan sedikit kepada rakyat tentang bagaimana rasuah ini sebenarnya kena pada kita semua walaupun kita rasa macam seolah-olah ia berlaku di satu peringkat lain," tegasnya.

Beliau memberi contoh kes pembinaan sebuah sekolah yang mana jika urusan pembinaannya melibatkan perbuatan rasuah, rakyat juga akan terpalit sekali dan akan menanggung beban kerugian.

"Katakanlah sekolah itu nilainya RM10 juta. Bila berlaku rasuah, ia bukan hanya dalam kalangan orang yang mahukan projek dengan orang yang nak berikan projek.

"Sebab biasanya apabila berlaku rasuah, sekolah yang RM10 juta itu akan naik harga kepada RM12 juta ke RM15 juta. Jadi yang RM15 juta itu siapa yang bayar? Yang membayarnya ialah kita semua sebagai pembayar cukai.

"Sama ada kita bayar cukai pendapatan atau kita bayar cukai jualan yang dikenakan dalam barang-barang yang dibeli," tambahnya.

**SINAR HARIAN**
**15/08/2023**
**(SELASA)**

# SPRM tahan penjawat awam bantu siasatan salah guna kuasa

**KUALA TERENGGANU** - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Terengganu menahan seorang pembantu kanan di sebuah pihak berkuasa tempatan (PBT) di sini kerana disyaki menyalah guna kuasa dengan meluluskan pengeluaran dana kebajikan kesatuan agensi tersebut untuk kegunaan peribadi.

Menurut sumber, suspek lelaki yang merupakan bendahari bagi kesatuan di PBT itu dipercayai melakukan perbuatan tersebut sejak 2017 hingga 2020 melibatkan lebih 30 transaksi dengan nilai wang penyelewengan mencecah hampir RM200,000.

Sumber berkata, lelaki berusia lingkungan 50-an itu ditahan kira-kira jam 12.30 tengah hari, Isnin di pejabat SPRM Terengganu ketika hadir memberi keterangan.

Katanya, suspek dijangka dibawa ke Mahkamah Majistret Kuala Terengganu pada Selasa bagi permohonan reman.

Sementara itu, Pengarah SPRM Terengganu, Hazrul Shazreen Abd Yazid ketika dihubungi mengesahkan penahanan tersebut dan memaklumkan kes berkenaan disiasat di bawah Seksyen 23 (1) Akta SPRM 2009.

**SINAR HARIAN**
**15/08/2023**
**(SELASA)**

# Cegah rasuah mesti bermula daripada keikhlasan diri

**TAIPING** - Warga Majlis Perbandaran Taiping (MPT) diingatkan supaya berhati-hati dalam menjalankan tugasan agar tidak terlibat dalam sebarang bentuk perlakuan rasuah dan salah guna kuasa.

Yang Dipertua MPT, Khairul Amir Mohamad Zubir berkata, usaha mencegah perbuatan itu mesti bermula daripada keikhlasan diri untuk menolak rasuah.

Menurut beliau, bagi menyemarakkan lagi budaya berintegriti dan kecemerlangan, MPT menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) buat kali kelima bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

"Kali pertama program ini diadakan ialah pada 15 Ogos 2017. Nilai integriti perlu dizahirkan dalam semua tindakan serta amalan sama ada melalui penampilan, sikap dan semasa membuat sesuatu keputusan," katanya ketika berucap pada Majlis Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah MPT di sini baru-baru ini.

Sementara itu, Timbalan Pengarah (Operasi) SPRM Perak, Mustafa Kamal Ahmad berkata, kes membuat tuntutan palsu dan memberi perkhidmatan secara pilih bulu antara yang kerap dilaporkan.

"Gejala rasuah dan tidak berintegriti memberi kesan buruk kepada jentera pentadbiran kerajaan. Lebih malang lagi, boleh menjadikan negara terlibat dengan keberhutangan serius serta membuka peluang kepada kegiatan mengancam keselamatan negara.



**Warga MPT menyertai Ikrar Bebas Rasuah bersama SPRM Perak sebagai komitmen pihak berkuasa tempatan itu menolak pelakuan jenayah rasuah dan salah guna kuasa.**

"Nilai didikan integriti inilah yang menjadi benteng yang menghalang segala tipu daya yang boleh menjerumuskan kita ke kancah perbuatan tidak bermoral. Perjuangan membanteras jenayah rasuah bukan terletak di bahu pihak SPRM semata-mata," tegasnya.

Sinar Harian
16/8/2023
Rabu

**SINAR HARIAN**
**16/08/2023**
**(RABU)**

# Rasuah: Pembantu kanan PBT direman

**KUALA TERENGGANU** - Seorang pembantu kanan di sebuah pihak berkuasa tempatan (PBT) di sini direman selama lima hari bagi membantu siasatan kes penyalahgunaan kuasa.

Majistret Nik Mohd Tarmizie Nik Mohd Sukri membenarkan permohonan reman terhadap lelaki berusia lingkungan 50-an bermula Selasa hingga Sabtu.

Perintah reman itu dibenarkan bagi membantu siasatan kes di bawah Seksyen 23 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Menurut sumber, lelaki terbabit yang juga bendahari bagi kesatuan di PBT itu disyaki meluluskan pengeluaran dana kebajikan kesatuan kakitangan PBT untuk kegunaan peribadi.

Suspek dipercayai melakukan perbuatan berkenaan sejak 2017 hingga 2020 melibatkan lebih 30 transaksi dengan nilai wang mencecah hampir RM200,000.

Sumber memaklumkan, lelaki berkenaan ditahan kira-kira jam 12.30 tengah hari ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Terengganu pada Isnin. – *Bernama*

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**SINAR HARIAN**
**16/08/2023**
**(RABU)**

# Pas sudah jangka sejak awal Muhyiddin akan bebas tuduhan rasuah

**SHAH ALAM** - Pas sudah menjangkakan sejak awal bahawa bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin bebas daripada empat pertuduhan guna kedudukan untuk suapan berjumlah RM232.5 juta yang dikaitkan dengan Program Jana Wibawa.

Setiausaha Agungnya, Datuk Seri Takiyuddin Hassan berkata, ini kerana Pas yakin pertuduhan yang dikenakan ke atas Pengerusi PN itu merupakan pertuduhan terpilih dan berbaur politik.

Menurutnya, Pas selaku sekutu Bersatu di dalam PN sememangnya pasti tuduhan itu sebagai satu perancangan untuk melemahkan PN.

"Namun saya tidak nampak ia akan menjejaskan prestasi kita (PN), malah telah menambahkan lagi sokongan dalam enam pilihan raya negeri Sabtu lalu.

"Jelas, pendakwaan ke atas Tan Sri Muhyiddin adalah satu bentuk pemangsaan politik yang terancang.

"Pas turut yakin tindakan terhadap Muhyiddin juga adalah bagi menutup aib dan melencongkan perhatian rakyat daripada isu yang berlaku di dalam UMNO yang menjadi sebahagian daripada kerajaan," katanya.

Mengulas lanjut, Takiyuddin menzahirkan rasa syukur dengan keputusan tersebut.

Sinar Harian
16/8/2023
Rabu

**SINAR HARIAN**
**16/08/2023**
**(RABU)**



SUSPEK dipercayai kemuka dokumen mengandungi butiran palsu bagi menuntut bayaran gaji seorang pekerja sejak November 2020 hingga Januari lalu.

# *Pengurus disyaki guna dokumen palsu tuntut gaji pekerja*

**Melaka** Seorang pengurus ladang direman tujuh hari bermula semalam bagi membantu siasatan kerana disyaki menggunakan dokumen mengandungi butiran palsu untuk menuntut gaji seorang pekerja berjumlah kira-kira RM40,000 sejak tiga tahun lalu.

Perintah tahanan reman terhadap lelaki berusia 40 tahun itu dikeluarkan Majistret Sharda Shienha Mohd Sulaiman selepas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membuat permohonan itu di Mahkamah Majistret Ayer Keroh di sini, pagi semalam mengikut peruntukan Seksyen 117 Kanun Acara Jenayah.

Terdahulu, lelaki itu tiba di pekarangan Kompleks Mahkamah Ayer Keroh di sini, pada jam 9 pagi dengan diiringi pegawai serta memakai pakaian lokap SPRM.

Menurut sumber SPRM, lelaki itu yang juga pengurus ladang sebuah pertubuhan peladang di Johor itu dipercayai mengemukakan dokumen mengandungi butiran palsu bagi menuntut bayaran gaji seorang pekerja sejak November 2020 hingga Januari lalu.

Katanya, lelaki itu ditahan pada jam 6 petang kelmarin ketika hadir memberikan keterangan di pejabat SPRM Melaka.

Sementara itu, Pengarah SPRM Melaka Mohd Shahril Che Saad ketika dihubungi mengesahkan tangkapan dan memaklumkan kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**SINAR HARIAN**
**16/08/2023**
**(RABU)**

# Bekas pegawai kanan DBKL dipenjara 4 tahun, denda RM1j



*Sabudin tiba di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam.*
(Foto Saifullizan Tamadi/BH)

**Kuala Lumpur:** Mahkamah Tinggi di sini, semalam menjatuhkan hukuman penjara empat tahun dan denda RM1 juta terhadap bekas Timbalan Pengarah Kanan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Sabudin Mohd Salleh, selepas didapati bersalah atas dua tuduhan menerima rasuah RM200,000.

Hakim K Muniandy, memutuskan hukuman penjara empat tahun bagi setiap tuduhan yang berjalan serentak bermula semalam dan denda RM1 juta bagi kedua-dua tuduhan atau dipenjara empat tahun, jika gagal membayar denda.

Bagaimanapun, mahkamah membenarkan permohonan peguam, K Theivaendran mewakili Sabudin, 60, untuk menangguhkan hukuman berkenaan sementara menunggu proses rayuan akhir di Mahkamah Rayuan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Wan Shaharuddin Wan Ladin memohon supaya Sabudin dipenjara antara lima hingga 10 tahun dan didenda RM1 juta.

"Ia mengambil kira faktor kepentingan awam, selain kesalahan itu serius kerana membabitkan kes rasuah," katanya.

## Mohon dipenjara sehari

Bagaimanapun, seorang lagi peguam bela Sabudin, Y Sheelan Samuagam, memohon supaya anak guam dipenjara sehari atas alasan menghidap osteoartritis atau sakit sendi lutut, selain menjalani beberapa pembedahan besar.

"Anak guam saya tidak dapat berdiri atau berjalan dengan baik dan memerlukan bantuan kerusi roda. Selepas kaki kiri dibedah pada Januari lalu, keadaannya tidak stabil.

"Dia perlu kerap mendapatkan rawatan susulan di hospital," katanya.

Pada 27 Julai lalu, Mahkamah Tinggi mendapati Sabudin bersalah atas tuduhan terbabit selepas membenarkan rayuan pendakwaan terhadap keputusan Hakim Mahkamah Sesyen, Rozina Ayob, yang didapati membuat kesilapan dan tersalah arah apabila membebaskan tertuduh pada akhir kes pembelaan.

Pada 2 Jun lalu, pendakwaan menegaskan Mahkamah Sesyen keliru dengan dua tuduhan memperoleh suapan berjumlah RM200,000 bagi mengeluarkan permit kerja yang dihadapi Sabudin.

Wan Shaharuddin dilaporkan berkata, hakim terbabit menyalahkan pendakwaan kerana gagal menunjukkan ada keperluan bagi Sabudin meminta rasuah daripada saksi utama pendakwaan, Wong May Kuan, iaitu subkontraktor kepada syarikat Dusari Niaga.

Theivaendran pula dipetik berkata, Mahkamah Sesyen membuat dapatan yang betul ketika membebaskan anak guamnya berdasarkan keterangan dikemuka oleh saksi.

Pada 15 September 2022, Sabudin menitiskan air mata selepas kali kedua dilepas dan dibebaskan Mahkamah Sesyen daripada dua pertuduhan memperoleh suapan RM200,000 bagi mengeluarkan permit kerja.

Keputusan itu dibuat Rozina selepas mendapati pihak pembelaan berjaya mematahkan dan menyangkal kes pendakwaan dengan memberi penjelasan jujur.

Pada 4 Julai tahun lalu, pihak pembelaan menutup kes selepas memanggil lima saksi termasuk Sabudin untuk memberi keterangan pada prosiding bermula 12 Mei tahun sama.

**BERITA HARIAN**
**16/08/2023**
**(RABU)**

# AJK persatuan disiasat kes rasuah

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang ahli jawatankuasa persatuan penjaja selepas disyaki meminta dan menerima rasuah kira-kira RM27,009 pada tahun lalu.

Difahamkan, suspek menerima wang itu daripada seorang pemilik syarikat pembinaan sebagai dorongan membantu syarikatnya mendapatkan lesen sementara daripada pihak berkuasa tempatan (PBT).

Sumber berkata, lelaki berusia 57 tahun ditahan ketika hadir memberikan keterangan di Pejabat SPRM Kuala Lumpur kira-kira jam 1.30 tengah hari kelmarin.

"Peniaga (pemilik syarikat) terbabit bagaimanapun diambil tindakan oleh pihak berkuasa walaupun dikatakan sudah membayar wang kepada suspek.

"Suspek dipercayai menerima suapan melalui beberapa pindahan wang ke akaun bank syarikat miliknya dan melakukan kesalahan itu sekitar Jun sehingga Julai 2022," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Kuala Lumpur Mohamad Fauzi Husin ketika dihubungi mengesahkan penahanan berkenaan dan suspek dibebaskan dengan jaminan SPRM sebaik keterangan diambil.

Menurutnya, kes disiasat mengikut Seksyen 16(a) Akta SPRM 2009.

> *Suspek dipercayai menerima suapan melalui beberapa pindahan wang ke akaun bank syarikat miliknya"*
>
> **Sumber**

**HARIAN METRO**
**17/08/2023**
**(KHAMIS)**

# 'Satukan hati lawan rasuah'

## Sebarkan mesej di sekolah melalui Program Bicara Cilik Rasuah Busters

Oleh **MUHAMMAD SHAMSUL ABD GHANI**
SHAH ALAM

Program Bicara Cilik Rasuah Busters yang menutup tirai pada Jun lalu, berjaya menyatukan hati semua pihak bagi memerangi perbuatan jijik rasuah.

Guru Besar Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Kuda, Klang, Selangor, Norfazilah Baharum berkata, penyertaan hampir 30 buah sekolah dari seluruh Malaysia itu menggambarkan kesatuan dalam menyemarakkan kebencian terhadap rasuah dalam kalangan murid dan pelajar.

Katanya, ia sekali gus menjadi ejen penentang rasuah yang turut mengajak masyarakat untuk bersama melawan jenayah jijik itu.

"Program ini adalah bukti nyata betapa kita semua telah bersatu hati menentang rasuah dan mewujudkan sebuah masyarakat yang bermaruah. Dalam dunia yang semakin kompleks dan berubah dengan laju ini, rasuah telah menjadi batu sandungan utama yang menghalang keadilan dan integriti.

"Namun, hari ini kita berkumpul sebagai komuniti yang berani untuk memberontak dan menjadikan rasuah sebagai musuh bersama," katanya kepada Rasuah Busters.

Terdahulu, peserta dari sekolah tersebut Hadif Rayyan Hazri menjadi salah seorang pemenang untuk kategori sekolah rendah.



NORFAZILAH



HADIF RAYYAN

Selain Hadif Rayyan, sembilan yang lain telah dinobatkan sebagai pembentang terbaik Program Bicara Cilik Rasuah Busters Peringkat Kebangsaan Tahun 2023.

Mereka ialah Nur Haziqah Azhar Hisyam dari SK Matang Gerdu, Bagan Serai, Perak, Nurul Adriana Safura Mohammad Zairi dari SK Si Rusa, Port Dickson, Negeri Sembilan; Ahmad Muaz Azurahisham dari SK Tanah Puteh, Pahang dan Khyra Dania Khairyna Mohd Hazwan dari SK Permatang Tok Dik, Padang Serai, Kedah.

Sementara itu, lima pelajar iaitu Nurul Najwa Ahmad Jalani dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Maran, Pahang; Muhammad Nor Hafizie Amir dari SMK (Felda) Seri Sendayan, Seremban, Negeri Sembilan; Nur Juita Batrisyia Mohd Faisal (SMK Seri Panching, Kuantan, Pahang); Nurul Yasmin Irdina Maslizi (Sekolah Menengah Agama Marang, Terengganu) dan Muhammad Ariq Erihoor Enche Guri (SMK Kampung Nangka, Sibu, Sarawak) pula mengungguli kategori sekolah menengah.

Program yang dijalankan secara dalam talian itu disiarkan di saluran YouTube SKKB Ts25 (TV SK Kg Baharu Sekolah Transformasi 2020-2025) dan Facebook Rasuah Busters serta *Sinar Bestari*.

Tambah Norfazilah, kejayaan program berkenaan merupakan langkah awal dalam mewujudkan suasana yang lebih baik ke arah menyemai mesej antirasuah dalam kalangan murid, pelajar dan juga masyarakat.

"Kejayaan kita hari ini adalah langkah pertama menuju masyarakat yang lebih adil dan bermaruah, namun perjalanan ini masih jauh dan mencabar.

"Kita perlu terus berusaha untuk mengukuhkan integriti dan mengajar generasi akan datang mengenai kepentingan nilai-nilai yang benar untuk menjadikan dunia yang lebih baik, bebas daripada rasuah," katanya.

**SINAR HARIAN**
**17/08/2023**
**(KHAMIS)**

# Terima rasuah RM27,000, ahli jawatankuasa persatuan penjaja ditahan SPRM

**SHAH ALAM** - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang ahli jawatankuasa persatuan penjaja kerana disyaki meminta dan menerima rasuah kira-kira RM27,000 daripada seorang pemilik syarikat pembinaan.

Menurut sumber, wang itu diberikan sebagai dorongan membantu syarikat tersebut mendapatkan lesen sementara daripada pihak berkuasa tempatan.

Katanya, peniaga terlibat bagaimanapun telah diambil tindakan oleh pihak berkuasa meskipun dipercayai telah membayar wang kepada suspek.

"Lelaki tersebut dipercayai menerima wang suapan melalui beberapa pindahan wang ke akaun bank syarikat miliknya dan melakukan kesalahan itu sekitar Jun hingga Julai 2022.

"Suspek dipercayai ditahan jam 1.30 petang Selasa ketika diminta hadir memberikan keterangan di SPRM Kuala Lumpur," katanya pada Rabu.

Sementara itu, Pengarah SPRM Kuala Lumpur, Mohamad Fauzi Husin ketika dihubungi turut mengesahkan penahanan tersebut dan kes disiasat mengikut Seksyen 16(a) Akta SPRM 2009, namun suspek dibebaskan dengan jaminan SPRM.

# SPRM tahan dua lelaki termasuk pengarah sebuah agensi kerajaan

**SEREMBAN** - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan dua individu termasuk seorang penjawat awam berjawatan pengarah kerana disyaki menyalahgunakan jawatan untuk mendapatkan kontrak kerja-kerja berkaitan sebuah agensi kerajaan.

Sumber berkata, kedua-dua suspek dipercayai berusia antara 20-an hingga 40-an itu ditahan antara kira-kira jam 3 dan 5 petang ketika diminta hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Negeri Sembilan.

"Suspek pertama berjawatan pengarah berusia 40-an dipercayai menyalahgunakan jawatannya untuk mendapatkan suapan dengan melantik syarikat-syarikat yang beliau mempunyai kepentingan.

"Ia bagi mendapatkan kerja-kerja di sebuah agensi kerajaan di cawangan Negeri Sembilan dan Melaka membabitkan jumlah keseluruhan lebih RM200,000," katanya pada Rabu.

Jelas beliau, suspek dipercayai bersubahat dengan seorang lelaki berusia 20-an dan perbuatan itu dilakukan pada tahun 2019 hingga 2020.

Pengarah SPRM Negeri Sembilan, Awgkok Ahmad Taufik Putra Awg Ismail ketika dihubungi mengesahkan tangkapan tersebut.



Dua lelaki ditahan SPRM disyaki salah guna kuasa.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**SINAR HARIAN**
**17/08/2023**
**(KHAMIS)**

# Koperal tidak mengaku terima suapan

**KUANTAN** - Seorang anggota polis berpangkat koperal mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Kuantan di sini atas empat pertuduhan menerima suapan RM1,000.

Tertuduh, Ahmad Amin Mohd Komar, 39, membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Datuk Ahmad Mohzani Mohd Zain.

Dia didakwa dengan empat pertuduhan menerima rasuah daripada seorang lelaki melalui pindahan wang ke akaun bank milik isterinya.

Ahmad Amin yang bertugas di Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Polis daerah Pekan didakwa melakukan kesalahan itu antara Oktober 2017 hingga Mac 2018 dan mahkamah menetapkan 21 September ini untuk sebutan semula kes.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**SINAR HARIAN**
**17/08/2023**
**(KHAMIS)**



DUA individu ditahan SPRM disyaki salah guna jawatan mendapatkan kontrak kerja berkaitan sebuah agensi kerajaan.

# Dua disyaki salah guna jawatan dicekup

Seremban: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Sembilan menahan dua individu termasuk seorang penjawat awam berpangkat pengarah kerana disyaki menyalahgunakan jawatan mendapatkan kontrak kerja berkaitan sebuah agensi kerajaan.

Kedua-dua suspek ditahan antara jam 3 hingga jam 5 petang kelmarin di Pejabat SPRM, di sini, ketika hadir memberikan keterangan.

Sumber memaklumkan, pengarah jabatan berkenaan mendapat suapan lebih RM200,000 dengan melantik syarikat yang mempunyai kepentingan bagi dirinya untuk beberapa projek agensi kerajaan.

"Kedua-dua suspek masing-masing berusia 20-an dan 40-an itu ditahan antara kira-kira jam 3 dan 5 petang ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Negeri Sembilan.

"Suspek pertama berjawatan pengarah berusia 40-an dipercayai menyalahgunakan jawatannya untuk mendapatkan suapan.

"Dia dipercayai melantik syarikat yang mempunyai kepentingan untuk mendapatkan kerja di sebuah agensi kerajaan di cawangan Negeri Sembilan dan Melaka membabitkan jumlah keseluruhan lebih RM200,000," katanya ketika dihubungi.

Tambahnya, suspek dipercayai bersubahat dengan seorang lelaki berusia 20-an dan perbuatan itu dipercayai dilakukan dari 2019 hingga 2020.

"Kedua-dua suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Seremban untuk permohonan reman sebelum permohonan dibenarkan selama tiga hari bermula hari ini (semalam)," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Negeri Sembilan, Awgkok Ahmad Taufik Putra Awg Ismail mengesahkan tangkapan itu dan berkata kes disiasat mengikut Seksyen 23, Akta SPRM 2009.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**HARIAN METRO**
**17/08/2023**
**(KHAMIS)**

# 'Saya bukan larikan diri'

## Peguam dakwa diganggu pegawai SPRM dengan ancaman fitnah, pembunuhan watak

Oleh Farah Marshita Abdul Patah
farahmarshita@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Peguam yang juga pengarah dan pemegang saham NERS Sdn Bhd (NERS), Mansoor Saat, yang dicari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), menyangkal dakwaan melarikan diri daripada menghadapi pertuduhan.

Mansoor, 69, menegaskan beliau bukan seorang pelarian dan tidak melarikan diri, selain sudah memberi kerjasama kepada SPRM yang mengetahui keberadaannya.

Katanya, tindakan keluar dari Malaysia dibuat secara sah atas urusan perniagaan, namun ia kini digunakan terhadapnya sebagai isyarat seolah-oleh dirinya bersalah.

"Saya meninggalkan Malaysia pada pertengahan Mei atas urusan perniagaan. Saya kemudian dihubungi pegawai penyiasat SPRM dan memberi maklum balas melalui surat bertarikh 3 Jun 2023 bahawa saya akan kembali selepas menyelesaikan urusan perniagaan.

"Bagaimanapun, pegawai penyiasat SPRM menggesa saya pulang segera ketika kemuncak kempen Pilihan Raya Negeri (PRN). Saya memaklumkan ada urusan yang belum selesai dan akan pulang dalam masa terdekat," katanya dalam kenyataan semalam.

Sebelum ini, menantu bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Datuk Seri Muhammad Adlan Berhan, dilapor menegaskan tidak pernah ditangkap atau dihubungi SPRM selepas didakwa melarikan diri ke luar negara dan dimasukkan dalam senarai orang dikehendaki agensi itu.

Semakan rekod mendapati Muhammad Adlan dan Mansoor meninggalkan Malaysia masing-masing pada 17 Mei dan 21 Mei lalu dengan tiada rekod kembali ke tanah air.



Mansoor Saat

Penafian Mansoor itu dilakukan selepas SPRM mengeluarkan kenyataan mengesan kedua-duanya bagi membantu siasatan kes penyelewengan projek pendaftaran, pengambilan dan penyimpanan biometrik pekerja asing bagi sebuah kementerian.

### Akaun peribadi, isteri dibeku

Tegasnya, keengganan pulang ke tanah air sebelum PRN menyebabkan akaun peribadinya dan isteri dibekukan tanpa notis.

Beliau turut mendakwa diganggu secara berterusan oleh pegawai SPRM dengan ancaman fitnah dan pembunuhan watak.

"Kenyataan kononnya saya tidak dapat dihubungi adalah tidak benar. Pegawai penyiasat yang mengendalikan siasatan mengetahui keberadaan saya.

"Saya tidak akan membenarkan diri saya dibuli untuk menyerah dan melepaskan saham saya untuk dimanfaatkan pemain korporat yang rapat dengan sesetengah pegawai SPRM.

"Saya menolak naratif palsu ini," katanya.

Mansoor mendakwa dikaitkan secara tidak sah kerana mempunyai urusan perniagaan dengan Muhammad Adlan.

"Saya seorang ahli perniagaan serta peguam bela dan peguam cara yang mempunyai urusan perniagaan dengan ramai orang, namun saya terkejut kerana hubungan saya dengan Muhammad Adlan yang dikhususkan.

"Tindakan mengeluarkan kenyataan media bagi mencari keberadaan saya tidak perlu sama sekali. Ia hanya menguatkan kepercayaan saya bahawa wujud usaha berterusan untuk memburuk-burukkan dan membunuh watak dan reputasi, termasuk saya," katanya.

Mansoor mengesahkan akan kembali ke Malaysia untuk menghadapi pendakwaan sekiranya ada, namun tidak akan berbuat demikian selagi dianiaya.

Beliau turut menolak sebarang cubaan SPRM menggunakan media bagi mempengaruhi pendapat umum terhadapnya atau orang lain sebagai bersalah, pada masa sama, meningkatkan reputasi agensi itu.




Keratan akhbar BH 10 Ogos lalu

**BERITA HARIAN
18/08/2023
(JUMAAT)**



# 'Sudah beri kerjasama'

*Mansoor dakwa diganggu tanpa henti oleh SPRM dengan ancaman fitnah, pembunuhan watak*

Oleh Farah Marshita Abdul Patah
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

"Saya bukan pelarian dan tidak melarikan diri serta sudah memberikan kerjasama kepada SPRM yang mengetahui keberadaan saya," kata peguam, Mansoor Saat.

Mansoor, 69, yang dicari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), juga adalah pengarah dan pemegang saham NERS Sdn Bhd (NERS).

Mansoor pada kenyataan semalam, menyangkal dakwaan bahawa dia melarikan diri daripada menghadapi pertuduhan.

Mansoor sebaliknya menegaskan bahawa beliau bukan pelarian dan tidak melarikan diri serta sudah memberikan kerjasama kepada SPRM yang mengetahui keberadaannya.

Katanya, tindakan beliau keluar dari Malaysia dibuat secara sah atas urusan perniagaan, namun ia kini digunakan terhadapnya sebagai isyarat bahawa beliau bersalah.

"Saya meninggalkan Malaysia pada pertengahan Mei lalu atas urusan perniagaan. Saya kemudian dihubungi oleh pegawai penyiasat SPRM dan memberi maklum balas melalui surat bertarikh 3 Jun 2023 bahawa saya akan kembali selepas menyelesaikan urusan perniagaan.

*"Saya bagaimanapun tidak akan membenarkan diri saya dibuli untuk menyerah dan melepaskan saham saya untuk dimanfaatkan oleh pemain korporat yang rapat dengan sesetengah pegawai SPRM"*

**Mansoor Saat**

"Bagaimanapun, pegawai penyiasat SPRM menggesa saya untuk pulang dengan segera ketika kemuncak kempen politik Pilihan Raya Negeri (PRN)...Saya memaklumkan terdapat urusan yang belum selesai dan akan pulang dalam masa terdekat," katanya.

Mansoor berkata, keengganan beliau untuk pulang ke tanah air sebelum PRN menyebabkan akaun peribadi beliau dan isteri dibekukan tanpa sebarang notis.

Beliau turut mendakwa diganggu tanpa henti oleh pegawai SPRM dengan ancaman fitnah dan pembunuhan watak.

"Sebarang kenyataan bahawa saya tidak dapat dihubungi adalah tidak benar. Pegawai penyiasat yang mengendalikan siasatan mengetahui keberadaan saya.

"Saya bagaimanapun tidak akan membenarkan diri saya dibuli untuk menyerah dan melepaskan saham saya untuk dimanfaatkan oleh pemain korporat yang rapat dengan sesetengah pegawai SPRM. Saya menolak naratif palsu ini dengan segala kekuatan yang saya miliknya," katanya.

Mansoor berkata, beliau dikaitkan secara tidak sah kerana mempunyai urusan perniagaan dengan Muhammad Adlan (menantu bekas Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin, Datuk Seri Muhammad Adlan Berhan).

"Saya seorang ahli perniagaan serta peguam bela dan peguam cara yang mempunyai urusan perniagaan dengan ramai orang lain, namun saya terkejut kerana hubungan saya dengan Muhammad Adlan yang dikhususkan.

"Tindakan mengeluarkan kenyataan media bagi mencari keberadaan saya adalah tidak perlu sama sekali. Ia berfungsi menguatkuasakan kepercayaan saya bahawa terdapat usaha berterusan untuk memburuk-burukkan dan membunuh watak dan reputasi, termasuk saya," katanya.

Tegasnya, beliau akan kembali ke Malaysia untuk menghadapi pendakwaan sekiranya ada, namun tidak akan berbuat demikian selagi dianiaya.

Mansoor berkata, beliau menolak sebarang cubaan SPRM untuk menggunakan media bagi mempengaruhi pendapat umum terhadapnya atau orang lain sebagai bersalah dan pada masa sama, meningkatkan reputasi agensi itu atau untuk meredakan dispensasi politik.

## Jangan bagi banyak alasan: Azam Baki

Kuala Lumpur: "Balik saja dan jangan bagi banyak alasan," kata Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Tan Sri Azam Baki.

Beliau berkata demikian apabila diminta mengulas berkaitan peguam yang juga Pengarah dan pemegang saham NERS Sdn Bhd (NERS) Mansoor Saat serta menantu bekas Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin, Datuk Seri Muhammad Adlan yang dicari SPRM.

"Saya tetap dengan pendirian saya. Awak balik saja dan hadapi apa jua siasatan dan jangan bagi banyak alasan, saya tidak mahu dengar.

"Mungkin cakap saya ini cakap yang orang tidak suka, tetapi itulah saya. Jadi awak berdua, balik sahaja dan jangan bagi alasan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Forum Eksekutif Merdeka, Tadbir Urus Terbaik Dalam Sektor Awam di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) di sini, semalam.

Semalam, Mansoor, 69, menyangkal dakwaan melarikan diri daripada menghadapi pertuduhan.

Tegasnya pada kenyataan media, beliau bukan seorang pelarian dan tidak melarikan diri, selain sudah memberi kerjasama kepada SPRM yang mengetahui keberadaannya.

Kata Mansoor, tindakan keluar dari Malaysia dibuat secara sah atas urusan perniagaan, namun ia kini digunakan terhadapnya sebagai isyarat seolah-olah dirinya bersalah.

Sebelum ini, Muhammad Adlan turut dilapor menegaskan tidak pernah ditangkap atau dihubungi SPRM selepas didakwa melarikan diri ke luar negara dan dimasukkan dalam senarai orang dikehendaki agensi itu.

Semakan rekod mendapati, Muhammad Adlan dan Mansoor meninggalkan Malaysia masing-masing pada pada 17 Mei dan 21 Mei lalu dengan tiada rekod kembali ke tanah air.

*"Saya tetap dengan pendirian saya. Awak balik saja dan hadapi apa jua siasatan"*
Azam Baki

**HARIAN METRO**
**18/08/2023**
**(JUMAAT)**

# Dua lelaki disyaki makan suap kena reman 4 hari

Shah Alam: Dua lelaki termasuk seorang penguat kuasa direman empat hari bermula semalam kerana disyaki menerima rasuah berjumlah kira-kira RM105,000 bagi tujuan mendapatkan surat jaminan kemasukan warga asing ke Malaysia.

Perintah reman sehingga Ahad ini dibenarkan Majistret Nur Faizah Abdul Sani selepas permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Selangor di Mahkamah Majistret, di sini.

Kelmarin, dua individu berkenaan masing-masing ditahan di Pejabat SPRM Selangor dan Pahang ketika hadir memberi keterangan pada jam 1 tengah hari.

**» INFO**

***Disyaki terima rasuah RM105,000 bagi mendapatkan surat jaminan kemasukan warga asing ke Malaysia.***

***Dua individu terbabit ditahan di Pejabat SPRM Selangor dan Pahang ketika hadir memberi keterangan jam 1 tengah hari.***

***kedua-dua individu terbabit dipercayai melakukan kesalahan itu daripada September hingga Disember 2022.***

Menurut sumber, wang rasuah berkenaan adalah bagi tujuan mendapatkan surat jaminan kemasukan warga asing ke Malaysia untuk bekerja sebagai pelaut sedangkan mereka bukan pekerja bidang itu.

Katanya, suspek pertama berusia 31 tahun adalah anggota penguat kuasa manakala suspek kedua yang berusia 43 adalah pemilik syarikat.

Beliau berkata, kedua-dua individu berkenaan dipercayai melakukan kesalahan itu daripada September hingga Disember 2022.

Sementara itu, Pengarah SPRM Selangor Datuk Alias Salim ketika dihubungi mengesahkan penahanan kedua-dua lelaki terbabit dan kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) dan 17(b) Akta SPRM 2009.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**HARIAN METRO**
**18/08/2023**
**(JUMAAT)**

Kes 1MDB

# Hakim Sequerah pernah jadi rakan kongsi Jasmine

**Kuala Lumpur:** Mahkamah Tinggi, di sini, semalam, diberitahu, adalah munasabah untuk menganggap hakim yang mendengar kes rasuah dan pengubahan wang haram dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB), terbabit melantik bekas peguam syarikat pelaburan strategik itu, Jasmine Loo Ai Swan dalam firma guaman Zain & Co.

Peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah dalam hujahannya, berkata ia susulan pendedahan Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah yang mendengar kes penyelewengan 1MDB dihadapi Datuk Seri Najib Razak, bahawa beliau dan Jasmine pernah menjadi rakan kongsi di firma guaman sama sebelum ini.

Muhammad Shafee berkata, begitu juga adalah munasabah bagi Najib untuk menganggap Sequerah yang kini Hakim Mahkamah Rayuan, memantau dan bekerja secara rapat dengan Jasmine dalam tempoh mereka berkhidmat bersama di firma terbabit.

Beliau berkata, ini kerana terdapat kemungkinan Sequerah terbabit dalam keputusan untuk melantik Jasmine sebagai seorang daripada rakan kongsi di firma guaman itu di mana terdapat perbincangan di kalangan semua rakan kongsi sebelum pelantikan berkenaan.

Oleh itu, katanya, Sequerah tidak boleh dilihat berat sebelah disebabkan hubungan kerja yang pernah ada sepanjang mereka berkhidmat bersama.

Jasmine yang menjadi rakan kongsi di Zain & Co daripada 2001 hingga 2008 mula menyertai 1MDB pada 2010 dan beliau yang juga sekutu rapat ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau lebih dikenali Jho Low, ditahan polis pada 7 Julai lalu, bagi membantu siasatan isu penyelewengan dana syarikat terbabit.

Muhammad Shafee yang berhujah dalam permohonan Najib supaya Sequerah menarik diri daripada mendengar kes 1MDB, berkata terdapat risiko hakim itu membuat penilaian lebih awal terhadap Jasmine kerana beliau (Sequerah) adalah rakan kongsi firma terbabit sebelum wanita itu menyertainya kemudian.

"Akibatnya, hakim yang mulia sudah membuat prapenilaian terhadap Jasmine, yang mana antaranya tindakan itu boleh menghalang hakim daripada bertindak secara adil apabila mendengar keterangannya apabila dipanggil menjadi saksi," katanya.

Pada 14 Ogos lalu, Najib memfailkan permohonan supaya Sequerah menarik diri daripada mendengar perbicaraan kes penyelewengan dana RM2.3 bilion milik 1MDB dan jika ia dibenarkan mahkamah, memohon keseluruhan perbicaraan dibatalkan dan beliau dibebaskan daripada semua pertuduhan.

Secara alternatif, Najib juga memohon pilihan kedua iaitu perbicaraan didengar semula oleh hakim Mahkamah Tinggi baharu, dan pilihan ketiga, supaya perbicaraan itu bersambung dan diteruskan oleh hakim baharu.

Dalam prosiding pada 26 Julai lalu, Sequerah berkata, beliau perlu mendedahkan bahawa Jasmine pernah menjadi rakan kongsi di firma Zain & Co ketika beliau menjadi peguam, 10 hingga 15 tahun lalu.

Isu itu dibangkitkan apabila Muhammad Shafee ingin mendapatkan pengesahan sama ada Jasmine akan dipanggil sebagai saksi pendakwaan.

Prosiding bersambung petang ini dengan mendengar hujahan Timbalan Pendakwa Raya Kamal Bahrin Omar.




**BERITA HARIAN**
**18/08/2023**
**(JUMAAT)**

# Wujudkan unit penyamaran, kenal pasti pelaku sebalik 'SOP Gelap'

**SHAH ALAM** - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) perlu mewujudkan satu unit penyamaran dalam Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) untuk kenal pasti pelaku di sebalik 'SOP Gelap'.

Setiausaha Agung Majlis Ekonomi Halal (MEH), Dr Helmi Ibrahim mendakwa, SPRM sehingga kini gagal dalam mengambil tindakan proaktif terhadap budaya itu sekali gus menjadi pandemik dalam jabatan tersebut.

RASUAH BUSTERS

Menurutnya, tindakan lebih serius perlu dibuat kerana siasatan yang dijalankan setelah terbongkarnya perilaku rasuah sudah tidak efektif.

"Sudah sampai masanya SPRM meletakkan satu unit penyamaran dalam jabatan itu bagi mengenal pasti kewujudan SOP Gelap atau prosedur kemasukan warga asing di pintu masuk negara dengan menerima rasuah dan siapakah pemainnya.

"Jabatan Perkhidmatan Awam juga hendaklah mewujudkan mekanisme yang hanya mengambil golongan berintegriti untuk ditempatkan dalam agensi penguatkuasaan strategik seperti jabatan berkenaan.



HELMI

"Ia merupakan satu agensi yang penting untuk keselamatan negara, maka tahap integritinya perlu tulen dan tiada kompromi terhadap salah guna kuasa serta rasuah," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Beliau mengulas laporan *Sinar Harian* pada 31 Julai lalu, bahawa SPRM menahan dua penguat kuasa tempatan kerana disyaki menerima wang rasuah bagi meluluskan permohonan visa oleh warga Bangladesh untuk memasuki Malaysia, konon bertujuan melancong.

Sinar Harian - 18/8/2023 - Jumaat

**SINAR HARIAN**
**18/08/2023**
**(JUMAAT)**

# Balik saja, jangan banyak alasan - SPRM

KUALA LUMPUR - Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki, meminta menantu bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan seorang pengarah syarikat supaya pulang ke Malaysia dan tidak memberi sebarang alasan lagi.

Media sebelum ini melaporkan, SPRM mencari Datuk Seri Muhammad Adlan Berhan dan peguam yang juga pengarah serta pemegang saham NERS Sdn Bhd (NERS) Mansoor Saat, bagi membantu siasatan kes penyelewengan projek pendaftaran, pengambilan dan penyimpanan biometrik pekerja asing di sebuah kementerian.

"Awak balik saja dan hadapi apa jua siasatan dan jangan bagi banyak alasan, saya tidak mahu dengar.

"Mungkin cakap saya ini cakap yang orang tidak suka, tetapi itulah saya. Jadi awak berdua, balik sahaja," katanya selepas Forum Eksekutif Merdeka; Tadbir Urus Terbaik Dalam Sektor Awam pada Khamis.

Pada 9 Ogos lalu, Muhammad Adlan menerusi kenyataan oleh peguamnya memaklumkan, beliau tentunya akan pulang ke Malaysia secepat mungkin bagi memberikan kesemua jawapan dan membantu SPRM dalam apa-apa siasatan, selagi tiada unsur ancaman terhadapnya.

Mansoor dalam kenyataannya, menyangkal dakwaan beliau melarikan diri daripada pertuduhan, sebaliknya tindakan keluar dari Malaysia dibuat secara sah atas urusan perniagaan. - *Bernama*

Sinar Harian - 18/8/2023 - Jumaat

**SINAR HARIAN**
**18/08/2023**
**(JUMAAT)**

# Platform aduan rasuah perlu dinaik taraf

**SHAH ALAM** - Pemerkasaan undang-undang sahaja tidak cukup untuk membanteras jenayah rasuah jika tiada platform yang sesuai bagi orang ramai mendedahkan kegiatan itu kepada pihak berkuasa.

Yang Dipertua Pertubuhan Pertubuhan Ikram Malaysia (Ikram) Kuala Lumpur, Zainal Adnan Abdul Halim berkata, platform sedia ada tidak kukuh terutamanya dari segi keselamatan pemberi maklumat atau saksi yang tampil.

Menurutnya, inovasi terhadap platform aduan perlu dilakukan supaya matlamat Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk memastikan negara bebas rasuah dapat direalisasikan.

"Perkara ini perlu dipandang serius lebih-lebih lagi mengenai keselamatan identiti saksi kerana jika ia dibocorkan, mereka akan berasa tidak selamat dan berkemungkinan besar akan diugut.

"Pihak berkuasa juga perlu memberikan maklum balas secara terbuka untuk meyakinkan saksi bahawa laporan diterima diambil tindakan.



ZAINAL ADNAN

"Jika ada perubahan menerusi platform aduan, ia mungkin dapat menarik lebih ramai saksi untuk mendedahkan jenayah rasuah yang berlaku di sekitar mereka," katanya kepada *Sinar Harian* pada Khamis.

Zainal Adnan berkata, kes rasuah dan pecah amanah seterus berleluasa dan pendedahan perlu dilakukan secara berterusan.

"Saya berharap masyarakat sentiasa peka terhadap jenayah ini dan memaklumkan kepada pihak berkuasa sekiranya berlaku di depan mata. Perlu berani, jangan takut untuk tampil memberikan maklumat," katanya.

Sinar Harian - 19/8/2023 - Sabtu

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**SINAR HARIAN**
**19/08/2023**
**(SABTU)**

# Staf bawahan takut lapor perbuatan rasuah

## Antara punca pegawai tinggi kerajaan cenderung lakukan perbuatan itu

**Oleh MUHAMMAD SHAMSUL ABD GHANI**
SHAH ALAM

Mempunyai kuasa untuk menentukan penganugerahan projek kepada individu yang mereka sukai, dilihat salah satu punca pegawai tertinggi kerajaan cenderung untuk mengambil rasuah.

Pengerusi Rasuah Busters Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan dan Putrajaya, Profesor Dr Hamdan Daniel M Sharib berkata, selain itu sikap tidak berani orang bawahan untuk melaporkan salah laku pegawai atasan menjadi salah satu penyebab pegawai tertinggi kerajaan mudah untuk melakukan jenayah itu.

"Mereka mungkin terlalu berkuasa hingga sukar pihak lain untuk membuat aduan atau mengambil tindakan sewajarnya akibat takut kepada pegawai terlibat bertindak ke atas mereka dan sebagainya.

"Kuasa luluskan projek atau memberi tender juga berada di tangan mereka, jadi peluang dan ruang wujud untuk pegawai atasan melakukan rasuah," katanya kepada *Sinar Ahad*.



HAMDAN DANIEL



BADLISHAH SHAM

Beliau mengulas pendedahan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki mengenai penglibatan penjawat awam gred 54 dalam rasuah yang membimbangkan.

Sementara itu, Presiden Pertubuhan Ikram Malaysia, Badlishah Sham Baharin berpendapat bahawa mereka ini mempunyai banyak 'ruang dan peluang' untuk melakukan rasuah.

Jelasnya, pegawai awam gred 54 adalah gred tertinggi dalam kumpulan pengurusan dan profesional serta biasanya mereka adalah pengarah bahagian operasi kementerian dan agensi kerajaan.

"Pembabitan mereka dalam proses membuat keputusan akan terjejas jika mereka dipengaruhi oleh pihak luar akibat rasuah terutama jika terbabit dalam proses perolehan aset," katanya.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**SINAR AHAD**
**20/08/2023**
**(AHAD)**

# Juruteknik makan suap kena tahan

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Selangor menahan seorang juruteknik kerana disyaki meminta rasuah berjumlah RM1,500 daripada seorang pemilik rumah sebagai balasan tidak mengeluarkan saman atas kesalahan mencuri bekalan elektrik.

Menurut sumber, suspek lelaki berusia lingkungan 20an itu adalah kakitangan syarikat vendor kepada sebuah syarikat utiliti tenaga elektrik dan dia ditahan jam 5.30 petang semalam di sebuah pangsapuri di Klang, Selangor.

"Suspek disyaki menghubungi seorang lelaki yang menyatakan meter di rumahnya terbabit dengan kecurian elektrik dan boleh dikenakan denda RM16,000.

"Sebagai balasan untuk tidak dikenakan sebarang denda, suspek meminta wang RM1,500. Bagaimanapun suspek menerima RM1,000 selepas lelaki itu meminta nilai sogokan dikurangkan," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Selangor, Datuk Alias Salim ketika dihubungi mengesahkan tangkapan itu dan berkata, siasatan dijalankan mengikut Seksyen 16 Akta SPRM 2009.

Beliau berkata, suspek dijangka akan dibawa ke Mahkamah Majistret Shah Alam bagi tujuan permohonan reman.

Harian Metro – 20/8/2023 – Ahad

**HARIAN METRO**
**20/08/2023**
**(AHAD)**

# Pegawai kanan, 13 anggota polis ditahan tugas

Setelah kesemua mereka diberkas dalam serbuan di sebuah pusat hiburan

Oleh AHMAD ISMADI ISMAIL
GOMBAK

> 13 anggota dan seorang pegawai polis serta dua penjawat awam yang ditahan positif dadah, manakala seorang lagi anggota yang negatif dadah dikenakan tindakan tatatertib."


AYOB KHAN

Seramai 13 anggota dan seorang pegawai kanan polis telah ditahan tugas selepas mereka diberkas dalam serbuan Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) Bukit Aman di sebuah pusat hiburan di Seremban, Negeri Sembilan, pada Sabtu.

Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Ayob Khan Mydin Pitchay berkata, tindakan yang diambil terhadap mereka ialah ditahan kerja.

"Kita juga sedang siapkan kertas siasatan untuk diserahkan kepada pejabat Peguam Negara," katanya ketika ditemui di Tanah Perkuburan Raudatul Sakinah, di sini, pada Ahad.

Ayob Khan hadir ke tanah perkuburan itu bagi memberi penghormatan terakhir kepada Allahyarham Datuk Seri Johari Harun yang maut dalam nahas pesawat Beechcraft 390 di Elmina, Shah Alam, Khamis lalu.

Ayob Khan memberitahu, seorang timbalan pendakwa raya dan pendaftar mahkamah turut ditahan dalam serbuan pada awal pagi itu.

"Seramai 13 anggota dan seorang pegawai polis serta dua penjawat awam yang ditahan positif dadah, manakala seorang lagi anggota yang negatif dadah dikenakan tindakan tatatertib," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, kesemua anggota dan pegawai polis terbabit buat masa ini dilepaskan dengan jaminan polis sementara kertas siasatan dilengkapkan.

"Kita tidak akan bertolak ansur terhadap mana-mana individu yang kita tangkap dalam operasi pusat hiburan, kita akan ambil tindakan tegas.

"Boleh tengok rekod tahun ini, sebanyak 741 tindakan tatatertib diambil dan lebih kurang 60 (anggota dan pegawai) sudah dibuang kerja setakat Julai," katanya.

Jelas beliau, proses tatatertib berkenaan akan mengambil masa panjang dan meminta orang ramai tidak menganggap pihak polis melepaskan anggota dan pegawai terbabit tanpa tindakan.

"Mereka (suspek) diberi jaminan polis, itu proses biasa. Jangan tanya pula kenapa dibebaskan, itu proses biasa di bawah Seksyen 15 (1) Akta Dadah Berbahaya 1952.

"Walaupun saringan awal positif, kita akan hantar sampel kepada patologi yang mungkin akan ambil masa sebulan," tambahnya.

Menurut Ayob Khan, jika disabit kesalahan anggota dan pegawai terbabit boleh digantung kerja sementara rayuan dibuat di mahkamah.

Pada Sabtu, media melaporkan, seorang pegawai kanan dan 14 anggota polis ditahan bersama dua timbalan pendakwa raya ketika disyaki sedang berhibur di sebuah pusat hiburan di Jalan Dato Sheikh Ahmad di Seremban.

Semua pegawai dan 13 anggota yang ditahan itu bertugas di pelbagai jabatan termasuk Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah Nilai dan Tampin, selain Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Daerah Seremban serta Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) negeri.

**SINAR HARIAN**
**21/08/2023**
**(ISNIN)**

# Rasuah: Dua termasuk pegawai kanan polis direman

LABUAN - Dua anggota polis ditahan reman lima hari bermula pada Ahad, bagi membantu siasatan berhubung dakwaan rasuah.

Perintah reman itu dikeluarkan oleh Majistret Kasyfurrahman Abang Ahmad di Mahkamah Majistret di sini.

Kedua-dua suspek berumur 42 tahun yang bertugas di Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Labuan itu ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di sini pada petang Sabtu.

Pegawai berpangkat Asisten Superintenden dan anggota berpangkat koperal itu disyaki meminta dan menerima suapan berjumlah RM3,950 sebagai galakan untuk tidak mengambil tindakan terhadap seorang individu berhubung kesalahan berkaitan dadah. - *Bernama*

**SINAR HARIAN**
**21/08/2023**
**(ISNIN)**

# Kerjasama masyarakat untuk hapus rasuah

**SHAH ALAM** - Pihak berkuasa dan masyarakat perlu bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan di peringkat kerajaan negeri atau persekutuan bagi melaporkan jenayah rasuah melibatkan ahli politik dan mana-mana yang berkaitan dalam usaha untuk membangunkan komuniti berintegriti.

Pengerusi Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) Pahang, Wan Muhammad Hafizzul Wan Ismail berkata, orang ramai juga perlu mempunyai rasa takut dengan tindakan penguatkuasaan seperti hukuman penjara atau diberhentikan daripada perkhidmatan.

"Semua orang perlu takut dan ambil iktibar kerana kesan daripada amalan rasuah sangat buruk, ia perbuatan yang tidak beretika.

"Tindakan mempengaruhi sesuatu keputusan dengan merasuah akan memperoleh kelebihan yang bukan sepatutnya dimiliki mereka," katanya.

Beliau berkata demikian mengulas laporan *Sinar Harian* pada Jumaat, bahawa Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah mengingatkan agensi penguatkuasaan di Pahang supaya tidak mengambil rasuah dan sentiasa menjaga integriti.

Wan Muhammad Hafizzul yang juga Ahli Majlis Tertinggi Rasuah Busters Negeri Pahang berpandangan, penguatkuasaan berkenaan rasuah perlu diambil serius kerana ia membawa kemudaratan dan menggugat kestabilan politik terhadap pentadbiran kerajaan negeri atau persekutuan.

"Segelintirnya dalam keadaan terdesak dan terlalu mementingkan duit, namun tidak mementingkan perjuangan dan pengorbanan.

"Agama Islam juga melarang orang ramai untuk terlibat dalam gejala rasuah kerana terlalu banyak kesan yang memberi mudarat," ujarnya.

> *Agama Islam juga melarang orang ramai untuk terlibat dalam gejala rasuah kerana terlalu banyak kesan yang memberi mudarat."*
>
> \- Wan Muhammad Hafizzul



Sinar Harian - 22/8/2023 - Selasa

**SINAR HARIAN**
**22/08/2023**
**(SELASA)**

PERBICARAAN RASUAH AHMAD ZAHID

Harian Metro – 22/8/23 – Selasa

# Beri RM10 juta bida tender TNB

Oleh Suraya Roslan
surayaroslan@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

Mahkamah Tinggi di sini, semalam diberitahu pemberian dana RM10 juta oleh Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi melalui Yayasan Akalbudi kepada Armada Holdings Sdn Bhd untuk membida tender sebagai syarikat pembekal arang batu kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) adalah pelaburan bukan pinjaman.

Ahli perniagaan Datuk Seri Khalid Mohamad Jiwa atau lebih dikenali sebagai Datuk K, 64, berkata, wang RM10 juta itu dikembalikan berserta faedah RM69,722.65 kepada yayasan itu.

"Secara tidak langsung Yayasan Akalbudi tidak rugi dan memperoleh keuntungan sama atau yang sepatutnya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membacakan pernyataan saksi ketika perbicaraan membela diri Ahmad Zahid yang berdepan 47 pertuduhan iaitu 12 pertuduhan pecah amanah, lapan pertuduhan rasuah dan 27 pertuduhan pengubahan wang haram membabitkan puluhan juta ringgit dana Yayasan Akalbudi (YAB).

Datuk K mengakui mengenali Timbalan Perdana Menteri itu hampir 30 tahun sejak bertugas sebagai pengurus pinjaman di Bank Bumiputra yang kini dikenali sebagai bank CIMB.

Khalid berkata, apabila beliau mengetahui wang itu daripada sumber YAB dan daripada akaun simpanan tetap, beliau (Khalid) memaklumkan kepada Ketua Pegawai Eksekutif Armada Holdings Datuk Wasi Khan @ Wasiyu Zama Israr untuk membuat kiraan faedah berdasarkan *opportunity loss* daripada wang itu apabila memulangkannya.

Suami penyanyi nombor satu negara, Datuk Seri Siti Nurhaliza Tarudin itu berkata, daripada pengalamannya sebagai seorang ahli perbankan (*banker*), apabila sesuatu dana disimpan dalam akaun simpanan tetap ia secara tidak langsung untuk menjana keuntungan melalui pelaburan.

"Oleh itu, dalam fahaman saya, wang RM10 juta diberi Datuk Seri Zahid kepada Datuk Wasi Khan masih berbentuk pelaburan tanpa apa-apa kerugian kepada pengeluaran wang itu, walaupun ia tidak disebut Datuk Seri (Ahmad) Zahid ketika pertemuan antara kami bertiga.

"Saya mengetahui Datuk Seri (Ahmad) Zahid seorang bekas ahli perbankan dan mempunyai pengetahuan mengenai perkara ini.

"Jumlah RM10 juta bertujuan semata-mata untuk membolehkan syarikat Armada Holdings layak membida tender sebagai syarikat pembekal arang batu kepada TNB yang mana dipercayai memberi pulangan yang baik kepada syarikat sekiranya berjaya dan bukan untuk tujuan lain," katanya.

Khalid berkata, atas dasar tanggungjawab, beliau memohon menjadi seorang penandatangan syarikat Armada Holdings bagi memastikan pelaburan Ahmad Zahid melalui YAB dipulang semula dengan selamat tanpa kerugian beserta dengan kiraan faedah.

"Inisiatif ini saya usulkan sendiri kerana saya ingin pastikan hak Yayasan Akalbudi dan tujuan asal mengapa Datuk Seri Zahid mengeluarkan wang daripada akaun simpanan tetap tersebut terjamin dan tidak alami kerugian," katanya.

Menceritakan mengenai pemberian dana RM10 juta kepada Armada Holdings, Khalid berkata, Wasi Khan yang juga saksi pendakwaan ke-21 itu bertemu dengannya pada 2015 dan memaklumkan beliau (Wasi Khan) berhasrat menubuhkan satu syarikat pembekalan arang batu di Indonesia.

Menurut Khalid, syarikat itu (Armada) memerlukan modal berbayar RM10 juta untuk memenuhi syarat minima bagi didaftarkan sebagai syarikat pembekal atau kontraktor di bawah TNB.

"Datuk Wasi Khan tahu saya kenalan rapat Datuk Seri Zahid dan beliau (Wasi Khan) minta bantuan saya uruskan satu perjumpaan dengan Datuk Seri Zahid.

"Saya setuju dengan permintaan Datuk Wasi Khan dan menguruskan satu perjumpaan antara kami berdua bersama Datuk Seri Zahid di pejabat beliau di Kementerian Dalam Negeri di Putrajaya," katanya.

Saksi pembelaan ke-8 itu berkata, dalam pertemuan itu Wasi Khan menyatakan hasratnya kepada Ahmad Zahid dan meminta campur tangannya untuk meminta TNB supaya dapat mengurangkan jumlah modal berbayar kepada RM5 juta sahaja.

"Namun Datuk Seri Zahid memaklumkan beliau tidak boleh berbuat demikian kerana ia di luar bidang kuasa beliau dan menjadi kesalahan jika campur tangan dalam urusan dan polisi ditetapkan TNB.

"Saya memaklumkan kepada Datuk Seri Zahid berkenaan kredibiliti, latar belakang dan pembabitan Datuk Wasi Khan dalam bidang perniagaan. Datuk Seri Zahid percaya saya tidak akan membawa individu sembarangan berjumpa dengan Datuk Seri Zahid melainkan saya yakin dengan kebolehpercayaan individu tersebut," katanya yang mengenali Wasi Khan selama 20 tahun.

Menurutnya, pada akhir perbincangan, Ahmad Zahid bersetuju terbabit dengan membantu menyediakan dana RM10 juta dan Wasi Khan memaklumkan menerima cek daripada YAB.

"Hasil penerimaan cek itu, Datuk Wasi Khan menubuhkan Armada Holdings Sdn Bhd dengan modal berbayar RM10 juta," katanya.



HARIAN METRO
22/08/2023
(SELASA)

# RM10 juta bukan pinjaman - Datuk K

## Suami Siti Nurhaliza jadi saksi kes rasuah, pecah amanah libatkan Ahmad Zahid

**Oleh NOOR AZLIDA ALIMIN**
KUALA LUMPUR

Ahli perniagaan, Datuk Seri Khalid Mohamad Jiwa memberitahu Mahkamah Tinggi di sini pada Isnin bahawa, dana RM10 juta daripada Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi kepada ahli perniagaan, Datuk Wasi Khan bukan berbentuk pinjaman, sebaliknya pelaburan.

Saksi pembelaan kelapan, Khalid, 64, yang lebih dikenali sebagai Datuk K, berkata demikian ketika prosiding bela diri kes pecah amanah, rasuah dan pengubahan wang haram puluhan juta ringgit dana milik Yayasan Akalbudi membabitkan Timbalan Perdana Menteri itu.

Suami penyanyi terkenal tanah air, Datuk Seri Siti Nurhaliza Tarudin itu memberitahu, Ahmad Zahid membantu menyediakan dana berkenaan kepada syarikat Armada Holdings Sdn Bhd untuk membida tender membekal arang batu kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Menurutnya, sekitar tahun 2015, Wasi Khan @ Wasiyu Zama Israr bertemu dengannya dengan menyatakan hasrat untuk menubuhkan satu syarikat pembekalan arang batu di Indonesia.

"Syarikat berkenaan memerlukan modal berbayar RM10 juta untuk memenuhi syarat minimum sebagai syarikat pembekal atau kontraktor di bawah TNB.

"Beliau telah menyatakan hasrat supaya Ahmad Zahid campur tangan dan meminta TNB mengurangkan jumlah modal berbayar kepada RM5 juta sahaja," katanya ketika membaca pernyataan saksinya di hadapan Hakim, Datuk Collin Lawrence Sequerah (kini Hakim Mahkamah Rayuan).

Bagaimanapun, Khalid berkata, Presiden UMNO ini tidak berbuat demikian kerana campur tangan dalam urusan dan polisi yang telah ditetapkan oleh TNB merupakan satu kesalahan.

FOTO: BERNAMA



Khalid di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada Isnin. Gambar kecil: Ahmad Zahid.

Khalid menambah, pada akhir perbincangan, Ahmad Zahid bersetuju untuk terlibat dengan membantu menyediakan dana sebanyak RM10 juta sebagai dana pelaburan.

Jelas beliau, tujuan asal pertemuan itu bukannya untuk meminta wang tetapi Ahmad Zahid dengan rela hati tanpa diminta, menyatakan untuk melabur.

Ketika soal balas oleh Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Mohd Dusuki Mokhtar, saksi ini berkata, pelaburan jutaan ringgit itu bukan berbentuk dakwaan kerana ia semenangnya digunakan untuk melayakkan syarikat dalam tender tersebut.

**Mohd Dusuki**: Jumlah RM10 juta ialah amaun yang banyak, setuju dengan cadangan saya?

**Khalid**: Ya banyak, sebab jumlah itu yang kita tiada.

**Mohd Dusuki**: Seeloknya Datuk Seri pinjam sahaja daripada bank dan bukannya daripada tertuduh.

**Khalid**: Saya sebagai bekas kakitangan bank merasakan, mereka (pihak bank) tidak akan memberi pinjaman jika melibatkan isu tersebut.

**Mohd Dusuki**: Bagaimana Datuk Seri tahu, yang tertuduh ada RM10 juta?

**Khalid**: Pertamanya, beliau merupakan ahli korporat, usahawan dan bekas ahli perbankan. RM10 juta bagi saya cukup banyak, tetapi bukan pada Datuk Seri Ahmad Zahid.

**Mohd Dusuki**: Datuk Seri tahu RM10 juta itu daripada sumber mana?

**Khalid**: Saya tidak tanya.

Ahli perniagaan itu memberikan keterangan dalam kes melibatkan Ahmad Zahid, 70, yang dibicarakan dengan 47 pertuduhan iaitu lapan tuduhan rasuah, 12 pecah amanah dan 27 pengubahan wang haram membabitkan dana Yayasan Akalbudi.

Bagi tuduhan pecah amanah, pemimpin UMNO berkenaan didakwa sebagai ejen iaitu Pemegang Amanah Yayasan Akalbudi dan dalam kapasiti itu di amanahkan dengan wang RM10 juta, melakukan pecah amanah iaitu dengan curangnya memberi pinjaman kepada Armada Holdings.

**SINAR HARIAN**
**22/08/2023**
**(SELASA)**

Sinar Harian
22/8/2023 - selasa

# Pegawai kerajaan negeri, isteri ditahan bantu siasatan salah guna kuasa

**KUALA TERENGGANU** - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Terengganu menahan seorang penolong pegawai tadbir kanan sebuah jabatan kerajaan negeri Terengganu dan isterinya kerana disyaki menyalahgunakan jawatan sejak 2021 hingga 2022.

Menurut sumber, suspek disyaki memberi kira-kira 70 perolehan pembaikan kenderaan bernilai anggaran RM130,000 kepada syarikat milik isterinya.

Suspek juga disyaki mengesyorkan kerja-kerja pembaikan kenderaan jabatan berkenaan kepada bengkel yang dimiliki oleh sebuah koperasi yang mana suspek merupakan Ahli Lembaga Koperasi dan merangkap Setiausaha Jawatankuasa Perdagangan koperasi tersebut.

Difahamkan, pasangan suami-isteri berusia lingkungan lewat 50-an itu ditahan di pejabat SPRM Terengganu semasa hadir memberi keterangan dan dibawa ke Mahkamah Majistret Kuala Terengganu pada Selasa bagi permohonan reman.

Sementara itu, Pengarah SPRM Terengganu Hazrul Shazreen Abd Yazid ketika dihubungi mengesahkan penahanan tersebut. - *Bernama*

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**SINAR HARIAN**
**22/08/2023**
**(SELASA)**

# Penolong pegawai tadbir direman kes salah guna kuasa

**KUALA TERENGGANU:** Seorang penolong pegawai tadbir kanan di sebuah jabatan kerajaan negeri di Terengganu ditahan reman selama enam hari bermula semalam bagi membantu siasatan kes salah guna kuasa sejak 2021 sehingga tahun lalu.

Perintah reman itu dikeluarkan Majistret Noor Mazrinie Mahmood.

Suspek terdahulu tiba di pekarangan mahkamah berpakaian lokap SPRM kira-kira 9.50 pagi tadi.

Lelaki yang berusia 59 tahun itu didakwa menyalahgunakan jawatannya dengan memberikan 70 perolehan membaiki kenderaan jabatan bernilai sekitar RM130,000 kepada syarikat milik isterinya.

Penolong pegawai tadbir kanan itu turut mengesyorkan kerja pembaikian kenderaan jabatan kepada bengkel milik koperasi yang mana suspek ialah Ahli Lembaga dan Setiausaha Jawatankuasa Perdagangannya.

**"Lelaki yang berusia 59 tahun itu didakwa menyalahgunakan jawatannya dengan memberikan 70 perolehan membaiki kenderaan jabatan..."**

Suspek ditahan di Pejabat SPRM Terengganu semasa hadir memberi keterangan kira-kira pukul 11 pagi semalam.

Kes disiasat mengikut bawah Seksyen 23 (1) Akta SPRM 2009.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**UTUSAN MALAYSIA**
**23/08/2023**
**(RABU)**

# Merdeka diri dengan bebas 'penjajahan' rasuah


NURHAYATI

**SERDANG** - Rakyat Malaysia perlu membebaskan diri daripada 'penjajahan' rasuah yang telah banyak membawa kerosakan di negara ini sejak berpuluh-puluh tahun dahulu.

Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Sinar Untuk Malaysia (Rasuah Busters), Nurhayati Nordin berkata, sudah tiba masanya rakyat 'berminda baharu' dengan menghentikan penjajahan amalan rasuah ini lebih-lebih lagi menjelang sambutan Hari Kemerdekaan pada 31 Ogos ini.

Katanya, rakyat Malaysia bakal menikmati kesejahteraan hidup yang lebih baik sekiranya negara kita bebas daripada perbuatan jijik berkenaan.

"Misi antirasuah ini bukan misi Perdana Menteri, bukan misi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), tetapi misi setiap daripada kita semua (rakyat Malaysia).

"Ini masanya untuk kita semua berkolabaratif bukan untuk berkonfrontasi, oleh itu marilah kita semua bebaskan diri daripada penjajahan minda rasuah," katanya ketika menjadi panel Seminar Kelestarian Integriti, Pembudayaan Integriti Institusi Pengajian Tinggi Universiti Putra Malaysia (UPM) di Dewan Kuliah Utama, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Serdang pada Selasa.

Dalam pada itu, Nurhayati menyeru untuk rakyat kembali memasakkan diri dengan prinsip Rukun Negara yang pertama iaitu Percaya Kepada Tuhan, bagi menyemarakkan semangat antirasuah dalam diri masing-masing.

"Sekurang-kurangnya kita kembali kepada kepercayaan masing-masing, percaya bahawa Tuhan melihat perlakuan kita termasuklah perbuatan rasuah, ada yang melihat setiap perlakuan dan perbuatan kita.

"Jadi suburkan amalan-amalan baik, nilai positif dan semestinya tolak perbuatan rasuah," jelasnya.

**SINAR HARIAN**
**23/08/2023**
**(RABU)**

# 40 minit baca 98 tuduhan rasuah ketua balai polis



Anuar dibawa ke Mahkamah Sesyen Kuantan, semalam. (Foto Asrol Awang/BH)

## Tertuduh didakwa terima suapan babit nilai keseluruhan RM31,400

Oleh Asrol Awang
bhnews@bh.com.my

**Kuantan:** Pertuduhan ke atas seorang ketua balai polis berpangkat Sarjan Mejar di Mahkamah Sesyen, di sini, semalam memerlukan empat jurubahasa untuk membacakan semua 98 pertuduhan yang dihadapi tertuduh.

Empat jurubahasa itu mengambil masa lebih 40 minit bagi membaca semua pertuduhan membabitkan kes rasuah dengan nilai keseluruhan RM31,400 yang dihadapi tertuduh, Anuar Yaakob, 54, di hadapan Hakim Datuk Ahmad Zamzani Mohd Zain.

Berdasarkan pertuduhan, tertuduh didakwa menerima wang tunai antara RM100 hingga RM2,000 tanpa balasan daripada beberapa individu yang mempunyai hubungan dengan tugas rasminya melalui pindahan wang secara dalam talian ke akaun miliknya antara Januari 2021 sehingga Oktober 2022.

Tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu sekitar Kuantan ketika bertugas di Bahagian Siasatan/Perundangan (D5) Jabatan Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pahang dengan pangkat Sarjan dan Ketua Balai Polis Cherating sebagai Sarjan Mejar antara Januari 2021 sehingga Oktober 2022.

Anuar yang berkhidmat selama 33 tahun dalam Polis Diraja Malaysia (PDRM) didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan dan jika sabit kesalahan, boleh dipenjara selama tempoh dua tahun atau denda atau kedua-duanya.

Pada prosiding itu, Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Rif'ah Izzati Abdul Mutalif memohon jaminan RM15,000 bagi semua pertuduhan.

"Tertuduh juga dikehendaki melaporkan diri di pejabat SPRM Pahang, pasport antarabangsa diserahkan kepada mahkamah dan tidak melakukan kacau ganggu saksi pendakwaan," katanya.

### Ikat jamin RM15,000

Sementara itu, peguam tertuduh, Mohd Baharuddin Ahmad Kassim dalam rayuannya memohon wang jaminan itu dikurangkan kerana tertuduh menanggung isteri yang tidak bekerja dan tiga anak.

"Pendapatan bersih tertuduh berjumlah RM3,000 dan turut menanggung ibu bapa, masing-masing berumur 73 dan 76 tahun," katanya.

Ahmad Zamzani kemudiannya membenarkan ikat jamin RM15,000 dengan tiga syarat tambahan.

Tertuduh diperintahkan supaya melapor diri di pejabat SPRM berhampiran setiap bulan bermula bulan depan sehingga kes selesai.

Ahmad Zamzani memberitahu tertuduh perlu menyerahkan pasport antarabangsa kepada mahkamah sehingga perbicaraan selesai dan tertuduh tidak melakukan kacau ganggu saksi pendakwaan dan kes disebut semula pada 25 September ini untuk serahan dokumen.

**BERITA HARIAN**
**25/08/2023**
**(JUMAAT)**

# Pegawai bank sahkan akaun milik Rosmah



*Rosmah hadir di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, semalam.*

(Foto Eizairi Shamsudin/BH)

## Mahkamah tolak tangguh bicara ubah wang haram, elak cukai

**Oleh Faris Fuad**
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Seorang pegawai Affin Bank mengesahkan di Mahkamah Tinggi, semalam, mengenai urus niaga wang tunai RM1.098 juta ke akaun bernombor terakhir 0058 menggunakan mesin deposit wang (CDM) di lima cawangan bank itu, antara 13 Oktober 2014 dan 8 Jun 2017.

Mengikut kenyataan pembukaan dibacakan Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Akram Gharib, akaun itu adalah milik Datin Seri Rosmah Mansor yang juga isteri bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

... menggunakan CDM bagi akaun 0058.

Nor Ashikin, 58, yang juga saksi pertama pendakwaan berkata, justeru beliau mengakses rekod elektronik Affin Bank untuk mendapatkan maklumat dimohon.

"Kemudian, saya mencetak satu laporan transaksi deposit wang tunai menggunakan CDM bagi akaun 0058 daripada rekod elektronik dengan menggunakan komputer di pejabat.

"Selepas itu, saya menyerahkan penyata terbabit kepada pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)," katanya ketika membaca penyataan saksi di hadapan Hakim K Muniandy.

Terdahulu, hakim itu menolak permohonan pihak pendakwaan untuk menangguhkan perbicaraan kes membabitkan Rosmah atas 17 pertuduhan pengubahan wang haram hampir RM7.1 juta dan pengelakan cukai.

Muniandy membuat keputusan itu selepas mendapati kes berkenaan tertangguh sejak 2018. Sebelum itu ...

... wang haram RM7,097,750 dan lima pertuduhan gagal mengisytiharkan pendapatannya kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) antara 2013 dan 2018.

Dalam pada itu, saksi kedua pendakwaan, Faizal Shamsuddin pula memaklumkan pernah membantu Pengurus Kediaman Kompleks Seri Perdana, Putrajaya ketika itu, Roslan Sohari, untuk mengikut arahan mendepositkan wang tunai ke dalam akaun Affin Bank milik Rosmah.

Faizal, 48, yang juga bekas Pegawai Pengurusan Operasi di Bahagian Pengurusan dan Operasi Kompleks Seri Perdana berkata bagi tujuan itu, Roslan menyerahkan satu sampul surat berisi wang kepadanya dengan nombor akaun bank Rosmah dicatatkan pada sampul surat itu.

"Roslan meminta saya menyerahkan sampul surat berisi wang tunai kepada pegawai di Affin Bank untuk menguruskan deposit berkenaan.

"Pada hari sama, saya menye...

... kata, pihak pendakwaan akan mengemukakan bukti Rosmah memberi kenyataan palsu berhubung wang dimasukkan ke dalam akaunnya, ketika disoal siasat pegawai SPRM.

Beliau berkata, pihaknya akan mengemukakan kenyataan direkodkan daripada Rosmah mengikut Seksyen 32(3) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA).

"Menjadi kes pendakwaan apabila keseluruhan keterangan dipertimbangkan secara menyeluruh, tindakan tertuduh (Rosmah) menyokong kesimpulan yang tidak dapat ditolak bahawa ...

... wang depositnya kepada LHDN seperti dikehendaki undang-undang.

"Tertuduh melanggar Seksyen 112 Akta Cukai Pendapatan 1967, kesalahan bawah AMLA. Oleh itu, perlakuan Rosmah adalah satu kesalahan yang serius atas aktiviti menyalahi undang-undang, iaitu pengubahan wang haram," katanya.

Pihak pendakwaan juga menegaskan Rosmah tidak bekerja ketika didakwa melakukan kesalahan pengubahan wang haram.

Ahmad Akram berkata, Rosmah ketika itu mendepositkan cek membabitkan jumlah besar ke dalam akaun Affin Bank miliknya, ...

**BERITA HARIAN**
**25/08/2023**
**(JUMAAT)**

# Ketua balai polis dituduh terima suapan

**KUANTAN** - Seorang ketua balai polis didakwa di Mahkamah Sesyen Kuantan pada Khamis atas 98 pertuduhan menerima suapan berjumlah RM31,400 daripada beberapa individu antara Januari 2021 hingga Oktober 2022.

Tertuduh, Anuar Yaakob, 54, yang berpangkat sarjan mejar, membuat pengakuan tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Datuk Ahmad Zamzani Mohd Zain.

Bapa kepada tiga anak itu, didakwa sebagai anggota polis yang berkhidmat di Jabatan Siasatan Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pahang sehingga kemudiannya ditugaskan sebagai ketua balai polis Cherating telah menerima suapan daripada beberapa individu.

Tertuduh didakwa menerima wang melalui transaksi perbankan atas talian berjumlah antara RM100 hingga RM2,000 di lima lokasi berbeza di sekitar daerah ini.

Mahkamah membenarkan Anuar diikat jamin sebanyak RM15,000 dan menetapkan 25 September depan sebagai tarikh sebutan semula kes.



**Anuar (tengah) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Kuantan pada Khamis atas 98 pertuduhan menerima suapan berjumlah RM31,400 daripada beberapa individu.**

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**SINAR HARIAN**
**25/08/2023**
**(JUMAAT)**

# Mahsuri Dagang perkenal langkah elak kakitangan terlibat rasuah

**RASUAH BUSTERS**

**NILAI** - Syarikat Mahsuri Food Sdn Bhd (Mahsuri Dagang) menyambut baik usaha berterusan dilakukan oleh Rasuah Busters dalam memerangi salah guna kuasa dan amalan rasuah di negara ini.

Ketua Komersial Mahsuri Dagang, Mohd Jazri Ikmal Hijaz turut berbesar hati menjalin kerjasama dengan Rasuah Busters dalam mengangkat kempen antirasuah dan ia juga selari dengan piagam syarikat itu.

"Misi Rasuah Busters seperti membangunkan sistem nilai dan juga misi gerakan daripada rakyat untuk rakyat bagi membentuk satu transformasi integriti ini adalah sejajar dengan amalan antirasuah syarikat kami," katanya ketika ditemui di pejabatnya di sini, baru-baru ini.



MOHD JAZRI

Mohd Jazri memberitahu, syarikat itu memperkenalkan pelbagai pendekatan bagi mengekang perbuatan rasuah kerana sedar dan peka terhadap kesan serta kerosakan yang boleh timbul akibat perbuatan tersebut.

"Kami sudah lama mengamalkan prosedur operasi standard (SOP) antirasuah sebenarnya, sebagai contoh untuk semua staf baharu, mereka akan melalui satu kursus induksi berkenaan rasuah.

"Kami menetapkan sebagai contoh mereka hanya boleh menerima nilai RM50 sahaja, hadiah atau pemberian dalam bentuk apa sahaja. Jika terima nilai lebih daripada itu, mereka kena umum terutama bila berurusan dengan vendor syarikat," ujarnya.




Mohd Jazri (dua dari kiri) bergambar bersama kakitangan Mahsuri Food Sdn Bhd di Bandar Enstek Nilai, baru-baru ini.

**SINAR HARIAN**
**25/08/2023**
**(JUMAAT)**

# Ketua balai kena 98 tuduhan rasuah

Kuantan: Seorang ketua balai polis mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam terhadap 98 pertuduhan menerima rasuah dengan jumlah keseluruhan RM31,200 pada 2021 dan 2022.

Sarjan Mejar Anuar Yaakob, 54, membuat pengakuan itu apabila pertuduhan dibacakan di depan Hakim Datuk Ahmad Zamzani Mohd Zain.

Empat jurubahasa mengambil masa lebih 40 minit untuk membacakan kesemua pertuduhan berkenaan.

Mengikut pertuduhan tertuduh didakwa menerima benda berharga iaitu wang tunai berjumlah antara RM100 hingga RM2,000 tanpa balasan daripada beberapa individu yang mempunyai hubungan dengan tugas rasminya melalui pindahan wang secara dalam talian ke akaun miliknya antara Januari 2021 sehingga Oktober 2022.

Tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu sekitar bandar ini ketika bertugas di Bahagian Siasatan/Perundangan (D5) Jabatan Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pahang dengan pangkat Sarjan dan Ketua Balai Polis Cherating sebagai Sarjan Mejar antara Januari 2021 sehingga Oktober 2022.

Anuar berkhidmat selama 33 tahun dalam Polis Diraja Malaysia (PDRM) didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan dan jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dipenjara selama dua tahun atau denda atau kedua-duanya.

Pada prosiding itu, Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Rif'ah Izzati Abdul Mutalif memohon jaminan RM15,000 bagi semua pertuduhan itu.

"Tertuduh juga dikehendaki melaporkan diri di pejabat SPRM Pahang, pasport antarabangsa diserahkan kepada mahkamah dan tidak melakukan kacau ganggu saksi pendakwaan," katanya.

Sementara itu, peguam tertuduh, Mohd Baharuddin Ahmad Kassim dalam rayuannya memohon wang jaminan dikurangkan kerana anak guamnya menanggung isteri yang tidak bekerja dan tiga anak.



ANUAR ketika dibawa keluar Mahkamah Sesyen, Kuantan.

**HARIAN METRO**
**25/08/2023**
**(JUMAAT)**

SUAPAN RM500K SETAHUN

# Tolak permohonan batal tuduhan

**Kuala Lumpur:** Mahkamah Sesyen di sini, semalam menolak permohonan seorang pengarah syarikat untuk membatalkan pertuduhan menawarkan suapan RM500,000 setahun selama 15 tahun bagi faedah Tan Sri Annuar Musa berhubung proses pengambilalihan konsesi Menara Kuala Lumpur.

Hakim Suzana Hussin menolak permohonan Datuk Abdul Hamid Shaikh Abdul Razak Shaikh, 49, pengarah Hydroshoppe Sdn Bhd selepas meneliti dan mendengar hujahan pendakwaan dan pembelaan.

Pada 31 Mei lalu, Abdul Hamid Shaikh memfailkan permohonan itu atas alasan pertuduhan mengikut Seksyen 16 (b)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 adalah cacat selain tidak berasas, kerana tidak menyatakan butiran penting dalam pertuduhan iaitu tarikh spesifik kesalahan.

Peguam Amer Hamzah Arshad yang mewakili tertuduh memaklumkan anak guamnya berhasrat memohon mendapatkan pelepasan sementara pasport, bagi menghantar anak beliau melanjutkan pelajaran ke United Kingdom (UK) dan urusan perniagaan di AS.

"Beliau perlu berada di UK 12 September ini dan urusan kerja di AS pada 1 Oktober. Sekiranya permohonan mendapatkan pasportnya dibenarkan, saya mohon kehadiran anak guam saya dikecualikan pada tarikh sebutan seterusnya," katanya.

Timbalan Pendakwa Raya SPRM Mahadi Abdul Jumaat berkata pihak pembelaan perlu memfailkan notis permohonan dan afidavit sokongan untuk menyokong permohonan pelepasan sementara pasport.

"Kami perlu teliti tarikh dan alasan permohonan sebelum membuat keputusan membantah atau tidak kerana tempoh ke luar negara panjang," katanya.

Mahkamah mengarahkan tertuduh memfailkan permohonan berhubung pasport dan menetapkan 12 September ini untuk sebutan semula kes.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**HARIAN METRO**
**26/08/2023**
**(SABTU)**

Kes ambil alih Menara KL

# Pengarah kekal dibicara tuduhan rasuah RM7.5j

**Kuala Lumpur:** Seorang pengarah syarikat semalam gagal dalam permohonan bantahan awalnya untuk membatalkan tuduhan menawarkan rasuah RM7.5 juta kepada ahli perniagaan bagi faedah bekas Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa.

Hakim Mahkamah Sesyen, Suzana Hussin, menolak permohonan itu selepas meneliti hujahan pihak pendakwaan dan pembelaan Pengarah Hydroshoppe Sdn Bhd, Datuk Abdul Hamid Shaikh Abdul Razak Shaikh, 49.

"Sebutan kes seterusnya ditetapkan pada 12 September ini bagi penyerahan dokumen, jaminan terhadap tertuduh dilanjutkan," katanya.

Notis bantahan itu difailkan pada 31 Mei lalu, oleh Tetuan Chetan Jethwani & Company mewakili Abdul Hamid Shaikh atas alasan pertuduhan itu tidak berasas dan cacat, selain elemen penting bagi kesalahan mengikut Seksyen 16(b)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 tidak dinyatakan.

Pada 5 April lalu, Abdul Hamid Shaikh dan Hydroshoppe Sdn Bhd didakwa di dua Mahkamah Sesyen berasingan atas dua pertuduhan, termasuk menawar rasuah RM500,000 setahun selama 15 tahun kepada Datuk Tan Ser Lay, 60.

Ia bagi faedah Annuar bertujuan mempercepatkan proses pengambilalihan pengurusan dan pentadbiran konsesi Menara Kuala Lumpur (Menara KL).



*Gambar fail Abdul Hamid Shaikh (kanan) di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada 2 Mei lalu.*

BANDARAYA JOHOR BAHRU

BERITA HARIAN
26/08/2023
(SABTU)

# Pengurus tak mengaku pecah amanah RM1.58j


I-Lyn dibawa ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

**Kuala Lumpur:** Seorang pengurus pentadbiran dan pembantu peribadi pengarah syarikat perunding pertahanan didakwa di Mahkamah Sesyen semalam, atas dua tuduhan pecah amanah wang syarikat RM1.58 juta.

Bagaimanapun, Tan I-Lyn, 39, mengaku tidak bersalah sejurus pertuduhan dikemukakan terhadapnya di hadapan Hakim Datin Sabariah Othman.

Mengikut pertuduhan, I-Lyn sebagai pekerja di Ada Vinci Global Sdn Bhd diamanah mengurus kewangan syarikat dan melakukan pecah amanah jenayah iaitu mengambil wang RM58,354 dan RM1,518,422.88 yang mana tertuduh menjadikan harta itu bagi kegunaan sendiri.

Kesalahan dilakukan di syarikat itu di Menara YNH Kiara 163, Jalan Kiara, Mont Kiara, antara 3 Disember 2021 hingga 10 Disember 2022 mengikut Seksyen 408 Kanun Keseksaan dan sabit kesalahan boleh dipenjara maksimum hingga 14 tahun, sebat dan denda.

Susulan pengakuan tidak bersalah itu, Timbalan Pendakwa Raya, Noor Shakira Aliana Alias, mencadangkan ikat jamin RM120,000 terhadap I-Lyn atas kedua-dua tuduhan.

"Tawaran jaminan itu munasabah dengan mengambil kira kerugian tinggi dalam kes itu.

"Syarat tambahan supaya pasport tertuduh perlu diserahkan kepada mahkamah sehingga kes selesai," katanya.

Sementara itu, peguam bela tertuduh, Azzuan Shah Abd Razak, menyifatkan cadangan jaminan itu terlalu tinggi atas alasan anak guam yang juga anak tunggal perlu menanggung ibu bapa.

Mahkamah membenarkan jaminan RM70,000 bagi kedua-dua tuduhan dan syarat tambahan seperti dicadangkan pendakwaan, selain menetapkan 27 September ini untuk sebutan semula kes.

**BERITA HARIAN**
**26/08/2023**
**(SABTU)**

# Pengarah syarikat gagal batal tuduhan tawar suapan

**KUALA LUMPUR** - Mahkamah Sesyen pada Jumaat menolak permohonan seorang pengarah syarikat untuk membatalkan pertuduhan menawarkan suapan RM500,000 setahun selama 15 tahun bagi faedah Tan Sri Annuar Musa berhubung proses pengambilalihan konsesi Menara Kuala Lumpur.

Hakim Suzana Hussin menolak permohonan Pengarah Hydroshoppe Sdn Bhd, Datuk Abdul Hamid Shaikh Abdul Razak Shaikh, 49, selepas meneliti dan mendengar hujahan pendakwaan dan pembelaan.

Pada 31 Mei lepas, Abdul Hamid Shaikh memfailkan permohonan itu atas alasan pertuduhan terhadapnya di bawah Seksyen 16 (b)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 adalah cacat selain tidak berasas, kerana tidak menyatakan butiran penting dalam pertuduhan iaitu tarikh spesifik bagi kesalahan.

Terdahulu, peguam Amer Hamzah Arshad yang mewakili tertuduh memaklumkan anak guamnya berhasrat untuk memohon mendapatkan pelepasan sementara pasportnya bagi menghantar anak beliau melanjutkan pelajaran ke United Kingdom (UK) dan urusan perniagaan di Amerika Syarikat.




"Beliau perlu berada di UK pada 12 September ini dan urusan kerja di Amerika Syarikat pada 1 Oktober. Sekiranya permohonan mendapatkan pasport beliau dibenarkan, saya mohon kehadiran anak guam saya dikecualikan pada tarikh sebutan seterusnya," katanya.

Timbalan Pendakwa Raya SPRM Mahadi Abdul Jumaat berkata, pihak pembelaan perlu memfailkan notis permohonan dan afidavit sokongan untuk menyokong permohonan pelepasan sementara pasport.

"Kami perlu teliti tarikh dan alasan permohonan sebelum membuat keputusan untuk membantah atau tidak kerana tempoh ke luar negara agak panjang," katanya.

Tertuduh diarah memfailkan permohonan berhubung pasport dan menetapkan 12 September ini untuk sebutan semula kes. - *Bernama*

**SINAR HARIAN**
**26/08/2023**
**(SABTU)**



TAN didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas dua pertuduhan melakukan pecah amanah wang syarikat berjumlah RM1.58 juta, tahun lalu.

# AMBIL RM1.58 JUTA NAK GUNA SENDIRI

*Pembantu peribadi tak mengaku salah pecah amanah*

Kuala Lumpur

Seorang pembantu peribadi kepada pengarah syarikat perunding pertahanan didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, atas dua pertuduhan melakukan pecah amanah wang syarikat berjumlah RM1.58 juta, tahun lalu.

Tertuduh, Tan I-Eyo, 39, yang juga pengurus pentadbiran syarikat itu mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan ke atasnya dibacakan di hadapan Hakim Datin Sabariah Othman.

Mengikut kedua-dua pertuduhan, Tan didakwa sebagai pekerja di Ada Vinci Global Sdn Bhd yang diamanahkan menguruskan perihal kewangan syarikat telah melakukan pecah amanah dengan mengambil wang syarikat RM58,354 dan RM1,518,422.88 untuk kegunaan sendiri.

> *Anak guam hidap diabetes dan darah tinggi manakala ibu bapanya berusia 75 tahun berada di Pulau Pinang dan tidak sempat ke mahkamah pagi ini atas faktor kesihatan dan usia."*
>
> **Azzuan Shah**

Wanita itu dituduh melakukan perbuatan itu di syarikat berkenaan di Menara YNH Kiara 163, Mont Kiara, antara 3 Disember 2021 dan 10 Disember 2022, mengikut Seksyen 408 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum 14 tahun dengan sebat dan denda jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Noor Shakira Aliana Alias menawarkan jaminan RM120,000 untuk kedua-dua pertuduhan berserta syarat tambahan pasport tertuduh diserahkan kepada mahkamah hingga kes selesai.

Peguam Azzuan Shah Abd Razak mewakili tertuduh memohon jaminan rendah atas alasan anak guamnya masih menanggung ibu bapa selain akaun banknya telah dibekukan sejak Disember tahun lalu.

"Anak guam juga menghidap diabetes dan darah tinggi manakala ibu bapanya berusia 75 tahun berada di Pulau Pinang dan tidak sempat ke mahkamah pagi ini atas faktor kesihatan dan usia," katanya.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM70,000 bagi kedua-dua pertuduhan dan syarat tambahan seperti dicadangkan pendakwaan selain menetapkan 27 September ini untuk sebutan semula kes.

# Didenda RM15,000 buat tuntutan palsu

Kuala Lumpur: Seorang bekas pembantu tadbir sebuah syarikat cari gali didenda RM15,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tiga pertuduhan mengemukakan butiran matan palsu bagi tuntutan kerja sanitasi di syarikat dia bekerja.

Tertuduh, Abdul Rahman Ahad, 27, mengaku bersalah atas ketiga-tiga pertuduhan pilihan selepas jurubahasa membacakan pertuduhan di hadapan Hakim Suzana Hussin.

Mengikut pertuduhan pertama, tertuduh pada 20 Disember 2021, di pejabat Carigali-PTTEPI Operating Company Sdn Bhd dengan curangnya menggunakan sebagai tulen dua dokumen iaitu resit bagi invois berjumlah RM1,500 dan resit bagi invois RM1,500 yang mana mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa dokumen berkenaan adalah palsu.

Bagi pertuduhan pilihan kedua, tertuduh pada 17 Januari dan pada 13 Februari 2022 didapati mengemukakan resit berjumlah RM1,500 dan resit berjumlah RM1,500 palsu.

Manakala bagi pertuduhan pilihan ketiga, beliau pada 13 Februari 2022 mengemukakan dua dokumen resit berjumlah RM1,500 yang palsu.

Susulan itu tertuduh melakukan kesalahan mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah seksyen 465 Kanun yang sama (Akta 574).

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Asraf Mohamed Tahir.



ABDUL Rahman (kiri) mengaku bersalah mengemukakan butiran [illegible] palsu bagi tuntutan kerja sanitasi.

**HARIAN METRO**
**26/08/2023**
**(SABTU)**

Laksana pelbagai inisiatif untuk tingkat kredibiliti

# Perang CIDB lawan penyelewengan, rasuah

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI

ISU berkaitan integriti dan rasuah amat ditekankan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dalam memastikan industri pembangunan lebih cekap dan berkredibiliti.

Ketua Eksekutif CIDB Malaysia, Datuk Ir Ahmad 'Asri Abdul Hamid berkata, sebagai sebuah badan berkanun yang dipertanggungjawabkan untuk mengawal selia dan membangunkan industri pembinaan negara, CIDB tidak terkecuali daripada berhadapan dengan isu-isu berkaitan salah guna kuasa, penyelewengan, rasuah dan sebagainya.

"Dalam hal ini CIDB sememangnya komited dalam usaha memerangi gejala tersebut. Bagi menyokong inisiatif kerajaan melalui Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023, CIDB membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) CIDB 2021-2025.

"OACP CIDB ini merangkumi inisiatif-inisiatif yang menjurus kepada memperkukuhkan kesediaan, kredibiliti, keberkesanan dan ketelusan CIDB dalam menyampaikan perkhidmatan," katanya eksklusif kepada *Sinar Harian*, baru-baru ini.

Beliau berkata, CIDB turut mendapatkan pensijilan Sistem Pengurusan Antirasuah (MS ISO 37001:2016) bagi meningkatkan dan memperkemaskan aspek integriti dalam sistem penyampaian di CIDB.

Katanya, CIDB merancang untuk memanjangkan skop pensijilan Sistem Pengurusan Antirasuah kepada Pejabat CIDB negeri dan cawangan secara berperingkat dan dijangka akan mendapatkan pensijilan itu pada akhir tahun 2026.



Penguatkuasaan CIDB di tapak bina merujuk kepada peruntukan Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520).



CIDB dipertanggungjawabkan untuk mengawal selia dan membangunkan industri pembinaan negara.



CIDB melaksanakan pemeriksaan di tapak pembinaan dalam memastikan industri pembangunan negara cekap dan berintegriti.

## Bendung masalah

Ahmad 'Asri berkata, bagi membendung masalah itu, CIDB melaksanakan Kursus Integriti dan Kod Etika yang diwajibkan ke atas setiap kontraktor berdaftar bagi memperkasakan keupayaan dan meningkatkan kesedaran kepentingan integriti setiap kontraktor.

"Kursus ini dibangunkan bagi memberi kesedaran kepada pemilik syarikat tentang kepentingan pemantapan integriti dalam pelaksanaan sesuatu kerja pembinaan," kata beliau.

Jelasnya, kursus itu dilancarkan oleh CIDB pada tahun 2010 dengan kerjasama Institut Integriti Malaysia (IIM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

"Berdasarkan kepada jawapan CIDB berkaitan usaha dan peranan dalam menangani isu integriti mahupun rasuah, kita sentiasa bekerjasama dengan SPRM dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) terutama dalam pelaksanaan program-program peningkatan integriti kepada staf dan penggiat industri pembinaan serta bekerjasama dalam aktiviti pemantauan di tapak bina.

"Kita akan sentiasa bekerjasama dan memberikan kerjasama kepada pihak SPRM dan PDRM sekiranya terdapat aduan-aduan berkaitan integriti mahupun rasuah terhadap CIDB," katanya.



AHMAD 'ASRI

## Tindakan tegas

Ahmad 'Asri berkata, sekiranya pegawai dan anggota CIDB didapati terlibat rasuah, satu jawatankuasa tatatertib akan ditubuhkan untuk menyiasat.

"Kita akan buka kertas siasatan dan kes akan dibawa ke Jawatankuasa Tatatertib untuk diambil tindakan.

"Antara tindakan diambil untuk kes tatatertib itu adalah seperti diturunkan pangkat, tidak disahkan jawatan dan ditamatkan perkhidmatan bergantung kepada merit kesalahan dilakukan.

"Sekiranya kontraktor yang terlibat, kes akan diserahkan kepada SPRM untuk tindakan lanjut," jelasnya.

Menurut Ahmad 'Asri, penggiat industri pembinaan seharusnya melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan dengan penuh tanggungjawab.

"Mereka perlu menunjukkan tahap profesionalisme yang tinggi agar industri pembinaan di Malaysia dapat berkembang pesat, sekali gus membangunkan ekonomi negara.

"Salah satu cara bagi kita menanamkan nilai integriti serta menjadikan ia etika kerja industri pembinaan ialah dengan menganugerahkan kontrak dan projek-projek pembinaan kepada mereka yang terbukti integritinya.

"Namun demikian pendekatan ini memerlukan satu kaedah yang boleh mengambil kira integriti ini dalam proses penilaian," jelasnya.

Bagaimanapun Ahmad 'Asri berkata, perkara itu bukan sesuatu yang mudah dan amat subjektif.

"Lembaga profesional yang mentadbir urus bidang profesional di dalam industri pembinaan perlu memainkan peranan mereka sebagai 'penjamin' integriti ahli-ahli mereka," katanya.

**SINAR HARIAN**
**26/08/2023**
**(SABTU)**

# Bersama memerdekakan negara daripada cengkaman rasuah

- Tekad dan azam iltizam politik ditunjukkan kerajaan hari ini masih perlu diperkukuhkan lagi untuk melaksanakan kawalan antirasuah mengikut pelan yang dirancang

- Kerajaan perlu pastikan badan perundangan dan penguatkuasaan tidak diganggu, bahkan diperkasakan atau diubah jadi badan bebas ada kuasa penuh laksanakan fungsi perangi rasuah



Usaha memerangi rasuah dan penyelewengan adalah tanggungjawab kita bersama bagi memastikan generasi masa depan mewarisi Malaysia lebih baik



**BERITA HARIAN**
**26/08/2023**
**(SABTU)**

# SPRM lancar dua bilik gerakan aduan rasuah

**PUTRAJAYA** - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melancarkan dua bilik gerakan di Johor bagi memudahkan orang ramai menyalurkan maklumat dan aduan perbuatan rasuah serta salah guna kuasa pada pilihan raya kecil (PRK) Parlimen Pulai dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Simpang Jeram.

SPRM dalam kenyataan memaklumkan, kedua-dua bilik gerakan itu beroperasi 24 jam bermula Sabtu hingga 9 September ini.

Bilik gerakan bagi pejabat SPRM Johor boleh dihubungi dengan menelefon **07-231 6000**, manakala bilik gerakan pejabat SPRM cawangan Batu Pahat menerusi talian **07-432 1982**.

Maklum SPRM, orang ramai juga boleh menyalurkan sebarang aduan rasuah dan salah guna kuasa melalui e-mel kepada *aduan.prk.johor@sprm.gov.my* atau menghubungi talian **010-841 4384**.

SPRM turut mengingatkan semua calon dan parti politik yang bertanding agar tidak melakukan aktiviti yang boleh melanggar undang-undang dan peraturan pilihan raya selaras Akta SPRM 2009 dan Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954. - *Bernama*

Sinar Ahad - 27/8/2023

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**SINAR AHAD**
**27/08/2023**
**(AHAD)**

# Terap pendidikan anti rasuah bermula di sekolah rendah

**PORT DICKSON** - Pendedahan awal berkaitan pencegahan rasuah di institusi pendidikan harus bermula di peringkat sekolah rendah kerana ia diyakini dapat mendidik dan memberi kesedaran kepada murid agar membenci amalan negatif itu.

Pengerusi Rasuah Busters Negeri Sembilan, Azhari Haron berkata, penekanan terhadap rasuah pada usia masih muda memberi impak besar dalam jiwa dan fikiran golongan berkenaan sebelum mereka melangkah ke alam dewasa.

"Semua sekolah ada menekankan pendidikan sivik bagi mengukuhkan penerapan nilai-nilai murni melalui pengajaran dan pembelajaran.

"Daripada situ, murid-murid diberi kefahaman mengenai sifat jujur bagi mengelak berlaku elemen rasuah kerana ia bukan sahaja melibatkan wang tetapi juga dalam bentuk makanan, masa dan perbuatan yang mencalar integriti," katanya pada Majlis Penyampaian Hadiah Bicara Cilik Rasuah Busters 2023 Peringkat Kebangsaan di Sekolah Kebangsaan (SK) Si Rusa di sini baru-baru ini.

Tambah Azhari, kesan rasuah dapat dilihat dalam jangka masa panjang.

"Mungkin kita seronok dapat wang, boleh beli barang mahal, bercuti di luar negara dan berkongsi di media sosial untuk menunjukkan gaya hidup mewah tetapi ia sebenarnya merosakkan diri sendiri, keluarga malah negara," katanya.

Sementara itu, Guru Besar SK Si Rusa, Radziah Bakar berkata, pihak sekolah sentiasa mengalu-alukan sebarang program berkaitan pendidikan anti rasuah.

"Kami bersedia memberikan slot khas bagi tujuan tersebut yang melibatkan murid sekolah agar mesejnya sampai kepada golongan sasar," kata beliau.

**SINAR AHAD**
**27/08/2023**
**(AHAD)**

# Giant Doodle bawa mesej antirasuah

## Dihasilkan sempena Program Doodle Something Nice X Rasuah Busters

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI
SHAH ALAM

Lima pelukis tersohor Persatuan Animasi Malaysia (Animas) menghasilkan *Giant Doodle* sempena Program Doodle Something Nice X Rasuah Busters bagi menyampaikan mesej mengajak masyarakat memutuskan rantaian rasuah di negara ini.

Presiden Animas, Amir Hamzah Hashim yang dikenali sebagai Ibnukaduk Amier berkata, lima *doodle artist* terlibat iaitu Shazni Hanis Zarzaie atau terkenal dengan nama samaran Shazni Nerdless, Roseman @ Md Rosman; Muhammad Firdaus Husain (Tuyuk); Abdul Aziz Sumairi (Cip Comicore) dan Ahmad Hafizuddin Mohd Salleh (Apix Iskandar).

"Menerusi program ini kita gunakan doodle untuk menyampaikan mesej kepada masyarakat dan mengingatkan diri kami juga tentang rasuah yang perlu ditamatkan rantaiannya.

"Kita bawakan mesej Rasuah Busters dalam bentuk seni visual untuk tatapan masyarakat kerana rasuah memberi kesan dalam bidang apa pun," katanya ketika ditemui di Kompleks Kumpulan Karangkraf di sini pada Sabtu.

Amir Hamzah mengajak semua penggiat seni termasuk pencipta lagu, penulis skrip dan penerbit filem untuk meningkatkan atau memulakan perjuangan menentang rasuah dalam karya mereka.



Lima pelukis Animas terlibat menghasilkan *Giant Doodle* sempena Program Doodle Something Nice X Rasuah Busters pada Sabtu.

"Secara asasnya perjuangan (memerangi rasuah) ini satu perjuangan yang panjang dan kita tak akan dapat melihat hasilnya dalam sekelip mata tapi kita harus mulakan langkah untuk generasi akan datang.

"Bagi pembikin animasi seperti kami, kemahiran dan kepakaran kami digunakan untuk menghasilkan seni visual kepada masyarakat. Konsepnya di sini dengan satu gambaran, kami berjaya menyampaikan jutaan maksud dengan lebih mudah tak perlu cakap," katanya.

Beliau yang turut terlibat dalam pembikinan siri animasi Usop Sontorian dan Keluang Man berkata, siri animasi ciptaan pengkarya tempatan telah lama menerapkan mesej antirasuah dan integriti.

"Dengan santainya kami menyampaikan mesej ini. Sejak 1997 kita dah masukkan unsur antirasuah dalam watak-watak utama animasi," katanya.


Pelukis tekun menyiapkan *Giant Doodle* di Kompleks Kumpulan Karangkraf di Shah Alam pada Sabtu.




**SINAR HARIAN**
**28/08/2023**
**(ISNIN)**

GURU SEKOLAH MEMANDU KENA DAKWA

# Rasuah RM650 bagi lulus

Oleh Ahmad Hasbi
am@hmetro.com.my

**Seremban**

Seorang guru sekolah memandu mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan menerima rasuah untuk meluluskan calon dalam ujian lesen memandu perdagangan (GDL).

Tertuduh, S K Rama Thevan, 50, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Meor Sulaiman Ahmad Tarmizi.

Mengikut pertuduhan, tertuduh secara rasuah bersetuju untuk menerima suapan wang tunai masing-masing berjumlah RM350 dan RM300 daripada seorang lelaki sebagai upah untuk meluluskannya dalam ujian lesen GDL.

Ia dilakukan sebelum ujian teori vokasional GDL dijalankan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sehingga menyebabkan calon itu lulus ujian teori dan mendapat lesen vokasional GDL.

Kesalahan didakwa dilakukan di sebuah sekolah memandu di Taman Perindustrian Galla di sini masing-masing pada 31 Disember 2019 dan 13 Februari 2020.

Pendakwaan dibuat mengikut Seksyen 16 (a) (A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta yang sama.

Tertuduh juga dibacakan pertuduhan pilihan iaitu secara rasuah menerima suapan RM350 dan RM300 daripada lelaki sama sebagai galakan bagi mendorong dengan cara menjalankan pengaruh peribadi ke atas pegawai JPJ yang bertugas sebagai pegawai penguji supaya menolong pelajar itu ketika ujian teori dijalankan di lokasi dan masa sama.

Justeru, tertuduh didakwa melakukan kesalahan yang boleh dihukum mengikut Seksyen 163 Kanun Keseksaan.

Mahkamah menetapkan ikat jamin RM8,000 dengan seorang penjamin dan syarat tambahan perlu melapor diri di Pejabat SPRM Seremban pada Sabtu pertama setiap bulan.

***Sebutan semula bagi serahan dokumen dan lantikan peguam ditetapkan pada 20 September depan.***



RAMA mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Seremban, semalam.

**Kesalahan didakwa dilakukan di sebuah sekolah memandu di Taman Perindustrian Galla**

**HARIAN METRO**
**29/08/2023**
**(SELASA)**

# Pegawai penyiasat SPRM nafi gelapkan fakta

## Perbicaraan kes rasuah projek terowong melibatkan Guan Eng

KUALA LUMPUR

Seorang pegawai penyiasat dalam kes terowong dasar laut melibatkan Lim Guan Eng menafikan di Mahkamah Sesyen pada Isnin bahawa beliau "menggelapkan" fakta mengenai perbualan WhatsApp yang merujuk kepada "Big Boss" bertujuan supaya bekas Ketua Menteri Pulau Pinang itu didakwa atas pertuduhan rasuah.

Pegawai Penyiasat di Jabatan Forensik Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Wan Mohd Firdaus Wan Yusof turut menafikan beliau diberi arahan secara spesifik untuk tidak memasukkan fakta dalam laporan forensik mengenai "Big Boss" agar Guan Eng menghadapi pertuduhan yang tidak benar.

Perkataan "Big Boss" itu terkandung dalam laporan forensik melibatkan perbualan WhatsApp antara ahli perniagaan, G. Gnanaraja dan Pengarah Consortium Zenith Construction Sdn Bhd (CZCSB), Datuk Zarul Ahmad Mohd Zulkifli.

Namun, saksi pendakwaan kelapan itu tidak bersetuju cadangan peguam Gobind Singh Deo yang mewakili Guan Eng bahawa penggelapan fakta tersebut merupakan sesuatu yang dilakukan untuk mendakwa pemimpin DAP itu.

Pada perbicaraan sebelum ini, mahkamah diberitahu perbualan WhatsApp antara Gnanaraja kepada Zarul Ahmad antara lain menyebut pemberian "coklat RM2 juta" untuk "Big Boss".

Ketika menyoal balas saksi, Gobind berkata, sebahagian kandungan perbualan yang didakwa "digelapkan" oleh Wan Mohd Firdaus adalah satu ayat "*had a good birthday cutting cake with Big Boss*" antara Gnanaraja dan Zarul Ahmad pada 9.41 pagi, 23 Julai 2017.

**Gobind:** Kamu tahu 23 Julai itu tarikh lahir siapa? Ia bukan tarikh lahir anak guam saya.

**Wan Mohd Firdaus:** Saya tidak tahu.

**Gobind:** Saya cadangkan 23 Julai itu adalah tarikh lahir Datuk Seri Najib Tun Razak.

**Wan Mohd Firdaus:** Saya tidak tahu.

Saksi itu juga tidak bersetuju dengan cadangan Gobind bahawa beliau diarahkan untuk tidak membawa laporan asal (yang diberikan ke Mahkamah Shah Alam) dengan tujuan menggelapkan fakta mengenai "Big Boss" pada perbicaraan kes Guan Eng.



GUAN ENG

RASUAH BUSTERS

Mengikut pertuduhan pindaan pertama, Guan Eng, 60, didakwa sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang menggunakan kedudukannya untuk menerima suapan wang berjumlah RM3.3 juta, dengan membantu syarikat milik Zarul Ahmad dilantik melaksanakan Projek Pembinaan Jalan-Jalan Utama dan Terowong di Pulau Pinang bernilai RM6,341,383,702.

Guan Eng didakwa melakukan perbuatan itu antara Januari 2011 dan Ogos 2017 di Pejabat Ketua Menteri Pulau Pinang.

Bagi pertuduhan pindaan kedua, Guan Eng didakwa meminta suapan 10 peratus daripada keuntungan yang akan diperoleh daripada Zarul sebagai upah bagi membantu syarikat milik ahli perniagaan itu dilantik untuk projek sama.

Guan Eng didakwa melakukan perbuatan tersebut berhampiran Hotel The Gardens, Lingkaran Syed Putra, Mid Valley City di sini antara jam 12.30 tengah malam dan 2 pagi pada Mac 2011.

Bekas ketua menteri itu juga berdepan dengan dua pertuduhan menyebabkan dua lot tanah milik kerajaan negeri Pulau Pinang bernilai sebanyak RM208.8 juta dilupuskan kepada syarikat pemaju berkaitan projek terowong dasar laut di negeri itu yang didakwa dilakukan di Pejabat Tanah dan Galian Negeri Pulau Pinang, Komtar pada 17 Februari 2015 dan 22 Mac 2017.

Perbicaraan di hadapan Hakim Azura Alwi bersambung pada 18 September ini.- *Bernama*




SINAR HARIAN
29/08/2023
(SELASA)

# Pemilik syarikat kontena, bekas pengurus besar pelabuhan nafi buat tuntutan palsu

**Johor Bahru:** Seorang pemilik syarikat pembekal kontena dan bekas pengurus besar pelabuhan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan membuat tuntutan palsu dan bersubahat terhadap tuntutan bernilai lebih RM150,000, dua tahun lalu.

Tertuduh Ng Wei Che, 33, dan Tan Ming Han Vincent, 40, masing-masing membuat pengakuan berkenaan selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Ariffin Ismail.

Mengikut kertas pertuduhan, Wei Che yang juga pemilik syarikat pembekal kontena didakwa mengemukakan tuntutan berjumlah RM151,024.50 yang mana butiran berkenaan adalah palsu.

Tuntutan berkenaan dibuat menggunakan *Document Distribution Note*, '*Agreed Final Measurement* dan *Request For Inspection*, sedangkan ia tidak sama dengan pembekalan yang dilaksanakan.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP), Gelang Patah pada 9 November 2021.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Jika sabit kesalahan, boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta sama, yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali tuntutan palsu atau RM10,000, mengikut mana lebih tinggi.

Sementara itu, Ming Han yang juga bekas Pengurus Besar pelabuhan pula didakwa bersubahat dengan Wei Che dengan niat memperdayakan prinsipalnya ketika itu, dengan mengarahkan penerimaan pembekalan dilaksanakan, yang mana kesalahan dilakukan hasil persubahatan.

Kesalahan berkenaan didakwa dilakukan di lokasi dan waktu yang sama.

Berikutan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 28(1)(c) Akta SPRM 2009 dibaca bersama Seksyen 18 akta yang sama dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(2)(c) akta sama.

**Kesalahan didakwa dilakukan di Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP), Gelang Patah 2021**

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Nur Zahida Muhammad Ruzi, manakala Wei Che diwakili peguam Goh Sze Han sementara Ming Han diwakili peguam R Jayabalan dan R Subash.

Ahmad Kamal mengarahkan kedua-dua tertuduh masing-masing diikat jamin RM10,000 dengan seorang penjamin selain diarah melaporkan diri di Pejabat SPRM Johor pada setiap bulan.

Kedua-dua tertuduh kemudian membayar wang jaminan berkenaan.

***Mahkamah kemudian menetapkan 2 Oktober depan sebagai tarikh sebutan semula kes.***

Harian Metro - 30/8/2023 - Rabu

**HARIAN METRO**
**30/08/2023**
**(RABU)**

# Tiga polis kena tangkap

**Johor Bahru:** Polis Diraja Malaysia (PDRM) Kontinjen Johor mengesahkan seorang pegawai kanan polis dan dua pegawai rendahnya ditahan pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), kelmarin.

Ketua Polis Johor Datuk Kamarul Zaman Mamat berkata, siasatan selari sedang dijalankan Jabatan Pematuhan Standard (Jips) bersama pihak SPRM.

"Polis Johor mengesahkan tangkapan yang dibuat oleh SPRM membabitkan seorang pegawai kanan dan dua pegawai rendah polis, semalam (kelmarin). Siasatan selari oleh JIPS bersama SPRM sedang dijalankan," katanya.

Terdahulu, media melaporkan, seorang pegawai kanan dan dua anggota polis ditahan SPRM kerana disyaki terbabit isu rasuah berkaitan ujian saringan air kencing pesalah.

Harian Metro - 31/8/2023 - Khamis

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**HARIAN METRO**
**31/08/2023**
**(KHAMIS)**

# Pegawai kanan polis antara tiga ditahan SPRM

**KUALA LUMPUR** - Seorang pegawai kanan dan dua anggota polis ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Muar, Johor.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain ketika mengesahkan perkara itu, berkata, perincian lanjut mengenai penahanan mereka akan dibuat oleh Ketua Polis Johor.

"Saya sahkan penahanan mereka namun perincian penuh boleh dapatkan daripada Ketua Polis Negeri Johor (Datuk Kamarul Zaman Mamat)," katanya ringkas kepada *Bernama* pada Rabu

Sementara itu, Pengarah Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) Bukit Aman, Datuk Seri Azri Ahmad ketika dihubungi berkata, JIPS akan membuka kertas siasatan selari seperti biasa berhubung tangkapan oleh SPRM itu.

Sementara itu, Ketua Polis Johor Datuk Kamarul Zaman Mamat, dalam satu kenyataan berasingan, mengesahkan penahanan seorang pegawai kanan dan dua pegawai rendah polis pada Selasa.

Dalam kenyataan ringkas itu, beliau berkata, siasatan selari antara JIPS bersama SPRM sedang dijalankan. - *Bernama*

Sinar Harian
31/8/2023
Khamis

**SINAR HARIAN**
**31/08/2023**
**(KHAMIS)**

# RGBI nafi Pengarah Bebas Bukan Eksekutif ditahan SPRM

## Syarikat tegaskan tak benarkan pembiayaan politik

Oleh Ilah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** RGB International Bhd (RGBI), syarikat yang dikaitkan dengan dakwaan membiayai kempen pilihan raya di negara ini, mengesahkan Pengarah Bebas Bukan Eksekutifnya, Tan Sri Norazman Hamidun, tidak ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Sebaliknya, RGBI memaklumkan bahawa Pengarah Urusan syarikat itu, Datuk Seri Chuah Kim Seah yang ditahan bagi membantu siasatan SPRM sebelum dibebaskan dengan ikat jamin.

"Lembaga Pengarah RGBI ingin menjelaskan lebih lanjut bahawa Norazman tidak ditahan oleh SPRM.

"Individu ditahan ialah Kim Seah dan beliau kini diikat jamin serta memberikan kerjasama penuh dengan penyiasatan," katanya dalam kenyataan beliau kepada Bursa Malaysia, kelmarin.

Sebelum ini, media melaporkan siasatan SPRM dikatakan menemui bukti yang menunjukkan dana daripada beberapa syarikat perjudian didakwa digunakan untuk membiayai sekurang-kurang tiga kempen pilihan raya sejak 2018.

### Dana RM6 juta

SPRM mendapati dana bernilai RM6 juta hingga RM7 juta itu dipercayai diterima orang kenamaan dan pemimpin politik selepas syarikat perjudian berkenaan dikatakan diberi lesen mengoperasikan aktiviti mesin slot di kelab persendirian dan persatuan dimiliki syarikat pengendali mesin judi.

Mengulas lanjut, RGBI turut menafikan syarikat itu terbabit kes sogokan berkenaan, sekali gus menegaskan siasatan SPRM adalah berkaitan perniagaan peribadi.

"Pembabitan RGB dalam penyiasatan ini adalah semata-mata berkaitan penjualan mesin kepada kelab slot Malaysia.

"Syarikat ingin menegaskan bahawa kami tidak dan tidak akan membenarkan sebarang bentuk 'pembiayaan politik'.

"Pengarah syarikat juga tidak mempunyai kaitan dengan mana-mana ahli politik di negara ini," katanya.

Dalam kenyataan di Bursa Malaysia, kelmarin, RGBI turut menjelaskan anak syarikatnya, RGB Sdn Bhd hanya menjalankan penjualan langsung mesin permainan dan aksesorinya serta tidak mempunyai pembabitan atau pemilikan dalam kelab slot Malaysia.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**BERITA HARIAN**
**31/08/2023**
**(KHAMIS)**

Khamis

# Tiga polis kena tahan disyaki rasuah ahli patologi

## Suspek diberkas ketika hadir ke SPRM untuk dirakam keterangan

Oleh Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Dua anggota polis bersama seorang pegawai berpangkat Asisten Superintendan (ASP) ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki merasuah ahli patologi dalam ujian saringan air kencing.

Seorang daripada tiga suspek itu ditahan Isnin lalu, manakala dua lagi kelmarin ketika masing-masing hadir ke pejabat SPRM Segamat di Johor untuk dirakam keterangan.

Selain ASP itu, dua lagi yang ditahan masing-masing berpangkat Sarjan dengan semuanya berusia antara 36 hingga 54 tahun dan berkhidmat di tiga daerah berasingan di Johor.

Ketua Polis Johor, Datuk Kamarul Zaman Mamat mengesahkan penahanan berkenaan.

**KPN sahkan penahanan**

Mereka dibebaskan selepas diberikan jamin dan keterangan selesai diambil pada hari sama.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain ketika dihubungi mengesahkan penahanan ketiga-tiga suspek itu.

Dalam pada itu, sumber berkata, hasil siasatan SPRM mendapati 10 pegawai kanan dan 33 penolong pegawai penyiasat di Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik seluruh daerah di Johor terbabit dalam merasuah ahli patologi sejak 2018 hingga 2022.

"Sehingga kini 37 ditahan secara berperingkat dan sudah diberikan jamin SPRM," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard, Datuk Seri Azri Ahmad, berkata pihaknya akan membuka kertas siasatan tatatertib berhubung tangkapan itu.



BANDARAYA JOHOR BAHRU

**BERITA HARIAN**
**31/08/2023**
**(KHAMIS)**

# SEPTEMBER 2023

**UNIT INTEGRITI & PEMODENAN PENTADBIRAN MBJB**











# Bekas Ketua Polis Temerloh hadapi 46 tuduhan rasuah

## Mahkamah tetapkan 15 November untuk sebutan semula kes

Oleh Asrol Awang
bhnews@bh.com.my



*Mohd Azhar (tengah) tiba di Kompleks Mahkamah Indera Mahkota, semalam.* (Foto Farizul Hafiz Awar

**Kuantan:** Bekas Ketua Polis Daerah (OCPD) Temerloh mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas 46 pertuduhan menerima rasuah yang keseluruhannya berjumlah RM70,600 antara 2019 dan 2023.

Asisten Komisioner Mohd Azhar Mohd Yusoff, 53, memohon dibicarakan selepas pertuduhan dibacakan dua jurubahasa yang mengambil masa lebih 45 minit di hadapan Hakim Datuk Ahmad Zamzani Mohd Zain.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa menerima barangan berharga, iaitu wang tunai antara RM100 dan RM5,600 tanpa balasan daripada beberapa individu dan syarikat yang berkaitan dengan tugas rasminya melalui pemindahan wang secara dalam talian ke akaunnya antara Mac 2019 hingga Januari 2023.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di daerah Temerloh ketika bertugas di Ibu Pejabat Polis Daerah Temerloh dengan pangkat Superintendan dan Asisten Komisioner antara Mac 2019 dan Januari 2023.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan dan jika sabit kesalahan, boleh dipenjara hingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya.

Tertuduh juga mengaku tidak bersalah terhadap 46 pertuduhan alternatif mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta sama.

Jika sabit kesalahan boleh dipenjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah suapan yang di terima atau RM10,000 mengikut mana yang lebih tinggi

### Mohon jaminan

Dalam prosiding itu, Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Ahmad Feisal Mohd Azmi memohon jaminan RM40,000 dengan seorang penjamin bagi semua pertuduhan berserta tiga syarat tambahan, iaitu melaporkan diri di pejabat SPRM Pahang, menyerahkan pasport antarabangsa kepada mahkamah dan tidak ngecau ganggu saksi pend an.

Tertuduh diwakili pegua tuk Bob S Arumugam dan Zakaria.

Hakim Ahmad Zamzani k dian menetapkan jan RM25,000 dengan tiga syara bahan, iaitu tertuduh diperi kan untuk melaporkan d pejabat SPRM setiap bulan mula bulan ini hingga k lesai.

Mahkamah menetapkan vember ini untuk sebutan la kes.

**BERITA HARIAN**
**08/09/2023**
**(JUMAAT)**

# Bung Moktar, isteri bebas 3 tuduhan rasuah RM2.8j

## Mahkamah dapati tiada bukti saksi beri sogokan

Oleh Azman Johari Abdul Ali
ajohari@bh.com.my



Bung Moktar dan Zizie Izette hadir di Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

**Kuala Lumpur:** Mahkamah Tinggi semalam, melepas dan membebaskan Datuk Seri Bung Moktar Radin dan isterinya, Datin Seri Zizie Izette Abdul Samad daripada tiga tuduhan rasuah berjumlah RM2.8 juta membabitkan pelaburan RM150 juta dalam unit amanah Public Mutual Berhad.

Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Azhar Abdul Hamid membuat keputusan itu selepas membenarkan permohonan Bung Moktar dan Zizie Izette untuk menyemak keputusan Mahkamah Sesyen yang memerintahkan mereka membela diri pada 2 September tahun lalu.

Bung Moktar, 63, dan Zizie Izette, 45, menyemak terhadap keputusan Azhar pada 9 Disember tahun lalu, yang menolak permohonan pasangan itu untuk menyemak keputusan Mahkamah Sesyen yang memerintahkan mereka membela diri atas tiga pertuduhan rasuah.

Pada 2 September 2022, Mahkamah Sesyen memerintahkan pasangan itu membela diri atas tiga pertuduhan rasuah selepas mendapati pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie terhadap mereka.

Pada 3 Mei 2019, Bung Moktar yang juga Ahli Parlimen Kinabatangan didakwa atas dua pertuduhan menerima rasuah RM2.2 juta dan RM262,500 sebagai dorongan mendapatkan kelulusan FELCRA untuk membuat pelaburan RM150 juta dalam unit amanah Public Mutual.

Bung Moktar dituduh menerima rasuah daripada ejen Public Mutual, Madhi Abdul Hamid, menerusi Zizie Izette di Public Bank Cawangan Taman Melawati di sini antara jam 12.30 tengah hari dan jam 3 petang 12 Jun 2015.

Beliau juga didakwa menerima suapan wang tunai RM337,500 daripada perunding Unit Amanah, Norhaili Ahmad Mokhtar di bawah nama Zizie Izette atas sebab sama dan di tempat sama pada 19 Jun 2015, manakala Zizie Izette berdepan tiga pertuduhan bersubahat dengan suaminya berhubung perkara itu di tempat, tarikh dan masa yang sama.

Terdahulu, Mahkamah Tinggi membenarkan permohonan Bung Moktar dan Zizie Izette untuk menyemak keputusan mahkamah yang memerintahkan mereka membela diri daripada tuduhan rasuah menyatakan tindakan menyalahgunakan proses mahkamah.

Timbalan Pendakwa Raya, Law Chin How, berhujah, Bung Moktar dan Zizie Izette masih mempunyai hak di sisi undang-undang untuk didengar kerana pasangan itu belum memberi keterangan membela diri terhadap tiga tuduhan rasuah RM2.8 juta membabitkan pelaburan RM150 juta dalam unit amanah Public Mutual Berhad.

Chin How menegaskan, kedua-dua pemohon cuba menggunakan kes pendakwaan untuk kali kedua dengan subjek sama iaitu keterangan saksi belot untuk dinilai semula secara keseluruhan oleh mahkamah sedangkan ia sudah diputuskan pada peringkat prima facie.

[illegible]

Beliau berkata, pembelaan juga menyatakan keputusan prima facie itu tidak tepat dan tidak selaras kerana tiada keterangan saksi belot menunjukkan penerimaan wang rasuah oleh Bung Moktar melalui Zizie Izette bagi kesalahan mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Katanya, pemohon juga menghujahkan elemen bersubahat di bawah Seksyen 28(1)(c) akta sama terhadap Zizie Izette adalah samar kerana tiada bukti menunjukkan Zizie Izette bekerjasama dengan suaminya apabila menerima wang pengenalan yang dikatakan daripada ejen Public Mutual iaitu Norhaili Ahmad Mokhtar dan Madhi Abdul Hamid (dua saksi belot).

"Keputusan prima facie dalam kes ini tidak mengajarkan semakan kerana tidak berlaku kepincangan dalam sistem keadilan. Dalam hal ini, beban terletak kepada pihak pendakwaan untuk membuktikan kes melampaui keraguan munasabah.

"Pada peringkat ini, pemohon atau mana-mana saksi pembelaan belum memberikan keterangan dan jelasnya tiada bukti menunjukkan hak mereka dinafikan daripada mendapatkan perbicaraan yang adil. Pemohon sentiasa boleh membuat rayuan jika disabitkan di akhir kes (pembelaan), malangnya mereka tidak menggunakan hak melalui proses rayuan yang betul tetapi bergantung pada permohonan semakan," katanya.

Terdahulu, peguam M Athimulan mewakili Bung Moktar berhujah, tiada bukti menunjukkan anak guamnya menerima rasuah RM2.8 juta daripada dua ejen pelaburan unit amanah Public Mutual, melalui isterinya.

Katanya, Madhi dan Norhaili ketika memberi keterangan tidak pernah menyatakan mereka memberi wang berbentuk bagi pihak Bung Moktar.

Athimulan berkata tiada bukti melalui rekod atau dokumen menunjukkan Bung Moktar menerima suapan atau Zizie Izette menyerahkan wang kepada suaminya seperti dinyatakan dalam pertuduhan.

Sehubungan itu, peguam memohon keputusan Mahkamah Sesyen memanggil Bung Moktar dan isteri membela diri diketepikan.

**BERITA HARIAN**
**08/09/2023**
**(JUMAAT)**

# Minda Pengarang

## Atasi ketirisan, rasuah elak membusuk dari kepala

**Peringatan** Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali pada Persidangan Penyelidikan Governans, Integriti dan Antirasuah, semalam ditujukan kepada penjawat awam supaya ketirisan dan kelemahan tata kelola membabitkan kepentingan negara yang tentunya turut berkait dengan perkhidmatan kepada rakyat tidak disapu atau disembunyikan di bawah permaidani hakikatnya bukan sahaja ditujukan kepada golongan itu, bahkan mesti diberi perhatian semua lapisan masyarakat, terutama pemimpin sendiri.

Ini kerana berapa banyak program atau projek dirancang kerajaan dengan teliti serta dilaksanakan demi memacu pembangunan negara dan memberikan perkhidmatan kepada rakyat menemui kegagalan atau setidak-tidaknya tidak menghasilkan impak optimum akibat ketirisan dan kelemahan tata kelola bukan sahaja disembunyikan, bahkan sengaja 'dihilangkan' daripada pandangan umum demi meraih kepentingan peribadi. Malah, tindakan itu juga boleh menyebabkan bencana besar menimpa, termasuk kerugian wang ringgit mahupun mengancam keselamatan rakyat apabila sesuatu rancangan penting untuk orang awam digerogoti perbuatan salah laku.

> Kita meminta kerajaan memperkemas mekanisme dan saluran pengaduan, termasuk unit integriti yang boleh lindungi identiti pengadu dan menjamin mereka daripada sebarang implikasi negatif

Hakikatnya, sikap tidak bertanggungjawab begini membuka ruang kepada rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa berleluasa yang menjejaskan setiap usaha menghapuskan jenayah itu sehingga hari ini. Malah, selagi semua pihak termasuk penjawat awam belum menginsafinya, tidak ada gunanya kita menggantikan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 dengan Strategi Antirasuah Kebangsaan (NACS) atau apa-apa agenda sekalipun.

Bagaimanapun, pepatah Cina menyebut 'ikan busuk bermula dari kepala', maka kita mengingatkan pemimpin daripada anggota Kabinet hingga pengurusan kanan setiap kementerian, agensi, badan berkanun dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) bahawa mereka wajib melaksanakan tugas dengan amanah serta berintegriti, sekali gus tidak menunjukkan contoh buruk dengan memejam mata terhadap ketirisan atau rasuah itu, apatah lagi bersekongkol dan 'berkongsi laba'.

Namun, kita turut menyedari ramai penjawat awam bersedia untuk mendedahkan ketirisan dan kelemahan tata kelola, bahkan salah guna kuasa dan rasuah yang berlaku di jabatan mereka, tetapi tinggal tidak melaporkannya kerana bimbang menjadi mangsa tindak balas kerana kesalahan itu dilakukan pegawai atasan, manakala sebahagian pula beranggapan tiada tindakan diambil bagai kambing menanduk bukit, tanduk patah bukit tak runtuh. Oleh itu, kita meminta kerajaan memperkemaskan mekanisme dan saluran pengaduan, termasuk unit integriti yang boleh melindungi identiti pengadu dan menjamin mereka daripada sebarang implikasi negatif.

**BERITA HARIAN**
**08/09/2023**
**(JUMAAT)**

# Kerajaan digesa gubal RUU khas kekang rasuah

## Langkah jamin aspek kawal selia urusan penuhi piawaian, elak ketirisan

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my



*Antara peserta yang hadir di Persidangan Penyelidikan Governans, Intergriti dan Antirasuah di Sepang.* (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

**Sepang:** Kerajaan digesa merealisasikan penggubalan Rang Undang-Undang (RUU) berkaitan perolehan kerajaan bagi memastikan aspek kawal selia urusan terbabit, selain mengelak ketirisan dan menjamin kebertanggungjawaban semua pihak.

Ia antara 10 resolusi dibentangkan melalui Persidangan Penyelidikan Governans, Intergriti dan Antirasuah anjuran Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang berlangsung di sini, untuk diteliti dan dipertimbang kerajaan.

Pada persidangan itu, 10 kumpulan penyelidik daripada pelbagai institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta membentangkan hasil kajian selama enam bulan.

Ia merangkumi sektor penguatkuasaan, pembangunan luar bandar, alam sekitar, berkecuali dan kesaksamaan dalam pentadbiran awam, perolehan awam, pengangkutan, pihak berkuasa tempatan (PBT), syarikat milik kerajaan, sukan dan sektor tidak formal.

Pengarah Bahagian Perancangan Governans Nasional (BPGN), Datuk Abd Aziz Aban, berkata selain penggubalan RUU itu, persidangan terbabit turut menggesa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengguna pakai Instrumen Indeks Pemarkahan yang dibangunkan dalam mengukur tahap berkecuali dan kesaksamaan dalam kalangan penjawat awam.

### Perketat kawalan sempadan

Beliau selaku pengerusi persidangan berkata, kerajaan juga perlu memperkukuh dan menyelaraskan kawalan sempadan di semua pintu masuk negara bagi mengelakkan sebarang ancaman dan ketirisan hasil negara.

"Selain itu, kerajaan diminta meminda Akta Kerja 1955 (Akta 265) untuk merangkumi keperluan mengawal selia sektor tidak formal dan mewujudkan entiti khusus yang mengawal selia sektor tidak formal.

"Kerajaan juga perlu memastikan tata kelola baik di entiti yang mempunyai kepentingan kerajaan dengan mewujudkan suatu definisi jelas berhubung syarikat milik kerajaan dan mewujudkan perundangan khas bagi mengawal selia entiti berkepentingan milik kerajaan," katanya kepada *BH*, semalam.

Mengulas baki empat lagi resolusi, Abd Aziz berkata, ia membabitkan gesaan mempertingkatkan pendidikan dan hebahan kepada masyarakat awam berhubung tatacara dan peraturan penguatkuasaan agensi-agensi pengangkutan.

Katanya, pihaknya juga menggesa diwujudkan mewujudkan perundangan yang mewajibkan pelaksanaan penilaian impak alam sekitar (EIA) dengan hukuman berat ke atas ketidakpatuhan, serta mengukuhkan perundangan sedia ada bagi mengenakan hukuman berat ke atas sebarang perlakuan yang mengakibatkan kemusnahan alam sekitar.

"Melalui resolusi kelapan, kerajaan perlu menangani isu campur tangan pihak politik dalam projek pembangunan sektor luar bandar dan pemberian bantuan kepada golongan sasar.

"Resolusi kesembilan pula membabitkan gesaan memperluas dan mempercepatkan pelaksanaan pertukaran pegawai antara pihak berkuasa tempatan (PBT) dan membuat pindaan terhadap Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) untuk memasukkan peruntukan yang mengawal sumbangan rundingan pembangunan dalam Pelan Kebenaran Merancang.

"Akhir sekali ialah meminda Akta Pembangunan Sukan 1997 (Akta 576) khususnya berkaitan kesalahan rasuah, pelanggaran integriti serta tata kelola dan kebertanggungjawaban membabitkan ekosistem pembangunan sukan dalam negara," katanya.

**BERITA HARIAN**
**08/09/2023**
**(JUMAAT)**



# Usah sorok ketirisan, kelemahan tata kelola 'bawah karpet'

**Kerajaan serius pastikan agenda pembangunan bebas rasuah, salah guna kuasa**

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**BERITA HARIAN**
**08/09/2023**
**(JUMAAT)**

# Dituduh rasuah RM70,600

*Bekas Ketua Polis Daerah Temerloh nafi 46 tuduhan terima rasuah*



**Oleh Asrol Awang**
am@hmetro.com.my

Kuantan

Bekas Ketua Polis Daerah Temerloh mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini, semalam terhadap 46 pertuduhan menerima rasuah yang keseluruhannya berjumlah RM70,600 antara 2019 hingga tahun ini.

Tertuduh, Asisten Komisioner Mohd Azhar Mohd Yusoff, 53, ***(gambar)*** membuat pengakuan berkenaan selepas dua jurubahasa mengambil tempoh lebih 45 minit untuk membacakan kesemua pertuduhan di hadapan Hakim Datuk Ahmad Zamzani Mohd Zain.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa menerima benda berharga iaitu wang tunai antara RM100 dan RM5,600 tanpa balasan daripada beberapa individu dan syarikat yang berkaitan dengan tugas rasminya melalui pemindahan wang secara dalam talian ke akaunnya antara Mac 2019 hingga Januari lalu.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu di Temerloh ketika bertugas di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Temerloh dengan pangkat Superintendan dan Asisten Komisioner.

Pendakwaan dibuat mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan dan jika sabit kesalahan, boleh dipenjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya.

Tertuduh juga mengaku tidak bersalah terhadap 46 pertuduhan alternatif mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta sama.

Jika sabit kesalahan boleh dipenjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah suapan yang diterima atau RM10,000 mengikut mana yang lebih tinggi.

Dalam prosiding itu, Timbalan Pendakwa Raya SPRM Ahmad Feisal Mohd Azmi memohon jaminan RM40,000 dengan seorang penjamin bagi semua pertuduhan berserta tiga syarat tambahan iaitu melaporkan diri di pejabat SPRM Pahang, menyerahkan pasport antarabangsa kepada mahkamah dan tidak mengacau ganggu saksi pendakwaan.

Pendakwaan turut dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Rasyidah Murni Azmi dan Ri'fah Izzati Abdul Mutalif, manakala tertuduh diwakili peguam Datuk Bob S Arumugam dan Najib Zakaria mewakili Azhar.

Sementara itu, Bob memohon jumlah jaminan dikurangkan kerana tertuduh berjanji menghadiri mahkamah dan tidak mungkin melarikan diri, manakala Najib juga memohon ikat jamin sebanyak RM20,000.

Ahmad Zamzani kemudian menetapkan jaminan RM25,000 dengan syarat tambahan iaitu tertuduh diperintahkan melaporkan diri di pejabat SPRM setiap bulan bermula bulan ini sehingga kes selesai.

***Mahkamah menetapkan 15 November depan untuk sebutan semula kes.***

**HARIAN METRO**
**08/09/2023**
**(JUMAAT)**

ELAK KAKITANGAN JPJ TERIMA RASUAH

# Lawat SPRM sebelum diterima kerja

Melaka: Bakal kakitangan penguat kuasa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) akan dibawa melawat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi melihat prosedur serta suasana sekiranya seseorang itu dicekup terbabit rasuah termasuklah ditahan lokap.

Ia antara langkah proaktif diambil JPJ dalam memastikan bakal kakitangan diambil menjauhi amalan rasuah kelak.

Perkara itu dinyatakan Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) JPJ, Ibrahim Mohd Yusof pada majlis Ikrar Bebas Rasuah (IBR) dikalangan pelatih di Akademi JPJ dalam usaha meningkatkan integriti warga jabatannya berkaitan gejala rasuah.

Seramai 128 pelatih terbabit melafazkan tiga ikrar pada Majlis Tandatangan Sijil & Lafaz Ikrar yang berlangsung semalam, merangkumi Ikrar IBR, Aku Janji dan Akta Rahsia Rasmi.

> **"Lafaz ikrar IBR ini adalah yang pertama diadakan di peringkat Kursus Asas dan bakal menjadi jati diri yang kukuh kepada setiap anggota baharu dalam menerapkan sifat membenci dan menolak rasuah sebelum mula bekerja lagi"**

Ibrahim berkata, langkah itu adalah inisiatif yang disediakan kepada warga JPJ untuk menjauhi rasuah seawal sebelum mula berkhidmat sebagai penguat kuasa.

"Lafaz ikrar IBR ini adalah yang pertama diadakan di peringkat Kursus Asas dan bakal menjadi jati diri yang kukuh kepada setiap anggota baharu dalam menerapkan sifat membenci dan menolak rasuah sebelum mereka mula bekerja lagi.

"Pada tahun ini juga pelatih Kursus Asas JPJ akan dibawa melawat SPRM bagi pendedahan risiko sekiranya terbabit rasuah," katanya selepas Majlis Tandatangan Sijil dan Lafaz Ikrar yang turut disaksikan oleh Pengarah Akademi JPJ, Mohamad Kifli Ma Hasan dan Pengarah Khidmat Pengurusan JPJ, Mohd Tarmizi Abd Talib, di Tiang Dua, di sini.

# Terima RM45,000, tiru tanda tangan pegawai luluskan surat pelantikan

Kota Bharu: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang penjawat awam ketika disyaki meminta dan menerima rasuah kira-kira RM45,000 sebagai balasan melantik sebuah syarikat pembekal untuk program di bawah sebuah agensi kerajaan di negeri ini.

Sumber berkata, lelaki berusia 30-an itu ditahan ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Kelantan kira-kira jam 9.45 pagi semalam.

Menurutnya, suspek yang bertugas di sebuah jabatan kerajaan dipercayai menerima wang rasuah kira-kira RM45,000 daripada individu itu.

"Suspek juga dipercayai meniru tanda tangan seorang pegawai wanita bagi meluluskan surat pelantikan sebagai pembekal bagi memperdayakan pemilik syarikat berkenaan untuk membayar wang rasuah yang diminta," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Sementara itu, Pengarah SPRM Kelantan, Rosli Hussin ketika dihubungi mengesahkan tangkapan berkenaan dan kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

**HARIAN METRO**
**08/09/2023**
**(JUMAAT)**

Sinar Harian
8/9/2023
Jumaat

# Bung, Zizie menangis berpelukan

## Ahli Parlimen Kinabatangan, isteri lepas bebas kes rasuah RM2.8 juta

Oleh NOOR AZLIDA ALIMIN
KUALA LUMPUR

Mahkamah Tinggi di sini pada Khamis membenarkan permohonan semakan Datuk Seri Bung Moktar Radin dan isterinya, Datin Seri Zizie Izette Abdul Samad berhubung keputusan Mahkamah Sesyen di sini yang mengarahkan mereka membela diri atas tuduhan rasuah sebanyak RM2.8 juta.

LAPORAN MUKA DEPAN

Susulan keputusan itu, Hakim Datuk Azhar Abdul Hamid melepas dan membebaskan pasangan suami isteri itu daripada tuduhan berkenaan.

Ketika membaca keputusan, Azhar berkata, tiada bukti menunjukkan dua saksi utama pendakwaan memberi rasuah kepada Ahli Parlimen Kinabatangan itu melalui Zizie Izette.

Dua saksi itu ialah perunding Unit Amanah, Normaili Ahmad Mokhtar, 46, dan Madhi Abdul Hamid, 44, masing-masing selaku saksi pendakwaan ke-24 dan ke-25.

"Sehubungan itu, wajar bagi mahkamah melaksanakan kuasa semakan mengikut Seksyen 323 Kanun Prosedur Jenayah.

"Oleh itu, keputusan Mahkamah Sesyen yang memerintahkan kedua-dua pemohon untuk membela diri (pada 2 September tahun lalu) adalah salah laksana keadilan.

"Saya dengan ini, mengguna pakai Seksyen 325 Kanun Prosedur Jenayah bagi melepas dan membebaskan kedua-dua pemohon," kata hakim.

Mendengar keputusan itu, Bung Moktar, 66, dan Zizie Izette, 46, yang berada dalam kandang tertuduh, berpelukan dan menangis sesama sendiri.

Suasana sayu itu turut dikongsi penyokong yang berada di galeri awam yang mengerumuni mereka.

Pada 7 Julai lalu, Mahkamah Rayuan sebulat suara menghantar balik permohonan semakan itu ke Mahkamah Tinggi bagi membolehkan meritnya didengar dan diputuskan.

Panel tiga hakim diketuai oleh Datuk Hadhariah Syed Ismail yang bersidang bersama Hakim Datuk Azman Abdullah dan Datuk Azmi Ariffin memutuskan demikian selepas menolak bantahan awal pihak pendakwaan.

Mahkamah Sesyen, pada 2 September tahun lepas, memerintahkan Bung Moktar dan Zizie Izette membela diri atas ketiga-tiga pertuduhan rasuah itu. Ini mendorong mereka memfailkan permohonan semakan di Mahkamah Tinggi.

Namun, Mahkamah Tinggi menolak permohonan mereka tanpa mendengar merit permohonan selepas membenarkan bantahan awal pendakwaan.

Pasangan itu kemudiannya memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan dan pada 7 Julai 2023, mereka berjaya dalam rayuan dan mahkamah menghantar semula permohonan semakan kepada Mahkamah Tinggi untuk merit permohonan didengar.

Pada 3 Mei 2019, Bung Moktar yang ketika itu Pengerusi Bukan Eksekutif Felcra didakwa atas dua pertuduhan menerima rasuah RM2.2 juta dan RM262,500 sebagai dorongan untuk mendapatkan kelulusan Felcra bagi melabur RM150 juta dalam unit amanah Public Mutual.

Beliau didakwa menerima suapan daripada ejen pelaburan Public Mutual Berhad, Madhi melalui Zizie Izette di Public Bank Cawangan Taman Melawati di sini pada 12 Jun 2015.

Bung Moktar turut didakwa menerima wang tunai RM337,500 daripada perunding Unit Amanah, Normaili atas nama Zizie Izette atas sebab dan tempat yang sama pada 19 Jun 2015, manakala Zizie Izette berdepan tiga pertuduhan bersubahat dengan suaminya.



Bung Moktar dan isterinya, Zizie Izette dilepas dan dibebaskan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada Khamis.

**SINAR HARIAN**
**08/09/2023**
**(JUMAAT)**

# Bekas OCPD tidak mengaku salah 46 tuduhan rasuah

Terima suapan daripada empat pihak libatkan nilai keseluruhan lebih RM70,000

Oleh NORAWAZNI YUSOF
KUANTAN

Bekas Ketua Polis Daerah (OCPD) Temerloh didakwa di Mahkamah Sesyen Kuantan di sini, pada Khamis, atas 46 pertuduhan menerima rasuah bernilai keseluruhan RM70,600 tanpa balasan antara Mac 2019 hingga Januari 2023.

Tertuduh, Mohd Azhar Mohd Yusoff, 53, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas kesemua pertuduhan termasuk 46 pertuduhan pilihan dibacakan di hadapan Hakim Datuk Ahmad Zamzani Mohd Zain.

Berdasarkan kesemua pertuduhan dan pertuduhan pilihan, Mohd Azhar didakwa melakukan perbuatan itu antara Mac 2019 hingga Januari 2023 melalui transaksi pemindahan wang secara dalam talian ke akaun bank yang diketahuinya mempunyai hubungan dengan kerja-kerja rasmi tertuduh sebagai pegawai kanan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Temerloh.

Tertuduh didakwa menerima suapan antara RM100 sehingga RM5,600 daripada empat pihak berbeza sebagai dorongan melindungi pihak terbabit supaya tidak dikenakan apa-apa tindakan Polis Diraja Malaysia (PDRM) atas pelbagai kesalahan.

Bagi setiap pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan kesalahan tersebut mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara selama tempoh boleh sampai dua tahun atau dengan denda atau kedua-duanya sekali.

Bagi pertuduhan pilihan pula, Mohd Azhar didakwa melakukan kesalahan di bawah Seksyen 16 (a) (A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24 (1) akta yang sama.

Kesalahan itu memperuntukkan hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Pihak pendakwaan memohon agar mahkamah mengenakan jaminan RM40,000 ke atas tertuduh.

Mahkamah kemudian memutuskan agar tertuduh dikenakan ikat jamin sebanyak RM25,000 dan menetapkan 15 November ini sebagai tarikh penyerahan dokumen dan sebutan semula kes.



Mohd Azhar (tengah) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kuantan pada Khamis.

**SINAR HARIAN**
**08/09/2023**
**(JUMAAT)**

# Penjawat awam ditahan disyaki terima rasuah RM45,000

**KOTA BHARU** - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Kelantan pada Khamis menahan seorang penjawat awam yang disyaki meminta dan menerima rasuah kira-kira RM45,000.

Sumber memberitahu, wang berkenaan sebagai balasan melantik satu syarikat sebagai pembekal untuk program di bawah sebuah jabatan kerajaan di negeri ini.

Menurut sumber itu, lelaki berusia lingkungan 30-an dikatakan ditahan kira-kira jam 9.45 pagi di pejabat SPRM Kelantan ketika diminta hadir memberi keterangan.

"Suspek juga dipercayai meniru tandatangan seorang pegawai wanita bagi meluluskan surat pelantikan sebagai pembekal," katanya.

Sumber juga memaklumkan, tandatangan itu bertujuan memperdaya pemilik syarikat untuk membayar wang rasuah yang diminta.

Sementara itu, Pengarah SPRM Kelantan, Rosli Husain ketika dihubungi mengesahkan tangkapan tersebut dan kes disiasat di bawah Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Sinar Harian - 8/9/2023 - Jumaat

**SINAR HARIAN**
**08/09/2023**
**(JUMAAT)**



*Azlan (dua dari kiri) didakwa membuat tuntutan palsu perjalanan ke luar negara RM1.185 juta di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, semalam.* (Foto BERNAMA)

# Bekas MB Perlis diberi 2 bulan lagi kemuka representasi kes rasuah

**Kuala Lumpur:** Bekas Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man diberi lanjutan masa selama dua bulan untuk melengkapkan representasi kepada Jabatan Peguam Negara (AGC) supaya lima tuduhan mengemukakan tuntutan palsu dan lima tuduhan menerima hasil aktiviti haram yang dihadapinya, dikaji semula.

Dalam prosiding semalam, Hakim Mahkamah Sesyen Azura Alwi membenarkan permohonan peguam bela Burhanudeen Abdul Wahid untuk diberi masa lanjut dan kemudian menetapkan sebutan kes pada 10 November ini bagi semua pihak memaklumkan perkembangan representasi itu.

"Jika pada tarikh itu tiada perkembangan lanjut berhubung representasi, maka semua pihak harus bersedia untuk memulakan perbicaraan kes," kata Azura.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Norilla Mat Rasyidah Azmi Kalal, memaklumkan kepada mahkamah, bahawa tertuduh belum menghantar surat representasi kepada AGC.

Katanya, pendakwaan sudah mengemukakan semua dokumen berkaitan kes kepada tertuduh melalui peguam bela dan pihaknya tidak membantah permohonan pembelaan untuk lanjutan masa.

Burhanudeen pula memberitahu mahkamah, beliau memohon lanjutan masa bagi membolehkan pembelaan melengkapkan representasi terbabit.

Pada prosiding pada 9 Jun lalu, Azura membenarkan permohonan pendakwaan supaya lima tuduhan mengemukakan tuntutan palsu terhadap Azlan di Mahkamah Kangar, Perlis digabungkan dan didengar bersama lima tuduhan menerima hasil aktiviti pengubahan wang haram (yang didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur) mengikut Seksyen 165 Kanun Acara Jenayah (KAJ).

Pada prosiding itu juga, mahkamah diberitahu pihak pembelaan akan menghantar representasi untuk menimbangkan pertuduhan kepada AGC.

Pada 10 April lalu, Azlan mengaku tidak bersalah terhadap lima pertuduhan membuat tuntutan palsu perjalanan ke luar negara berjumlah RM1.185 juta dari 2013 hingga 2017 ketika mentadbir negeri Perlis.

Azlan didapati dengan niat menuntut kemudahan cuti seberang laut yang layak diberikan kepadanya sebagai Menteri Besar Perlis, bagi tempoh bermula 2013 sehingga 2017, sedangkan tidak ada sebarang perjalanan berkenaan dilakukan oleh beliau.

**BERITA HARIAN**
**09/09/2023**
**(SABTU)**

# Sanusi tidak gentar dipanggil SPRM

## Isu kecurian unsur nadir bumi di Bukit Enggang

Oleh NURUL HIDAYAH HAMID
YAN




Laporan *Sinar Harian* pada Selasa.

Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor sedia dipanggil Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi melengkapkan kertas siasatan berhubung isu kecurian unsur nadir bumi (REE) di Bukit Enggang, Sik, Kedah.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jeneri itu berkata, beliau tidak takut, sebaliknya bersedia untuk memberi keterangan tentang perkara itu.

"Saya tunggu dia (SPRM) panggil. Saya tunggu. Belum lagi (panggil). Saya tidak ada masalah dengan SPRM. Tidak ada masalah apa.

"Nanti, dia (SPRM) panggil. Saya pi (pergi) lah. Bukan sekali ini sahaja. Polis panggil, itu panggil hari-hari (dan) tidak ada isu apa-apa. (Rasa) debar apa-pun tidak ada," katanya kepada pemberita selepas Majlis Perasmian Tuaian Projek Padi Benih Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) di tapak Smart Sawah Berskala Besar Asnaf LZNK, Batu 17, Padang Lumat, di sini pada Rabu.



**Muhammad Sanusi (tengah) pada sidang media selepas Majlis Perasmian Tuaian Projek Padi Benih Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) di tapak Smart Sawah Berskala Besar Asnaf LZNK, Batu 17, Padang Lumat, Yan, pada Rabu.**

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan SPRM akan memanggil dirinya selewat-lewatnya minggu depan bagi melengkapkan kertas siasatan berhubung isu kecurian REE.

Sementara itu, Sanusi berkata, pihaknya bersetuju dengan cadangan kerajaan Persekutuan untuk membangunkan dasar larangan eksport REE.

Menurut beliau, kerajaan negeri turut bersedia menawarkan beberapa kawasan di lokasi perindustrian sebagai tapak pembinaan kilang REE tersebut.

"Kita sudah tawarkan beberapa kawasan tapak industri untuk pembinaan kilang REE di Gurun (Kuala Muda), Padang Meha dan Sungai Ular (Kulim). Kita ada tapak kawasan tanah-tanah industri milik Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) dan swasta untuk bangunkan kilang REE di negeri ini."

Beliau mengulas pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bahawa kerajaan akan membangunkan dasar tersebut bagi mengelak eksploitasi dan kehilangan sumber REE sekali gus menjamin pulangan yang maksimum kepada negara ketika pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 pada Isnin lepas.

**SINAR HARIAN**
**14/09/2023**
**(KHAMIS)**

# Syarikat Faiza larang beri, terima 'habuan' elak rasuah



ROSLI

**SHAH ALAM** - Syarikat Faiza Sdn Bhd, terus bertekad dalam mengukuhkan budaya integriti dalam kalangan kakitangannya, dengan memperkenalkan beberapa polisi antirasuah.

Pengurus Komunikasi dan Pemasaran Faiza Sdn Bhd, Rosli Ahmad berkata, antaranya syarikat itu telah menetapkan satu garis panduan antirasuah yang perlu diikuti oleh kakitangan bagi mengekang perbuatan jijik berkenaan.

Menurut beliau, antara yang terkandung di dalam garis panduan itu adalah kakitangan perlu mengelakkan budaya untuk memberi hadiah atau habuan kepada wakil organisasi atau syarikat besar yang membeli beras daripada syarikat tersebut.

"Begitu juga mengelakkan syarikat-syarikat pembekal yang membekalkan sebarang barangan yang dibeli oleh syarikat Faiza memberi habuan atau hadiah kepada kakitangan Faiza.

"Jadi syarikat jelaskan bahawa kita menolak perlakuan rasuah, selaras dengan komitmen kami ke arah merealisaikan matlamat Malaysia bersih daripada rasuah," katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Mengulas lanjut, Rosli berkata, polisi dan garis panduan itu disediakan dalam bentuk manual buku yang mengandungi panduan dan maklumat untuk melakukan sesuatu) yang mana kakitangan perlu membacanya dan perlu menurunkan tandatangan sebagai komitmen untuk mengelak daripada melakukan perbuatan rasuah.

Menyentuh mengenai rutin pekerjaan di syarikat berkenaan bagi mengelak sebarang kejadian rasuah, syarikat Faiza telah menggariskan beberapa amalan prosedur operasi standard (SOP) yang perlu dipatuhi.

"Kita akan memastikan staf mengikut SOP, perlu adanya semak dan imbang setiap pekerjaan yang dilakukan antara pekerja dan ketua.

"Contohnya antara pegawai jualan yang membuat kutipan dipantau oleh kawalan kredit pejabat. Penghantaran barang oleh pemandu dan kelindan dipantau, sebelum keluar dan barang yang turun dipastikan diserahkan kepada pelanggan dan barang sentiasa dikira kuantitinya," jelasnya.

Syarikat Faiza adalah syarikat bumiputera Muslim yang telah ditubuhkan sejak tahun 1982 lagi.

Syarikat tersebut juga sangat terkenal dengan produk beras sehingga disebut sebagai Beras Faiza.

Selain daripada beras, syarikat itu juga merupakan pengeluar produk makanan lain seperti bihun, sos cili, rempah ratus, kicap dan bubur herba.



**Kakitangan syarikat Faiza Sdn Bhd, Norliza Radin menunjukkan buku polisi dan garis panduan antirasuah**

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**SINAR HARIAN**
**14/09/2023**
**(KHAMIS)**

# Didakwa seleweng projek RM1.2 juta

***Pengarah urusan, pengurus mengaku tak bersalah perdaya lembaga pengelola sekolah berhubung kerja baik pulih fasiliti***

**Oleh Mohaamad Hafis Nawawi**
mhafis@mediaprima.com.my

**Shah Alam**

Pengarah urusan syarikat dan pengurus sebuah syarikat konsultasi dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, di sini, semalam atas dua pertuduhan memperdayakan lembaga pengelola sekolah menjalankan kerja baik pulih fasiliti bernilai lebih RM1.2 juta, tiga tahun lalu.

Bagaimanapun, Pengarah Urusan Mohd Syafeeq Mohd, 40 dan Pengurus Cheah Seng Nam, 48, mengaku tidak bersalah selepas kertas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Awang Kerisnada Awang Mahmud.

Mengikut kertas pertuduhan, tertuduh didakwa dengan niat bersama memperdayakan Lembaga Pengelola Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Kampung Baru, Kuala Selangor (SJKT LKB) sehingga mendorong Lembaga Pengelola SJKT LKB untuk menyerahkan RM863,500 kepada mereka antara 1 September 2020 sehingga 7 Disember 2020.

Bagi pertuduhan kedua, kedua-dua tertuduh didakwa memperdayakan Lembaga Pengelola Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Batu Arang (SJKT BA) untuk menyerahkan RM381,500 kepada mereka pada 25 Ogos 2020.

Tertuduh memaklumkan kepada Lembaga Pengelola SJKT LKB dan SJKT BA mereka adalah kontraktor yang dilantik oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi Kerja-Kerja Penyelenggaraan, Penambahbaikan dan Membaik pulih Fasiliti Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil).

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan, sabit kesalahan boleh dipenjara maksimum 10 tahun dan boleh disebat dan didenda.

Prosiding kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Muaz Ahmad Khairuddin dan Mohd Aliff Shaharuzaman sementara kedua-dua tertuduh diwakili Ridha Abdah Subri.

Pendakwaan memohon wang jaminan RM50,000 untuk setiap kes bagi setiap seorang dengan seorang penjamin serta dua syarat tambahan iaitu tertuduh hendaklah menyerahkan pasport antarabangsa kepada mahkamah dan melaporkan diri pada minggu pertama setiap bulan di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berdekatan.

**HARIAN METRO**
**14/09/2023**
**(KHAMIS)**

BANDARAYA JOHOR BAHRU

# Pendakwaan kes rasuah usah ada pilih kasih

Oleh Dr Mohd Nazum Khasim
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah Kanan Jabatan Ekonomi dan Pengajian Kewangan, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan Universiti Teknologi MARA (UiTM)

**Rasuah** adalah masalah global merosakkan integriti institusi, merugikan pembangunan ekonomi dan merencatkan kemakmuran sosial. Oleh itu, banyak negara dan organisasi antarabangsa mengambil langkah tegas memerangi rasuah menerusi undang-undang, inisiatif integriti dan pendidikan awam.

Langkah ini bertujuan meningkatkan akauntabiliti, ketelusan dan budaya integriti dalam masyarakat dan sektor awam. Walaupun pelbagai usaha diambil dan dilakukan untuk membanteras rasuah, ia tetap berlaku sama ada dalam kalangan orang kenamaan (VIP) atau orang biasa.

Apa yang menjadi persoalan, seandainya individu terbabit rasuah tidak mempunyai sebarang kedudukan dan pangkat, tindakan terhadap mereka biasanya pantas diambil, tetapi jika membabitkan VIP, ia berbeza pendekatan seperti wujud amalan pilih kasih. Hakikatnya, sesiapa sahaja didapati terbabit dengan rasuah tetap memberi implikasi ke atas kesejahteraan sosioekonomi negara.

Dalam hal ini, mengapa kerajaan sesebuah negara amat serius menangani isu rasuah ini. Sudah semestinya rasuah akan mengakibatkan pengagihan sumber negara tidak seimbang dan hanya sebelah pihak sahaja menikmatinya. Sumber yang ada dan keuntungan negara dialihkan kepada individu atau entiti terbabit rasuah.

Ini bermakna sumber sepatutnya digunakan untuk pembangunan ekonomi, perkhidmatan awam atau program sosial boleh disalahgunakan untuk kepentingan peribadi. Akhirnya negara mengalami kerugian dan kedudukan sosioekonomi rakyat serta negara terjejas.

## Tingkat ketidakadilan ekonomi

Di samping itu, rasuah juga akan menjejaskan kepercayaan pelabur asing. Negara terkenal dengan rasuah mungkin pasti kurang menjadi tarikan bagi pelabur asing. Pelabur cenderung mengelak negara yang sistem ekonominya dicemari amalan rasuah kerana ia meningkatkan risiko pelaburan dan menurunkan keyakinan dalam peraturan.

Dalam pada itu, rasuah juga boleh mengekang pertumbuhan ekonomi kerana ia menyebabkan pembaziran sumber dan menghalang perkembangan sektor penting seperti perniagaan kecil dan sederhana. Ini menghalang inovasi dan penciptaan pekerjaan.

Amalan rasuah tidak terkawal dalam sesebuah negara juga boleh meningkatkan ketidakadilan ekonomi yang mana amalan ini sering menguntungkan individu atau kumpulan mempunyai hubungan politik atau kuasa, dan akhirnya menyebabkan kesenjangan ekonomi lebih besar antara golongan kaya dan miskin. Ini boleh merosakkan kesejahteraan sosial dan politik.

Hari ini, kerajaan dilihat serius menangani isu kenaikan kos sara hidup dan mengawal kenaikan harga barang. Namun, mungkin ramai tidak menyedari peningkatan harga barang ini ada kaitan dengan amalan rasuah sehingga menyebabkan peningkatan kos perniagaan, harga barangan dan perkhidmatan.

Maka, dalam usaha menangani peningkatan harga barang dalam pasaran, apa yang perlu diambil kira adalah bagaimana untuk memastikan tiada amalan rasuah berlaku pada semua peringkat rantaian.

Perlu difahami apabila kurangnya kepercayaan rakyat terhadap kerajaan dan institusi negara menangani rasuah, akhirnya ia boleh membawa kepada ketidakstabilan politik dan sosial. Justeru, langkah meningkatkan ketelusan, akauntabiliti dan penguatkuasaan undang-undang adalah penting untuk mengatasi masalah rasuah daripada terus berleluasa.

**BERITA HARIAN**
**14/09/2023**
**(KHAMIS)**

# CEO wanita disiasat salah guna kuasa

## SPRM dapati projek dilaksana tak ikut spesifikasi

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Seorang ketua pegawai eksekutif subsidiari sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas menggunakan kedudukannya dalam ubah suai gudang dan pembekalan perabot bernilai RM1.9 juta.

Wanita berusia lingkungan 50-an itu turut dikesan menerima wang berjumlah kira-kira RM300,000 yang dimasukkan dalam akaunnya.

Siasatan SPRM Kuala Lumpur dalam kes itu mendapati projek pengubahsuaian itu tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi.

Menurut sumber, suspek dipercayai menggunakan nama sebuah syarikat lain sedangkan kontraktor sebenar adalah syarikat milik suspek sendiri.

"Hasil siasatan juga mendapati suspek tidak membekalkan perabot dan pengubahsuaian gudang tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam kontrak.

"Selain itu, sejumlah wang dikesan dimasukkan dalam akaun suspek," kata sumber itu.

### SPRM sahkan penahanan

*BH* difahamkan, suspek dipercayai ditahan pada jam 6.30 petang kelmarin ketika diminta hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Kuala Lumpur.

Pengarah SPRM Kuala Lumpur, Datuk Mohamad Fauzi Husin ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu dan berkata, kes disiasat di bawah Seksyen 16 (a) (A) Akta SPRM 2009.

"Suspek dilepaskan dengan jaminan RM50,000 oleh seorang penjamin selepas keterangannya direkodkan," katanya.

BERITA HARIAN
21/09/2023
(KHAMIS)

# Wanita disyaki beri suapan kereta mewah direman

## Ahli perniagaan ditahan selepas beri keterangan di ibu pejabat SPRM

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

**Putrajaya:** Seorang pemilik syarikat penyelenggaraan dan pembersihan direman empat hari sehingga Jumaat ini kerana disyaki memberi suapan kereta mewah bagi mendapatkan projek pengurusan kemudahan bernilai RM87 juta membabitkan sebuah kementerian.

Menurut sumber, suspek wanita berusia lingkungan 30-an itu ditahan pada jam 6.50 petang kelmarin, selepas memberi keterangan di ibu pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di sini.



*Tan Kang Sai*

### Kereta bernilai RM200,000

"Suspek disyaki memberikan suapan, iaitu kereta mewah bernilai kira-kira wRM200,000 kepada pegawai kanan kementerian terbabit pada tahun ini.

"Ini bagi mendapatkan projek pengurusan fasiliti dan penyelenggaraan untuk tempoh lima tahun yang sudah diluluskan pada 2021," katanya.

Perintah reman itu dikeluarkan oleh Majistret Aima Nabila Muhammad Azhar selepas SPRM membuat permohonan terbabit di Mahkamah Majistret Putrajaya semalam.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas SPRM, Datuk Tan Kang Sai, ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**BERITA HARIAN**
**27/09/2023**
**(RABU)**

# 5 lelaki minta suapan RM3,000 kena reman

**Johor Bahru:** Lima lelaki yang bertindak sebagai 'orang tengah', mendakwa boleh membantu menyelesaikan kes memandu mabuk dengan meminta suapan RM3,000, semalam diperintah ditahan reman sehingga Ahad depan.

Perintah reman terhadap kesemua suspek berusia 24 hingga 30 tahun itu dikeluarkan Majistret Muhammad Fitri Mokhtar di Mahkamah Majistret Johor Bahru di sini, selepas mendengar permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor.

Permohonan reman ke atas lima orang awam itu dibuat bagi membolehkan siasatan dijalankan mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta SPRM 2009.

Terdahulu kelmarin, sumber SPRM memaklumkan, kelima-lima lelaki terbabit ditahan di pejabat suruhanjaya itu di bandar raya ini, kira-kira jam 8 malam.

Difahamkan, semua suspek bertindak sebagai orang tengah bagi menyelesaikan satu kes kesalahan mengikut Seksyen 45A(1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 kerana memandu dalam keadaan mabuk.

Sementara itu, Pengarah SPRM Johor, Datuk Azmi Alias ketika dihubungi mengesahkan penahanan lima lelaki terbabit.

**BERITA HARIAN**
**27/09/2023**
**(RABU)**

# Bekas Pengerusi MCPF bebas tuduhan pecah amanah

**Kuala Lumpur:** Bekas Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) Kuala Lumpur dan penceramah pencegahan jenayah dilepas dan dibebaskan oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan pecah amanah dan bersubahat membabitkan dana yayasan itu berjumlah RM195,000.

Hakim Datin Sabariah Othman memutuskan demikian selepas mendapati pihak pendakwaan gagal membuktikan kes prima facie terhadap Bok Siew Mun, 50, dan Saifful Hamiruzzaman Mohd Kesas, 33, di akhir kes pendakwaan.

"Pihak pendakwaan hanya membuktikan satu elemen sahaja berkaitan pecah amanah yang mana tertuduh pertama (Bok) adalah seorang ejen (bekas pengerusi MCPF) manakala tiga elemen utama lain gagal dibuktikan iaitu tertuduh pertama mempunyai kawalan dan penguasaan terhadap wang RM195,000.

"Pihak pendakwaan juga gagal membuktikan tertuduh pertama mempunyai niat curang untuk melakukan pecah amanah ketika meluluskan pengeluaran wang itu kerana semua proses dibuat di dalam mesyuarat ahli jawatankuasa MCPF Kuala Lumpur," katanya.

Dalam penghakimannya, Sabariah berkata, elemen subahat juga gagal dibuktikan sama ada Saiful Hamiruzzaman ada niat bersama membantu atau berkonspirasi dalam pecah amanah bersama tertuduh pertama.

"Selain itu, terdapat beberapa keterangan saksi pendakwaan yang bercanggah dan mempunyai versi berbeza, justeru, mahkamah mendapati kes pendakwaan lemah dan gagal dibuktikan.

"Oleh itu, pihak pendakwa gagal membuktikan kes prima facie dan mahkamah dengan ini melepas dan membebaskan kedua-dua tertuduh daripada pertuduhan ini," katanya.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Lim Chooi Yi, manakala peguam Fitimi Abd Malik mewakili kedua-tertuduh.

Perbicaraan kes itu bermula 28 Oktober tahun lalu dan pihak pendakwaan menutup kes pada 12 Julai 2023 selepas 23 saksi pendakwaan selesai memberi keterangan.

Mengikut pertuduhan, Bok sebagai Pengerusi MCPF Kuala Lumpur yang diamanahkan dengan penguasaan ke atas harta iaitu dana yayasan itu didakwa melakukan pecah amanah dana yayasan dengan mengarahkan bayaran secara cek berjumlah RM195,000.00 kepada syarikat Tyto Green Hornet Sdn Bhd di Maybank Berhad, Cawangan Bandar Sri Permaisuri di sini pada 26 Februari hingga 31 Mei 2019.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang dua tahun dan maksimum 20 tahun dan sebatan.

Harian Metro – 27/9/23 – Rabu

HARIAN METRO
27/09/2023
(RABU)



DUA pegawai perubatan awam dibawa ke Mahkamah Majistret Seremban untuk permohonan reman - Gambar NSTP/AHMAD HASBI

# Dua pegawai perubatan awam direman 6 hari

**Seremban:** Dua daripada empat pegawai perubatan awam yang ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) petang semalam, direman enam hari bermula semalam.

Sumber memaklumkan, dua lagi individu dilepaskan dengan jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin atas faktor kesihatan, kelmarin.

"Permohonan reman terbabit dibuat di hadapan Majistret Syed Farid Syed Ali di Mahkamah Majistret Jenayah Seremban, hari ini (semalam), oleh Pegawai Pendakwa, Zainab Yahya.

"Dua individu dibenarkan reman selama enam hari sehingga 1 Oktober dan ditempatkan di lokap SPRM Negeri Sembilan. Mereka diwakili Peguam M Parameswary daripada Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK)," katanya.

Sumber berkata, SPRM Negeri Sembilan menahan empat kakitangan perubatan awam petang kelmarin, membabitkan tiga lelaki dan seorang wanita berusia 30-an hingga 50-an, kerana disyaki meminta dan menerima rasuah RM11,000.

"Mereka menerima rasuah sebanyak RM100 hingga RM600 sebagai balasan menawarkan kerja pengurusan mayat bukan Islam di sebuah hospital di negeri ini," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Negeri Sembilan, Awgkok Ahmad Taufik Putra Awg Ismail ketika dihubungi mengesahkan tangkapan berkenaan dan berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

**HARIAN METRO**
**27/09/2023**
**(RABU)**

# Wanita disyaki beri suapan kereta mewah demi projek ditahan

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang wanita kerana disyaki memberi suapan kereta mewah bagi mendapatkan projek pengurusan fasiliti dan penyelenggaraan sebuah kementerian bernilai RM87 juta.

Menurut sumber, suspek berusia 30-an itu dipercayai pemilik syarikat penyelenggaraan dan pembersihan ditahan ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya pada 6.50 petang kelmarin.

"Suspek disyaki memberi suapan berupa kereta mewah RM200,000 kepada pegawai kanan kementerian terbabit pada tahun ini bagi mendapatkan projek pengurusan fasiliti dan penyelenggaraan bagi tempoh lima tahun yang diluluskan pada 2021," katanya.

Perintah reman selama empat hari bermula semalam hingga 29 September ini dikeluarkan oleh Majistret Aima Nabila Muhammad Azhar selepas SPRM membuat permohonan.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas Datuk Tan Kang Sai ketika dihubungi mengesahkan tangkapan berkata, siasatan dijalankan mengikut Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**HARIAN METRO**
**27/09/2023**
**(RABU)**

# Rasuah kereta mewah nak projek kementerian RM87 juta

**PUTRAJAYA** - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang wanita untuk siasatan kes beri suapan sebuah kereta mewah bagi mendapatkan projek pengurusan fasiliti dan penyelenggaraan melibatkan sebuah kementerian bernilai kira-kira RM87 juta.

Menurut sumber, suapan kereta mewah itu bernilai kira-kira RM200,000.

"Suspek wanita berusia 30-an itu dipercayai pemilik syarikat penyelenggaraan dan pembersihan telah ditahan kira-kira jam 6.50 petang Isnin ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya.

"Suspek disyaki memberikan suapan berupa kereta mewah kepada pegawai kanan kementerian tersebut pada tahun ini bagi mendapatkan projek pengurusan fasiliti dan penyelenggaraan bagi tempoh lima tahun yang telah diluluskan pada 2021," katanya pada Selasa.

Tambah sumber, wanita itu telah direman empat hari bermula Selasa.

Perintah reman telah dikeluarkan oleh Majistret Aima Nabila Muhammad Azhar selepas SPRM membuat permohonan tersebut di Mahkamah Majistret Putrajaya.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas SPRM, Datuk Tan Kang Sai ketika dihubungi mengesahkan tangkapan dan siasatan dijalankan di bawah Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**SINAR HARIAN**
**27/09/2023**
**(RABU)**

# Bekas Pengerusi MCPF KL bebas tuduhan pecah amanah dana yayasan

KUALA LUMPUR - Bekas Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia Kuala Lumpur (MCPF KL) dan seorang penceramah pencegahan jenayah dilepas dan dibebaskan oleh Mahkamah Sesyen di sini pada Selasa daripada pertuduhan melakukan pecah amanah dan bersubahat melibatkan dana yayasan itu berjumlah RM195,000, empat tahun lalu.

Hakim Datin Sabariah Othman memutuskan demikian selepas mendapati pihak pendakwaan gagal membuktikan kes prima facie terhadap Bok Siew Mun dan Saiful Haminuzzaman Mohd Hazir di akhir kes pendakwaan.

Ketika membaca keputusan penghakimannya, Sabariah berkata, pihak pendakwaan telah membuktikan satu elemen berkaitan pecah amanah yang mana Siew Mun iaitu tertuduh pertama merupakan seorang ejen (bekas Pengerusi MCPF KL).

Bagaimanapun beliau berkata, mereka gagal membuktikan tiga elemen utama lain iaitu sama ada tertuduh ini mempunyai kawalan dan penguasaan terhadap wang berkenaan atau sebaliknya.

Menurutnya, pihak pendakwaan juga gagal membuktikan bahawa tertuduh mempunyai niat curang untuk melakukan pecah amanah semasa meluluskan pengeluaran wang tersebut kerana kesemua proses telah dibuat di dalam mesyuarat ahli jawatankuasa MCPF KL.

"Bukan itu sahaja, terdapat beberapa keterangan saksi pendakwaan yang bercanggah dan mempunyai versi berbeza, justeru mahkamah mendapati kes pendakwaan lemah serta gagal dibuktikan.

"Elemen bersubahat juga gagal dibuktikan sama ada tertuduh kedua (Saiful Haminuzzaman) mempunyai niat bersama membantu atau berkonspirasi dalam pecah amanah bersama tertuduh pertama," katanya.

**SINAR HARIAN**
**27/09/2023**
**(RABU)**

# Dua kakitangan perubatan awam direman 6 hari kes rasuah urus mayat bukan Islam

**SEREMBAN -** Dua kakitangan perubatan awam direman enam hari bermula Selasa bagi membantu siasatan dakwaan meminta dan menerima rasuah RM11,000 sebagai balasan menawarkan kerja pengurusan mayat bukan Islam.

Perintah reman terhadap mereka dikeluarkan Majistret Syed Farid Syed Ali selepas permohonan dibuat Pegawai Pendakwa, Zainab Yahya di Mahkamah Majistret di sini pada Selasa.

Selain itu, dua lagi dilepas dengan jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin atas faktor kesihatan.

Pada Isnin, *Sinar Harian* melaporkan SPRM menahan kesemua mereka selepas disyaki menerima rasuah antara RM100 hingga RM600 sebagai balasan menawarkan kerja pengurusan mayat bukan Islam di sebuah hospital di negeri ini.

Sumber memberitahu, tiga suspek lelaki dan seorang suspek wanita berusia antara 30-an hingga 50-an dipercayai ditahan antara kira-kira jam 4 petang hingga 7 malam di pejabat SPRM Negeri Sembilan ketika diminta hadir memberi keterangan.

Beliau berkata, kesemua suspek bertugas di hospital sama dipercayai menerima wang rasuah membabitkan kira-kira 42 transaksi bank daripada dua syarikat yang menawarkan perkhidmatan pengurusan mayat antara 2022 dan hingga 2023.



Kedua-dua tertuduh diiring pegawai SPRM di mahkamah.

**SINAR HARIAN**
**27/09/2023**
**(RABU)**

# Rasuah jenayah berat, dilarang agama

**SHAH ALAM** - Orang ramai perlu menghindarkan diri daripada terlibat dengan rasuah kerana ia adalah jenayah berat dan dilarang dalam agama.



ABDUL RAHMAN SOLEHUDDIN

Setiausaha Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Kedah, Abdul Rahman Solehuddin Mohd Zain berkata, dalam Islam, menyeleweng merupakan perbuatan zalim kepada diri dan masyarakat.

"Jawatan dan kuasa adalah tanggungjawab yang perlu dilaksanakan sebaiknya dengan adil, bukannya mengambil kesempatan dengan memewahkan diri serta keluarga.

"Amanah yang dipertanggungjawabkan sepatutnya memberi manfaat kepada masyarakat. Jangan kerana nafsu, kita menggadaikan prinsip dan agama sehingga menzalimi orang lain," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian*.

Laporan *Sinar Harian* pada 4 September lalu, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Terengganu menahan seorang pembantu tadbir kanan yang disyaki menerima sebuah kenderaan sebagai balasan bagi memastikan kerja pembekalan bernilai RM230,000 di agensinya diperoleh sebuah syarikat sejak 2017.

Menurut sumber SPRM, selain pembantu tadbir kanan di sebuah agensi Kerajaan Tempatan Negeri Terengganu itu, seorang pemilik syarikat turut ditahan bagi membantu siasatan kes suapan dalam bentuk pemberian kenderaan bernilai RM90,000.

Tambah Abdul Rahman, masyarakat juga perlu mengelak daripada membuat sebarang andaian yang boleh mengganggu siasatan SPRM dan mengeruhkan lagi keadaan.

"Kita sepatutnya memberikan kepercayaan kepada pihak berkuasa untuk menyiasat dan menyelesaikan kes penyelewengan yang dilaporkan.

"Kita harapkan dengan adanya kerjasama antara masyarakat dan pihak berkuasa dapat membantu dalam membendung kegiatan rasuah, daripada terus berleluasa," ujarnya.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**SINAR HARIAN**
**27/09/2023**
**(RABU)**

# SPRM selesai rakam kenyataan

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sudah merakam percakapan pegawai kanan sebuah kementerian bagi membantu siasatan membabitkan kes suapan sebuah kereta mewah bagi mendapatkan projek pengurusan fasiliti dan penyelenggaraan bernilai RM87 juta.

Menurut sumber, pegawai kanan kementerian terbabit dirakam percakapannya di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya, kelmarin.

"SPRM turut merampas kereta mewah itu dan siasatan lanjut masih dijalankan di mana pemilik syarikat terbabit kini dalam tahanan reman," katanya ketika dihubungi, semalam.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas SPRM, Datuk Tan Kang Sai ketika dihubungi mengesahkan kereta mewah terbabit sudah dirampas dan merekod keterangan pegawai kanan berkenaan.

Harian Metro sebelum ini melaporkan SPRM menahan reman pemilik syarikat kerana disyaki memberikan suapan sebuah kereta mewah bagi mendapatkan projek pengurusan fasiliti dan penyelenggaraan membabitkan sebuah kementerian bernilai RM87 juta.

Suspek wanita berusia 30-an itu ditahan ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya, Isnin lalu.

Siasatan kes berkenaan dibuat mengikut Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009.


BANDARAYA JOHOR BAHRU

**HARIAN METRO**
**28/09/2023**
**(KHAMIS)**

# Senarai hitam pemimpin bersalah kes rasuah bertanding pilihan raya

**SHAH ALAM** - Ahli Parlimen dan ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang disabit bersalah kes mahkamah berkaitan rasuah perlu disenarai hitam daripada bertanding dalam mana-mana pilihan raya.

Pengerusi Rasuah Busters Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan dan Putrajaya, Profesor Dr Hamdan Daniel berkata, penguatkuasaan larangan itu bagi memastikan wakil rakyat yang dipilih nanti dapat melaksanakan tugas dengan jujur dan amanah.

"Pihak berkuasa seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) perlu mengambil tindakan sewajarnya dengan tidak membenarkan pesalah rasuah ini menjadi calon di mana-mana kawasan buat selama-selamanya," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurut Hamdan Daniel, ahli Parlimen berkenaan telah menyalurkan dana diperuntukkan kerajaan negeri pada waktu yang tidak sesuai iaitu ketika berkempen.

"Sebelum menyalurkan apa-apa sumbangan, ahli politik dinasihatkan untuk membuat ulang kaji terlebih dahulu agar tidak timbul sebarang spekulasi penyalahgunaan dana.

"Bakal Yang Berhormat perlu lebih cakna dalam menyampaikan sumbangan. Jika tersalah langkah, ia bakal mengundang natijah yang lebih besar," ujar beliau.

Sinar Harian - 28/9/2023 - Khamis

**SINAR HARIAN**
**28/09/2023**
**(KHAMIS)**

# Bekas CEO kena dakwa salah guna kuasa

**Melaka:** Bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Syarikat Melaka Halal Hub Sdn Bhd didakwa di Mahkamah Sesyen Ayer Keroh semalam, atas tuduhan menyalahgunakan jawatannya untuk melantik anak sendiri sebagai pegawai kewangan di syarikat milik kerajaan negeri Melaka itu pada 2021.

Amir Ali, 56, bagaimanapun mengaku tidak bersalah sejurus pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Elesabet Paya Wan.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa menggunakan jawatannya dengan terbabit membantu melantik anaknya, Nur Hafizah ke jawatan Pegawai Kewangan W41 di syarikat itu.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di syarikat berkenaan di Lot 125, Bangunan Anchor Kawasan Perindustrian Melaka Halal Hub Serkam, Jasin pada 1 April 2021.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 23 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta sama, sabit kesalahan boleh dipenjara maksimum 20 tahun dan denda minimum lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana yang lebih tinggi.

Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Mohamad Azriff Firdaus Mohamad Ali menawarkan jaminan antara RM7,000 hingga RM15,000 dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan tertuduh perlu melaporkan diri di pejabat SPRM setiap bulan hingga perbicaraan selesai dan pasport diserahkan kepada mahkamah.

Peguam Azrul Zulkifli Stork bagaimanapun merayu jaminan RM3,000 dengan alasan tertuduh bekerja sebagai pegawai kebudayaan di sebuah universiti tempatan dengan pendapatan RM6,000 sebulan serta perlu menanggung isteri menghidap penyakit kencing manis dan sembilan anak.

Elesabet kemudian membenarkan tertuduh dilepaskan dengan jaminan RM7,000 dengan seorang penjamin berserta syarat dipohon pendakwaan.

Kes ditetapkan untuk sebutan bagi serahan dokumen pada 2 November depan.



*Amir Ali hadir di Mahkamah Sesyen Ayer Keroh, semalam.*

(Foto Meor Ridzwan Meor Ahmad/BH)

BH - 28/9/23 - Khamis

**BERITA HARIAN**
**28/09/2023**
**(KHAMIS)**

# Pengarah syarikat gagal ketepi empat tuduhan rasuah

## Mahkamah tolak permohonan Choo Thiam dilepas tanpa dibebaskan kes projek KDN

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pengarah syarikat, Datuk Seri Sim Choo Thiam gagal dalam permohonannya supaya dilepas tanpa dibebaskan daripada empat tuduhan meminta dan menerima rasuah RM15 juta bagi mendapatkan projek agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) pada 2021.

Dalam prosiding semalam, Hakim Mahkamah Sesyen Rozina Ayob membuat keputusan menolak permohonan Choo Thiam selaku pemohon untuk mengetepikan empat tuduhan terbabit selepas mendapati ia boleh diperbaiki dan tidak memprejudiskannya.

Sementara itu, Rozina turut menolak permohonan Choo Thiam supaya pendakwaan menyerahkan kepadanya pernyataan bertulis, iaitu fakta yang memihak kepada pembelaan, di bawah Seksyen 51A (1)(c) Kanun Prosedur Jenayah.

Menurut Choo Thiam, fakta yang memihak kepada pembelaan iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hanya merekodkan kenyataan bekas Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainudin (yang dinyatakan dalam tuduhan) pada petang 10 Mei lalu, selepas beliau didakwa pada hari yang sama.

Choo Thiam memfailkan permohonan untuk mengetepikan tuduhan itu pada 4 Julai lalu dengan mendakwa pendakwa raya selaku responden melanggar kewajipan statutori mereka di bawah Seksyen 153 dan 154 Kanun Prosedur Jenayah dan tuduhan kes terbabit tidak lengkap.

### [illegible]

Ahli perniagaan itu juga memohon supaya responden menyerahkan kepadanya pernyataan bertulis iaitu fakta yang memihak kepada pembelaan di bawah Seksyen 51A (1)(c) KTJ dalam masa tujuh hari dari tarikh perintah mahkamah.

Mahkamah Sesyen sebelum ini menetapkan tarikh perbicaraan kes itu selama 10 hari bermula dari 6 hingga 10 dan 13 hingga 17 Mei 2024, di mana pihak pendakwaan memaklumkan akan memanggil 20 saksi bagi memberi keterangan.

Dalam prosiding itu, Choo Thiam selaku pemohon diwakili peguam bela Datuk Hisyam Teh Poh Teik, manakala Timbalan Pendakwa Raya Nor Asma Ahmad bertindak bagi pihak pendakwaan.

Choo Thiam didakwa meminta suapan wang RM15 juta daripada Pengarah Urusan Asia Coding Centre Sdn Bhd, Heo Kim Hong melalui Syed Abu Zafran Syed Ahmad pada Jun 2021.

Ia sebagai dorongan untuk seorang pegawai badan awam iaitu Hamzah yang juga Menteri Dalam Negeri ketika itu untuk membantu syarikat berkenaan mendapatkan apa-apa projek milik agensi di bawah KDN pada Jun 2021.

Bagi tiga lagi pertuduhan, beliau didakwa menerima rasuah masing-masing berjumlah RM3.5 juta, RM5.5 juta dan RM6 juta daripada Kim Hong sebagai dorongan untuk Hamzah membantu mendapatkan projek milik agensi di bawah KDN antara 19 hingga 30 Julai 2021.

Semua empat tuduhan itu didakwa dilakukan di Solaris Dutamas, Jalan Dutamas 1, di sini.

Choo Tiam didakwa mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta SPRM 2009 (Akta 694) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama.

Sabit kesalahan, boleh dipenjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.



Sim Choo Thiam

**BERITA HARIAN**
**28/09/2023**
**(KHAMIS)**

# SPRM nafi terima arahan siasat kes berkait Radzi




*Laporan disiarkan BH Isnin lalu.*

## Pasukan penyiasat sudah teliti isu sejak Ogos lalu, laksana tugas tanpa tekanan

**Oleh Noor Atiqah Sulaiman**
nooratiqah.sulaiman@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menafikan menerima sebarang arahan daripada mana-mana pihak untuk melakukan siasatan terhadap projek percetakan buku bernilai RM80 juta yang dikaitkan dengan bekas Menteri Pendidikan, Datuk Dr Radzi Jidin.

Sebaliknya, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata siasatan berkaitan isu itu sudah dimulakan sejak Ogos lalu.

"Kita sudah mulakan siasatan membabitkan kes ini kira-kira sebulan lalu. Laporan ini yang dibuat oleh sekumpulan individu, baru-baru ini, hanya maklumat tambahan yang boleh diambil kira SPRM," katanya di sini, semalam.

Sebelum ini, Timbalan Ketua Biro Undang-Undang BERSATU, Sasha Lyna Abdul Latif menuduh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai menyalahgunakan agensi penguatkuasaan untuk mengganggu seteru politiknya.

Ini kerana, beberapa tangkapan dilakukan oleh SPRM selepas berlaku insiden pertelingkahan antara Ahli Parlimen Tambun itu dengan Ahli Parlimen Putrajaya, di Dewan Rakyat, pada 19 September lalu.

**Serah tindakan kepada pasukan siasatan**

Mengulas mengenai dakwaan berkenaan, Azam berkata, SPRM adalah berkecuali dan akan terus melakukan siasatan tanpa tekanan daripada mana-mana pihak.

Ditanya bila Radzi akan dipanggil untuk membantu memberikan keterangan, Azam berkata, perkara itu terpulang kepada pasukan penyiasatnya.

"Bila akan panggil belum tahu lagi kerana saya serahkan kepada pegawai penyiasat dan terpulang kepada mereka tentukan bila akan dipanggil jika ada keperluan," katanya.

Sehingga kini, lima saksi sudah diambil keterangan oleh SPRM bagi membantu siasatan berhubung projek percetakan buku itu.

Semua keterangan saksi itu diambil selepas dua individu termasuk seorang setiausaha politik kepada seorang bekas menteri ditahan pada Ahad lalu.

Pada 25 September lalu, Radzi dalam satu kenyataan mengakui bekas setiausaha politiknya ditahan SPRM berhubung dakwaan rasuah membabitkan RM80 juta berkaitan pencetakan buku J-Qaf untuk prasekolah.

Bagaimanapun beliau menafikan terbabit dalam projek rundingan terus percetakan buku berkenaan ketika memegang jawatan menteri.

> "Bila akan panggil belum tahu lagi kerana saya serahkan kepada pegawai penyiasat dan terpulang kepada mereka tentukan bila akan dipanggil jika ada keperluan"

**Azam Baki,**
*Ketua Pesuruhjaya SPRM*



**BERITA HARIAN**
**28/09/2023**
**(KHAMIS)**

# Lantik anak jadi Pegawai Kewangan W41

## Bekas CEO tidak mengaku salah guna kuasa

Oleh NOR FARHANA YAACOB
MELAKA

Bekas ketua pegawai eksekutif (CEO) sebuah anak syarikat kerajaan negeri didakwa di Mahkamah Sesyen di sini pada Rabu, atas pertuduhan penyalahgunaan kuasa dengan melantik anaknya bekerja di agensi berlokasi di Jasin.

Tertuduh, Amir Ali, 57, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Hakim Elasabet Paya Wan.

Berdasarkan pertuduhan, Amir yang pada ketika itu menjawat jawatan sebagai CEO Syarikat Melaka Halal Hub Sdn Bhd, telah menggunakan jawatannya untuk melantik anak perempuannya, Nur Hafizah, memegang jawatan Pegawai Kewangan W41.

Tindakan itu dilakukan di Syarikat Melaka Halal Hub Sdn Bhd, Bangunan Anchor Kawasan Perindustrian Melaka Halal Hub Serkam di Jasin pada 1 April 2021.

Tertuduh yang sekarang menjawat jawatan sebagai pegawai kebudayaan di sebuah universiti tempatan, di sini didakwa mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta sama.

Kesalahan tersebut memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda minimum lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana yang lebih tinggi, sekiranya sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Mohamad Azriff Firdaus Mohamad Ali mencadangkan jaminan antara RM7,000 hingga RM15,000 selain syarat tambahan agar tertuduh melaporkan diri di pejabat SPRM setiap bulan dan menyerahkan pasport kepada mahkamah.

Sementara itu, peguam Azrul Zulkifli Stork yang mewakili tertuduh merayu jumlah jaminan dikurangkan kepada RM3,000 memandangkan anak guamnya menyara sembilan orang anak dan isteri menghidap penyakit kencing manis.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM7,000 serta bersetuju dengan semua syarat tambahan yang dipohon oleh pihak pendakwaan.

Hakim Elasabet juga menetapkan 2 November depan sebagai tarikh sebutan semula kes dan serahan dokumen.



Amir (kiri) diiringi pegawai SPRM ke Mahkamah Sesyen Melaka pada Rabu.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

SINAR HARIAN
28/09/2023
(KHAMIS)

# Perunding perniagaan tidak mengaku tipu tuntutan dana MITRA

**KUALA LUMPUR** – Seorang perunding perniagaan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Rabu atas 15 pertuduhan menipu berhubung tuntutan dana Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) berjumlah RM331,047.40 tiga tahun lalu.

P Anbalahgan, 61, didakwa menipu Penolong Pengarah Seksyen Pendidikan Latihan MITRA, R Kavithah dengan memperdayakannya bahawa tiga penyata bank Hong Leong atas nama Bengkel Motor Steben, lapan resit rasmi atas nama bengkel itu, empat invois dikemukakan dalam laporan berkala dan laporan akhir Prestasi Pelaksanaan Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India Malaysia Kementerian Perpaduan Negara bertarikh 14 April 2020 adalah benar dan tulen.

Perbuatannya yang mendorong Kavithah memindahkan RM331,047 ke dalam akaun Bengkel Motor Steben didakwa dilakukan di MITRA, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya pada 14 April 2020 dan 3 Disember 2020.

Anbalahgan juga mengaku tidak bersalah atas 15 pertuduhan pilihan iaitu menggunakan tiga penyata bank Hong Leong palsu atas nama Bengkel Motor Steben, lapan resit rasmi palsu atas nama bengkel itu, empat invois palsu yang dikemukakan dalam laporan sama di tempat dan tarikh serupa.

Timbalan Pendakwa Raya Natrah Fareha Rahmat mencadangkan jaminan RM30,000 dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan tertuduh perlu menyerahkan pasport kepada mahkamah, melapor diri di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan tidak mengganggu saksi pendakwaan.

Bagaimanapun, peguam, M Yogesh yang mewakili Anbalahgan, memohon kadar itu dikurangkan, kerana anak guamnya tidak mempunyai pendapatan tetap memandangkan telah diisytiharkan muflis.

Hakim Suzana Hussin membenarkan tertuduh diikat jamin RM20,000 dengan seorang penjamin bagi kesemua pertuduhan dan membenarkan syarat tambahan yang dimohon pihak pendakwaan.

Mahkamah menetapkan 3 November depan untuk sebutan kes.

**SINAR HARIAN**
**28/09/2023**
**(KHAMIS)**

# Isytihar harta, pendapatan berkala anggota penguat kuasa

**SHAH ALAM** - Kerajaan disaran untuk melaksanakan pengisytiharan harta dan pendapatan berkala dalam kalangan anggota penguat kuasa sebagai usaha membendung jenayah rasuah di negara ini.

Naib Presiden Pertubuhan Pemuda Gema Malaysia (Gema), Mohammad Amar Masuri berkata, ia susulan peningkatan jenayah tersebut seolah-olah sudah menjadi budaya dan kebiasaan.



MOHAMMAD AMAR

"Ini berlaku disebabkan perbuatan keji itu sudah menjadi budaya dan kebiasaan dalam kalangan penguat kuasa tanpa mengira dari mana-mana jabatan sekali pun.

"Selain berpendapatan rendah, mereka juga sudah menjadikan 'hasil' rasuah sebagai pendapatan bulanan untuk menampung perbelanjaan tetap yang tidak dapat ditampung dengan gaji pokok semata-mata," katanya kepada *Sinar Harian*.

Tambah Mohammad Amar, sistem aduan perlu dinaik taraf dan diuar-uarkan kepada orang awam termasuk warga asing supaya mudah untuk melaporkan jika berlaku aktiviti rasuah dan peras ugut daripada penguat kuasa di lapangan serta pejabat.

Ujarnya lagi, andai tiada sebarang tindakan tegas yang diambil ia akan menyebabkan negara tidak dapat berkembang dan akan terus ketinggalan berbanding negara-negara membangun yang lain.

"Kesan jangka panjang boleh kita lihat apabila anak cucu kita perlu bekerja lebih keras untuk menyaingi kos sara hidup yang semakin tinggi dengan pendapatan masih di takuk sama.

"Jenayah keji ini juga akan memberi kesan terhadap pelbagai pihak, terutama dari segi kos sara hidup yang akan memberi kesan besar kepada rakyat Malaysia," katanya

Tegasnya, usaha membendung jenayah tersebut adalah tanggungjawab semua pihak supaya Malaysia boleh menjadi negara maju yang aman dan sejahtera.

**SINAR HARIAN**
**28/09/2023**
**(KHAMIS)**

# Pemilik syarikat beri suapan kereta mewah ditahan

**PUTRAJAYA** - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang wanita untuk siasatan kes memberi suapan sebuah kereta mewah bagi mendapatkan projek pengurusan fasiliti dan penyelenggaraan membabitkan sebuah kementerian bernilai kira-kira RM87 juta.

Menurut sumber, suapan kereta mewah itu bernilai kira-kira RM200,000.

"Suspek wanita berusia lingkungan 30-an itu dipercayai pemilik syarikat penyelenggaraan dan pembersihan telah ditahan kira-kira jam 6.50 petang Isnin ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya.

"Suspek disyaki memberikan suapan berupa kereta mewah kepada pegawai kanan kementerian tersebut pada tahun ini bagi mendapatkan projek pengurusan fasiliti dan penyelenggaraan bagi tempoh lima tahun yang telah diluluskan pada tahun 2021," katanya pada Selasa.

Tambah sumber, wanita itu direman empat hari bermula Selasa.

Perintah reman dikeluarkan oleh Majistret Aima Nabila Muhammad Azhar selepas pihak SPRM membuat permohonan tersebut di Mahkamah Majistret Putrajaya.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas SPRM, Datuk Tan Kang Sai ketika dihubungi mengesahkan tangkapan tersebut.

Kes disiasat di bawah Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**SINAR HARIAN**
**28/09/2023**
**(KHAMIS)**

**PROJEK CETAK BUKU RM80J**

# SPRM nafi terima arahan percepat siasat bekas menteri pendidikan

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) menafikan menerima sebarang arahan daripada mana-mana pihak untuk melakukan siasatan terhadap projek percetakan buku bernilai RM80 juta yang dikaitkan dengan bekas Menteri Pendidikan Datuk Dr Radzi Jidin.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki berkata, siasatan berkaitan isu itu sudah dimulakan sejak Ogos lalu.

"Kita sudah mulakan siasatan membabitkan kes ini kira-kira sebulan lalu. Laporan ini yang dibuat oleh sekumpulan individu baru-baru ini hanya maklumat tambahan yang boleh diambil kira SPRM," katanya di sini, semalam.

Sebelum ini, Timbalan Ketua Biro Undang-Undang Bersatu Sasha Lyna Abdul Latif menuduh Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai menyalahgunakan agensi penguatkuasaan untuk mengganggu seteru politiknya.

Ini kerana beberapa tangkapan dilakukan oleh SPRM selepas berlakunya insiden pertelingkahan antara Ahli Parlimen Tambun itu dengan Ahli Parlimen Putrajaya terbabit di Dewan Rakyat, 19 September lalu.

Mengulas mengenai dakwaan berkenaan, Azam berkata, SPRM berkecuali dan akan melakukan siasatan tanpa tekanan daripada sebarang pihak.

Ditanya bila Radzi akan dipanggil untuk membantu memberikan keterangan, Azam berkata, perkara itu terpulang kepada pasukan penyiasatnya.

"Bila akan panggil belum tahu lagi kerana saya serahkan kepada pegawai penyiasat dan terpulang kepada mereka tentukan bila akan dipanggil jika ada keperluan," katanya.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**HARIAN METRO**
**28/09/2023**
**(KHAMIS)**



# Perjanjian sukarela pendakwa, organisasi alternatif cegah rasuah

• Perjanjian Penangguhan Pendakwaan (DPA) membolehkan pendakwa menumpu perhatian mendapatkan penyelesaian kes tanpa melalui perbicaraan panjang, membosankan dan mahal

• DPA mengambil kira kemungkinan individu tertentu dalam sebuah organisasi adalah suspek dan bukan semua orang dalam organisasi itu sebahagian daripada sindiket jenayah

Oleh Jaas Abd Karim

**BERITA HARIAN**
**29/09/2023**
**(JUMAAT)**

RASUAH PENGUAT KUASA

# Direman 3 hari seludup daging sejuk beku

**Alor Setar:** Seorang pemilik syarikat logistik direman tiga hari bermula kelmarin kerana dipercayai memberi rasuah kepada pegawai agensi penguat kuasa semasa melakukan aktiviti penyeludupan daging sejuk beku dari negara jiran.

Sumber memaklumkan lelaki berusia 40-an itu ditahan jam 11 malam Selasa lalu di Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Kedah, selepas diminta hadir bagi membantu siasatan.

"Perintah reman tiga hari sehingga 29 September itu dikeluarkan Majistret Nurshahida Abdul Rahim selepas pihak SPRM membuat permohonan itu di Mahkamah Majistret Alor Setar," menurut sumber.

Suspek dipercayai melakukan penyeludupan daging sejuk beku menerusi pintu sempadan Bukit Kayu Hitam di Kubang Pasu sejak awal tahun ini.

Dalam pada itu, Pengarah SPRM Kedah, Rosley Mohamad Satar ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu dan kes disiasat mengikut Seksyen 16 (b)(B) Akta SPRM 2009.

> Suspek dipercayai melakukan aktiviti penyeludupan daging sejuk beku menerusi pintu sempadan Bukit Kayu Hitam di Kubang Pasu

**HARIAN METRO**
**29/09/2023**
**(JUMAAT)**

# Siasatan, pendakwaan SPRM tidak tertakluk pada sebarang keputusan mahkamah

**SHAH ALAM** - Siasatan atau pendakwaan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) adalah berdasarkan kepada peruntukan dan keperluan dalam kesalahan-kesalahan di bawah akta badan agensi itu sendiri dan bukannya tertakluk kepada sebarang keputusan atau dapatan mahkamah.

Peguam, M Hafiz Zainul Abidin berkata, pihak SPRM tidak boleh terus membuat pendakwaan tanpa ada sebarang siasatan kerana elemen dan pembuktian sesuatu kesalahan dalam Akta Kesalahan Pilihan Raya dengan Akta SPRM itu adalah berbeza.

"Jadi siasatan atau pendakwaan pihak SPRM terhadap sesuatu kes atau pun individu itu di bawah Akta SPRM adalah berbalik kepada pihak SPRM itu sendiri.

"Siasatan oleh SPRM itu sendiri adalah berdasarkan kepada peruntukan dan keperluan dalam kesalahan-kesalahan di bawah Akta SPRM itu sendiri dan bukannya tertakluk kepada apa-apa keputusan atau dapatan mahkamah," katanya kepada *Sinar Harian*.

Pada Selasa, Mahkamah Pilihan Raya Terengganu menerima petisyen yang difailkan seorang pengundi bagi membatalkan kemenangan Ahli Parlimen Kemaman daripada Pas, Che Alias Hamid pada PRU15, setelah mendapati wujud unsur sogokan kepada pengundi ketika tempoh kempen pilihan raya bagi Parlimen itu.

Dalam pada itu, M Hafiz berkata, melihat kepada kes petisyen pilihan raya sebelum ini, elemen sogokan atau mengenai perbuatan rasuah itu adalah berdasarkan kepada interpretasi dalam Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954.

"Dapatan mahkamah berkenaan mengenai perbuatan rasuah itu berdasarkan kepada Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 yang mana sememangnya interpretasi dan dapatan mahkamah adalah berdasarkan kepada akta berkenaan dan bukannya di bawah Akta SPRM.

"Walaupun mahkamah mengatakan adanya satu kesalahan berbentuk rasuah semasa kempen pilihan raya, namun adakah kesalahan tersebut adalah sepertimana dalam elemen-elemen kesalahan di bawah Seksyen 16 atau Seksyen 17 yang terdapat dalam Akta SPRM?

"Ia kesalahan yang lebih menjurus kepada kesalahan tatakelola," jelasnya.

**SINAR HARIAN**
**30/09/2023**
**(SABTU)**

Sinar Harian - 30/9/2023 - Sabtu

# Minta rasuah urus mayat

## Dua staf perubatan awam direman lima hari

**Oleh SYAMILAH ZULKIFLI**
SEREMBAN




**Dua kakitangan perubatan awam terbabit tiba di Mahkamah Majistret Seremban dengan diiring pegawai SPRM pada Jumaat.**

Dua kakitangan perubatan awam direman lima hari bermula pada Jumaat selepas disyaki meminta dan menerima wang rasuah kira-kira RM3,500 sebagai balasan menawarkan kerja-kerja pengurusan mayat bukan Islam di sebuah hospital di negeri ini.

Perintah reman terhadap kedua-dua lelaki berusia 30-an dan 40-an itu dikeluarkan oleh Majistret, Syed Farid Syed Ali di Mahkamah Majistret Seremban selepas menerima permohonan Pegawai Pendakwa, Zainab Yahaya.

Sumber berkata, kedua-dua suspek lelaki berusia 30-an dan 40-an itu ditahan kira-kira jam 2.30 petang di pejabat SPRM Negeri Sembilan pada Khamis.

"Mereka dipercayai menerima wang rasuah daripada dua syarikat yang sama antara 2021 dan 2022 yang melibatkan kira-kira 12 transaksi bank berjumlah RM3,500," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Negeri Sembilan, Awgkok Ahmad Taufik Putra Awg Ismail ketika dihubungi mengesahkan tangkapan tersebut dan memaklumkan kes disiasat di bawah Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009.

Isnin lalu, media melaporkan SPRM menahan empat kakitangan perubatan awam kerana disyaki meminta dan menerima rasuah RM100 hingga RM600 dengan jumlah keseluruhan kira-kira RM11,000 daripada dua syarikat yang menawarkan perkhidmatan pengurusan mayat di antara 2022 hingga 2023.

Penahanan itu sekali gus menjadikan enam individu ditahan setakat ini kerana disyaki terlibat dalam kes terbabit.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**SINAR HARIAN**
**30/09/2023**
**(SABTU)**

# ISI bergabung tenaga dengan persidangan antirasuah dunia

**KUALA LUMPUR** - Institut Strategi Antarabangsa, yang berdedikasi untuk memupuk pertumbuhan, mewujudkan peluang dan memajukan kemakmuran Asia, bersedia memperkukuh tadbir urus global bersama Persidangan Antirasuah Dunia yang akan diadakan pada 16 November 2023.

Persidangan Antirasuah Dunia (WACC) menyasarkan untuk menangani dan memerangi rasuah pada skala global, serta akan berfungsi sebagai platform untuk pihak berkepentingan, penggubal dasar, pakar, wakil masyarakat awam dan pemimpin perniagaan, berhimpun dan membincangkan strategi, berkongsi amalan terbaik, serta bekerjasama dalam usaha menjayakan antirasuah.

Dengan rekod prestasi yang terbukti dalam lebih 100 acara, penglibatan Pengasas dan Pengerusi ISI, Cheah Chyuan Yong bersama Perdana Menteri menekankan pengaruh dan komitmen beliau untuk membentuk masa depan Asia.

Bersama matlamat untuk menghubungkan kerajaan dan perniagaan di seluruh Asia, menyokong amalan perniagaan beretika dan pembangunan mampan yang tertumpu kepada pertumbuhan pekerjaan, ISI menggalakkan perdagangan dua hala dan pertumbuhan ekonomi dengan mewujudkan peluang dan membina hubungan di seluruh rantau Asia-Pasifik.

ISI memulakan perjalanan usaha itu dengan perancangan sidang kemuncak korporat, forum ekonomi, ekspo perdagangan domestik, sidang kemuncak antirasuah dan perbincangan mengenai dasar cukai.

Perjalanan usaha itu telah memberikan manfaat secara langsung kepada lebih 500 perniagaan, memupuk pertumbuhan dan kemakmuran.

Chyuan Yong berkata, sejarah Asia menyaksikan kitaran perjuangan, konflik dan kemiskinan.

"Bagaimanapun, pada hari ini, Asia berdiri sebagai satu daripada rantau pertumbuhan paling dinamik di dunia.

"Untuk memanfaatkan peluang yang ditunjukkan oleh masa depan digital, Asia mesti memastikan kerjasama lancar antara kerajaan dan sektor swasta, memupuk minda pertumbuhan perniagaan, serta mengutamakan kesaksamaan dan pemerkasaan," katanya. - *Bernama*

**SINAR HARIAN**
**30/09/2023**
**(SABTU)**

# INTERPOL minta PDRM lengkapkan maklumat

## Isu teknikal dalam proses sebelum notis merah terhadap 2 individu termasuk menantu Muhyiddin

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Polis Antarabangsa (INTERPOL) meminta Polis Diraja Malaysia (PDRM) melengkapkan beberapa maklumat sebelum notis merah dapat dikeluarkan ke atas dua individu termasuk menantu Tan Sri Muhyiddin Yassin, Datuk Seri Muhammad Adlan Berhan.

Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Ayob Khan Mydin Pitchay, berkata isu teknikal itu masih dalam proses untuk dikemas kini oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

"Apabila kami dapat lengkapkan kami akan buat permohonan rasmi kepada INTERPOL kembali," katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan Majlis Serah Terima Tugas Pengarah Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) di Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur semalam.

Ayob Khan tidak memberi penjelasan lanjut, namun difahamkan ia membabitkan maklumat peribadi lengkap individu berkenaan dan kesalahan yang dilakukan.

"Ada lagi beberapa perkara teknikal yang kita sedang tunggu daripada SPRM untuk melengkapkan permohonan notis merah itu.

"Apabila sudah lengkap, ia akan diserahkan kepada INTERPOL untuk pengumuman rasmi notis merah," katanya.

Media sebelum ini melaporkan SPRM memohon kepada PDRM untuk memasukkan nama dua individu termasuk Muhammad Adlan ke dalam senarai notis merah selepas gagal tampil untuk membantu siasatan kes rasuah.

Muhammad Adlan, 48, dan peguam, Mansoor Saat, 68, dikehendaki untuk membantu siasatan kes rasuah dan penyelewengan berhubung projek berkaitan pendaftaran, pengambilan serta penyimpanan biometrik pekerja asing di sebuah kementerian.

Kedua-dua mereka dipercayai melarikan diri dari Malaysia pada Mei lalu.

Bagaimanapun, kedua-dua individu itu menafikan melarikan diri.

### [illegible]

Sementara itu, ditanya mengenai perkembangan kes membabitkan peguam 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Jasmine Loo Ai Swan yang diburu dan hartanya bernilai RM93.2 juta yang disita PDRM sebelum ini, Ayob Khan berkata, siasatan kes itu sudah selesai.

Katanya, kertas siasatan sudah diserahkan kepada Jabatan Peguam Negara untuk tindakan pertuduhan mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksaan kerana pecah amanah.

"Mengenai beberapa harta di luar negara yang akan disita, kita dalam proses dapatkan semula harta itu," katanya.

Awal bulan ini, polis mengesahkan sudah menyita dan merampas sebahagian aset hasil penyelewengan 1MDB yang didaftarkan atas nama Jasmine Loo.

Aset itu merangkumi harta tanah, akaun bank, lukisan, beg tangan berjenama mewah, jam tangan dan dokumen berkaitan dianggarkan bernilai RM93.2 juta, iaitu nilai semasa pembelian dibuat pada 2013.



Ayob Khan (tengah) pada Majlis Serah Terima Tugas Pengarah Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) di Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur, semalam. (Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

**BERITA HARIAN**
**30/09/2023**
**(SABTU)**

# OKTOBER 2023

**UNIT INTEGRITI & PEMODENAN PENTADBIRAN MBJB**



# SPRM perlu terus buru, tangkap 'jerung' kenamaan

## Agensi kena buktikan tidak tunduk tekanan, siasatan terpilih

## SPRM kena kekal bebas pengaruh eksekutif

**Kuala Lumpur:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) perlu kekal bebas dari pengaruh eksekutif.

Sempena ulang tahun yang ke-56 agensi itu, Anwar berkata, SPRM perlu tegak dengan prinsip yang bukan hanya menolak tetapi mesti memperteguhkan usaha mencegah rasuah.

"Sekalung tahniah buat SPRM bersempena ulang tahun yang ke-56. Negara atau tatanan yang dicita tidak akan terbangun tanpa usaha menolak dan membenam keras budaya rasuah di semua peringkat masyarakat.

"Saya yakin akan kemampuan SPRM merealisasi cita-cita luhur ini demi rakyat dan negara," katanya dalam hantaran Facebook semalam.

**BERITA HARIAN**
**02/10/2023**
**(ISNIN)**

# Minda Pengarang

# SPRM perlu buktikan tekad, komitmen banteras rasuah

**Semalam,** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyambut ulang tahun ke-56 sejak ditubuhkan dengan nama Badan Pencegah Rasuah (BPR) pada 1 Oktober 1967. Kewujudannya empat tahun selepas pembentukan Malaysia itu, atas kesedaran rasuah dan salah guna kuasa bukan sahaja boleh merencatkan pembangunan negara baharu, bahkan boleh melumpuhkan pentadbiran dan menghancurkan masa depannya. Selepas hampir enam dekad, aspirasi itu pasti tidak berubah, bahkan harapan berkenaan makin bertambah apatah lagi rakyat kian celik, prihatin dan sensitif terhadap isu integriti dalam pentadbiran serta tatakelola kerajaan.

Kita menyambut baik komitmen dikongsi Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki termasuk dalam tulisan di Muka Sepuluh akhbar ini, iaitu antara lain memfokuskan kes berprofil tinggi yang mengakibatkan kehilangan 'wang rakyat' dan mengatasi isu ketirisan dalam negara serta mengembalikan aset serta dana kerajaan dengan menggunakan teknologi baharu. Ini meletakkan agensi itu sebagai antara 'semak dan imbang' terpenting dalam usaha negara merancak serta meningkatkan semula ekonomi dengan lebih adil, telus dan berakauntabiliti terutama mengharungi cabaran pemulihan pascapandemik, kegawatan ekonomi, gangguan geopolitik serta krisis perubahan iklim.

Namun, kita mengingatkan 'kaki terdorong badan merasa, lidah terdorong emas padahnya'. Justeru, tekad dikemukakan itu perlu disambut dan dibuktikan seluruh jentera agensi berkenaan dalam melaksanakan tanggungjawab termasuk menyiasat dengan telus serta bebas tanpa dipengaruhi mana-mana pihak termasuk kuasa eksekutif atau parti politik baik kerajaan mahupun pembangkang. Dalam hal ini, kita menyarankan kerajaan menyegerakan kajian terhadap syor pelbagai pihak, termasuk tuntutan bersendiri supaya SPRM diletakkan di bawah Parlimen, bukan lagi Jabatan Perdana Menteri sebagai antara reformasi institusi yang menjadi tekad Kerajaan Perpaduan.

Dari aspek pemerkasaan operasi pula, kita mahu kerajaan meningkatkan keupayaan SPRM melalui penggunaan teknologi terkini termasuk Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) seperti analisis data raya dan Kecerdasan Buatan (AI) yang bukan sahaja kritikal dalam aspek penyiasatan dan pendakwaan, malah pemantauan serta pengesanan corak dan anomali mencurigakan, sekali gus menjadikan agensi itu lebih proaktif serta efisien. Pada masa sama, kita menyeru masyarakat memberikan sokongan dan kerjasama kepada agensi itu dalam usaha membanteras rasuah hingga ke akar umbi, bahkan perlu menanam perasaan benci serta sensitif terhadap jenayah berkonflik yang boleh menghancurkan diri, keluarga, masyarakat dan negara.

Kita yakin sekiranya komitmen membanteras rasuah dan salah guna kuasa dibuktikan SPRM dan direalisasikan semua pemegang taruh daripada kerajaan termasuk syarikat berkaitan kerajaan (GLC), badan korporat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), masyarakat sivil dan rakyat sendiri, kita bukan sahaja dapat meningkatkan kedudukan Malaysia dalam indeks persepsi antarabangsa, malah meletakkan negara di atas landasan sebenar seperti digagaskan dalam Malaysia MADANI dan Ekonomi MADANI sebagai negara makmur dan dihormati serta pemangku amanah Allah.



**BERITA HARIAN**
**02/10/2023**
**(ISNIN)**



# Kurangkan ketirisan, kembalikan harta negara

*SPRM laksana kaedah terkini dan profesional banteras rasuah*



**HARIAN METRO**
**02/10/2023**
**(ISNIN)**

Sinar Harian
TELUS & TULUS • TIDAK DICENGKAM OLEH TANGAN GHAIB • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

# Anwar ulangi pendirian SPRM perlu bebas pengaruh eksekutif



ANWAR

**SHAH ALAM** - Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim kekal dengan pendirian Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) perlu bebas daripada sebarang pengaruh eksekutif.

Penegasan itu dibuat Ahli Parlimen Tambun berkenaan sempena Ulang Tahun SPRM ke-56 pada Ahad.

"Sekalung tahniah buat SPRM bersempena ulang tahun yang ke-56. Atas kesempatan ini, saya kekal tegas bahawa badan ini (SPRM) mesti bebas daripada pengaruh eksekutif.

"Ia mesti tegak dengan prinsip yang bukan hanya menolak tetapi mesti memperteguh usaha mencegah gejala rasuah," katanya menerusi hantaran di Facebook pada Ahad.

Ujarnya, pembangunan negara dan sistem yang diimpikan tidak akan tercapai sekiranya tiada usaha untuk menolak sekerasnya amalan rasuah di semua peringkat.

Justeru, beliau yakin dengan kemampuan SPRM untuk mencapai matlamat itu demi rakyat dan bangsa.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki menerusi wawancara yang diterbitkan sempena ulang tahun agensi tersebut berkata, pihaknya akan memfokuskan kepada usaha membantu meningkatkan semula ekonomi negara dengan mengurangkan ketirisan dan mengembalikan kekayaan negara.

Beliau berkata, sesuai dengan peredaran semasa, SPRM melaksanakan kaedah terkini dan profesional bukan sahaja membanteras jenayah rasuah, malah untuk mengatasi ketirisan bagi mendapatkan kembali aset dan dana kerajaan.

Katanya, SPRM telah membentuk satu kaedah penyiasatan kes berprofil tinggi melibatkan individu berjawatan atau berkedudukan tinggi dengan menggunakan kaedah Siasatan Berasaskan Risikan (IBI).

**SINAR HARIAN**
**02/10/2023**
**(ISNIN)**



LIMA STAF PDRM TERBABIT KES CULIK LELAKI TEMPATAN

# 'Kurang integriti, ada kepentingan peribadi'

**Kuala Lumpur:** Lima anggota dan pegawai Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang ditahan kerana disyaki menculik seorang lelaki, baru-baru ini, kurang integriti serta ada kepentingan peribadi, kata Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Allaudeen Abdul Majid (**gambar**).

"Kita sudah rakam percakapan semua yang terbabit dan akan serah kepada Bukit Aman, kita juga akan tunggu keputusan daripada mereka. Manakala suspek awam pula dibebaskan dengan jaminan polis.

"Siasatan selesai dijalankan. Motif kejadian dipercayai, mereka ada kepentingan diri dan kekurangan integriti," katanya selepas menyempurnakan program *Back To School* Ketua Polis Kuala Lumpur di Victoria Institution, semalam.

Terdahulu, Harian Metro melaporkan, enam lelaki termasuk anggota serta pegawai polis ditahan berhubung dakwaan menculik penganggur dari kedai makan di Desa Petaling, di sini, Selasa lalu.

Individu berusia 27 hingga 42 tahun ditahan Sabtu lalu, dengan lima daripadanya anggota dan pegawai bertugas di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Cheras.

Kes disiasat mengikut Seksyen 365/342/323 Kanun Keseksaan.

**HARIAN METRO**
**03/10/2023**
**(SELASA)**

# Pemilik syarikat mengaku bersalah buat tuntutan palsu Penjana PERKESO Kerjaya

**ALOR SETAR** - Seorang pemilik syarikat mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Selasa, atas pertuduhan membuat tuntutan palsu berjumlah RM44,600 di bawah Program Penjana 2.0 PERKESO Kerjaya, dua tahun lalu.

Tertuduh, Muhammad Asyraf Omar, 31, membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Rohatul Akmar Abdullah selepas pertuduhan pilihan dibacakan jurubahasa.

Mengikut kertas pertuduhan, Muhammad Asyraf dituduh dengan curangnya menggunakan suatu dokumen sebagai tulen iaitu dokumen Borang Pengesahan Pekerja Program Insentif Pengambilan Pekerja (*Hiring Insentive Program*) atas nama Perusahaan Syarikat Asyraf Omar Legacy No Kod Majikan D61021012197 bertarikh 11 Mei 2021.

Ia bagi menuntut insentif di bawah Program Penjana 2.0 PERKESO Kerjaya berjumlah RM44,600 kepada ejen Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) yang mana tertuduh mempunyai sebab untuk mempercayai dokumen itu adalah palsu.

Tertuduh didakwa berbuat demikian di Unit Pegawai Pekhidmatan Pekerjaan, PERKESO Kedah di sini pada 16 Mei 2021.

Sehubungan itu, Muhammad Asyraf dituduh mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah Seksyen 465 kanun yang sama iaitu memperuntukkan hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Pendakwaan kes tersebut dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Rehab Abdul Shukur manakala tertuduh diwakili oleh peguam Muhaimin Hashim.

Hakim Rohatul Akmar menetapkan 7 November depan untuk fakta kes dan hukuman ke atas tertuduh.

Ahli perniagaan itu dibenarkan ikat jamin sebanyak RM15,000 dengan seorang penjamin sementara menunggu keputusan hukuman.

Tertuduh kemudiannya membuat bayaran wang jaminan tersebut.

**SINAR HARIAN**
**04/10/2023**
**(RABU)**

# Perkenal undang-undang lebih berkesan perangi rasuah

Rasuah Busters Pahang gesa ahli-ahli Parlimen usulkan di Dewan Rakyat



ALI AKBAR

Oleh QURRATUL'AINA QUDDUS
SHAH ALAM

Ahli-ahli Parlimen digesa untuk mengusulkan di Dewan Rakyat untuk penggubalan undang-undang yang lebih berkesan dalam memerangi gejala rasuah dan salah guna kuasa di negara ini.

Ahli Majlis Tertinggi Rasuah Busters Pahang, Ali Akbar Othman berkata, usul tersebut wajar dilakukan supaya pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) boleh menjalankan siasatan dan bukan hanya diuruskan oleh Peguam Negara.

"Urusan siasatan kes rasuah sepatutnya daripada pihak SPRM sendiri, tapi mereka tiada hak untuk gubal undang-undang.

"Kerajaan Madani sekarang hendak hapuskan rasuah, jadi ahli Parlimen mereka perlu usulkan perkara ini di Dewan Rakyat.

"Jika hal itu disuarakan di Parlimen, baru rakyat akan mula yakin dan percaya dengan kerajaan," katanya kepada *Sinar Harian*.

*Sinar Harian* sebelum ini melaporkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan memastikan kerajaan sentiasa memiliki tadbir urus yang baik dengan menegakkan prinsip integriti terutamanya menolak amalan rasuah, bagi merealisasikan perancangan kemajuan negara.

Sementara itu, Ali Akbar menambah, pihak SPRM sudah menjalankan tanggungjawab dengan baik lebih-lebih lagi dari segi perundangan yang semakin tegas.

"Apa yang kita boleh lihat sekarang, mereka ada rampas atau sita harta. Tindakan itu nampak keras dan ada perubahan dari pihak SPRM.

"Kalau boleh baiki dari segi penggubalan undang-undang itu, saya yakin bahawa rakyat akan mula percaya dengan SPRM," ujarnya.


10 BERITA SINAR HARIAN PALING TRENDING

1 PIHAK SOROK BERAS BAKAL BERDEPAN TINDAKAN UNDANG-UNDANG - PM

2 'JANGAN SENTUH KELUARGA SAYA' - LEE ZII JIA

3 'KOLEKSI ANTIK SAYA TIADA 'NILAI' UNTUK DIJUAL'

4 ADA PIHAK CEMBURU, MAHU PECAHKAN KERAJAAN PERPADUAN - PM



SINAR HARIAN
04/10/2023
(RABU)

# SPRM tahan bekas pengerusi koperasi disyaki kemuka tuntutan projek tidak wujud

KUALA LUMPUR - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Kuala Lumpur menahan seorang bekas pengerusi sebuah koperasi bergelar Datuk Seri kerana disyaki mengemukakan dokumen mengandungi butir matan palsu berjumlah kira-kira RM60,000.

Sumber berkata, suspek berusia lingkungan 60-an dipercayai ditahan kira-kira jam 2 petang, pada Isnin ketika diminta hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Kuala Lumpur.

"Suspek dipercayai melakukan perbuatan itu pada tahun 2020 hingga 2021 ketika memegang jawatan sebagai pengerusi koperasi berkenaan.

"Suspek dipercayai mengemukakan tuntutan pembayaran khidmat nasihat bagi projek di Johor dan bayaran pendahuluan bagi projek pembangunan bercampur di Kuala Selangor sedangkan kerja-kerja tersebut tidak dilaksanakan," katanya.

Susulan penahanan tersebut, SPRM telah membuat permohonan reman di Mahkamah Majistret 1 Kuala Lumpur pada Selasa.

Majistret Atiqah Mohamed @ Mohamad Saim membenarkan perintah reman selama tujuh hari sehingga 8 Oktober ini.

Sementara itu, Pengarah SPRM Kuala Lumpur, Datuk Mohamad Fauzi Husin ketika dihubungi mengesahkan penahanan tersebut dan kes disiasat di bawah Seksyen 18 Akta SPRM 2009.



Bekas pengerusi sebuah koperasi (baju lokap SPRM) direman tujuh hari untuk siasatan kes kemuka butiran tuntutan palsu.

5 SUKAN ASIA HANGZHOU: NOR SARAH LOMPAT GALAH TANPA CATATAN

6 KERAJAAN TERENGGANU HANYA TERIMA RM405 JUTA WANG EHSAN SEJAK DISEMBER

7 ORANG RAMAI CADANG GUNA MYKAD

8 RAKAN SEKERJA DIDAKWA CABUL BEKAS PENYAMPAI BERITA TERKENAL

9 BELASAH PENGHANTAR MAKANAN BUNYIKAN HON, TIGA SUSPEK DIBERKAS

10 WARGA EMAS HILANG LEBIH RM200,000 SEKELIP MATA

**SINAR HARIAN**
**04/10/2023**
**(RABU)**

# SPRM pelopori kaedah siasatan jenayah kewangan

**PUTRAJAYA** – Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memperluaskan lagi skop penyiasatannya dengan mempelopori kaedah siasatan jenayah kewangan bagi menyiasat sebarang salah laku dalam kewangan negara.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, ia merupakan kaedah terkini digunakan suruhanjaya itu bagi menyiasat kes-kes berkaitan rasuah dan salah guna kuasa melibatkan jumlah kewangan berskala besar dan berprofil tinggi.

"Kaedah siasatan jenayah kewangan ini bukan saja dilaksanakan dan dipelopori oleh SPRM tetapi kita akan bekerja bersama beberapa agensi lain seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Bank Negara dan juga Polis Diraja Malaysia (PDRM) apabila siasatan melibatkan kes yang besar atau yang bersindiket (*syndicated crime*) berkaitan kewangan," katanya.

Beliau berkata demikian semasa wawancara khas sempena ulang tahun SPRM ke-56 di Ibu Pejabat SPRM, di sini baru-baru ini.

Ujarnya, SPRM perlu menggunakan kaedah dan strategi bersesuaian dengan peredaran semasa dalam usaha menangani rasuah dan salah guna kuasa dengan lebih efektif.

Tambahnya, menerusi kaedah itu juga, SPRM telah mencatatkan kejayaan antaranya menumpaskan sindiket penipuan pelaburan antarabangsa menerusi Op Tropicana, hasil kolaborasi siasatan dengan agensi luar negara.

"Februari lepas, SPRM berjaya membongkar satu sindiket penipuan pelaburan yang menyaksikan lima warga Britain dan dua rakyat Filipina antara 10 individu yang ditahan suruhanjaya itu dalam serbuan di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang yang mana ia turut melibatkan aktiviti pengubahan wang haram dan rasuah," katanya.

Susulan kejayaan itu, ulasnya, SPRM perlu terus bekerjasama dengan agensi tempatan serta antarabangsa, memandangkan masing-masing mempunyai kepakaran dalam aspek tertentu yang dapat membantu dari pelbagai sudut siasatan, ke arah memerangi rasuah dengan lebih berkesan.

"Kita tidak boleh *work in silo* (bekerja sendiri) kerana ia menyebabkan kita (SPRM) hanya fokus kepada satu perkara atau sudut sahaja.

"Dengan kerjasama agensi lain yang dinamakan pasukan petugas atau pun secara berpasukan; mereka boleh membantu dari segi kepakaran dan undang-undang mereka, manakala siasatan diketuai oleh SPRM bagi siasatan sesuatu kes," jelasnya.

Selain itu, Azam memberitahu, beliau tidak mahu berbicara soal menambah keanggotaan sahaja sebaliknya menekankan soal pelaksanaan tugas dengan lebih berkesan dalam kalangan anggota.

"Begitulah perkembangan SPRM, kita mulakan dengan tenaga dan bajet yang sedia ada tetapi memfokuskan kepada kes yang mendatangkan kebaikan kepada negara dengan keanggotaan yang ada," katanya. – *Bernama*

**SINAR HARIAN**
**04/10/2023**
**(RABU)**

# Kutipan SPRM RM29B

***Strategi SPRM adalah mengurangkan ketirisan di tiga sektor iaitu penguatkuasaan, perolehan dan 'grand corruption'***

Oleh Hafidzul Hilmi Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

"Andai dikira sejak 2018 hingga kini, jumlah keseluruhan pelucuthakan harta dan penalti yang direkodkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berjumlah lebih RM29 bilion," kata Ketua Pesuruhjayanya, Tan Sri Azam Baki.

Pada masa sama, menurut Azam, SPRM turut merekodkan prestasi memberangsangkan dan proaktif bagi tempoh Januari hingga Ogos lalu.

"Bagi tempoh itu, 776 kertas siasatan dibuka selain 869 tangkapan dilakukan.

"Sebanyak 326 pertuduhan bagi pelbagai kesalahan turut dipertuduhkan di mahkamah," katanya ketika berucap pada Majlis Sambutan Ulang Tahun SPRM Ke-56, di sini, kelmarin.

"Statistik pelucuthakan dan pemulihan aset menunjukkan rekod sangat cemerlang tahun ini dengan nilai pelucuthakan harta RM12,891,268.66 selain kompaun berjumlah RM4,003,000," tambahnya lagi.



AZAM bersama pegawai dan anggota SPRM pada sambutan Ulang Tahun SPRM ke-56 di Putrajaya. FOTO IHSAN SPRM

Azam berkata, strategi SPRM adalah mengurangkan ketirisan di tiga sektor rasuah iaitu rasuah di sektor penguatkuasaan, perolehan dan *grand corruption*.

Menurut beliau, perubahan kaedah penyiasatan kepada *intelligence base investigation* membuahkan hasil yang ia tidak lagi bersandarkan kepada kaedah reaktif semata-mata.

"Perubahan kepada landskap politik, ekonomi dan sosiobudaya masyarakat harus menjadi keperibatinan warga SPRM dan tidak boleh ditakuk lama dengan mendabik dada bahawa kononnya kita adalah *the best* (yang terbaik) ataupun kaedah kita ini tiada perlu perubahan.

"Orang lama tidak boleh mengatakan cara lama berkesan dan orang baharu pula perlu mempelajari orang lama dan meneroka perubahan," katanya.

Dalam pada itu, Azam berkata, ke arah untuk membanteras ketirisan, SPRM akan memfokuskan kes-kes skala besar dan berkepentingan awam.

Kata beliau, penjenayah yang mencuri atau menghilangkan hasil kerajaan serta mereka yang berkuasa kemudian menyalahgunakan kuasa perlu dihukum sehingga dibangkrapkan supaya harta negara dikembalikan.

"Sehubungan dengan itu, kaedah penyiasatan yang berbentuk 'Financial Crime' perlu dipergiatkan dan pegawai-pegawai SPRM perlu memahami undang-undang jenayah selain kaedah penyiasatan yang lebih bersistematik.

"Untuk itu, saya sudah mengarahkan supaya Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA), Bahagian Siasatan dan Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AML) supaya berganding bahu melatih pegawai SPRM dengan kaedah baharu ini, tanpa melupakan kaedah lama yang masih relevan," katanya.

**"Perubahan kaedah penyiasatan kepada 'intelligence base investigation' membuahkan hasil"**

**HARIAN METRO**
**04/10/2023**
**(RABU)**

# Pemilik syarikat mengaku salah buat tuntutan palsu RM44,600



ANGGOTA SPRM mengiringi Muhammad Asyraf (kiri) selepas dituduh di mahkamah atas kesalahan membuat tuntutan palsu di Kompleks Mahkamah Tinggi Alor Setar. - Gambar NSTP/SYAHARIM ABIDIN

**Alor Setar:** Seorang pemilik syarikat mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas pertuduhan membuat tuntutan palsu berjumlah RM44,600 di bawah Program Penjana 2.0 Kerjaya Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) pada 2021.

Muhammad Asyraf Omar, 31, membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Rohatul Akmar Abdullah selepas pertuduhan pilihan dibacakan terhadapnya.

Mengikut pertuduhan pilihan itu, Muhammad Asyraf dengan curangnya menggunakan suatu dokumen sebagai tulen iaitu dokumen Borang Pengesahan Pekerja Program Insentif Pengambilan Pekerja pada 16 Mei 2021 di Unit Pegawai Pekhidmatan Pekerjaan, PERKESO Kedah.

Ia bagi menuntut insentif di bawah Program Penjana 2.0 PERKESO Kerjaya berjumlah RM44,600 kepada ejen PERKESO yang mana tertuduh mempunyai sebab untuk mempercayai dokumen itu adalah palsu.

Sehubungan itu, Muhammad Asyraf dituduh mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah Seksyen 465 akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Mahkamah membenarkan ikat jamin RM15,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 7 November ini untuk fakta kes serta hukuman.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Rebab Abdul Shukur, manakala tertuduh diwakili Peguam Muhaimin Hashim.

**HARIAN METRO**
**04/10/2023**
**(RABU)**

# Datuk Seri disyaki buat tuntutan palsu RM60,000

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan bekas pengerusi sebuah koperasi bergelar Datuk Seri kerana disyaki mengemukakan dokumen mengandungi butir matan palsu berjumlah kira-kira RM60,000.

Sumber berkata, suspek berusia 60-an ditahan ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Kuala Lumpur jam 2 petang kelmarin.

Menurut sumber, lelaki terbabit dipercayai melakukan perbuatan itu pada 2020 hingga 2021 ketika memegang jawatan sebagai pengerusi koperasi berkenaan.

"Suspek dipercayai mengemukakan tuntutan pembayaran khidmat nasihat bagi projek di Johor dan bayaran pendahuluan bagi projek pembangunan bercampur di Kuala Selangor sedangkan kerja itu tidak dilaksanakan," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Menurutnya lagi, suspek direman selama tujuh hari bermula semalam sehingga 8 Oktober ini.

Sementara itu, Pengarah SPRM Kuala Lumpur, Datuk Mohamad Fauzi Husin ketika dihubungi mengesahkan penahanan terbabit dan kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

*Suspek dipercayai mengemukakan tuntutan pembayaran khidmat nasihat bagi projek di Johor dan bayaran pendahuluan bagi projek pembangunan bercampur di Kuala Selangor sedangkan kerja berkenaan tidak dilaksanakan"*

**HARIAN METRO**
**04/10/2023**
**(RABU)**

# SPRM perlu siasat kartel beras



HELMI

**SHAH ALAM** - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) digesa untuk menyiasat Padiberas Nasional Bhd (Bernas) sekiranya syarikat berkenaan terlibat dalam penyelewengan pengurusan stok penimbal beras negara.

Setiausaha Agung Majlis Ekonomi Halal (MEH), Dr Helmi Ibrahim berkata, timbul kemusykilan kerana Bernas diberi tanggungjawab mewujudkan stok penimbal beras tetapi krisis tetap berlaku.

"Mereka diberi tanggungjawab mewujudkan stok penimbal beras. Jadi, simpanan yang ada sepatutnya mampu bertahan selama enam ke sembilan bulan untuk menampung permintaan sekiranya berlaku krisis.

"Tapi krisis ini baru saja berlaku jadi bagaimana tiba tiba berlaku kehabisan stok (beras) dalam pasaran walaupun tiada darurat atau peperangan.

"Sekiranya betul ada kartel seperti yang dinyatakan oleh Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Dr Muhammad Akmal Salleh selain Bernas, maka perlu didedahkan siapa kartel tersebut," ujarnya.

Dr Muhamad Akmal sebelum ini menggesa kerajaan mewujudkan semula Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) bagi mengambil tindakan tegas terhadap pengkhianat beras dan melenyapkan isu kartel beras di negara ini.

Menurutnya, penubuhan LPN dilihat dapat menyelesaikan isu berkaitan padi dan beras sekali gus mengurangkan kelompangan yang berlaku.

Sinar Harian - 5/10/23 - Khamis

**SINAR HARIAN**
**05/10/2023**
**(KHAMIS)**

# TNB audit integriti struktur empangan setiap 6 bulan

**Kuala Lumpur:** Tenaga Nasional Berhad (TNB) membuat pemeriksaan berkala secara bulanan terhadap semua empangan hidroelektrik dan melaksana audit integriti struktur setiap enam bulan untuk memastikan keadaan struktur yang kukuh dan dapat berfungsi dengan baik, selain mengenal pasti sebarang potensi risiko mungkin timbul.

Malah, Penilaian Keselamatan Empangan oleh pakar empangan bebas dilaksanakan setiap lima tahun yang selaras dengan garis panduan antarabangsa International Commission on Large Dam (ICOLD) yang mana pakar empangan dilantik untuk memeriksa dan menilai keadaan integriti empangan dan struktur yang berkaitan.

Ia bertujuan memastikan struktur seperti alur limpah, muka sauk, empangan pelana dan sebagainya berfungsi dengan baik dan kukuh serta juga menilai keadaan empangan dalam menjamin keselamatan dan integritinya.

Menurut Ir Pengarah Urusan TNB Power Generation Sdn Bhd (TNB Genco), Muhamad Nazri Pazil, pemeriksaan ini dijalankan dengan teliti oleh anak syarikat milik penuh TNB, iaitu TNB Genco dan berdasarkan garis panduan di Malaysia iaitu Malaysia Dam Safety Management Guidelines (MyDams, 2017).



*Muhamad Nazri Pazil*

Langkah terbabit membolehkan empangan TNB kekal utuh bukan sahaja untuk bekalkan bekalan elektrik kepada Grid Nasional, malah berfungsi sebagai sistem tebatan banjir dan sumber bekalan air untuk kegunaan domestik termasuk air bersih.

Nazri menjelaskan bahawa amalan penyelenggaraan dipertingkatkan di empangan TNB merangkumi Stesen-Stesen Jana Kuasa Sungai Perak, Kenyir dan Cameron Highlands terutama menjelang musim tengkujuh.

Ia dapat membantu meminimumkan kesan bencana alam seperti yang dialami empangan terbesar di Semenanjung, Stesen Janakuasa Sultan Mahmud (SJSM) yang mana struktur Empangan Kenyir didapati kekal kukuh dan selamat untuk beroperasi selepas dilanda banjir besar awal tahun lalu.

Berikutan kejadian pada 27 Februari 2022, menara penghantaran voltan tinggi bagi menyalurkan tenaga elektrik, tumbang akibat tanah runtuh dalam keadaan hujan lebat luar biasa sejak tiga hari sebelumnya. Bagaimanapun SJSM beroperasi semula sebaik infrastruktur penghantaran terbabit siap dibaik pulih.



*Keratan akhbar BH 3 Oktober lalu.*

**SINAR HARIAN**
**09/10/2023**
**(ISNIN)**

# 804 pegawai, anggota polis dikenakan hukuman tatatertib

**KUALA LUMPUR** - Seramai 804 pegawai dan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah dikenakan hukuman tatatertib sejak Januari hingga Ogos lalu.

Pengarah Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) Bukit Aman, Datuk Seri Azri Ahmad berkata, daripada jumlah itu seramai 69 pegawai dan anggota PDRM dibuang kerja.

"Dalam tempoh sama, seramai 475 pegawai dan anggota polis dikenakan tindakan amaran, denda (144), lucut hak emolumen (84), tangguh pergerakan gaji (16), turun gaji (8) dan turun pangkat (8)," katanya kepada *Sinar Harian* pada Ahad.

Menurutnya, dalam tempoh sama, seramai 611 pegawai dan anggota ditahan kerja, manakala 173 telah digantung kerja.

"Sebanyak 2,354 kertas siasatan tatatertib telah dibuka sejak Januari hingga Ogos lalu.

"Data hukuman tatatertib itu menunjukkan bahawa ketegasan dalam mengambil tindakan terhadap salah laku warga PDRM bukanlah 'retorik' semata-mata," tegas beliau.

Azri menjelaskan, tindakan itu selaras dengan ketegasan Ketua Polis Negara (KPN), Tan Sri Razarudin Husain yang telah mengeluarkan arahan KPN No.191 iaitu *total enforcement* berkaitan Peraturan 3C Peraturan - Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan &Tatatertib)1993, pada 26 Ogos lalu.

**SINAR HARIAN**
**09/10/2023**
**(ISNIN)**

Penyelarasan gaji konstabel

# Kerajaan kena segera pertimbang kekal integriti anggota polis

**Kuala Lumpur:** Kerajaan perlu memberi pertimbangan segera terhadap penyelarasan gaji konstabel polis kepada RM1,500 bagi mengekalkan integriti dan perkhidmatan baik anggota.

Pakar perlembagaan, Prof Datuk Dr Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, turut menyarankan kerajaan membuka ruang untuk rakyat menunjukkan penghargaan kepada polis menerusi penubuhan tabung khas.

Katanya, tabung khas itu bagi menerima sumbangan dalam bentuk wang tunai atau wakaf harta yang membolehkan rakyat membantu kerajaan memelihara kebajikan anggota polis lain-lain pangkat yang menjadi kumpulan hadapan memelihara kesejahteraan hidup masyarakat.

"Jika pendapatan yang ada tidak mencukupi, apabila berlaku kemalangan dan perbelanjaan luar jangka, bagaimana seorang itu mampu mengharungi kehidupan dengan tenang serta mengekalkan integriti.

"Tidak dapat dinafikan kesempitan hidup boleh membuka ruang berlakunya rasuah dan gejala tidak baik, keadaan itu boleh berlaku kepada sesiapa sahaja.

"Selain penyelarasan gaji, tabung khas boleh dimanfaatkan untuk menambah caruman insurans berkelompok anggota pangkat rendah, pelaburan bagi memberi imbuhan ketika persaraan dan pinjaman tanpa faedah bagi pendidikan anak mereka serta keperluan lain," katanya kepada *BH*, semalam.

Beliau yang juga pengasas jurisprudens watan mengulas kenyataan Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain, bahawa tangga gaji permulaan bagi anggota polis berpangkat konstabel pada masa ini adalah di bawah kadar paras pelaksanaan gaji minimum RM1,500, iaitu RM1,441.

Disebabkan itu, Polis Diraja Malaysia (PDRM) mencadangkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) supaya skim gaji permulaan bagi Konstabel (YA1) diselaraskan dengan kadar gaji minimum RM1,500 sebulan.

Wan Ahmad Fauzi berkata, dari perspektif ekonomi, penyelarasan gaji juga adalah satu pelaburan yang akan memberikan pulangan positif berganda kepada kerajaan kerana apabila kesejahteraan anggota polis terjela, motivasi untuk meningkatkan lagi mutu dan mengekalkan perkhidmatan baik makin bertambah.

**BERITA HARIAN**
**09/10/2023**
**(ISNIN)**

# TNB periksa, audit integriti struktur empangan setiap enam bulan

**Kuala Lumpur:** Tenaga Nasional Berhad (TNB) sudah membuat pemeriksaan berkala secara bulanan terhadap semua empangan hidroelektrik dan melaksanakan audit integriti struktur setiap enam bulan bagi memastikan ia berfungsi dengan baik selain mengenal pasti potensi risiko yang mungkin timbul.

Malah, Penilaian Keselamatan Empangan (*Dam Safety Review*) oleh pakar empangan bebas dilaksanakan setiap lima tahun yang selaras dengan garis panduan antarabangsa *International Commission on Large Dam* (ICOLD).

Tujuannya untuk memastikan struktur seperti alur limpah (*spillway*), muka sauk (*intake*), empangan pelana (*saddle dam*) dan sebagainya berfungsi dengan baik serta menilai keadaan empangan dalam menjamin keselamatan dan integritinya.

Pengarah Urusan TNB Power Generation Sdn Bhd (TNB Genco), Ir Muhamad Nazri Pazil berkata, pemeriksaan dijalankan dengan teliti oleh anak syarikat milik penuh TNB iaitu TNB Genco dan berdasarkan garis panduan di Malaysia iaitu Malaysia Dam Safety Management Guidelines (MyDams, 2017).

Beliau berkata, langkah itu membolehkan empangan TNB kekal utuh bukan saja untuk membekalkan bekalan elektrik kepada Grid Nasional, malah berfungsi sebagai sistem tebatan banjir dan sumber bekalan air untuk kegunaan domestik termasuk air bersih.

"Amalan penyelenggaraan dipertingkatkan di empangan TNB merangkumi Stesen Janakuasa Sungai Perak, Kenyir dan Cameron Highlands terutama menjelang musim tengkujuh.

"Ia dapat membantu meminimumkan kesan bencana alam seperti yang dialami empangan terbesar di Semenanjung, Stesen Janakuasa Sultan Mahmud (SJSM)," katanya.

Harian Metro - 9/10/23 - Isnin

**BERITA HARIAN**
**09/10/2023**
**(ISNIN)**

# Pengarah jabatan antara 4 ditahan kes rasuah

**Kuala Lumpur:** Pengarah sebuah jabatan kerajaan antara empat ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Sarawak untuk membantu siasatan berkaitan rasuah membabitkan dua projek pembekalan air berjumlah RM44.4 juta.

Tiga lagi yang ditahan ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Sarawak, jam 7.30 malam kelmarin itu adalah penjawat awam, pemilik syarikat dan pengurus pelaburan amanah.

Difahamkan, mereka disyaki terbabit memberi dan menerima suapan bernilai jutaan ringgit termasuk dalam bentuk kenderaan dan kediaman.

Sumber berkata, suspek utama disyaki menerima suapan sejak 2018 hingga 2021 daripada pemilik syarikat sebagai balasan membantu syarikat berkenaan mendapatkan dua projek membabitkan bekalan air.

"Pengurus pelaburan amanah pula ditangkap kerana disyaki menerima bayaran wang rasuah dan kediaman bagi pihak suspek utama.

"Semua suspek lelaki yang ditahan itu berusia antara 30 hingga 50-an," katanya.

Pengarah Bahagian Operasi Khas SPRM, Datuk Tan Kang Sai ketika dihubungi mengesahkan tangkapan itu yang bertujuan membantu siasatan di bawah Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Semua suspek akan di bawa ke Mahkamah Majistret Kuching, Sarawak pagi ini untuk permohonan reman.

**BERITA HARIAN**
**12/10/2023**
**(KHAMIS)**

# 319 pegawai, anggota polis Kontinjen Selangor kena tindakan tatatertib

**Pelabuhan Klang:** Polis Kontinjen Selangor mengesahkan 319 pegawai dan anggotanya dikenakan tindakan tatatertib manakala 47 lagi terbabit dalam pelbagai kes jenayah sehingga September lalu.

Ketua Polis Selangor Datuk Hussien Omar Khan berkata, semua 47 pegawai dan anggota itu dituduh di mahkamah atas pelbagai kesalahan termasuk melanggar integriti, rasuah, jenayah dan dadah.

Menurutnya, walaupun jumlah berkenaan kecil berbanding keseluruhan 15,000 keanggotaan kontinjen Selangor, pihaknya tidak mengambil mudah atau berkompromi dengan isu terbabit.

"Tahun ini sahaja sehingga September, kami ambil tindakan tatatertib ke atas 319 pegawai dan anggota membabitkan 2.1 peratus manakala yang terbabit jenayah 47 pegawai dan anggota membabitkan 0.3 peratus dari keseluruhan kekuatan polis kontinjen Selangor.

"Walaupun angka kecil berbanding kekuatan polis dalam Selangor, kita tidak mengetepikan atau melindungi apa-apa kesalahan sama ada jenayah atau pelanggaran tatatertib yang dilakukan anggota.

"Jika terbabit pasti terima akibatnya. Antara yang terbabit adalah pegawai berpangkat Asisten Superintendan," katanya pada sidang media selepas menghadiri program Latih Amal Ex-Ganjar 2023 di Dermaga 8A Northport, di sini, semalam.

Katanya, sepanjang tahun lalu, 445 kesalahan tatatertib membabitkan pegawai dan anggotanya dikesan manakala 35 ditahan kerja, 11 individu digantung dan 21 dibuang kerja.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**HARIAN METRO**
**12/10/2023**
**(KHAMIS)**

# Pemilik syarikat didakwa kes rasuah RM22.76j berkaitan beras

**KUALA LUMPUR –** Seorang pemilik syarikat mengaku tidak bersalah atas pertuduhan berhubung tiga pertuduhan mengemukakan tuntutan palsu bagi projek membekalkan produk beras kepada Kedah Agro Holding Bhd berjumlah RM22.76 juta, enam tahun lalu.

C Kuganeswaran, 37, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibaca di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen, Rozina Ayob yang mana tertuduh sedang mendapatkan rawatan di salah sebuah hospital di Klang, Selangor.

Mengikut ketiga-tiga pertuduhan kes yang dikendalikan Mahkamah Sesyen di sini, lelaki itu didakwa memberi tiga set dokumen tuntutan palsu kepada seorang ejen SME Development Bank Malaysia Berhad mengenai pembiayaan Commodity Murabahah Term Financing- i Facility/ Commodity Murabahah Revolving Financing- i Facility (CRMF-i- III) bagi projek membekalkan produk beras kepada Kedah Agro Holding Bhd berjumlah RM22.76 juta yang mana pembekalan tersebut tidak dilakukan.

Kesalahan didakwa dilakukan di Pejabat SME Development Bank Malaysia Berhad di sini pada 27 Januari, 1 dan 14 Mac 2017.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(2) akta sama yang memperuntukkan hukuman maksimum penjara 20 tahun serta denda lima kali nilai palsu atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Kes itu dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Mohd 'Afif Ali manakala tertuduh diwakili peguam, Datuk Abu Bakar Isa Ramai.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM60,000 bagi semua pertuduhan termasuk syarat tambahan, menyerahkan pasport kepada mahkamah dan melaporkan diri di pejabat SPRM berdekatan sekali setiap bulan.

Mahkamah menetapkan 23 November depan untuk sebutan kes.


**SINAR HARIAN**
**12/10/2023**
**(KHAMIS)**

# SPRM cekup dua penjawat awam

Kuala Lumpur: Dua penjawat awam termasuk pengarah jabatan kerajaan, pemilik syarikat dan pengurus pelaburan amanah diberkas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas disyaki terbabit memberi dan menerima suapan bernilai jutaan ringgit termasuk dalam bentuk kenderaan serta kediaman.

Menurut sumber, kesemua suspek lelaki berusia antara 30 hingga 50-an ditahan jam 7.30 malam kelmarin di pejabat SPRM Sarawak ketika diminta hadir memberikan keterangan.

"Suspek utama disyaki menerima suapan sejak tahun 2018 hingga 2021 daripada pemilik syarikat sebagai balasan membantu syarikat itu mendapatkan dua projek membabitkan bekalan air berjumlah kira-kira RM44.4 juta.

"Manakala pengurus pelaburan amanah pula ditangkap kerana disyaki menerima bayaran wang rasuah dan kediaman bagi pihak suspek utama," katanya.

> *Suspek utama disyaki menerima suapan sejak tahun 2018 hingga 2021 daripada pemilik syarikat sebagai balasan membantu syarikat itu mendapatkan dua projek membabitkan bekalan air berjumlah kira-kira RM44.4 juta"*
>
> **Sumber**

Sementara itu, Pengarah Bahagian Operasi Khas SPRM, Datuk Tan Kang Sai ketika dihubungi mengesahkan tangkapan itu dan berkata, siasatan dijalankan mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Beliau berkata, kesemua suspek akan di bawa ke Mahkamah Majistret Kuching, Sarawak untuk permohonan reman.

**HARIAN METRO**
**12/10/2023**
**(KHAMIS)**

# ASP antara pegawai polis terlibat salah laku, jenayah

**KUALA LUMPUR** - Pegawai kanan berpangkat asisten superintenden (ASP) adalah antara 366 pegawai dan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang diambil tindakan termasuk gantung, tahan serta dibuang kerja disebabkan pelbagai kesalahan sejak Januari hingga September lalu.

Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan berkata, pihaknya memandang serius berkaitan kadar yang dicatatkan ini biarpun ia hanya melibatkan jumlah kecil berbanding keseluruhan keanggotaan di negeri ini iaitu sebanyak 15,000 anggota dan pegawai.

"Berdasarkan rekod, seramai 300 anggota dan 19 pegawai kanan polis di negeri ini didapati terlibat dalam pelbagai kesalahan tatatertib setakat ini.

"Selain itu, seramai 45 anggota dan dua pegawai kanan polis selesai dituduh di mahkamah melibatkan kesalahan jenayah antaranya rasuah, dadah dan pelbagai yang lain," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar Latihan Ops Ex-Ganjar di Pelabuhan Klang di sini pada Rabu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Negara (Keselamatan Strategik), Datuk Baharuddin Ahmad dan Exco Belia, Sukan dan Keusahawanan Selangor, Mohd Najwan Halimi.



HUSSEIN

Katanya, jumlah itu bagaimanapun menurun berbanding kesalahan jenayah dan tatatertib tahun lepas iaitu 576 anggota dan pegawai.

"Statistik 2022 merekodkan 445 anggota dan 17 pegawai kanan polis dikenakan tindakan tatatertib, manakala 112 anggota dan dua pegawai dikenakan tindakan atas kesalahan jenayah. Antara tindakan diambil ialah ditahan, digantung serta dibuang kerja," katanya.

Menurutnya, pihaknya tidak berkompromi dengan salah laku atau jenayah melibatkan anggota dan pegawai polis di negeri ini.

"Tiada ruang dan peluang buat anggota dan pegawai polis yang melakukan kesalahan, jika ada memang kita akan ambil tindakan tegas. Lakukanlah tugas dengan jujur dan amanah seperti dipertanggungjawabkan," katanya.

*Sinar Ahad* sebelum ini melaporkan seramai 804 pegawai dan anggota PDRM dikenakan hukuman tatatertib sejak Januari hingga Ogos lalu.

Pengarah Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) Bukit Aman, Datuk Seri Azri Ahmad berkata, 69 pegawai dan anggota PDRM dibuang kerja.

**SINAR HARIAN**
**12/10/2023**
**(KHAMIS)**

# Perkenal TVET di sekolah integriti Jabatan Penjara Malaysia

**KUALA SELANGOR -** Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bercadang memperkenalkan program Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) di semua 11 sekolah integriti Jabatan Penjara Malaysia di seluruh negara.

Menterinya, Fadhlina Sidek berkata, penambahan program TVET di sekolah banduan muda itu mampu memberi nilai tambah dan meningkatkan produktiviti pelajar, selain prospek masa depan lebih cerah.

Bagaimanapun katanya, cadangan itu perlu dibincangkan di peringkat kementeriannya terlebih dahulu.

"Hasil perbincangan di peringkat KPM ini seterusnya dibawa ke mesyuarat Kabinet bagi memperluaskan TVET di sekolah integriti ini," katanya.

Beliau berkata demikian sewaktu sidang akhbar selepas Majlis Perasmian Penutupan Program Hijrah Kasih ke-13 di Sekolah Integriti Pusat Koreksional Puncak Alam di sini pada Rabu.

Ditanya kemungkinan terdapat isu kekurangan guru di sekolah integriti, Fadhlina mengakui perkara itu, namun menjelaskan ia tidak kritikal.

Beliau berkata, kementeriannya sentiasa berusaha memastikan masalah kekurangan guru di sekolah terbabit diatasi segera.

"Contohnya di (Sekolah Integriti) Sungai Petani tempoh hari, mereka memaklumkan terdapat kekurangan guru dan pihak kementerian terus temu duga bagi pengambilan itu.

"Proses (temu duga) dilaksanakan oleh pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP)," jelas beliau.

Dalam pada itu, beliau turut berpuas hati dengan keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di seluruh sekolah integriti terbabit.

Jelasnya, pada tahun lalu, seramai 86 pelajar sekolah integriti seluruh negara yang menduduki SPM meraih pencapaian lulus 100 peratus dengan keputusan minimum 5A dan maksimum 7A.

"Kita harap kejayaan ini dapat diterjemahkan dalam peperiksaan akan datang dengan tumpuan diberikan kepada pengupayaan guru dan latihan serta penumpuan kepada penghuni yang akan mengambil peperiksaan," tambahnya.



**Fadhlina (kiri) menenangkan emosi ahli keluarga penghuni penjara selepas majlis perasmian penutupan Program Hijrah Kasih 13 Kementerian Pendidikan 2023 di Pusat Koreksional Puncak Alam pada Rabu.**

**SINAR HARIAN**
**12/10/2023**
**(KHAMIS)**

# Minda Pengarang

## Bukan hanya mengarah, pantau juga tugasan kakitangan

**Buat** kesekian kali Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2021 dibentangkan di Dewan Rakyat, mendapati pelbagai kepincangan dan kelemahan dalam sistem kerajaan mengakibatkan kerugian, ketirisan serta pembaziran wang rakyat. Dalam laporan terbaharu, Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan penyata kewangan terhadap 145 agensi persekutuan bagi tahun kewangan 2021 dengan 141 sudah diaudit, manakala empat lagi dalam proses audit.

Antara menjadi tumpuan ialah teguran terhadap Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) berikutan kelemahan dalam pembayaran Pembekalan Perabot dan Kelengkapan Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) dan kerugian RM58.57 juta terpaksa ditanggung Universiti Teknologi MARA (UiTM) apabila ramai penerima biasiswa gagal mencapai objektif ditetapkan dalam perjanjian sehingga ke peringkat doktor falsafah (PhD) dan sarjana, selain hasil sewaan hartanah berjumlah RM24.45 juta gagal dikutip Perbadanan Aset Keretapi (RAC). Ia sebahagian daripada 18 penyata kewangan diberi teguran, manakala 21 lagi dengan penegasan perkara.

Hakikatnya, pentadbiran kerajaan memerlukan amalan tadbir urus dan tata kelola yang baik bukan sahaja daripada menteri, bahkan ketua setiausaha (KSU), pegawai atasan, ketua jabatan dan setiap kakitangan awam untuk memastikan dana awam diuruskan demi kepentingan rakyat serta negara. Harus diingat krisis akauntabiliti dan integriti bukan sahaja berpunca daripada salah guna kuasa atau rasuah, bahkan juga disebabkan kelalaian kerana kerja sambil lewa, tidak ikut prosedur dan tiada perancangan teliti serta bijaksana.

> Harus diingat krisis akauntabiliti dan integriti bukan sahaja berpunca daripada salah guna kuasa atau rasuah, bahkan juga disebabkan kelalaian kerana kerja sambil lewa


> Harus diingat krisis akauntabiliti dan integriti bukan sahaja berpunca daripada salah guna kuasa atau rasuah, bahkan juga disebabkan kelalaian kerana kerja sambil lewa


Kita mengingatkan kementerian terbabit untuk meneliti LKAN ini, sebelum memanggil pihak menerima teguran untuk mendapatkan penjelasan dan jika perlu, mengambil tindakan punitif terhadap individu didapati cuai atau bersalah. Kerajaan tidak boleh bertolak ansur atau mengambil tindakan melepaskan 'batok di tangga' untuk mengelakkan ketirisan dan pembaziran terus berlaku hingga menjadi 'kaset cerita lama selalu diulang-ulang' setiap kali laporan LKAN dibentangkan.

Kita juga menasihati semua anggota pentadbiran kerajaan memberi perhatian kepada semua syor dikemukakan Ketua Audit Negara, antaranya pemantauan berterusan perlu dilaksanakan semua KSU kementerian dan ketua jabatan terhadap kerja dilaksanakan pegawai dan kakitangan termasuk memberi latihan meningkatkan kompetensi.

Ini kerana tanggungjawab pemimpin bukan semata-mata memberikan arahan sebaliknya memastikan ia dilaksanakan dengan cara terbaik dan mengikut prosedur ditetapkan, malah perlu memikul tanggungjawab sekiranya ketirisan atau pembaziran berlaku disebabkan kelalaian melakukan pemantauan berkesan.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**BERITA HARIAN**
**12/10/2023**
**(KHAMIS)**

# Overwhelming public response to CID director's candid advice

By FARIK ZOLKEPLI
farik@thestar.com.my

**KUALA LUMPUR:** The overwhelming public response to Comm Datuk Seri Mohd Shuhaily Mohd Zain's (*pic*) candid advice to his officers was not something he expected.

The Federal Criminal Investigation Department (CID) director said the reaction to the viral video indicated the public was aware of what's going on in the police force, which was an open secret.

"I firmly believe if we are plagued by disease, we must first admit it.

"If we don't, then the doctor cannot administer the right cure or medicine," he told a press conference yesterday.

During a meeting in Penang last Friday, he issued a blunt warning to corrupt officers working in cahoots with criminal rackets to either "Change or be changed."



"You're willing to sacrifice the lives of your comrades because of the money you get from syndicates.

"In other words, there are some here who are willing to kill each other for money," he said during the closed-door conference.

The video footage of his speech was posted online and has since gone viral.

Comm Mohd Shuhaily said he was just reiterating what the Inspector-General of Police and his deputy had been saying in wanting clean up the police force.

"They have been saying it. I merely amplified it," he said.

Meanwhile, he said as an initial move, all CID officers holding sensitive positions, including district CID chiefs and D7, have to declare their assets and must be transparent and comprehensive.

"If someone is able and can afford a certain lifestyle, they must show that they have a legitimate source of income. We will conduct continuous auditing to ensure high integrity among CID officers," he said.

Comm Mohd Shuhaily also invited officers or personnel who wanted to take up sensitive positions in the department to apply.

"They must send their application letter along with forms declaring their assets," he said.

Comm Mohd Shuhaily said his address was a chance for his officers to change, adding that the videos were posted on social media to reach a wider audience.

"During the address, I could only address 140 officers present at the venue, whereas I have 10,000 officers and personnel in the department," he said.

On another matter, what began as a so-called kidnapping of an 18-year-old teenager turned out to be an elaborate operation by scammers.

Comm Mohd Shuhaily said the police received a police report on Oct 3 from a woman who claimed that her son was kidnapped and a RM300,000 ransom demand was involved.

"We investigated the matter and managed to "rescue" the victim at a homestay in Shah Alam on Oct 5. However, it was not actually a kidnapping," he said.

The victim, he said, had initially received a call from scammers posing as police officers last month who claimed a parcel the victim ordered contained drugs and he was asked to assist with the investigation.

"They eventually instructed the victim to transfer funds to them," he said.

The victim ended up transferring a total of RM283,000 in several transactions from Sept 30 until Oct 3, he said.

**THE STAR**
**12/10/2023**
**(KHAMIS)**

BUAT TUNTUTAN PALSU PROGRAM PENJANA KERJAYA

# 'Lebih baik awak menyesal di depan saya...'

Shah Alam: Seorang pengarah syarikat didenda RM10,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam selepas mengaku bersalah memperdaya pegawai Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) berhubung insentif pengambilan kerja di bawah Program Penjana Kerjaya pada 2020.

Tertuduh, Wan Ahmad Hasbullah Wan Mahamud Shudi, 40, membuat pengakuan bersalah selepas pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Awang Kerisnada Awang Mahmud.

Tertuduh juga diarahkan untuk menjalani hukuman penjara empat bulan jika gagal membayar denda berkenaan.

Awang Kerisnada dalam penghakimannya menasihatkan tertuduh agar jujur dan tidak mengambil kesempatan dalam apa-apa keadaan sekalipun, selain turut mengingatkan bahawa menipu adalah perbuatan keji.

"Saya harap awak insaf, punca rezeki banyak. Lebih baik awak menyesal di depan saya di dunia daripada di akhirat" katanya.

Mengikut kertas pertuduhan, Wan Ahmad Hasbullah didakwa memperdayakan seorang Pegawai Perkhidmatan Pekerjaan Perkeso sehingga mendorong pegawai itu untuk menyerahkan wang berjumlah RM2,400 dengan mempercayai bahawa seorang wanita dalam senarai pekerja di Data Penjana 1.0 yang mana tertuduh ketahui tidak lagi bekerja di syarikat miliknya.

Justeru tertuduh melakukan kesalahan yang boleh dihukum mengikut Seksyen 417 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum penjara maksimum lima tahun atau dengan denda atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu di sebuah cawangan bank di Cyberjaya pada 2 Disember 2020.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Muaz Ahmad Khairuddin manakala tertuduh diwakili peguam, M Hafiz Zainol Abidin.

Sementara itu menurut fakta kes, Wan Ahmad Hasbullah mendaftarkan seramai 111 pekerja dan gaji yang ditetapkan adalah antara RM1,200 hingga RM3,000 pada 2 Disember 2020.

Antara penama yang didaftarkan di dalam Sistem Penjana Kerjaya bagi tujuan tuntutan adalah seorang wanita yang tidak lagi bekerja di syarikatnya berjumlah RM2,400.

Perkeso kemudian meluluskan dalam Sistem Penjana Kerjaya bagi syarikat tertuduh dengan jumlah bayaran RM371,600 bagi 111 pekerja termasuk wang berjumlah RM2,400 bagi tujuan pembayaran gaji wanita itu selama tiga bulan.

Wanita berkenaan kemudian mengesahkan beliau pernah bekerja sebagai perkhidmatan *rider* selama satu minggu di syarikat itu dan berhenti pada pertengahan 2020.



WAN Ahmad Hasbullah (kiri) di Mahkamah Sesyen Shah Alam. Gambar NSTP/FAIZ ANUAR

**HARIAN METRO**
**13/10/2023**
**(JUMAAT)**



AZAM (kiri) bersama Gale ketika kunjungan AFP ke SPRM, semalam.

# SPRM, AFP komited teroka peluang kerjasama strategik

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan *Australian Federal Police* (AFP), akan meneroka peluang kerjasama strategik dalam bidang siasatan kewangan dan perisikan, serta isu rasuah termasuk pengubahan wang haram.

Perkara itu dizahirkan ketika Timbalan Pesuruhjaya (Keupayaan Pakar dan Antarabangsa) AFP Lesa Gale, melakukan kunjungan ke atas Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki di ibu pejabat SPRM di sini, semalam.

Dalam kenyataan SPRM yang dikeluarkan sempena kunjungan itu, Azam berkata SPRM menyambut baik hasrat AFP untuk mengadakan kerjasama pada masa hadapan, selain turut berbincang mengenai beberapa agenda penting berkaitan jenayah rasuah dan salah guna kuasa, melibatkan kedua-dua negara.

"SPRM terbuka dan mengalu-alukan peluang kerjasama ini, terutamanya berkaitan bidang siasatan kewangan serta perisikan.

"Selain peluang untuk memeterai memorandum persefahaman (MoU), sebagai tanda kerjasama strategik antara kedua dua negara melibatkan pelbagai isu, khususnya membabitkan rasuah termasuk pengubahan wang haram, selain peluang mengadakan beberapa program latihan pada masa hadapan," katanya.

Turut hadir dalam pertemuan kira-kira sejam itu ialah Komander AFP Asia Tenggara Warwick Macfarlane dan Pegawai Kanan AFP Nick Moger dan Pengarah Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang haram (AML) SPRM Datuk Mohamad Zamri Zainul Abidin. - Bernama

**HARIAN METRO**
**13/10/2023**
**(JUMAAT)**

# Juruukur bahan didakwa rasuah

**KUALA TERENGGANU** - Seorang juruukur bahan di sebuah universiti di negeri ini direman selama lima hari bagi membantu siasatan berhubung dakwaan menerima rasuah wang tunai dan motosikal.

Majistret Nik Mohd Tarmizie Nik Mohd Sukri mengeluarkan perintah tahanan reman ke atas suspek bermula Khamis hingga Isnin depan.

Lelaki berusia lingkungan 50-an itu disyaki menerima motosikal Yamaha Y15Z dan wang tunai keseluruhan kira-kira RM30,000 daripada wakil sebuah syarikat sebagai balasan mengesyorkan kerja pengubahsuaian bernilai RM3 juta.

Wang tunai itu didakwa diterima bagi tujuan mempercepatkan tuntutan bayaran kemajuan kerja syarikat tersebut.

Suspek sebelum ini ditahan di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Terengganu pada jam 1 tengah hari ketika hadir memberi keterangan pada Rabu.

Difahamkan, SPRM turut menyita motosikal berkenaan pada hari yang sama.

Kes tersebut disiasat mengikut Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009.

SH - 13/10/23 - Jumaat

**SINAR HARIAN**
**13/10/2023**
**(JUMAAT)**

# Siasat pegawai, anggota polis hidup mewah - KPN

**GEORGE TOWN** - Semua jawatan dalam Polis Diraja Malaysia (PDRM) adalah sensitif kerana mana-mana sahaja anggota polis boleh menyalah guna kuasa dan terlibat dengan rasuah, kata Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain.

Sehubungan itu, katanya, beliau sendiri telah mengarahkan Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) untuk menyiasat mana-mana pegawai atau anggota polis yang hidup mewah di luar kemampuan sebenar.

"Ada yang cakap JSJ (Jabatan Siasatan Jenayah) itu satu *post* (jawatan) sensitif dalam PDRM, pada saya semua jawatan sensitif, sebab mana-mana manusia yang jadi polis mempunyai kuasa, dia boleh salah guna kuasa dan terlibat dalam rasuah.

"... beritahu saya mana satu *post* yang tidak sensitif dalam PDRM, JSJ sensitif, Pasukan Polis Marin (PPM) sensitif, malah Pasukan Gerakan Am (PGA) yang jaga sempadan (negara) tu lagi sensitif," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Sambutan Peringatan Hari Polis Marin ke-76 di Markas PPM Wilayah 1 di Batu Uban, di sini pada Khamis.

Sementara itu, merujuk kepada kenyataan Pengarah JSJ Bukit Aman, Datuk Seri Shuhaily Mohd Zain yang memberi amaran kepada pegawai dan anggota hidup mewah kerana bersubahat dengan sindiket jenayah, Razarudin berkata, perkara itu memang telah dibincangkan bersama pengarah pelbagai Jabatan di ibu Pejabat Polis Bukit Aman.

"Kenyataan Datuk (Seri) Shuhaily itu adalah berpaksikan kepada fokus saya, sebelum itu pun saya sudah bincang dengan Timbalan Ketua Polis dan Shuhaily sendiri, melihat kepada pegawai-pegawai yang hidup mewah.



RAZARUDIN

"Namun kalau dia (pegawai atau anggota) memang mampu hidup mewah, contoh ada sarjan yang isteri dia memang gaji RM80,000 sebulan sebab isteri dia adalah pegawai besar mana-mana syarikat, dia nak beli kapal terbang pun tak apa," katanya.

Beliau memberitahu, JIPS sedang memeriksa dan membuat semakan terhadap semua pegawai dan anggota polis bagi memastikan mereka mengisi pengisytiharan harta terutama melibatkan penambahan harta bagi memastikan ia selari dengan pendapatan.

Razarudin berkata, PDRM juga akan membetulkan secara dalaman kekurangan yang ada pada agensi itu. - *Bernama*

**SINAR HARIAN**
**13/10/2023**
**(JUMAAT)**

# SPRM tahan tiga individu termasuk dua anggota penguat kuasa



Tiga individu (berbaju oren) dibawa ke Mahkamah Majistret Kuala Lumpur untuk permohonan reman bagi membantu siasatan kes rasuah.

**KUALA LUMPUR** - Tiga individu termasuk dua anggota penguat kuasa ditahan kerana disyaki meminta rasuah berjumlah RM1,500 sebagai balasan untuk tidak mengambil tindakan undang-undang terhadap seorang pemandu kenderaan.

Sumber berkata, ketiga-tiga lelaki berusia 36 hingga 37 tahun itu ditahan di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Kuala Lumpur pada Rabu.

"Dua anggota penguat kuasa itu yang menaiki motosikal dipercayai menahan sebuah kenderaan pacuan empat roda yang menggunakan nombor perdagangan kenderaan motor (trade plate).

"Anggota penguat kuasa tersebut kemudian memberitahu kepada pemandu kenderaan itu bahawa nombor 'trade plate' yang digunakan adalah palsu," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Kuala Lumpur, Datuk Mohamad Fauzi Husin ketika dihubungi mengesahkan penahanan tersebut.

**SINAR HARIAN**
**13/10/2023**
**(JUMAAT)**

# Tuntutan KRPPM-IGAR tunjuk positif

**Dalam peringkat perincian Menteri di Jabatan Perdana Menteri**

**Oleh MUHAMMAD SHAMSUL ABD GHANI**
KUALA LUMPUR



**Syed Ibrahim (depan, dua dari kiri) bersama pasukan kumpulan selepas selesai mesyuarat KRPPM-IGAR di Bilik Mesyuarat 2, Blok Ahli Parlimen dan Pentadbiran, Parlimen Malaysia pada Khamis.**

Tuntutan yang dicadangkan oleh Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (KRPPM) - Integriti, Governans dan Anti Rasuah (IGAR) berhubung membawa agenda reformasi dalam institusi, kini memasuki fasa baharu dan menunjukkan petanda positif untuk dilaksanakan.

Pengerusi KRPPM-IGAR, Syed Ibrahim Syed Noh berkata, tuntutan kumpulan itu mengenai pemisahan kuasa Peguam Negara dan Pendakwa Raya misalnya telah mendapat perhatian Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said yang kini dalam peringkat perincian sebelum ia dapat dilaksanakan.

"Berhubung perkembangan tuntutan mengenai pemisahan itu, kini ia telah dibincangkan dan menerima respons positif daripada kerajaan.

"Saya dimaklumkan beberapa perkara telah segera diambil tindakan oleh kerajaan iaitu yang pertama mereka telah menubuhkan pasukan petugas khas, iaitu membuat kajian komparatif, yang kedua adalah pasukan kajian teknikal, kemudiannya telah dibincangkan dalam mesyuarat dua hari lepas juga fasa penguatkuasaan.

"Namun disebabkan ia melibatkan pindaan undang-undang yang besar ia akan mengambil sedikit masa untuk dilaksanakan," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat KRPPM-IGAR di Bilik Mesyuarat 2, Blok Ahli Parlimen dan Pentadbiran, Parlimen Malaysia, pada Khamis.

Antara yang hadir pada pertemuan itu ialah Ahli Parlimen Bentong, Young Syefura Othman; Ahli Parlimen Sungai Petani, Dr Mohammed Taufik Johari; Ahli Parlimen Jerantut, Khairil Nizam Khiruddin; Ketua Pasukan Rasuah Busters, Datuk Hussamuddin Yaacub dan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Sinar Untuk Malaysia (RasuahBusters), Nurhayati Nordin dan Presiden Pertubuhan Ikram Malaysia, Badlishah Sham Baharin.

Terdahulu, Azalina di Dewan Rakyat memaklumkan bahawa kajian bagi melaksanakan pengasingan peranan Peguam Negara dan Pendakwa Raya akan melalui tiga fasa, mengambil kira kompleksiti dan cabaran dihadapi serta memastikan ia dibuat secara terperinci dan holistik.

Selain itu, kajian yang dilaksanakan dua pasukan yang ditubuhkan, iaitu Pasukan Petugas Khas Kajian Komparatif dan Pasukan Petugas Khas Teknikal, akan memastikan pengasingan itu dapat dilaksanakan tanpa sebarang pengaruh politik dan urusan undang-undang di bawah Peguam Negara dan Pendakwa Raya dilaksanakan secara telus.

Menurut Azalina, fasa pertama Pasukan Petugas Khas Kajian Komparatif sedang menjalankan kajian berdasarkan keterangan ke atas beberapa negara bagi meneliti dan merangka model paling sesuai dalam konteks Malaysia, dengan mengambil kira *hawcross principle* dan *doctrine of independent aloofness*.

Mengulas lanjut, Syed Noh berkata, untuk lain-lain tuntutan kumpulan itu akan terus digerakkan bagi memastikan reformasi menyeluruh terhadap institusi di negara dapat dilaksanakan.

"Disebabkan oleh pasukan ini mempunyai kepakaran masing-masing kita akan gerakan mengikut kapasiti, kerana akhirnya kita mahu melihat reformasi dapat dilakukan," katanya.

Selain tuntutan terhadap Pemisahan kuasa Peguam Negara dan Pendakwa Raya, kumpulan ini juga mencadangkan reformasi institusi merangkumi pindaan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.

Selain itu, pemisahan peranan peguam negara daripada fungsi pendakwa raya, penggubalan akta perolehan kerajaan dan akta pendanaan politik, reformasi Parlimen dan implementasi penuh Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP).

**SINAR HARIAN**
**13/10/2023**
**(JUMAAT)**

# Siasat isu beras: SPRM tak sasar mana-mana pihak

**KUALA LUMPUR** - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menegaskan siasatan berhubung kepincangan bekalan beras di negara ini bukan menjurus kepada individu atau pihak tertentu.

Ketua Pesuruhjayanya, Tan Sri Azam Baki berkata, pihaknya tidak ada menetapkan sebarang sasaran berhubung siasatan SPRM melibatkan isu beras.

Malah kata beliau, tidak ada agensi tertentu atau mana-mana pihak kerajaan negeri menjadi sasaran siasatan SPRM berhubung perkara tersebut.

"Saya tekankan, tidak ada sasaran kepada seseorang atau mana-mana pihak kerajaan negeri atau jua ahli politik.

"Ini kerana tugas kami di SPRM adalah untuk meneliti sebarang maklumat atau aduan yang diterima, kemudiannya bertindak secara profesional menyiasat mereka yang terlibat.



Azam (depan, enam dari kiri) bergambar bersama peserta program PPP Fasa 2.0 yang diadakan di Kuala Lumpur pada Khamis.

"Malah tidak ada juga kekangan politik atau penglibatan mana-mana pihak dalam jangkaan kami kerana siapa sahaja yang bersalah atau menyalahguna kuasa akan menjadi perhatian kami," katanya dalam sidang akhbar pada Khamis.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada majlis Public Private Partnership (PPP) Fasa 2.0 dengan tajuk Pendekatan Strategik dan Holistik Memerangi Jenayah Rasuah dan Pengubahan Wang Haram Selari Dengan Aliran Global.

Azam berkata, usaha menyiasat berlaku isu kepincangan beras negara digiatkan ketika ini.

Beliau berkata, satu pertuduhan telah dilakukan oleh SPRM ke atas sebuah syarikat padi pada Rabu.

Tambahnya lagi, menerusi maklumat diterima, SPRM juga telah menyerbu lima buah kilang memproses padi di Kedah pada Rabu dan pagi Khamis.

Jelasnya, beratus tan beras berjaya ditemui pada serbuan tersebut dan pihaknya masih menunggu maklumat lanjut daripada pegawai bertugas di lapangan.

"Siasatan bukan sahaja memfokuskan kepada perbuatan menyorok beras sahaja tetapi kepada subsidi lain yang terlibat dengan isu beras," katanya.

Ditanya sama ada terdapat kilang padi yang akan diserbu SPRM, Azam menyatakan pihaknya tidak menolak kemungkinan ada lagi kilang akan dibuat pemeriksaan.

**SINAR HARIAN**
**13/10/2023**
**(JUMAAT)**



# Kes Roger Ng: SPRM serah siasatan kepada PDRM terlebih dahulu

**KUALA LUMPUR** - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyerahkan proses siasatan melibatkan bekas pegawai bank Goldman Sachs, Roger Ng Chong Hwa dilakukan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) terlebih dahulu.

Ketua Pesuruhjayanya, Tan Sri Azam Baki berkata, tidak ada sebarang keperluan mendesak bagi SPRM pada masa ini untuk menyiasat atau memanggil Roger Ng yang kini berada dalam tahanan PDRM.

Beliau berkata, siasatan yang sedang dilakukan oleh PDRM adalah perkara yang perlu diutamakan bagi menyiasat kes 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

"Kita (SPRM) serahkan dahulu kepada PDRM untuk melakukan siasatan kerana mungkin ada maklumat penting yang boleh menjurus kepada pencarian tertentu.

"Oleh sebab itu, kita serahkan kepada PDRM melakukan siasatan sehingga selesai.

"Selepas itu, barulah SPRM akan melihat sama ada siasatan mereka (PDRM) sudah merangkumi apa yang telah kita siasat," katanya dalam sidang akhbar pada Khamis.

Sementara itu, di **GEORGE TOWN, PULAU PINANG**, Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain meminta supaya beri ruang kepada pihak polis untuk menjalankan siasatan terperinci terhadap Roger Ng, 51, kerana kes itu melibatkan duit kerajaan dan rakyat.

Beliau berkata, siasatan terhadap Roger Ng yang diekstradisi dari Amerika Syarikat bagi membantu siasatan kes berkaitan 1MDB itu akan dijalankan sehingga pihak berkuasa berpuas hati.

"Tiada tempoh masa dan, tiada had (siasatan) sehingga kita puas hati (jalankan siasatan).

"Kita akan adakan sidang akhbar dari semasa ke semasa, beri kami peluang untuk menyiasat.

"Jangan risau, baru dua hari, sabar, ini bukan kes curi ayam," tegas beliau.

Roger Ng yang dijatuhkan hukuman penjara 10 tahun di New York, Amerika Syarikat kerana membantu menggelapkan berbilion dolar dana 1MDB, dibawa pulang ke Malaysia oleh pasukan khas Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi membantu siasatan pihak berkuasa negara ini, berkaitan 1MDB.

Sinar Harian - 13/10/23 - Jumaat

**SINAR HARIAN**
**13/10/2023**
**(JUMAAT)**



# TUNTUTAN PALSU RM174K

*Pemilik syarikat tak mengaku tipu dokumen tuntut insentif Program Penjana Kerjaya*

**HARIAN METRO**

**13/10/2023**

**(JUMAAT)**

# Kilang disyaki tipu resit, berat padi

## SPRM serbu lima premis di Kedah siasat penyelewengan

**Oleh Ilah Hafiz Aziz**
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membongkar ketirisan pengedaran beras dengan menyerbu lima kilang di Kedah, semalam dan kelmarin.

Siasatan SPRM menjuruskan kepada penyelewengan pemberian subsidi kepada petani yang menjual beras tempatan ke kilang berlesen.

Dalam operasi itu, SPRM turut menjalankan siasatan untuk mencari punca ketiadaan beras di pasaran, termasuk tindakan mencampur beras tempatan dengan beras import dan menyorok stok beras.

Dalam serbuan di dua kilang, kelmarin serta tiga lagi kilang, semalam, SPRM mengesyaki ada penipuan resit pembelian padi dan penyelewengan jumlah berat padi yang dijual di kilang, tidak sama dengan nilai subsidi yang dibayar kepada petani.

Sumber berkata, SPRM mendapati modus operandi digunakan sindiket ialah menipu resit pembelian padi di kilang berkenaan.

Katanya, siasatan itu termasuk kemungkinan nilai subsidi yang dibayar kepada petani tidak sama dengan jumlah berat padi yang dijual di kilang.

"Subsidi dibayar kerajaan melalui BERNAS sebanyak RM500 bagi setiap tan padi yang dijual di kilang, dengan pihak kilang membeli daripada petani RM1.25 sekilogram.

"Ini bermaksud, sekiranya seorang petani menjual satu tan beras kepada pengilang, mereka menerima RM1,250 termasuk RM500 subsidi daripada kerajaan.

"Siasatan mendapati mungkin berlaku penyelewengan dalam urusan itu, termasuk jumlah berat padi yang dijual di kilang tidak sama dengan nilai subsidi dibayar kepada petani.

"Terdapat resit pembelian padi dan jumlah berat padi disyaki sengaja dipalsukan dengan menggandakan jumlah berat padi yang dijual," katanya.

**[illegible]**

SPRM masih meneliti jumlah sebenar ketirisan subsidi yang berlaku berdasarkan jumlah subsidi yang diperuntuk kerajaan ketika ini, iaitu RM600 juta setahun.

Dalam operasi itu, SPRM turut mengesan penyelewengan dengan mencampurkan beras tempatan dengan beras import untuk dijual dengan harga beras import.

Katanya, tindakan itu menguntungkan pengilang memandangkan harga import tidak dikawal oleh kerajaan berbanding beras tempatan.

"SPRM kini juga menyiasat sikap pengilang yang menyimpan dan menyorokkan beras tempatan yang mungkin menjadi punca kekurangan beras tempatan.

"Mereka ini konon menunggu pelarasan harga oleh kerajaan dan memberi alasan, beras itu disimpan disebabkan tiada ejen yang mahu membeli beras itu," katanya.

Dalam perkembangan itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan tindakan diambil SPRM dalam menyiasat ketirisan pengedaran beras negara, di bawah Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Katanya, SPRM melihat dua aspek siasatan iaitu berkaitan kesalahan jenayah dan aspek tata kelola dalam agihan subsidi.



*Antara serbuan yang dilakukan kakitangan SPRM di kilang beras sekitar Kedah.* (Foto Ihsan SPRM)

**BERITA HARIAN**
**13/10/2023**
**(JUMAAT)**

# SPRM bukan cari salah negeri atau ahli politik

**Kuala Lumpur:** Siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung kepincangan dalam pengedaran beras negara tidak menjurus kepada mana-mana kerajaan negeri atau ahli politik.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata siasatan SPRM berhubung isu itu bukan bersifat mencari kesalahan pihak tertentu, sebaliknya berdasarkan maklumat dan aduan.

Menurut beliau, SPRM akan bertindak secara profesional dalam menjalankan siasatan ke atas mana-mana pihak yang disyaki melakukan penyorokan sehingga mengganggu pengedaran bekalan beras tempatan.

"Kita tidak ada *target* (sasar) seseorang atau mana-mana pihak, kerajaan negeri atau mana-mana ahli politik. Tugas SPRM ialah meneliti sebarang maklumat dan aduan yang kita terima.

"Tidak ada sebarang kekangan politik ataupun sebarang pembabitan mana-mana pihak dalam siasatan kami kerana pihak yang terbabit dalam isu jenayah, rasuah, salah guna kuasa akan menjadi perhatian dan tumpuan kami tidak kira mereka itu siapa," katanya kepada pemberita selepas Program Public-Private Partnership (PPP) Fasa 2 di sini, semalam.

Ditanya sama ada siasatan SPRM kali ini ada kaitan dengan siasatan terdahulu berhubung isu sama pada 2016 membabitkan sebuah syarikat di Kedah, Azam berkata, pihaknya menjangkakan kes berkenaan ada persamaan.

"Saya tidak boleh nyatakan sama ya atau tidak. Dahulu memang kita pernah ada pengalaman menyiasat kes membabitkan subsidi beras. Saya menjangkakan kemungkinan benda yang sama (isu sama)," katanya.

Azam juga berkata, mahkamah kelmarin sudah pun menuduh seorang individu berkaitan isu berkenaan dan SPRM turut melakukan lima serbuan ke atas kilang beras sejak kelmarin dengan kesemua serbuan dilakukan di Kedah.

"SPRM melihat kepada isu bukan sahaja isu tentang penyorokan beras, tetapi isu subsidi yang diselewengkan dan juga *potential offenses* (potensi berlaku kesalahan) pihak lain yang mungkin bersekongkol dengan pengilang," katanya.

Azam menambah, siasatan berkaitan isu turut membabitkan banyak agensi lain, namun perspektif siasatan SPRM dari sudut kesalahan penyelewengan subsidi kerana ia membabitkan dana wang kerajaan.

"Kita bukan sahaja nak tengok berapa banyak beras yang disorokkan, tetapi dokumen yang terlibat, invois dan sebagainya, berkaitan tuntutan untuk mendapatkan subsidi.. ini yang kita perlu lihat.

"Selepas ini juga SPRM akan menjalankan siasatan berkaitan pihak yang terbabit dalam kawal selia padi, kita akan panggil untuk memberi keterangan," katanya.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan ada lagi kilang beras yang akan diserbu pihaknya selepas ini.



**BERITA HARIAN**
**13/10/2023**
**(JUMAAT)**

# Siasat pegawai PDRM hidup mewah

Awang Paku Serpih

**ADA** berita panas pasal isteri seorang pegawai polis didakwa mencuri dua utas jam Rolex yang keseluruhannya bernilai RM405,000. Beliau yang bergelar 'Datuk' dihadapkan ke mahkamah di Ipoh.

Begitu mewah nampaknya kehidupan seorang pegawai polis. Itulah yang ditegur oleh Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain.

Beliau mengarahkan Jabatan Integriti dab Pematuhan Standard (JIPS) untuk menyiasat mana-mana pegawai atau anggota polis yang hidup mewah di luar kemampuan sebenar.

Tentulah mudah mengesan mereka, ada rumah mewah, kereta mahal, jam berjenama eksklusif, pakai peralatan golf yang *branded* dan macam-macam lagi. Orang kita mudah dikesan kemewahan mereka disebabkan suka menunjuk-nunjuk.

Awang angkat tabik pada Datuk Shuhaily Mohd Zain yang baru dilantik sebagai Ketua Jabatan Siasatan Jenayah atau CID.

Nampak sangat dia nak pastikan tak ada 'kong kalikong' dalam jabatan itu. Dia mahu semua bertindak secara profesional. Dia nak buka kitab baharu yang bersih dan berintegriti dalam kalangan petugas.

Dah lama Awang tak tengok ketua yang begitu berterus terang dan tegas.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**SINAR HARIAN**
**14/10/2023**
**(SABTU)**

# Bekas menteri Indonesia ditahan dakwaan rasuah



Syahrul Yasin Limpo

**Jakarta:** Bekas Menteri Pertanian Indonesia, Syahrul Yasin Limpo, ditahan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (KPK) negara ini, menurut pegawai, semalam, selepas berdepan sejumlah dakwaan, termasuk mengaut dana awam lebih AS$800,000.

Beliau meletak jawatan pada minggu lalu susulan tuduhan yang semakin banyak terhadapnya dan KPK secara rasmi menamakannya sebagai suspek pada Rabu lalu.

Limpo ditahan kelmarin dengan laporan media tempatan menunjukkan beliau digari dan dibawa masuk ke dalam pejabat suruhanjaya itu di Jakarta.

Jurucakap KPK, Ali Fikri tidak mengesahkan sama ada Limpo ditahan atas pertuduhan rasmi, namun memberitahu pemberita bahawa suruhanjaya itu memberkasnya kerana bimbang bekas menteri itu akan melarikan diri atau memusnahkan bukti.

Setakat semalam, beliau berkata, penyiasat KPK masih menyoal siasat Limpo.

Fikri berkata, Limpo tidak hadir ketika dipanggil KPK untuk memberikan keterangan pada Rabu lalu atas alasan hal keluarga.

Semalam, Presiden Indonesia, Joko Widodo, memberitahu pemberita bahawa 'mesti ada sebab' Limpo ditahan.

"Marilah kita menghormati prosiding undang-undang," katanya menurut laporan agensi berita Antara.

**Tuduhan Limpo**

Peguam Limpo, Febri Diansyah, tidak respons kepada permintaan *AFP* untuk mendapatkan komen, setakat petang semalam.

Namun, lewat kelmarin, beliau memberitahu pemberita bahawa bekas menteri itu 'tidak akan melarikan diri.'

Limpo didakwa memaksa pegawai kementerian untuk menyerahkan kepadanya wang daripada dana negara setiap bulan dan menggunakan wang berkenaan untuk membayar bil kad kredit dan bayaran ansuran sebuah kereta mewah.

Beliau juga dituduh terbabit kes rasuah dan penyalahgunaan kuasa untuk 'mengayakan diri atau orang lain', menurut KPK pada Rabu lalu.

AFP

**BERITA HARIAN**
**14/10/2023**
**(SABTU)**

# Pastikan peruntukan Belanjawan 2024 capai sasaran, bebas rasuah

**Belanjawan** 2024 yang turut diungkapkan sebagai Belanjawan MADANI Kedua selamat dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim kelmarin dengan peruntukan sebanyak RM393.8 bilion. Ia menjadi belanjawan tertinggi dalam sejarah.

Seperti mana tingginya peruntukan belanjawan itu, lebih tinggi lagi harapan rakyat untuk melihat segala insentif, bantuan dan peruntukan disediakan itu dilaksanakan dengan berkesan, telus dan mencapai sasaran untuk rakyat ketika ekonomi sukar.

Bermakna, setiap jabatan, agensi dan entiti kerajaan perlu memastikan setiap sen belanjawan ini akan dibelanjakan tanpa ketirisan, bebas rasuah dan penyelewengan.

Dalam hal ini, kerajaan perlu ada mekanisme pemantauan dan penyelarasan setiap perbelanjaan dirancang, diagih dan diperuntukkan dicatat dan direkodkan, bertepatan dengan apa yang digariskan.

Paling penting, Belakang mahu agensi dan jabatan serta penjawat awam berkenaan melaksanakan tanggungjawab mereka dengan sikap dan berintegriti bagi memastikan apa yang dirancang dilaksanakan mengikut tata kelola digariskan kerajaan MADANI.

BH - 15/10/23 - Ahad

**BERITA HARIAN**
**15/10/2023**
**(AHAD)**

# Pegawai polis beli jam tangan Rolex guna duit hadiah ibu, mendiang bapa

**KUALA LUMPUR** - Polis Diraja Malaysia (PDRM) menjalankan siasatan berhubung seorang pegawai kanannya yang didakwa hidup mewah serta mempunyai dua utas jam tangan berjenama Rolex.

Pengarah Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) Bukit Aman, Datuk Seri Azri Ahmad berkata, siasatan awal dijalankan setakat ini mendapati kedua-dua jam tangan berkenaan dibeli menggunakan duit hadiah pemberian ibu dan mendiang bapanya.

"Ibu dan mendiang bapa pegawai berkenaan merupakan ahli perniagaan berjaya.

"Siasatan bagaimanapun tetap diteruskan oleh JIPS meliputi pelbagai sudut," katanya menerusi kenyataan pada Sabtu.

Media sebelum ini melaporkan Ahli Parlimen Kepong, Lim Lip Eng mempersoalkan bagaimana seorang pegawai kanan polis mampu memiliki jam tangan mewah.

Lip Eng meminta polis menjelaskan perkara tersebut susulan kes melibatkan seorang isteri pegawai polis didakwa di sebuah mahkamah di Ipoh berkaitan tuduhan mencuri dua utas jam tangan mewah jenama Rolex milik suaminya tiga tahun lalu.



AZRI

Sinar Ahad - 15/10/23

**SINAR AHAD**
**15/10/2023**
**(AHAD)**

# Probe into police officer owning two Rolex watches ongoing

**PETALING JAYA:** Bukit Aman has started investigating how a police officer was capable of owning two Rolex watches.

In a statement yesterday, Bukit Aman's Integrity and Standards Compliance Department (JIPS) director Comm Datuk Azri Ahmad confirmed investigations into the senior police officer.

"Preliminary investigations showed that both watches had been bought using money given by his mother and late father, who was a successful businessman.

"JIPS will continue investigations from several angles," he said.

On Oct 12, a woman with a Datuk title, who was described as a police officer's wife, claimed trial for stealing two luxury watches from her husband at a house in Pinggiran Rapat Ria in Ipoh two years ago.

Datuk Mou Ei Leen @ Eileen Mou pleaded not guilty after the charge under Section 380 of the Penal Code was read before Ipoh Magistrate Siti Nora Sharif.

Mou had allegedly stolen a Rolex Sky-Dweller (Mode 326135) and a Rolex GMT Maste II (Model 116718 LN) in Januar 2021.

Mou's lawyer Gurbachan Sing said his client had been separate from her husband for two year but had not divorced.

**THE STAR**
**15/10/2023**
**(AHAD)**

# 'Rasuah punca BN kalah di Kemaman, bukan calon'

## UMNO Terengganu anggar beri enam nama dicadang kepada MKT

Oleh Baharom Bakar
bhnews@bh.com.my

**Kuala Terengganu:** Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Terengganu, Datuk Seri Dr Ahmad Said, menegaskan kekalahan Barisan Nasional (BN) di Parlimen Kemaman dengan majoriti lebih 27,000 undi bukan disebabkan kesilapan meletakkan calon dalam Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) lalu.

Beliau yang juga bekas calon BN bagi Parlimen Kemaman dalam PRU15, mendakwa unsur rasuah yang berleluasa adalah punca utama kekalahan itu.

"Kekalahan dengan majoriti besar di Parlimen Kemaman pada PRU15 bukan disebabkan calon, sebaliknya berlaku unsur rasuah secara berleluasa.

"Calon yang ditampilkan pada PRU15 lalu, adalah calon terbaik dan diterima pada peringkat akar umbi," katanya kepada *BH*, semalam.

**[illegible]**

Beliau mengulas kenyataan Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, yang berkata, parti itu akan lebih berhati-hati memasuki Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Kemaman, susulan kekalahan majoriti lebih 27,000 undi pada PRU15.

Ahmad Zahid berkata, BN belum memikirkan calon yang sesuai untuk diletakkan bertanding pada PRK itu, namun akan memastikan ia calon sesuai dengan pengundi kawasan berkenaan serta tokoh yang boleh diterima orang Terengganu.

Dalam PRU15, calon PAS yang mewakili Perikatan Nasional (PN), Che Alias Hamid, memenangi kerusi Parlimen Kemaman dengan majoriti 27,179 undi, selepas memperoleh undi sebanyak 65,714, sekali gus menewaskan Ahmad yang memperoleh undi sebanyak 38,535.

Dua lagi calon yang bertanding ketika itu, Rosli Ab Ghani (PEJUANG) dan Hasuni Sudin (Pakatan Harapan) masing-masing mendapat 506 dan 8,340 undi.

Susulan kekalahan itu, BN memfailkan petisyen terhadap keputusan PRU15 Parlimen Kemaman atas dakwaan berlaku kegiatan rasuah.

Mahkamah Pilihan Raya Terengganu pada 26 September lalu, membatalkan kemenangan Che Alias selepas pihak pempetisyen berjaya membuktikan wujudnya unsur rasuah ketika kempen pilihan raya di kawasan terbabit.

Susulan keputusan mahkamah itu, pada 3 Oktober lalu, PAS memutuskan untuk tidak memfailkan rayuan terhadap keputusan petisyen berkenaan, sebaliknya bersedia menghadapi PRK pada bila-bila masa.

Ahmad Zahid yang juga Presiden UMNO berkata, isu yang sedikit mengganggu fikirannya adalah BN pernah tewas dengan majoriti undi besar di kawasan berkenaan kepada PN, namun menegaskan ia bukan bermaksud BN takut untuk bertanding.

Mengulas lanjut, Ahmad berkata, UMNO Terengganu juga belum berbincang mengenai pemilihan calon yang akan bertanding pada PRK Kemaman.

> Kekalahan deng majoriti bes di Parlimen Kemam pada PRU15 buk disebabkan calc sebaliknya berla unsur rasuah seca berleluasa. Calon ya ditampilkan pada PRU lalu, adalah cal terbaik dan diterir pada peringk akar umbi



*Ahmad S*
*Pengerusi Ba*
*Perhubun*
*UN*
*Terengg*

"Kita menganggarkan, li atau enam nama pimpir UMNO akan dicadangkan ke da Majlis Kerja Tertinggi (MI UMNO berbanding hanya t nama sebelum ini. Berhubi calon yang bertanding kita rahkan kepada pimpinan tinggi UMNO," katanya.

BH - 16/10/23 - Isnin

**BERITA HARIAN**
**16/10/2023**
**(ISNIN)**

# 24 ditauliah Pegawai Integriti Muda

Kuala Terengganu: Seramai 24 Pegawai Kadet Kor Sukarelawan Mahasiswa Antirasuah (SUAR) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Kohort 1/2023 ditauliahkan sebagai Pegawai Integriti Muda (YIO).

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Tan Sri Azam Baki berkata, usahasama pendidikan anti rasuah sama ada secara formal atau tidak formal dalam sektor pendidikan dilihat satu inisiatif utama ditekankan kerajaan merencanakan negara bebas rasuah.

"Saya harap kumpulan pertama kadet ditauliahkan Lembaga Pengiktirafan Pegawai Integriti Bertauliah (LPPIB) ini akan menjadi pemangkin kepada banyak universiti awam menawarkan kursus sama di kampus masing-masing.

"Kadet-kadet ini juga boleh dipertimbangkan bagi pengambilan sebagai Pegawai SPRM dengan syarat mereka melepasi kriteria ditetapkan SPRM dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Tamat Latihan dan Pentauliahan Pegawai Integriti Muda Kadet Kor SUAR di UniSZA Kampus Gong Badak di sini, kelmarin.

Pada majlis berkeaan , Azam menyampaikan Anugerah Akademik Terbaik kepada Nur Athirah Mohamad Zuki, Anugerah Khas Kor SUAR (Nur Fahimah Mohd Shukri Bala Sudaran) dan Anugerah Kadet Keseluruhan Terbaik (Ahmad Amirul Mukhlis Mohd Buhairi).

# Lari untuk sihat



WARGA kerja Kementerian Kewangan mengembalikan tenaga dengan menjamah pisang sejurus tiba garisan penamat Larian Kewangan 2023 sempena Hari Sukan Negara 2023 di Dataran Wawasan, Putrajaya, semalam. Larian Kewangan itu dianjurkan Kelab Perbendaharaan Putrajaya.

**HARIAN METRO**
**16/10/2023**
**(ISNIN)**

# Hidup ikut kemampuan, jangan hampiri rasuah - Sultan Johor

**JOHOR BAHRU -** Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar bertitah mengingatkan penjawat awam di negeri ini daripada peringkat bawahan hingga atasan supaya tidak terbabit dengan rasuah.

Baginda bertitah, penjawat awam perlu hidup dalam kadar kemampuan sendiri dan peringatan itu bagi mengelakkan mereka terjerumus dalam gejala berkenaan.

"Semua penjawat awam hendaklah mengisytiharkan harta setiap tahun kerana ini adalah salah satu cara mencegah pemilikan harta luar biasa.

"Pada masa sama, kerajaan boleh mengkaji gaji segelintir kakitangan awam yang terlalu rendah kerana ini juga boleh menjadi faktor tekanan hidup terutama di bandar besar," titah Sultan Johor kepada Royal Press Office (RPO) pada Ahad.

Sultan Johor bertitah, Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain turut membangkitkan perkara sama yang mana Polis Diraja Malaysia (PDRM) tidak akan berkompromi dengan mana-mana pegawai dan anggota terlibat dengan salah guna kuasa atau perbuatan rasuah.

Titah Sultan Ibrahim lagi, penjawat awam di negeri ini perlu sentiasa menerapkan integriti tinggi yang mampu meningkatkan kepercayaan rakyat terhadap mereka.

"Penjawat awam perlu hidup dalam kemampuan sendiri dan perlu ingat, mana-mana penjawat awam hidup mewah hasil daripada rasuah tidak akan terlepas siasatan pihak berkuasa.

"Anda (penjawat awam) semua diperhatikan. Sudah semestinya mana-mana penjawat awam menjalani gaya hidup mewah melebihi taraf kehidupan yang munasabah menimbulkan tanda tanya," titah baginda.



SULTAN IBRAHIM

**SINAR HARIAN**
**16/10/2023**
**(ISNIN)**

# Dakwaan Hamzah berniat jahat - SPRM

**SHAH ALAM** - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak terbabit dalam tindakan Ahli Parlimen Kuala Kangsar, Datuk Iskandar Dzulkarnain Abdul Khalid yang menyatakan sokongan terhadap Kerajaan Perpaduan, baru-baru ini.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, dakwaan mengatakan pihaknya mempunyai kaitan adalah jelas berniat jahat dan cubaan memburukkan imej pasukannya.

"Kenyataan Ketua Pembangkang, Datuk Seri Hamzah Zainuddin yang mendakwa kita terlibat dalam keputusan Ahli Parlimen Kuala Kangsar itu jelas berniat jahat dan cuba memburukkan imej SPRM.

"Hakikatnya, kami tidak ada kena mengena dengan kenyataan yang dibuatnya," katanya seperti dilaporkan dalam sebuah portal pada Ahad.

Terdahulu, pada Jumaat, Perikatan Nasional (PN) mendakwa tindakan Iskandar Dzulkarnain isytihar menyokong kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana diugut oleh seorang pegawai tertinggi sebuah agensi berkaitan kerajaan.

Hamzah yang juga Setiausaha Agung PN berkata, Iskandar Dzulkarnain dibawa bertemu pegawai terbabit di sebuah hotel di Damansara pada 1 Oktober lalu.

Ujarnya, ahli Parlimen itu diugut akan didakwa atas kesalahan rasuah jika enggan menandatangani kenyataan media yang disediakan lebih awal untuk menyokong kerajaan.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**SINAR HARIAN**
**16/10/2023**
**(ISNIN)**

# Uphold integrity, says Johor Ruler

## Civil servants reminded to be honest in order to build the public's trust

**JOHOR BARU:** Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar has reminded civil servants that they are being observed by the people, and those who flaunt a lavish lifestyle will surely raise questions.

The Johor Ruler said those working in the public service should also declare their assets annually as a way to curb the ownership of "extraordinary properties".

"At the same time, the government can look into the salaries of certain civil servants, which are too low, as this could lead to a stressful life, especially for those living in the cities," His Majesty said on the ruler's social media channels yesterday.

Sultan Ibrahim decreed that all civil servants in Johor should always uphold integrity in order to build the public's trust in them.

"Civil servants should live within their means to avoid getting involved in corruption.

"Anyone from the public sector who lives lavishly as a result of corruption will not escape investigation from the authorities.

"You (civil servants) are being observed. Obviously, any civil servants who flaunt a lifestyle that is beyond reasonable explanations will raise questions," he added.

The Ruler noted that Inspector-General of Police Tan Sri Razarudin Husain also spoke about the same matter recently, making clear that the police force would not compromise if any policeman was involved in abuse of power or corruption.

It was previously reported that Razarudin Husain said the force would not compromise on power abuse "in any way."

While there are policemen involved in crime syndicates and abuse of power cases, he said that it is a small number.

"We need to resolve this and repair our image in the eyes of the public.

"We will repair it and fix our image to gain the trust of the people; that is most important," he said.

Razarudin said this was why he would not compromise if any policeman was involved in abuse of power or corruption, including other disciplinary issues.



**Sound advice:** Johor Ruler Sultan Ibrahim reminding civil servants to live within their means and avoid being involved with corruption.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**THE STAR**
**16/10/2023**
**(ISNIN)**

Kes 1MDB

# SPRM minta dokumen 2 peguam disyaki terbabit rasuah

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memfailkan permohonan untuk mendapatkan dokumen daripada dua peguam yang disyaki terbabit dalam aktiviti penerimaan rasuah dan pengubahan wang haram berkaitan urusan penyelesaian antara kerajaan Malaysia dengan Am-Bank serta Goldman Sachs membabitkan isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

SPRM selaku pemohon memfailkan permohonan di Mahkamah Tinggi di sini pada 11 Oktober lalu dengan menamakan Chetan Jethwani, 46, dan firma guamannya, Chetan Jethwani & Co serta peguam, Rosli Dahlan, 62, dan firma Dahlan Saravana Partnership masing-masing sebagai responden pertama dan kedua.

Menerusi dokumen diperoleh media, SPRM memohon dua responden masing-masing mengemukakan 10 dokumen antaranya surat pelantikan sebagai peguam Goldman Sachs (Chetan) dan 1MDB (Rosli), penyata akaun serta akaun syarikat.

Berdasarkan afidavit dalam kedua-dua permohonan berasingan itu, pegawai penyiasat SPRM, Mohamad Sabri Mohd Latif, berkata siasatan sedang dijalankan terhadap kedua-dua responden di bawah Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009 serta Seksyen 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA).

Pada jam 9 pagi 6 Oktober lalu, Penguasa Kanan SPRM, Muhammad Firdaus Ahmad Sabry dan Mohd Farid Ismail pergi ke dua pejabat firma guaman berkenaan dan memberi penerangan berkaitan kes serta proses siasatan yang memerlukan SPRM melaksanakan pemeriksaan serta penggeledahan untuk mendapatkan dokumen.

"Bagi tujuan itu, dua pegawai berkenaan mengemukakan perintah di bawah Seksyen 31(1) Akta SPRM 2009 (Akta 694) iaitu perintah untuk memeriksa, menggeledah dan menyita.

Kedua-dua responden memberitahu mereka tidak dapat memberikan dokumen diminta kerana tertakluk Seksyen 46 Akta SPRM 2009 bersama Seksyen 126 Akta Keterangan 1950.

"Kedua-dua responden berkeras menyatakan bahawa perintah di bawah Seksyen 31(1) tidak sah dan jika hendak mendapatkan apa-apa dokumen daripada premis guaman mereka, pihak SPRM perlu memohon menggunakan perintah di bawah Seksyen 46 ASPRM 2009 iaitu memohon kepada Mahkamah Tinggi sebelum menggeledah atau ambil apa-apa dokumen di premis mereka walaupun tujuan pemeriksaan dan penggeledahan telah diterangkan," katanya.

Menurut Mohamad Sabri, dokumen diminta SPRM adalah untuk mengenal pasti pelantikan kedua-dua responden sebagai peguam yang bertindak bagi pihak Goldman Sachs (Chetan) dan 1MDB (Rosli) dalam urusan penyelesaian dengan pihak kerajaan Malaysia bagi isu 1MDB.

Dokumen untuk pastikan peranan peguam dalam mengurangkan amaun pampasan.

**BERITA HARIAN**
**17/10/2023**
**(SELASA)**

14 BH - 17/10/23

selasa

# Bekas KP MIROS nafi palsukan dokumen

**Shah Alam:** Bekas Ketua Pengarah (KP) Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) semalam mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini atas empat pertuduhan memalsukan dokumen sebut harga bagi beberapa kenderaan dalam ujian pelanggaran, enam tahun lepas.

Datuk Dr Khairil Anwar Abu Kassim, 47, didakwa memalsukan dokumen sebut harga daripada beberapa syarikat bertujuan bagi pembekalan 16 kereta dari Thailand ke Makmal Ujian Perlanggaran MIROS di Bukit Katil, Ayer Keroh, Melaka, dengan niat supaya dokumen palsu tersebut digunakan untuk menipu.

Tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu di sebuah premis di Taman Kajang Sentral, Kajang, di sini pada 24 Julai 2017.

Pertuduhan mengikut Seksyen 468 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga tujuh tahun dan denda jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Mohamad Fadhly Mohd Zamry menawarkan jaminan RM100,000 dengan seorang penjamin serta syarat tambahan melaporkan diri di pejabat SPRM terdekat pada setiap bulan dan menyerahkan pasport kepada mahkamah.

Peguam Datuk Geethan Ram Vincent yang mewakili tertuduh memohon anak guamnya dibenarkan diikat jamin RM20,000.

Hakim Awang Kerisnada Awang Mahmud membenarkan tertuduh diikat jamin RM50,000 dengan seorang penjamin.

Sebutan semula kes ditetapkan 21 November ini. BERNAMA

BERITA HARIAN
17/10/2023
(SELASA)

# Minta dokumen dari 2 peguam disyaki rasuah

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memfailkan permohonan untuk mendapatkan dokumen daripada dua peguam yang disyaki terbabit dalam aktiviti penerimaan rasuah dan pengubahan wang haram berkaitan urusan penyelesaian antara kerajaan Malaysia dengan Ambank serta Goldman Sachs, membabitkan isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

SPRM selaku pemohon memfailkan permohonan di Mahkamah Tinggi di sini, pada 11 Oktober lalu dengan menamakan Chetan Jethwani, 46, dan firma guamannya, Chetan Jethwani & Co serta peguam, Rosli Dahlan, 62, dan firma, Dahlan Saravana Partnership masing-masing sebagai responden pertama dan kedua.

> "Dokumen itu untuk kendlpasti transaksi penerimaan rasuah"

Menerusi dokumen yang diperoleh media, SPRM memohon dua responden masing-masing mengemukakan 10 dokumen antaranya surat pelantikan sebagai peguam Goldman Sachs (Chetan) dan 1MDB (Rosli), penyata akaun serta akaun syarikat.

Berdasarkan afidavit dalam kedua-dua permohonan berasingan itu, Pegawai Penyiasat SPRM Mohamad Sabri Mohd Latif berkata, siasatan sedang dijalankan terhadap kedua-dua responden di bawah Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009 serta Seksyen 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA).

Beliau berkata, pada jam 9 pagi, 6 Oktober lalu, Penguasa Kanan SPRM Muhammad Firdaus Ahmad Sabry dan Mohd Farid Ismail, masing-masing pergi ke dua pejabat firma guaman berkenaan dan memberi penerangan berkaitan kes serta proses siasatan yang memerlukan pihak SPRM melaksanakan pemeriksaan serta penggeledahan untuk mendapatkan dokumen.

"Bagi tujuan itu, dua pegawai berkenaan mengemukakan perintah di bawah Seksyen 31(1) Akta SPRM 2009 (Akta 694) iaitu perintah untuk memeriksa, menggeledah dan menyita.

Kedua-dua responden memberitahu bahawa mereka tidak dapat memberikan dokumen yang diminta kerana tertakluk kepada Seksyen 46 Akta SPRM 2009 bersama Seksyen 126 Akta Keterangan 1950.

"Kedua-dua responden berkeras menyatakan bahawa perintah di bawah Seksyen 31(1) tidak sah dan jika hendak mendapatkan apa-apa dokumen daripada premis guaman mereka, SPRM perlu memohon menggunakan perintah di bawah Seksyen 46 Akta SPRM 2009 iaitu memohon kepada Mahkamah Tinggi sebelum menggeledah atau mengambil apa-apa dokumen di premis mereka walaupun tujuan pemeriksaan dan penggeledahan telah diterangkan," katanya.

Menurut Mohamad Sabri, dokumen yang diminta SPRM adalah untuk mengenalpasti pelantikan kedua-dua responden sebagai peguam yang bertindak bagi pihak Goldman Sachs (Chetan) dan 1MDB (Rosli) dalam urusan penyelesaian dengan pihak Kerajaan Malaysia bagi isu 1MDB.

"Dokumen ini juga diperlukan bagi mengenal pasti peranan serta tindakan responden yang disyaki bersubahat bersama Goldman Sachs dan pihak berkenaan dalam melaksanakan skim yang mengurangkan amaun pampasan atau aset recovery dalam urusan penyelesaian yang harus dibayar kepada pihak Kerajaan Malaysia.

"Dokumen itu diperlukan untuk mengenalpasti transaksi penerimaan wang rasuah dan aliran wang serta *layering* yang berlaku dari akaun Goldman Sachs ke akaun dua firma guaman berkenaan," katanya.

Pada prosiding sebutan kes membabitkan Chetan di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Muhammad Jamil Hussin semalam, Timbalan Pendakwa Raya SPRM Law Chin How memohon supaya memindahkan kes itu ke Mahkamah Tinggi lain untuk didengar bersama kes membabitkan Rosli.

"Ini kerana, afidavit bersama notis usul itu adalah daripada borang aduan yang sama serta transaksi sama. Permohonan ini (pindah kes) dibuat berdasarkan Seksyen 417 (1)(e) Kanun Tatacara Jenayah, sekiranya permohonan rasmi perlu dilaksanakan, maka pihak kami akan mengemukakan permohonan itu hari ini," kata Law.

Sementara itu, dalam afidavit balasan, Chetan berkata, ada kecacatan prosedur yang jelas dalam usul itu, antaranya pemohon adalah SPRM bukan pendakwa raya.

"Saya mempercayai bahawa pemohon yang tepat adalah pendakwa raya kerana kuasa untuk geledah dan sita yang terdapat di dalam Seksyen 31 Akta SPRM hendaklah dilaksanakan oleh Pendakwa Raya dan atau di bawah kuasa oleh pendakwa raya.

"Akibatnya, sebarang usul di dalam Seksyen 46 Akta SPRM perlu dibuat oleh pendakwa raya.

"Dalam hal ini, saya ambil maklum bahawa usul kepada mahkamah dibuat di bawah Seksyen 17(a), Seksyen 31(1) dan Seksyen 46 Akta SPRM, usul ini tidak dibuat di bawah Seksyen 126 Akta Keterangan 1950 yang mana terpakai untuk maklumat terlindung," katanya.

Menurutnya, dia menegaskan tiada sebarang perjanjian oleh Goldman Sachs untuk membayar AS$9.7 bilion sebaliknya, jumlah penyelesaian yang dipersetujui dan terma pembayaran terdapat di dalam Perjanjian Penyelesaian yang mana ia sulit dan dalam apa jua keadaan dalam milikan kerajaan Malaysia dan pemohon.

"Datuk Mohamad Zamri Zainul Abidin iaitu Pengarah Bahagian Pengubahan Wang Haram (adalah pegawai atasan yang menyoal saya) terbabit secara peribadi dalam rundingan Perjanjian Penyelesaian dan menyelia secara peribadi proses pemulihan aset bagi pihak Kerajaan Malaysia dan terbabit secara peribadi dalam proses rundingan perjanjian antara anak guam dan Kerajaan Malaysia dan pegawai itu boleh semak dengannya," katanya.

**HARIAN METRO**
**17/10/2023**
**(SELASA)**

# Pelbagai strategi diguna cegah rasuah di Sabah



Hajiji (tengah) diiringi Azam (kanan) merasmikan Konvensyen Integriti, Tadbir Urus dan Antirasuah (KITA) 2023 dan Sesi Penyerahan Sijil Tamat Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) di Kota Kibabalu pada Isnin.

**KOTA KINABALU** - Kerjasama antara kerajaan Sabah dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam usaha mencegah kegiatan rasuah di negeri ini terutama di kalangan penjawat awam diteruskan dengan pelbagai kaedah.

Ketua Pengarah SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, kerjasama erat ini tidak terhad kepada program atau aktiviti semata-mata sebaliknya menerusi tindakan berterusan daripada saranan SPRM sendiri kepada kerajaan Sabah.

"Sebagai contoh, saranan SPRM kepada kerajaan Sabah semasa sambutan Hari Antirasuah Antarabangsa Tahun 2021 (HARA) peringkat Sabah supaya Unit Integriti Negeri Sabah (UINS) dinaik taraf sebagai sebuah bahagian telah diambil tindakan segera dan dijenamakan sebagai Bahagian Integriti dan Governans Negeri Sabah (BIGoNS).

"Saya juga dimaklumkan saranan SPRM supaya penubuhan dan fungsi BIGoNS sebagai entiti induk dalam mengawal selia pengurusan governans, integriti dan anti rasuah di pentadbiran negeri diperincikan melalui satu pekeliling juga telah diambil tindakan lanjut melalui Pekeliling Integriti Perkhidmatan Negeri Sabah (PIPANS) Bilangan 1 Tahun 2023 bertarikh 3 Julai 2023," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Konvensyen Integriti, Tadbir Urus dan Antirasuah (KITA) 2023 dan Sesi Penyerahan Sijil Tamat Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) Siri 36 Bilangan Tiga Tahun 2023 kerajaan Sabah, di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC) di sini, pada Isnin.

Tambah Azam lagi, atas saranan pihak SPRM juga Ketua Menteri Datuk Seri Hajiji Noor telah mengeluarkan arahan berhubung Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah (GIA) dalam pentadbiran negeri yang diharap akan menjadi pemangkin kepada pewujudan beberapa arahan Ketua Menteri dan PIPANS yang baharu.

Sementara itu, Hajiji dalam ucapannya menegaskan bahawa kerajaan Sabah komited untuk melaksanakan inisiatif pembudayaan dan pengukuhan integriti dalam perkhidmatan awam negeri.

Menerusi penganjuran KITA 2023 ini, ia akan mendukung pemboleh daya ke arah kecemerlangan sistem pentadbiran negeri yang cekap berlandaskan integriti, akauntabiliti dan ketelusan.

Justeru, katanya, lima strategi utama telah digariskan untuk melaksanakan inisiatif pembudayaan dan pengukuhan integriti berkenaan.

Strategi pertama, katanya, melalui komitmen pengurusan atasan iaitu kepimpinan kerajaan negeri amat menitik beratkan prinsip integriti, akauntabiliti dan ketelusan, yang mana ia dapat dilihat melalui sokongan pengurusan tertinggi dalam memastikan negeri ini melonjak sebagai pelopor, peneraju dan penanda aras dalam pengurusan GIA.

Di bawah strategi kedua, jelas beliau, adalah dengan memantapkan kesedaran mengenai kepentingan penilaian risiko dalam organisasi serta meningkatkan kefahaman dan kesedaran pegawai.

Strategi ketiga pula, memantapkan langkah kawalan bagi membendung risiko dan ancaman isu integriti, rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa manakala keempat pula, keberkesanan pemantauan dan penguatkuasaan dalam memastikan pematuhan oleh setiap pihak berkepentingan dalam organisasi di semua agensi kerajaan negeri.

"Yang terakhir, pemerkasaan latihan dan komunikasi nilai-nilai murni dalam meningkatkan pemahaman dan kemahiran pegawai kerajaan dalam membanteras isu integriti dan rasuah," jelasnya.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**SINAR HARIAN**
**17/10/2023**
**(SELASA)**

# Aman Palestin tuntut penjelasan, bukti

**SHAH ALAM** - Aman Palestin Berhad (Aman Palestin) menuntut penjelasan serta bukti daripada pihak terlibat yang mensabitkan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) itu dengan salah laku, rasuah, penipuan, penyelewengan serta penggelapan wang berkaitan kutipan derma di Perlis.

Pertubuhan berkenaan turut meminta penjelasan daripada pihak Jabatan Mufti Perlis dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Perlis (JAIPs) berkaitan beberapa perkara yang dibangkitkan.

"Adakah surat kebenaran memungut derma khairat daripada JAIPs bertarikh 7 Jun 2023 telah terbatal atau dibatalkan dan apakah yang dimaksudkan dengan 'hal-hal yang tidak jelas dan menimbulkan persoalan' berhubung kutipan Tabung Aman Palestin di Perlis?

"Pihak mana yang telah membuat aduan dan meminta kami disiasat berkaitan wang kutipan dikumpulkan? Adakah terdapat sebarang laporan polis, laporan kepada Jabatan Mufti, JAIPs atau Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Perlis mengenai wang kutipan tersebut?

"Adakah Jabatan Mufti Perlis boleh memberi arahan secara tersirat supaya JAIPs melarang Aman Palestin membuat kutipan di premis agama Islam sehingga siasatan selesai?" soal NGO itu menerusi kenyataan pada Isnin.

Aman Palestin menegaskan, pihaknya tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang demi mempertahankan nama baik, kewibawaan dan integriti daripada fitnah dilemparkan.

"Kami sangat kesal dengan perkembangan ini di saat umat Islam dan rakyat Palestin sedang bergelut dengan kekejaman serta serangan harian bertali arus daripada pihak penjajah Israel.

"Ketika semua kakitangan dan pihak pengurusan Aman Palestin di seluruh negara sedang sibuk dan tidak menang tangan menguruskan bantuan kepada rakyat Palestin, NGO ini terpaksa berhadapan dengan fitnah dan tohmahan tidak bertanggungjawab di kampung halaman sendiri.

"Aman Palestin menyeru supaya umat Islam dan penyumbang tidak terpengaruh dengan sebarang percubaan mengelirukan mengenai khidmat serta aktiviti bantuan kemanusiaan, tetap konsisten menghulurkan bantuan secara ikhlas dan yakin," ujarnya.

**SINAR HARIAN**
**17/10/2023**
**(SELASA)**

# Ex-head of Miros on trial for faking docs

By WANI MUTHIAH
wani@thestar.com.my

SHAH ALAM: A former head of the Malaysian Institute of Road Safety Research (Miros) has been slapped with four counts of falsifying documents for the purpose of cheating.

Former director-general Datuk Dr Khairil Anwar Abu Kassim was charged at the Sessions Court here before judge Awang Kerisnada Awang Mahmud yesterday with faking the documents, which were quotations for the crash test results of several vehicles.

According to the charge sheets, Khairil Anwar, 47, had allegedly falsified documents from four separate companies for 16 cars from Thailand sent to the Miros Crash Test Laboratory in Bukit Katil, Ayer Keroh, Melaka.

He is accused of committing the four offences on July 24, 2017 at Lot 125, Jalan TKS1 in Taman Kajang Sentral, Kajang.

He is accused of forging the documents from Bright Ability Sdn Bhd, Perantice Land Sdn Bhd, Tanjung Nova Sdn Bhd and Winntrack Auto.

The former top civil servant claimed trial to all four charges under Section 468 of the Penal Code, and if found guilty, would be liable to a jail term of seven years and a fine for each charge.

Deputy public prosecutor Mohamad Fadhly Mohd Zamri proposed bail of RM100,000 with one surety as well as for Khairil Anwar to surrender his international passport.

However, his defence counsel Datuk Geethan Ram Vincent asked for bail of RM20,000, saying the accused had fully cooperated with the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC).

The judge allowed bail at RM50,000 and ordered the accused to surrender his passport.

Khairil Anwar posted bail.

The court also set additional conditions including prohibiting him from contacting any of the witnesses, who were mostly from Miros, as well as prohibiting him from accessing any of the office computers or Miros-related documents.

He was also ordered to report to the MACC headquarters in Putrajaya at the beginning of every month.

Awang Kerisnada set Nov 21 for the case to be mentioned.



**Day in court:** Khairil Anwar seen at the Shah Alam Sessions Court where he was charged. – KK SHAM/The Star

THE STAR
17/10/2023
(SELASA)

# Court: Isa Samad to know fate of appeal at later date

**PUTRAJAYA:** Former Felda chairman Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad's appeal against his conviction, six-year jail term and RM15.45mil fine on nine counts of corruption over the authority's purchase of a hotel in Kuching, Sarawak has been heard by the Court of Appeal.

The appellate court has, however, reserved its decision on the appeal.

The three-man Bench comprising Justices Vazeer Alam Mydin Meera, Ahmad Zaidi Ibrahim and SM Komathy Suppiah reserved their decision after they finished hearing submissions from Mohd Isa's counsel Datuk Salehuddin Saidin and deputy public prosecutor Afzainizam Abdul Aziz.

Justice Vazeer, who chaired the panel, said the Court of Appeal registry will inform the prosecution and defence of the decision date, Bernama reported.

Mohd Isa, 74, was found guilty by the High Court on Feb 3, 2021 on the nine charges revolving around the Felda acquisition of Merdeka Palace Hotel & Suites in Kuching, Sarawak.

The offences allegedly took place on the 49th Floor of Menara Felda, Platinum Park, No.11, Persiaran KLCC, Kuala Lumpur between July 21, 2014 and Dec 11, 2015.

High Court judge Justice Mohd Nazlan Mohd Ghazali (now a Court of Appeal judge) handed down a sentence of six years for each offence with a cumulative total of 54 years and a fine of RM15.45mil or 18 years' imprisonment in lieu of the fine.

Mohd Isa was ordered to serve the sentences concurrently, which means he is to serve only six years.

The former Negri Sembilan mentri besar filed a notice of appeal on Feb 4, 2021.

He was also allowed to be released on bail of RM1.5mil pending disposal of his appeal and was also required to report to the nearest police station on the 1st of every month until the appeal is settled.

Yesterday, counsel Salehuddin argued that the trial judge had heavily relied on the testimony of Mohd Isa's former aide Muhammad Zahid Arip whose evidence was contradictory during cross-examination.

He said Muhammad Zahid had once denied during cross-examination that he had asked Sarawak businessman Ikhwan Zaidel about alleged political funds that Mohd Isa was said to have requested through a phone call, whereas Ikhwan, in his statement, stated otherwise.

"So who is the actual party making the request for whom? Is it safe for the court to convict Mohd Isa based on the testimony that is evidently tainted with the personal interests of the two witnesses?" said Salehuddin.

He added that his client should be acquitted and discharged of all the charges as the facts of the case showed there was no evidence that he had received the monies.

He also argued that the High Court judge had misdirected himself on the basic principle of law and had applied the wrong legal principles.

He also said the judge failed to give proper attention to all the evidence before the court and he also did not assess the overall evidence before arriving at a conclusion.

Afzainizam, however, said Mohd Isa intended to get the gratification, and although he (Mohd Isa) did not deal directly with Ikhwan in any of the transactions by which the sum was paid, the gratification was received by him through Muhammad Zahid.

He said the money was handed by Muhammad Zahid to Mohd Isa in a discreet manner.

He said the gratification was paid for fear that Mohd Isa may use his influence to cancel or delay payment for the acquisition of the hotel, adding that Felda's subsidiary Felda Investment Corporation Sdn Bhd had previously rejected a proposal to purchase the hotel.

He said there was evidence from prosecution witnesses including Ikhwan that the sum of money was withdrawn and given to Muhammad Zahid to give Mohd Isa.

The Star - 17/10/23

**THE STAR**
**17/10/2023**
**(SELASA)**

# Kawal selia projek skala besar

## Bagi mengesan dari awal jika berlaku sebarang perbuatan rasuah

Oleh FARHANA ABD KADIR
SHAH ALAM

Kerajaan dicadangkan agar mengawal selia pengurusan dan kewangan projek berskala besar untuk memantau dari awal dan mengelak pihak yang diberikan amanah daripada melakukan perbuatan rasuah sehingga berlakunya ketirisan.

Presiden Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW), Jais Abdul Karim berkata, perkara tersebut perlu segera ditangani demi menjaga dana negara dari diselewengkan.

"Kerajaan perlu benar-benar serius dalam menekankan aspek ketelusan dan akauntabiliti terutama yang melibatkan isu keselamatan negara.

"Penyediaan maklumat mengenai kos, masa dan perkembangan setiap projek perlu telus supaya rakyat atau pemegang saham tahu wang yang disalurkan kepada kerajaan digunakan dengan baik," tegasnya dalam satu kenyataan kepada *Sinar Harian*, baru-baru ini.



JAIS ABDUL KARIM

Pada 6 Oktober lalu, Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC), Datuk Mas Ermieyati Samsudin berkata, laporan Kemajuan Projek Pembinaan Kapal Peronda Generasi Kedua Littoral Combat Ship (LCS) wajar dibentangkan di Parlimen.

Mas Ermieyati berkata, perkara itu adalah susulan jaminan diberikan Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Abdul bahawa laporan berkenaan akan dibahas dalam persidangan Parlimen akan datang.

Mengulas lanjut, menurut Jais, semua perjanjian kontrak dengan syarikat perlu dirujuk dan disemak oleh Jabatan Peguam Negara (AGC) bagi memastikan mereka patuh kepada undang-undang.

Tambah beliau, kawalan dan pemantauan perlu dipertingkat untuk memastikan setiap projek berskala besar milik kerajaan diselesaikan dalam masa yang ditetapkan.

"Pihak kami mendesak agar semua perjanjian kontrak dengan syarikat perlu dirujuk dan disemak oleh AGC bagi memastikan tiada pihak melakukan penyelewengan serta perlu patuh dengan undang-undang sedia ada," jelasnya.

**10 BERITA *SINAR HARIAN* PALING TRENDING**

1. BUDAK ENAM TAHUN DITEMUI MATI DALAM MESIN BASUH
2. 'BERAT TUDUHAN ITU...' - SABRI YUNUS ULAS ISU PERNIKAHAN TIDAK SAH
3. TESLA DIPARKIR TIBA-TIBA TERBAKAR DI PUCHONG
4. LELAKI PRO-ISRAEL BUNUH KANAK-KANAK ISLAM
5. LAMBAKAN PENIAGA WARGA ASING, SALAH SIAPA?

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**SINAR HARIAN**
**18/10/2023**
**(RABU)**

# Perbuatan rasuah adalah salah satu penyakit hati

**SHAH ALAM** – Perbuatan mengambil dan menerima rasuah merupakan salah satu masalah dalaman yang melibatkan kalbu iaitu penyakit hati seseorang individu.

Setiausaha Majlis Dakwah Negara (MDN) Kedah, Fuad Ashari berkata, terdapat satu daging dalam badan manusia disebut hati akan mendorong tindakan dan perbuatan yang dipilih sama ada ke arah kebaikan atau keburukan.

"Saya seorang pesara perkhidmatan awam dan telah berkhidmat kira-kira 36 tahun serta pernah terlibat menguruskan bahagian rasuah ini.

"Jadi, saya melihat dengan jelas perkara ini, walaupun seseorang individu berjawatan besar dan mempunyai pendapatan bulanan yang tinggi, mereka masih terlibat dengan perbuatan rasuah tersebut.

"Ini membuktikan ia tidak mengira pangkat dan usia untuk terlibat. Apabila hati kotor, semua percakapan serta perbuatan akan ikut menjadi buruk, namun sebaliknya akan berlaku jika dibiarkan bersih," katanya kepada *Sinar Harian*.

Berdasarkan laporan *Sinar Harian* pada Jumaat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedang menyiasat beberapa individu kerana disyaki terlibat dalam rasuah dan pengubahan wang haram semasa usaha pemulihan aset 1Malaysia Development Bhd (1MDB) oleh kerajaan.

Menurut sumber SPRM, seorang daripada mereka merupakan peguam didakwa menerima sejumlah wang dikatakan dilabur dalam sebuah syarikat pelaburan tidak berlesen yang pernah diambil tindakan oleh Bank Negara Malaysia (BNM).

Tambah Fuad, salah satu cara untuk mentarbiahkan masyarakat mengenai rasuah adalah dengan memantapkan pendidikan agama sejak kecil.

"Pemantapan agama yang kukuh dapat membantu orang ramai dari terlibat dengan rasuah.

"Kerajaan juga perlu menyelit satu mata pelajaran berkenaan bahaya perbuatan tersebut kepada diri, keluarga, dan negara," katanya.

**SINAR HARIAN**
**18/10/2023**
**(RABU)**

# PNSB nikmati potongan cukai anjur program anti rasuah



Raja Ahmad Shahrir (dua dari kanan) menyampaikan bantuan makanan kepada penduduk kurang kemampuan dalam Program Pendidikan Anti Rasuah yang dirasmikan oleh Alias (kanan) di Kampung Kuala Pangsun, Hulu Langat, pada Sabtu.

**HULU LANGAT** - Permodalan Negeri Selangor Bhd (PNSB) menjadi syarikat pertama di Selangor mendapat inisiatif potongan cukai pendapatan melalui pelaksanaan program pendidikan anti rasuah oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Unit Pendidikan Masyarakat SPRM Negeri Selangor memberitahu, PNSB melaksanakan program itu dengan kerjasama suruhanjaya berkenaan serta Pemerbadanan Menteri Besar (MBI) Selangor.

"Melalui program ini, PNSB layak menuntut potongan cukai mengikut Seksyen 34(6)(h) Akta Cukai Pendapatan 1967," kata kenyataan itu pada Isnin.

Menurut kenyataan itu, SPRM menggalakkan syarikat korporat atau swasta menyahut inisiatif serupa bagi mendapatkan potongan cukai.

Kenyataan itu memaklumkan, program menerusi Perkhemahan Angkatan Mahasiswa Anti Rasuah (AMAR) Negeri Selangor yang diadakan di Kampung Kuala Pangsun, Hulu Langat itu bertujuan menyampaikan mesej anti rasuah.

Program yang dirasmikan oleh Pengarah SPRM Selangor, Datuk Alias Salim itu turut dihadiri Ketua Pegawai Eksekutif PNSB, Raja Ahmad Shahrir Iskandar Raja Salim, para penduduk kampung berkenaan dan 30 mahasiswa dari pelbagai institusi pengajian tinggi.

"Pelbagai aktiviti dilaksanakan seperti gotong royong sekitar balai raya, masjid dan Sungai Pangsun dalam menghargai alam sekitar," jelas kenyataan itu.

Selain itu, PNSB melalui tanggungjawab sosial korporatnya turut menyumbangkan 40 bakul integriti iaitu bantuan makanan asas kepada para penerima terpilih di kawasan tersebut bagi meringankan beban komuniti kurang berkemampuan.

**SINAR HARIAN**
**18/10/2023**
**(RABU)**

KEMUKA PENYATA AKAUN BANK PALSU

# Guru sambilan direman 4 hari

Shah Alam: Seorang guru sambilan direman empat hari bermula semalam bagi membantu siasatan untuk kesalahan menyediakan dokumen penyata akaun bank yang mengandungi butir matan palsu.

Perintah reman sehingga 22 Oktober itu dikeluarkan Majistret Sasha Diana Sabtu selepas permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Majistret di sini semalam.

Suspek ditahan jam 7.10 petang kelmarin ketika hadir memberi keterangan di Pejabat SPRM Selangor.

Kelmarin, SPRM Selangor menahan reman seorang pengarah syarikat selama empat hari bagi membantu siasatan mengemukakan penyata akaun bank mengandungi butir matan palsu, empat tahun lalu.

Siasatan mendapati suspek dipercayai bersubahat dengan pengarah syarikat itu menyediakan dokumen penyata bank mengandungi butir matan palsu bagi memenuhi syarat penilaian kewangan ketika menyertai perolehan secara sebut harga pada 2019 melibatkan kerja perkhidmatan pembersihan dan penyelenggaraan landskap sebuah bangunan berjumlah lebih RM170,000.

Sementara itu, Pengarah SPRM Selangor, Datuk Alias Salim mengesahkan dan kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

**Suspek ditahan ketika hadir memberi keterangan di Pejabat SPRM Selangor**




SEORANG guru sambilan direman bagi membantu siasatan kes menyediakan dokumen penyata akaun bank yang mengandungi butir matan palsu.

**HARIAN METRO**
**20/10/2023**
**(JUMAAT)**

# Guru sambilan palsukan penyata akaun direman

**SHAH ALAM** - Seorang guru sambilan direman empat hari bagi membantu siasatan berkaitan kes menyediakan dokumen penyata akaun bank mengandungi butir matan palsu.

Perintah tahanan sehingga Ahad dikeluarkan Majistret Sasha Diana Sabtu selepas permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Majistret, di sini, pada Khamis.

Suspek ditahan jam 7.10 petang, pada Rabu ketika hadir memberi keterangan di Pejabat SPRM Selangor.

Media sebelum ini melaporkan SPRM Selangor menahan reman seorang pengarah syarikat selama empat hari bagi membantu siasatan.

Difahamkan, dokumen dipalsukan itu bagi memenuhi syarat penilaian kewangan ketika menyertai perolehan secara sebut harga berjumlah lebih RM170,000.

Sementara itu, Pengarah SPRM Selangor, Datuk Alias Salim ketika dihubungi, mengesahkan perkara itu dan kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Sinar Harian - 20/10/23 - Jumaat

**SINAR HARIAN**
**20/10/2023**
**(JUMAAT)**

# Guru besar tidak mengaku rasuah

**KOTA BHARU** - Seorang guru besar dihadapkan di Mahkamah Sesyen, di sini, pada Khamis atas 10 pertuduhan menerima rasuah RM3,932.30 pada 2021 dan tahun lalu.

Tertuduh, Zallani Harun, 56, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Dazuki Ali.

Mengikut pertuduhan, tertuduh menggunakan jawatan untuk mendapatkan suapan bagi memilih syarikat milik isterinya untuk membekalkan barangan sekolah dan pejabat.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di sebuah sekolah antara 10 Januari 2021 hingga 2 Julai tahun lalu.

Sehubungan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama.

Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Tengku Nurul Haziqah Tuan Yacob mencadangkan jaminan RM10,000 untuk semua pertuduhan.

Namun, tertuduh merayu mahkamah mengurangkan jumlah jaminan.

Tertuduh dibenar diikat jamin RM5,000 dan mahkamah menetapkan 20 November depan sebagai tarikh sebutan semula dan lantikan peguam.

**SINAR HARIAN**
**20/10/2023**
**(JUMAAT)**

# Guru besar dituduh guna jawatan terima suapan RM8,000

**Kota Bharu:** Guru besar sebuah sekolah didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini semalam, atas 10 pertuduhan menggunakan jawatan untuk mendapat suapan RM8,032.30, antara Januari 2021 hingga Julai tahun lalu.

Zailani Harun, 56, didakwa di hadapan Hakim Dazuki Ali mengikut Seksyen 23 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009, namun mengaku tidak bersalah.

Dia dituduh menggunakan jawatan untuk mendapat suapan dengan memilih syarikat milik isterinya bagi pesanan berhubung pembekalan peralatan sekolah, termasuk untuk pejabat sekolah pada nilai antara RM290 hingga RM1,026 dan keseluruhannya RM8,032.30.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di sebuah sekolah di Tanah Merah, di sini, antara 10 Januari 2021 hingga 5 Julai 2022.

Tertuduh boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta sama yang jika sabit kesalahan, boleh dipenjara maksimum 20 tahun dan denda lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mana yang lebih tinggi.

Pendakwaan kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Tengku Nurul Haziqah Tuan Yacob, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

**BERITA HARIAN**
**20/10/2023**
**(JUMAAT)**

# Penolong pegawai perubatan mengaku tidak salah terima suapan

RASUAH BUSTERS

**KUANTAN-** Seorang Penolong Pegawai Perubatan Unit Forensik Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (HoSHAH) Temerloh dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini pada Khamis atas 12 tuduhan menerima suapan berkaitan kerja-kerja pengurusan jenazah.

Tertuduh, Moh Roffi Ab Rahman, 57, bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan terhadap semua pertuduhan dikemukakan Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Kamariah Seman di hadapan Hakim Datuk Ahmad Zamzani Mohd Zain.

Berdasarkan kertas pertuduhan, tertuduh didakwa menerima wang tunai antara RM100 hingga RM800 tanpa balasan daripada dua individu dipercayai ejen pengurusan jenazah yang mempunyai hubungan dengan tugas rasminya berkaitan kerja-kerja pengurusan jenazah di hospital itu.

Tertuduh didakwa menerima bayaran dengan jumlah keseluruhan RM3,350 itu antara April 2021 hingga Mac 2022 melalui transaksi dalam talian di sebuah cawangan bank di Bandar Jengka, Maran.



Tertuduh di Mahkamah Sesyen Kuantan pada Khamis.

Sementara itu, Peguam Shahidah Muslimah Roslan yang mewakili tertuduh dalam rayuannya merayu kepada mahkamah agar anak guamnya dikenakan jaminan yang rendah.

Alasannya, tertuduh yang telah berkhidmat selama 31 tahun sebagai penjawat awam terpaksa menanggung keluarga dengan gaji bersih RM2,500 sebulan dan dua orang anak menghidap penyakit jantung dan kanser.

Ahmad Zamzani kemudian mengenakan wang jaminan RM7,000 dan menatapkan 27 November depan sebagai tarikh sebutan semula kes tersebut.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**SINAR HARIAN**
**20/10/2023**
**(JUMAAT)**



*SPRM menahan reman presiden persatuan penternakan yang didakwa beri suapan kepada pegawai kementerian di Kuala Lumpur, semalam.* (Foto ihsan SPRM)

# Disyaki beri suapan RM17,000 kepada pegawai kementerian

**Presiden persatuan penternakan direman kes minta cepatkan tuntutan subsidi ayam, telur RM600j**

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan reman seorang presiden persatuan penternakan yang dipercayai memberi suapan kira-kira RM17,000 kepada pegawai di sebuah kementerian bagi mempercepatkan bayaran tuntutan subsidi ayam dan telur.

Perintah reman selama tiga hari berakhir esok itu dibuat Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin, selepas SPRM mengemukakan permohonan reman di Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam.

**Ditahan bersama pekerja**

Suspek yang juga pengarah syarikat berusia lingkungan 40-an sebelum itu ditahan bersama pekerja lelaki yang berusia lingkungan 30-an, ketika mereka hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya, petang kelmarin.

Bagaimanapun, pekerja lelakinya itu dilepaskan dengan jaminan SPRM.

*BH* difahamkan, presiden persatuan penternakan di Subang Jaya itu dipercayai melakukan perbuatan rasuah berkenaan bagi menyegerakan tuntutan subsidi ayam dan telur berjumlah kira-kira RM600 juta yang diberi kepada lebih 300 syarikat penternakan ladang ayam pedaging dan ayam penelur sejak Mei lalu di seluruh negara.

Bayaran subsidi bagi tempoh lima bulan iaitu sejak Mei lalu dikatakan sudah dilunaskan kerajaan.

Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim yang mengesahkan penahanan itu berkata, kes terbabit disiasat mengikut Seksyen 17(b) Akta SPRM 2009.

**BERITA HARIAN**
**21/10/2023**
**(SABTU)**

# Bekas hakim, usahawan tetap gagal dapatkan RM182,100 dirampas SPRM

**Putrajaya:** Seorang bekas hakim dan seorang ahli perniagaan sekali lagi gagal dalam rayuan mereka untuk mendapatkan semula wang RM182,100 yang dirampas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) empat tahun lalu.

Ini berikutan panel tiga Hakim Mahkamah Rayuan diketuai Datuk Vazeer Alam Mydin Meera menolak rayuan Azmil Muntapha Abas, 49, dan Leong Peng Woon, 68, selaku perayu dan mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi Shah Alam yang menolak rayuan mereka untuk mendapatkan semula wang berkenaan.

Vazeer Alam yang bersidang bersama-sama Datuk Ahmad Zaidi Ibrahim dan Datuk SM Komathy Suppiah, dalam keputusan sebulat suara berkata, tiada kekhilafan dalam keputusan Mahkamah Tinggi dan responden (pendakwa raya) sudah membuktikan permohonan untuk melucut hak wang itu adalah mengikut undang-undang.

"Kami juga berpuas hati bahawa tuntutan kedua-dua perayu juga dipertimbangkan oleh kedua-dua mahkamah (Mahkamah Tinggi dan Sesyen) dan keputusan dicapai oleh mahkamah itu berlandaskan kepada fakta serta undang-undang yang betul.

"Jadi, rayuan kedua-dua perayu ditolak," katanya.

SPRM memohon untuk melucut hak wang tunai berjumlah RM182,100 kepada kerajaan selepas ia disita daripada Azmil Muntapha yang ketika itu Hakim Mahkamah Sesyen Kuala Kubu Bharu, di pejabatnya pada 22 dan 26 Julai 2019.

Wang itu didakwa diperoleh daripada Peng Woon, seorang kontraktor melalui pinjaman berjumlah RM200,000 bagi membeli sebuah rumah lelong di Hulu Selangor.

Pada 23 November 2021, Hakim Mahkamah Sesyen Shah Alam, Rozilah Salleh membenarkan permohonan pihak pendakwaan untuk melucut hak wang itu.

Azmil Muntapha dan Peng Woon merayu keputusan itu di Mahkamah Tinggi, tetapi ditolak pada 10 April lalu.

Terdahulu, peguam Awang Armadajaya Awang Mahmud mewakili kedua-dua lelaki itu berhujah wang RM182,100 tidak boleh diambil sewenang-wenangnya, sebaliknya hanya boleh dilucut hak jika perayu gagal membuktikan ia digunakan atas 'pembelian suci'.

"Wang itu bukan berkaitan urusan rasmi, sebaliknya hasil daripada pinjaman persahabatan bertujuan membeli rumah di Hulu Selangor. Wang itu tiada kaitan dengan kesalahan rasuah yang dipertuduhkan terhadap perayu pertama (Azmil Muntapha) iaitu menerima wang RM5,000," katanya.

Sementara itu, Timbalan Pendakwa Raya, Fauziah Daud berkata, afidavit pegawai penyiasat menyatakan wang dirampas berkaitan kesalahan mengikut Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009 iaitu memperoleh suapan daripada seorang ejen.

"Perayu pertama menyatakan wang itu dipinjam daripada perayu kedua (Peng Woon), sedangkan wang berkenaan ditemukan di tempat yang sangat disangsikan iaitu dalam kamar dan tempat duduk hakim. Jadi, kami berpuas hati bahawa siasatan SPRM mendapati wang itu adalah daripada sumber haram," katanya.

Pada 19 Oktober 2022, Azmil Muntapha dihukum penjara enam bulan dan didenda RM25,000 oleh Mahkamah Sesyen Shah Alam selepas didapati bersalah atas pertuduhan terima rasuah RM5,000 berhubung prosiding mahkamah.

Azmil Muntapha merayu keputusan itu di Mahkamah Tinggi Shah Alam dan mahkamah mengurangkan hukuman iaitu penjara sehari dan denda RM12,000.

BERNAMA

BH - 21/10/23 - SABTU

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**BERITA HARIAN**
**21/10/2023**
**(SABTU)**

# Tambah hukuman penjara pelaku rasuah



MOHD SYAHIR

**SHAH ALAM** - Kerajaan perlu meneliti semula hukuman terhadap pelaku rasuah dengan menambah tempoh hukuman penjara melebihi 20 tahun.

Ahli Majlis Tertinggi Rasuah Busters Kedah, Mohd Syahir Ismail berkata, tindakan tegas itu perlu dilakukan susulan hukuman penjara sedia ada belum cukup untuk memberi keinsafan kepada pesalah.

"Ia boleh dilaksanakan daripada kes yang kecil sehingga besar. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pula tidak boleh berat sebelah walaupun ia melibatkan orang kenamaan.

"Rakyat yang tidak terlibat juga akan berasa takut atau dijadikan pengajaran jika tindakan tersebut dilakukan ke atas pesalah," katanya kepada *Sinar Harian* pada Khamis.

*Sinar Harian* pada 14 Julai lalu melaporkan hukuman penjara bagi kes rasuah terutamanya melibatkan golongan elit perlu dikenakan dengan lebih lama kerana kumpulan berkenaan mempunyai wang yang cukup untuk mengupah peguam handal bagi membela dan membebaskan pertuduhan tersebut.

**SINAR HARIAN**
**21/10/2023**
**(SABTU)**

RASUAH PEGAWAI KERAJAAN

# Pengarah syarikat ditahan SPRM

**Kuala Lumpur:** Seorang pengarah syarikat yang dipercayai merasuah pegawai kerajaan kira-kira RM17,000 bagi mempercepatkan bayaran tuntutan subsidi ayam dan telur ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), kelmarin.

Sumber berkata, suspek yang juga presiden sebuah persatuan berkaitan penternakan di Subang Jaya itu ditahan jam 6.30 petang ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya.

Menurutnya, suspek berusia 40-an itu ditahan bersama seorang pekerjanya berusia 30-an.

"Dia dikatakan memberi suapan RM17,000 kepada pegawai di sebuah kementerian bagi mempercepatkan bayaran tuntutan subsidi ayam dan telur, sejak Mei lalu.

"Bagi tempoh lima bulan, bayaran subsidi yang dilunaskan berjumlah RM600 juta membabitkan lebih 300 syarikat penternakan ladang ayam pedaging dan ayam penelur di seluruh negara," katanya.

Katanya, SPRM mendapat perintah reman suspek selama tiga hari oleh Mahkamah Majistret Putrajaya, sehingga Ahad ini.

Bagaimanapun seorang lagi suspek dilepaskan dengan jaminan SPRM.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM Datuk Seri Hishamuddin Hashim mengesahkan penahanan itu dan berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 17(b) Akta SPRM 2009.

Harian Metro - 21/10/23 - Sabtu

**HARIAN METRO**
**21/10/2023**
**(SABTU)**

BANDARAYA JOHOR BAHRU

# Pemilik syarikat didakwa buat tuntutan palsu RM18,000

**Kota Kinabalu:** Pemilik syarikat ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) disyaki kemuka tuntutan palsu set pembekalan peralatan penyelaman berjumlah hampir RM18,000 malam kelmarin.

Pemilik syarikat berusia lingkungan 40 tahun itu ditahan jam 11 malam ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Sabah.

Menurut sumber, lelaki itu dipercayai membuat tuntutan palsu berkaitan set pembekalan peralatan penyelaman pada 2019.

"Jumlah tuntutan kira-kira RM18,000, sedangkan tiada pembekalan dibuat kepada sebuah lembaga pemegang amanah di Sabah," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Sabah, Datuk S Karunanithy ketika dihubungi mengesahkan tangkapan berkenaan.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Metro Ahad - 22/10/23

**METRO AHAD**
**22/10/2023**
**(AHAD)**




**BERITA HARIAN**
**22/10/2023**
**(AHAD)**

# Usaha bersepadu perangi rasuah tingkat skor CPI



**BERITA HARIAN**
**22/10/2023**
**(AHAD)**



# Derma, guna proksi antara taktik ubah wang haram

## Transaksi melalui medium baharu perdagangan rumitkan usaha bawa balik wang

Eksklusif

Oleh Ilah Hafiz Aziz
ilahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Derma kepada badan amal, sembunyi kekayaan atas nama proksi serta pembiayaan politik, dikenal pasti menjadi di antara modus operandi jenayah penggubahan wang haram yang semakin aktif berlaku di negara ini.

Jenayah itu dikesan membabitkan jumlah kewangan yang amat besar dan digunakan untuk menjana jumlah kekayaan serta pendapatan yang lebih tinggi.

Ketika mendedahkan situasi itu, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki, berkata modus operandi pengubahan wang haram kini menjadi semakin hebat, selari perkembangan semasa dunia.

Beliau berkata, dalang kes itu juga akan beroperasi secara sindiket dan menjana keuntungan hasil daripada pengubahan wang haram iaitu melalui syarikat berdaftar atas nama proksi untuk menyembunyikan kekayaan mereka.

"Penggubahan wang haram dilakukan melalui urus niaga kewangan yang kelihatan sah manakala keuntungannya dibelanjakan atau digunakan untuk menjana lebih banyak pendapatan.

"Ia juga didermakan kepada badan amal atau sebagai bayaran untuk perkhidmatan sah yang diberikan atau untuk tujuan pembiayaan politik," katanya dalam wawancara khas bersama *BH* di sini, baru-baru ini.

### Teliti isytihar aset, kekayaan

Mengulas lanjut, Azam berkata, SPRM mengesan medium baharu untuk menggubah wang haram itu antaranya menggunakan mata wang kripto, perdagangan bawah tanah, institusi kewangan rentas sempadan serta perkhidmatan kewangan luar pesisir.

Katanya, kerumitan dan kecairan pengubahan wang haram menjadikan usaha membawa balik wang oleh agensi penguat kuasa negara menjadi lebih kompleks dan mencabar.

Bagaimanapun, Azam berkata, antara strategi utama yang dilaksanakan oleh SPRM dalam menangani isu penggubahan wang haram ketika ini adalah menerusi penelitian pengisytiharan aset dan kekayaan pihak tertentu.

"Penelitian menyeluruh terhadap pengisytiharan aset dan kekayaan yang secara tidak sengaja, mewujudkan persekitaran lebih telus yang tidak menggalakkan amalan rasuah.

"Strategi ini bukan sahaja bertindak sebagai penghalang, tetapi menyediakan asas untuk menyiasat sebarang kekayaan yang tidak dapat dijelaskan, dengan itu memudahkan pengenalpastian keuntungan yang diperoleh secara haram," katanya.

Azam menjelaskan, pendekatan penyiasatan SPRM dalam membanteras jenayah penggubahan wang haram turut dibantu dengan risikan dan teknik analisis berdasarkan data.

"Antara sumber data utama adalah daripada institusi pelapor seperti dinyatakan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan Dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001.

"Ini membolehkan SPRM menyelidik kes yang rumit dengan lebih mendalam, mendedahkan rangkaian tersembunyi dan rumit.

"Malah, dengan memanfaatkan alat dan metodologi termaju, kami boleh mengumpul bukti dengan cekap dan membina kes yang kukuh terhadap mereka yang terbabit dalam aktiviti rasuah," katanya.

**BERITA HARIAN**
**22/10/2023**
**(AHAD)**

# Pemilik syarikat disyaki terbabit kes tuntutan palsu RM18,000

**Kota Kinabalu:** Seorang pemilik sebuah syarikat ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki mengemukakan tuntutan palsu berkaitan set pembekalan peralatan penyelaman berjumlah hampir RM18,000, malam kelmarin.

Suspek berusia lingkungan 40 tahun itu ditahan kira-kira jam 11 malam ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Sabah.

Menurut sumber, suspek lelaki itu dipercayai membuat tuntutan palsu berkaitan set pembekalan peralatan penyelaman pada 2019.

"Jumlah tuntutan kira-kira RM18,000, sedangkan tiada pembekalan dibuat kepada sebuah lembaga pemegang amanah di Sabah," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Sabah, Datuk S Karunanithy ketika dihubungi mengesahkan tangkapan tangkapan itu dan berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

**BERITA HARIAN**
**22/10/2023**
**(AHAD)**



SISTEM JARIS ... (Anti-Corruption Plan (ACP))

JAWATANKUASA ANTI RASUAH (JAR)

# SBA TINGKAT INTEGRITI DI PINTU MASUK

Apakah peranan utama Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) dalam usaha membanteras rasuah?

Apakah antara kejayaan JAR?

Bagaimana pula keanggotaan JAR?

Apakah usaha terkini BUTSA untuk memantapkan fungsi dan peranan JAR?

Apakah kelebihan JARIS?

"Sistem pentadbiran lebih bersih, telus, efektif dan terbuka jadi agenda utama melalui tindakan cegah seleweng dan ketirisan dana kerajaan demi kebajikan rakyat"

**METRO AHAD**
**22/10/2023**
**(AHAD)**



# Kerjasama rentas kementerian, kerajaan negeri banteras rasuah

- Jawatankuasa Antirasuah (JAR) ditubuh untuk meningkatkan kecekapan dan ketelusan tata kelola pengurusan serta pentadbiran kerajaan Persekutuan, negeri dan agensi ke arah negara bebas rasuah

- Sistem pentadbiran lebih bersih, telus, efektif dan terbuka menjadi agenda utama melalui tindakan mencegah penyelewengan serta ketirisan dana kerajaan demi kebajikan rakyat dan kepentingan negara

**BERITA HARIAN**
**23/10/2023**
**(ISNIN)**

## 3 wanita disyaki terima rasuah bantu calon ujian lesen memandu

**JOHOR BAHRU** - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) negeri ini menahan tiga wanita pada Ahad, dipercayai menerima rasuah membantu calon ujian berkomputer lesen memandu untuk lulus, tahun ini.

Menurut sumber, dua daripada wanita itu bekerja sebagai pegawai khidmat pelanggan di Rangkaian Interaktif Laman Elektronik Kerajaan (RILEK) Cawangan Kota Tinggi dan seorang lagi bekerja sebagai kerani di sebuah pusat lesen memandu.

Tambah sumber, ketiga-tiga wanita berusia 23 hingga 34 tahun itu ditahan di Pejabat SPRM Negeri Johor kira-kira jam 9 malam Ahad, selepas satu operasi yang dijalankan, hasil kerjasama sebuah syarikat konsesi untuk aplikasi utama kerajaan elektronik Malaysia.

Difahamkan, kesemua suspek menerima wang berkenaan daripada calon-calon peserta yang menghadiri ujian Bahagian 1 Berkomputer Lesen Memandu untuk membantu mereka lulus dalam ujian tersebut.

"Siasatan kini masih dijalankan, dijangka akan ada penahanan lain bagi membantu siasatan," kata sumber itu pada Isnin.

Ketiga-tiga mereka akan dilepaskan dengan jaminan SPRM, kata sumber tersebut.

Sementara itu, Pengarah SPRM Johor, Datuk Azmi Alias ketika dihubungi mengesahkan penahanan terbabit dan memberitahu, kes disiasat di bawah Seksyen 16 (a)(A) Akta SPRM 2009.- *Bernama*

## Jelaskan secara telus jika timbul keraguan

**SHAH ALAM** - Pengurusan masjid disaran meningkatkan keberkesanan komunikasi dengan menjelaskan secara telus ketika timbulnya sebarang keraguan dalam kalangan kariah.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Seri Norazlan Mohd Razali berkata, ia bagi mengelak daripada berlakunya sebarang tanggapan buruk dan fitnah.

Beliau berkata, masjid perlu dipelihara dengan sebaiknya dan untuk itu pengurusan masjid perlu efisien dalam aspek penyampaian terhadap kariah masing-masing.

"Untuk elak perkara ini (fitnah dan prasangka) timbul, pihak pengurusan dan jawatankuasa masjid disaran supaya memastikan kewangan masjid diurus dengan baik.

"Ini bermaksud kewangan diuruskan mengikut tata kelola, garis panduan dan peraturan serta ditadbirkan secara beramanah, telus, adil dan beretika," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan dalam Program Pembanterasan Rasuah Komuniti Masjid Bersama Persatuan Ulama Malaysia (PUM) dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) di Masjid Wilayah Persekutuan di sini pada Ahad.

Turut hadir, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Hakimah Mohd Yusoff; Pengarah SPRM Kuala Lumpur, Datuk Muhamad Fauzi Husin@ Che Mamat dan Pengarah Jawi, Datuk Mohd Ajib Ismail.



Mohd Aizul (tengah) menyerahkan Ikrar Bebas Rasuah (IBR) kepada Hakimah sambil disaksikan Norazlan (dua, kanan), Muhamad Fauzi (kanan) dan Mohd Ajib (kiri).

Hakimah yang membaca ucapan perasmian Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Nai'm Mokhtar berkata, pengurusan kewangan adalah perkara penting yang perlu diberikan perhatian oleh pentadbir masjid.

"Selain mengimarahkan masjid, aspek integriti dan tata kelola pengurusan kewangan juga menjadi perkara penting yang mesti diberikan perhatian oleh pentadbir masjid dan surau.

"Aspek integriti pengurusan dan tata kelola kewangan masjid mesti berada pada tahap paling memuaskan," katanya.

Pada penghujung program, berlangsung lafaz Ikrar Bebas Rasuah (IBR) Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau Jumaat di Wilayah Persekutuan dipimpin oleh Pengerusi Masjid Zaid Harisah, Mohd Aizul Adnan sambil disaksikan Muhamad Fauzi.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**SINAR HARIAN**
**24/10/2023**
**(SELASA)**

# Ujian psikometrik perlu dilaksana secara berkala

Sebagai panduan kepada pihak berkuasa untuk kesan penjawat awam terlibat rasuah

**Oleh QURRATUL'AINA QUDDUS**
SHAH ALAM



MOHAMMAD AMAR

"Tindakan awal boleh dilakukan selepas mengetahui keputusan ujian psikometrik supaya rasuah dapat dibendung."

Kerajaan disaran menjalankan ujian psikometrik secara berkala terhadap para pegawai sektor awam bagi mengesan kecenderungan yang menjerumus kepada penglibatan rasuah.

Presiden Pertubuhan Pemuda Gema Malaysia (GEMA) Selangor, Mohammad Amar Masuri berkata, ujian tersebut adalah untuk memastikan keperibadian mereka yang menjadi penanda aras nilai murni dalam diri.

"Ujian ini sebagai bimbingan dan panduan kepada pihak berkuasa jika individu berkenaan terlibat dengan rasuah.

"Tindakan awal boleh dilakukan selepas mengetahui keputusan ujian psikometrik supaya gejala rasuah dapat dibendung," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai seorang pegawai kerajaan di sebuah kementerian ditahan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Putrajaya pada Rabu setelah disyaki menerima kira-kira RM40,000 sebagai balasan untuk mempercepatkan proses tuntutan bayaran syarikat kontraktor.

Selain itu, tambah Mohammad Amar, apabila individu berada di posisi atasan seperti pegawai di kementerian, maka sangat mudah untuk mereka terjebak dengan penyelewengan serta salah guna kuasa.

Jelasnya, ia juga termasuk pujukan dan tawaran lumayan yang sering diminta daripada pihak pemberi rasuah sehingga menyebabkan pegawai kerajaan terjerumus dalam perbuatan keji itu.

"Apabila rasuah sudah termasuk dalam kiraan pendapatan untuk dibelanjakan setiap bulan, maka ia lebih susah ditinggalkan," ujarnya.

**SINAR HARIAN**
**24/10/2023**
**(SELASA)**

# Jaga amanah duit masjid!

***SPRM buka 15 Kertas Penyiasatan Tatakelola babit institusi keagamaan Islam di Malaysia***

Semua Jawatankuasa Kariah Masjid perlu memastikan sumber kewangan yang dimiliki diuruskan dengan penuh amanah dan berintegriti, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar.

Beliau berkata, setiap sumber kewangan dimiliki masjid dan surau merupakan amanah orang awam terutamanya anak kariah menerusi hasil sumbangan dana dan derma.

"Ia mesti dibelanja dan diuruskan mengikut peraturan dan kaedah ditetapkan supaya dapat mengelak daripada berlakunya kes salah guna kuasa dan ketirisan.

"Kita tidak mahu dalam laporan berita, ada pegawai atau jawatankuasa masjid dibawa ke muka pengadilan atas tuduhan penyelewengan dan salah guna kuasa tentunya mencalarkan imej institusi sepatutnya menjadi contoh pengurusan kewangan yang berintegriti," katanya.

Mohd Na'im berkata, demikian dalam teks ucapan yang dibacakan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Datuk Hakimah Mohd Yusoff semasa merasmikan penutupan program Pembanterasan Rasuah Komuniti Masjid Bersama Persatuan Ulama Malaysia di Masjid Wilayah Persekutuan di sini, kelmarin.

Turut hadir, Timbalan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Datuk Seri Norazlan Mohd Razali dan Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Datuk Mohd Ajib Ismail.

Sementara itu, Norazlan berkata, SPRM membuka 15 Kertas Penyiasatan Tatakelola membabitkan institusi keagamaan Islam di Malaysia sejak 2018 hingga Oktober lalu.

Beliau berkata, siasatan dibuat ke atas aspek tatakelola yang boleh membuka ruang berlakunya salah laku rasuah selain siasatan berkait kesalahan rasuah.

"Risiko terbesar institusi masjid dalam pengurusan kewangan ialah salah laku rasuah, percanggahan kepentingan, salah guna kuasa dan penyelewengan.

"Selain membuka Kertas Penyiasatan Tatakelola, SPRM juga mencadangkan 64 pelbagai syor penambahbaikan ke atas prosedur kerja, garis panduan serta peraturan kepada intitusi terbabit," katanya.

Norazlan berkata, pada program kelmarin juga menyaksikan Ikrar Bebas Rasuah (IBR) ketujuh membabitkan institusi masjid dilaksanakan SPRM sejak ia diperkenalkan pada 10 Jan 2017.

**HARIAN METRO**
**24/10/2023**
**(SELASA)**

# Tiga disyaki terima rasuah daripada calon ujian lesen memandu

**Johor Bahru:** Dua pegawai khidmat pelanggan di Rangkaian Interaktif Laman Elektronik Kerajaan (Rilek) Cawangan Kota Tinggi dan seorang kerani Pusat Lesen Memandu ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor kerana disyaki menerima wang rasuah.

Menurut sumber, ketiga-tiga suspek perempuan berusia 23 hingga 34 tahun itu ditahan di Pejabat SPRM Johor kira-kira jam 9 malam kelmarin selepas satu operasi yang dijalankan hasil kerjasama sebuah syarikat konsesi untuk aplikasi utama kerajaan.

Beliau berkata, difahamkan kesemua suspek menerima wang rasuah daripada calon peserta yang menghadiri ujian Bahagian 1 Berkomputer Lesen Memandu untuk membantu calon lulus dalam ujian itu.

Menurutnya, siasatan masih dijalankan dan dijangka ada lagi tangkapan dilakukan bagi membantu siasatan.

Sementara itu, Pengarah SPRM Johor Datuk Azmi Alias ketika dihubungi mengesahkan penahanan terbabit dan berkata kes disiasat mengikut Seksyen 16 (a)(A) Akta SPRM 2009.

**HARIAN METRO**
**24/10/2023**
**(SELASA)**

# RM2 juta untuk Guan Eng, RM2 juta Najib - Saksi

Untuk projek terowong dasar laut dan tutup siasatan SPRM

**Oleh NOOR AZUDA ALIMIN**
KUALA LUMPUR

Seorang pengarah syarikat memberitahu Mahkamah Sesyen di sini pada Isnin bahawa sebanyak RM4 juta diberikan kepada bekas Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan bekas Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng, kira-kira enam tahun lalu.

Pengarah Syarikat Consortium Zenith Beijing Urban Construction Group (CZBUCG) Datuk Zarul Ahmad Mohd Zulkifli (semasa kejadian) berkata demikian ketika prosiding rasuah dan pelupusan tanah kerajaan negeri Pulau Pinang yang dihadapi oleh Guan Eng.

Saksi pendakwaan ke-23 (SP23) ini berkata, RM2 juta diberi kepada Guan Eng berhubung pelaksanaan projek terowong dasar laut dan jalan utama di negeri itu.

Menurut Zarul Ahmad, 64, baki RM2 juta lagi diberi dalam bentuk tunai kepada Najib kerana mahu menutup siasatan kes Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap syarikatnya.

Beliau memberitahu, wang itu tidak diserahkan terus kepada dua pemimpin politik terbabit sebaliknya menerusi orang tengah iaitu seorang ahli perniagaan, G Gnanaraja.

Susulan pendedahan itu, peguam Gobind Singh Deo yang mewakili Guan Eng berkata, pihak SPRM Shah Alam telah memanggil dua individu untuk memberi keterangan.

Mereka ialah bekas pengarah syarikat Consortium Zenith Construction Sdn Bhd (CZCSB), Ibrahim Sahari dan bekas Naib Presiden Kanan Kewangan dan Perkhidmatan Korporat CZCSB, Azli Adam.

**Gobind**: Mereka dipanggil sebagai saksi di Shah Alam.

**Zarul Ahmad**: Saya tak ingat.

**Gobind**: Dalam kenyataan Datuk (Zarul Ahmad) kepada SPRM, RM2 juta yang dibayar ialah menerusi wang yang dikeluarkan daripada cek?

**Zarul Ahmad**: Itu kes lain, ia untuk Gnanaraja.

**Gobind**: Bukankah Datuk beritahu kepada SPRM, menyatakan RM2 juta itu daripada cek?

**Zarul Ahmad**: Saya sudah memperbetulkan perkara itu.

**Gobind**: Kamu telah memperbetulkannya?

**Zarul Ahmad**: Ya, ketika perbicaraan membabitkan Gnanaraja, saya tidak ingat tarikhnya.

**Gobind**: Kamu mengambil keputusan untuk mengubah cerita dan meletakkan salah kepada Guan Eng.

**Zarul Ahmad**: Saya tidak setuju.

Gobind kemudian membuat permohonan kepada mahkamah untuk mendapatkan salinan kenyataan Zarul Ahmad ketika disiasat oleh pihak SPRM.

Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Wan Shaharuddin Wan Ladin kemudiannya menyoal sama ada pihak pembelaan mahu mendapatkan salinan kenyataan bagi kes di Shah Alam atau Kuala Lumpur, sebelum peguam itu mengesahkan untuk kedua-duanya.

Mahkamah kemudian menetapkan tarikh perbicaraan tambahan pada tahun hadapan iaitu 16 dan 17 Januari; 26, 27 Februari; 4, 6, 15 Mac; 1 hingga 4 April dan 2 serta 3 Mei.



Najib dan Guan Eng

Mahkamah turut mengekalkan tarikh perbicaraan yang ditetapkan pada 1 hingga 3 November depan.

Mengikut pertuduhan pindaan pertama, Guan Eng, 63, didakwa sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang, menggunakan kedudukannya untuk menerima suapan RM3.3 juta.

Ia bagi membantu syarikat milik Zarul Ahmad dilantik bagi melaksanakan Projek Pembinaan Jalan-Jalan Utama dan Terowong di Pulau Pinang, yang bernilai RM6,341,383,702. Kesalahan itu didakwa dilakukan antara Januari 2011 dan Ogos 2017 di Pejabat Ketua Menteri negeri itu.

Bagi pertuduhan pindaan kedua, pemimpin DAP ini dituduh meminta suapan 10 peratus keuntungan yang akan diperoleh daripada Zarul Ahmad, sebagai upah bagi projek sama dan perbuatan itu didakwa dilakukan pada Mac 2011.

Pemimpin itu juga berdepan dua pertuduhan menyebabkan dua lot tanah milik kerajaan negeri bernilai RM208.8 juta, dilupuskan kepada syarikat pemaju berkaitan projek sama di Pejabat Tanah dan Galian Negeri Pulau Pinang, Komtar pada 17 Februari 2015 dan 22 Mac 2017.

Perbicaraan yang berlangsung di hadapan Hakim Azura Alwi bersambung Selasa.

SINAR HARIAN
24/10/2023
(SELASA)



# Kerajaan perlu ada mekanisme pantau dana elak rasuah, ketirisan

- Kita juga mahu audit dilaksanakan berterusan dengan pemeriksaan bebas dibuat terhadap penggunaan dana awam
- Tidak boleh ada sebarang ruang menjurus kepada pengkhianatan terhadap amanah dan kepercayaan diletakkan rakyat dan negara

Belanjawan 2024 MALAYSIA MADANI

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

**BERITA HARIAN**
**25/10/2023**
**(RABU)**

# SPRM belum panggil Radzi kes rasuah projek buku J-Qaf

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) belum memanggil bekas Menteri Pendidikan, Datuk Dr Radzi Jidin, berkait siasatan kes rasuah projek percetakan buku J-Qaf untuk prasekolah bernilai kira-kira RM80 juta.

"Kita belum panggil lagi, siasatan masih dijalankan. Saya serahkan kepada pegawai penyiasat untuk jalankan siasatan," kata Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki selepas merasmikan Sidang Kemuncak Antirasuah Antikorupsi Antarabangsa 2023, di sini semalam.

Pada 25 September lalu, media melaporkan SPRM menahan dua individu, masing-masing lelaki berusia 20-an yang juga bekas setiausaha politik kepada bekas menteri itu dan pemilik syarikat berusia lewat 50-an bagi membantu siasatan.

Penahanan mereka bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta SPRM 2009 berkait kesalahan meminta dan menerima suapan melalui sebuah syarikat sebagai balasan meluluskan projek percetakan buku secara rundingan terus.

Sehari kemudian, Radzi menafikan terbabit dalam dakwaan itu dan isterinya juga tidak mempunyai sebarang kaitan dengan syarikat yang dituduh, sebaliknya penahanan bekas setiausaha politiknya didakwa hanya berdasarkan mesej WhatsApp yang tular di media sosial.

Berikutan itu, beliau menegaskan tidak teragak-agak mengambil tindakan undang-undang sewajarnya ke atas sesiapa sahaja yang mengulangi atau menerbitkan semula tuduhan sedemikian.

Sementara itu, Azam ketika ditanya sama ada SPRM terbabit dalam siasatan kes pengubahan wang haram membabitkan pengasas bersama yang juga pemegang saham sebuah syarikat penerbangan memaklumkan pihaknya tidak terbabit setakat ini.

"Ia tindakan daripada polis. Siasatan bukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah [illegible]," katanya.

[illegible] ditahan polis pada [illegible] bersama isteri dan anak lelakinya bagi membantu siasatan mengikut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001.

Ketiga-tiga suspek berusia 37, 55 dan 26 tahun kemudian direman selama empat hari dengan [illegible] suspek utama [illegible] belum dibebaskan semalam, manakala isteri dan anak lelaki mereka dibebaskan sejurus perintah itu berakhir.

**BERITA HARIAN**
**25/10/2023**
**(RABU)**

# Dituduh kemuka 4 tuntutan palsu

**Kuantan:** Seorang pengarah urusan syarikat mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas empat pertuduhan mengemukakan tuntutan palsu untuk insentif Program Penjana Kerjaya 2.0 daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) berjumlah RM59,560, dua tahun lalu.

M Sentil Kumar, 38, didakwa menyerahkan borang pengesahan pengambilan pekerja bagi menuntut insentif program berkenaan berjumlah antara RM8,800 dan RM26,660 bagi 14 individu yang bukan pekerja syarikat SP Agro Industry Sdn Bhd.

Dia dituduh melakukan perbuatan itu di Wisma Perkeso di sini, pada 24 Jun 2021 mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(2) akta sama yang membawa hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali nilai butiran palsu atau RM10,000 mengikut mana-mana nilai lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Tertuduh juga mengaku tidak bersalah atas empat pertuduhan pilihan menggunakan dokumen palsu sebagai tulen mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan serta boleh dihukum mengikut Seksyen 465 kanun sama yang membawa hukuman penjara maksimum dua tahun, atau denda atau kedua-duanya sekali.

**HARIAN METRO**
**25/10/2023**
**(RABU)**



NOR Akma mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, Kuala Terengganu, semalam.

# Ketua pembantu tadbir Kemas mengaku tak bersalah 9 pertuduhan

**Kuala Terengganu:** Ketua pembantu tadbir Pusat Latihan Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) Terengganu mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas sembilan pertuduhan salah guna kuasa membabitkan pembekalan barangan asrama, makan minum dan bahan mentah bernilai lebih RM23,000.

Tertuduh, Nor Akma Abd Ghani, 44, membuat pengakuan itu sebelum mohon dibicarakan selepas kesemua pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Mohd Azhar Othman.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa menggunakan jawatannya untuk suapan dengan mengambil tindakan menyokong Borang Pesanan Pembelian bagi perolehan bekalan barangan asrama, dua rumah tamu, perolehan makan minum dan bekalan am yang berjumlah antara RM400 hingga RM6,500.

Tertuduh mempunyai kepentingan memandangkan perniagaan itu adalah milik adik iparnya.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di Pusat Latihan Kemas Terengganu di Kuala Nerus antara Ogos 2019 hingga Mei 2022.

Tertuduh yang didakwa mengikut Seksyen 23 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berdepan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

**HARIAN METRO**
**25/10/2023**
**(RABU)**

# 2 termasuk CEO dituduh subahat terima rasuah



*Mohd Zamry (kanan) dan Anuar didakwa di Mahkamah Sesyen Seremban, semalam.*
(Foto Azrul Edham/BH)

## Suapan RM350,000 upah bantu lantik syarikat untuk kerja naik taraf bangunan

**Oleh Ahmad Hashi**
bhnews@bh.com.my

**Seremban:** Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini semalam atas dua tuduhan bersubahat menerima suapan berjumlah RM350,000 sebagai upah untuk membantu melantik sebuah syarikat bagi melakukan kerja naik taraf di Kompleks Bangunan Getah Asli, Jalan Ampang, Kuala Lumpur, tahun lalu.

Tertuduh, Mohd Zamry Sulaiman, 52, mengaku tidak bersalah atas kedua-dua tuduhan di hadapan Hakim Meor Sulaiman Ahmad Tarmizi.

Mengikut pertuduhan, dia dituduh bersubahat dengan Anuar Md Isa, 54, yang juga didakwa secara rasuah menerima wang berjumlah RM350,000 daripada seorang lelaki.

Suapan kepada Anuar itu sebagai upah untuk membantu sebuah syarikat dilantik bagi melakukan kerja menaik taraf sistem mekanikal dan elektrikal di Kompleks Bangunan Getah Asli, bagi Lembaga Getah Malaysia (LGM).

Mohd Zamry dituduh melakukan perbuatan itu di sebuah bank di Senawang, di sini, masing-masing pada 1 Jun 2022 dan 11 Oktober 2022.

Bagi kedua-dua tuduhan, Mohd Zamry dituduh mengikut Seksyen 28(1)(c) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dibaca bersama Seksyen 16(a)(A) akta sama yang boleh dihukum mengikut seksyen 24(1) akta sama.

### Penjara jika sabit kesalahan

Jika disabitkan, setiap tuduhan boleh dipenjara maksimum 20 tahun dan didenda minimum lima kali ganda jumlah atau nilai suapan yang menjadi hal perkara kesalahan itu jika suapan itu dapat dinilai atau berbentuk wang, atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Di hadapan hakim sama, Anuar pula dituduh dengan dua tuduhan iaitu menerima suapan berjumlah RM350,000 melalui cek ke akaun bank miliknya daripada seorang lelaki bagi tujuan sama, pada waktu dan tempat sama.

Dia didakwa mengikut Seksyen 16(a)(A) akta SPRM 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama.

Sabit kesalahan, boleh dipenjara maksimum 20 tahun dan didenda minimum lima kali ganda jumlah atau nilai suapan yang menjadi hal perkara kesalahan itu jika suapan itu dapat dinilai atau berbentuk wang, atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Mahkamah menetapkan jaminan RM5,000 bagi kedua-dua tuduhan terhadap kedua-dua tertuduh serta syarat tambahan masing-masing menyerahkan pasport kepada mahkamah selain perlu melaporkan diri di Pejabat SPRM terdekat pada Sabtu pertama setiap bulan.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa SPRM Abd Muntaqim Abdul Aziz dan Fatin Farhana Ismail.

Mohd Zamry diwakili Peguam A Ashok dan V Muniandy manakala Azrul Zulkifli Stork mewakili Anuar.

Sebutan semula kes pada 12 Disember depan bagi kedua-dua tertuduh.

**BERITA HARIAN**
**25/10/2023**
**(RABU)**

# Bukti dedikasi SPRM tegak undang-undang: Azam

**Kuala Lumpur:** Dua kes berjaya dituduh mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 sejak dikuatkuasakan pada 1 Jun 2020.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki berkata, ia membabitkan kes penyelenggaraan luar pesisir pada 2021 dan kes membabitkan sebuah syarikat perdagangan pada April tahun ini.

Beliau berkata, SPRM tidak menyasarkan organisasi semata-mata, tetapi juga individu termasuk ahli lembaga pengarah dan mereka yang bertanggungjawab dalam organisasi itu.

"Pengarah, pengawal, pegawai, rakan kongsi atau individu yang berkaitan dengan pengurusan sesuatu organisasi boleh dipertanggungjawabkan secara peribadi melainkan mereka boleh membuktikan mereka tidak bersalah.

"Ini menunjukkan dedikasi kami dalam menegakkan undang-undang dan komitmen tidak berbelah bahagi untuk memerangi rasuah," katanya ketika ditemui pemberita selepas merasmikan *International Anti-Bribery Anti-Corruption Summit* 2023 (Abac) di sini, semalam.



*"Ini menunjukkan dedikasi kami dalam menegakkan undang-undang dan komitmen tak berbelah bahagi perangi rasuah"*

**Azam**

Dalam pada itu, ketika diminta mengulas mengenai peruntukan Seksyen 36 Akta SPRM 2009, Azam berkata, ia dilihat efektif bagi pihaknya mendapatkan maklumat berkaitan sumber pemilikan harta terutama membabitkan penjawat awam.

"Kita akan lihat kepada deklarasi dan sekiranya deklarasi itu bercanggah dengan apa yang disiasat, maksudnya seseorang itu boleh dituduh kerana membuat kenyataan tak benar.

"Keduanya, sekiranya individu itu adalah penjawat awam dan didapati mempunyai harta berlebihan daripada kemampuan, jadi ia satu kesalahan mengikut Seksyen 36(3) yang mana mereka perlu jelaskan punca kekayaan diperoleh," katanya.

Terdahulu, aktivis memerangi rasuah dan pakar undang-undang menyarankan kerajaan segera melaksanakan beberapa pembaharuan, khususnya mempercepatkan penggubalan akta berkaitan pembiayaan dana politik dan pengisytiharan harta bagi menangani jenayah pengubahan wang haram.

Seksyen 36 Akta SPRM 2009 juga mesti diperkukuh, selain diwujudkan pemantauan dan kawalan ke atas urus niaga mata wang kripto.

**BERITA HARIAN**
**25/10/2023**
**(RABU)**

# Seksyen 36 permulaan siasatan pemilikan harta




*Azam (tiga dari kanan) bersama penerima anugerah pada majlis perasmian Sidang Kemuncak Antirasuah Antikorupsi Antarabangsa 2023 di Kuala Lumpur, semalam.* (Foto Aminalin Sahib/BH)

**Kuala Lumpur:** Peruntukan Seksyen 36 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009, dilihat efektif bagi suruhanjaya berkenaan mendapatkan maklumat berkaitan sumber pemilikan harta, terutama membabitkan penjawat awam.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata Seksyen 36 itu satu permulaan dalam siasatan di mana agensi terbabit akan menyusun semula deklarasi atau pengisytiharan aset dan harta yang dibuat oleh mana-mana pihak.

"Kita akan lihat kepada deklarasi. Sekiranya ia bercanggah dengan apa yang disiasat, maksudnya seseorang itu boleh dituduh kerana membuat kenyataan tidak benar.

"Kedua, sekiranya individu itu penjawat awam dan didapati mempunyai harta berlebihan daripada kemampuan, ia satu kesalahan mengikut Seksyen 36(3). Mereka perlu jelaskan punca kekayaan diperoleh," katanya.

Seksyen 36 akta itu berkaitan keperluan pegawai awam memberi penjelasan kepada SPRM bagaimana memiliki harta hingga mampu hidup di luar kemampuan kewangan.

Menjelaskan demikian kepada pemberita selepas merasmikan Sidang Kemuncak Antirasuah Antikorupsi Antarabangsa 2023, di sini semalam, Azam berkata, Seksyen 36 berbeza dengan Seksyen 17(a) akta sama, yang hanya tertumpu kepada kesalahan rasuah oleh aktiviti korporat.

Isnin lalu, aktivis memerangi rasuah menyarankan Seksyen 36 akta itu diperkukuh, selain diwujudkan pemantauan dan kawalan ke atas urus niaga mata wang kripto bagi membanteras jenayah pengubahan wang haram yang makin aktif.

Syor itu susulan pendedahan Azam yang dilaporkan *BH* sehari sebelumnya mengenai derma kepada badan amal, sembunyi kekayaan atas nama proksi serta pembiayaan politik, dikenal pasti antara modus operandi jenayah pengubahan wang haram di Malaysia.

Modus operandi jenayah itu semakin hebat seiring perkembangan semasa dunia dengan dalang juga beroperasi secara sindiket dan menjana keuntungan hasil pengubahan wang haram melalui syarikat berdaftar atas nama proksi untuk menyembunyikan kekayaan.

Selain aktivis memerangi rasuah, pakar undang-undang juga menggesa kerajaan segera melaksanakan beberapa pembaharuan, khususnya mempercepatkan penggubalan akta dana politik dan pengisytiharan harta bagi menangani jenayah pengubahan wang haram.

Semua langkah itu dilihat boleh menangani jenayah berkenaan yang dikesan semakin serius di negara ini, malah dikhuatiri turut membabitkan 'orang dalam', termasuk kemungkinan sesetengah individu dalam agensi penguatkuasaan.

Sementara itu, Azam memaklumkan, dua kes berjaya dituduh mengikut Seksyen 17(a) sejak peruntukan itu dikuatkuasakan pada 1 Jun 2020, masing-masing kes penyelenggaraan syarikat *off shore* atau luar pesisir pada 2021 dan satu syarikat perdagangan, April tahun ini.

**BERITA HARIAN**
**25/10/2023**
**(RABU)**

TERIMA RASUAH CALON UJIAN LESEN MEMANDU

# Pasangan suami isteri pula ditahan SPRM

**Johor Bahru:** Pasangan suami isteri yang juga pengurus pentadbiran dan pengurus pemasaran sebuah pusat lesen memandu yang dipercayai menerima rasuah bagi membantu calon ujian berkomputer lesen memandu lulus dalam ujian berkenaan ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor, jam 7 petang, kelmarin.

Sumber berkata, lelaki dan wanita berusia 47 serta 43 tahun itu ditahan di Pejabat SPRM Johor, bagi membantu siasatan kes terbabit.

Pasangan terbabit ditahan susulan penahanan tiga individu yang turut dipercayai menerima rasuah daripada calon ujian bahagian 1 berkomputer lesen memandu, kelmarin.

Pengarah SPRM Johor Datuk Azmi Alias ketika dihubungi mengesahkan penahanan terbabit dan berkata, kes disiasat di bawah Seksyen 16 (a)(A) Akta SPRM 2009.

Azmi turut mengingatkan, setiap calon wajib menduduki ujian yang mana ia sudah ditetapkan sebagai satu daripada syarat untuk mendapatkan lesen memandu.

**BERITA HARIAN**
**25/10/2023**
**(RABU)**

# SPRM akan buat forensik akaun

**Suruhanjaya itu sedang dapatkan dokumen berkaitan bagi jalankan siasatan lanjut**

Oleh HISYAMUDDIN AYUB
KUALA LUMPUR




Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedang mendapatkan dokumen-dokumen berkaitan daripada pihak Aman Palestin Berhad (Aman Palestin) bagi menjalankan siasatan lanjut.

Ketua Pesuruhjayanya, Tan Sri Azam Baki berkata, selain memerlukan beberapa dokumen penting daripada Aman Palestin, pihaknya juga perlu mendapatkan penyata serta perincian kewangan pertubuhan amal itu daripada pihak perbankan.

Menurut Azam, perkara itu perlu diperoleh bagi membolehkan pihaknya melakukan siasatan ekoran terdapat dakwaan pertubuhan amal terbabit menyalahgunakan wang sumbangan.

"Kita sedang mendapatkan dokumen daripada Aman Palestin dan pihak bank kerana siasatan akan dilakukan dari segi pungutan wang dan bagaimana wang itu dibelanjakan.

"Ia ekoran terdapat tohmahan serta laporan berita mendakwa wang yang diperoleh Aman Palestin telah disalah guna," katanya ketika sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa The Anti-Bribery Anti-Corruption (ABAC) 2023 di sini pada Selasa.



AZAM

Azam berkata, dalam melakukan siasatan terbabit, pihaknya perlu melihat secara teliti daripada mula pungutan wang itu dibuat dan ke mana wang dibelanjakan.

Tegasnya, Aman Palestin perlu mengikut peraturan dan undang-undang semasa membelanjakan wang berkenaan.

Ditanya sama ada SPRM sudah memanggil pihak pengurusan kanan pertubuhan amal terbabit, Azam berkata, pihaknya masih belum memanggil sesiapa lagi daripada pihak Aman Palestin bagi memberi keterangan.

Begitupun katanya, kerjasama yang baik telah diberikan daripada pihak Aman Palestin dan pengarah syarikat berkenaan berhubung pengumpulan maklumat.

"Pada masa ini kita menumpukan terhadap dokumen yang perlu dikaji dan boleh dikatakan kami perlu membuat forensik akaun.

"SPRM masih belum mengambil sebarang keterangan daripada pihak Aman Palestin, namun telah menemu duga saksi terlebih dahulu.

"Saksi ini membabitkan pihak yang terlibat dalam perbelanjaan dan pengurusan penyata kewangan," ujarnya.

Sementara itu, diminta mengulas isu pencetakan buku buku J-Qaf membabitkan Ahli Parlimen Putrajaya, Datuk Dr Radzi Jidin, Azam berkata, pihaknya masih belum memanggil bekas Menteri Pendidikan itu berhubung kes terbabit.

"Siasatan masih berjalan dan saya serahkannya kepada pegawai penyiasat SPRM menjalankan tugas," jelasnya.

Pada September, SPRM dilaporkan telah menahan dua individu berhubung siasatan membabitkan percetakan buku J-Qaf untuk prasekolah bernilai kira-kira RM80 juta membabitkan sebuah kementerian secara rundingan terus.

**SINAR HARIAN**
**25/10/2023**
**(RABU)**

# Disogok sehingga RM1,000

## Suami isteri pula ditahan kes rasuah ujian memandu

Oleh NOR AZURA MD AMIN
JOHOR BAHRU


3 wanita disyaki terima rasuah bantu calon ujian lesen memandu

JOHOR BAHRU - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) negeri ini menahan tiga wanita pada Ahad, dipercayai menerima rasuah membantu calon ujian berkomputer lesen memandu untuk lulus tahun ini.

Menurut sumber, dua daripada wanita itu bekerja sebagai pegawai khidmat pelanggan di Rangkaian Interaktif Laman Elektronik Kerajaan (RILEK) Cawangan Kota Tinggi dan seorang lagi bekerja sebagai kerani di sebuah pusat lesen memandu.

Laporan *Sinar Harian* pada Selasa mengenai penahanan tiga wanita sebelum ini.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor menahan pasangan suami isteri yang dipercayai menerima rasuah bagi membolehkan calon lulus ujian berkomputer lesen memandu.

Menerusi sumber, suspek yang merupakan seorang pengurus pentadbiran dan pengurus pemasaran sebuah pusat lesen memandu, ditahan di Pejabat SPRM Johor pada kira-kira jam 7 petang pada Isnin bagi membantu siasatan.

Tambah sumber, suspek lelaki dan wanita yang masing-masing berusia 47 dan 43 tahun itu ditahan susulan penahanan tiga lagi suspek kerana menerima rasuah daripada calon ujian bahagian berkomputer lesen memandu pada Ahad.

Difahamkan, nilai sogokan antara RM400 hingga RM1,000 dibayar individu yang mahu lulus ujian memandu tanpa perlu menduduki ujian dan menghadiri kelas memandu.

RASUAH BUSTERS


AZMI

Pengarah SPRM Johor, Datuk Azmi Alias ketika dihubungi mengesahkan penahanan tersebut dan berkata, kes disiasat di bawah Seksyen 16 (a)(A) Akta SPRM 2009.

Azmi turut mengingatkan setiap calon wajib menduduki ujian yang ditetapkan sebagai syarat mendapatkan lesen memandu dan mempelajari serta memahami peraturan dan undang-undang jalan raya.

"Syarikat mengendalikan ujian berkomputer juga perlu memastikan setiap calon yang menduduki ujian ini hadir dan tidak diwakili individu lain. Tiada jalan pintas dalam mendapatkan lesen memandu ini kerana ia melibatkan nyawa pengguna jalan raya lain," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Pada Isnin, SPRM dalam kenyataannya memaklumkan, dua pegawai khidmat pelanggan di Rangkaian Interaktif Laman Elektronik Kerajaan (RILEK) Cawangan Kota Tinggi dan seorang kerani Pusat Lesen Memandu ditahan kerana menerima wang rasuah.

Ketiga-tiga suspek perempuan berusia 23 hingga 34 tahun itu ditahan di Pejabat SPRM Johor pada kira-kira jam 9 malam Ahad selepas satu operasi dijalankan hasil kerjasama sebuah syarikat konsesi untuk aplikasi utama kerajaan.

Kesemua suspek dipercayai menerima rasuah daripada peserta yang menghadiri ujian Bahagian 1 Berkomputer Lesen Memandu untuk membantu mereka lulus ujian itu.

**SINAR HARIAN**
**25/10/2023**
**(RABU)**

# Kerajaan disaran wujudkan Kementerian Anti Rasuah

**SHAH ALAM** - Kerajaan disaran supaya mewujudkan Kementerian Anti Rasuah bagi mengekang jenayah itu yang didapati semakin berleluasa.

Setiausaha Agung Majlis Ekonomi Halal (MEH), Dr Helmi Ibrahim berkata, cadangan tersebut juga mencerminkan manifestasi iltizam Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam memerangi rasuah di negara ini.

"Fenomena lesen terbang misalnya, boleh memberikan kemudaratan kepada anggota masyarakat.

"Mereka ini tidak layak memandu kerana boleh mengancam keselamatan pengguna jalan raya lain," katanya yang juga Ahli Jawatankuasa Rasuah Busters Selangor.

Tambah Helmi, penglibatan golongan belia dalam rasuah juga menunjukkan trend yang membimbangkan.

**SINAR HARIAN**
**25/10/2023**
**(RABU)**

# Dua termasuk CEO GLC didakwa subahat, terima rasuah RM350,000



Kedua-dua tertuduh ketika hadir di Mahkamah Sesyen Seremban pada Selasa.

**SEREMBAN** - Dua individu termasuk seorang Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini pada Selasa atas pertuduhan bersubahat dan menerima suapan berjumlah RM350,000, tahun lalu.

Bagaimanapun, CEO berkenaan, Mohd Zamry Sulaiman, 52, dan Anuar Mat Isa, 54, yang bekerja sendiri mengaku tidak bersalah sebaik pertuduhan dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Meor Sulaiman Ahmad Tarmizi.

Mengikut pertuduhan, Mohd Zamry didakwa bersubahat dengan Anuar iaitu secara rasuah menerima suatu suapan wang RM250,000 dan RM100,000 daripada seorang lelaki.

Ia sebagai upah untuk membantu sebuah syarikat dilantik bagi melakukan kerja-kerja menaik taraf sistem mekanikal dan elektrikal di Kompleks Bangunan Getah Asli, Jalan Ampang, Kuala Lumpur bagi Tetuan Lembaga Getah Malaysia (LGM).

Perbuatan itu dilakukan di sebuah bank di Senawang, Seremban pada 1 Jun dan 11 Oktober 2022.

Mahkamah kemudian menetapkan kes berkenaan disebut semula pada 12 Disember depan.

**SINAR HARIAN**
**25/10/2023**
**(RABU)**

# Urus hasil cukai negara dengan integriti

**SHAH ALAM** - Kerajaan digesa untuk mengurus cukai dengan penuh integriti dan bertanggungjawab bagi mengelak hasil kutipannya tiris dan digunakan ke arah yang salah terutamanya melibatkan perkara rasuah.

Ketua Pusat Pengajian Hubungan Antarabangsa Fakulti Undang-undang dan Hubungan Antarabangsa Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Dr Hussain Yusri Zawawi berkata, pengurusan cukai yang penuh integriti adalah satu aspek penting dalam pentadbiran negara yang mempunyai kesan yang jauh mengatasi sekadar perkara fiskal semata-mata.



HUSSAIN YUSRI

RASUAH BUSTERS

"Pengurusan cukai negara perlu diurus dengan penuh tanggungjawab kerana ia merupakan aspek yang kritikal dalam sistem pentadbiran negara. Cukai rakyat adalah sebahagian daripada sumber pendapatan kerajaan yang memainkan peranan penting dalam pembangunan dan pengendalian pelbagai program serta perkhidmatan awam yang memberi manfaat kepada rakyat," katanya kepada *Sinar Harian* pada Khamis.

Selain itu, ujarnya, integriti dalam pengagihan dana cukai adalah penting bagi memastikan dana awam digunakan dengan efisien dan berkesan demi manfaat semua rakyat.

"Tanpa integriti dalam pengagihan dana cukai, risiko penggunaan dana untuk tujuan peribadi atau rasuah boleh meningkat, dan ini boleh merosakkan pembangunan negara," ulasnya.

Jelasnya, integriti dalam pengurusan cukai juga memainkan peranan yang penting dalam memelihara keyakinan rakyat terhadap kerajaan dan sistem cukai.

"Apabila rakyat melihat cukai mereka dikelola dengan telus dan adil, mereka akan lebih bersedia untuk membayar cukai dengan rela hati, dan ini akan meningkatkan kecekapan dalam pengutipan cukai dan sekali gus memberi keyakinan kepada rakyat bahawa dana cukai mereka akan digunakan dengan sebaiknya demi kepentingan bersama," katanya.

Terdahulu, hasil kerajaan Persekutuan pada tahun 2024 dijangka mencatatkan pertumbuhan marginal sebanyak 1.5 peratus kepada RM307.6 bilion atau 15.6 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) didorong oleh kutipan cukai yang lebih tinggi.

Menurut laporan Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2024 yang dikeluarkan Kementerian Kewangan, hasil cukai terus menjadi penyumbang utama dan dijangka meningkat sebanyak 6.4 peratus kepada RM243.6 bilion, iaitu 79.2 peratus daripada jumlah hasil atau 12.3 peratus daripada KDNK.


**SINAR HARIAN**
**27/10/2023**
**(JUMAAT)**

# Selamatkan negara daripada musnah angkara rasuah

**SHAH ALAM** - Integriti tinggi dalam kalangan rakyat Malaysia mampu menyelamatkan negara daripada musnah angkara rasuah.

Yang Dipertua Pertubuhan Ikram Malaysia (Ikram), Zainal Adnan Abdul Halim berkata, rakyat akan mula sedar bahawa perbuatan keji itu boleh dicegah jika sifat tersebut diterapkan dalam diri masing-masing.

"Apabila setiap orang menerapkan nilai murni, jadi mereka akan sedaya upaya menghalang diri daripada terlibat dengan gejala ini.

"Walau sebesar mana jumlah yang ditawarkan, mereka dapat menepis dengan mudah agar tidak terjerumus melakukan jenayah," katanya.

*Sinar Harian* sebelum ini melaporkan, amalan rasuah dikenal pasti sebagai salah satu sebab utama yang membantutkan ekonomi, menghilangkan minat pelaburan asing, meningkatkan kos pentadbiran dan urus niaga, menidakkan rakyat daripada mendapat perkhidmatan serta mendorong berlakunya ketidakstabilan politik.

Tambah Zainal, pelbagai inisiatif yang berterusan boleh diusahakan oleh kerajaan seperti menyebarkan risalah yang memfokuskan bahaya rasuah.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**SINAR HARIAN**
**28/10/2023**
**(SABTU)**

# Mantapkan integriti hindari 'pembunuh senyap'



ZAIRUDIN

**SHAH ALAM** - Orang ramai disaran menerapkan nilai murni dan memantapkan kekuatan rohani diri melalui pelbagai cara termasuk dengan menghadiri program ceramah agama supaya gejala rasuah yang berlaku dalam kalangan masyarakat dapat dibendung.

Naib Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Zairudin Hashim berkata, melalui aktiviti kerohanian itu mampu melahirkan masyarakat yang berakhlak dan mempunyai etika untuk menolak sebarang aktiviti melibatkan amalan tersebut.

"Sebenarnya yang lebih utama ialah sikap dan integriti individu. Jika nilai moral seseorang itu tinggi, maka segala tarikan berbentuk rasuah boleh diketepikan.

"Namun jika sebaliknya, mereka akan sentiasa mencari peluang untuk melibatkan diri dalam gejala itu. Jadi usaha untuk memantapkan integriti perlu ditingkatkan dan latihan berterusan perlu diberikan kepada pelbagai pihak," katanya baru-baru ini.

*Sinar Harian* sebelum ini melaporkan, amalan rasuah merupakan 'pembunuh senyap' bukan sahaja boleh merosakkan masyarakat, malah boleh membinasakan negara.

Tambah Zairudin, semua pihak bertanggungjawab memainkan peranan bagi memastikan setiap kempen kesedaran dan literasi pendidikan antirasuah dapat diluaskan ke seluruh negara.

Jelasnya, ia penting bagi membangkitkan kesedaran dan tanggungjawab dalam memerangi rasuah selain menyemai nilai integriti serta bebas daripada gejala tersebut dalam setiap lapisan masyarakat.

"Kerjasama strategik dan erat perlu diperluaskan antara pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta badan berkanun.

"Selain itu, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti ABIM dan Rasuah Busters juga boleh membantu pihak berkuasa untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat," ujarnya.

**SINAR HARIAN**
**28/10/2023**
**(SABTU)**

# LKAN: Seorang penjawat awam dihadap ke mahkamah, 25 kena tindakan tatatertib

**Kuala Lumpur:** "Seorang penjawat awam dituduh di mahkamah, manakala 25 orang lagi dikenakan tindakan tatatertib susulan daripada 12 isu yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN)," kata Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) Ramkarpal Singh.

Tindakan itu dibuat selepas 12 isu berkenaan selesai menjalani proses siasatan setakat semalam iaitu separuh daripada keseluruhan 24 isu yang dibangkitkan dalam tujuh LKAN membabitkan audit di peringkat Persekutuan dan negeri sepanjang 2020 hingga 2021.

Beliau berkata, 12 isu yang sudah selesai itu membabitkan dua individu yang disiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), manakala 10 lagi melibatkan siasatan oleh jawatankuasa khas siasatan dan jawatankuasa siasatan dalaman yang diselaras Jabatan Perkhidmatan Awam.

"Sejumlah 12 lagi isu yang masih dalam siasatan membabitkan lima oleh SPRM, enam oleh polis dan satu di pihak Suruhanjaya Persaingan Malaysia.

> "Sejumlah 12 lagi isu yang masih dalam siasatan membabitkan lima oleh SPRM, enam oleh polis dan satu di pihak Suruhanjaya Persaingan Malaysia"

"Semua 24 isu ini meliputi pelbagai kementerian, agensi dan jabatan di peringkat Persekutuan dan negeri yang dikategorikan sebagai isu punitif, membabitkan isu ketirisan, kehilangan wang awam dan pembaziran yang serius termasuk kelemahan dalam pengurusan kontrak; perolehan; program projek dan wang zakat selain ketidakpatuhan terhadap peraturan," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam.



RAMKARPAL

Ramkarpal berkata demikian bagi menjawab soalan Wong Kah Woh (PH-Taiping) berhubung tindakan yang diambil oleh kerajaan dalam menangani isu dibangkitkan dalam LKAN 2020 dan 2021 berkaitan ketirisan.

Beliau berkata, beberapa syor dan cadangan tindakan yang dinyatakan dalam LKAN juga diambil perhatian oleh agensi berkaitan.

"Contohnya pada 2021, LKAN lapor duti kastam kurang kutip bagi tempoh 2015 hingga 2021 kerana tidak patuh syarat pemastautin pemilikan kenderaan dan kini Jabatan Kastam Diraja Malaysia sudah tambah baik SOP (prosedur operasi standard) berkaitan menilai kriteria pemastautin," katanya.

**HARIAN METRO**
**31/10/2023**
**(SELASA)**

# BERSATU dibenar cabar SPRM sita 2 akaun bank

## Mahkamah Tinggi tetapkan 28 November bagi pengurusan kes

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Mahkamah Tinggi, di sini, semalam membenarkan permohonan BERSATU untuk memulakan prosiding semakan kehakiman bagi mencabar keputusan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyita dua akaun banknya.

Hakim, Datuk Ahmad Kamal Md Shahid yang membuat keputusan itu ketika prosiding dalam talian akan mendengar merit permohonan berkenaan pada tarikh yang ditetapkan kemudian.

Dalam keputusannya, beliau berkata, mahkamah bersetuju dengan hujahan dikemukakan BERSATU sebelum ini bahawa parti itu berjaya menimbulkan kes *prima facie* dan isu yang dibangkitkan tidak remeh, tidak menyusahkan serta boleh dihujahkan melalui prosiding semakan kehakiman.


Muhammad Suhaimi

Menurut hakim itu, Jabatan Peguam Negara menyatakan bahawa kuasa siasatan jenayah tidak boleh dihujahkan melalui prosiding di mahkamah dengan bergantung kepada autoriti kes yang pernah diputuskan di mahkamah sebelum ini.

Namun, hakim itu berkata, autoriti kes berkenaan yang dihujahkan Jabatan Peguam Negara bukan lagi prinsip perundangan yang baik untuk diguna pakai dalam permohonan terbabit.

Mahkamah kemudian menetapkan pada 28 November ini bagi pengurusan kes.

Pada 29 Mei lalu, Kapten (B) Datuk Muhammad Suhaimi Yahya sebagai pegawai awam BERSATU memfailkan permohonan kebenaran untuk memulakan semakan kehakiman bagi mencabar tindakan SPRM membekukan akaun banknya bagi siasatan.

Beliau menamakan Peguam Negara (ketika itu), Tan Sri Idrus Harun dan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki masing-masing sebagai responden pertama dan kedua serta 20 individu lain sebagai responden ketiga hingga ke-22.

### Tiada perintah penyitaan

BERSATU mendakwa pada 19 April lalu, akaun bank CIMB dan AmBank disita tanpa sebarang perintah penyitaan dikeluarkan mengikut Seksyen 50(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (AMLA-TFPUAA) 2001.

BERSATU mendakwa SPRM mengeluarkan kenyataan pada 20 April lalu bahawa kedua-dua akaun itu disita pada 11 April, tetapi tidak pernah memaklumkan kepada mereka mengenai tarikh berkenaan.

Pada 30 Mei lalu, Ahmad Kamal turut membenarkan permohonan sama oleh BERSATU bagi mencabar keputusan SPRM membekukan akaun bank parti bagi tujuan siasatan dan larangan perjalanan oleh Jabatan Imigresen terhadap Presidennya Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Ahmad Kamal memutuskan parti itu berjaya melepasi keperluan untuk memulakan prosiding semakan kehakiman dan mendapati ada isu boleh dibicarakan berhubung perintah pembekuan yang dipertikaikan dan larangan perjalanan terbabit.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**BERITA HARIAN**
**31/10/2023**
**(SELASA)**

# Mahkamah benar Bersatu cabar SPRM sita dua akaun bank

**KUALA LUMPUR** – Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) berjaya dalam permohonan keduanya untuk mendapatkan kebenaran bagi memulakan semakan kehakiman mencabar keputusan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang menyita dua akaunnya.

Hakim Datuk Ahmad Kamal Md Shahid memutuskan demikian ketika prosiding diadakan secara dalam talian pada Isnin.

Beliau berkata, mahkamah juga akan mendengar merit permohonan berkenaan dan ia boleh dihujahkan melalui prosiding semakan kehakiman.

Ketika membaca keputusan penghakiman, Ahmad Kamal berkata, mahkamah bersetuju dengan hujahan Bersatu selaku pemohon bahawa isu yang dibangkitkan tidak remeh.

Dalam prosiding lalu, beliau berkata, Jabatan Peguam Negara (AGC) menghujahkan bahawa kuasa siasatan jenayah tidak tertakluk kepada prosiding di mahkamah.

"Sebaliknya AGC menyatakan ia bergantung kepada otoriti kes yang pernah diputuskan di mahkamah sebelum ini.

"Bagaimanapun, otoriti kes berkenaan yang dihujahkan AGC bukan lagi prinsip perundangan yang baik untuk diguna pakai dalam permohonan ini," katanya.

Mahkamah kemudiannya menetapkan 28 November depan untuk pengurusan kes semakan kehakiman kedua ini.

SH – 31/10/23 – Selasa

**SINAR HARIAN**
**31/10/2023**
**(SELASA)**

# 25 penjawat awam kena tindakan

**Seramai** 25 penjawat awam di kenakan tindakan tatatertib keranа terbabit dalam isu ketirisan wang awam berdasarkan siasatan dijalankan setakat kini membabitkan isu terkandung dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2020 dan 2021.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi), Ramkarpal Singh, berkata setakat ini terdapat seorang penjawat awam didakwa mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2019.

Selain itu, beliau berkata, 13 isu berjaya diselesaikan membabitkan kelemahan pengurusan kontrak, pengurusan perolehan, pengurusan program projek, kelemahan pengurusan wang dan ketidakpatuhan terhadap peraturan.

"Tujuh LKAN dibentangkan membabitkan pengauditan peringkat Persekutuan dan negeri sepanjang tempoh 2020 hingga 2021. Sebanyak 24 isu membabitkan pelbagai Kementerian, agensi dan jabatan pada peringkat Persekutuan serta negeri sudah diaudit dalam tujuh LKAN itu yang dikategorikan sebagai isu punitif," katanya pada sesi jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

**BERITA HARIAN**
**31/10/2023**
**(SELASA)**

BANDARAYA JOHOR BAHRU

# NOVEMBER 2023

**UNIT INTEGRITI & PEMODENAN PENTADBIRAN MBJB**



# Penjana Kerjaya: Pemilik syarikat, pekerja didakwa kemuka dokumen palsu

**KUALA TERENGGANU** - Seorang pemilik syarikat dan pekerjanya mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Selasa atas enam pertuduhan mengemukakan dokumen palsu kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bagi menuntut insentif Program Penjana Kerjaya 2.0 (Penjana) berjumlah RM126,100, dua tahun lepas.

Pemilik syarikat, Arrie Syahiman Mohd Zain, 33, dan pekerjanya, Nurul Azwani Mohd Razali, 37, masing-masing menghadapi tiga pertuduhan di bawah Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Mereka dituduh memberi Borang Pengesahan Pekerja di bawah program itu yang mengandungi butiran palsu kepada seorang pegawai PERKESO bagi menuntut insentif keseluruhan berjumlah RM126,100 di pejabat PERKESO Kuala Terengganu pada Jun dan Julai 2021.

Mereka juga mengaku tidak bersalah atas tiga pertuduhan pilihan menggunakan dokumen palsu sebagai tulen mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum mengikut Seksyen 465 kanun sama yang membawa hukuman penjara maksimum dua tahun, atau denda atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Hakim Norashima Khalid membenarkan mereka diikat jamin RM15,000 setiap seorang dengan seorang penjamin dan menetapkan 28 November ini untuk sebutan semula kes.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Mariah Omar manakala Nurul Azwani diwakili peguam, Mohd Hayyatudin Muhammad sementara Arrie Syahiman tidak diwakili peguam. - *Bernama*

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**SINAR HARIAN**
**01/11/2023**
**(RABU)**

# Salah laku tak gambarkan sikap seluruh penjawat awam

**SHAH ALAM** - Kes-kes salah laku yang direkodkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) tidak menggambarkan keseluruhan sikap warga perkhidmatan awam.

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Datuk Dr Adnan Mat berkata, ini kerana integriti warga penjawat awam ketika ini dilihat semakin bertambah baik selaras dengan usaha-usaha kerajaan dalam meningkatkan kualiti dan mutu perkhidmatan awam.

Namun menurutnya, diakui terdapat penjawat awam yang bermasalah dan tindakan tatatertib termasuk pendakwaan di mahkamah wajar diambil oleh kerajaan bagi memastikan mereka yang benar-benar ingin memberikan perkhidmatan terbaik berada dalam kerajaan.

"Cuepacs mengambil maklum mengenai tindakan tatatertib yang dikenakan ke atas penjawat awam termasuk pendakwaan di mahkamah dalam isu ketirisan wang awam berdasarkan siasatan yang dijalankan membabitkan isu yang terkandung dalam LKAN bagi tahun 2020 dan 2021.

"Tindakan yang diambil tersebut jelas menunjukkan kerajaan atau perkhidmatan awam tidak pernah sesekali berkompromi atau menyembunyikan salah laku melibatkan anggotanya sekiranya siasatan mendapati wujudnya unsur-unsur tersebut.



ADNAN

"Ia suatu usaha yang jelas untuk memastikan supaya penjawat awam kekal berdisiplin dan relevan sepanjang masa dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada negara dan rakyat," katanya kepada *Sinar Harian* pada Selasa.

Adnan menambah, orang ramai terutama masyarakat awam dinasihatkan agar tidak terus menghukum atau membuat tanggapan buruk kepada keseluruhan warga penjawat awam hanya disebabkan segelintir individu yang melakukan kesalahan.

Pada masa sama katanya, penjawat awam juga perlu melihat semula kepada aku janji dalam perkhidmatan awam seperti yang pernah dilafazkan di awal perkhidmatan dan ia perlu dikekalkan sehingga tamat tempoh perkhidmatan.

"Rakyat sentiasa memandang dan menilai setiap apa yang dilakukan dan ianya akan memberi kesan kepada keseluruhan perkhidmatan awam walaupun jumlah pesalah integriti itu hanya seorang," katanya.

**SINAR HARIAN**
**01/11/2023**
**(RABU)**

# Pemilik syarikat, pekerja didakwa tipu PERKESO

## Hadapi tiga pertuduhan kemuka dokumen palsu tuntut insentif Penjana Kerjaya

Oleh Faizul Azlan Razak
bhnews@bh.com.my

**Kuala Terengganu:** Seorang pemilik syarikat dan pekerjanya didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini, semalam, atas tiga pertuduhan mengemukakan dokumen palsu kepada PERKESO bagi menuntut insentif di bawah Program Penjana Kerjaya membabitkan nilai keseluruhan RM126,100.

Tertuduh, Arrie Syahiman Mohd Zain, 33, dan Nurul Azwani Mohd Razali, 37, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Norasima Khalid.

Mengikut pertuduhan, mereka didakwa mengemukakan tiga dokumen tuntutan palsu bagi mengelirukan prinsipalnya masing-masing berjumlah RM81,800; RM39,000 dan RM5,300.




*Seorang pemilik syarikat dan pekerjanya dibawa ke Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu, semalam atas tiga pertuduhan mengemukakan dokumen palsu kepada PERKESO babit nilai RM126,100.* (Foto Ghazali Kori/BH)

### Penama bukan kakitangan

Tertuduh mempunyai kepentingan dengan dokumen itu yang mengandungi butir matan palsu iaitu senarai pekerja sedangkan sebahagian penama bukan kakitangan syarikatnya.

Kesalahan itu didakwa dilakukan pada 7 Jun 2021, 29 Jun 2021 dan 5 Julai 2021 di Pejabat PERKESO di daerah Kuala Terengganu.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(2) akta sama.

Jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara tidak lebih 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai butir palsu, jika butir palsu itu dapat dinilai atau RM10,000, mengikut mana lebih tinggi jika disabit kesalahan.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Mariah Omar manakala tertuduh, Nurul Azwani diwakili Mohd Hayyatuddin Muhamad dan Arrie Syahiman pula tidak diwakili peguam.

Norashima membenarkan kedua-kedua tertuduh diikat jamin RM15,000 setiap seorang dengan seorang penjamin selain menyerahkan pasport antarabangsa dan melapor diri di pejabat SPRM berhampiran setiap bulan.

Mahkamah kemudian menetapkan 28 November ini untuk tarikh sebutan semula.

**BERITA HARIAN**
**01/11/2023**
**(RABU)**



# ‘Kerja satu pasukan tingkatkan integriti penjawat awam’

**Sasaran di tangga 25 dalam CPI mampu dicapai jika semua bergerak sebagai entiti utuh**

**BERITA HARIAN**
**01/11/2023**
**(RABU)**

Bulan Integriti Nasional 2023 sejajar gagasan Malaysia Madani

# Budayakan integriti dalam sektor awam, korporat

Oleh NOR SYAMIRA LIANA NOR ASHAHA
KUALA LUMPUR



Mohd Zuki (tengah) menyempurnakan gimik pelancaran Sambutan Bulan Integriti Nasional 2023 di Pusat Konvensyen Sime Darby, Kuala Lumpur pada Selasa.

Sambutan Bulan Integriti Nasional merupakan manifestasi usaha untuk menzahirkan komitmen kerajaan dalam membudayakan integriti dan tata kelola di semua sektor awam termasuk korporat.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali berkata, tema sambutan pada tahun ini ialah "Integriti Citra Malaysia Madani".

Menurutnya, pemilihan tema itu sejajar dengan gagasan Malaysia Madani yang memperihalkan kerangka ikhtiar bagi mengembalikan martabat negara melalui teras pembangunan nilai etika dan akhlak masyarakat.

"Dalam pembentangan Kajian Separuh Penggal (KSP) Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12), Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah menyatakan komitmen bahawa kerajaan akan memperkenalkan pelan integriti baharu dan akta tata kelola sektor awam.

"Dalam hal ini, Institut Integriti Malaysia (IIM) telah diberikan mandat untuk membangunkan pelan integriti baharu sesuai dengan peranan dan fungsinya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam perasmian Bulan Integriti Nasional 2023 di Pusat Konvensyen Sime Darby di sini pada Selasa.

Tambah Mohd Zuki, gerakan pengukuhan dan pemantapan integriti dan tata kelola dalam organisasi perlulah dilaksanakan secara berterusan.

"Justeru, saya menyeru semua organisasi dalam sektor awam dan korporat untuk melafazkan Ikrar Integriti Malaysia dan menyanyikan lagu integriti dalam apa jua aktiviti atau program sempena bulan integriti ini," ujarnya.

Dalam pada itu, Mohd Zuki turut menegaskan kepada kesemua penjawat awam agar berfikir panjang sekiranya berhadapan situasi yang mencabar integriti terutamanya rasuah.

"Jika kita senang dengan hasil daripada perbuatan yang salah, ia sama sekali tidak mempunyai keberkatan dan akhirnya akan memberi impak buruk dalam kehidupan," katanya.

Jelasnya, komitmen kerajaan dalam membanteras rasuah dan meningkatkan integriti dapat dibuktikan menerusi peluncuran Ekonomi Madani: Memperkasa Rakyat yang telah menetapkan tujuh penanda aras.

Menurutnya, penanda aras keenam iaitu meletakkan sasaran negara di kedudukan ke-25 terbaik dunia dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI).

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif IIM, Datuk Nor Yahati Awang berkata, penganjuran sambutan Bulan Integriti Nasional 2023 diperkasa dengan tiga objektif utama, antaranya menekankan kepada masyarakat bahawa integriti akan terus menjadi satu daripada agenda penting kerajaan.

"Seterusnya, memupuk kesedaran mengenai kepentingan mengamalkan nilai-nilai integriti dan tata kelola baik bertunjangkan kerangka Malaysia Madani yang berpaksikan keyakinan, nilai, akhlak serta tadbir urus adil.

"Objektif ketiga adalah meningkatkan kesedaran masyarakat bahawa agenda integriti nasional merupakan tanggungjawab bersama dan menjadi nadi penggerak sektor awam serta swasta yang merangkumi individu, keluarga dan masyarakat," katanya.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**SINAR HARIAN**
**01/11/2023**
**(RABU)**

# Perangi rasuah dalam sukan

## APSI jalin kerjasama dengan Rasuah Busters

Oleh MUHAMMAD SHAMSUL ABD GHANI
SHAH ALAM

Syarikat Asia Pacific Sports International (APSI) mengambil inisiatif menjalinkan kerjasama dengan Rasuah Busters dalam usaha memerangi rasuah di dalam industri sukan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, KPD Andre berkata, pelbagai program bersama juga telah diatur untuk menjayakan misi berkenaan.

Katanya, antara program bakal dianjurkan ialah simposium sukan dan kejohanan futsal bertemakan anti rasuah.

"Kita juga fokus kepada pendidikan sukan kerana seperti yang diketahui umum, wujud rasuah dalam industri dan ia kini semakin ke hadapan jadi kita ambil inisiatif ini (kerjasama bersama Rasuah Busters).

"Program-program ini juga telah kita atur dan matlamatnya adalah kita mahu menerapkan elemen-elemen melawan rasuah sambil bersukan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas selesai mengadakan kunjungan terhadap Rasuah Busters di Kompleks Kumpulan Karangkraf di sini pada Selasa.

Mengulas lanjut, beliau berkata, fokus kerjasama itu juga ke arah mendidik masyarakat menolak rasuah dalam industri berkenaan.

Justeru beliau memfokuskan untuk memberi penekanan terhadap pendidikan awal kanak-kanak.

"Hendak betulkan negara, kita kena bermula dengan langkah awal. Jadi di sini sasaran kami adalah menyemai 'perihal anti rasuah dalam kalangan kanak-kanak terlebih dahulu.

"Perkara ini kita melihat seperti mana negara Jepun yang memfokuskan terhadap kemandirian moral anak-anak kecilnya, itu yang kami lakukan sekarang," katanya.

Dalam pada itu Andre berkata, pihaknya juga sebelum ini bekerjasama dengan Universiti Malaya yang dijenamakan sebagai UMAPSI di mana penekanan diberikan kepada tadbir urus kesukanan dan etika serta tanggungjawab kesukanan.

"Ia di bawah program pendidikan sukan yang bermatlamat untuk mengukuhkan jati diri mereka yang terlibat," katanya lagi.




Andre melihat *doodle* gergasi Rasuah Busters ketika mengadakan kunjungan ke Kompleks Kumpulan Karangkraf, Shah Alam pada Selasa.

**SINAR HARIAN**
**01/11/2023**
**(RABU)**



# Bentuk adab dan integriti pelajar

KPM lancar Duta Sahsiah Pemangkin Pembentukan Karakter Karamah Insaniah


OLEH MOHD ISKANDAR OTHMAN
SUNGAI BAKAP


Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melancarkan Duta Sahsiah Pemangkin Pembentukan Karakter Karamah Insaniah dalam pembentukan adab, akhlak dan integriti pelajar di negara ini.

Melalui inisiatif itu, setiap sekolah akan melantik duta sahsiah terdiri daripada kalangan pelajar dan menjadi suri teladan yang tinggi nilai sahsiahnya serta berkeperibadian mulia.

Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan (Sektor Pembangunan Profesionalisme), Shafruddin Ali Hussin berkata, pimpinan pelajar dipilih sebagai duta kerana mereka lebih rapat dan mengenali antara satu sama lain.

Malah Shafruddin berkata, mereka juga akan membantu memberi kefahaman kepada rakan-rakan berkaitan kesan salah laku buli dan salah laku seksual.

"Sebelum ini, Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek telah menegaskan bahawa buli, gangguan seksual dan perkauman adalah tiga 'dosa besar' di peringkat KPM dan pihas kementerian tidak akan berkompromi terhadap pelaku kesalahan ini.

"Dengan pelancaran dan lantikan duta sahsiah ini, kita mahu menggagaskan polik lebih jelas mengenai hala tuju sekolah dan mereka inilah yang akan menguar-uarkan Garis Panduan Salah Laku Seksual dan Buli di semua institusi pendidikan KPM," katanya di sini pada Selasa.

Beliau berkata demikian ketika berucap mewakili Menteri Pendidikan pada majlis pelancaran Duta Sahsiah Pemangkin Pembentukan Karakter Karamah Insaniah Peringkat Kebangsaan 2023 di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tun Syed Sheh Barakbah di sini.

Hadir sama, Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk Khaw Kok Chin.

Pada majlis pelancaran tersebut, tiga pimpinan pelajar sekolah berkenaan dilantik menjadi Duta Sahsiah yang turut berperanan membantu mencegah salah laku disiplin pelajar daripada terlibat kegiatan jenayah dan perbuatan menyalahi undang-undang.

Mereka yang dilantik ialah Ketua Pelajar, Muhammad Amir Imran Musa yang merupakan pengawas sekolah dan Ahli Jawatan Kuasa Kesatuan Mahasiswa Nibong Tebal.

Turut dilantik ialah pelajar Tingkatan Tiga, Tan Yuen Xin yang juga Penolong Ketua Pengawas, Pembimbing Rakan Sebaya dan Naib Pengerusi Persatuan Bahasa Cina serta pelajar Tingkatan Empat yang juga Ketua Exco Disiplin Lembaga Pengawas Sekolah, B Kartigesu.

Shafruddin berkata, Duta Sahsiah yang dilantik oleh pihak sekolah ini adalah pelajar yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan dan memperoleh pencapaian yang terbaik dari segi akademik, sahsiah dan sosial serta diyakini dapat menjadi contoh kepada pelajar lain.

Muhammad Amir Imran (tiga dari kiri), Kartigesu (empat dari kiri) dan Yuen Xin (lima dari kiri) dilantik sebagai Duta Sahsiah SMK Tun Syed Sheh Barakbah.

Shafruddin (empat dari kanan) ketika meninjau gerai pameran PDRM yang dibuka sempena sempena Majlis Pelancaran Duta Sahsiah Pemangkin Pembentukan Karakter Karamah Insaniah Peringkat Kebangsaan 2023.

## Kerjasama

Sementara itu, Kok Chin berkata, Polis Pulau Pinang memperkasakan kerjasama dengan Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) bagi membanteras jenayah dalam kalangan pelajar termasuk gejala buli di negeri itu.

Beliau berkata, muafakat itu penting sebagai usaha mengekang kegiatan buli dan vandalisme dalam kalangan pelajar.

Katanya, selaras dengan hasrat itu pihaknya akan melipat gandakan usaha bagi memastikan kegiatan jenayah dalam kalangan pelajar sekolah dapat dibendung.

"Kita akan sentiasa memberi bantuan dan pelbagai segi sekiranya diperlukan pihak sekolah.

"Sekiranya ada maklumat berkaitan jenayah daripada pihak JPN, kita akan sama-sama cari jalan bagi menyelesaikan kes-kes tersebut," katanya.

Pelajar Tun Syed Sheh Barakbah merakamkan gambar kenangan bersama Pasukan Anjing K-9 yang dibawa oleh PDRM Pulau Pinang.

Pelajar dan guru SMK Tun Syed Sheh Barakbah mengambil peluang merakamkan swafoto bersama dengan jentera PDRM.

SINAR HARIAN
01/11/2023
(RABU)

# Tak mengaku kemuka 7 dokumen palsu

**Alor Setar:** Pemilik syarikat mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas tujuh pertuduhan mengemukakan dokumen mengandungi butiran palsu bagi menuntut insentif berjumlah RM24,500 di bawah Program Penjana Kerjaya 2.0, dua tahun lalu.

Nur Kesuma Kartini Mohamad Zahir, 41, pemilik syarikat Aisy Maju Abadi Trading didakwa memberikan tujuh borang Pengesahan Pekerja Program Insentif Pengambilan Pekerja atas nama syarikat itu kepada seorang ejen Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) bagi menuntut insentif berkenaan.



NUR Kesuma Kartini mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Alor Setar, semalam.

Tertuduh didakwa memperdayakan Perkeso dengan mengemukakan kesemua dokumen yang mengandungi butiran palsu, iaitu tujuh individu yang dinamakan dalam dokumen itu bukan pekerja Aisy Maju Abadi Trading.

Dia dituduh melakukan semua perbuatan itu di Pejabat Perkeso, Jalan Teluk Wanjah di sini pada 22 Jun 2021, mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta sama.

Seksyen itu membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali nilai butir palsu itu atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Hakim Rohatul Akmar Abdullah membenarkan tertuduh yang kini berniaga kecil-kecilan diikat jamin RM10,000 bagi semua pertuduhan dan menetapkan sebutan semula kes pada 5 Disember ini.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa SPRM S Sujatha manakala tertuduh diwakili peguam Ummi Kalthum Zakaria.

HARIAN METRO
02/11/2023
(KHAMIS)

# Jadikan integriti pegangan hidup

**Semua pihak bertanggungjawab menolak perbuatan rasuah**

Oleh **MUHAMMAD SHAMSUL ABD GHANI**
TANJUNG MALIM

Sebagai sebuah universiti pendidikan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sentiasa menerapkan nilai integriti kepada semua kakitangan dan mahasiswanya.

Naib Canselor UPSI, Profesor Datuk Dr Md Amin Md Taff berkata integriti bukanlah sesuatu perkara yang baharu, malah ia sudah diterapkan sejak kecil lagi.

Ujarnya, para mahasiswa perlu diterap dengan sikap integriti supaya dapat melahirkan insan yang terbaik dalam semua bidang.

"Suka saya ingatkan integriti bermula daripada diri sendiri, maka jadikanlah ia sebagai sebahagian daripada hidup kita.

"Malah ia dituntut oleh agama, maka pasakkan nilai ini dalam diri," katanya ketika berucap pada Forum Integriti 'Transparent vs Fake' bersempena sambutan Hari Integriti peringkat UPSI, di sini pada Khamis.

Beliau berkata, forum tersebut merupakan inisiatif berterusan pihak UPSI bagi menyeru kepada semua warganya untuk menjadikan integriti sebagai pegangan dalam hidup.

RASUAH BUSTERS

"Oleh itu, jangan dipisahkan integriti ini, ia akan menjadi amalan dan ibadah kita juga," pesannya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Sinar Untuk Malaysia #RasuahBusters, Nurhayati Nordin berkata, sebagai warga yang bertanggungjawab, semua pihak harus menolak perbuatan rasuah supaya tidak tergoda dengan tawaran dunia.

"Ingat pada suatu masa nanti, yang keluar dari universiti ini kemungkinan akan menjadi pemimpin, maka jadilah pemimpin yang berintegriti. Jangan mudah dihimpit dengan rasuah, kuatkan iltizam untuk memimpin demi anak bangsa," katanya sebagai panelis pada forum itu.

Hadir sama sebagai panelis adalah Timbalan Mufti Perak, Datuk Zamri Hashim dan Ketua Cawangan Kerajaan dan Agensi, Pendidikan Masyarakat (PenMas) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Penolong Kanan Pesuruhjaya Samsul Salip.



**Md Amin (duduk, empat dari kanan) bergambar bersama barisan panelis dan warga UPSI pada Forum Integriti: 'Transparent vs Fake' yang berlangsung di Auditorium Utama, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, UPSI, Tanjung Malim pada Khamis.**

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**SINAR HARIAN**
**03/11/2023**
**(JUMAAT)**

# Tiga anggota polis ditahan edar dadah guna kereta rasmi

## SPRM rampas heroin, syabu, ganja disembunyi di tempat tayar simpanan

Oleh Wartawan NSTP
bhnews@bh.com.my

**Alor Setar:** Tiga anggota yang bertugas di Balai Polis Merbok, dekat Sungai Petani, di sini ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Kedah kerana disyaki terbabit dalam urus niaga dadah, Ahad lalu.

Sumber berkata, dalam serbuan itu, sepasukan pegawai SPRM menyerbu balai berkenaan dan memeriksa Proton Waja milik Balai Polis Merbok, sebelum menemui dadah di ruang tempat letak tayar simpanan.

Katanya, tiga suspek terdiri daripada Koperal berusia 32 tahun dan dua Lans Koperal, masing-masing berusia 35 dan 27 tahun, ditahan bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 17A Akta SPRM 2009.

"Antara barangan ditemui adalah dadah dipercayai heroin seberat 33.88 gram, dadah dipercayai syabu seberat 19.5 gram dan dadah dipercayai ganja seberat 13.99 gram.

"Nilai rampasan kesemua dadah berkenaan adalah dianggarkan RM3,290," katanya ketika dihubungi, di sini semalam.

Beliau berkata, ujian saringan awal air kencing ke atas tiga anggota terbabit mendapati mereka bebas pengaruh dadah.

Katanya, SPRM masih melakukan siasatan lanjut kerana kes dipercayai turut membabitkan sogokan wang tunai berjumlah RM5,000.

Sementara itu, jurucakap SPRM Kedah mengesahkan tangkapan tiga anggota polis terbabit, namun enggan mengulas lanjut.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**BERITA HARIAN**
**04/11/2023**
**(SABTU)**

# Bekas CEO didakwa kemuka dokumen palsu

## Buat pengakuan tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Melaka

Oleh NOR FARHANA YAACOB
MELAKA



Muhammad Muhaimin (tengah) didakwa di Mahkamah Seksyen Melaka pada Jumaat.

Bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Pembangunan Pertanian Melaka Sdn Bhd dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, pada Jumaat atas tuduhan mengemukakan dokumen mengandungi butir matan palsu dua tahun lalu.

Muhammad Muhaimin Lau Abdullah,46, bagaimanapun membuat pengakuan tidak bersalah selepas pertuduhan utama dan pilihan dibacakan di hadapan Hakim Elesabet Paya Wan.

Berdasarkan pertuduhan pilihan, dia telah menggunakan dengan niat untuk memperdayakan prinsipalnya suatu dokumen iaitu satu Surat Penilaian Harga Bagi Kenderaan Milik Pembangunan Pertanian Melaka Sdn Bhd.

Surat itu merupakan penilaian harga semasa untuk kedua-dua kenderaan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Melaka dengan nilaian RM36,000 bagi Toyota Fortuner 4WD dan RM20,000 bagi Toyota Hilux.

Prinsipal tertuduh, Pembangunan Pertanian Melaka Sdn Bhd mempunyai kepentingan mengenainya yang mengandungi butir matan yang palsu iaitu mengenai pelupusan dan pertukaran hak milik kenderaan kepada tertuduh selaku Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengerusi Lembaga Pengarah di Pembangunan Pertanian Melaka Sdn Bhd.

Kesalahan itu dilakukan pada April 2021 di Pejabat Pembangunan Pertanian Melaka Sdn Bhd yang mana sebenarnya surat penilaian harga semasa bagi kedua-dua kenderaan oleh JKR Melaka adalah RM50,000 bagi Toyota Fortuner dan RM35,000 bagi Toyota Hilux.

Perbuatan itu dalam pengetahuan tertuduh yang bermaksud untuk mengelirukan prinsipalnya. Kesalahan itu dilakukan di bawah Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(2) akta yang sama.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan jika suapan itu dapat dinilai atau berbentuk wang, atau RM10,000 mana-mana yang lebih tinggi jika sabit kesalahan.

Manakala untuk pertuduhan pilihan, tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut melakukan kesalahan di bawah Seksyen 471 Kanun Keseksaan (Akta 574) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 465 Akta yang sama kerana tidak jujur menggunakan sebagai tulen dokumen berkenaan.

Sabit kesalahan boleh dipenjara sehingga dua tahun atau dengan denda atau kedua-duanya sekali. Pegawai Pendakwa Raya SPRM Mohamad Azriff Firdaus Mohamad Ali mencadangkan jaminan antara RM10,000 hingga RM30,000 bagi kedua-dua pertuduhan.

Mahkamah turut menetapkan syarat tambahan pasport diserahkan kepada mahkamah dan tertuduh perlu melaporkan diri sekali sebulan di pejabat SPRM Melaka.

Mahkamah membenarkan jaminan RM10,000 dan syarat tambahan seperti dicadangkan pendakwaan.

SINAR HARIAN
04/11/2023
(SABTU)

URUS NIAGA DADAH

# Tiga anggota polis ditahan SPRM

**Alor Setar:** Tiga anggota Balai Polis Merbok, Sungai Petani ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Ahad lalu, kerana disyaki terbabit dalam urus niaga dadah.

Sumber berkata, susulan daripada tangkapan itu, pegawai SPRM melakukan pemeriksaan ke atas kenderaan Proton Waja milik Balai Polis Merbok dan menemui dadah di ruang tempat letak tayar simpanan.

Katanya, suspek berpangkat koperal berusia 32 tahun dan dua lans koperal berusia 35 serta 27 tahun ditahan bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

"Antara barangan ditemui adalah dadah dipercayai heroin seberat 33.88 gram, dadah dipercayai syabu seberat 19.5 gram dan dadah dipercayai ganja seberat 13.99 gram.

"Nilai rampasan kesemua dadah berkenaan adalah dianggarkan RM3,290," katanya ketika dihubungi.

Beliau berkata, ujian saringan awal air kencing ke atas tiga anggota terbabit mendapati mereka bebas pengaruh dadah.

Katanya, SPRM masih melakukan siasatan lanjut kerana kes dipercayai turut membabitkan sogokan wang tunai berjumlah RM5,000.

Sementara itu, jurucakap SPRM Kedah mengesahkan tangkapan ke atas tiga anggota polis terbabit, namun enggan mengulas lanjut.

**"Suspek berpangkat koperal berusia 32 tahun dan dua lans koperal berusia 35 serta 27 tahun ditahan bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 17A Akta SPRM 2009"**

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**METRO AHAD**
**05/11/2023**
**(AHAD)**

# Empat polis disiasat bekal tahanan lokap air ketum



*Muhamad Zaki menyampaikan sijil penghargaan kepada Persatuan Keluarga Polis (Perkep) sempena Perhimpunan Bulanan di IPK Kelantan di Kota Bharu, semalam.*

(Foto Hidayatidayu Razali/BH)

**Kota Bharu:** Polis Kelantan melakukan siasatan dalaman terhadap empat anggotanya yang ditahan selepas disyaki membekalkan air ketum dan tembakau kepada tahanan di lokap Mahkamah Kota Bharu, di sini, pada 29 Oktober lalu.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Muhamad Zaki Harun, berkata empat anggota berkenaan yang berpangkat Lans Koperal dan Koperal berusia antara 25 hingga 33 tahun.

Mereka sebelum ini direman tiga hari bermula 30 Oktober hingga 1 November lalu untuk siasatan.

"Siasatan juga bagi mengenal pasti sama ada bahan yang dibawa dan dijumpai itu untuk kegunaan mereka atau diedarkan kepada tahanan lokap.

"Jika benar (bawa dan bekal) mereka akan diambil tindakan mengikut Seksyen 30(3) Akta Racun 1952," katanya selepas Perhimpunan Bulanan di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kelantan, semalam.

Beliau berkata, pihaknya juga akan mengambil tindakan tatatertib kepada mereka jika didapati bersalah selari dengan Peraturan 3C Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Terdahulu, empat anggota yang bertugas di Mahkamah Kota Bharu itu ditahan Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) yang merampas empat botol disyaki air ketum disorok di belakang sofa di bilik rehat lokap dan tembakau daripada salah seorang mereka.

Mereka ditahan untuk siasatan lanjut kerana disyaki terbabit dalam pengedaran air ketum dan tembakau dalam lokap mahkamah.

Pada perkembangan sama, Muhamad Zaki berkata, sepanjang tahun ini terdapat 25 kes membabitkan kesalahan salah laku pegawai dan anggota polis.

**BERITA HARIAN**
**06/11/2023**
**(ISNIN)**



TERTUDUH didakwa atas enam pertuduhan mengemukakan dokumen palsu bagi menuntut insentif di bawah Program Insentif Pengambilan Pekerja bernilai RM196,280, dua tahun lalu.

BUAT TUNTUTAN PALSU

# Pemilik syarikat kena 6 pertuduhan

Johor Bahru: Seorang pemilik syarikat teknologi maklumat didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas enam pertuduhan mengemukakan dokumen palsu bagi menuntut insentif di bawah Program Insentif Pengambilan Pekerja bernilai RM196,760, dua tahun lalu.

Tertuduh, K Shiva Lingaa, 30, bagaimanapun mengaku tidak bersalah terhadap semua tuduhan itu di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Dia didakwa menipu kakitangan Perkeso Johor Bahru dengan mengemukakan Borang Pengesahan Pekerja palsu untuk enam permohonan menuntut insentif di bawah Program Insentif Pengambilan Pekerja yang keseluruhannya bernilai RM196,760.

Dalam tuntutan itu, lapan maklumat pekerja yang dikemukakan tertuduh didapati bukan pekerja sah syarikatnya.

Kesalahan dilakukan di Pejabat Perkeso Johor Bahru pada 30 Jun 2021 dan tertuduh didakwa mengikut Seksyen 417 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum lima tahun atau denda atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Rais Adha Rasul dan Nur Mahirah Mohd Fauzi manakala tertuduh diwakili peguam Muhammad Faizzudin Abd Rafik.

Terdahulu, Rais Adha memohon mahkamah mengenakan jaminan RM50,000 dengan seorang penjamin warga tempatan terhadap tertuduh dan syarat tambahan pasport diserahkan kepada mahkamah.

Bagaimanapun, peguam tertuduh merayu jaminan rendah iaitu RM15,000 mengambil kira tertuduh perlu menanggung ibu bapanya, selain tidak pernah gagal menghadiri siasatan di pejabat SPRM.

Hakim kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM15,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 6 Disember untuk sebutan semula kes bagi penyerahan dokumen.

**HARIAN METRO**
**07/11/2023**
**(SELASA)**

# APSI jalin kerjasama dengan Rasuah Busters

Bagi memerangi gejala rasuah dalam industri sukan

Oleh **MUHAMMAD SHAMSUL ABD GHANI**
SHAH ALAM

Syarikat Asia Pacific Sports International (APSI) mengambil inisiatif menjalinkan kerjasama dengan Rasuah Busters dalam usaha memerangi rasuah di dalam industri sukan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, KPD Andre berkata, pelbagai program bersama telah diatur, antaranya simposium sukan dan kejohanan futsal bertemakan antirasuah.

Menurut beliau, fokus diberikan kepada pendidikan sukan sebab seperti diketahui umum wujud gejala rasuah dalam industri tersebut.

"Program-program juga telah diatur dan matlamatnya adalah kita mahu menerapkan elemen melawan rasuah sambil bersukan," katanya kepada *Sinar Harian* selepas selesai mengadakan kunjungan terhadap Rasuah Busters di Kumpulan Karangkraf di sini, baru-baru ini.



KPD ANDRE

Beliau memberitahu, APSI akan memberi penekanan terhadap pendidikan awal kanak-kanak kerana jika hendak betulkan sesebuah negara, ia perlu bermula daripada langkah awal iaitu menyemai sikap benci rasuah dalam kalangan kanak-kanak terlebih dahulu.

"Perkara ini kita melihat seperti mana negara Jepun yang memfokuskan terhadap kemandirian moral anak kecilnya dan hal itu yang kami lakukan sekarang," jelasnya.

Dalam pada itu, Andre berkata, pihaknya juga sebelum ini bekerjasama dengan Universiti Malaya yang dijenamakan sebagai UMAPSI yang menekankan kepada aspek tadbir urus kesukanan dan etika serta tanggungjawab kesukanan.

"Ia di bawah program pendidikan sukan yang bermatlamat untuk mengukuhkan jati diri mereka yang terlibat," ujarnya.

## Pemilik syarikat IT tidak mengaku salah tuduhan menipu

**JOHOR BAHRU** - Seorang pemilik syarikat teknologi maklumat (IT), mengaku tidak bersalah atas kesemua enam pertuduhan menipu di Mahkamah Sesyen Johor Bahru, pada Isnin.

Tertuduh, K. Shiva Lingan, 30, membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu di pejabat PERKESO Johor Bahru pada 30 Jun 2021.

Bagi pertuduhan pertama sehingga keenam, tertuduh didakwa mengemukakan borang pengesahan pekerja palsu bagi Program Insentif Pengambilan Pekerja yang keseluruhannya berjumlah RM196,760.

Bagaimanapun, kesemua lapan pekerja tersebut didapati bukannya pekerja di syarikat miliknya dan borang berkenaan dikemukakan dengan niat memperdayakan kakitangan PERKESO.

Oleh itu tertuduh didakwa mengikut Seksyen 417 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum lima tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Rais Adha Ramli kemudiannya menawarkan jaminan sebanyak RM50,000 dengan seorang penjamin.

Hakim membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM15,000 dan menetapkan 6 Disember depan sebagai tarikh penyerahan dokumen dan sebutan semula kes.

SINAR HARIAN
07/11/2023
(SELASA)

# SPRM seru generasi muda bersama perangi rasuah

FOTO: SPRM



Karunanithy (duduk, enam dari kanan) bersama tetamu kehormat, ahli panel forum dan peserta pada sambutan Hari Antirasuah Antarabangsa 2023 peringkat Zon Sabah di Kota Kinabalu, baru-baru ini.

**KOTA KINABALU** - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyeru generasi muda untuk memberikan sokongan dan komitmen bagi memerangi rasuah di negara ini.

Pengarah SPRM Negeri Sabah, Datuk Karunanithy Y Subbiah berkata, golongan muda merupakan tonggak masa hadapan negara dan kebersamaan mereka penting ke arah menjadikan Malaysia bersih daripada rasuah.

Menurut beliau, negara memerlukan generasi muda yang mempunyai tahap integriti tinggi untuk membina tamadun yang bebas rasuah.

"Tegaskan dalam diri, jangan ambil rasuah dan jangan beri rasuah sebagai pegangan yang perlu diingat, bersama kita menentang rasuah," katanya sempena sambutan Hari Antirasuah Antarabangsa (HARA) 2023 peringkat Zon Sabah dengan kerjasama INTI College Sabah (ICS) dan Malaysian Association of Private Colleges and Universities (MAPCU) di Auditorium ICS, di sini, pada Sabtu.

> *Tegaskan dalam diri, jangan ambil rasuah dan jangan beri rasuah sebagai pegangan yang perlu diingat, bersama kita menentang rasuah."*

Dalam pada itu, Karunanithy mengingatkan generasi muda supaya sentiasa menjaga diri dan maruah supaya tidak mudah terjebak dengan perbuatan jijik rasuah.

"Ingat setelah memasuki alam pekerjaan, bawalah nama baik diri, jabatan, negeri dan negara secara keseluruhannya," tegas beliau.

Sambutan HARA 2023 bertemakan *Uniting The World Against Corruption* mensasarkan pelajar-pelajar antarabangsa dari universiti awam dan swasta di seluruh negara.

Turut hadir pada majlis itu, Ketua Eksekutif ICS, Roselyn Chua; Pengarah Eksekutif, MAPCU, Devan G. Nagappan dan Timbalan Pengarah (Pencegahan) SPRM Negeri Sabah, PKPj, Alexander S. Kunghi.

**SINAR HARIAN**
**07/11/2023**
**(SELASA)**

Sinar Harian - 8/11/23 - Rabu

# 'Letak syarat tidak dianggap rasuah'

## Namun ia tidak adil kerana halang hak MP jalan tanggungjawab kepada rakyat

Oleh NILAM NUR ATIKAH OSHMAN
SHAH ALAM

**PN henti runding mohon peruntukan kerajaan**



**Laporan *Sinar Harian* mengenai PN akan menghentikan sebarang rundingan bagi mohon peruntukan kerajaan.**

Tindakan kerajaan meletakkan syarat terhadap peruntukan kepada ahli Parlimen (MP) pembangkang tidak dianggap rasuah, sebaliknya wujud ketidakadilan kerana menghalang hak mereka bagi menjalankan tanggungjawab kepada rakyat.



THOMAS

Pengerusi Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (Bersih 2.0), Thomas Fann berkata, pemberian peruntukan wajar dilakukan segera demi kesejahteraan rakyat dan negara.

Katanya, kerajaan harus menghormati pengundi yang telah membuat pilihan dan kini tiba masa ahli Parlimen pembangkang membalas kepercayaan mereka.

"Tidak sepatutnya kerajaan menggunakan peruntukan untuk menarik sokongan ahli-ahli Parlimen pembangkang. Pihak kami juga tidak setuju ia dikatkan dengan syarat.

"Saya tidak menganggapnya sebagai rasuah kerana ia termasuk dalam rundingan persefahaman atau perjanjian kepercayaan dan perbekalan (CSA) iaitu mekanisme politik antara kerajaan dan parti lain," katanya kepada *Sinar Harian*.

Pada Isnin, Ahli Parlimen Arau, Datuk Seri Shahidan Kassim mendakwa kerajaan menggalakkan rasuah dengan meletakkan syarat terhadap peruntukan kepada ahli Parlimen pembangkang.

**SINAR HARIAN**
**08/11/2023**
**(RABU)**

BANDARAYA JOHOR BAHRU

RINGKAS

## Pegawai penguat kuasa disyaki minta rasuah RM30,000 ditahan

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang pegawai penguat kuasa kerana disyaki meminta wang berjumlah kira-kira RM30,000 daripada seorang pemilik syarikat.

Ia sebagai balasan bagi menutup kesalahan menggunakan dokumen palsu untuk mendapatkan tajaan penerbitan sebuah buletin.

Lelaki terbabit direman selama tiga hari bermula semalam sehingga esok selepas permohonan dibenarkan Majistret Mohamed Redza Azhar Rezali di Mahkamah Majistret Shah Alam, semalam.

Kelmarin, suspek lelaki berusia 40-an itu ditahan di sebuah cafe di sekitar Subang Jaya, Selangor kira-kira jam 4 petang.

Sementara itu, Pengarah SPRM Selangor, Datuk Alias Salim ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu dan memaklumkan kes disiasat mengikut Seksyen 16 (a) (B) Akta SPRM 2009.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

HARIAN METRO
08/11/2023
(RABU)

# Anwar beri SPRM 'restu' siasat menteri, pegawai terpalit rasuah

## Perdana Menteri nyatakan komitmen hapus salah laku di negara ini

**Oleh Iskandar Ibrahim**
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi kuasa penuh kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menyiasat mana-mana penjawat awam, termasuk pegawai khas beliau sendiri dan anggota Kabinetnya, jika disyaki terbabit dalam rasuah.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata perkara itu dimaklumkan sendiri oleh Perdana Menteri kepadanya.

"Anwar memberitahu bahawa SPRM tidak perlu menunggu 'restu' Perdana Menteri untuk memulakan siasatan terhadap ma- [illegible]

Saya berikan anda kebenaran untuk menyiasat mereka," katanya ketika berucap pada Majlis Sambutan Hari Integriti peringkat Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) di sini semalam.

Katanya, Perdana Menteri juga menyatakan komitmennya untuk menghapuskan rasuah di negara ini.

### Panel jawatankuasa bebas

Menyentuh isu lain, Azam berkata, panel jawatankuasa bebas sedia ada sudah memadai untuk menyiasat mana-mana pegawai SPRM yang didakwa terbabit dalam salah laku.

Ketika ini suruhanjaya itu dipantau oleh lima panel bebas, termasuk Jawatankuasa Aduan (JKA) SPRM.

"Jawatankuasa ini sudah lama diwujudkan untuk menyiasat mana-mana pegawai SPRM, tetapi untuk kes jenayah, ia di bawah bidang kuasa polis.

"Pada saya (panel jawatankuasa bebas) yang ada sekarang ini sudah memadai di mana sekiranya berlaku salah laku, kita sudah lama ada jawatankuasa be- [illegible]



**BERITA HARIAN**
**08/11/2023**
**(RABU)**

# Cara tangani rasuah mesti dinamik

Pendedahan mengenainya perlu disesuaikan mengikut segmen komuniti

Oleh SITI AISYAH MOHAMAD
SHAH ALAM

Pendedahan mengenai keburukan rasuah dalam kalangan masyarakat tidak hanya tertumpu kepada pendidikan berbentuk formal seperti pelajaran di dalam kelas semata-mata.

Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Sinar Untuk Malaysia (Rasuah Busters), Norhayati Nordin berkata, pendekatan tersebut perlu disesuaikan dengan segmen komuniti dalam setiap lapisan masyarakat.

"Cara menangani rasuah ini mesti dinamik. Tak semestinya kita kena beri syarahan atau ceramah politik sahaja untuk memberikan kesedaran. Ia perlu disesuaikan mengikut peringkat umur dari peringkat kanak-kanak, belia, dewasa sehingga ke warga emas.

"Kalau dengan murid sekolah rendah, mana boleh nak cerita tentang reformasi undang-undang berkaitan perlindungan maklumat. Sebab ini pentingnya kepelbagaian pendidikan tidak formal untuk setiap golongan.

"Banyak lagi yang kita boleh lakukan. Contohnya, buat program atau pertandingan yang dapat mencungkil bakal dan kreativiti orang ramai. Jadi, mereka boleh menyuarakan pandangan sendiri berkenaan isu ini," katanya kepada *Sinar harian*.



NORHAYATI

RASUAH BUSTERS

Akhbar ini pada Jumaat melaporkan, seramai 180 peserta terdiri daripada pelajar, kakitangan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan ahli-ahli Rasuah Busters menyertai program Integrity Beach Clean Up 3.0 di Pantai Tok Jembal, Terengganu.

Program yang diadakan sempena Sambutan Bulan Integriti Nasional Tahun 2023 itu dianjurkan Unit Integriti, UMT dengan kerjasama Kelab Angkatan Mahasiswa Anti Rasuah serta Rasuah Busters.

Tambah Norhayati, semua kumpulan masyarakat terdedah kepada potensi untuk memberi atau menerima rasuah.

"Mendidik dalam meningkatkan integriti mengenai isu ini memerlukan strategi dan tak boleh kata rasuah ini hanya melibatkan golongan elit sahaja," ujarnya.

**SINAR HARIAN**
**08/11/2023**
**(RABU)**

# Empat pegawai penguat kuasa minta suapan direman tiga hari

**SHAH ALAM** - Seramai empat pegawai penguat kuasa direman tiga hari kerana disyaki meminta dan menerima suapan daripada pemilik sebuah syarikat sebagai balasan membantu urusan tuntutan pembayaran penyelenggaraan bot sebuah jabatan kerajaan berjumlah RM14,000.

Perintah reman tiga hari bermula Rabu sehingga Jumaat dikeluarkan Majistret Muhammad Syafiq Sulaiman selepas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membuat permohonan itu di Mahkamah Majistret Shah Alam, pada Rabu.

Sumber berkata, semua lelaki berusia 42 hingga 59 tahun itu ditahan jam 6 petang semalam, ketika diminta hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Selangor.

"Dua daripada mereka bertugas di Putrajaya manakala dua lagi bertugas di sebuah daerah di negeri ini.

"Siasatan awal mendapati, keempat-empatnya dipercayai meminta dan menerima wang suapan daripada pemilik syarikat yang dimasukkan ke akaun bank masing-masing dari tahun 2019 hingga 2023," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Selangor, Datuk Alias Salim ketika dihubungi, mengesahkan penahanan itu dan kes disiasat mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta SPRM 2009.

Sinar Harian - 9/11/2023 - Khamis

**SINAR HARIAN**
**09/11/2023**
**(KHAMIS)**



EMPAT penguat kuasa dibawa untuk proses reman di Mahkamah Majistret Shah Alam, semalam. - Gambar NSTP/FAIZ ANUAR

MINTA, TERIMA SUAPAN

# Empat penguat kuasa direman

**Kuala Lumpur:** Empat penguat kuasa direman tiga hari bermula semalam, bagi membantu siasatan meminta dan menerima suapan daripada pemilik sebuah syarikat sebagai balasan membantu urusan tuntutan pembayaran penyelenggaraan bot milik sebuah jabatan kerajaan berjumlah RM14,000.

Perintah reman sehingga 10 November ini dikeluarkan Majistret Muhammad Syafiq Sulaiman di Mahkamah Majistret 6, Shah Alam, Selangor selepas permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Selangor, semalam.

Sumber berkata, keempat-empatnya yang juga lelaki berusia 42 hingga 59 tahun ditahan jam 6 petang kelmarin, ketika diminta hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Selangor.

"Dua daripada mereka bertugas di Putrajaya manakala dua lagi bertugas di sebuah daerah di Selangor.

"Siasatan awal mendapati, keempat-empatnya dipercayai meminta dan menerima wang suapan daripada pemilik syarikat itu yang dimasukkan ke akaun bank masing-masing daripada 2019 hingga 2023," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Selangor Datuk Alias Salim ketika dihubungi mengesahkan penahanan terbabit dan berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 16(a) (B) Akta SPRM 2009.

**HARIAN METRO**
**09/11/2023**
**(KHAMIS)**

# Four cops deny demanding for bribe

By SARBAN SINGH
sarbans@thestar.com.my

SEREMBAN: Four cops claimed trial at the Sessions Court here to charges of soliciting and accepting a bribe from a mother whose sons had been arrested for allegedly being in possession of syabu.

Muhammad Ruzaini Firdaus Ismail, Muhammad Syahar Sansuddin @ Samsudin, both 34, Mohamad Ikhwan Shafiq Mohammad and Muhammad Adib Hanizin, both 27, pleaded not guilty after the charges were read to them before judge Meor Sulaiman Ahmad Tarmizi.

Muhammad Ruzaini and Muhammad Syahar hold the rank of corporal while the other two are lance corporals.

All four work at the Gemencheh police station.

They were jointly charged with soliciting RM3,000 from a 36-year-old woman whose two sons had been detained by the police for allegedly possessing syabu.

They allegedly committed the offence just after midnight on Aug 24 this year at the station.

For the second charge, the four allegedly received RM800 from the woman around 3am on the same day through a 53-year-old individual.

The offence was allegedly committed at the same place.

They were charged under Section 16(a)(A) of the Malaysian Anti-Corruption Act which is punishable under Section 24 of the same legislation and read together with Section 34 of the Penal Code.

Those convicted of the crimes can be jailed up to 20 years and fined not less than five times the amount of the bribe involved or RM10,000, whichever is higher.

MACC's deputy public prosecutor Mohamad Azriff Firdaus Mohamad Ali then asked the court to set bail at RM10,000 for each of the accused and order them to report at the Melaka MACC office once every month until the case is disposed of.



**Claiming trial:** MACC officers taking the four accused to be charged at the Sessions Court in Seremban yesterday.

However, Azrul Zulkifli Stork, representing all four accused, asked for a lower amount as the accused had families to provide for.

He said they earned between RM2,800 and RM3,200 a month and also had to provide for their parents and in-laws.

Judge Meor Sulaiman set bail at RM3,500 with one surety each and ordered the men to report once a month at the Melaka MACC office.

He fixed Dec 12 for remention.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**THE STAR**
**09/11/2023**
**(KHAMIS)**

# No reprieve for monster dad

## 42-year jail term stays for man who raped stepdaughter 105 times

PUTRAJAYA: An unemployed man who raped his 12-year-old stepdaughter 105 times over three years will have to serve out his sentence of a 42-year jail term and 24 whippings.

The man had initially been slapped with a 1,050-year jail sentence.

The Court of Appeal, in upholding the sentence imposed by the High Court on the 36-year-old man, also slammed him for his act.

"What kind of a father rapes his own daughter or stepdaughter? (Even) one time we cannot forgive, what more 105 times," said Justice Datuk Hadhariah Syed Ismail during the appeal proceedings, adding that the girl suffered 105 times.

"Fathers are supposed to protect their children and not hurt them," she said yesterday, adding that the court was more concerned with protecting young children and girls.

The three-member bench, which included Datuk Ahmad Zaidi Ibrahim and Datuk Azmi Ariffin, was unanimous in dismissing the man's appeal against the jail sentence.

Justice Hadhariah said the court did a study which showed that such cases were on the rise, and was not convinced that the man was remorseful.

Earlier lawyer KA Ramu, representing the man, told the court that his client would be in prison until he was 63 (with a one-third remission), and urged the court to consider lowering his jail term to 30 years.

He also told the court his client was remorseful and wanted to return to society.

Deputy public prosecutor Dhiya Syazwani Izyan Mohd Tahir, who described the appellant as "a sick man", said the 42-year jail term was appropriate.

She said the appellant committed the offences when the girl's mother was at work.

On Jan 27, 2021, the Klang Sessions Court sentenced the man to 1,050 years in jail after he pleaded guilty to 105 charges of raping the girl at a house in Sungai Way, Petaling Jaya, Selangor. The girl was 12 in 2018.

He had raped the girl 58 times in 2018, 35 times in 2019 and 12 times in 2020, bringing the total number of charges to 105.

The Sessions Court also ordered the man to be given 24 strokes of the rotan.

On March 7 last year, the High Court in Klang reduced the sentence to 42 years and upheld the sentence of 24 strokes handed down by the Sessions Court.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**THE STAR**
**09/11/2023**
**(KHAMIS)**

# Isu 1MDB: Peguam mohon batal permohonan SPRM

**KUALA LUMPUR** - Peguam Rosli Dahlan memohon untuk membatalkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi mendapatkan dokumen daripadanya yang disyaki menerima rasuah dan pengubahan wang haram berkaitan proses penyelesaian di antara Kerajaan Malaysia dengan Ambank serta Goldman Sachs berkenaan isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Rosli, 62, selaku pemohon memfailkan notis usul itu di Mahkamah Tinggi pada 3 November lepas menerusi Tetuan Vin Law Co. dengan menamakan SPRM sebagai responden.

Peguam itu antara lain memohon SPRM membayar ganti rugi punitif dan teladan kepadanya atas dakwaan menyalahgunakan proses mahkamah dan memfitnah beliau dengan menamakannya sebagai responden pertama dalam permohonan SPRM.

Rosli, yang merupakan peguam kepada Presiden Bersatu, Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam kes berkaitan projek Jana Wibawa mendakwa, SPRM tidak mempunyai kedudukan undang-undang atau locus standi untuk mendapatkan perintah yang dipohon dalam permohonan itu.

Beliau turut mendakwa tindakan SPRM menamakannya sebagai responden pertama adalah berniat jahat, mengaibkan, remeh, menyusahkan dan memfitnah sedangkan tiada sebarang dokumen yang dipohon dalam permohonan SPRM berkaitan dengan peguam itu.

Kes itu ditetapkan untuk pengurusan kes di hadapan Hakim K. Muniandy esok.

Pada 11 Oktober lepas, SPRM memohon peguam itu mengemukakan 10 dokumen antaranya surat pelantikan Rosli sebagai peguam 1MDB, penyata akaun serta akaun firma guaman, Rosli Dahlan Saravana Partnership dan dokumen itu diperlukan SPRM untuk mengenal pasti pelantikan peguam itu sebagai peguam 1MDB dalam urusan penyelesaian dengan pihak Kerajaan Malaysia berkaitan 1MDB. - *Bernama*

**SINAR HARIAN**
**09/11/2023**
**(KHAMIS)**

Kes salah guna dana RM1 juta

# Nasib Syed Saddiq diketahui hari ini

**Kuala Lumpur:** Nasib Ahli Parlimen Muar, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman, sama ada bebas atau bersalah atas empat pertuduhan bersubahat melakukan pecah amanah, salah guna harta dan pengubahan wang haram membabitkan dana Angkatan Bersatu Anak Muda (ARMADA) BERSATU akan diketahui hari ini.

Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Azhar Abdul Hamid, dijadualkan membaca keputusannya pada jam 9 pagi.

Pada 14 Mac lalu, pembelaan menutup kes selepas memanggil Syed Saddiq dan tiga saksi lain iaitu bekas Ketua Penerangan ARMADA, Ulya Aqamah Husamudin, Mohamed Amshar Aziz (bekas Pegawai Khas Syed Saddiq) dan Siti Nurul Hidayah (bekas Setiausaha Peribadi Syed Saddiq) pada prosiding membela diri yang bermula 22 Februari lalu.

Pendakwaan pula mengemukakan 30 saksi pada perbicaraan kes itu yang bermula 21 Jun tahun lalu.

Antara yang memberi keterangan ibu bapa Syed Saddiq iaitu Shariffah Mahani Syed Abdul Aziz dan Syed Abdul Rahman Abdullah Asagoff, bekas Penolong Bendahari ARMADA, Rafiq Hakim Razali serta Pegawai Penyiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Nurul Hidayah Kamarudin, Syahmeizy Sulong serta Asbi Munip.

Kes itu dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Datuk Wan Shaharuddin Wan Ladin dan Mohd Afif Ali, manakala peguam Gobind Singh Deo dan Hajan Omar mewakili Syed Saddiq.

Pada 28 Oktober 2022, Mahkamah Tinggi memerintahkan Syed Saddiq membela diri selepas mendapati pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie terhadapnya.

Bekas Menteri Belia dan Sukan itu didakwa bersubahat dengan Rafiq Hakim, yang diamanahkan dengan dana ARMADA berjumlah RM1 juta, untuk melakukan pecah amanah dengan menyalahgunakannya.

BERNAMA

**BERITA HARIAN**
**09/11/2023**
**(KHAMIS)**

SINAR HARIAN
09/11/2023
(KHAMIS)

# Pupuk nilai integriti secara berterusan - MB

Bukan dilakukan secara bermusim atau pada masa tertentu

Oleh NURATIKAH ATHILYA HASSAN
SHAH ALAM

Jenayah rasuah bukan sahaja menjatuhkan imej negara malah menjejaskan kestabilan politik, merosakkan ekonomi dan perpaduan rakyat dalam sesebuah negara sekiranya tidak dibendung sejak awal.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, usaha memupuk nilai dan budaya integriti dalam diri rakyat perlu dilaksanakan secara berterusan dan bukannya secara bermusim atau pada masa tertentu sahaja.

"Dari segi kedudukan di kalangan negara Asia Tenggara, Malaysia berada di tempat kedua terbaik selepas Singapura yang merekodkan tangga kelima daripada 180 negara dalam usaha membasmi rasuah.

"Tetapi, usaha daripada kerajaan dan institusi tertentu sahaja tidak mencukupi kerana ia merupakan tanggungjawab bersama semua lapisan masyarakat, baik yang berkhidmat di institusi awam atau swasta," katanya ketika merasmikan pelancaran Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) di Pusat Konvensyen Shah Alam pada Rabu.

Jelas Amirudin, pemerkasaan integriti terhadap penjawat awam dan pentadbiran negeri merupakan sebahagian daripada usaha yang tertangguh apabila beliau menyatakan lima tekad dalam menekuskan pentadbiran di bawah kerajaan sedia ada.

"Saya percaya ia akan dikembangkan lagi dengan pelbagai aktiviti dan program yang mungkin kelihatan santai tetapi mampu memberi impak positif dan perlahan-lahan menjadi pegangan dalam diri," ujarnya.



Amirudin (duduk, tengah) dan Saipolyazan (duduk, dua dari kanan) pada majlis pelancaran sambutan Hari Integriti Kumpulan MBI dan pelancaran Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) di Shah Alam pada Rabu.

Sementara itu, Ketua Pegawai Operasi MBI, Saipolyazan M Yusop berkata, syarikatnya melaksanakan usaha berterusan bagi membudayakan integriti menerusi pelbagai inisiatif dan program yang telah dijalankan.

Menurut beliau, jaringan perlu diterokai dan diperluaskan terutamanya dengan institusi dan badan-badan yang turut berada di medan yang sama dalam usaha memerangi rasuah.

"Justeru, pelancaran OACP merupakan satu langkah untuk menanamkan nilai integriti dalam kalangan kakitangan.

"Kami juga bekerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menerusi pendidikan di peringkat sekolah sebagai langkah awal perangi rasuah," ujarnya.

# Syed Saddiq wakil rakyat pertama dihukum sebat

Bekas menteri itu turut didenda RM10 juta dan penjara tujuh tahun

Oleh NOOR AZLIDA ALIMIN
KUALA LUMPUR

Ahli Parlimen Muar, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman menjadi wakil rakyat pertama dikenakan hukuman sebatan bagi kesalahan jenayah kolar putih.

Bekas Presiden Parti Ikatan Demokratik Malaysia (Muda) itu dikenakan hukuman berkenaan selepas Mahkamah Tinggi di sini pada Khamis menetapkan dia bersalah atas empat pertuduhan bersubahat pecah amanah, salah guna harta dan pengubahan wang haram (AMLA).

Selain sebatan, Syed Saddiq yang berusia 31 tahun turut dihukum penjara tujuh tahun dan denda RM10 juta.

Namun, mahkamah membenarkan bekas Menteri Belia dan Sukan itu menangguhkan semua hukuman sementara menunggu rayuan.

Berbeza dengan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang kini berusia 70 tahun, dia dihukum penjara selama 12 tahun dan denda RM210 juta tanpa sebatan kerana usianya sudah melangkaui setengah abad.

Berdasarkan Seksyen 289(c) Kanun Prosedur Jenayah 2007, pesalah wanita, lelaki yang dijatuhkan hukuman mati atau pesalah berumur lebih dari 50 tahun, tidak boleh dikenakan sebatan.

Difahamkan, sabitan hukuman sebatan adalah mandatori bagi pertuduhan pecah amanah jenayah dan salah guna harta.

Pada Khamis, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur menjatuhkan hukuman penjara tujuh tahun dan dua sebatan serta denda RM10 juta ke atas Syed Saddiq selepas beliau bersalah atas empat pertuduhan berkaitan dana Angkatan Bersatu Anak Muda (Armada).




Syed Saddiq sedih apabila dipeluk ibunya, Sharifah Mahani Syed Abdul Aziz selepas dijatuhi hukuman oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

Hakim Datuk Azhar Abdul Hamid menjatuhkan hukuman penjara tiga tahun dan satu sebatan bagi kesalahan bersubahat melakukan pecah amanah, dua tahun penjara dan satu sebatan bagi pertuduhan salah guna harta manakala bagi dua kesalahan pengubahan wang haram masing-masing dipenjara dua tahun dan denda RM5 juta. Jika gagal membayar denda, Syed Saddiq boleh dipenjara empat tahun.

Hakim Azhar memerintahkan hukuman penjara bagi pertuduhan bersubahat melakukan pecah amanah dan kesalahan salah guna harta berjalan berasingan manakala hukuman pertuduhan pengubahan wang haram berjalan serentak.

"Mahkamah mengekalkan syarat jaminan sedia ada," kata hakim.

Sebelum ini, Syed Saddiq dibenarkan diikat jamin RM330,000 bagi kesemua pertuduhan serta diperintahkan menyerahkan pasport kepada mahkamah sehingga kas selesai dan melaporkan diri di Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhampiran, sebulan sekali.

**SINAR HARIAN**
**10/11/2023**
**(JUMAAT)**

# Bekas Menteri Komunikasi Indonesia dipenjara

## Terbabit dalam kes rasuah menyebabkan negara itu mengalami kerugian lebih AS$500 juta



Johnny Gerard Plate dibawa keluar dari bangunan Mahkamah antirasuah Indonesia di Jakarta. *- Agensi*

JAKARTA

Bekas Menteri Komunikasi Indonesia dihukum penjara selama 15 tahun selepas didapati bersalah menerima rasuah dalam kes menyebabkan negara itu mengalami kerugian lebih AS$500 juta (RM2.4 bilion).

Mahkamah antirasuah Indonesia mendapati, Johnny Gerard Plate bersalah kerana menggunakan kedudukannya untuk menerima rasuah daripada projek telekomunikasi.

"Defendan telah didapati secara sah dan meyakinkan bersalah melakukan rasuah bersama orang lain dan mahkamah menjatuhkan hukuman penjara 15 tahun ke atas defendan," kata Ketua Hakim Fahzal Hendri.

Mahkamah juga memerintahkan lelaki berusia 67 tahun itu membayar denda 1 bilion rupiah (RM299,000) atau menjalani hukuman penjara tambahan selama enam bulan.

Dia juga diperintahkan membayar 15.5 bilion rupiah (RM4.6 juta) sebagai ganti rugi atau asetnya disita oleh pihak mahkamah.

Plate diberkas pada Mei atas penglibatannya dalam projek stesen pangkalan penghantar-terima (BTS), yang bertujuan menyediakan akses internet 4G ke kawasan-kawasan terpencil di seluruh Indonesia dengan diketuai oleh sebuah agensi di bawah kementerian komunikasi.

Menurut Pejabat Peguam Negara, penyelewengan dalam projek itu mengakibatkan kerugian keseluruhan sebanyak 8.03 trilion rupiah (RM2.4 bilion).

Plate bersalah kerana menerima rasuah sebanyak 10 bilion rupiah (RM3 juta) daripada projek itu. *- AFP*

**SINAR HARIAN**
**10/11/2023**
**(JUMAAT)**

# Beri persepsi SPRM dipengaruhi kuasa eksekutif

Ekoran PM beri 'lampu hijau' siasat mana-mana menteri, pegawai terlibat rasuah

Oleh NURUL HUDA HUSAIN
SHAH ALAM

Pendedahan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki bahawa Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memberikan 'lampu hijau' untuk menyiasat mana-mana menteri atau pegawai kerajaan sekiranya wujud elemen rasuah mendatangkan persepsi tidak sihat terhadap agensi itu.

Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Sinar Untuk Malaysia (Rasuah Busters), Norhayati Nordin berkata, kenyataan tersebut juga mencerminkan suruhanjaya berkenaan turut dipengaruhi kuasa eksekutif dalam membuat sebarang keputusan untuk menjalankan siasatan tertentu.

"Apa yang jelas mengenai tugas dan tanggungjawab SPRM ialah melakukan siasatan mengikut perkara tertakluk di bawah undang-undang dan sebagai sebuah badan penguat kuasa harus menjalankan tanggungjawab dengan bebas dan telus.



NORHAYATI

"Selain telus dan bebas, tidak harus juga apa-apa keputusan yang dibuat SPRM ditadbir atau diputuskan mana-mana pihak khususnya eksekutif. Kita tidak mahu pengaruh tertentu akan terlibat dalam sebarang keputusan yang dibuat (oleh SPRM)," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau berkata demikian bagi mengulas pendedahan Azam mengenai Anwar telah memberikan 'lampu hijau' untuk menyiasat mana-mana menteri, pegawai kerajaan termasuk pegawai khasnya sendiri jika wujud elemen rasuah.

Menurut Azam, Anwar seorang pemimpin yang serius dalam membanteras elemen rasuah, pernah memberitahunya untuk tidak menunggu arahan beliau untuk melakukan siasatan ke atas mana-mana mereka yang terpalit rasuah.

Dalam pada itu, Norhayati menjelaskan, ketika ini tuntutan Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (KRPPM) – Integriti, Governans dan Anti Rasuah (IGAR) supaya SPRM diletakkan di bawah Parlimen juga didengari.

"Tuntutan daripada pihak KRPPM-IGAR telah pun kita bawa ke Parlimen untuk reformasi SPRM itu sendiri dan keperluan agar SPRM diletakkan di bawah Parlimen," katanya.

**SINAR HARIAN**
**10/11/2023**
**(JUMAAT)**

# UPNM kolaborasi dengan Rasuah Busters



Mohd Zu Azhan (depan, tengah) bersama peserta Bulan Integriti dan Kualiti Universiti Pertahanan Nasional Malaysia di Sungai Besi, Kuala Lumpur, pada Khamis.

**KUALA LUMPUR** - Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) akan memberi kerjasama penuh dengan Rasuah Busters untuk mengadakan program kesedaran secara berterusan bagi meningkatkan integriti dalam kalangan pelajar.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (TNC HEPA) UPNM, Profesor Dr Mohd Zu Azhan Yahya berkata, kolaborasi itu boleh dilakukan dengan Unit Integriti serta Kelab Angkatan Mahasiswa Anti Rasuah (AMAR) di universiti berkenaan agar program tersebut dapat disebar dengan lebih meluas.

"Pihak kami amat mengalu-alukan sekiranya mereka (Rasuah Busters) ingin menganjurkan sebarang program berkaitan integriti di UPNM atau di mana-mana sahaja selain boleh mengumpulkan pelajar-pelajar kami.

"Bagaimanapun, saya mengharapkan penganjuran program ini bersesuaian dengan generasi muda masa kini supaya pelajar terbabit berasa seronok dan pada masa sama mesej tersebut dapat disampaikan dengan efektif.

"Baru-baru ini pun, Kelab AMAR muncul johan dalam Pertandingan TikTok Kempen Kesedaran Antirasuah Peringkat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) daripada 11 institusi pengajian tinggi yang terlibat," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Bulan Integriti dan Kualiti UPNM di Dewan Bestari dekat sini pada Khamis.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Dr Azizi Miskon serta Pengarah Kanan Bahagian Pengurusan Projek dan Perancangan Strategi, Profesor Dr Hasan Al-Banna Mohamed.

Tambah Mohd Zu Azhan, lukisan doodle yang turut dipamerkan Rasuah Busters di reruai adalah tindakan yang wajar diberikan pujian.

"Saya rasa ini sangat bagus sebab kepelbagaian cara untuk menyampaikan mesej selain memberi penghayatan sendiri kepada setiap orang yang melihat hasil lukisan tersebut dan bukan hanya tertumpu kepada ceramah semata-mata," ujarnya.

Menurut Mohd Zu Azhan, nilai murni dan integriti penting untuk diterapkan kepada pelajar di universiti berkenaan secara berkala bagi melahirkan graduan yang berdisiplin serta sebagai persediaan mereka menghadapi alam pekerjaan.

"Keutamaan kami adalah pertahanan dan keselamatan. Jadi, penerapan nilai serta integriti dalam kalangan pelajar perlu dilaksanakan berterusan kerana ia merupakan dalaman yang perlu dibentuk.

"Pada peringkat pelajar iaitu tahun satu sudah ada modul Kesatria Al-Fateh yang melatih nilai insan budiman supaya mereka beretika dan menguatkan nilai murni dalam diri," tambahnya.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**SINAR HARIAN**
**10/11/2023**
**(JUMAAT)**

# PENJARA 7 TAHUN, DENDA RM10 JUTA, DUA SEBATAN

*Syed Saddiq wakil rakyat pertama dikenakan hukuman sebat selepas didapati bersalah atas empat pertuduhan*



## *Mahkamah Rayuan penentu nasib*

**HARIAN METRO**
**10/11/2023**
**(JUMAAT)**



# 'BELIAU MASIH MUDA DAN BOLEH BERUBAH'

*Wan Shaharuddin harap ahli politik jaga amanah diberi, ambil iktibar daripada kes Syed Saddiq*

## Didenda RM14K kes 'perdaya' Perkeso

**HARIAN METRO**
**10/11/2023**
**(JUMAAT)**




HISHAMUDDIN (tengah) bersama penduduk tiga kampung di Sabah yang berhimpun di luar bangunan SPRM untuk membuat laporan berhubung isu pemilikan hak tanah di Putrajaya, semalam. -Gambar NSTP/SAMADI AHMAD

# 'Kami semua diusir, tanaman ditebang!'

***Penduduk buat laporan SPRM susulan tanah diusahakan sejak lima generasi ditukar hak milik kepada sebuah syarikat***

**Oleh Samadi Ahmad**
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Tiga wakil penduduk pribumi Sabah membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung isu pemilikan tanah oleh pihak luar sekali gus menyebabkan penduduk yang mendiami kawasan itu sejak lima generasi lalu teraniaya.

Laporan dibuat wakil penduduk Kampung Mimusoh (Tongord), Mount Pock (Semporna) dan Serudung Laut (Kalabakan) dengan dibantu Pertubuhan Kemanusiaan Masyarakat Antarabangsa (MHO).

Setiausaha Agung MHO Datuk Hishamuddin Hashim berkata, penduduk tiga kampung ini dinafikan hak mereka kerana tanah yang diduduki dan diusahakan dengan tanaman kelapa sawit serta getah ditukar hak milik kepada sebuah syarikat.

> "MHO menyeru SPRM menjalankan siasatan terhadap isu yang menindas penduduk pribumi ini"

Menurutnya, penduduk diusir dan tanaman mereka ditebang.

Katanya, penduduk tanah adat ini sudah lama dibelenggu masalah ini apabila status tanah diusahakan sejak lima generasi lalu dicabar hak oleh pihak lain walaupun permohonan sudah dibuat kepada kerajaan negeri.

"MHO menyeru SPRM menjalankan siasatan terhadap isu yang menindas penduduk pribumi ini. Mereka hilang tempat tinggal dan mata pencarian," katanya di pekarangan ibu pejabat SPRM di sini, semalam.

Kira-kira 20 penduduk kampung terbabit hadir bagi memberi sokongan kepada wakil mereka membuat laporan kepada SPRM.

Difahamkan seramai 5,000 penduduk tinggal di empat kampung itu membabitkan suku Kadazan-Dusun, Bajau dan Murut yang rata-ratanya bergantung kepada hasil pertanian.

Penduduk Kampung Serundung Laut, Johnny-Unkis, 57, berkata, isu ini berlarutan sejak 2016 dan penduduk sudah tiada tempat tinggal dan mata pencarian akibat diusir.

Menurutnya, penduduk terpaksa berpindah dan menumpang di rumah anak-anak atau saudara mara.

**HARIAN METRO**
**10/11/2023**
**(JUMAAT)**

Rasuah telekomunikasi

# Bekas menteri Indonesia dipenjara 15 tahun

**Jakarta:** Seorang bekas menteri komunikasi Indonesia dijatuhi hukuman penjara 15 tahun selepas didapati bersalah dalam kes rasuah yang menyebabkan negara itu kerugian lebih AS$500 juta (RM2.3 bilion).

Mahkamah antirasuah Indonesia mendapati bekas Menteri Komunikasi dan Teknologi Maklumat, Johnny Gerard Plate bersalah kerana menggunakan kedudukannya untuk memperoleh kekayaan daripada projek telekomunikasi.

"Defendan didapati bersalah secara sah dan meyakinkan melakukan rasuah bersama-sama orang lain dan (mahkamah) menjatuhkan hukuman penjara 15 tahun kepada defendan," kata Hakim Fahzal Hendri, kelmarin.

Mahkamah juga memerintahkan lelaki berusia 67 tahun itu membayar denda satu bilion rupiah Indonesia (AS$63,750 atau RM298,592.25) atau menjalani hukuman penjara tambahan selama enam bulan.

Tertuduh juga diperintahkan membayar 15.5 bilion rupiah sebagai ganti rugi atau asetnya disita oleh mahkamah.

Plate ditahan pada Mei lalu kerana pembabitannya dalam projek stesen transceiver pangkalan (BTS), bertujuan menyediakan akses internet 4G ke kawasan terpencil di seluruh kepulauan, yang diketuai sebuah agensi di bawah kementerian komunikasi.

Pejabat Peguam Negara (AGO), berkata penyelewengan dalam projek itu mengakibatkan kerugian keseluruhan sebanyak 8.03 trilion rupiah (AS$540 juta atau RM2.53 bilion).

Mahkamah mendapati Plate bersalah kerana memperoleh habuan 10 bilion rupiah (AS$638,500) daripada projek itu.

AGO melaporkan bahawa pihaknya menemui penyelewengan dalam proses perolehan membabitkan syarikat tempatan dan asing dan menamakan lima suspek lain, termasuk seorang eksekutif anak syarikat gergasi telekomunikasi China, Huawei.

Indonesia menahan berpuluh-puluh pegawai awam kerana rasuah dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

Pada 2021, seorang bekas Menteri Hal Ehwal Sosial dipenjarakan selama 12 tahun selepas disabitkan kesalahan menerima rasuah AS$1.2 juta (RM5.6 juta) yang dikaitkan dengan bantuan makanan untuk keluarga miskin yang dilanda pandemik COVID-19.

AFP



*Plate dihukum penjara 15 tahun kerana didapati bersalah melakukan rasuah menyebabkan Indonesia kerugian AS$500 juta.* (Foto AGENSI)

BERITA HARIAN
10/11/2023
(JUMAAT)

Isu Ahli Parlimen PN sokong PM

# BERSATU kumpul bukti ahli Parlimen ditawar peruntukan

## Parti akan buat laporan polis, SPRM tempoh terdekat

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my



*Muhyiddin bersama kepemimpinan BERSATU pada sidang media selepas Mesyuarat Khas Majlis Pimpinan Tertinggi BERSATU di Kuala Lumpur, kelmarin.* (Foto Azuiddin Saad/bh)

**Kuala Lumpur:** BERSATU mendakwa sudah mengumpul bukti berhubung tawaran tertentu kepada ahli Parlimen parti itu sebelum mengemukakan laporan kepada polis dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam masa terdekat.

Presiden BERSATU, Tan Sri Muhyiddin Yassin, mendakwa ada ahli Parlimen parti itu ditawarkan faedah berbentuk kewangan atau peruntukan.

"Ini melanggar peruntukan seperti Akta SPRM dan kita akan buat laporan polis dalam tempoh sehari dua.

"Semua maklumat dikumpulkan, contohnya dalam kes Ahli Parlimen Gua Musang atau Ahli Parlimen Kuala Kangsar.

"Dalam kes Ahli Parlimen Gua Musang, dia beritahu ketika mesyuarat BERSATU Kelantan bahawa mendapat tawaran, tetapi menolak semuanya.

"Tiga hari selepas itu, dia umum keputusan sokong sana (kerajaan). Justeru, kita syak ada perkara sedang berlaku yang melanggar peruntukan undang-undang," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Khas Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) BERSATU di Ibu Pejabat Perikatan Nasional (PN), di sini, kelmarin.

Hadir sama, Timbalan Presiden, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu; dua Naib Presiden, Datuk Dr Radzi Jidin dan Datuk Seri Ronald Kiandee; Setiausaha Agung, Datuk Seri Hamzah Zainudin serta Ketua ARMADA, Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal.

### [illegible]

Muhyiddin yang juga Pengerusi PN turut menggesa Akta Antilompat Parti yang diwartakan 6 September lalu dikaji semula susulan didakwa mempunyai kelompongan ketara.

"Sebagai contoh, dalam kes yang belum diputuskan mahkamah terhadap empat bekas ahli Parlimen BERSATU yang menyokong Kerajaan Perpaduan.

"Kes itu masih menunggu keputusan mahkamah, tetapi di peringkat Speaker Dewan Rakyat memutuskan mereka tidak melanggar (peraturan parti)," katanya.

Muhyiddin merujuk tindakan empat bekas ahli BERSATU iaitu Ahli Parlimen Sipitang, Datuk Matbali Musah, Datuk Armizan Mohd Ali (Papar), Khairul Firdaus Akbar Khan (Batu Sapi) dan Datuk Jonathan Yasin (Ranau) yang bertukar parti Januari lalu.

BERSATU turut menyifatkan Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Abdul, terkhilaf dalam memutuskan tiada kekosongan empat kerusi Parlimen dimenangi bekas ahli parti itu atas tiket Gabungan Rakyat Sabah (GRS) pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15).

Muhyiddin mendakwa, Johari membuat tafsiran khilaf berhubung Perkara 49A (3) Perlembagaan Persekutuan.

Dalam pada itu, beliau menyifatkan tindakan empat ahli Parlimen BERSATU dengan sendirinya menimbulkan prasangka terhadap parti itu, selain mengkhianati sokongan pengundi.

"Saya nak nyatakan kepada penyokong PN dan BERSATU, tindakan mereka ini tidak mendapat sokongan kita," katanya.

**BERITA HARIAN**
**11/11/2023**
**(SABTU)**



*Eksekutif wanita (tengah) yang disyaki menerima suapan RM45,000 dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam.* (Foto ihsan SPRM)

# Eksekutif direman 7 hari kes terima rasuah RM45,000

## Suspek didakwa bantu tukar ejen buruh asing dalam sistem komputer

**Putrajaya:** Seorang eksekutif di syarikat yang membekalkan sistem pengurusan pekerja asing ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), kelmarin kerana disyaki menerima rasuah kira-kira RM45,000.

Eksekutif wanita dalam lingkungan 20-an itu disyaki menerima rasuah sebagai balasan membuat pertukaran ejen pengambilan pekerja asing warga Bangladesh melalui sistem komputer dan dipercayai melakukan perbuatan tersebut antara Jun dan Oktober tahun ini, kata sumber SPRM.

**Ditahan di Ibu Pejabat SPRM**

Menurut sumber itu, wanita berusia lingkungan 20-an itu ditahan di ibu pejabat SPRM Putrajaya di sini, pada jam 5 petang selepas hadir memberikan keterangan.

Wanita itu kini direman tujuh hari bermula semalam sehingga 16 November selepas Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin membenarkan permohonan SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya di sini, semalam.

Sementara itu, Pengarah SPRM Putrajaya, Azizul Ahmad Sarkawi ketika dihubungi mengesahkan penahanan dan memaklumkan kes disiasat mengikut Seksyen 16 (a)(A) Akta SPRM 2009. BERNAMA

# Penguat kuasa disyaki minta habuan seks ditahan

**Johor Bahru:** Seorang anggota agensi penguatkuasaan ditahan selepas kerana disyaki meminta habuan seks sebagai balasan tidak mengambil tindakan ke atas seorang wanita yang gagal melapor diri atas kesalahan dadah.

Sumber berkata, lelaki berusia dalam lingkungan 40-an itu ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ketika bersama wanita berusia 20-an itu dalam operasi khas di sebuah hotel di sini, jam 7.30 malam kelmarin.

Wanita berkenaan dipercayai gagal melapor diri secara bulanan kepada agensi penguatkuasaan berkenaan dan suspek dikatakan meminta habuan seks bagi mengelak mangsa dikenakan tindakan.

"Wanita berkenaan pernah ditahan atas kesalahan dadah dan sedang menjalani tempoh pengawasan dua tahun di sebuah agensi penguatkuasaan di Johor Bahru," kata sumber berkenaan.

Mahkamah Majistret Johor Bahru membenarkan permohonan reman empat hari bermula semalam hingga Isnin ini bagi siasatan lanjut.

Permohonan reman dibenarkan Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah, Chai Ing Hien, selepas dikemukakan SPRM.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Perisikan SPRM, Datuk Azmi Kamaruzaman, ketika dihubungi mengesahkan penahanan dan kes disiasat mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta SPRM 2009.



*Anggota penguat kuasa dibawa ke Mahkamah Majistret Johor Bahru bagi permohonan reman, semalam.* (Foto ihsan SPRM)

**BERITA HARIAN**
**11/11/2023**
**(SABTU)**

## Anggota penguat kuasa minta habuan seks diberkas

**PUTRAJAYA** - Seorang anggota penguat kuasa diberkas oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas dipercayai meminta habuan seks.

Ia sebagai balasan untuk tidak mengambil tindakan ke atas seorang wanita kerana gagal melaporkan diri disebabkan kesalahan dadah.

Suspek lelaki berusia dalam lingkungan 40-an itu dipercayai ditahan ketika bersama wanita berusia dalam lingkungan 20-an dalam satu operasi khas di sebuah hotel di Johor Bahru jam 7.30 malam Khamis.

Sumber berkata, wanita tersebut dipercayai gagal melaporkan diri secara bulanan kepada agensi penguat kuasa berkenaan dan bagi mengelakkan daripada diambil tindakan, suspek telah meminta habuan seks.

"Wanita tersebut dipercayai pernah ditahan kerana kesalahan dadah dan sedang menjalani tempoh pengawasan selama dua tahun di sebuah agensi penguat kuasa di Johor Bahru," katanya.

Susulan penahanan tersebut, suspek telah dibawa ke Mahkamah Majistret Johor Bahru bagi permohonan tahanan reman.

Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah, Chai Ing Hien membenarkan perintah tahanan reman selama empat hari bermula Jumaat sehingga Isnin depan.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Perisikan SPRM, Datuk Azmi Kamaruzaman ketika dihubungi mengesahkan penahanan tersebut dan berkata, kes disiasat di bawah Seksyen 16(a)(B) Akta SPRM 2009.

RASUAH BUSTERS

## SPRM tahan eksekutif disyaki rasuah RM45,000

**PUTRAJAYA** - Seorang eksekutif khidmat pelanggan ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dipercayai menerima rasuah berjumlah RM45,000 bagi membuat pertukaran ejen pengambilan pekerja asing.

Sumber berkata, SPRM Putrajaya bertindak menahan reman eksekutif wanita terbabit kerana menerima sogokan sebagai balasan melakukan perkara terbabit melalui sistem komputer.

Menurutnya, suspek dipercayai membuat pertukaran ejen pengambilan pekerja asing warga Bangladesh.

"Suspek berusia dalam lingkungan 20-an ditahan semalam (Khamis) kira-kira jam 5 petang di ibu pejabat SPRM Putrajaya selepas dia diminta hadir untuk memberikan keterangan," katanya pada Jumaat.

Beliau berkata, suspek yang bekerja dengan sebuah syarikat membekalkan sistem pengurusan pekerja asing dan wanita itu dipercayai telah melakukan perbuatan terbabit sejak Jun hingga Oktober 2023.

Katanya, perintah reman selama tujuh hari bermula Jumaat sehingga 16 November 2023 itu dikeluarkan Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin, selepas pihak SPRM membuat permohonan terbabit di Mahkamah Majistret Putrajaya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Putrajaya, Azizul Ahmad Sarkawi ketika dihubungi mengesahkan penahanan terbabit dan menyatakan kes disiasat di bawah Seksyen 16 (a)(A) Akta SPRM 2009.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**SINAR HARIAN**
**11/11/2023**
**(SABTU)**

PERTUKARAN EJEN PENGAMBILAN PEKERJA ASING

# Dituduh terima suapan RM45,000

**Putrajaya:** Seorang eksekutif khidmat pelanggan direman tujuh hari bermula semalam sehingga Jumaat depan bagi membantu siasatan kerana disyaki menerima rasuah kira-kira RM45,000 sebagai balasan membuat pertukaran ejen pengambilan pekerja asing warga Bangladesh.

Sumber berkata, wanita berusia 20-an ditahan kira-kira jam 5 petang kelmarin ketika hadir di Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rahsuah Malaysia (SPRM) di sini untuk memberi keterangan.

"Suspek bekerja dengan sebuah syarikat yang membekalkan sistem pengurusan pekerja asing dipercayai melakukan perbuatan terbabit sejak Jun hingga Oktober lalu," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Putrajaya Azizul Ahmad Sarkawi ketika dihubungi mengesahkan penahanan terbabit.

Menurutnya, kes disiasat mengikut Seksyen 16 (a)(A) Akta SPRM 2009.

> *Suspek bekerja dengan syarikat membekalkan sistem pengurusan pekerja asing dipercayai melakukan perbuatan terbabit sejak Jun hingga Oktober lalu."*
>
> **Sumber**



EKSEKUTIF khidmat pelanggan yang disyaki terima suapan RM45,000 dibawa ke mahkamah di Putrajaya.

HARIAN METRO
11/11/2023
(SABTU)

# Minta RM8k upah ringan hukuman

Kota Kinabalu: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Sabah menahan dua pegawai penguat kuasa kerana disyaki meminta rasuah daripada seorang individu berjumlah kira-kira RM8,000.

Ia sebagai balasan meringankan hukuman atas kesalahan memandu di bawah pengaruh alkohol.

Sumber memberitahu, kedua dua lelaki berusia 30-an hingga 40-an itu dipercayai ditahan kelmarin kira-kira jam 7 malam di pejabat SPRM Sabah ketika diminta hadir memberi keterangan.

"Kedua-dua suspek yang bertugas di sebuah daerah di Sabah dipercayai meminta wang rasuah berjumlah kira-kira RM8,000 pada 4 Oktober lalu apabila wang RM2,000 sudah diberikan pada 17 Oktober 2023 kepada seorang suspek," katanya di sini, semalam.

Sementara itu, Pengarah SPRM Sabah, Datuk S Karunanithy ketika dihubungi mengesahkan tangkapan terbabit.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

"Kedua-dua suspek dilepaskan dengan jaminan SPRM selepas keterangan kedua-dua mereka direkodkan," katanya.

**HARIAN METRO**
**11/11/2023**
**(SABTU)**

# Rasuah seks masih aktif berlaku

## Pihak berkuasa sukar ambil tindakan kerana pembuktian kes mencabar

Oleh Ilah Hafiz Aziz
ilahhafiz.abdulaziz

**Kuala Lumpur:** Gejala rasuah berupa habuan seks dikesan masih aktif berlaku di negara ini, namun sukar diambil tindakan oleh pihak berkuasa kerana pembuktian kes yang mencabar dan kurangnya mangsa tampil membuat laporan untuk mendedahkan perkara itu.

Ia juga biasanya membabitkan mereka yang mempunyai kuasa, pangkat dan kedudukan serta tidak memerlukan rasuah wang, sebaliknya hanya mahu memenuhi nafsu serakah dengan mengambil kesempatan ke atas individu terdesak atau berdepan isu berkait undang-undang.

Penganalisis rasuah, Noor Mohamad Shakil Hameed, berkata habuan seks boleh berlaku dalam pelbagai persekitaran dan situasi, dengan alasan berupaya melepaskan seseorang suspek ataupun pesalah, selain menerusi ugutan untuk mengambil tindakan jika permintaan itu tidak dituruti.

"Lazimnya, budaya habuan seks berlaku apabila seseorang yang ada kuasa, pangkat atau kedudukan menyalahgunakannya dengan mengambil kesempatan untuk memuaskan nafsu.

"Ada juga situasi yang mana habuan seks diminta oleh seseorang pegawai yang ada kuasa dalam urusan perolehan. Pelaku cuba mendapatkan habuan seks daripada pembekal yang ingin mendapatkan kontrak perolehan di organisasi terbabit," katanya kepada *BH*, di sini, semalam.

Jumaat lalu, *BH* melaporkan seorang anggota agensi penguatkuasaan di Johor Bahru, ditahan kerana disyaki meminta habuan seks sebagai balasan untuk tidak mengambil tindakan ke atas seorang wanita yang gagal melapor diri atas kesalahan dadah.

Lelaki dalam lingkungan umur 40-an itu ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ketika bersama wanita berusia 20-an terbabit, dalam operasi khas di sebuah hotel kira-kira jam 7.30 malam Khamis lalu.

### Mangsa perlu buat laporan

Mengulas lanjut, Noor Mohamad berkata, sogokan seksual dipercayai sering berlaku, tetapi dikhuatiri tidak ramai mangsa mahu membuat laporan kerana perkara itu sukar dibuktikan, selain malu jika ia didedahkan kepada umum.

"Siasatan memang sukar kerana ia tidak membabitkan transaksi wang atau pemindahan secara dalam talian.

"Mangsa perlu berani untuk segera melaporkan kepada pihak berkuasa apabila ada permintaan habuan seks daripada mana-mana pihak. Dengan itu, pihak berkuasa dapat mengatur strategi menangkap suspek ketika mangsa berjumpa dengannya," katanya.

> "Dikhuatiri tidak ramai mangsa mahu membuat laporan kerana perkara itu sukar dibuktikan, selain malu jika ia didedahkan kepada umum"



***Noor Mohamad Shakil Hameed,***
*Penganalisis rasuah*

Beliau berkata, aspek kesedaran, pencegahan dan penguatkuasaan perlu ditingkatkan. Pihak berkuasa perlu berterusan memberi pendidikan kesedaran mengenai gejala habuan seks, kepada masyarakat.

"Kita juga memohon agar pihak SPRM meneliti semula Seksyen 16 Akta SPRM 2009 membabitkan kesalahan menerima suapan, di mana sudah ada keperluan untuk mengadakan tafsiran lebih spesifik terhadap kesalahan meminta rasuah berbentuk habuan seks," katanya.

Sementara itu, Penasihat Undang-Undang di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Salawati Mat Basir yang juga pemerhati rasuah negara, senada mengaku siasatan terhadap rasuah seks di negara ini sukar kerana ia memerlukan bukti kukuh dalam pendakwaan.

"Ia memerlukan bukti kukuh memandangkan hubungan sulit sebegini sukar disiasat. Jika hubungan seks itu dilakukan di hotel, perlu ada pembuktian yang kuat dan bukan setakat rakaman kamera litar tertutup (CCTV). Sebaliknya, pihak yang memberi habuan itu juga perlu membuat pengakuan.

"Tidak ramai yang akan datang dan mengaku memberi tubuh mereka untuk sogokan seks. Erti kata sogokan itu akan habis di situ sahaja. Justeru, sukar untuk pihak berkuasa menjalankan siasatan," katanya.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**BERITA HARIAN**
**13/11/2023**
**(ISNIN)**

# Tiada pegawai SPRM ditempatkan di MITRA

**Kuala Lumpur:** Tiada pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan ditempatkan dalam Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) ketika ini.

SPRM mengesahkan perkara itu dalam satu kenyataan, semalam, selain memaklumkan siasatan isu penyelewengan dana MITRA juga sudah diselesaikan dari 2019 hingga 2021.

Malah, katanya, pegawai SPRM dilarang terbabit dalam mana-mana mesyuarat lembaga, jawatankuasa atau urus setia berkaitan perolehan di agensi luar, mengikut 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP).

"Mengenai laporan dua akhbar tempatan bertajuk 'MACC stations officer at MITRA for greater transparency' dan 'MACC Officers to join MITRA meeting', semalam (kelmarin), SPRM mahu memperjelas serta memperbetulkan fakta yang berkemungkinan akan mengelirukan umum," katanya dalam satu kenyataan, di sini, semalam.

Sebelum ini, SPRM mengumumkan siasatan terhadap geran peruntukan MITRA yang diberikan kepada 397 syarikat, persatuan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) sejak 2019 hingga 2021 membabitkan peruntukan berjumlah kira-kira RM283 juta.

**[illegible]**

Siasatan SPRM berhubung pengurusan dana agensi itu dilakukan dalam dua fasa, dengan fasa satu terarah kepada kira-kira 27 syarikat, persatuan dan NGO yang menerima antara RM1 juta hingga RM9 juta.

Fasa kedua siasatan pula akan dijalankan dengan kerjasama Kementerian Perpaduan Negara melalui penubuhan jawatankuasa khas bagi memperhalusi kesahihan penggunaan geran MITRA, membabitkan peruntukan kurang daripada RM1 juta.

Menurut SPRM, selain siasatan sudah selesai, pihaknya juga berjaya mendapat pendakwaan terhadap 12 kes dengan 10 kes masih dibicarakan di mahkamah, manakala dua kes tertuduh sudah mengaku bersalah.

Mengulas lanjut, katanya, SPRM sudah menyerahkan laporan pengukuhan tatakelola pengurusan dana MITRA kepada Kementerian Perpaduan Negara pada Februari tahun lalu.

"Laporan Khidmat Nasihat Amalan, Sistem dan Tatacara Pengurusan Dana Untuk Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India oleh MITRA, telah diberikan kepada Kementerian Perpaduan Negara pada 22 Februari 2022 sebagai langkah pencegahan untuk menutup sebarang ruang dan peluang rasuah, salah guna kuasa serta penyelewengan dana kerajaan.

"Hasil dapatan siasatan, SPRM juga mengambil tindakan mengkaji tatakelola pengurusan dana MITRA untuk tujuan mengukuhkan tatacara dan ketelusan pengagihan dana MITRA kepada masyarakat India di negara ini.

"Untuk makluman, Akta SPRM 2009 memperkasakan SPRM bukan hanya untuk menyiasat rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa, malah tindakan pencegahan dalam memastikan kesalahan sama tidak berulang pada masa depan," katanya.

**BERITA HARIAN**
**13/11/2023**
**(ISNIN)**

Platform didik pelajar sekolah berkenaan rasuah

# Permainan digital MACC AR dilancar

Oleh IZWAN ROZLIN
KUALA LUMPUR

Seiring dengan peredaran teknologi, sebuah permainan digital mudah alih pendidikan antirasuah Malaysian Anti-Corruption Commission Augmented Reality (MACC AR) dilancarkan di sini pada Jumaat.

Permainan digital itu dilancarkan bersempena Karnival Bahasa Melayu anjuran bersama Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2023 yang berlangsung selama empat hari pada 8 hingga 11 November.

Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM, Nazli Rasyid Sulong berkata, inisiatif itu adalah cetusan idea Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki dalam usaha mendekati murid sekolah supaya makna peranan SPRM dan bahaya jenayah rasuah dalam kehidupan.

Beliau berkata, MACC AR dibangunkan sebagai salah satu bahan bantuan mengajar yang secara tidak langsung menepati fungsi suruhanjaya itu untuk mendidik orang ramai supaya menentang rasuah dan mendapatkan serta memelihara sokongan masyarakat dalam memerangi rasuah.

"Teknologi ini adalah salah satu daripada tonggak Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) yang membolehkan kandungan disalurkan kepada pengguna dengan efektif di samping menarik minat mereka melalui audio dan visual yang menarik," katanya ketika berucap pada pelancaran MACC AR di sini pada Jumaat.

Aplikasi tersebut boleh dimuat turun menerusi platform GAMMA: Google Play (Android), App Store (iOS) dan AppGallery (Huawei).

Nazli Rasyid berkata, AR merupakan teknologi terkini yang membolehkan kandungan seperti model 3D, animasi, video, imej dan lain-lain dipaparkan sebagai visual alam sebenar melalui penggunaan peranti pintar seperti telefon mudah alih, tablet atau kaca mata pintar.

Katanya, ia sekali gus memudahkan pemahaman pelajar terhadap mesej antirasuah walau di mana mereka berada.

Dalam perkembangan sama, lebih 500 individu yang terdiri daripada pelajar, guru pengiring, pegawai pendidikan daerah, pegawai KPM serta pegawai-pegawai daripada Bahagian Pendidikan Masyarakat terlibat menjayakan Karnival Bahasa Melayu kali ini.

Kesemua peserta peringkat kebangsaan itu merupakan wakil kontinjen setiap negeri yang bersaing merebut kejuaraan dalam pelbagai kategori antaranya pertandingan pidato, sajak, syair dan bercerita bertemakan antirasuah.

Pertandingan Bercerita Tahap I dimenangi Amani Latif dari Kelantan, sementara Pertandingan Bercerita Tahap II pula dimenangi Ari Nur Adyfa Mohd Khafzan dari Selangor.

Pertandingan Pidato Sekolah Rendah dimenangi Nur Awadah Mohd Adli, manakala Pidato Sekolah Menengah Rendah dimenangi Faseeh Fardha Firdaus.

Pertandingan Pidato Tingkatan 6 pula dimenangi Azizul Zafran Aliyuzar dari Perak, manakala acara Deklamasi Sajak Sekolah Rendah pula dimenangi Nur Damia Qistina Nidzwan. Juara acara Deklamasi Sajak Menengah Rendah disandang Adam Darwish Abdullah.

Acara Deklamasi Sajak Menengah Atas pula dimenangi Mohd Shair Mirnhat dari Johor, sementara acara Dendangan Syair Tingkatan 6 dimenangi peserta dari Sabah, Nurul Batrisyia Mohd Yunos.

Juara Keseluruhan bagi Kategori Sekolah Rendah dimenangi kontinjen Selangor, manakala juara keseluruhan kategori Sekolah Menengah dimenangi kontinjen Johor.



Nazli (kiri) menyempurnakan gimik pelancaran MACC AR di ibu negara pada Jumaat.

**SINAR HARIAN**
**13/11/2023**
**(ISNIN)**

# Tiada pegawai SPRM dalam MITRA

**SHAH ALAM** - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menafikan terdapat pegawainya yang ditempatkan di Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA).

"Pegawai SPRM dilarang terlibat dalam mana-mana mesyuarat lembaga, jawatankuasa atau urus setia berkaitan perolehan di agensi luar mengikut 1 Pekeliling Perbendaharaan (1PP)," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad berhubung dakwaan dalam laporan dua akhbar berbahasa Inggeris pada Sabtu.

Suruhanjaya itu menjelaskan siasatan terhadap isu penyelewengan dana MITRA bermula dari 2019 hingga 2021.

Susulan itu, SPRM berjaya mendapat pendakwaan terhadap 12 kes dengan 10 kes masih di bicarakan di mahkamah, manakala dua kes tertuduh telah mengaku salah.

"SPRM juga mengambil tindakan mengkaji tata kelola pengurusan dana MITRA untuk tujuan mengukuhkan tatacara dan ketelusan pengagihan dana MITRA kepada masyarakat India di negara ini," ujarnya.

Laporan Khidmat Nasihat Amalan, Sistem dan Tatacara Pengurusan Dana Untuk Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India oleh MITRA diberikan kepada Kementerian Perpaduan Negara pada 22 Februari 2022 sebagai langkah pencegahan untuk menutup sebarang ruang dan peluang rasuah, salah guna kuasa serta penyelewengan dana kerajaan.

SINAR HARIAN
13/11/2023
(ISNIN)

# Mesej antirasuah menerusi seni visual

**SHAH ALAM** - Balai Seni Negara (BSN) di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) mengangkat seni visual sebagai satu cara menyebarkan mesej integriti dan antirasuah kepada komuniti masyarakat.

Kurator Kanannya, Baktiar Naim Jaafar berkata, BSN menjemput tiga pelukis mural untuk menghasilkan lukisan bertemakan 'Klang Bahagia Berintegriti' di Bangunan Keretapi Tanah Melayu (KTM) di Klang, Selangor.

Jelasnya, mereka terdiri daripada Miey Ali, Sazwan dan Sam Adderino.

"Gabungan ini adalah untuk berkongsi idea dan proses serta pertukaran pengetahuan di antara pelukis berpengalaman dengan pelukis baharu," katanya kepada *Sinar Harian*.

Jelasnya, kerja-kerja untuk melukis mural itu dijangkakan bermula pada 16 November dan berakhir 26 November ini.

"Insya ALLAH kita jangka boleh disiapkan dalam 10 hari, kerana pelukis-pelukis yang menjayakan projek ini semuanya berpengalaman," jelasnya.

Kata beliau, objektif projek itu adalah untuk menyebarkan kempen antirasuah bagi menyedarkan masyarakat menggunakan medium seni visual menerusi mural.

Tambahnya, BSN menerusi program-program komuniti sebelum ini, mengangkat potensi generasi baharu seperti muralis dan grafiti artis sebagai satu bidang profesionalisme dalam ekosistem seni.

"Dalam 10 tahun kebelakangan ini, mural menjadi trend dan membuka peluang ekonomi kepada para penggiat seni muralis. Bidang seni muralis juga semakin berkembang dan diberi perhatian," katanya.

Jelas Baktiar Naim, untuk projek lukisan mural itu pihaknya bekerjasama dengan Rasuah Busters dan Majlis Perbandaran Klang (MPK).

"Kami menghulurkan tangan untuk bersama badan bukan kerajaan (NGO) yang ingin mengangkat seni visual sebagai medium komunikasi kepada komuniti dan masyarakat Malaysia Madani.

"Tujuan mural ini disambut baik bagi mempromosikan ekosistem seni," ujarnya.

**SINAR HARIAN**
**13/11/2023**
**(ISNIN)**

# SPRM perlu telus, elak salah guna kuasa

Bebas melaksanakan siasatan secara menyeluruh tanpa campur tangan mana-mana pihak

Oleh FARHANA ABD KADIR
SHAH ALAM

RASUAH BUSTERS

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) perlu bebas melaksanakan siasatan terhadap kes salah guna kuasa secara menyeluruh bagi mengelak campur tangan mana-mana pihak.

Pertubuhan Aspirasi Wanita Malaysia (Aswa), Wan Azliana Wan Adnan berkata, pengasingan kuasa antara Peguam Negara dan Pendakwa Raya juga perlu segera dilaksanakan bagi memastikan tiada pihak yang terlepas daripada dihukum atas kesalahan tertentu.

Menurutnya, usaha itu mampu membendung isu rasuah dan salah guna kuasa daripada terus berleluasa.

"SPRM diwujudkan untuk menyiasat dan mencegah sebarang bentuk perlakuan rasuah termasuk salahguna kuasa.

"Jika kerajaan masih tidak melakukan sebarang tindakan berkaitan pengasingan kuasa Peguam Negara dan Pendakwa Raya, kita khuatir ia akan memberi persepsi buruk terhadap pentadbiran kerajaan sekarang," katanya kepada *Sinar Harian*, baru-baru ini.


WAN AZLIANA

Terdahulu, *Sinar Harian* melaporkan, Presiden Transparency International Malaysia (TI-Malaysia), Dr Muhammad Mohan menegaskan, kerajaan perlu segera mengkaji pengasingan kuasa bagi memastikan tidak timbul konflik berkepentingan dalam kes berprofil tinggi.

Tegasnya, jika tiada tindakan drastik terhadap orang yang melakukan rasuah, amat sukar bagi negara melakukan perubahan positif dalam skor Indeks Persepsi Rasuah Global (CPI) dan kedudukan global.

Mengulas lanjut, Wan Azliana berkata, pengasingan kuasa mampu meletakkan SPRM sebagai entiti bebas tanpa dibayangi pengaruh individu tertentu.

Ujarnya, perkara itu penting bagi terus memelihara integriti dan ketelusan dalam tadbir urus negara.

"Kita mahu tindakan dan bukan sekadar retorik," katanya.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**SINAR HARIAN**
**14/11/2023**
**(SELASA)**

# Integrity Hub Training 2.0 tampil kelainan

Para peserta kursus didedahkan dengan pengisian menolak gejala rasuah

Oleh **MUHAMMAD SHAMSUL ABD GHANI**
SHAH ALAM

Seramai 40 peserta terdiri daripada staf Menteri Besar Selangor Incorporated (MBI) dan kakitangan syarikat milikannya, menyertai program *Integrity Hub Training 2.0* yang berlangsung di Dewan Kumpulan Karangkraf di sini pada Selasa.

Program di bawah inisiatif MBI dengan kerjasama Rasuah Busters itu merupakan program lanjutan selepas ia mendapat sambutan baik daripada kakitangan pemerbadanan tersebut.

Bercakap kepada *Sinar Harian*, Ketua Jabatan Integriti dan Governans MBI (JIG MBI), Mudirah Muhammad Nor berkata, perubahan positif dapat dilihat dalam kalangan kakitangan setelah tamat program berkenaan sebelum ini.

"Biasanya selepas berakhir program, kita akan minta peserta untuk memberi maklum balas, ternyata kebanyakan daripada mereka menyatakan bahawa program ini amat memberi impak yang besar kepada mereka.

"Selain mereka mahukan program ini diadakan secara berterusan, apa yang boleh saya katakan peserta yang mengikuti program ini lebih terbuka mindanya dan lebih memahami tentang pentingnya menolak rasuah," katanya.

Jelas beliau, program ini mempunyai banyak kelainan antaranya penyampaian jurucakap yang bersifat santai dan mudah difahami, meskipun ia membincangkan topik berat iaitu mengenai rasuah.

"Program ini lain daripada yang lain, ia turut menyelitkan 'permainan' ketika program berlangsung, itu antara daya penariknya juga," katanya lagi.

Justeru katanya, kerjasama antara pihaknya dengan Rasuah Busters akan berlanjutan sehingga tahun hadapan.

"Untuk masa akan datang, slot untuk Rasuah Busters akan ada empat kali dan program terdekat adalah pada 4 Disember ini," jelasnya.

*Integrity Hub Training 2.0* menampilkan jurulatih berpengalaman iaitu Coachakim, selain Syafiq Sakri di samping menampilkan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Sinar Untuk Malaysia (Rasuah Busters), Nurhayati Nordin.

Syarikat yang berminat untuk bekerjasama dengan Rasuah Busters boleh menghubungi Wan Normi di talian **019-280 2080**.



**Mudirah (enam dari kanan), penceramah dan para peserta program *Integrity Hub Training* di Shah Alam pada Selasa.**

**SINAR HARIAN**
**15/11/2023**
**(RABU)**

# Penjawat awam mengaku tidak bersalah tuduhan terima wang RM10,000

**SHAH ALAM** - Seorang penjawat awam mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, atas pertuduhan menerima RM10,000 daripada seorang pemilik syarikat pada 2018.

Suhaila Md Zaini, 44, didakwa menerima wang itu daripada seorang lelaki tempatan berusia 34 tahun menerusi akaun bank wanita itu tanpa balasan, namun ia mempunyai kaitan dengan tugas rasminya.

Beliau didakwa melakukan kesalahan itu di sebuah bank di Taman Sri Gombak, Batu Caves, pada 13 Julai 2018.

Suhaila didakwa di bawah Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum di bawah kanun yang sama, dengan penjara tidak lebih dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya, Muaz Ahmad Khairuddin mencadangkan wang jaminan RM10,000 bersama seorang penjamin, dengan tertuduh perlu melaporkan diri di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terdekat dan pasportnya diserah kepada mahkamah.

Peguam tertuduh, Gurmit Singh Hullon bagaimanapun meminta wang jaminan dikurangkan kerana anak guamnya dijangka didakwa atas pertuduhan lain dan turut memohon pelepasan bagi penyerahan pasport kerana Suhaila akan menunaikan umrah pada 1 hingga 15 Disember ini.

Hakim Awang Kerisnada Awang Mahmud kemudian membenarkan jaminan RM7,000 bersama seorang penjamin dan tertuduh diperintahkan melaporkan diri pada hari bekerja pertama setiap bulan di pejabat SPRM Selangor.

Mahkamah kemudian menetapkan sebutan semula kes tersebut pada Jumaat ini bagi serahan dokumen dan pasport tertuduh. - *Bernama*

**SINAR HARIAN**
**15/11/2023**
**(RABU)**

# Bapa jangan besarkan anak dengan sumber daripada rasuah

**SHAH ALAM** - Bapa berperanan menjadi suri teladan dalam mendidik anak-anak membenci rasuah dengan penerapan sikap amanah dan telus dalam setiap perkara, bermula dari rumah.

Yang Dipertua Pertubuhan Ikram Malaysia (Ikram) Kuala Lumpur, Zainal Adnan Abdul Halim berkata, ia boleh dilakukan dengan menerapkan pendidikan asas berkaitan akidah, akhlak dan kewajipan ibadah lain.



ZAINAL ADNAN

"Sebagai ketua keluarga, bapa juga perlu memastikan mereka sendiri memahami sepenuhnya tentang jenayah berkenaan apabila mampu membezakan antara halal dan haram.

"Kewajipan seorang bapa adalah mendapatkan rezeki yang halal untuk menyara keluarga. Melalui sumber yang halal, keimanan dan ketakwaan akan bertambah kukuh serta mantap," katanya kepada *Sinar Harian*.

Ujar beliau, menyara keluarga daripada sumber yang haram terutama rasuah akan melemahkan iman, seterusnya akan mendedahkan anak-anak kepada perkara yang tidak berakhlak.

Jelasnya, rezeki yang diperoleh daripada rasuah akan menjadi darah daging dalam keluarga dan jika tidak dibendung, anak-anak mereka akan menganggap rasuah serta mendapat wang daripada sumber tidak halal adalah sesuatu yang biasa.

"Seorang ayah perlu menjadi sumber rujukan utama untuk membentuk akhlak dan jati diri anak-anak. Generasi berakhlak serta berintergriti akan bermula daripada keluarga.

"Kesannya, anak-anak akan membesar menjadi individu yang baik dan menjauhkan diri daripada jenayah rasuah," jelasnya.

**SINAR HARIAN**
**15/11/2023**
**(RABU)**



TERTUDUH yang dihadapkan ke mahkamah, semalam. Gambar NSTP/NUR AISYAH MAZALAN

DUA PENGARAH SYARIKAT DIDAKWA

# Songlap RM62,120!

Oleh Iza Laily Hussein
am@hmetro.com.my

Johor Bahru

Dua pengarah sebuah syarikat import eksport dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas empat tuduhan mengemukakan dokumen mengandungi maklumat palsu berkaitan permohonan Insentif Pengambilan Pekerja Perkeso membabitkan jumlah RM62,120, dua tahun lalu.

Tertuduh, P Poowesna, 35, dan A Mohana Sundharam, 34, bagaimana mengaku tidak bersalah sebaik semua pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Ariffin Ismail.

Berdasarkan empat kertas pertuduhan itu, mereka didakwa mencapai niat bersama memberikan satu dokumen iaitu Borang Pengesahan Pekerja Program Insentif Pengambilan Pekerja atas nama perusahaan TMB Resources bagi menuntut insentif di bawah Program Penjana Kerjaya 2.0 Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) keseluruhan berjumlah RM62,120 itu.

Mereka mengemukakan dokumen itu kepada pegawai Perkeso dengan niat hendak memperdayakan agensi itu yang mana mereka tahu dokumen berkenaan mengandungi pernyataan palsu mengenai nama pekerja baharu yang mana 10 penama dalam borang terbabit bukan pekerja syarikat berkenaan dan ia dibuat dengan maksud mengelirukan Perkeso.

Semua perbuatan itu dilakukan kedua-dua tertuduh di Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan Perkeso di sini pada 30 Mei 2021 dan mereka didakwa mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Kedua-dua tertuduh yang juga pasangan suami isteri yang dalam proses perceraian itu boleh dihukum mengikut Seksyen 24(2) akta sama yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda sehingga lima kali ganda jumlah yang terbabit atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Pegawai Pendakwa SPRM, Rais Adha Ramli memaklumkan mahkamah bahawa perbuatan dilakukan kedua-dua tertuduh adalah di bawah kesalahan tidak boleh dijamin, namun mencadangkan jumlah jaminan RM40,000 bagi setiap tertuduh dengan dua syarat tambahan sekiranya dibenarkan mahkamah.

Peguam Mohd Salleh Tugimin yang mewakili Poowesna bagaimanapun memohon jumlah jaminan yang rendah memandangkan tertuduh hanya bersedia membayar ikat jamin sebanyak RM5,000.

Manakala peguam Abd Rahim Ali yang mewakili Mohana Sundharam pula memaklumkan anak guamnya hanya mampu menyediakan wang jaminan sebanyak RM8,000 kerana dengan berpendapatan RM5,800 sebulan dia menanggung kedua ibu bapanya dan seorang anak saudara.

Mahkamah kemudian membenarkan Poowesna diikat jamin RM5,000 dan Mohana Sundharam sebanyak RM8,000 masing-masing dengan seorang penjamin warga tempatan.

Kedua-dua tertuduh turut diarahkan melapor diri di Pejabat SPRM Johor Bahru sebulan sekali.

***Kes ditetapkan untuk serahan dokumen pada 14 Disember depan.***

KEMUKA DOKUMEN PALSU

## *Pengarah syarikat pendidikan tidak mengaku salah*

Johor Bahru: Pengarah syarikat pendidikan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tiga tuduhan mengemukakan dokumen palsu berkaitan permohonan Insentif Pengambilan Pekerja Perkeso membabitkan jumlah RM74,120, dua tahun lalu.

Tertuduh, S Ramamoorthy, 41, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Ariffin Ismail.

Berdasarkan tiga kertas pertuduhan itu, tertuduh didakwa memberikan satu dokumen iaitu Borang Pengesahan Pekerja Program Insentif Pengambilan Pekerja atas nama syarikat Karisma Education Group Sdn Bhd bagi menuntut insentif di bawah Program Penjana Kerjaya 2.0 Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) keseluruhan berjumlah RM74,120 itu.

Tertuduh didakwa mengemukakan dokumen itu kepada pegawai Perkeso dengan niat hendak memperdayakan agensi itu yang mana mereka tahu dokumen berkenaan mengandungi pernyataan palsu mengenai nama pekerja baharu yang mana 10 penama dalam borang terbabit bukan pekerja syarikat berkenaan dan ia dibuat dengan maksud mengelirukan Perkeso.

Semua perbuatan itu dilakukan tertuduh di Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan Perkeso di sini, pada 25 Mei dan 26 Mei 2021.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24(2) akta sama yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda sehingga lima kali ganda jumlah yang terbabit atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Pegawai Pendakwa SPRM, Rais Adha Ramli memaklumkan mahkamah bahawa perbuatan dilakukan tertuduh adalah di bawah kesalahan tidak boleh dijamin, namun mencadangkan jumlah jaminan RM40,000 bagi setiap tertuduh dengan dua syarat tambahan sekiranya dibenarkan mahkamah.

**HARIAN METRO**
**15/11/2023**
**(RABU)**

# Principle of restorative justice is upheld, says Azalina

**PETALING JAYA:** Seven cases of prisoners on death row for offences under Section 39B of the Dangerous Drugs Act 1952 for drug trafficking have undergone a review under the Revision of Sentence of Death and Imprisonment for Natural Life (Temporary Jurisdiction of the Federal Court) Act 2023 (Act 847), says Datuk Seri Azalina Othman Said (pic).

The Minister in the Prime Minister's Department (Law and Institutional Reform) said the life terms of four other prisoners were also reviewed under the same Act.

Both of these reviews were carried out at the Federal Court in Putrajaya after they were agreed to by the Cabinet following an engagement session held by the Legal Affairs Division together with the Chief Registrar's Office of the Federal Court (PKPMP), Prisons Department, Legal Aid Foundation, Malaysian Bar Council, Sabah Law Society and Advocates Association of Sarawak.



"Today is a historic day for our country because applications for the Review of Death Sentences and Life Imprisonment (Federal Court Revisional Jurisdiction) were heard at the Federal Court, Putrajaya.

"This proves that the principle of restorative justice in the criminal justice system in Malaysia is always maintained," she said in a statement yesterday.

However, Azalina reminded that the imposition of the death penalty for criminal offences remained part of the country's justice system.

She added that the death penalty was no longer mandatory and the amendments to the law gave judges the discretion to impose the appropriate punishments.

There was a total of 1,020 death row and life imprisonment prisoners who were eligible to submit their applications.

As of Nov 9, the PKPMP had received 978 review applications, of which 861 were for review of the death penalty and 117 for life imprisonment.

Under the provisions of Act 847, all applications must be submitted to the court within 90 days from the effective date of this Act, which is Sept 12.

**THE STAR**
**15/11/2023**
**(RABU)**

# RM10k masuk akaun sendiri

*Penerbit rancangan stesen televisyen nafi dakwaan terima rasuah*

Oleh Norzamira Noh
am@hmetro.com.my

**Shah Alam**

Seorang penerbit rancangan stesen televisyen dihadapkan di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tuduhan menerima suapan berjumlah RM10,000.

Tertuduh, Suhaila Md Zaini, 44, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Awang Kerisnada Awang Mahmud.

Mengikut pertuduhan, Suhaila sebagai penerbit rancangan menerima untuk dirinya suatu benda berharga iaitu RM10,000 daripada pemilik syarikat berusia 34 tahun menerusi akaun bank miliknya dengan tanpa balasan yang tertuduh ketahui mempunyai kaitan tugas rasminya sebagai penerbit rancangan di stesen televisyen berkenaan.

Tertuduh melakukan kesalahan itu pada 13 Julai 2018 dan didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Muaz Ahmad Khairuddin manakala tertuduh diwakili peguam Gurmit Singh.

Mahkamah menetapkan jaminan RM7,000 dengan seorang penjamin serta syarat tambahan yang dikemukakan pihak pendakwaan.

**RM7k**

Jumlah jaminan yang ditetapkan mahkamah



SUHAILA mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Shah Alam

**HARIAN METRO**
**15/11/2023**
**(RABU)**



# Denda RM8k terima suapan RM2k percepat proses kad pengenalan

**HARIAN METRO**

**16/11/2023**

**(KHAMIS)**

# Staf JPN didenda RM8,000 terima rasuah percepat proses kad pengenalan

KUALA LUMPUR – Seorang pembantu pendaftaran kanan di Jabatan Pendaftran Negara (JPN) didenda RM8,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini pada Rabu, kerana menerima suapan RM2,000 sebagai upah membantu mempercepatkan proses kad pengenalan seorang remaja lelaki, tiga tahun lepas.

Hakim Azura Alwi menjatuhkan hukuman itu ke atas Wan Zulfadli Wan Zain, 42, selepas dia mengaku bersalah terhadap pertuduhan pilihan dan mahkamah memerintahkannya menjalani hukuman penjara enam bulan jika gagal membayar denda. Tertuduh membayar denda itu.

Azura turut menasihatkan tertuduh agar insaf dan tidak mengulangi kesalahan sama.

"Kamu patut bersyukur kerana kamu ada pilihan untuk diberi pertuduhan yang lebih ringan daripada pertuduhan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)," katanya.

Berdasarkan fakta kes, pada 11 Mac 2019, Bahagian Perisikan SPRM membuka satu aduan berkaitan Ops Japan iaitu aduan membabitkan sindiket permintaan dan penawaran wang rasuah melibatkan pegawai di JPN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) dan runner (orang tengah) bagi menyelesaikan urusan berkaitan pengeluaran dokumen pengenalan diri oleh jabatan tersebut. – *Bernama*

**SINAR HARIAN**
**16/11/2023**
**(KHAMIS)**

# Segerakan agenda reformasi dalam institusi

Bagi memulih sebarang kelemahan sistem sekali gus tingkatkan kredibiliti negara

Oleh NURHIDAYAH HAIROM
SHAH ALAM




Cadangan reformasi Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (KRPPM) - Integriti Governans dan Anti Rasuah (IGAR) berhubung pemisahan kuasa Peguam Negara dan pendakwa raya serta penggubalan Akta Pendanaan Politik perlu dilaksanakan segera, teratur dan efektif.

Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Sinar Untuk Malaysia (Rasuah Busters), Norhayati Nordin berkata, ia sebagai mana yang telah dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (JKPK) mengenai Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya, dan Reformasi Institusi, baru-baru ini.

Menurut beliau, penglibatan KRPPM-IGAR dalam mesyuarat tersebut serta perbincangan mengenai cadangan itu menandakan perkembangan positif dalam perlaksanaan reformasi institusi dan perundangan di negara ini.

"KRPPM-IGAR mencipta sejarah apabila badan yang diiktiraf Parlimen dan dipengerusikan Syed Ibrahim Syed Noh tersebut turut dilibatkan dalam Mesyuarat JKPK mengenai Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya, dan Reformasi Institusi baru-baru ini.

"Dua daripada empat cadangan reformasi institusi utama melibatkan KRPPM berkenaan iaitu pemisahan kuasa Peguam Negara dan pendakwa raya serta penggubalan Akta Pendanaan Politik telah dibincangkan pada 26 Oktober dan 3 November lalu.

"Ia bertujuan memulihkan sebarang kelemahan sistem yang ada sekali gus meningkatkan kredibiliti Malaysia sebagai negara yang progresif, berakauntabiliti dan bebas rasuah," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Tambah beliau, selaku Sekretariat KRPPM, #RasuahBusters berharap cadangan-cadangan lain yang telah dikemukakan turut diletakkan dalam senarai keutamaan untuk perubahan yang dihasratkan.

Cadangan tersebut antaranya Reformasi Parlimen dan SPRM, penggubalan undang-undang perolehan, pindaan kepada Akta Perlindungan Pemberi Maklumat dan pindaan kepada Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman.

Norhayati berkata, rekomendasi berdasarkan cabaran semasa dan cadangan melibatkan pindaan terhadap peruntukan undang-undang melibatkan Perlembagaan Persekutuan dan lain-lain akta turut dibincangkan.

"Peluang partisipatif berterusan masyarakat sivil dalam pembuatan polisi negara oleh pihak Parlimen dan pembuat dasar akan meningkatkan kepercayaan awam dan ia membentuk platform komunikasi efektif dua hala untuk menghasilkan solusi bermanfaat demi kesejahteraan rakyat seluruhnya," tegas beliau.

Sebelum ini, *Sinar Harian* melaporkan Syed Ibrahim berkata, tuntutan kumpulan itu mengenai pemisahan kuasa Peguam Negara dan Pendakwa Raya misalnya telah mendapat perhatian Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said yang kini dalam peringkat perincian sebelum ia dapat dilaksanakan.

**SINAR HARIAN**
**16/11/2023**
**(KHAMIS)**

# Wujud tekanan rakan sekerja sehingga terjebak salah laku integriti - MB



AMIRUDIN

**SHAH ALAM** - Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari mendedahkan wujud dakwaan tekanan daripada rakan sekerja dalam jabatan atau agensi di Selangor berhubung salah laku integriti berdasarkan laporan balas diterima daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Beliau berkata, maklumat itu diterima selepas kerajaan negeri melaksanakan arahan dalam Pekeliling Bilangan 6 Tahun 2013 yang memerlukan laporan pengurusan integriti diserahkan kepada Ketua Setiausaha (KSU) kementerian dan ketua jabatan.

Menurut beliau, maklum balas tersebut melibatkan banyak jabatan yang dirujuk sebelum ini namun tidak mempunyai bukti yang mencukupi.

"Bagaimanapun daripada soal siasat kebanyakan mereka tertekan dengan kelompok yang sudah mempunyai ekosistem dan jaringan tersendiri.

"Unit Integriti di jabatan atau agensi hendaklah mengemukakan laporan berkaitan pelaksanaannya kepada KSU kementerian, ketua jabatan dan Bahagian Pengurusan Integriti Agensi SPRM setiap empat bulan sekali iaitu sebelum 15 Mei, September dan Januari.

"Maknanya ada tiga kitaran penghantaran laporan dan pelaksanaan di Selangor adalah selaras dengan arahan yang mana laporan perlu dikemukakan kepada SPRM dan disalin kepada Unit Integriti, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) untuk dilaporkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) Selangor," katanya dalam Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini pada Rabu.

Beliau menjawab soalan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Ramal, Mohd Shafie Ngah berhubung peranan Unit Integriti Selangor dalam mengawal gejala rasuah.

Amirudin memaklumkan pada 2018 hingga 2022 sebanyak 314 kes rasuah melibatkan kakitangan awam di negeri ini dan mendakwa ia mungkin disebabkan oleh ketidakberanian penjawat awam untuk membuat aduan.


**SINAR HARIAN**
**16/11/2023**
**(KHAMIS)**

# Kerjasama NGO, SPRM banteras rasuah

**SHAH ALAM** - Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berpengaruh perlu mewujudkan kerjasama yang baik dengan pihak berkuasa seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membendung gejala rasuah.



ABDUL RAHMAN

Setiausaha Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Kedah, Abdul Rahman Solehuddin Mohd Zain berkata, NGO itu boleh menggunakan kelebihan yang ada untuk membuat program berimpak tinggi dalam memberi kesedaran kepada orang ramai.

"Sebagai contoh, slogan yang dipopularkan oleh Rasuah Busters iaitu 'Mak Kata Jangan' merupakan satu kempen mempunyai nilai yang dalam dan berjaya menyentuh hati nurani orang ramai," katanya kepada *Sinar Harian*.

Selain itu, tambah beliau, sikap insaf dalam diri rakyat semakin pudar apabila orang ramai tidak lagi mempedulikan hal-hal yang berlaku di sekeliling mereka.

Jelasnya, sikap tersebut perlu diubah jika masyarakat masih menginginkan negara ini lebih makmur dan sejahtera tanpa perlu melibatkan jenayah dalam kehidupan seharian.

"Sikap keinsafan inilah yang akan mengilhamkan keazaman yang tinggi seterusnya kesepaduan dalam memerangi rasuah terjamin dan didikan perlu diberikan kepada mereka yang ada niat untuk melakukan jenayah itu," ujarnya.

**SINAR HARIAN**
**16/11/2023**
**(KHAMIS)**

# Murid makin faham keburukan rasuah

Pihak pengurusan sekolah sambut baik program Rasuah Busters

Oleh ROSILAWATI ROSEDI
JERANTUT



AZIZ

"Bila ada pengawas tulis nama sebab datang lewat dan kita bagi dia duit supaya tidak dilaporkan kesalahan tersebut," itu jawapan spontan murid Tahun Dua Sekolah Kebangsaan (SK) Kg Baharu, Mohd Muyassir Riduan Mohd Firdaus mengenai rasuah.

Analogi itu diberikan oleh murid tersebut ketika ditanya jenis dan maksud rasuah oleh Ahli Majlis Tertinggi Rasuah Busters Pahang, Aziz Abd Rahman sempena Majlis Penyampaian Hadiah Bicara Cilik Rasuah Busters 2023 di sekolah tersebut baru-baru ini.

Kagum dengan analogi yang diberikan, Aziz memuji dan menyifatkan ia hasil usaha pihak sekolah yang memberikan pendedahan dan kesedaran mengenai isu rasuah di peringkat awal.

"Saya berharap lebih banyak pendedahan diberikan di peringkat awal terutamanya di peringkat sekolah rendah sebagai usaha kempen antirasuah melalui pendidikan," ujarnya yang turut menyampaikan sumbangan buku daripada Kumpulan Karangkraf kepada pusat sumber sekolah itu.

Program anjuran pusat sumber sekolah bersama Rasuah Busters dan *Sinar Harian* yang julung kali diadakan itu berjaya menarik penyertaan 28 buah sekolah seluruh negara.




RASUAH BUSTERS

**Warga SK Kg Baharu bergambar kenangan sempena Majlis Penyampaian Hadiah Bicara Cilik Rasuah Busters 2023 di sekolah tersebut baru-baru ini.**

Guru Besar SK Kg Baharu, Noraini A Malek memberitahu, walaupun sekolah itu hanya memiliki 96 murid termasuk prasekolah, ia tidak menghalang warga sekolah termasuk ibu bapa memberikan sokongan terhadap program tersebut.

"Pemahaman murid nampak semakin jelas. Mereka sudah dapat berikan contoh apa bentuk-bentuk amalan rasuah.

"Mereka dapat memahami apa yang kita nak terapkan kepada mereka. Insya-ALLAH, lebih banyak program sesuai akan dijalankan selepas ini," katanya dan menambah sebanyak enam sekolah di Pahang menyertai program tersebut.

Bagi Penyelaras Program Bicara Cilik Rasuah Busters yang juga Ikon Guru Perpustakaan dan Media Kebangsaan Tahun 2019, Norafizah Abdul Razak, program itu akan diteruskan dengan penyertaan lebih banyak sekolah pada masa akan datang.

Sementara itu, bagi dua pembentang dari sekolah tersebut iaitu murid Tahun Enam, Wan Muhammad Adam Wan Bullami dan Annur Najiyya Najla Kamarul Bahari, masing-masing gembira kerana memperoleh banyak ilmu baharu menerusi program tersebut.

Kedua-duanya menyifatkan program itu sangat bagus buat murid di peringkat awal kerana ia dapat membantu mereka lebih memahami dan sedar akan bahaya amalan rasuah, selain akan menyebarkan ilmu yang ada kepada rakan-rakan yang lain.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**SINAR HARIAN**
**17/11/2023**
**(JUMAAT)**

# SPRM tahan pengerusi jawatankuasa PPS buat tuntutan palsu

**KUALA TERENGGANU** - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Terengganu menahan seorang pengerusi jawatankuasa pusat pemindahan sementara (PPS) kerana disyaki memperakui borang bantuan bencana banjir yang mengandungi butir matan palsu pada tahun 2022.

Menurut sumber, suspek lelaki berumur lingkungan 60-an itu ditahan kira-kira jam 11 pagi Rabu ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Kemaman.

Sumber memaklumkan borang terbabit adalah berkaitan maklumat ketua isi rumah atas nama anak kandungnya sendiri bagi mendapatkan Bantuan Wang Ihsan (BWI) berjumlah RM1,000 yang sebenarnya tidak layak menerima bantuan itu.

BWI merupakan inisiatif kerajaan dalam memberi bantuan kepada setiap ketua isi rumah yang terjejas ketika Monsun Timur Laut atau terkesan dengan lain-lain bencana yang diisytiharkan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat.

Sementara itu, Pengarah SPRM Terengganu, Hazrul Shazreen Abd Yazid ketika dihubungi mengesahkan tangkapan itu dan berkata kes disiasat di bawah Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

"Bagaimanapun, suspek dilepaskan dengan jaminan SPRM setelah keterangannya selesai diambil," katanya. - *Bernama*

**SINAR HARIAN**
**17/11/2023**
**(JUMAAT)**

# SPRM akan panggil empat ahli Parlimen sokong PM - Azam

**JAKARTA** - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan memanggil empat ahli Parlimen Perikatan Nasional (PN) yang mengisytiharkan sokongan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam masa terdekat.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, ia bagi menyiasat dakwaan wujudnya unsur rasuah untuk beralih sokongan.

"Buat masa ini kita tunggu laporan (daripada polis)...siasatan terbuka akan dijalankan dalam tempoh terdekat," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucaptama Persidangan Antirasuah Sedunia (WACC) 2023 di sini pada Khamis.

Menurut Azam, laporan polis terhadap keempat-empat ahli Parlimen berkenaan dibuat pada Isnin lepas dan polis merujuk kepada SPRM untuk siasatan lanjut kerana laporan itu lebih tertumpu kepada elemen rasuah.

Pada Selasa lepas, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, polis dan SPRM bersedia menjalankan siasatan secara profesional terhadap laporan kononnya terdapat unsur umpan, habuan dan ugutan berkaitan sokongan beberapa ahli Parlimen PN terhadap Perdana Menteri.

Sebelum ini, empat ahli Parlimen PN daripada Bersatu iaitu Datuk Iskandar Dzulkarnain Abdul Khalid (Kuala Kangsar), Datuk Suhaili Abdul Rahman (Labuan), Mohd Azizi Abu Naim (Gua Musang) dan Zahari Kechik (Jeli) menyatakan pendirian menyokong Anwar menyebabkan timbul dakwaan sokongan itu ada unsur rasuah. - *Bernama*



AZAM

**SINAR HARIAN**
**17/11/2023**
**(JUMAAT)**

Kes rasuah projek terowong dasar laut

# Prosiding cabar kredibiliti Zarul ditentukan 9 Januari

## Mahkamah Sesyen teliti dokumen 108 muka surat pernyataan saksi utama

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Mahkamah Sesyen akan meneliti dokumen pernyataan saksi utama dalam perbicaraan kes rasuah projek jalan utama dan terowong dasar laut Pulau Pinang membabitkan bekas Ketua Menteri, Lim Guan Eng, sebelum memutuskan sama ada boleh diserahkan kepada pembelaan.

Pada prosiding sebutan kes itu semalam, Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Wan Shaharuddin Wan Ladin memaklumkan bahawa pihaknya sudah menyerahkan dokumen terbabit kepada mahkamah pagi semalam.

Sehubungan itu, Hakim Azura Alwi berkata, beliau perlu meneliti dokumen setebal 108 muka surat itu sebelum memutuskan sama ada salinan pernyataan bekas Pengarah Consortium Zenith Construction Sdn Bhd (CZCSB), Datuk Zarul Ahmad Mohd Zulkifli, boleh diserahkan kepada pembelaan.


Zarul Ahmad

Dokumen itu bagi digunakan oleh pembelaan yang sebelum ini dibenar untuk memulakan prosiding mencabar kredibiliti Zarul Ahmad bagi menentukan sama ada wujud percanggahan kenyataannya yang direkodkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi kes ahli perniagaan, G Gnanaraja, di Mahkamah Shah Alam dengan kenyataannya di Mahkamah Sesyen di sini.

Pernyataan saksi kepada SPRM itu kemudian akan diserahkan kepada peguam bela Guan Eng, Gobind Singh Deo jika didapati mengandungi percanggahan.

Azura kemudian menetapkan pada 9 Januari ini bagi tarikh sebutan untuk memutuskan sama ada pembelaan boleh meneruskan dengan prosiding mencabar kredibiliti Zarul Ahmad dan sama ada dokumen boleh diserahkan kepadanya.

Dalam prosiding sebelum ini, Azura mengarahkan salinan rakaman percakapan Zarul Ahmad yang juga saksi ke-23 pendakwaan (SP23), dikemukakan kepada mahkamah terlebih dahulu untuk diteliti dan dibaca sebelum dikemukakan kepada pihak pembelaan.

### Pertuduhan Guan Eng

Mengikut pertuduhan pindaan pertama, Guan Eng, 60, didakwa sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang ketika itu, menggunakan kedudukannya untuk menerima suapan wang berjumlah RM3.3 juta, dengan membantu syarikat milik Zarul Ahmad bagi dilantik melaksanakan Projek Pembinaan Jalan-Jalan Utama dan Terowong di Pulau Pinang bernilai RM6,341,383,702.

Guan Eng didakwa melakukan perbuatan itu antara Januari 2011 dan Ogos 2017 di Pejabat Ketua Menteri Pulau Pinang.

Bagi pertuduhan pindaan kedua, Guan Eng didakwa meminta suapan 10 peratus daripada keuntungan yang akan diperoleh daripada Zarul Ahmad sebagai upah, bagi membantu syarikat milik ahli perniagaan itu dilantik untuk projek sama.

Guan Eng didakwa melakukan perbuatan itu berhampiran Hotel The Gardens, Lingkaran Syed Putra, Mid Valley City, di sini, antara jam 12.30 tengah malam dan 2 pagi pada Mac 2011.

Beliau juga berdepan dua pertuduhan menyebabkan dua lot tanah milik Kerajaan Pulau Pinang bernilai RM208.8 juta, dilupuskan kepada syarikat pemaju berkaitan projek terowong dasar laut di negeri itu, yang didakwa dilakukan di Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang, Komtar, pada 17 Februari 2015 dan 22 Mac 2017.

**BERITA HARIAN**
**18/11/2023**
**(SABTU)**

# Hindari rasuah, salah laku - KPN

**Semua pelatih yang memulakan karier sebagai pegawai polis diingatkan supaya tidak terjebak rasuah**

Oleh **MUHAMMAD AFHAM RAMLI**
KUALA LUMPUR

Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain menegaskan semua pelatih yang memulakan karier sebagai pegawai polis agar menjauhkan diri daripada segala bentuk salah laku dan rasuah.

Beliau menasihati mereka supaya patuh kepada undang-undang dan perintah pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Kerjaya kepolisan menuntut untuk berkorban masa dan tenaga demi tanggungjawab menjaga keselamatan negara serta ketenteraman awam.

"Tuan-tuan dan puan-puan (pelatih) sendiri telah memilih profesion ini, justeru laksanakanlah tugas dengan penuh suci hati, jujur dan amanah tanpa diselubungi niat-niat lain yang boleh membinasakan diri dan kerjaya," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan semasa Majlis Perbarisan Tamat Latihan Program Latihan Asas Kepolisan (PLAK) Inspektor Pelatih Siri 1/2023 di Pusat Latihan Polis (Pulapol) Kuala Lumpur di sini pada Jumaat.

Tambah Razarudin, fokus pertama untuk memastikan pasukan itu berada dilandasan yang betul ialah perkhidmatan bertunjangkan integriti dan tata kelola yang baik manakala fokus kedua pula mendukung dasar-dasar kerajaan ke arah kesejahteraan masyarakat.

"Kedua-dua fokus ini perlu digerakkan secara total di setiap peringkat dengan integriti kekal menjadi indikator terpenting dalam membentuk keperibadian pegawai polis yang cemerlang," katanya.

Beliau turut mengingatkan bahawa tugas polis merupakan amanah yang telah disandarkan di bahu dan akan dihisab di akhirat kelak.

"Jadilah seorang pegawai polis yang berintegriti dan jujur kerana keberkatan dalam pekerjaan itu, membawa keberkatan dalam kehidupan," katanya.

FOTO: ROSLI TALIB



Razarudin bergambar bersama pegawai kanan PDRM serta 538 pelatih pada Majlis Perbarisan Tamat Latihan Program Latihan Asas Kepolisan (PLAK) Inspektor Pelatih Siri 1/2023 di Pusat Latihan Polis (Pulapol) Kuala Lumpur pada Jumaat.

**SINAR HARIAN**
**18/11/2023**
**(SABTU)**



Abdul Hakim Hafizi (kiri) bersama Hussamuddin (dua dari kiri) dan Norhayati ketika hadir ke Kompleks Kumpulan Karangkraf.

# Terap perjuangan Rasuah Busters dalam komuniti

**SHAH ALAM** - Pertubuhan Perdana Nasional akan memberi kerjasama penuh kepada Rasuah Busters untuk menyokong program yang dilaksanakan bagi mencegah gejala rasuah dalam kalangan belia.

Presidennya, Abdul Hakim Hafizi Hamizan berkata, kolaborasi antara badan bukan kerajaan (NGO) itu bakal memberi tumpuan terhadap pembinaan sahsiah diri dan integriti, sekali gus menjadi pemangkin untuk melahirkan golongan pemimpin masa depan.

"Kami berbesar hati untuk bersama dalam gabungan Rasuah Busters untuk membawa satu ikhtiar atau hala tuju dalam menerapkan unsur-unsur rasuah yang tidak perlu ada dalam diri anak muda.

"Kami juga akan menekankan institusi rukun negara kerana rata-rata anak muda masa kini tidak menghayatinya selain membantu golongan tersasar dan tercicir agar nasib mereka terbela," katanya kepada *Sinar Harian* pada Khamis.

Sebelum itu Abdul Hakim hadir di Kompleks Kumpulan Karangkraf untuk bertemu Penasihat Kumpulan Karangkraf, Datuk Hussamuddin Yaacub dan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Sinar Untuk Malaysia, Norhayati Nordin bagi menyampaikan hasrat menyertai gabungan Rasuah Busters.

Sebagai permulaan beliau berkata, Pertubuhan Perdana Nasional akan menerapkan konsep benci rasuah dalam kalangan ahli jawatankuasa pertubuhan itu.

"Kita tidak mahu salah laku melibatkan integriti dalam pertubuhan kerana sudah ada contoh tidak elok dapat disaksikan sekiranya amalan rasuah berleluasa dalam komuniti.

"Jadi kami nak terapkan 'melentur buluh biar dari rebungnya' selain memberi penjelasan bahawa gejala rasuah bukan hanya melibatkan wang ringgit atau hadiah semata-mata," ujarnya.

**SINAR HARIAN**
**18/11/2023**
**(SABTU)**

# NACP 2019-2023 belum capai sasaran bebas rasuah

**SHAH ALAM** – Sasaran Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023 (NACP 2019-2023) dalam usaha membebaskan negara daripada jenayah rasuah masih belum tercapai.

Naib Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Zairudin Hashim berkata, kedudukan Indeks Persepsi Rasuah (CPI) negara merudum dan banyak inisiatif pelan tersebut tidak diselesaikan sepenuhnya.



ZAIRUDIN



HAMDAN

Menurutnya, Malaysia pernah mencapai kedudukan CPI terbaik dalam tempoh 25 tahun sebelum ini tetapi selepas itu kedudukan Malaysia dilihat menurun.

"Perkara tersebut mungkin disebabkan ketidakstabilan kerajaan, selain perubahan terhadap pemerintahan negara sejak 2020," katanya kepada *Sinar Ahad*.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada Khamis mengumumkan bakal melancarkan Strategi Antirasuah Nasional 2024-2029 (NCAS 2024-2029) pada pertengahan tahun depan bagi menggantikan NACP 2019-2023 yang akan tamat hujung tahun ini.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, pelan baharu itu akan lebih memfokuskan kepada keberkesanan pencegahan rasuah, meningkatkan tata kelola dan integriti dalam pentadbiran perkhidmatan awam serta syarikat-syarikat berkaitan kerajaan.

Tambah Zairudin, pelan baharu itu penting bagi memastikan sasaran negara untuk berada di tangga 25 terbaik CPI dalam tempoh 10 tahun yang akan datang.

Ujarnya, CPI bukan sekadar tangkapan dan pendakwaan rasuah tetapi juga melibatkan pengukuhan demokrasi, keazaman politik, hak asasi manusia, daya saing ekonomi, penguatkuasaan serta amalan tata kelola yang baik.

Sementara itu, Pengerusi Rasuah Busters Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan dan Putrajaya, Profesor Dr Hamdan Daniel turut senada bahawa NACP 2019-2023 masih memerlukan penambahbaikan menerusi pelan baharu yang bakal dilancarkan.

Ujar beliau, sebelum ini terdapat beberapa kes yang mencalarkan imej SPRM, justeru pelan NACS 2024-2029 akan memberikan tekanan lebih tinggi.

"Ini bukan alasan untuk menafikan usaha dalam pelaksanaan pelan baharu tersebut tetapi pihak berkuasa harus lebih fokus dan menunjukkan komitmen penuh berbanding sebelum ini.

"Ia bukan perkara mudah, namun dengan usaha berterusan pasti akan membuahkan hasil," kata beliau.

**SINAR AHAD**
**19/11/2023**
**(AHAD)**

# Pelaku sudah bertaubat boleh sedekah harta hasil rasuah - Mufti

**SHAH ALAM** - Seseorang yang terlibat rasuah tetapi sudah bertaubat boleh memberikan harta diperoleh daripada jenayah itu kepada golongan memerlukan.

Mufti Pulau Pinang, Datuk Seri Dr Wan Salim Wan Mohd Noor berkata, tindakan itu membuktikan pelaku benar-benar bertaubat daripada kesalahannya dan berazam tidak akan mengulanginya.

Bagaimanapun, jelas beliau, ia bukan alasan untuk mana-mana individu terlibat dengan jenayah tersebut.

"Walaupun harta itu dibeli dengan hasil rasuah, ia boleh diberikan (sedekah) kerana apabila bercampur harta haram dan halal, maka harta tersebut sudah jadi milik tuannya yang sukar diasingkan.



DR WAN SALIM

"Namun, ingatlah di kanan dan kiri setiap orang ada malaikat yang 'merakam' segala tindakan kita.

"Takutlah kepada ALLAH SWT. Bukalah sejarah diri yang baharu dengan azam tidak akan mengulangi lagi kesalahan yang akan memudaratkan diri, keluarga dan negara," katanya kepada *Sinar Ahad*.

Menurutnya, perbuatan rasuah adalah pencerobohan terhadap matlamat umum syariah yang salah satunya menghendaki masyarakat saling membantu dalam perkara baik dan takwa.

"Islam mengharamkan rasuah kerana ia termasuk dalam perbuatan menggunakan harta manusia secara salah.

"Namun, syarak tidak menentukan hukuman secara spesifik ke atas pelaku rasuah, ia diserahkan kepada budi bicara pihak berkuasa bagi menentukan hukuman takzir yang difikirkan boleh mencegah jenayah tersebut," jelas beliau.

**SINAR AHAD**
**19/11/2023**
**(AHAD)**

# Graduan diharap terajui program anti rasuah - Sultan

**Bagi bantu sesebuah organisasi wujudkan tadbir urus berintegriti**

**Oleh WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR**
SINTOK



**Sultan Sallehuddin pada Majlis Konvokesyen Ke-36 Universiti Utara Malaysia di Sintok, Kedah, pada Ahad.**

Sultan Kedah, Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah berharap graduan Universiti Utara Malaysia (UUM) boleh menerajui program anti rasuah untuk membantu sesebuah organisasi terutamanya dalam konteks tadbir urus yang baik dan berintegriti di negara ini.

Baginda yang juga Tuanku Canselor UUM bertitah, perkara tersebut boleh dilakukan melalui penilaian dan pengurusan risiko berkaitan rasuah di dalam sesebuah organisasi.

Titah baginda, ia bermula dengan mengenal pasti punca masalah berlakunya rasuah dan kemudian mengambil langkah-langkah untuk mengatasi punca masalah berkenaan berlaku.

RASUAH BUSTERS

"Ini termasuk melaksanakan latihan etika, memperkukuhkan prosedur pemantauan dan pelaporan, dan seterusnya mewujudkan proses pemantauan risiko.

"Selain itu, para graduan UUM boleh membantu sesebuah organisasi dan majikan dengan mewujudkan Dokumen Pelan Anti Rasuah Organisasi. Dokumen ini yang merangkumi pelbagai usaha organisasi, untuk mengatasi masalah rasuah yang berlaku," titah baginda pada Majlis Konvokesyen Ke-36 UUM pada Ahad.

Sultan Sallehuddin berkenan mengisytiharkan sesi pertama dan mengurniakan ijazah pada majlis konvokesyen ini.

Baginda bertitah, jatuh bangun sesebuah institusi, syarikat, organisasi, pemimpin atau seseorang individu adalah bergantung kepada integriti yang dimiliki olehnya.

"Tadbir urus yang cekap adalah landasan kepada kejayaan sesebuah institusi atau organisasi. Ini melibatkan pengurusan sumber dengan bijak, memaksimumkan hasil dan mengurangkan pembaziran.

"Integriti adalah nilai asas yang harus dihayati oleh setiap individu. Integriti tidak hanya bermaksud, tidak melakukan perkara yang salah tetapi juga bermaksud berlaku jujur, adil dan bertanggungjawab, dalam semua tindakan yang dilakukan.

"Ini adalah nilai yang harus diamalkan dan dihayati dalam setiap aspek kehidupan kita. Isu berkaitan tadbir urus dan integriti adalah penting dalam konteks pembangunan negara," tegas baginda.

Tambah Sultan Kedah, graduan UUM turut disarankan memanfaatkan keupayaan teknologi *Artificial Intelligence* (AI) agar dapat membantu meningkatkan integriti, dan tadbir urus yang baik dalam sesebuah organisasi.

"AI boleh digunakan untuk menganalisa *real time data* dan dapat mengesan aktiviti yang mencurigakan. Ini membantu organisasi tersebut, mengenal pasti isu integriti dan rasuah dengan lebih cepat, serta efisien," titah baginda.

**SINAR HARIAN**
**20/11/2023**
**(ISNIN)**

# Gesa SPRM siasat isu beri peruntukan jika sokong kerajaan

**Kota Bharu:** PAS menggesa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyiasat potensi rasuah dalam agihan peruntukan Ahli Parlimen BERSATU oleh Kerajaan Perpaduan memandangkan ia hanya diberikan selepas menyatakan sokongan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Timbalan Presiden PAS, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man, berkata perbuatan yang dilakukan kerajaan Pusat itu begitu jelas terdapat unsur rasuah.

"SPRM sepatutnya sudah tahu mengenai perkara ini dan perlu menyiasat tanpa kita (PAS) membuat laporan terhadap agensi berkenaan. Ini tanggungjawab SPRM untuk bertindak dan menyiasat.

"Tidak sepatutnya kerajaan Pusat menggunakan peruntukan sebagai tekanan kepada ahli Parlimen pembangkang.

"Bagi kami mereka (kerajaan) menekan ahli Parlimen dengan peruntukan dan perkara ini tidak sepatutnya berlaku. Saya fikir kerajaan perlu menyediakan peruntukan yang sama rata kepada ahli Parlimen," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Himpunan Munajat Pertahan Enakmen Syariah dan Solidariti Untuk Palestin Peringkat Kelantan di Stadium Sultan Muhammad IV, di sini malam kelmarin.

Yang turut hadir, Presiden PAS, Tan Sri Abdul Hadi Awang dan Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohd Nassuruddin Daud.

Media sebelum ini melaporkan, Ahli Parlimen Jeli, Zahari Kecik dari Perikatan Nasional (PN) mengesahkan menerima peruntukan daripada kerajaan Pusat sebanyak RM300,000 selepas genap seminggu mengumumkan menyokong kepemimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Mengulas lanjut, Tuan Ibrahim menegaskan keempat-empat Ahli Parlimen BERSATU yang menyokong kepimpinan Anwar itu masih Ahli Parlimen PN.

"Mereka masih kekal dengan PN walaupun menyokong Anwar. Pada masa sama, kita juga percaya Ahli Parlimen PAS tetap istiqamah dengan parti dan akur dengan keputusan yang dibuat parti," katanya

Ditanya sama ada PAS dan BERSATU ada mengadakan perbincangan susulan empat ahli Parlimen berkenaan menyatakan sokongan terhadap Anwar, Tuan Ibrahim menjelaskan tiada perbincangan khusus dibuat.

**BERITA HARIAN**
**20/11/2023**
**(ISNIN)**

# Minta, terima rasuah RM400k

***Bekas Setiausaha Politik MB Kedah mengaku tak bersalah tuduhan suapan babit unsur nadir bumi***

**Oleh Soraya Roslan**
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Bekas Setiausaha Politik kepada Menteri Besar Kedah Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor, didakwa di Mahkamah Sesyen semalam, atas dua tuduhan meminta dan menerima rasuah berjumlah RM400,000 membabitkan unsur nadir bumi (REE) di sekitar negeri itu.

Tertuduh, Mohamad Hilmi Abdul Wahab, 50, mengaku tidak bersalah atas dua pertuduhan dikemukakan di hadapan Hakim Suzana Hussin.

"Saya faham, mengaku tidak bersalah, mohon dibicarakan," katanya.

Mengikut pertuduhan pertama, Mohamad Hilmi didakwa meminta suapan wang RM250,000 daripada Pengarah Syarikat Kumpulan Perlombongan REE Sdn Bhd, Liana Mamat @ Khalid, 40, melalui Syed Muhammad Syid Aluvi, 34.

Ia sebagai dorongan bagi tertuduh sebagai Setiausaha Politik kepada Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor membantu syarikat itu untuk mendapat kelulusan permohonan Lesen Perlombongan dan Lesen Penjelajahan REE di sekitar Kedah.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di sebuah rumah di Sunway Kiara Hills, Taman Sri Hartamas di sini, 4 Julai lalu.

Dia turut didakwa menerima suapan wang RM150,000 daripada individu sama (Liana) bagi tujuan sama di sebuah restoran di Desa Sri Hartamas, 11 Julai lalu.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan jika dapat dinilai atau berbentuk wang atau RM10,000, mengikut mana yang lebih tinggi jika disabitkan kesalahan.

Susulan pengakuan tidak bersalah itu, Timbalan Pendakwa Raya Datuk Wan Shaharuddin Wan Ladin mencadangkan jaminan antara RM30,000 hingga RM60,000 bagi kedua-dua pertuduhan dihadapi Mohamad Hilmi.

"Syarat tambahan, pasport diserah kepada mahkamah dan melaporkan diri ke pejabat SPRM Kedah setiap bulan kerana alamat tertuduh di Kuala Ketil.

"Selain itu, tertuduh tidak boleh mengganggu saksi pendakwaan hingga kes selesai," katanya.

Wan Shaharuddin berkata, pasukan pendakwaan yang sama akan mengendalikan kes yang dihadapi tertuduh di Kedah berhubung isu sama (REE).

Bagaimanapun, peguam, Syed Naquiddin Shahab yang mewakili Mohamad Hilmi memohon jaminan RM20,000 atas alasan anak guam perlu menanggung lapan ahli keluarga membabitkan lima anak yang masih bersekolah, ibu bapa mentua dan ibu yang uzur.

"Anak guam tidak bekerja dan sudah ditamatkan kontrak (sebagai Setiausaha Politik Muhammad Sanusi) selepas Pilihan Raya Negeri (PRN) Kedah sebelum ini.

"Semua syarat tambahan boleh dituruti dan ia dapat mengurangkan amaun jaminan bagi kedua-dua kes.

"Anak guam juga memberi kerjasama sepenuhnya kepada pegawai penyiasat sejak disiasat pada Julai lalu," katanya.

Hakim Suzana membenarkan jaminan RM45,000 terhadap Mohamad Hilmi dengan seorang penjamin dan syarat tambahan seperti dicadangkan pihak pendakwaan, selain menetapkan sebutan semula kes pada 12 Januari tahun depan.

Media sebelum ini melaporkan, Muhammad Sanusi mengesahkan memberi keterangan kepada SPRM bagi membantu siasatan berhubung isu berkaitan REE di Sik.

Proses memberi keterangan kepada pegawai SPRM dibuat di pejabat Menteri Besar Kedah itu pada dua bulan lalu dan Muhammad Sanusi memaklumkan memberi kerjasama penuh bagi membolehkan siasatan kes berkenaan berjalan lancar.

Pada 18 Julai lalu, SPRM memulakan siasatan berhubung kecurian REE yang dijalankan secara haram sehingga mengakibatkan kerugian kepada kerajaan.



MOHAMAD Hilmi (kanan) didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas dua tuduhan meminta dan menerima rasuah berjumlah RM400,000 membabitkan REE.

**» INFO**

***Hakim membenarkan jaminan RM45,000 terhadap Mohamad Hilmi dengan seorang penjamin.***

***Sebutan semula kes pada 12 Januari tahun depan.***

**HARIAN METRO**
**21/11/2023**
**(SELASA)**

# Sekali lagi didakwa terima wang RM18,000



SUHAILA ketika tiba di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur.

**Kuala Lumpur:** Ketua penolong pengarah Radio Televisyen Malaysia (RTM) sekali lagi didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan menerima wang RM18,000 daripada seorang individu pada 2019.

Bagaimanapun, Suhaila Md Zaini, 44, sebagai penjawat awam iaitu Penerbit Rancangan yang bertugas di Seksyen Berita Radio, Bahagian Berita Ehwal Semasa RTM mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Rozina Ayob.

Mengikut pertuduhan, Suhaila didakwa menerima wang itu daripada seorang wanita berusia 41 tahun yang tertuduh ketahui mempunyai kaitan dengan tugas rasminya sebagai Penerbit Rancangan di RTM.

Kesalahan itu didakwa dilakukan antara 17 April 2019 dan 5 Jun 2019 di Pejabat Timbalan Pengarah Seksyen Berita Radio, Bahagian Berita Ehwal Semasa di Tingkat 6, Wisma TV, Angkasapuri di sini mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara dua tahun atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Muaz Ahmad Khairuddin memohon mahkamah mengguna pakai jaminan RM7,000 serta syarat tambahan iaitu penyerahan pasport dan melaporkan diri di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) seperti yang ditetapkan oleh Mahkamah Sesyen Shah Alam sebelum ini.

"Tertuduh sebelum ini didakwa di Mahkamah Sesyen Shah Alam pada 14 November lalu. Saya memohon untuk kes dipindahkan ke Mahkamah Sesyen di sana untuk dibicarakan bersama," katanya.

Peguam, Gurmit Singh Hullon yang mewakili tertuduh tidak membantah kedua-dua permohonan itu.

Hakim membenarkan permohonan pendakwaan dan memaklumkan tarikh sebutan akan ditetapkan oleh Mahkamah Sesyen Shah Alam.

Pada 14 November lalu, Suhaila mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Shah Alam atas tuduhan menerima suapan RM10,000 di hadapan Hakim Awang Kerisnada Awang Mahmud.

Mengikut pertuduhan, Suhaila sebagai penerbit rancangan menerima untuk dirinya suatu benda berharga iaitu wang RM10,000 daripada pemilik syarikat berusia 34 tahun menerusi akaun bank miliknya dengan tanpa balasan yang tertuduh ketahui mempunyai kaitan tugas rasminya sebagai penerbit rancangan di stesen televisyen berkenaan.

**HARIAN METRO**
**21/11/2023**
**(SELASA)**

Dituduh meminta dan menerima suapan berkaitan REE

# Bekas Setiausaha Politik MB Kedah tak mengaku salah

KUALA LUMPUR

Bekas Setiausaha Politik kepada Menteri Besar Kedah, Mohamad Hilmi Abdul Wahab dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini pada Isnin atas dua pertuduhan meminta dan menerima suapan berkaitan projek perlombongan unsur Nadir Bumi (REE) di sekitar negeri itu, Julai lepas.

Mohamad Hilmi, 50, bagaimanpun mengaku tidak bersalah selepas kedua-dua pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Hakim Suzana Hussin.

Bagi pertuduhan pertama, Mohamad Hilmi didakwa meminta suapan wang tunai berjumlah RM250,000 daripada Pengarah Syarikat Kumpulan Perlombongan REE Sdn Bhd, Liana Mamat @ Khalid, 40, melalui Syed Muhammad Syid Aluvi, 34.

Ia sebagai dorongan bagi tertuduh yang ketika itu Setiausaha Politik kepada Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor membantu syarikat berkenaan untuk mendapat kelulusan permohonan Lesen Perlombongan dan Lesen Penjelajahan REE di sekitar Kedah.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di sebuah premis di Sunway Kiara Hills, Taman Sri Hartamas di sini, pada 4 Julai lepas.

Dia turut didakwa menerima suapan wang tunai berjumlah RM150,000 daripada individu sama (Liana) bagi tujuan sama di sebuah restoran di Desa Sri Hartamas di sini, pada 11 Julai lalu.

Pertuduhan mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama, yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Hakim Suzana membenarkan tertuduh diikat jamin RM45,000 dengan seorang penjamin bagi kedua-dua pertuduhan selain perlu menyerahkan pasport kepada mahkamah dan melapor diri di pejabat SPRM Kedah sebulan sekali sehingga kes selesai.

"Tertuduh juga tidak dibenarkan mengganggu saksi pendakwaan sehingga kes selesai. Tarikh sebutan ditetapkan pada 12 Januari depan," katanya.

FOTO: BERNAMA



Mohamad Hilmi (kanan) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada Isnin.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Datuk Wan Shaharuddin Wan Ladin memohon jaminan antara RM30,000 hingga RM60,000 bagi kedua-dua pertuduhan.

"Syarat tambahan tertuduh perlu menyerahkan pasport kepada mahkamah dan melaporkan diri di pejabat SPRM Kedah setiap bulan kerana alamat tertuduh di Kuala Ketil. Tertuduh juga tidak boleh mengganggu saksi pendakwaan sehingga kes selesai," katanya.

Peguam Syed Naqiuddin Shahab yang mewakili Mohamad Hilmi memohon jaminan RM20,000 kerana anak guamnya perlu menanggung lima anak yang masih bersekolah, ibu dan bapa mentua serta ibu kepada tertuduh yang uzur.

"Anak guam tidak bekerja dan sudah ditamatkan kontrak (sebagai Setiausaha Politik Muhammad Sanusi) selepas Pilihan Raya Negeri Kedah sebelum ini.

"Semua syarat tambahan boleh dituruti dan ia dapat mengurangkan jumlah jaminan bagi kedua-dua kes. Anak guam juga memberi kerjasama sepenuhnya kepada pegawai penyiasat sejak disiasat pada Julai lalu," kata peguam itu. - *Bernama*

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**SINAR HARIAN**
**21/11/2023**
**(SELASA)**

# Bekas CEO MBI didakwa minta rasuah RM4 juta, terima suapan RM1 juta

**ALOR SETAR** - Bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Perbadanan Menteri Besar (MBI) Kedah, Muhamad Sobri Osman mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Isnin atas dua pertuduhan meminta rasuah berjumlah RM4 juta dan menerima suapan sebanyak RM1 juta pada pertengahan tahun ini.

Tertuduh, Muhamad Sobri Osman, 63, membuat pengakuan berkenaan selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa di depan Hakim Rohatul Akmar Abdullah.

Bagi pertuduhan pertama, tertuduh didakwa meminta suapan berjumlah RM4 juta daripada seorang lelaki warganegara Turki, John Abad Pe pada 20 Mei 2023 di Hotel Centara, Hatyai, Thailand.

Bagi pertuduhan kedua pula, tertuduh didakwa menerima wang tunai berjumlah RM1 juta secara rasuah dari John, melalui seorang wanita, Liyana Mamat @ Khalid, 40.



**Muhamad Sobri (kiri) diiringi pegawai SPRM keluar dari Mahkamah Sesyen di Alor Setar selepas selesai mendengar prosiding kes dihadapinya pada Isnin.**

Kesalahan itu didakwa dilakukan pada 29 Mei 2023 di tempat letak kereta Wisma Darul Aman di Jalan Tunku Bendahara di sini.

Mengikut kertas pertuduhan, tindakan meminta dan menerima rasuah itu dibuat sebagai dorongan membantu syarikat Kumpulan Perlombongan REE Sdn. Bhd. menjalankan usaha sama perlombongan mineral berharga tersebut, melalui satu Memorandum Persefahaman (MoU) antara MBI Kedah dengan syarikat berkenaan.

Kedua-dua pertuduhan tersebut dibuat mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009 (Akta 694) yang boleh dihukum di bawah seksyen 24 (1) akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dipenjara tidak lebih 20 tahun, denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana lebih tinggi.

Pertuduhan dikendalikan tiga Timbalan Pendakwaraya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Putrajaya iaitu Farah Yasmin Salleh, Natrah Fareha Rahmat serta Muhammad Asraf Mohamed Tahir manakala tertuduh diwakili peguam, Ibrahim Ismail dan Mohammed Zamri Ibrahim.

Pihak pendakwaan kemudian mencadangkan supaya mahkamah menetapkan sebanyak RM100,000 sebagai kadar jaminan dengan seorang penjamin.

Bagaimanapun, pihak pembelaan memohon supaya kadar jaminan ditetapkan sebanyak RM60,000 dengan alasan tertuduh sudah tidak lagi bergelar CEO MBI manakala isterinya juga tidak bekerja.

Mahkamah kemudiannya menetapkan kadar jaminan RM100,000 oleh seorang penjamin dengan syarat-syarat tambahan seperti dicadangkan pihak pendakwaan.

Tarikh sebutan semula kes ditetapkan pada 22 Januari 2024 dan tertuduh difahamkan membayar wang jaminan yang ditetapkan.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**SINAR HARIAN**
**21/11/2023**
**(SELASA)**

# Penerbit rancangan RTM didakwa terima RM18,000

**KUALA LUMPUR** - Seorang penjawat awam mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, pada Isnin, atas pertuduhan menerima wang rimai berjumlah RM18,000 daripada seorang individu yang mempunyai kaitan dengan tugas rasminya pada 2019.

Suhaila Md Zain, 44, ketua penolong pengarah sebuah stesen televisyen didakwa menerima wang itu daripada individu berkenaan yang diketahui mempunyai kaitan dengan tugas rasminya sebagai Penerbit Rancangan di Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Dia didakwa melakukan perbuatan itu di Pejabat Timbalan Pengarah Seksyen Berita Radio, Bahagian Berita Ehwal Semasa, Wisma TV, Angkasapuri, di sini antara 17 April 2019 dan 5 Jun 2019.

Pertuduhan mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Muaz Ahmad Khairuddin memohon mahkamah mengguna pakai jaminan RM7,000 serta syarat tambahan iaitu penyerahan pasport dan melaporkan diri di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) seperti yang ditetapkan oleh Mahkamah Sesyen Shah Alam sebelum ini.

"Tertuduh sebelum ini telah didakwa di Mahkamah Sesyen Shah Alam pada 14 November lepas. Saya memohon untuk kes ini dipindahkan ke Mahkamah Sesyen di sana untuk dibicarakan bersama," katanya.

Peguam Gurmit Singh Hullon yang mewakili tertuduh tidak membantah permohonan itu.

Hakim Rozina Ayob membenarkan permohonan pendakwaan dan memaklumkan tarikh sebutan akan ditetapkan oleh Mahkamah Sesyen Shah Alam.

Pada 14 November lepas, Suhaila mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Shah Alam atas pertuduhan menerima RM10,000 daripada seorang pemilik syarikat pada 2018. *Bernama*

Sinar Harian - 21/11/23 - selasa

**SINAR HARIAN**
**21/11/2023**
**(SELASA)**

Oleh M Hifzuddin Ikhsan
hifzuddin@bh.com.my

# Minta sogokan di Thailand

*Bekas CEO MBI Kedah tak mengaku bersalah atas tuduhan minta rasuah sebanyak RM4 juta Mei lalu*

Alor Setar

Bekas Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Menteri Besar (MBI) Kedah didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan meminta rasuah sebanyak RM4 juta membabitkan kegiatan perlombongan unsur nadir bumi (REE) pada Mei lalu.

Bagaimanapun, tertuduh Muhamad Sobri Osman, 63, mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan selepas pertuduhan ke atasnya dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Rohatul Akmar Abdullah.

Mengikut pertuduhan, Muhamad Sobri didakwa meminta suapan bagi dirinya iaitu wang RM4 juta daripada John Abad Pe sebagai dorongan membantu syarikat Kumpulan Perlombongan REE Sdn Bhd menjalankan usaha sama perlombongan REE melalui suatu memorandum persefahaman (MoU) antara MBI Kedah dan syarikat terbabit.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di Central Hotel Hatyai, Songkhla, Thailand pada 20 Mei lalu.

Bagi pertuduhan kedua, Muhamad Sobri didakwa secara rasuah menerima bagi dirinya suapan wang tunai RM1 juta daripada John Abad Pe melalui Liyana Mamat sebagai dorongan membantu Kumpulan Perlombongan REE Sdn Bhd menjalankan usaha sama perlombongan REE melalui MoU antara MBI Kedah dan syarikat terbabit.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di pekarangan tempat letak kenderaan Wisma Darul Aman di sini, pada 29 Mei lalu.

Berikutan itu, Muhamad Sobri didakwa mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang jika sabit kesalahan boleh dijatuhkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda lima kali ganda nilai suapan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Farah Yasmin Salleh, Natrah Fareha Rahmat dan Muhammad Asraf Mohamed Thahir manakala tertuduh diwakili peguam Ibrahim Ismail dan Mohammed Zamri Ibrahim.

Farah kemudiannya meminta mahkamah menetapkan jaminan RM100,000 bagi kedua-dua pertuduhan berikutan kes terbabit membabitkan isu kepentingan awam.

Bagaimanapun, peguam tertuduh meminta ikat jamin lebih rendah berikutan Muhamad Sobri kini tidak mempunyai pendapatan tetap kerana tidak lagi bekerja selain perlu menyara isteri dan seorang anak yang masih belajar.

Rohatul kemudiannya membenarkan Muhamad Sobri diikat jamin sebanyak RM100,000 bersama seorang penjamin, menyerahkan pasport antarabangsanya kepada mahkamah dan melapor diri di pejabat SPRM berdekatan setiap bulan.

Mahkamah menetapkan tarikh 22 Januari 2024 bagi proses serahan dokumen berkaitan kes terbabit.

Muhammad Sobri kemudiannya membayar wang jaminan terbabit di kaunter Kompleks Mahkamah Alor Setar.

Julai lalu, media melaporkan seorang pegawai kanan MBI Kedah dan seorang pengarah wanita sebuah syarikat ditahan bagi membantu siasatan kes rasuah dan salah guna kuasa dalam isu kecurian REE di Kedah.

Suspek yang direman itu dikatakan terbabit memberikan perlindungan pihak berkuasa tertentu dalam kegiatan perlombongan secara haram sejak 2020 lalu.

**Tertuduh didakwa melakukan kesalahan di Central Hotel Hatyai, Songkhla, Thailand**



**HARIAN METRO**
**21/11/2023**
**(SELASA)**

# Penerbit rancangan RTM didakwa terima suapan

**Kuala Lumpur:** Seorang ketua penolong pengarah sebuah stesen televisyen didakwa di Mahkamah Sesyen di sini semalam, kerana menerima wang RM18,000 daripada seorang wanita, empat tahun lalu.

Bagaimanapun, Suhaila Md Zaini, 44, yang juga Penerbit Rancangan Seksyen Berita Radio, Bahagian Berita Ehwal Semasa Radio Televisyen Malaysia (RTM) mengaku tidak bersalah sejurus tuduhan dikemukakan di hadapan Hakim, Roziha Ayob.

Mengikut pertuduhan, Suhaila didakwa menerima wang itu daripada wanita berusia 41 tahun, yang mana tertuduh mengetahui ada kaitan dengan tugas rasminya sebagai penerbit rancangan RTM.

Kesalahan didakwa dilakukan di pejabat Timbalan Pengarah Seksyen Berita Radio, Bahagian Berita Ehwal Semasa di Tingkat 6, Wisma TV, Angkasapuri, antara 17 April dan 5 Jun 2019, mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Susulan pengakuan tidak bersalah itu, Timbalan Pendakwa Raya, Muaz Ahmad Khairuddin, memohon mahkamah menggunakan jaminan RM7,000, selain syarat tambahan penyerahan pasport dan melaporkan diri di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) seperti ditetapkan Mahkamah Sesyen Shah Alam sebelum ini.

"Tertuduh didakwa di Mahkamah Sesyen Shah Alam pada 14 November lalu.

"Saya memohon untuk kes dipindahkan ke Mahkamah Sesyen di sana (Shah Alam) untuk dibicarakan bersama," katanya.

Peguam bela tertuduh, Gurmit Singh Hullon, tidak membantah permohonan pihak pendakwaan.

Kes rasuah REE di Kedah

# 2 bekas pegawai kerajaan negeri tak mengaku salah

## Muhamad Sobri didakwa minta RM4j; Mohamad Hilmi RM400,000

Oleh M Hafizuddin Ihsan dan Fairis Fuad
bhnews@bh.com.my

**Alor Setar:** Siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap kegiatan perlombongan haram mineral unsur nadir bumi (REE) di Kedah, membawa kepada pendakwaan dua bekas pegawai kanan kerajaan negeri di bawah pentadbiran Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor semalam.

Mereka yang didakwa hari ini terdiri daripada bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Perbadanan Menteri Besar (MBI) Kedah, Muhamad Sobri Osman, 63, dan bekas Setiausaha Politik kepada Menteri Besar Kedah, Mohamad Hilmi Abdul Wahab, 50.

Muhamad Sobri mengaku tidak bersalah terhadap dua pertuduhan di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen Alor Setar, Rohatul Akmar Abdullah, atas pertuduhan meminta rasuah berjumlah RM4 juta membabitkan kegiatan perlombongan REE pada Mei lalu.

Tertuduh didakwa meminta suapan RM4 juta bagi dirinya daripada John Ataa Pe, sebagai dorongan membantu syarikat Kumpulan Perlombongan REE Sdn Bhd menjalankan usaha sama perlombongan REE menerusi Memorandum Persefahaman (MoU) dengan MBI Kedah.



*Mohamad Hilmi didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur (gambar kiri) manakala Muhamad Sobri didakwa di Mahkamah Sesyen Alor Setar.*
[illegible]

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di Central Hotel Hatyai, Songkhla, Thailand pada 20 Mei lalu.

Bagi pertuduhan kedua, Muhamad Sobri didakwa secara rasuah menerima bagi dirinya suapan wang tunai RM1 juta daripada John Ataa Pe melalui Liyana Mamat@Khalid, 40 sebagai dorongan membantu syarikat Kumpulan Perlombongan REE Sdn Bhd menjalankan usaha sama perlombongan REE melalui MoU antara MBI Kedah dan syarikat tersebut.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di pekarangan tempat letak kenderaan Wisma Darul Aman di sini, pada 29 Mei lalu.

Muhamad Sobri didakwa mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang jika sabit kesalahan boleh dijatuhkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda lima kali ganda nilai suapan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Farah Yasmin Salleh, Nazrah Fareha Rahmat dan Muhammad Asraf Mohamed Thahir, manakala tertuduh diwakili peguam bela, Ibrahim Ismail dan Mohammed Zamri Ibrahim.

Susulan pengakuan tidak bersalah itu, Farah Yasmin memohon mahkamah menetapkan jaminan RM100,000 bagi kedua-dua pertuduhan berikutan kes terbabit membabitkan isu kepentingan awam, namun peguam bela tertuduh merayu agar jamin lebih rendah kerana Muhamad Sobri kini tiada pendapatan tetap kerana tidak lagi bekerja, selain perlu menyara isteri dan seorang anak yang masih belajar.

Rohatul kemudian membenarkan Muhamad Sobri diikat jamin RM100,000 oleh seorang penjamin, menyerahkan pasport antarabangsanya kepada mahkamah dan melapor diri di pejabat SPRM berdekatan setiap bulan serta menetapkan 22 Januari depan bagi proses serahan dokumen berkaitan kes terbabit.

[illegible]

Sementara itu, Mohamad Hilmi pula mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim Suzana Hussin, selepas didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur di sini, atas dua pertuduhan meminta dan menerima rasuah berjumlah RM400,000.

Mohamad Hilmi didakwa meminta dan menerima suapan wang tunai masing-masing berjumlah RM250,000 serta RM150,000 daripada Pengarah Kumpulan Perlombongan REE Sdn Bhd, Liana Mamat@Khalid, 40, melalui seorang lelaki dikenali sebagai Syed Muhammad Syed Ahiry, 34.

Suapan itu adalah sebagai dorongan kepada tertuduh membantu Kumpulan Perlombongan REE Sdn Bhd mendapat kelulusan permohonan lesen perlombongan dan penjelajahan REE di Kedah.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di Sunway Kiara Hills, Jalan 32/70A, Taman Sri Hartamas dan di sebuah restoran di Desa Sri Hartamas, pada 7 serta 11 Julai lalu.

Berikutan itu, dia didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara tidak lebih 20 tahun dan denda lima kali ganda nilai suapan.

**BERITA HARIAN**
**21/11/2023**
**(SELASA)**

**HARIAN METRO**
**22/11/2023**
**(RABU)**

TUNTUTAN PROGRAM PENJANA KERJAYA 2.0

# Pesara didakwa subahat kemuka tuntutan palsu

[illegible] — Seorang pesara kerajaan dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini semalam, atas tiga tuduhan bersubahat mengemukakan tuntutan palsu untuk mendapatkan Program Penjana Kerjaya 2.0 daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) berjumlah RM13,387.78, dua tahun lalu.

Rozina Abu Bakar, 62, yang beralamat di Rompin, dekat sini mengaku tidak bersalah atas semua pertuduhan itu di hadapan Hakim Datuk Ahmad Zamzani Mohd Zain.

Wanita itu didakwa melakukan kesalahan ketika berkhidmat sebagai pengurus di sebuah pusat kemahiran dalam daerah ini, dengan bersubahat dengan seorang lelaki untuk mengemukakan laporan kursus pengurusan perniagaan melalui internet di bawah program berkenaan, bagi tiga individu antara 4 Oktober hingga 1 Disember 2021.

Laporan yang dikemukakan kepada ejen Perkeso itu, didakwa mengandungi butiran palsu bagi menuntut bayaran RM4,129.26 untuk setiap individu terlibat, sedangkan mereka tidak pernah menghadiri kursus dinyatakan tersebut.

Bagi kesalahan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009, dibaca bersama Seksyen 28(1)(c) akta sama yang boleh dihukum mengikut Seksyen 24(2) Akta SPRM, yang membawa hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda RM10,000 atau lima kali ganda nilai terlibat, mana lebih tinggi jika sabit kesalahan.

Peguam Mohd Fadzil Mohd Ramly, yang mewakili Rozina, merayu jaminan RM15,000 yang ditawarkan pihak pendakwaan dikurangkan atas alasan tertuduh mempunyai lima anak dengan seorang daripadanya orang kurang upaya (OKU) dan tidak mampu menjelaskan jaminan jika dikenakan jumlah tinggi.

"Saya dimaklumkan ahli keluarga tertuduh menggadaikan barang kemas sebagai persediaan menjelaskan wang jaminan. Ini kali pertama tertuduh disiasat dan didakwa di mahkamah dan dia memberikan sepenuh kerjasama kepada pihak terbabit," katanya.

Mahkamah membenarkan jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin bagi semua pertuduhan berserta syarat tambahan tertuduh perlu melapor diri di pejabat SPRM setiap bulan dan pasport diserahkan kepada mahkamah sehingga kes selesai manakala sebutan semula kes pada 21 Disember ini.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPRM Rifah Dusti Abdul Muralit.



*Saya dimaklumkan ahli keluarga tertuduh menggadaikan barang kemas sebagai persediaan menjelaskan wang jaminan. Ini kali pertama tertuduh disiasat dan didakwa di mahkamah dan dia memberikan sepenuh kerjasama kepada pihak terbabit"*

**Mohd Fadzil Mohd Ramly**

# 'Tanam visi masuk syurga, solusi masalah rasuah'

## Jadikan nilai al-Quran sebagai pegangan hidup, elak perbuatan mungkar

Oleh MUHAMMAD SHAMSUL ABD GHANI
PUTRAJAYA

FOTO: ASRIL ASWANDI SHUKOR



Peserta sedang mengikuti syarahan bersama Mr Rasuah Busters sempena Sambutan Hari Integriti Jabatan Kastam Diraja Malaysia 2023, di Dewan Semarak Jati, Putrajaya pada Selasa.

Penerapan visi untuk menghuni syurga selepas kematian, dilihat sebagai salah satu penyelesaian kepada masalah rasuah di negara ini

Menegaskan perkara itu, Ketua Pasukan Rasuah Busters, Datuk Hussamuddin Yaacub berkata, visi itu akan memandu manusia untuk melakukan perbuatan yang disuruh dan meninggalkan perkara dilarang oleh ALLAH, ini termasuklah rasuah.



HUSSAMUDDIN

"Mereka bertanyakan kepada saya, bagaimana hendak selesaikan masalah rasuah. Kerana apa sahaja undang-undang tidak boleh selesaikannya. Yang boleh selesaikannya adalah jika kita ada visi yang jelas bahawa mati hendak masuk syurga, jadi kita perlu siapkan jiwa kita dengan agama, iaitu takwa dan tauhid kepada ALLAH.

"Jika hendak masuk syurga, kita jangan melakukan perbuatan dosa kerana bila ALLAH marah kita tidak dapat masuk," katanya ketika menyampaikan syarahan sempena Sambutan Hari Integriti Jabatan Kastam Diraja Malaysia 2023, di Dewan Semarak Jati, di sini pada Selasa.

Ujarnya, penerapan nilai agama amat penting dalam memacu masyarakat untuk mengelak melakukan perbuatan mungkar terutamanya rasuah.

"Tanamkan nilai al-Quran untuk dijadikan sebagai pegangan hidup... dengan terima rasuah memanglah sekarang hidup mewah tetapi di akhirat macam mana hendak kita hadapi.

"Sekiranya kita boleh berfikir begitu, ia akan menjadi benteng kepada kita mengelak melakukan perbuatan itu," katanya.

Tegasnya, untuk menjalani rutin berlandaskan al-Quran, seseorang individu perlulah faham dan memahami apa yang tertulis di dalam kitab suci tersebut.

"Kita perlu faham dan amalkannya, bukan sekadar menghafal sebab penyelesaian kepada semua masalah kita sudah terkandung di dalam al-Quran," ulasnya.

Ketika ditanya tentang peranan Rasuah Busters, Husammuddin berkata, pasukan tersebut bukan berperanan sebagai penguat kuasa sebaliknya sebagai satu usaha untuk merealisasikan hasrat Malaysia bebas daripada rasuah.

"Kita merupakan gerakan daripada rakyat demi rakyat untuk memulihkan dan membentuk transformasi dan integriti #NilaiMoralKarakterBangsa Malaysia dengan menghapuskan kereputan akhlak dan segala bentuk rasuah," jelasnya.

**SINAR HARIAN**
**22/11/2023**
**(RABU)**

# Wujudkan pasukan khas pantau rasuah rentas sempadan

**SHAH ALAM-** Kerajaan dicadang mewujudkan pasukan khas bagi memantau jika berlaku amalan rasuah melibatkan pendatang asing tanpa izin (PATI) dan pegawai penguat kuasa yang bertugas mengawal sempadan negara.



NOR HALMEY

Ketua Pasukan Rasuah Busters Perlis, Nor Halmey Hamdah berkata, kemasukan warga asing yang tidak terkawal menyebabkan peningkatan kes jenayah sehingga mereka berani melanggar undang-undang di negara ini.

Menurutnya, dengan mewujudkan pasukan khas keselamatan yang berperanan seperti Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP), ia dapat membantu mengawal jenayah rentas sempadan termasuk penyeludupan barang terlarang dan perbuatan rasuah.

"Isu kemasukan warga asing tanpa dokumen sukar ditangani dan memerlukan pasukan khas yang boleh memantau aktiviti ini.

"Penguatkuasaan undang-undang sedia ada sudah cukup baik, tetapi kita mahu kawalan keselamatan ini dipertingkat kerana khuatir masyarakat mempunyai persepsi buruk dan mempersoal integriti kerajaan.

"Kita perlukan pasukan yang mampu membanteras kedatangan PATI secara agresif dan holistik," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

*Sinar Harian* sebelum ini melaporkan, seorang lelaki etnik Rohingya, Noor Kalam Soyut Alam, 29, mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Alor Setar, Kedah atas tuduhan memberi rasuah sebanyak RM7,000 kepada pegawai kanan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) di Langkawi tahun lalu.

Perbuatan tersebut dilakukan sebagai dorongan supaya tidak mengambil tindakan undang-undang terhadap penyeludupan masuk PATI warga Rohingya seramai 25 orang melalui jalan laut.

**SINAR HARIAN**
**22/11/2023**
**(RABU)**

# 4 penguat kuasa direman disyaki terima RM300k

Kota Kinabalu: Empat anggota penguat kuasa direman tujuh hari bermula semalam kerana disyaki menerima wang rasuah berjumlah RM300,000 daripada ejen dan calon yang mengambil lesen memandu.

Perintah reman sehingga 28 November ini dibenarkan Majistret Wan Farrah Fariza Wan Ghazali selepas permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Sabah di Mahkamah Majistret Kota Kinabalu.

Terdahulu, semua suspek lelaki yang berusia dalam lingkungan 30-an dipercayai ditahan kira-kira jam 4 petang kelmarin ketika diminta hadir memberikan keterangan di pejabat SPRM Sabah.

Media melaporkan sumber berkata, semua suspek dipercayai melakukan perbuatan itu pada 2021 dan 2022 serta disyaki menerima wang rasuah melalui orang tengah sebagai balasan untuk mengeluarkan lesen memandu kepada calon tanpa perlu mengikuti ujian memandu.

Modus operandi yang dilakukan oleh anggota penguat kuasa itu adalah dengan meminta dan menerima rasuah daripada 'orang tengah' antara RM400 hingga RM1,200 daripada setiap calon bagi mendapatkan lesen memandu pelbagai kelas tanpa menjalani ujian memandu.

Kegiatan haram sindiket pengeluaran lesen terbang ini dipercayai menyebabkan kerugian kepada hasil kerajaan sebanyak kira-kira RM1.5 juta," katanya.



EMPAT penguat kuasa dibawa keluar dari Mahkamah Majistret Kota Kinabalu, semalam.

**HARIAN METRO**
**22/11/2023**
**(RABU)**

# 4 penguat kuasa direman disyaki terima RM300k

Kota Kinabalu: Empat anggota penguat kuasa direman tujuh hari bermula semalam kerana disyaki menerima wang rasuah berjumlah RM300,000 daripada ejen dan calon yang mengambil lesen memandu.

Perintah reman sehingga 28 November ini dibenarkan Majistret Wan Farrah Fariza Wan Ghazali selepas permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Sabah di Mahkamah Majistret Kota Kinabalu.

Terdahulu, semua suspek lelaki yang berusia dalam lingkungan 30-an dipercayai ditahan kira-kira jam 4 petang kelmarin ketika diminta hadir memberikan keterangan di pejabat SPRM Sabah.

Media melaporkan sumber berkata, semua suspek dipercayai melakukan perbuatan itu pada 2021 dan 2022 serta disyaki menerima wang rasuah melalui orang tengah sebagai balasan untuk mengeluarkan lesen memandu kepada calon tanpa perlu mengikuti ujian memandu.

Modus operandi yang dilakukan oleh anggota penguat kuasa itu adalah dengan meminta dan menerima rasuah daripada 'orang tengah' antara RM400 hingga RM1,200 daripada setiap calon bagi mendapatkan lesen memandu pelbagai kelas tanpa menjalani ujian memandu.

Kegiatan haram sindiket pengeluaran lesen terbang ini dipercayai menyebabkan kerugian kepada hasil kerajaan sebanyak kira-kira RM1.5 juta," katanya.



EMPAT penguat kuasa dibawa keluar dari Mahkamah Majistret Kota Kinabalu, semalam.

**HARIAN METRO**
**22/11/2023**
**(RABU)**



*Empat penguat kuasa dibawa ke Mahkamah Majistret, Kota Kinabalu, semalam* (Foto ihsan SPRM)

# 4 direman kes 'lesen terbang'

## Disyaki terima rasuah RM300,000 daripada ejen dan calon ambil lesen memandu

Oleh Juwan Riduan
bhnews@bh.com.my

**Kota Kinabalu:** Empat penguat kuasa direman tujuh hari kerana disyaki menerima rasuah RM300,000 daripada ejen dan calon yang mengambil lesen memandu.

Perintah reman sehingga 28 November dibenarkan Majistret Wan Farrah Fariza Wan Ghazali selepas permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Sabah di Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Terdahulu, semua lelaki berusia lingkungan 30-an itu dipercayai ditahan kira-kira jam 4 petang kelmarin ketika diminta hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Sabah.

Sumber memaklumkan, semua suspek dipercayai melakukan perbuatan itu pada 2021 dan 2022 serta disyaki menerima rasuah melalui orang tengah sebagai balasan untuk mengeluarkan lesen memandu kepada calon tanpa perlu mengikuti ujian memandu.

Modus operandi adalah dengan meminta dan menerima wang suapan antara RM400 hingga RM1,200 setiap calon melalui orang tengah bagi mendapatkan lesen memandu pelbagai kelas tanpa perlu menjalani ujian memandu.

"Kegiatan sindiket pengeluaran 'lesen terbang' itu dipercayai menyebabkan kerugian kira-kira RM1.5 juta hasil kerajaan," kata sumber berkenaan.

**BERITA HARIAN**
**22/11/2023**
**(RABU)**

# Rakam, lapor jika berlaku unsur rasuah semasa pilihan raya - ABIM



ZAIRUDIN

**SHAH ALAM** - Orang ramai diminta merakam maklumat sama ada dalam bentuk video atau audio jika berlaku unsur rasuah sepanjang kempen pilihan raya berlangsung.

Naib Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Zairudin Hashim berkata, ia bertujuan untuk dijadikan bahan bukti bagi memudahkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menjalankan siasatan dan mengambil tindakan selanjutnya.

"Rakyat boleh memainkan peranan seperti menggunakan telefon bimbit untuk merekod semua aktiviti yang berlaku.

"Jika dilihat dari sudut wang ringgit, jelas rasuah itu menguntungkan tetapi ia bertentangan dengan ajaran Islam dan undang-undang selain boleh meruntuhkan sesebuah negara," katanya kepada *Sinar Harian*.

*Sinar Harian* pada 13 November lalu melaporkan, parti Pas yakin bahawa ahlinya kekal 'bertahan' dan tidak sesekali terjebak dengan sebarang bentuk sogokan serta perjanjian yang melibatkan habuan dalam pelbagai bentuk.

Naib Presiden Pas, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar turut memberikan jaminan bahawa isu berkenaan tidak menjejaskan sokongan kepada Perikatan Nasional (PN) sewaktu Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Kemaman pada 2 Disember depan.

Dalam pada itu, Zairudin berkata, jika rakyat turut serta membantu untuk memastikan pilihan raya berlangsung secara bersih, maka proses memilih wakil rakyat berlaku secara adil.

Tambahnya, kempen integriti seperti MyUndi yang dijalankan ABIM dan Rasuah Busters perlu diperkasakan dalam kalangan rakyat supaya tidak menerima sebarang rasuah atau 'duit kopi'.

Jelas beliau, pada Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15), MyUndi menggalakkan masyarakat pulang ke kampung untuk mengundi di kawasan masing-masing.

"Walaupun ABIM dan Rasuah Busters perlu menanggung kos besar tetapi rakyat masih berhak mengundi mana-mana parti yang dipilih," katanya.

**10 BERITA *SINAR HARIAN* PALING TRENDING**

**1 PAN-GON JAWAB DAKWAAN MEDIA TAIWAN**

# SINAR HARIAN
# 23/11/2023
# (KHAMIS)

# Warga asing jadi orang tengah 'lesen terbang'

## Seorang lagi direman disyaki merasuah penguat kuasa sebuah agensi

Oleh ASYIKIN ASMIN
LAHAD DATU

Seorang lagi individu yang terlibat dalam kes rasuah membabitkan pengeluaran 'lesen terbang' direman selama tujuh hari.

Lelaki warga asing berusia 40-an yang berperanan sebagai orang tengah ditahan reman bermula Rabu sehingga 29 November ini untuk membantu siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Perintah reman itu dikeluarkan oleh Majistret Ryan Sagiran Rayner Junior selepas SPRM membuat permohonan tersebut di Mahkamah Majistret Lahad Datu.

Suspek sebelum itu ditahan SPRM selepas disyaki sebagai orang tengah yang bersekongkol dengan penguat kuasa dalam pengeluaran lesen terbang tanpa perlu mengambil ujian memandu dengan nilai wang rasuah kira-kira RM300,000.

Suspek ditahan kira-kira jam 4 petang Selasa ketika diminta hadir memberikan keterangan di pejabat SPRM Cawangan Lahad Datu.

Suspek dipercayai melakukan perbuatan tersebut sekitar tahun 2021 dan 2022.

Pada Isnin lalu, *Sinar Harian* melaporkan empat anggota penguat kuasa sebuah agensi kerajaan berusia dalam lingkungan 30-an itu ditahan oleh SPRM Sabah selepas disyaki menerima rasuah untuk mengeluarkan lesen terbang kepada calon-calon yang mengambil lesen memandu.



Suspek (kanan) dibawa ke Mahkamah Lahad Datu bagi mendapatkan perintah reman untuk membantu siasatan SPRM.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**SINAR HARIAN**
**23/11/2023**
**(KHAMIS)**

# 9 direman bantu siasatan ubah status kereta perdagangan

## Modus operandi sindiket pinda data bagi dapatkan status diesel hijau

**Kuala Lumpur:** Sembilan individu, termasuk lima anggota penguat kuasa direman lapan hari kerana disyaki meminta dan menerima wang suapan untuk meminda butiran spesifikasi enjin kenderaan perdagangan daripada kenderaan diesel biasa kepada kenderaan diesel hijau.

Sumber Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berkata, perintah itu dikeluarkan selepas pihaknya membuat permohonan reman di Mahkamah Majistret Ipoh, Putrajaya, Johor Bahru dan Kota Kinabalu, kelmarin.

"Majistret membenarkan perintah reman bermula hari ini (semalam), seorang lagi individu bertindak sebagai ejen di Selangor dilepaskan dengan jaminan SPRM selepas keterangannya direkodkan," kata sumber berkenaan ketika dihubungi.

Kelmarin, SPRM dilaporkan menahan 10 individu berusia 33 hingga 66 tahun antara jam 11 pagi dan 3 petang di beberapa negeri bagi membantu siasatan kes berkenaan.

### Nilai wang rasuah RM1.28j

Menurut sumber berkenaan, modus operandi sindiket itu adalah pindaan data kenderaan atau pembetulan butiran kenderaan bagi mendapatkan status diesel hijau.

"Sindiket ini dipercayai bergerak aktif sekitar 2019 hingga 2022 dan nilai wang rasuah dianggarkan kira-kira RM1.28 juta untuk lima anggota penguat kuasa terbabit yang terdiri daripada tiga lelaki dan dua wanita.

"Ketirisan hasil kepada kerajaan terkumpul akibat daripada aktiviti sindiket ini dianggarkan RM12.73 juta sejak 2018 sehingga 2022," katanya.

Pengarah Bahagian Perisikan SPRM, Datuk Azmi Kamaruzaman ketika dihubungi mengesahkan penahanan dan berkata kes disiasat mengikut Seksyen 16 (a)(B) Akta SPRM 2009.

BERNAMA




**BERITA HARIAN**
**23/11/2023**
**(KHAMIS)**

# Pesuruhjaya antirasuah terima rasuah

**Indonesia menduduki tempat ke 110 dari 180 negara dalam Indeks Persepsi Rasuah**

JAKARTA

Indonesia menamakan seorang pengerusi suruhanjaya antirasuah sebagai suspek dalam kes rasuah, sekali gus menjejaskan reputasi agensi ditubuhkan sejak dua dekad lalu selepas kejatuhan bekas Presiden Suharto.

Difahamkan ia adalah kali pertama ketua badan pencegah rasuah didakwa melakukan jenayah tersebut.

Rasuah kekal berleluasa di republik itu dan menduduki tempat ke 110 dari 180 negara dalam Indeks Persepsi Rasuah terkini, *Transparency International*.

Polis menamakan Ketua Komisi Pembanterasan Rasuah (KPK), Firli Bahuri sebagai suspek atas dakwaan melakukan peras ugut dan menerima hadiah atau ganjaran dalam rundingan udang-undang dengan Kementerian Pertanian dari tahun 2020 hingga 2023.

Pengarah Polis Jabatan Jenayah Khas, Ade Safri Simanjuntak memberitahu wartawan bahawa Firli akan disoal siasat sebagai ketua KPK atas kapasitinya sebagai suspek dalam dakwaan jenayah rasuah.

Bulan lalu, bekas Menteri Pertanian, Syahrul Yasin Limpo ditahan selepas didakwa dengan beberapa siri tuduhan termasuk menyeleweng dana awam sebanyak AS$800,000 (RM3.7 juta).

Dakwaan terhadap Firli dikaitkan dengan kes Syahrul Yasin.

Sebagai sebahagian daripada siasatan, polis mengeledah dua hartanah suspek dan menemu bual lebih 90 individu dan merampas bukti termasuk pertukaran matawang asing dalam dolar Singapura dan AS antara tahun 2021 dan 2023 yang berjumlah lebih 7.4 bilion rupiah (RM2.2 juta).

Bagaimanapun, suruhanjaya itu tidak menjawab permintaan *AFP* untuk mendapatkan komen, tetapi Firli sebelum ini menafikan dakwaan itu beberapa kali.



FIRLI BAHURI

Jika didapati bersalah atas tuduhan rasuah, beliau bakal berdepan hukuman penjara seumur hidup.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, Indonesia menahan puluhan pegawai awam kerana terbabit rasuah. - *AFP*

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**SINAR HARIAN**
**24/11/2023**
**(JUMAAT)**

Termasuk beberapa entiti syarikat lain

# SPRM beku akaun Aman Palestin

Oleh HISYAMUDDIN AYUB
PUTRAJAYA

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesahkan membekukan sebanyak 41 akaun bank milik Aman Palestin Berhad (Aman Palestin) dan beberapa entiti syarikat lain membabitkan wang berjumlah RM15 juta.

SPRM menerusi kenyataannya memaklumkan, tindakan itu diambil berikutan dakwaan pihak terbabit menyalah guna wang sumbangan orang ramai yang telah dijalankan sejak 17 Oktober lalu.

Maklum suruhanjaya itu, jumlah keseluruhan dana hasil sumbangan orang ramai dalam akaun milik badan bukan kerajaan (NGO) itu termasuk syarikat lain berkaitan dengannya adalah sebanyak RM15.86 juta.

"Sebelum ini, SPRM turut membuat penggeledahan di premis Aman Palestin dan memperoleh dokumen-dokumen berkaitan kewangan serta pengurusan operasi bagi tempoh lima tahun terdahulu.

"Siasatan bagi mendapatkan keterangan kesalahan-kesalahan di bawah Akta SPRM 2009, Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan Dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001) dan Kanun Keseksaan (Akta 574).

"SPRM juga telah merakam beberapa keterangan saksi-saksi penting berhubung kes tersebut," menurut kenyataan itu pada Khamis.

Menurut SPRM lagi, hasil siasatan awal telah mengenal pasti beberapa isu melibatkan penyelewengan dana dianggarkan berjumlah RM70 juta yang disalurkan bagi tujuan selain objektif penubuhan syarikat itu.

Pada bulan lepas, SPRM mendedahkan pihaknya menyiasat Aman Palestin berikutan timbul keraguan masyarakat dan laporan media tempatan mempersoalkan sama ada wang derma dikumpul betul-betul disalurkan kepada rakyat Palestin.

Susulan itu, Mufti Perlis, Datuk Mohd Asri Zainul Abidin menerusi surat bertarikh 24 Ogos lepas, meminta Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Perlis agar tidak membenarkan kutipan Tabung Aman Palestin dilaksanakan di premis agama Islam di negeri tersebut.




**Siasatan dibuat berikutan dakwaan keraguan terhadap NGO itu dan syarikat terlibat.**

LAPORAN MUKA DEPAN

**SINAR HARIAN**
**24/11/2023**
**(JUMAAT)**

# Hati-hati salur sumbangan tabung Palestin - Na'im

**KUALA LUMPUR** - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar menyerahkan isu Aman Palestin yang disyaki seleweng dana awam RM70 juta kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Mohd Na'im berkata, pihaknya tidak boleh memberikan sebarang komen berhubung isu tersebut bagi memberi ruang kepada SPRM untuk menjalankan siasatan secara terperinci.

Beliau menasihatkan pengguna untuk lebih waspada dan berhati-hati dengan menyalurkan sumbangan ke tabung yang betul.

Menurutnya, kerajaan telah menubuhkan Tabung Rahmah Madani, Yayasan Wakaf Malaysia dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) bagi tujuan tersebut.

"Di peringkat Kementerian Luar Negeri pun ada akaun yang telah dimaklumkan kerajaan sebagai jaminan untuk memastikan supaya sumbangan kita benar-benar sampai ke Gaza.

"Niat sudah betul tapi tak mahu ia separuh jalan dan tak sampai kepada golongan sasaran.

"Masyarakat Malaysia sangat pemurah, cuma pastikan sumbangan itu sampai ke tempat yang dituju," katanya pada Bengkel Etika dan Pengurusan Kaunter Berkualiti 2023 di Hotel Tamu di sini pada Khamis.

Beliau mengulas tindakan SPRM membekukan sejumlah 41 akaun di bawah Aman Palestin membabitkan dana awam RM70 juta.

**SINAR HARIAN**
**24/11/2023**
**(JUMAAT)**

# Pengarah urusan didakwa kemuka tuntutan palsu lagi

**RM55k**

Jumlah jamin dibenar hakim kepada tertuduh

Kuantan: Seorang pengarah urusan bagi dua syarikat didakwa sekali lagi di Mahkamah Sesyen di sini, semalam bagi 14 pertuduhan mengemukakan tuntutan palsu insentif Program Penjana Kerjaya 2.0 daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) berjumlah RM152,200, dua tahun lepas.

M Sentil Kumar, 38, mengaku tidak bersalah terhadap semua pertuduhan berkenaan.

Dia didakwa menyerahkan borang pengesahan pekerja bagi menuntut insentif program berkenaan antara RM3,500 dan RM31,600 bagi 21 individu yang bukan pekerja syarikat Global Tech (S) Auto Supply serta Global Green Soil Plantation di Wisma Perkeso di sini, pada 27 Mei dan 24 Jun 2021.

Pertuduhan mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(2) akta sama yang membawa hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali nilai butiran palsu atau RM10,000 mengikut mana-mana nilai lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Lelaki itu juga mengaku tidak bersalah terhadap 14 pertuduhan pilihan iaitu menggunakan dokumen palsu sebagai tulen mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan serta boleh dihukum mengikut Seksyen 465 kanun sama yang membawa hukuman penjara maksimum dua tahun, atau denda atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Rifah Izzati Abdul Mutalif mencadangkan jaminan RM55,000 bagi kesemua pertuduhan dengan syarat tambahan perlu melapor diri setiap bulan di pejabat SPRM dan menyerahkan pasport kepada mahkamah.

Peguam T Vijaya Sandran yang mewakili Sentil Kumar memohon jaminan munasabah dikenakan memandangkan tertuduh sudah membayar jaminan bagi kes sebelum ini dan patuh pada syarat tambahan dikenakan iaitu melapor diri setiap bulan di SPRM dan menyerahkan pasport kepada mahkamah.

Hakim Datuk Ahmad Zamzani Mohd Zain kemudian menetapkan tertuduh diikat jamin RM55,000 dengan seorang penjamin dan membenarkan semua syarat tambahan serta 22 Disember ditetapkan untuk sebutan kes bagi serahan dokumen.


BANDARAYA JOHOR BAHRU

HARIAN METRO
24/11/2023
(JUMAAT)



DIDAKWA SALAH GUNA DANA SUMBANGAN RM70 JUTA

# Beku 41 akaun Aman Palestin

Oleh Muhammad Hafis Nawawi
mhafis@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membekukan 41 akaun dan beberapa entiti syarikat lain pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Aman Palestin Berhad (Aman Palestin) berjumlah RM15,868,762 selepas menerima dakwaan penyalahgunaan wang sumbangan orang ramai.

SPRM dalam satu kenyataannya semalam berkata, berhubung siasatan terhadap dakwaan bahawa Aman Palestin menyalahgunakan wang sumbangan orang ramai yang dijalankan sejak 17 Oktober lalu, pihaknya membekukan 41 akaun bank syarikat pertubuhan amal itu dan beberapa entiti syarikat lain, kelmarin.

"Sebelum ini, SPRM turut geledah di premis Aman Palestin serta memperoleh dokumen berkaitan kewangan dan pengurusan operasi bagi tempoh lima tahun terdahulu. Siasatan dijalankan bagi mendapatkan keterangan berhubung kesalahan mengikut Akta SPRM 2009, Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA-TFPUAA 2001) dan Kanun Keseksaan (Akta 574)," katanya.

Menurutnya, SPRM juga merakam beberapa keterangan saksi penting dan hasil siasatan awal mengenal pasti beberapa isu membabitkan penyelewengan dana dianggarkan berjumlah RM70 juta yang disalurkan bagi tujuan selain daripada objektif penubuhan syarikat berkenaan.

SPRM peroleh dokumen kewangan NGO bagi tempoh lima tahun lalu

Harian Metro sebelum ini melaporkan siasatan SPRM terhadap dakwaan salah guna kuasa oleh NGO yang mengutip wang derma untuk rakyat Palestin tertumpu kepada penelitian dokumen membabitkan dana wang itu.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki dilaporkan berkata, ia tindakan di peringkat awal siasatan sebelum pihaknya memanggil individu yang terbabit bagi rakaman keterangan.

Sebelum ini, Mufti Perlis Datuk Mohd Asri Zainul Abidin menerusi surat bertarikh 24 Ogos lalu meminta Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Perlis agar tidak membenarkan kutipan Tabung Aman Palestin dilaksanakan di premis agama Islam di negeri itu.

Beliau menyatakan keraguan terhadap pengumpulan dan pengagihan dana oleh Aman Palestin dan menuntut lebih banyak ketelusan dalam perkara terbabit.

## Misi bantuan ke Palestin bakal terjejas

Kuala Lumpur: Aman Palestin Bhd (Aman Palestin) mengakui misi bantuan kemanusiaan di Palestin akan terjejas berikutan akaun syarikat itu dibekukan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Pengurus Besar Pemasaran Aman Palestin, Muhd Farhan Muhd Fadhil berkata, berikutan itu pihaknya menunggu penjelasan rasmi dan lengkap daripada SRPM berhubung tindakan berkenaan.

"Peguam kami juga akan mendapatkan maklumat daripada SPRM kerana kenyataan dikeluarkannya bersifat umum.

"Beberapa individu daripada Aman Palestin dipanggil agensi penguatkuasaan itu untuk memberi keterangan dan mereka sudah berbuat demikian.

"Kami memberi kerjasama penuh terhadap siasatan SPRM, doakan untuk kami," katanya

HARIAN METRO
24/11/2023
(JUMAAT)

# SPRM beku akaun Aman Palestin

## Pegawai forensik sedang teliti dokumen kewangan syarikat

Oleh Faris Fuad
faris.fuad@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membekukan 41 akaun Aman Palestin Bhd (Aman Palestin) dan beberapa entiti syarikat lain yang berkaitan dengan jumlah keseluruhan RM15,368,762.00, semalam.

Ia berhubung siasatan agensi penguatkuasaan itu terhadap dakwaan syarikat pertubuhan amal berkenaan menyalahgunakan wang sumbangan orang ramai sejak 17 Oktober lalu.

SPRM dalam kenyataan semalam berkata, pihaknya juga merakam beberapa keterangan saksi penting dan hasil siasatan awal mengenal pasti beberapa isu membabitkan penyelewengan dana dianggarkan RM70 juta yang disalurkan bagi tujuan selain objektif penubuhan syarikat berkenaan.

"Sebelum ini, SPRM membuat penggeledahan di premis Aman Palestin serta memperoleh dokumen berkaitan kewangan dan pengurusan operasi bagi tempoh lima tahun terdahulu.

"Siasatan dijalankan bagi mendapatkan keterangan berhubung kesalahan mengikut Akta SPRM 2009, Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001) dan Kanun Keseksaan (Akta 574)," kata SPRM dalam kenyataan itu.

> Misi bantuan kemanusiaan ke Palestin akan terjejas berikutan akaun syarikat Aman Palestin dibekukan SPRM. Pihak kami menunggu penjelasan rasmi dan lengkap daripada SPRM berhubung tindakan berkenaan
>
> *Muhd Farhan Muhd Fadhil,*
> *Pengurus Besar Pemasaran Aman Palestin*



Pada 7 November lalu, SPRM dilaporkan masih belum memanggil mana-mana saksi berhubung siasatan terhadap Aman Palestin yang mengutip derma untuk rakyat negara berkenaan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, dipetik berkata ketika ini siasatan masih berjalan dan pegawai forensik agensi itu sedang meneliti dokumen membabitkan kewangan syarikat berkenaan.

Media melaporkan SPRM memulakan siasatan ke atas Aman Palestin berhubung aktiviti pengumpulan derma untuk rakyat Palestin susulan tindakan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis (JAIPs) menarik balik kebenaran untuk syarikat itu membuat kutipan bagi tujuan berkenaan.

### Misi bantuan terjejas

Sementara itu, Aman Palestin mengakui misi bantuan kemanusiaan di negara berkenaan akan terjejas berikutan akaun syarikat itu dibekukan SPRM.

Bagaimanapun, Pengurus Besar Pemasarannya, Muhd Farhan Muhd Fadhil, berkata pihaknya masih menunggu penjelasan rasmi dan lengkap daripada SPRM berhubung tindakan berkenaan.

"Peguam kami juga akan dapatkan maklumat daripada SPRM kerana kenyataan dikeluarkannya bersifat umum.

"Beberapa individu daripada Aman Palestin dipanggil SPRM untuk memberi keterangan dan mereka sudah berbuat demikian. Kami memberi kerjasama penuh terhadap siasatan SPRM, doakan untuk kami," katanya pada *BH*, semalam.

**BERITA HARIAN**
**24/11/2023**
**(JUMAAT)**

# SPRM dalam proses kenal pasti aset Aman Palestin

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam proses mengenal pasti aset Aman Palestin Berhad (Aman Palestin), dipercayai diperoleh hasil penyelewengan RM70 juta dana orang awam.

Sumber berkata, semua aset berkenaan dalam tindakan untuk sitaan. Katanya, keterangan ketua pegawai eksekutif pertubuhan berkenaan juga masih belum diambil oleh SPRM.

"Setakat ini, sebanyak 11 saksi sudah dirakam keterangan oleh SPRM," katanya di sini.

Mengulas lanjut, kata sumber, sembilan daripada 41 akaun bernilai lebih RM15.86 juta dibekukan adalah didaftarkan di atas nama Aman Palestin Berhad.

"Dua akaun lagi milik sebuah syarikat dan selebihnya adalah akaun membabitkan tujuh individu," katanya.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjayanya, Tan Sri Azam Baki mengesahkan perkara itu, namun enggan mengulas lanjut memandangkan siasatan masih berjalan.

Kelmarin, SPRM mengesahkan membekukan sebanyak 41 akaun bank syarikat pertubuhan Aman Palestin bernilai RM15,868,782.00 setakat ini.

Pembekuan itu dilakukan selepas SPRM menjalankan siasatan terhadap dakwaan Aman Palestin menyalahgunakan wang sumbangan orang ramai.

Sementara itu, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang mengutip sumbangan untuk membantu rakyat di negara bergolak seperti Palestin dan Syria bersedia memperbetulkan prosedur serta tindakan untuk dilihat lebih telus dan amanah.

Muslim Care menjelaskan, mereka tidak hanya mempunyai prosedur menyakinkan orang awam, malah sentiasa menambah baik setiap proses penyaluran wang berkenaan.

Presidennya, Zulkifli Wahijan berkata setiap kutipan diterima akan dimanfaatkan kepada tujuan asal projek dan ia tidak boleh dibazirkan untuk perkara lain.

Ketua Pegawai Operasi Global Peace Mission (GPM) Malaysia, Syahrir Azfar Saleh, berkata pihak mereka bersedia menerima teguran dan turut berusaha memperbaiki urusan amanah diberikan dengan lebih baik dan memberi impak yang positif.

"Tidak ada sebarang isu atau masalah sekiranya teguran dilakukan. Jika ada perkara yang perlu diperbetulkan, kita sangat terbuka untuk terima dan seterusnya membuat tindakan sewajarnya," katanya.

**BERITA HARIAN**
**25/11/2023**
**(SABTU)**

# Ketua Penerangan BERSATU didakwa menghasut

## ADUN Kijal dituduh berkaitan kenyataan terhadap SPRM, kes Syed Saddiq

Oleh Faris Fuad
faris.fuad@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Ketua Penerangan BERSATU, Datuk Razali Idris didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini semalam atas pertuduhan menghasut membabitkan kenyataan terhadap Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan sabitan empat pertuduhan ke atas Ahli Parlimen Muar, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman.

Razali, 57, yang juga Ketua Badan Pimpinan BERSATU Terengganu mengaku tidak bersalah sejurus pertuduhan dikemukakan di hadapan Hakim N Priscilla Hemamalini.

"Saya mengaku tidak bersalah dan bersedia dibicarakan," katanya.

Mengikut pertuduhan, Razali didapati menyebut perkataan menghasut di Padang Astaka Chukai, Kemaman, Terengganu, jam 9.30 malam hingga 11.30 malam, pada 10 November lalu.

Pendakwaan mengikut Perenggan 4(1) (b) Akta Hasutan 1948 (Akta 15) yang sabit kesalahan boleh didenda tidak lebih RM5,000 atau penjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Susulan pengakuan tidak bersalah itu, Pengarah Pendakwaan Kuala Lumpur, Datin Kalmizah Salleh mencadangkan jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin terhadap tertuduh dan syarat tambahan tidak membuat hantaran atau komen hingga kes selesai.

### Mohon jaminan RM1,000

Peguam Hasshahari Johari Mawi yang mewakili Razali pula memohon jaminan RM1,000 dan tidak membantah syarat tambahan, namun ia perlu merangkumi orang ramai supaya tiada perbincangan mengenai merit kes itu di luar mahkamah.

"Anak guam bertanggungjawab terhadap isteri yang berpenyakit jantung, dua anak dan dua cucu, selain adalah Senator di Dewan Negara; EXCO Pelancongan Kebudayaan, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Terengganu serta Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kijal.

"Anak guam bekerjasama dalam siasatan pihak berkuasa sebelum ini dan hadir tanpa dipaksa ke mahkamah hari ini (semalam) untuk menjawab pertuduhan terhadapnya.

"Tertuduh tiada potensi melarikan diri atau enggan mengikut kehendak dan perintah khususnya kehadiran ke mahkamah," katanya.

Hakim membenarkan jaminan RM6,000 dengan seorang penjamin dan syarat tambahan seperti dicadangkan pendakwaan, selain menetapkan 8 Disember untuk sebutan semula kes.

Pada Isnin lalu, Razali memberi keterangan kepada polis berhubung dakwaan dipercayai palsu terhadap SPRM dalam ceramah pilihan raya.

Percakapan berkenaan diambil di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kemaman yang turut dihadiri peguam Razali, Nizam Amin.

Pada 15 November lalu, SPRM membuat laporan polis terhadap tuduhan palsu didakwa dikeluarkan Razali susulan satu hantaran dalam aplikasi TikTok atas nama pemilik akaun @wancin11 yang memaparkan kenyataan Razali itu.

Dalam hantaran itu, Razali didakwa mengeluarkan beberapa tuduhan palsu dalam ceramahnya yang antara lain menyatakan jentera kerajaan, SPRM dan hakim dikawal kerajaan serta mempertikaikan keputusan Mahkamah Tinggi berhubung sabitan empat pertuduhan ke atas Syed Saddiq.



*Razali tiba di Kompleks Mahkamah Jalan Duta dituduhan menghina keputusan institusi kehakiman serta memfitnah badan kerajaan.*
(Foto Aswadi Alias/BH)

**BERITA HARIAN**
**25/11/2023**
**(SABTU)**

# Jangan takut lapor rasuah

## SPRM jamin identiti setiap pemberi maklumat tidak akan didedahkan

Oleh SYAMILAH ZULKIFLI
SEREMBAN



Awgkok Ahmad Taufik Putra (tiga dari kiri) selepas merasmikan Program Pelan Anti Rasuah Organisasi Rangkaian Hotel Seri Malaysia pada Khamis.

Kakitangan awam mahupun swasta tidak perlu takut untuk melaporkan kesalahan rasuah dan salah guna kuasa yang berlaku dalam organisasi masing-masing bagi membendung gejala tersebut daripada berleluasa.

Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Sembilan, Awgkok Ahmad Taufik Putra Awg Ismail berkata, mereka tidak perlu bimbang kerana identiti setiap pemberi maklumat tidak akan didedahkan.

"Jangan takut nak laporkan jika ada perbuatan rasuah dalam organisasi kerana jika ada rasa takut kita tidak akan ke depan.

"Ia merupakan satu kewajipan dan menjadi satu kesalahan pula kalau tidak laporkan," katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas merasmikan Program Pelan Anti Rasuah Organisasi Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn Bhd di sini pada Khamis.

Menurutnya, rasuah merupakan satu perbuatan keji mengikut pandangan agama mahupun moral.

Tambahnya, ia bukan sahaja dalam bentuk wang tetapi juga sebarang bentuk pemberian atau tajaan yang mendorong seseorang individu untuk melakukan atau tidak melaksanakan sesuatu perbuatan berkaitan dengan tugas rasminya.

"Selain itu salah guna kuasa pula berlaku apabila seseorang individu menggunakan kedudukannya dalam membuat keputusan di mana dia, saudara atau sekutunya mempunyai kepentingan.

"Seperti semua sedia maklum, rasuah merupakan isu kritikal yang perlu ditangani secara sistematik dan menyeluruh kerana ia boleh menyebabkan berlaku peningkatan pada jumlah kos modal dan pembangunan dalam apa jua program atau projek yang dilaksanakan," jelasnya.

Tegas beliau, rasuah bukan sematamata kesalahan undang-undang tetapi juga kesalahan sosial dan peradaban yang boleh menjejaskan imej Malaysia di mata dunia.

Dalam pada itu, beliau menyeru kepada semua pihak terutama warga kerja rangkaian hotel berkenaan untuk berganding bahu menjadikan organisasi itu bebas daripada amalan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**SINAR HARIAN**
**25/11/2023**
**(SABTU)**

# Sinergi Rasuah Busters, sekolah usaha lahirkan generasi benci rasuah

**KUANTAN** – Sinergi Rasuah Busters bersama institusi pendidikan khususnya sekolah wajar diteruskan dan dikembang lagi dengan pelbagai pendekatan sebagai usaha awal ke arah melahirkan generasi benci rasuah.

Timbalan Pengerusi Rasuah Busters Pahang, Wan Emril Nizam Wan Embong berkata, ia kerana kefahaman asas terhadap gejala dan bahaya rasuah itu perlu didedah sejak dari bangku sekolah lagi.

Menurutnya, golongan pelajar juga patut dididik dan diberikan kefahaman tentang rasuah melalui pelbagai aktiviti dan program secara berterusan.

"Mereka perlu didedahkan terhadap senario gejala dan unsur-unsur yang boleh membawa kepada berlakunya rasuah.

"Ini kerana sesetengah tindakan atau perbuatan yang menjurus kepada rasuah dinormalisasikan dalam kehidupan seharian masyarakat disebabkan kurang kesedaran dan kefahaman tentang isu itu," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan Majlis Penyampaian Hadiah Bicara Cilik Rasuah Busters Peringkat Kebangsaan 2023 di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Panching di sini pada Rabu.

Turut hadir Pengetua SMK Seri Panching, Datin Noorisah Muhammad.

SMK Seri Panching terpilih antara pembentang terbaik kategori sekolah menengah dalam pertandingan itu melalui pelajarnya, Nur Juita Batrisyia Mohd Faisal, 15.

Wan Emril Nizam berkata, inisiatif yang dilaksanakan Rasuah Busters perlu diteruskan sebagai contoh melalui pertandingan mesra media sosial seperti video kreatif di TikTok bagi menarik penyertaan lebih ramai pelajar pada masa depan.

Sementara itu, Noorisah mengakui berbangga apabila pelajarnya terpilih sebagai antara pembentang terbaik Bicara Cilik Rasuah Busters Peringkat Kebangsaan 2023.



**Mohamad Riza (barisan belakang) bergambar bersama pemenang, guru dan pelajar yang menjayakan Majlis Penyampaian Hadiah Bicara Cilik Rasuah Busters Peringkat Kebangsaan 2023 kategori sekolah rendah di SK Tanah Puteh, Pekan pada Rabu.**

Menurutnya, pencapaian membanggakan di peringkat kebangsaan itu membuktikan kemenjadian pelajarnya seiring Gagasan Anak Yang Baik Lagi Cerdik (ABC) yang dihasratkan Kementerian Pendidikan (KPM).

"Ia juga membuktikan pelajar sekolah ini berpengetahuan tentang isu semasa termasuk berkaitan rasuah," jelasnya.

Dalam majlis berasingan, murid Sekolah Kebangsaan (SK) Tanah Puteh, Pekan, Ahmad Muaz Azurahisham turut diraikan apabila dinobatkan antara pembentang terbaik Bicara Cilik Rasuah Busters Peringkat Kebangsaan 2023 peringkat sekolah rendah.

Hadiah disampaikan Pengerusi Rasuah Busters Pahang, Ir Dr Mohamad Riza Othman.

Beliau berkata, pendedahan kepada rasuah perlu bermula di rumah dan dikukuhkan lagi di sekolah.

Menurutnya, ibu bapa dan guru perlu memainkan peranan dan sokongan dalam memberi kefahaman tentang isu itu kepada pelajar.

"Dedahkan dan tanamkan sikap benci rasuah kepada anak-anak secara santai di rumah dan di sekolah mungkin melalui permainan, pameran atau sebarang aktiviti sesuai dengan minat mereka kerana kaedah itu lebih efektif," ujarnya.

Bagi Guru Besar SK Tanah Puteh, Izzan Haslinda Mohamad Idahan, pihak sekolah berterima kasih kepada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) atas kebenaran menyertai pertandingan itu.

"Tidak lupa kepada guru-guru yang sentiasa cari ruang dan peluang untuk kemenjadian murid termasuk melalui pertandingan ini," katanya.

**SINAR HARIAN**
**25/11/2023**
**(SABTU)**

# SPRM kenal pasti aset Aman Palestin

**Dalam tindakan untuk sitaan, 11 saksi sudah dirakam keterangan**

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI
PUTRAJAYA

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam proses mengenal pasti aset-aset pertubuhan Aman Palestin Berhad (Aman Palestin) yang dipercayai diperoleh hasil penyelewengan RM70 juta dana orang awam.

Menurut sumber, kesemua aset berkenaan dalam tindakan untuk sitaan.

"Buat masa ini, keterangan ketua pegawai eksekutif pertubuhan berkenaan masih belum diambil oleh SPRM namun sebanyak 11 saksi telah dirakam keterangan," katanya pada Jumaat.

Tambah sumber, sembilan daripada 41 akaun bernilai lebih RM15.86 juta yang dibekukan adalah akaun yang didaftarkan di atas nama Aman Palestin manakala dua akaun lagi milik sebuah syarikat dan selebihnya merupakan akaun melibatkan tujuh individu.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan perkara itu namun enggan mengulas lanjut memandangkan siasatan masih berjalan.

Pada Jumaat, *Sinar Harian* melaporkan, SPRM mengesahkan telah membekukan sebanyak 41 akaun bank syarikat pertubuhan Aman Palestin bernilai RM15,868,762 hasil siasatan yang dijalankan sejak 17 Oktober lalu.

Pembekuan itu dilakukan selepas SPRM menyiasat dakwaan menyalahgunakan wang sumbangan orang ramai.

SPRM turut melakukan penggeledahan di premis Aman Palestin serta memperoleh dokumen-dokumen berkaitan kewangan dan pengurusan operasi bagi tempoh lima tahun terdahulu selain telah merakam beberapa keterangan saksi-saksi penting bagi siasatan lanjut.

Siasatan dijalankan di bawah Akta SPRM 2009 dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001) serta Kanun Keseksaan (Akta 574).

**SELEWENG DANA RM70 JUTA**



AZAM

Sementara itu, Azam ketika ditemui pemberita pada Majlis Pengiktirafan Tolak Rasuah dan Pelancaran Peraturan 3C Sempena Sambutan Bulan Integriti 2023 di Maktab PDRM Kuala Lumpur memuji kelantangan Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain yang mendedahkan 121 anggota polis telah ditahan oleh SPRM sejak Januari lalu.

Menurut Azam, kenyataan daripada Razarudin itu menunjukkan ketelusan pihak PDRM dalam menangani isu rasuah dan salah guna kuasa dalam pasukan.

"Walaupun jumlah bilangan yang ditahan itu tidak ramai berbanding dengan jumlah keanggotaan polis, pendedahan ini menunjukkan Razarudin serius menegakkan isu integriti dalam kalangan anggota polis dan ia patut dicontohi oleh agensi-agensi lain," jelasnya.

Azam berkata, beliau juga telah mengadakan pertemuan dengan Razarudin minggu lalu untuk mengukuhkan kerjasama.

"Selain itu, kita turut berkongsi maklumat berkaitan isu integriti," ujar beliau.

Pada Khamis, Razarudin dilaporkan berkata, seramai 26 orang telah dituduh dan 14 orang disabitkan kesalahan di bawah Akta SPRM 2009 sejak Januari hingga Oktober lalu.

"Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) Bukit Aman telah menerima 5,413 aduan yang mana 4,497 subjek merupakan pegawai polis sejak Januari hingga Oktober lalu.

"Daripada jumlah tersebut, 2,841 (52.48 peratus) adalah aduan berkaitan salah laku di bawah kategori integriti," katanya.




Laporan *Sinar Harian* pada Jumaat.

**SINAR HARIAN**
**25/11/2023**
**(SABTU)**

# Mural Klang Bahagia Berintegriti sebar mesej tolak rasuah

**KLANG** - Majlis Perbandaran Klang (MPK) menjadi pihak berkuasa tempatan (PBT) pertama yang bekerjasama dengan Rasuah Busters dalam projek mural.

Penghasilan mural bertemakan Klang Bahagia Berintegriti di Jalan Stesen Klang di sini itu turut mendapat kerjasama Perbadanan Aset Keretapi (RAC) dan Balai Seni Negara.

Yang Dipertua MPK, Noraini Roslan berkata, karya seni itu memaparkan perpaduan tiga kaum iaitu Melayu, Cina dan India ke arah masa depan Klang lebih bahagia dan cemerlang berasaskan integriti.

"Kalau masyarakat kita tidak mempunyai nilai-nilai integriti, negara kita akan runtuh. Itu mesej yang ingin disampaikan kepada umum.

"MPK berterima kasih kepada Rasuah Busters, RAC dan Balai Seni Negara. Kami berharap ini akan menjadi pencetus kepada PBT lain untuk menyebarluaskan mesej integriti," katanya.

Beliau berkata demikian pada pelancaran mural Klang Bahagia Berintegriti sempena Program Hari Klang Tanpa Kenderaan di Stadium Kota Raja di sini pada pada Ahad.



**Noraini yang berbaju kebaya menyertai *Heritage Walk* sempena Program Hari Klang Tanpa Kenderaan di Stadium Kota Raja pada Ahad.**

Turut berlangsung, *Heritage Walk* dan Program Fiesta Warisan Bandar Diraja Klang selama dua hari bermula pada Sabtu yang mengetengahkan budaya makanan, pakaian dan kesenian.

Mengulas lanjut Noraini berkata, program itu akan menjadi asas kepada prospek pelancongan di Klang yang merupakan bandar warisan.

"Kita harap dengan ketengahkan elemen warisan, ia akan menjadi tarikan kepada Klang yang juga akan memberi manfaat kepada peniaga.

"Dengan ekonomi yang baik serta asas perpaduan dan integriti, kita akan dapat membina Klang sebagai sebuah bandar yang cemerlang," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Sinar Untuk Malaysia (Rasuah Busters), Nurhayati Nordin berkata, visual itu diketengahkan bagi mencegah perlakuan rasuah melalui nilai integriti yang kuat.

"Pemilihan imej pada mural ini ialah hasil perbincangan bersama untuk membawakan mesej yang ringkas dan mudah difahami.

"Ia melambangkan hala tuju Klang terdiri pelbagai bangsa dan hidup secara harmoni," katanya.

Mural dihasilkan oleh tiga artis diketuai MieyAli itu mengambil masa 10 hari untuk disiapkan dan menggunakan cat khas yang tahan sehingga lapan tahun.



**Noraini (berdiri empat dari kiri) dan peserta Heritage Walk bergambar di hadapan mural Klang Bahagia Berintegriti.**

**SINAR HARIAN**
**27/11/2023**
**(ISNIN)**

SELEWENG SUMBANGAN DANA ORANG AWAM

# Sebuah lagi NGO dalam radar SPRM

H/Metro 27/11/23 Isnin

**Oleh Skuad Khas Harian Metro**
am@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Sebuah lagi pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang mengutip dana dan sumbangan daripada orang awam bagi membantu golongan memerlukan turut berada dalam radar pihak berkuasa.

Sumber berkata, pertubuhan yang dipercayai mempunyai kaitan dengan Aman Palestin Berhad (Aman Palestin) itu kini dalam siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

"NGO terbabit dikatakan menjalankan kerja sukarelawan kepada Aman Palestin mengutip dana dan sumbangan penderma.

"Bekas pemimpin tertinggi pertubuhan itu dipercayai sangat berkuasa dalam Aman Palestin meskipun tidak lagi menjawat jawatan dalam NGO terbabit," katanya.

> "Bekas pemimpin tertinggi pertubuhan itu dipercayai sangat berkuasa dalam Aman Palestin
> Sumber

Menurut sumber, siasatan SPRM ketika ini menjurus kepada individu penting yang berkuasa meluluskan dana pertubuhan itu.

Harian Metro sebelum ini melaporkan SPRM mengesahkan membekukan 41 akaun bank syarikat pertubuhan Aman Palestin berjumlah RM15,868,762.

Pembekuan itu dilakukan selepas SPRM menjalankan siasatan terhadap dakwaan Aman Palestin menyalahgunakan wang sumbangan orang ramai.

Siasatan awal SPRM mendapati penyaluran dana awam kepada Aman Palestin ada yang digunakan untuk membeli aset atas nama syarikat proksi.

Perincian penyaluran dana membabitkan pembelian aset atas nama syarikat proksi itu masih dalam siasatan.

**HARIAN METRO**
**27/11/2023**
**(ISNIN)**

# Abdul Wahab didenda RM5,000 kemuka tuntutan palsu bantuan banjir

**KUALA TERENGGANU** - Seorang warga emas didenda RM5,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini pada Selasa selepas mengaku bersalah mengemukakan borang bantuan banjir mengandungi maklumat palsu pada April tahun lalu.

Tertuduh, Abdul Wahab Idris, 64, membuat pengakuan itu setelah pertuduhan ke atasnya dibacakan dihadapan Hakim Mohd Azhar Othman.

Berdasarkan pertuduhan, tertuduh yang juga bekas pengerusi jawatankuasa pembangunan dan keselamatan kampung (JPPK) didakwa menipu pegawai Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dengan memperakui dan menandatangani borang pengesahan daftar nama penerima bantuan ihsan.

Tertuduh didakwa menandatangani sebagai penyemak kepada Master List Pengesahan Senarai Nama Penerima Wang Ihsan Kumpulan Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN) Negeri Terengganu Tahun 2021/2022 mengandungi nama anak tertuduh yang tidak layak menerima bantuan itu.



**Abdul Wahab (tengah) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu pada Selasa, atas dakwaan mengemukakan borang bantuan banjir mengandungi maklumat palsu.**

Dengan itu, tertuduh didakwa di bawah Seksyen 415 Kanun Keseksaan (KK) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 417 kanun yang sama.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara maksimum lima tahun atau denda atau kedua-duanya.

Mahkamah turut mengarahkan Abdul Wahab dipenjara selama sebulan jika gagal membayar denda tersebut.

Kes itu dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Mariah Omar manakala tertuduh diwakili peguam, Nurul Najmi Adila Md. Nasir.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**HARIAN METRO**
**29/11/2023**
**(RABU)**

# Keputusan rayuan kes rasuah Isa Samad pada 31 Januari 2024



MOHD ISA

**PUTRAJAYA** - Mahkamah Rayuan di sini pada Selasa, menetapkan keputusan rayuan bekas Pengerusi Felda, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad sama ada dibebaskan atau kekal dihukum penjara enam tahun dan denda RM15.45 juta atas sembilan kes rasuah berkaitan pembelian sebuah hotel di Sarawak, pada 31 Januari tahun depan.

Timbalan Pendakwa Raya, Afzainizam Abdul Aziz mengesahkan perkara itu, selepas prosiding sebutan rayuan berkenaan di hadapan Penolong Kanan Pendaftar, Huda Humaira Idris.

Menurutnya, pada tarikh itu, Mohd Isa selaku perayu akan hadir ke prosiding yang dibuat secara fizikal bersama peguamnya.

"Kami jangka notis baharu dikeluarkan mahkamah berhubung perkara ini," katanya selepas dihubungi media, sejurus selesai prosiding yang diadakan secara dalam talian.

Pada Isnin, mahkamah menangguhkan keputusan rayuan Mohd Isa terhadap hukuman penjara dan denda itu, ke tarikh lain. Bagaimanapun, alasan penangguhan prosiding keputusan itu belum dimaklumkan kepada pihak media.

Sebelum ini, mahkamah menetapkan panel tiga hakim dipengerusikan Datuk Vazeer Alam Mydin Meera yang bersidang bersama Datuk Ahmad Zaidi Ibrahim dan Datuk SM Komathy Suppiah, memutuskan dapatan kes, pada jam 9 pagi.

Dalam rayuan, bekas pemimpin UMNO itu diwakili peguam, Datuk Salehuddin Saidin manakala pendakwaan sebagai responden oleh Afzainizam.

Pada 3 Februari 2021, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur mensabitkan Mohd Isa, 74, atas sembilan pertuduhan rasuah RM3 juta berkaitan pembelian Merdeka Palace Hotel & Suites di Kuching, Sarawak oleh Felda.

**SINAR HARIAN**
**29/11/2023**
**(RABU)**

# SPRM mahu jawab di mahkamah

**SPRM siasat secara profesional dan adil tanpa sebarang niat jahat terhadap mana-mana pihak**

**Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN**
PUTRAJAYA



AZAM

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bersedia untuk mendedahkan kepada mahkamah justifikasi pembekuan aset Aman Palestin Berhad (Aman Palestin).

Tegas Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, suruhanjaya itu menjalankan siasatan secara profesional dan adil tanpa sebarang niat jahat terhadap mana-mana pihak.

"Terpulang kepada mana-mana pihak untuk mengambil tindakan undang-undang sekiranya mereka berasa ada keperluan untuk berbuat demikian," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Menurutnya, tindakan pembekuan aset berdasarkan Seksyen 44(1) AMLATFPUAA 2001 yang memberi kuasa kepada sesuatu agensi penguat kuasa untuk mengeluarkan perintah membekukan harta mana-mana orang.

"Ia adalah tindakan yang biasa dijalankan dalam mana-mana siasatan sekiranya ada keperluan.

"Ingin ditegaskan SPRM telah dipertanggungjawabkan dan diamanahkan untuk menyiasat secara adil dan tegas sebarang isu penyelewengan serta penyalahgunaan kuasa terutama kes berkepentingan awam yang melibatkan ketirisan dana," katanya.

Kelmarin, Aman Palestin memberi tempoh tiga hari bermula Isnin untuk SPRM menyahbekukan akaun badan itu yang dibekukan sejak 22 November lalu.

SPRM pada Rabu lalu dilapor membekukan sebanyak 41 akaun bank milik Aman Palestin Berhad (Aman Palestin) dan beberapa entiti syarikat lain.

Tindakan SPRM itu susulan dakwaan pihak terbabit menyalah guna wang sumbangan orang ramai sejak 17 Oktober 2023.

**SINAR HARIAN**
**29/11/2023**
**(RABU)**

# Pegawai Fama tidak mengaku makan suap

**Seremban:** Pegawai Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Port Dickson mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas pertuduhan menerima suapan bagi sebut harga kerja pembersihan di empat pasar tani di daerah itu, dari 2020 hingga 2021.

Tertuduh, Norihan Salleh, 41, membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Meor Sulaiman Ahmad Tarmizi selepas pertuduhan dibacakan.

Menurut pertuduhan, dia sebagai pegawai badan awam iaitu Pembantu Ehwal Ekonomi di Pejabat Fama Daerah Port Dickson menggunakan kedudukannya untuk mendapatkan suapan bagi dirinya apabila membantu mengemukakan sebut harga untuk kerja pembersihan di Pasar Tani Batu 4, Pasar Tani Springhill, Pasar Tani Giant Lukut dan Pasar Tani Pasir Panjang bagi tahun 2020 hingga 2022.

Tertuduh mempunyai kepentingan iaitu tiga syarikat itu milik saudaranya.

Justeru, tertuduh melakukan kesalahan mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama.

Sementara itu, tertuduh juga mengaku tidak bersalah atas pertuduhan pilihan iaitu menggunakan dokumen sebagai tulen iaitu dokumen sebut harga atas nama tiga syarikat sama bagi kerja pembersihan di Pasar Tani Daerah Port Dickson.

Justeru, dia melakukan kesalahan mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum mengikut Seksyen 465 kanun sama.

Mahkamah memerintahkan jaminan RM7,000 dan syarat tambahan perlu melaporkan diri di Pejabat SPRM Cawangan Port Dickson pada Sabtu pertama setiap bulan.

Sebutan semula kes pada 12 Januari 2024.

**HARIAN METRO**
**29/11/2023**
**(RABU)**



# SPRM sedia dedah justifikasi beku akaun Aman Palestin di mahkamah

Oleh Farah Marshita Abdul Patah
farahmarshita@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bersedia mendedahkan kepada mahkamah justifikasi berhubung tindakan agensi itu membekukan 41 aset Aman Palestin Berhad (Aman Palestin).

Ini susulan desakan Aman Palestin kelmarin yang memberi tempoh tiga hari kepada SPRM untuk menyahbekukan akaunnya, yang dibekukan sejak minggu lalu.

Menegaskan demikian, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, pihaknya menjalankan siasatan secara profesional dan adil tanpa sebarang niat jahat terhadap mana-mana pihak.

Katanya, terpulang kepada mana-mana pihak untuk mengambil tindakan undang-undang sekiranya mereka berasa ada keperluan untuk berbuat demikian.

Nasional 3

**BERITA HARIAN**
**29/11/2023**
**(RABU)**

# ‘Bukan semua 41 akaun milik Aman Palestin’

Dari Muka 1

"Tindakan pembekuan aset bagi membantu siasatan adalah berdasarkan Seksyen 44(1) AMLATFPUAA 2001 yang memberi kuasa kepada sesuatu agensi penguat kuasa untuk mengeluarkan perintah membekukan harta mana-mana orang.

"Ia adalah tindakan yang biasa dijalankan dalam mana-mana siasatan sekiranya ada keperluan," katanya dalam kenyataan semalam.

Kelmarin, pada sidang media di Bangi, peguam Aman Palestin, Muhammad Rafique Rashid Ali, berkata sekiranya agensi penguat kuasa itu gagal berbuat demikian, tindakan undang-undang akan diambil.

Beliau juga menjelaskan, bukan semua 41 akaun itu adalah milik Aman Palestin, sebaliknya termasuk milik rakan strategik Aman Palestin dan akaun ahli Lembaga Pengarah serta kakitangan.

Justeru, beliau menegaskan, SPRM perlu menjawab semua persoalan, termasuk mengapa akaun kutipan dana untuk bantuan kemanusiaan dibekukan.

Dalam kenyataan sama, Azam berkata, SPRM dipertanggungjawab dan diamanahkan untuk menyiasat dengan adil dan tegas terhadap sebarang isu penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa, terutama kes berkepentingan awam yang membabitkan ketirisan dana.

Pada 23 November lalu, SPRM membekukan 41 akaun bank milik Aman Palestin Berhad dan beberapa entiti syarikat lain berkaitan dengannya, membabitkan wang berjumlah lebih RM15 juta.

Pembekuan itu dilakukan selepas SPRM menjalankan siasatan terhadap dakwaan Aman Palestin menyalahgunakan wang sumbangan orang ramai.

**BERITA HARIAN**
**29/11/2023**
**(RABU)**

DAKWAAN AMAN PALESTIN SALAH GUNA DANA

# SPRM tiada niat jahat beku akaun

Oleh Hafidzul Hilmi Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menjalankan siasatan secara profesional dan adil tanpa sebarang niat jahat terhadap mana-mana pihak.

Ketua Pesuruhjayanya Tan Sri Azam Baki berkata, pihaknya bersedia untuk mendedahkan justifikasi pembekuan aset membabitkan mana-mana syarikat atau individu di mahkamah.

"Terpulang kepada mana-mana pihak untuk mengambil tindakan undang-undang sekiranya mereka rasa ada keperluan untuk berbuat demikian.

"Tindakan pembekuan aset bagi membantu siasatan adalah berdasarkan Seksyen 44(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001.



"Akta berkenaan memberi kuasa kepada sesuatu agensi penguat kuasa untuk mengeluarkan perintah membekukan harta mana-mana orang. Ia adalah tindakan yang biasa dijalankan dalam mana-mana siasatan sekiranya ada keperluan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, SPRM dipertanggungjawab dan diamanahkan untuk menyiasat dengan adil dan tegas terhadap sebarang isu penyelewengan serta penyalahgunaan kuasa terutama kes berkepentingan awam yang membabitkan ketirisan dana.

Kelmarin, Aman Palestin Berhad (Aman Palestin) memberi tempoh tiga hari kepada SPRM untuk menyahbekukan akaunnya atau berdepan tindakan undang-undang.

Peguam Aman Palestin, Muhammad Rafique Rashid Ali dilaporkan berkata, surat notis sudah dihantar mengikut Seksyen 44A AMLATFPUAA 2001 untuk perintah pembekuan akaun dibatalkan atau diubah.

Harian Metro sebelum ini melaporkan, SPRM mengesahkan membekukan 21 akaun bank syarikat itu berjumlah RM15,868,762.

Pembekuan itu dilakukan selepas SPRM menjalankan siasatan terhadap dakwaan Aman Palestin menyalahgunakan wang sumbangan orang ramai.

Siasatan awal SPRM mendapati, penyaluran dana awam kepada Aman Palestin ada yang digunakan untuk membeli aset atas nama syarikat proksi.

**HARIAN METRO**
**29/11/2023**
**(RABU)**

# 6 kes pengubahan wang haram dibenar dipindahkan ke Mahkamah Sesyen KL



ADAM Radlan (dua dari kanan) hadir di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur untuk pengurusan kes pertuduhan rasuah berkaitan Program Jana Wibawa. - Gambar NSTP/EIZAIRI SHAMSUDIN

Kuala Lumpur: Enam pertuduhan pengubahan wang haram baharu yang dihadapi Timbalan Ketua Bahagian Bersatu Segambut Adam Radlan Adam Muhammad di Mahkamah Sesyen Shah Alam dibenarkan untuk dipindahkan ke Mahkamah Sesyen, di sini.

Ia menjadikan ahli perniagaan itu berdepan 12 pertuduhan, iaitu lima pertuduhan meminta dan menerima rasuah, manakala tujuh pertuduhan membabitkan pengubahan wang haram (AMLA).

Hakim Azura Alwi turut membenarkan permohonan Timbalan Pendakwa Raya Mohd Fadhly Mohd Zamry untuk memindahkan kesemua kes rasuah dan pengubahan wang haram yang dihadapi ahli perniagaan itu untuk didengar di Mahkamah Sesyen Jenayah 14 (Hakim Suzana Husin).

"Perintah dibenarkan seperti yang dipohon. Kes-kes yang dihadapi tertuduh di mahkamah ini akan dipindahkan ke Mahkamah Sesyen Jenayah 14," katanya.

Sementara itu, di hadapan Suzana, Timbalan Pendakwa Raya Farah Yasmin Salleh memaklumkan pihaknya akan membuat permohonan untuk kesemua kes berkenaan dibicarakan bersama selepas dokumen berkaitan kes AMLA diteliti oleh pembelaan dan perkara itu disahkan oleh peguam Datuk Seri Rajan Navaratnam mewakili Adam Radlan.

Suzana kemudian menetapkan 11 Januari depan untuk sebutan semula kes.

Pada 9 November lalu, Adam Radlan sebagai Pengarah syarikat Bayu Bumiraya Sdn Bhd mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Shah Alam atas enam pertuduhan memindahkan wang hasil daripada aktiviti haram berjumlah RM3.675 juta dari akaun syarikat itu kepada akaun CIMB Bank Berhad miliknya dan tiga individu lain antaranya Nabilah Mahiaddin dan Ameer Azlan Mohd Ayob antara 1 Disember 2021 dan 27 Disember 2022.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA) (Akta 613) yang membawa hukuman penjara maksimum 15 tahun dan denda yang boleh sampai lima kali ganda jumlah atau nilai daripada hasil aktiviti haram atau peralatan pada masa kesalahan dilakukan atau RM5 juta, yang mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Pada 21 Februari lalu ahli perniagaan itu dituduh di Mahkamah Sesyen, di sini atas satu pertuduhan meminta suapan wang tunai sejumlah 3.5 hingga empat peratus nilai projek yang akan diperoleh daripada Mat Jusoh Mamat yang juga Pengarah Urusan syarikat MIE Infrastructure & Energy Sdn Bhd.

Dia turut didakwa atas satu lagi pertuduhan menerima suapan RM500,000 daripada individu sama (Mat Jusoh) sebagai upah kerana membantu syarikat terbabit mendapatkan surat sama bagi Projek Membina Jalan Sungai Adam ke Kampung Banat, Perlis daripada kerajaan secara rundingan terus yang jumlah keseluruhannya bernilai RM47.8 juta.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di sebuah restoran di Bukit Damansara dan di CIMB Bank Berhad Cawangan Bukit Tunku, Taman Tunku pada Mac 2021 dan 26 November 2021.

Sementara itu, pada 22 Februari lalu, Adam Radlan didakwa atas dua pertuduhan menerima suapan berjumlah RM4.1 juta daripada Lian Tian Chuan dan Mat Jusoh sebagai upah bagi tertuduh membantu syarikat Nepturis Sdn Bhd serta MIE Infrastructure & Energy bagi mendapatkan dua projek jenis sama (Jana Wibawa).

Pada 28 Februari lalu, dia sekali lagi didakwa iaitu secara rasuah meminta wang berjumlah RM2 juta daripada Lian sebagai upah kerana membantu Nepturis mendapatkan projek berkaitan Jana Wibawa.

Kesemua pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 atau mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Sementara itu, pada 25 Oktober lalu, Adam Radlan turut didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini, atas pertuduhan menggunakan wang hasil daripada aktiviti haram berjumlah RM400,000 mengikut Seksyen 4(1)(b) AMLATFPUAA 2001 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 4(1) akta sama. - Bernama

**HARIAN METRO**
**29/11/2023**
**(RABU)**

BANDARAYA JOHOR BAHRU

# DISEMBER 2023

UNIT INTEGRITI & PEMODENAN PENTADBIRAN MBJB



















# Kes pengubahan wang haram, rasuah Wan Saiful dibicara bersama



WAN SAIFUL

**KUALA LUMPUR** - Mahkamah Sesyen di sini pada Jumaat membenarkan permohonan pihak pendakwaan supaya kes pengubahan wang haram dan rasuah berhubung projek Jana Wibawa yang dihadapi bekas Ketua Penerangan Bersatu, Datuk Wan Saiful Wan Jan, dibicarakan bersama.

Hakim Rozina Ayob memutuskan demikian selepas Timbalan Pendakwa Raya Mohd 'Afif Ali memohon agar kes pengubahan wang haram dihadapi Wan Saiful dipindahkan ke mahkamah ini untuk didengar bersama kes rasuah.

Peguam Amer Hamzah Arshad, yang mewakili Wan Saiful tidak membantah permohonan itu.

Sebelum ini, Ahli Parlimen Tasek Gelugor itu didakwa atas 18 pertuduhan pengubahan wang haram membabitkan RM5.59 juta di hadapan Hakim Suzana Hussin manakala dua pertuduhan meminta dan menerima rasuah RM6.9 juta di hadapan Rozina.

Sementara itu, Mohd 'Afif berkata, pihaknya akan memanggil 32 saksi pendakwaan untuk memberi keterangan pada perbicaraan kes itu dan memohon supaya tarikh perbicaraan pada 11 dan 12 Mac tahun depan yang ditetapkan sebelum ini dikosongkan bagi menyediakan dokumen.

Rozina berkata, tarikh perbicaraan pada 25 hingga 27 Mac; 29 dan 30 April; dan 20 hingga 21 Mei tahun depan dikekalkan selain menetapkan tarikh tambahan bicara pada 19 hingga 21 Jun; 24 dan 25 Jun; 10 hingga 12 Julai serta 8 dan 9 Ogos.

Wan Saiful, 47, didakwa meminta suapan wang daripada Lian Chuan sebagai dorongan untuknya membantu syarikat Nepturis Sdn Bhd mendapatk[an] projek Central Spine Road: Ser[...] ke Persimpangan Lebuhraya Pan[tai] Timur daripada Kerajaan Malays[ia] secara pra kelayakan yang juml[ah] keseluruhannya RM232 juta.

Wan Saiful juga didakwa at[as] 18 pertuduhan pengubahan wa[ng] haram membabitkan RM5.59 ju[ta] dengan memindahkan dan men[g]gunakan wang hasil aktiviti hara[m] itu. - *Bernama*

**SINAR HARIAN**
**02/12/2023**
**(SABTU)**

# SPRM KEKAL BEKU AKAUN



**BERITA HARIAN**
**02/12/2023**
**(SABTU)**

Siasatan akaun Aman Palestin

# Dana tidak boleh dikeluar sehingga siasatan selesai

## SPRM pandang serius kes kerana babit kepentingan awam



"Sebagai badan penguatkuasaan antirasuah utama, SPRM memandang serius kes ini kerana ia adalah kepentingan awam. Ia berkemungkinan menjadi contoh bagaimana derma awam boleh dan tidak boleh digunakan"



**BERITA HARIAN**
**02/12/2023**
**(SABTU)**

SINAR HARIAN
04/12/2023
(ISNIN)

# SPRM terima 325 aduan, 44 individu ditahan di Selangor

Buka 160 fail siasatan melibatkan rasuah, salah guna kuasa

Oleh HISYAMUDDIN AYUB
SHAH ALAM

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Selangor menerima sejumlah 325 aduan daripada pelbagai pihak pada tahun ini sehingga Oktober.

Pengarah SPRM Selangor, Datuk Alias Salim berkata, daripada jumlah tersebut, sebanyak 160 fail siasatan telah dibuka untuk tujuan penyiasatan.



ALIAS

Menurut beliau, siasatan yang dilakukan itu melibatkan kes berunsur rasuah, penyelewengan serta salah guna kuasa.

"Dalam tempoh itu juga sebanyak 44 individu telah ditangkap dan seramai 37 orang telah dihadap ke muka pengadilan.

"Sokongan dan komitmen masyarakat memainkan peranan penting bagi memastikan Malaysia bebas rasuah.

"Ia selaras dengan segala usaha SPRM ke arah mewujudkan masyarakat yang menolak rasuah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui dalam sesi bual bicara bersama pengamal media selepas pertandingan boling persahabatan bersama media pada Jumaat.

Mengulas lanjut, Alias berkata, kemajuan pesat dalam dunia teknologi hari ini memudahkan masyarakat mendapatkan maklumat dengan cepat dan tepat.



Alias (tengah) bersama pengamal media dan petugas SPRM semasa pertandingan boling persahabatan media dan SPRM Negeri Selangor di Shah Alam, Selangor pada Jumaat.

Sehubungan itu, kata beliau, pihak media perlu memainkan peranan besar dalam menyebarluaskan mesej antirasuah.

Jelas beliau, perkara itu penting dalam mendidik masyarakat membenci dan memerangi segala bentuk rasuah serta salah guna kuasa.

# 150 vendor Lembaga Zakat Selangor ikrar bebas rasuah

**SUBANG JAYA** - Lebih 150 wakil syarikat vendor berdaftar dengan Lembaga Zakat Selangor (LZS) menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR).

Ketua Pegawai Korporat dan Projek Khas LZS, Ariffa Ariffin berkata, IBR tersebut merupakan salah satu usaha agensi itu meningkatkan lagi nilai integriti dalam kalangan vendor berdaftar untuk amanah dan bertanggungjawab serta menjauhi jenayah rasuah.

Menurutnya, IBR tersebut merupakan siri kedua yang dilaksanakan selepas majlis sama diadakan bersama warga kerja LZS pada tahun lepas.

"Bagi memperkukuhkan iltizam bebas rasuah, LZS giat meningkatkan tadbir urus terutama dalam proses perolehan termasuk tender dengan memberi pendedahan dalam kalangan vendor berkaitan Akta SPRM 2009, di samping penekanan berkaitan polisi amalan antirasuah LZS.

"Sehingga kini, terdapat 2,280 vendor yang berdaftar dan LZS meletakkan sasaran agar kesemua vendor dapat menandatangani IBR ini," katanya pada Majlis IBR di Hotel Geno di sini, pada Khamis.

Beliau berkata, sasaran berkenaan selari dengan keperluan MS ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Anti Rasuah (Anti Bribery Management System) yang berjaya diperoleh LZS pada November 2022.

Lafaz IBR telah diketuai oleh wakil vendor LZS, Mohd Pouzi Cik Nik dari Jakel Properties Sdn Bhd.

Ia disusuli majlis menandatangani IBR yang disaksikan Pengarah SPRM Negeri Selangor, Datuk Alias Salim, Ketua Pegawai Eksekutif LZS, Mohd Sabirin Mohd Sarbini dan Ketua Pegawai Kewangan LZS, Rapizah Mohammad Sharif.



Ikrar bebas rasuah oleh wakil syarikat vendor yang berdaftar dengan Lembaga Zakat Selangor pada Majlis IBR di Hotel Geno, Subang Jaya, pada Khamis.

**SINAR HARIAN**
**04/12/2023**
**(ISNIN)**

# Aman Palestin teruskan tindakan saman SPRM

**Kuala Lumpur:** Aman Palestin Berhad (Aman Palestin) akan meneruskan tindakan saman terhadap Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan beberapa pegawainya berhubung pembekuan akaun pertubuhan itu bagi tujuan siasatan.

Peguamnya, Muhammad Rafique Rashid Ali, berkata sehingga kini pihaknya sedang mengumpulkan dokumen bagi tujuan pemfailan di Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur.

"Arahan sudah diberi untuk kami mengambil tindakan dan dalam proses menyiapkan kertas permohonan yang berkenaan bagi tujuan pemfailan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

"Pemfailan tindakan ini terhadap SPRM serta pegawai penyiasat yang terbabit dalam membekukan akaun Aman Palestin," katanya kepada BH semalam.

Muhammad Rafique berkata, pada masa sama, arahan sudah diterima daripada ahli lembaga pengarah untuk tindakan tersebut.

Sementara itu, ditanya mengenai tempoh tindakan pemfailan itu akan dibuat, beliau berkata, ia bergantung selepas semua dokumen diperoleh kelak.

Pada 23 November lalu, SPRM membekukan 41 akaun bank syarikat pertubuhan amal berkenaan dan beberapa entiti syarikat lain dengan jumlah keseluruhan RM15,[illegible].

SPRM melakukan siasatan bagi mendapatkan keterangan berhubung kesalahan-kesalahan di bawah Akta SPRM 2009, Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan Dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001) dan Kanun Keseksaan (Akta 574).

Susulan itu, Aman Palestin memberi tempoh tiga hari kepada SPRM untuk menyahbekukan akaunnya yang dibekukan.

Muhammad Rafique sebelum ini dilaporkan, berkata sekiranya agensi penguat kuasa itu gagal berbuat demikian, tindakan undang-undang akan diambil.

**BERITA HARIAN**
**06/12/2023**
**(RABU)**



# Suapan RM34,585 bantu syarikat lori elak denda JPJ

• INFO

**HARIAN METRO**
**06/12/2023**
**(RABU)**

Kes 1MDB

# Siasatan SPRM terhadap dua peguam diteruskan

**Kuala Lumpur:** Mahkamah Tinggi, semalam, diberitahu siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap dua peguam masih diteruskan walaupun agensi itu menarik balik permohonan untuk mendapatkan dokumen daripada mereka.

Dokumen yang diminta SPRM daripada kedua-dua responden adalah berhubung penyelesaian antara Kerajaan Malaysia dan AmBank serta bank pelaburan antarabangsa Goldman Sachs berkaitan skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Agensi itu memohon mendapatkan dokumen berkenaan daripada peguam Chetan Jethwani dan firma guamannya, Chetan Jethwani & Co serta peguam Rosli Dahlan dan firma guaman Rosli Dahlan Saravana Partnership yang dinamakan sebagai responden, yang difailkan berasingan.

Dalam prosiding pengurusan kes semalam, Hakim Datuk Muhammad Jamil Hussin dan K Muniandy membenarkan permohonan itu selepas dimaklumkan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Mahadi Abdul Jumaat bahawa SPRM tidak berhasrat meneruskan dengan permohonannya.

Muniandy turut membenarkan permohonan M Puravelan yang mewakili Rosli Dahlan Saravana Partnership supaya semua dokumen kausa membabitkan firma guaman itu [illegible] kepada awam.

Mahadi kemudian memberitahu mahkamah, pada peringkat ini agensi terbabit masih meneruskan siasatan terhadap kedua-dua peguam terbabit.

Bagaimanapun katanya pihaknya tidak perlu mendedahkan pada peringkat mana siasatan itu sudah berlangsung. Dalam prosiding itu, Chetan dan firma guamannya diwakili peguam Teh See Khoon.

Dalam permohonannya, agensi itu memohon responden masing-masing mengemukakan dokumen antaranya surat pelantikan Chetan sebagai peguam Goldman Sachs (Chetan) dan pelantikan Rosli sebagai peguam 1MDB.

SPRM juga memohon untuk mendapatkan dokumen penyata akaun dan akaun firma guaman berkenaan yang diperlukan bagi mengenal pasti pelantikan kedua-dua responden dalam urusan penyelesaian dengan pihak Kerajaan Malaysia berkaitan 1MDB.

Media sebelum ini melaporkan firma guaman Rosli Dahlan Saravana mewakili 1MDB manakala Chetan J & Co bertindak bagi pihak Goldman Sachs dalam penyelesaian itu.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**BERITA HARIAN**
**07/12/2023**
**(KHAMIS)**

# HARA Rasuah Busters bawa tiga elemen penting

Pameran dan aktiviti disediakan bentuk kesedaran perangi rasuah

Oleh MUKHRIZ MAT HUSIN
SHAH ALAM

Program Hari Anti Rasuah Antarabangsa (HARA) Rasuah Busters 2023 buat julung kalinya menyediakan pelbagai pameran dan aktiviti khas selama dua hari bagi menyampaikan mesej antirasuah serta membentuk kesedaran dalam kalangan masyarakat terutama pelajar dan peniaga tempatan.

Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Sinar Untuk Malaysia (Rasuah Busters), Nurhayati Nordin berkata, program pada 13 hingga 14 Disember ini yang akan diadakan di Kompleks Kumpulan Karangkraf melibatkan pameran daripada rakan-rakan sinergi gabungan Rasuah Busters.


NURHAYATI

"Kita harap penglibatan orang awam secara khusus sebab kita ingin mengangkat satu kepimpinan yang boleh dibangunkan melalui kesedaran menolak gejala rasuah, kepimpinan dalam kalangan pelajar dan pengusaha-pengusaha perniagaan.

"Kita terangkan pada orang ramai mesej antirasuah boleh menjadi sesuatu yang menarik dengan adanya pameran seperti *doodle* dan kita juga maklumkan pada orang ramai bagaimana gerakan antirasuah boleh dimulakan di pelbagai peringkat," katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Ujar Nurhayati, terdapat beberapa aktiviti khas yang disediakan dalam program berkenaan termasuk pameran dan aktiviti dari pelbagai agensi, SME Integrity Talk, Wacana Khas HARA 2023, Apresiasi Puisi Anti Rasuah, Kompas Rasuah Busters, Bicara Bina Negara (KRAM), persembahan daripada kanak-kanak tadika.

"Kita juga ada bawa perkongsian daripada jabatan penjara, contohnya perkongsian daripada penjenayah yang telah disabitkan dengan kesalahan jenayah kolar putih ini.

"Penglibatan jabatan penjara boleh menampakkan realiti akibat perbuatan jenayah yang dilakukan itu. Jadi ini peluang untuk kita mendidik orang ramai supaya mereka dapat membayangkan dan nampak sendiri perkara tersebut," ujarnya.

Menurutnya, penganjuran HARA Rasuah Busters 2023 turut membawa tiga elemen penting meliputi hal asasi, ekonomi dan sosial sebagai komponen yang akan tergugat akibat perbuatan rasuah.

"Memandangkan rasuah adalah satu perkara yang membudaya dan sistemik, cara penyelesaian juga kena sistemik.

"Ini adalah ruang dan peluang kepada orang ramai untuk lihat kalau kita hendak maju ke hadapan, berdepan dengan dunia persaingan ini, salah satu perkara yang perlu ada adalah jujur, amanah dan berintegriti.

"Bagaimana kita hendak menjadi seperti itu, kena tengok apa yang ada dalam HARA 2023 nanti," menurutnya.

Pameran daripada rakan-rakan sinergi Rasuah Busters turut melibatkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Institut Integriti Malaysia (IIM), SIRIM Berhad (SIRIM), Jabatan Penjara, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Perbadanan Menteri Besar (MBI).

**SINAR HARIAN**
**07/12/2023**
**(KHAMIS)**



Sempena Hari Antirasuah Antarabangsa

# Komitmen awam, NGO mantapkan usaha SPRM banteras rasuah

- Seharusnya wujud kesepaduan dalam setiap individu untuk bersetuju bahawa rasuah itu jenayah dan sesuatu yang perlu dipandang dengan rasa belas kasihan atau simpati

- Semua pihak perlu bersatu padu menentang rasuah memandangkan SDG 2030 menetapkan rasuah adalah antara risiko perlu ditangani bagi memastikan pembangunan, keamanan dan kestabilan negara dapat dijaga

Seiring jenayah semakin canggih dengan pelaku semakin celik, undang-undang berkaitan rasuah di Malaysia juga sentiasa ditambah baik dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa



**BERITA HARIAN**
**08/12/2023**
**(JUMAAT)**

# Vietnam digegar skandal rasuah perbankan RM57.9b

## Penyelewengan terbesar di Asia Tenggara babit 85 individu termasuk pegawai kerajaan

**Saigon:** Vietnam berdepan skandal perbankan terbesar susulan penahanan pemaju hartanah Truong My Lan baru-baru ini, yang didakwa menggelapkan kira-kira 304 trilion dong (AS$12.4 bilion) (RM57.9 bilion).

Pada 17 November lalu, Kementerian Keselamatan Awam Vietnam mendakwa Truong 79, yang juga pengerusi Van Thinh Phat Group kerana menyelewengkan dana Saigon Commercial Bank (SCB).

Dia adalah pemegang kepentingan majoriti di institusi kewangan itu.

Selama beberapa tahun, Truong didakwa mengendalikan kira-kira 1,000 anak syarikat dan syarikat pesisir domestik dan asing, dan memperoleh lebih AS$... bilion (RM...) bilion pinjaman daripada SCB.

Memetik laporan portal berita NETSHARK, kira-kira satu pertiga daripada jumlah keseluruhan didakwa diselewengkan melalui kewujudan syarikat 'hantu' oleh Truong, keluarga dan sekutunya.

Skandal itu sekali gus menimbulkan kelemahan dalam sistem perbankan Vietnam, gesaan amalan profesional yang lebih baik, peraturan yang lebih ketat dan mekanisme pemeriksaan yang dipertingkatkan untuk mencegah penyalahgunaan kuasa.

Parti Komunis Vietnam yang memerintah sebelum ini menjalankan kempen antirasuah sejak 2016 yang membabitkan penyingkiran pegawai tertinggi.

Dalam skandal terbaharu itu, Kementerian Keselamatan Awam sudah mengusyorkan pendakwaan terhadap 85 individu termasuklah pegawai kerajaan dan rakan sekutu Kumpulan Van Thinh Phat dan SCB.

Jawatankuasa Hal Ehwal Dalam Negeri Parti Komunis turut meminta siasatan terhadap 78 pegawai negeri, termasuk 12 individu daripada Bank Negara Vietnam.


Truong My Lan

**Tingkat usaha cegah rasuah**

Sementara itu, Setiausaha Agung Parti Komunis Vietnam, Nguyen Phu Trong turut menggesa pihak berkuasa untuk mempercepat dan meningkatkan lagi usaha pencegahan rasuah.

Usaha antirasuah di negara itu sebelum ini juga dikritik menjadi alat untuk mengekalkan kekuasaan parti dalam politik Vietnam.

Terdapat gesaan lebih banyak pendedahan skandal dan penahanan besar akan berlaku, termasuk terhadap ketua parti Ho Chi Minh City, Le Thanh Hai, yang dilihat oleh penduduk Vietnam sebagai simbol rasuah.

Bagaimanapun, terdapat kebimbangan proses antirasuah mungkin menjejaskan kestabilan ekonomi, kerana pegawai kerajaan tempatan dan penjawat awam menjadi teragak-agak untuk meluluskan tawaran pelaburan infrastruktur kerana bimbang akan tuduhan rasuah.

Sesetengah pakar bagaimanapun lebih percaya, penyiasatan terhadap rasuah sektor swasta mempunyai kesan yang besar terhadap keyakinan perniagaan di Vietnam, menimbulkan kesakitan yang meluas terhadap penyiasatan dan pendakwaan daripada Parti Komunis Vietnam.

Sementara itu memetik laporan portal berita *South China Morning Post*, sebagai tambahan kepada 30 trilion dong (AS$1.2 bilion atau RM5.59 bilion) dalam terbitan bon penipuan, Truong yang ditahan pada 8 Oktober tahun lalu didakwa menggelapkan berbilion dana SCB yang dikawalnya secara rahsia.

Jumlah itu dilaporkan bersamaan 44 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Vietnam.

Siasatan ke atas pemaju hartanah Van Thinh Phat (VTP) yang diuruskan Truong menimbulkan isu sangat penting mengenai pengurusan ekonomi Vietnam dan usaha pencegahan rasuah. **AGENSI**

**BERITA HARIAN**
**09/12/2023**
**(SABTU)**

# Enam disyaki jual darjah kebesaran palsu direman

## Sindiket tawar gelaran Datuk, Datuk Seri dan Tan Sri dengan bayaran sehingga RM2 juta

Oleh Muhammad Hafiz Nawawi
mhafiz@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan enam individu, termasuk dua wanita, kerana disyaki terlibat dengan sindiket penjualan Darjah Kebesaran Pingat Persekutuan palsu yang membawa gelaran Tan Sri dengan bayaran kira-kira RM2 juta.

Suspek yang terdiri daripada tiga lelaki dan seorang wanita berusia antara 30-an hingga 50-an ditahan ketika hadir memberi keterangan di ibu pejabat SPRM di Putrajaya pada 30 November lalu.

Dua lagi suspek iaitu wanita berusia 40-an serta lelaki berusia 30-an ditahan secara berasingan pada 4 dan 6 Disember.

Sumber berkata, suspek terbaru yang ditahan kira-kira jam 3 petang di Melaka Raya lalu adalah presiden sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Katanya, lelaki itu disyaki menjadi dalang utama menetapkan harga bagi calon yang berminat mendapatkan pingat kebesaran sebelum menyerahkan ahli sindiket iaitu suspek kedua, lelaki berusia 50-an menyamar sebagai Tengku bagi mendapatkan bayaran bagi menipu kira-kira enam individu lain yang ingin mendapatkan pingat kebesaran tanpa melalui prosedur biasa.

"Isteri suspek kedua pula dipercayai terbabit bersama dua lagi suspek yang menyamar sebagai ahli perniagaan sebuah syarikat berasaskan pertanian bagi menguruskan transaksi penerimaan wang berkenaan.

"Sindiket ini dipercayai mula menjalankan kegiatan ini sejak 2020 dan memperdayakan beberapa mangsa membabitkan kerugian beratus ribu ringgit dengan menunjukkan gambar dan surat dokumen daripada sebuah agensi kerajaan bagi meyakinkan mangsa bahawa gelaran dan pingat yang diatur melalui jalan belakang, ini adalah benar-benar jalan," katanya.



*Presiden sebuah NGO disyaki menjadi dalang utama kes jual darjah kebesaran palsu ditahan reman SPRM, semalam.*

**[illegible]**

Sumber berkata, seorang mangsa lelaki yang berusia dalam lingkungan 50-an dipercayai membayar kira-kira RM1.2 juta untuk mendapatkan gelaran Tan Sri menerusi beberapa transaksi bank kepada sindiket ini dan SPRM sedang berusaha mengesan lima lagi individu yang turut menjadi mangsa sindiket.

Katanya, bayaran yang dikenakan berbeza mengikut darjah kebesaran misalnya gelaran Datuk bernilai kira-kira RM150,000, Datuk Seri (RM250,000), manakala Tan Sri bernilai kira-kira RM2 juta.

Susulan penahanan terbabit, tiga suspek yang ditahan disambung reman selama tiga hari manakala seorang suspek dibebaskan dengan jaminan SPRM.

"Suspek wanita yang ditahan pada 4 Disember lalu ditahan reman selama empat hari, manakala suspek utama ditahan reman selama lima hari bermula semalam sehingga 11 Disember 2023 selepas perintah reman dikeluarkan oleh Majistret Putrajaya Irza Zulaikha Rohanuddin.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM Datuk Seri Hishamuddin Hashim, yang mengesahkan tangkapan itu, berkata siasatan sedang dijalankan mengikut Seksyen 18 dan 16(a)(A) Akta SPRM 2009.

Beliau berkata SPRM kini sedang mengesan beberapa lagi suspek yang dipercayai terlibat dengan sindiket terbabit.

**BERITA HARIAN**
**09/12/2023**
**(SABTU)**

# Saksi kes 1MDB nafi dakwaan 'pakat' dengan SPRM

**Kuala Lumpur:** Pengurus Bank Negara Malaysia (BNM) menafikan dakwaan peguam bela Datuk Seri Najib Razak bahawa beliau 'berpakat' dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ketika menyediakan laporan jejak aliran wang ke dalam akaun bank bekas perdana menteri itu.

Saksi pendakwaan ke-47, Adam Arif Mohd Roslan, 28, turut menafikan cadangan peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah, bahawa pegawai penyiasat SPRM menyuruhnya berbohong dengan menyatakan dalam laporan berkenaan, bahawa dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB) berakhir dalam akaun bank peribadi Najib.

Ketika menjawab soalan Muhammad Shafee pada sesi pemeriksaan balas, saksi itu berkata, beliau 'dipinjamkan' ke SPRM bagi membantu agensi berkenaan untuk mengesan jejak wang syarikat pelaburan strategik negara itu.

Apabila dicadangkan bahawa ia menunjukkan beliau berpihak sebelah dalam analisisnya, saksi hanya menjawab: "saya tidak setuju."



*Adam Arif Mohd Roslan*

Adam Arif berulang kali menegaskan laporannya itu adalah selaras dan disokong oleh bukti.

Dalam keterangan sebelum ini, Adam Arif memberitahu mahkamah, beliau diarahkan menilai 18 transaksi berjumlah RM2.282 bilion dalam dua akaun bank Najib yang berlaku antara 24 Februari 2011 dan 19 Disember 2014 dengan aliran masuk sebanyak RM11,587.57 dan paling tinggi RM2.49 juta.

Katanya, ketika dipinjamkan kepada SPRM, beliau ditugaskan pegawai penyiasat, Superintendan Rosen Nur Aini Aerifa, untuk membantu mengenal pasti dan memastikan hubungan antara dana dikumpul 1MDB dan wang yang diterima Najib.

Muhammad Shafee kemudian merujuk kepada terbitan dua bon berasingan oleh 1MDB melalui anak syarikatnya, 1MDB Energy Ltd (1MEL) dan 1MDB Energy (Langat) Ltd (1MELL) pada 2013 yang diurus Goldman Sachs International untuk mendapatkan modal tambahan bagi tujuan memperoleh aset tenaga.

Wang itu dipindahkan melalui dana Pelaburan Ekuiti Aabar dan Enterprise Emerging Markets Fund (EEMF).

Dalam keterangan sebelum ini, saksi itu berkata Blackstone Asia Real Estate Partners mengalirkan dana itu untuk memindahkan kira-kira AS$90 juta (RM400 juta) kepada Najib melalui akaun AmPrivate Banking miliknya.

Blackstone ialah sebuah syarikat yang dikawal oleh pedagang dalam buruan Low Taek Jho atau dikenali Jho Low melalui rakan sekutunya, Eric Tan Kim Loong.

Muhammad Shafee kemudian mempersoalkan bahawa dokumen tertentu yang dikaitkan dengan dana pelaburan terbabit tidak dikemukakan di mahkamah.

Adam Arif bagaimanapun menegaskan beliau mempunyai dokumen berkenaan, namun tidak memasukkan dalam laporannya kerana menggunakan budi bicaranya untuk memasukkan hanya dokumen penting dan berkaitan.

Menurut saksi, beliau tidak mempunyai masalah mengemukakan dokumen itu kepada mahkamah dan menjelaskan tanggungjawabnya dalam menyediakan laporan itu adalah untuk membantu pegawai penyiasat SPRM.

Bagaimanapun, Muhammad Shafee mencadangkan saksi cuba menyembunyikannya, kerana semua dokumen yang dilihat dan diperiksa saksi perlu melalui mahkamah.

Perbicaraan bersambung 15 Disember depan.

**BERITA HARIAN**
**09/12/2023**
**(SABTU)**



# SPRM perlu lebih agresif, berani di bawah panduan baharu JKMR

- Ahli JKMR berperanan menasihati Perdana Menteri mengenai pelbagai aspek permasalahan rasuah dalam negara
- Kewujudan lima badan bebas itu menyediakan mekanisme dinamik dan konstruktif untuk SPRM bertindak bebas, adil dan profesional

**BERITA HARIAN**
**09/12/2023**
**(SABTU)**

# Penganalisis BNM nafi bersekongkol dengan SPRM

## Semasa sediakan laporan mengenai jejak wang 1MDB

[illegible]

Peguam utama bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah menuduh penganalisis Bank Negara Malaysia (BNM), Adam Ariff Mohd Roslan 'tidak bebas' dan bersekongkol dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) semasa membuat laporan mengenai jejak wang 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Tuduhan itu dibuat pada perbicaraan berhubung penyelewengan RM2.3 bilion 1MDB yang didakwa masuk ke dalam akaun bank peribadi bekas Perdana Menteri itu.

Bagaimanapun, Adam Ariff menafikan dia 'bersubahat' dengan SPRM ketika menyediakan laporan jejak wang berkenaan yang menunjukkan aliran dana 1MDB masuk ke dalam akaun bank Najib.



NAJIB

Saksi pendakwaan ke-47 itu berkata, beliau telah dipinjamkan ke SPRM bagi membantu agensi berkenaan mengesan dana yang berasal daripada 1MDB.

Beliau menegaskan bahawa dana itu berakhir dalam akaun bank Najib dan menafikan pegawai penyiasat SPRM, Nur Aida Arifin membantunya untuk "berbohong" dalam laporannya.

**Muhammad Shafee**: Dari 2018 hingga sekarang, adakah anda bersetuju bahawa anda telah menjadi SPRM, memandangkan anda telah menjadi SPRM, anda tidak kekal bebas? Adam Ariff menjawab, "Saya tidak setuju."

Semasa prosiding pada Jumaat, Muhammad Shafee berkali-kali cuba mencabar jejak wang Adam Ariff mengenai berbilion ringgit yang memasuki akaun bank peribadi Najib di AmBank dan mencadangkan bahawa Adam Ariff kekurangan semua dokumen bank yang diperlukan untuk membuktikan bahawa semua jejak dana dalam akaun Najib boleh dikesan kembali kepada 1MDB dan anak syarikatnya.

"Semua dokumen bank yang dirujuk dalam perbicaraan 1MDB adalah mencukupi untuk menunjukkan bahawa wang milik 1MDB atau anak syarikat 1MDB sebenarnya telah dimasukkan ke dalam akaun bank peribadi Najib," kata saksi itu.

Najib menghadapi empat pertuduhan menggunakan kedudukannya untuk mendapatkan rasuah berjumlah RM2.3 bilion milik 1MDB dan 21 pertuduhan pengubahan wang haram membabitkan jumlah yang sama. Perbicaraan di hadapan Hakim Datuk Collin Sequerah bersambung pada 15 Disember ini. - *Bernama*

**SINAR HARIAN**
**09/12/2023**
**(SABTU)**



# JOM SERTAI PERANGI RASUAH!

Walaupun lebih lima dekad usaha mendidik masyarakat dilaksanakan secara menyeluruh dan proaktif, cabaran terhebat dalam menangani pencegahan rasuah ialah mendapatkan sokongan berterusan masyarakat

**HARIAN METRO**
**09/12/2023**
**(SABTU)**

Ibu bapa, institusi pendidikan digesa sahut gelombang banteras rasuah

# Jom bawa anak-anak sertai HARA Rasuah Busters 2023

Oleh NOR SYAMIRA LIANA NOR ASHAHA
SHAH ALAM

Institusi pendidikan tidak kira peringkat sekolah, kolej atau universiti perlu menyahut gelombang membanteras rasuah dengan mengikuti Hari Anti Rasuah Antarabangsa (HARA) Rasuah Busters 2023.

Ketua Pengarang Kumpulan Sinar Harian, Zamri Rambli berkata, menanam rasa benci terhadap jenayah berkenaan perlu dilakukan dari usia muda.

Menurutnya, pendedahan awal akan melahirkan seseorang yang berintegriti, jujur, amanah dan berpengetahuan luas terhadap bahaya rasuah kepada organisasi dan diri sendiri.

"Secara peribadi, saya berharap agar banyak agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bersama-sama menyertai program ini sebagai tanda sokongan dalam membawa gelombang antirasuah kepada masyarakat.

"Ibu bapa juga boleh mengambil kesempatan ini untuk membawa anak-anak hadir ke HARA Rasuah Busters 2023 bagi menambah ilmu pengetahuan dalam kalangan kanak-kanak supaya membenci rasuah," katanya kepada *Sinar Harian* ketika dihubungi pada Jumaat.



ZAMRI

Program itu bakal diadakan pada 13 hingga 14 Disember di Kompleks Kumpulan Karangkraf, Seksyen 15 di sini, melibatkan pameran daripada rakan-rakan sinergi gabungan Rasuah Busters.

Penganjuran HARA Rasuah Busters 2023 turut membawa tiga elemen penting meliputi hak asasi, ekonomi dan sosial sebagai komponen yang akan tergugat akibat rasuah.

Mengulas lanjut, Zamri memaklumkan program berkenaan merupakan kesinambungan inisiatif daripada pasukan Rasuah Busters untuk meningkatkan kesedaran rakyat Malaysia mengenai rasuah.

Berbeza dengan program atau karnival lain, HARA adalah satu-satu acara yang memfokuskan tentang melawan rasuah.

"Sebetulnya pada tahun ini, ia diadakan dengan skala yang lebih besar dan meriah berbanding tahun-tahun sebelumnya.



**Pendedahan awal dari peringkat persekolahan akan melahirkan seseorang insan berintegriti, jujur, amanah dan berpengetahuan luas terhadap bahaya rasuah kepada organisasi dan diri sendiri. - *Gambar hiasan***

"Dengan kerjasama rakan strategik, HARA dipadatkan dengan pelbagai pengisian termasuk pameran, deklamasi puisi, persembahan kanak-kanak daripada taman didikan kanak-kanak (tadika), lukisan doodle dan banyak lagi," ujarnya.

**SINAR HARIAN**
**09/12/2023**
**(SABTU)**



# Naungan di bawah Yang di-Pertuan Agong kikis imej negatif SPRM

[illegible]
[illegible]@bh.com.my

Presiden Pencegah Rasuah Malaysia (PPRM)

**Baru-baru** ini, Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar menekankan komitmen bagindo untuk memerangi rasuah demi memastikan kestabilan politik dan ekonomi negara berterusan.

Antara cadangan baginda adalah peletakan langsung Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kepada Yang di-Pertuan Agong.

Apa yang dizahirkan Sultan Ibrahim ini mencerminkan aspirasi jitu baginda mahu meningkatkan tadbir urus dan integriti dalam pemerintahan Yang di-Pertuan Agong pada masa hadapan.

Pelbagai pihak termasuk MCW pernah mencadangkan supaya pelantikan Ketua Komisioner penting dalam negara perlu dinamakan dan dipilih ahli Parlimen melalui satu proses [illegible] dengan mendapat perkenan Yang Di-Pertuan Agong atau terus diletakkan di bawah bidang kuasa baginda.

Hal ini pasti memerlukan proses pindaan Perlembagaan negara. Namun yang penting, cadangan ini mampu memupuk keyakinan orang ramai terhadap agensi berkenaan dan menghapuskan pandangan bahawa agensi itu akan berat sebelah kepada kerajaan semasa.

Berdasarkan aspirasi baginda ini, ternyata wujud keperluan untuk negara melakukan transformasi bagi mencapai cita-cita ke arah pentadbiran menjunjung *Rule of Law*.

Antaranya, struktur pentadbiran Malaysia perlu berubah kerana selepas 66 tahun merdeka, keadaan dalaman negara dilihat semakin merosot. Kita seperti 'mengulangi perkara sama' dan mengharapkan hasil berbeza.

Apa yang penting, negara dan rakyatnya perlu menyesuaikan diri dan mencuba pendekatan [illegible] berhadapan dengan cabaran.

Menerima perubahan boleh membawa kepada hasil positif dan kemajuan bagi seluruh negara. Ia memerlukan inovasi di luar kotak, kerjasama dan kemahuan membuat perubahan.

[illegible]

Memerangi rasuah di Malaysia adalah cabaran kompleks kerana gejala ini berakar dalam pelbagai faktor. Pengaruh politik, warisan sejarah rasuah, kelemahan dalam struktur institusi dan budaya dalam kalangan orang awam serta korporat menyumbang kepada isu rasuah berterusan.

Mengatasi rasuah memerlukan usaha serentak di dalam domain ini untuk membawa perubahan penting. Namun usaha membendung rasuah terletak pada institusi kerajaan, agensi penguatkuasaan undang-undang dan sistem perundangan.

Kerjasama erat antara monarki dan kerajaan boleh menyumbang kepada strategi antirasuah lebih komprehensif.

Pentadbiran Malaysia hari ini menonjolkan sifat dinamik kerajaan dalam memahami kehendak rakyat. Kerajaan amat responsif terhadap tuntutan rakyat. Sebagai contoh, perbahasan terbuka di Parlimen, penyiasatan telus badan penyiasatan seperti Polis Diraja Malaysia.

Justeru, aspirasi SPRM diletak di bawah naungan Yang di-Pertuan Agong mampu memberikan impak positif bagi misi memerangi rasuah dan penyelewengan.

Ini kerana banyak suara dalam negara kelihatan seolah-olah parti pembangkang kerap kali menjadi 'mangsa' dan SPRM sering dituduh terikat dengan kerajaan semasa, sekali gus mewujudkan persepsi negatif terhadap SPRM dan kerajaan.

Namun, melalui cara 'di bawah naungan Yang di-Pertuan Agong', tohmahan kononnya SPRM menjadi alat politik dapat dielakkan selain mampu meningkatkan kebebasannya dan menjadi lebih telus sehingga mampu meningkatkan Indeks Persepsi Rasuah (CPI) negara pada masa hadapan.

**BERITA HARIAN**
**13/12/2023**
**(RABU)**

# 2 pegawai SPRM mengaku tak salah rompak RM1 juta

**3 didakwa secara berkumpulan merompak harta ahli perniagaan warga China**

Oleh Faris Fuad
faris.fuad@bh.com.my



*Seorang daripada pegawai SPRM hadir di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, semalam.* Foto Asyraf Hamzah/BH

**Kuala Lumpur:** Dua pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan seorang bekas pegawai agensi sama didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas dakwaan merompak barang serta wang tunai berjumlah hampir RM1 juta milik ahli perniagaan warga China.

Dua pegawai SPRM itu iaitu Muhamad Haffiz Mohd Radzi, 33, dan Mohd Fahmee Mohamad Nor, 41, mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim Izralizam Sanusi, manakala tertuduh ketiga, Aswin Asli, 36, yang juga bekas pegawai SPRM pula membuat pengakuan sama di hadapan Hakim Siti Aminah Ghazali.

Ketiga-tiga mereka didakwa melakukan rompak berkumpulan ke atas harta kepunyaan Kun Gao iaitu wang tunai RM952,680 dan 1,225 yuan selain satu bagasi serta beg berjenama di sebuah residensi di Jalan Ampang, di sini, pada jam 12 tengah hari, 10 Disember 2021.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 395 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara hingga 20 tahun dan sebat jika disabitkan kesalahan.

Di hadapan Izralizam, Timbalan Pendakwa Raya, Ibrahim Abdullah, mencadangkan jaminan RM30,000 dengan seorang penjamin masing-masing terhadap Muhamad Haffiz dan Mohd Fahmee.

## Mohon jaminan RM5,000

"Syarat tambahan melaporkan diri di balai polis terdekat setiap bulan dan pasport diserahkan kepada mahkamah," katanya.

Peguam bela Muhamad Haffiz, Kavachendaran Selvan, memohon jaminan RM5,000 kerana anak guamnya selepas menyatakan cadangan jaminan pihak pendakwaan tinggi.

"Anak guam ada dua anak berusia lima dan dua tahun, selain pegawai SPRM Gred 41 dan bergaji RM3,000 sebulan.

"Jika dibuat pengiraan, cadangan jaminan RM30,000 adalah 10 kali ganda daripada gaji bulanan anak guam yang tiada risiko melarikan diri," katanya.

Peguam bela Mohd Fahmee, R Vikraman, pula berkata penjamin yang hadir hanya menyediakan RM4,000 untuk menjamin anak guam.

"Anak guam yang ada penyakit tekanan darah rendah menjalankan tugas sebagai pegawai akademi SPRM Gred 41 dengan gaji RM3,500 dan elaun RM1,000 sebulan.

"Tertuduh juga bapa tunggal yang membayar nafkah bekas isteri dan menanggung seorang anak sebanyak RM2,000 sebulan selain memberi kerjasama baik sepanjang siasatan dan tiada risiko melarikan diri," katanya.

Izralizam membenarkan jaminan RM12,000 dengan seorang penjamin dan syarat tambahan tidak mengganggu saksi pendakwaan serta dua syarat lagi dicadangkan pendakwaan, selain menetapkan 5 Februari tahun depan untuk sebutan semula kes.

Di mahkamah bersebelahan, Hakim Siti Aminah menetapkan jaminan RM30,000 dengan seorang penjamin terhadap Aswin dengan syarat tambahan melaporkan diri di balai polis terdekat setiap bulan.

Sebutan semula kes juga ditetapkan 5 Februari depan.

BERITA HARIAN
14/12/2023
(KHAMIS)

# Dua pegawai SPRM tidak mengaku salah merompak

**Dituduh bersama seorang lagi bekas pegawai SPRM rompak ahli perniagaan China hampir RM1 juta**

Oleh NOOR AZLIDA ALIMIN
KUALA LUMPUR

Dua pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan seorang bekas pegawai agensi sama, mengaku tidak bersalah di dua Mahkamah Sesyen berasingan di sini pada Rabu, atas satu pertuduhan merompak seorang ahli perniagaan warga China, hampir RM1 juta di sebuah kediaman mewah dua tahun lalu.

Muhamad Hafiz Mohd Radzi, 33, Mohd Fahmee Mohamad Nor, 41, dan Azwan Asli, 38, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibaca di hadapan Hakim Izralizam Sanusi dan Siti Aminah Ghazali.

Mengikut pertuduhan, kesemua tiga lelaki itu didakwa melakukan rompakan berkumpulan ke atas harta Kun Gao iaitu wang tunai RM852,690, Yuan 1,225, satu bagasi warna perak dan satu beg jenama Louis Vuitton (LV) warna hitam, di sebuah kediaman di Jalan Ampang di sini, pada jam 12 tengah hari, 10 Disember 2021.

Pendakwaan mengikut Seksyen 395 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara hingga 20 tahun dan sebat jika disabitkan kesalahan.



Salah seorang daripada tiga tertuduh yang didakwa merompak seorang ahli perniagaan dari China.

Semasa prosiding di hadapan Izralizam, Timbalan Pendakwa Raya, Izalina Abdullah, mencadangkan Muhamad Haffiz dan Mohd Fahmee diberi ikat jamin masing-masing RM30,000 dengan seorang penjamin.

"Ia termasuk syarat tambahan iaitu melaporkan diri di balai polis terdekat sekali setiap bulan dan pasport diserahkan kepada mahkamah," katanya.

Bagaimanapun, peguam, Ravichandaran Sellian bagi pihak Muhamad Haffiz merayu agar anak guamnya diberi ikat jamin pada kadar rendah kerana perlu menyara keluarga termasuk dua anaknya berusia lima dan dua tahun.

"Jaminan yang dicadangkan pihak pendakwaan menyamai 10 kali ganda daripada gaji bulanan anak guam saya dan dia tidak mempunyai risiko untuk melarikan diri," katanya.

Sementara itu, peguam, R Vikraman berkata, Mohd Fahmee merupakan bapa tunggal dan perlu membayar nafkah kepada bekas isteri serta menanggung seorang anak.

Selepas mendengar hujahan itu, Izralizam membenarkan setiap tertuduh diikat jamin sebanyak RM12,000 dengan seorang penjamin dan syarat tambahan tidak mengganggu saksi pendakwaan serta dua syarat lagi dicadangkan pendakwaan, selain menetapkan 5 Februari tahun depan untuk sebutan semula kes.

Sementara itu di hadapan Hakim Aminah, Vikraman yang turut mewakili Azwan, memohon ikat jamin ditetapkan pada kadar rendah.

Hakim membenarkan bekas pegawai SPRM itu diikat jamin sebanyak RM10,000 dengan seorang penjamin dengan syarat tambahan melaporkan diri di balai polis berdekatan setiap bulan, manakala sebutan semula kes ditetapkan pada tarikh sama.

Pada 13 Disember 2021, *Sinar Harian* melaporkan dua individu termasuk seorang pegawai SPRM ditahan polis bagi membantu siasatan kes rompakan berkumpulan membabitkan kerugian RM700,000.

Sementara itu, SPRM dalam kenyataan media, mengesahkan seorang pegawainya ditahan polis bagi membantu siasatan berhubung kes jenayah.

Suruhanjaya itu memberi kerjasama penuh untuk mengesan pegawai terbabit dan menyerahkannya kepada polis.

SPRM menegaskan tidak akan berkompromi atau melindungi mana-mana pegawai yang terbabit dengan sebarang kesalahan jenayah.

**SINAR HARIAN**
**14/12/2023**
**(KHAMIS)**

# Nilai peribadi, integriti tinggi cegah rasuah

## Masyarakat diminta main peranan banteras jenayah itu

Oleh NOR SYAMIRA LIANA NOR ASHAHA
SHAH ALAM




**Hussamuddin (kanan) dan Norhayati ketika perasmian HARA Rasuah Busters 2023 di Kompleks Kumpulan Karangkraf, Shah Alam pada Rabu.**

Hanya nilai keperibadian dan integriti tinggi akan dapat menyelamatkan seseorang itu daripada terjerumus dalam rasuah.

Ketua Pasukan Rasuah Busters, Datuk Hussamuddin Yaacub berkata, rakyat Malaysia perlu memainkan peranan penting dengan menambah iltizam dalam diri untuk membanteras jenayah rasuah yang terus menular dalam masyarakat.

"Masalah rasuah di negara ini semakin parah. Kalau kita lihat laporan akhbar tempatan hari ini (Rabu), Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ada menyentuh tentang keperluan kita untuk bersiap sedia menghadapi keadaan ekonomi yang lebih teruk pada tahun hadapan.

"Rentetan daripada masalah itu, rakyat yang akan menghadapi kesulitan hidup. Jadi, sebagai salah satu langkah untuk mempersiapkan diri, kita sebagai rakyat Malaysia perlu bersatu hati dan berusaha ke arah membanteras rasuah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Hari Anti Rasuah Antarabangsa (HARA) Rasuah Busters 2023 yang turut dihadiri Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Sinar Untuk Malaysia (Rasuah Busters), Norhayati Nordin di Kompleks Kumpulan Karangkraf di sini pada Rabu.

Program yang diadakan dengan kerjasama rakan-rakan gabungan Rasuah Busters itu menyediakan pelbagai pameran dan aktiviti khas selama dua hari bermula semalam bagi menyampaikan mesej antirasuah serta membentuk kesedaran dalam kalangan masyarakat.

Sementara itu, Norhayati berkata, HARA Rasuah Busters merupakan cetusan permulaan usaha daripada rakyat kepada rakyat untuk menjadikan Malaysia bebas rasuah.

"Ada pelbagai aktiviti termasuk program bual bicara mengenai isu rasuah. Kita bawa panel-panel berpengalaman untuk berkongsi tentang keburukan jenayah ini," katanya.

**SINAR HARIAN**
**14/12/2023**
**(KHAMIS)**

# Tiada mana-mana kaum membenarkan rasuah

**SHAH ALAM** – Tiada kajian saintifik yang menunjukkan bahawa perbuatan rasuah dikaitkan dengan sesuatu bangsa sahaja.

Pensyarah dari Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Datuk Dr Sivamurugan Pandian berkata, perbuatan rasuah itu boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja yang tidak mempunyai nilai integriti dalam dirinya.



SIVAMURUGAN

"Saya percaya tiada mana-mana agama, etnik, ras sekali pun yang membenarkan tingkah laku tersebut.

"Ini berlaku kerana perubahan persekitaran dan barangkali juga disebabkan oleh sukarnya untuk kita mencari titik persamaan kepada nilai yang sepatutnya digembleng bersama.

"Justeru, bagi saya perbuatan rasuah ini berlaku di mana-mana sahaja tidak mengira kaum apa sekali pun," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjadi panelis Bicara Bina Negara: Sudah Hilangkah Maruah? sempena HARA Rasuah Busters 2023 di Kompleks Kumpulan Karangkraf di sini pada Rabu.

Program itu turut menampilkan Pengarah Pusat Kepimpinan dan Pembangunan Profesional Universiti Malaya (UM Lead), Datuk Dr Anis Yusal Yusoff sebagai panelis manakala Ismail Adnan bertindak sebagai moderator.

Mengulas lanjut, Sivamurugan berkata, usaha mencegah rasuah perlu dilakukan bersama bagi memastikan Indeks Persepsi Rasuah (CPI) negara berada di kedudukan yang lebih baik.

"Sampai bilakah kita mahu berbangga di kedudukan CPI 61? Singapura berada di tangga kelima dan bukankah jurangnya semakin membesar.

"Apakah yang melayakkan kedudukan tersebut, bukankah setiap daripada kita tanpa mengira agama, ras, etnik, gender, hatta fahaman politik sekali pun sepatutnya bersama-sama dalam menangani isu ini (rasuah)," kata beliau.

Oleh itu tegasnya, kini sudah tiba masanya untuk 'memanusiakan pencegahan, merakyatkan kesedaran'.

Beliau berkata, kesedaran hanya timbul bermusim apabila ada program atau aktiviti dilaksanakan tetapi akhirnya masih sukar untuk menghapuskan rasuah.

"Jadi perlu juga ada keazaman politik yang sekurang-kurangnya dapat menurunkan indeks rasuah tetapi kita masih bergelut.

"Sebab itulah saya memberikan penekanan supaya kesedaran perlu ditingkatkan dan rasuah harus dicegah," katanya.

**SINAR HARIAN**
**14/12/2023**
**(KHAMIS)**

# SPRM, Petronas wajar di bawah Parlimen

Ambil kira kepentingan kepada rakyat dan negara berdasarkan prinsip akauntabiliti

Oleh NURUL HUDA HUSSAIN
SHAH ALAM




Cadangan untuk meletakkan SPRM dan Petronas di bawah Yang di-Pertuan Agong agak rumit kerana sebarang pindaan Perlembagaan dan juga undang-undang berkaitan kedua-dua institusi itu perlu melalui kajian mendalam untuk mengenal pasti implikasi secara keseluruhan.

Yang di-Pertuan Agong tetap mempunyai kuasa untuk mengetahui, melihat atau memberi pandangan dalam isu melibatkan Petronas dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), meskipun kedua-dua institusi itu terletak di bawah Parlimen.



NIK AHMAD KAMAL

**SINAR HARIAN**
**14/12/2023**
**(KHAMIS)**

# Elak rasuah menular dalam organisasi

## Nilai integriti perlu dijadikan 'tiang' dalam diri usahawan untuk hindari terlibat jenayah rasuah dalam perniagaan

SHAH ALAM

Nilai integriti perlu dijadikan sebagai "tiang" dalam diri usahawan untuk menguatkan sifat jati diri agar teguh, amanah dan sentiasa berpegang kepada prinsip menolak jenayah rasuah melibatkan urusan perniagaan.

Ketua Seksyen Sistem Integriti Korporat Malaysia (CISM), Mohd Rais Ramli berkata, setiap individu yang menjalankan perniagaan pasti mahukan keuntungan, maka langkah awal itu mampu mencegah daripada jenayah tersebut daripada menular dalam organisasi.

"Sekiranya syarikat sendiri tiada polisi antirasuah dan surat sokongan dalam sebarang urusan kemudian membiarkan pekerja membuat keputusan sendiri dengan syarat dapat projek, kita tidak tahu bagaimana mereka buat (urusan), tahu tahu mungkin ada berlaku sogokan.

"Dalam konteks perniagaan, pemilik perniagaan boleh mendaftar di bawah CISM iaitu inisiatif sukarela yang dibangunkan oleh beberapa agensi antaranya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Institut Integriti Malaysia (IIM) supaya syarikat mematuhi semua prosedur ditetapkan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam sesi dialog bertajuk SME Talk Integrity sempena Hari Antirasuah Antarabangsa (HARA) Rasuah Busters 2023 di Kompleks Kumpulan Karangkraf di sini pada Khamis.

Antara jemputan lain yang hadir ialah Perunding Utama AP Spirit Sdn Bhd, Ron Lee; Ketua Jabatan Risiko Integriti dan Pematuhan UEM Edgenta, Faizatul Farhah Ghazali; Presiden Malaysian Association of Muslim Finance Professionals (MFP), Mohd Aminul Mohd Leffee dan Ketua Jabatan Integriti dan Governans Menteri Besar Selangor Incorporated (MBI), Mudkah Muhd Nor.

Sementara itu, Penyelidik Dasar dan Perundangan C4 Centre, Prishanth Linggaraj berkata, rasuah bukan isu perundangan semata-mata tetapi melibatkan hak asasi manusia.

Jelasnya, pemilik syarikat akan memperoleh manfaat jika menjadikan perlindungan dan pemuliharaan hak asasi sebagai keutamaan dalam perniagaan mereka.

"Contoh sosial dan tadbir urus (ESG). Perniagaan yang mengutamakan ESG dapat membina reputasi cemerlang dan meluaskan capaian kepada pasaran antarabangsa serta memberi sumbangan besar kepada kerajaan agar menghapuskan dalam negara.

"Pendekatan dalam membendung rasuah ini perlu diseimbangkan dengan perspektif hak asasi agar harapan rakyat Malaysia untuk masa depan yang lebih cerah dapat direalisasikan," ujarnya.

Sesi dialog tersebut turut dimeriahkan dengan persembahan pidato bertajuk "Rasuah Nampak Senang Di Dunia Tetapi Sengkak Di Akhirat" oleh Pemidato Cilik Rasuah Busters, Hadif Rayyan, 12, dan perkongsian Orang Diselia (ODS) dan Penjara Sungai Buloh.



MOHD RAIS



PRISHANTH

## Pendidikan rasuah tidak perlu dihadkan sebagai silibus

SHAH ALAM - Pendidikan rasuah tidak perlu dihadkan sebagai silibus pembelajaran di sekolah secara formal semata-mata bagi membentuk nilai-nilai moral dalam diri pelajar.

Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Sinar Untuk Malaysia (Rasuah Busters), Nurhayati Nordin berkata, ia berikutan silibus berkenaan mungkin menjadi satu pembelajaran yang berorientasikan peperiksaan oleh pelajar.

"Sebagai kebimbangan saya, kalau berjaya menjadi sebahagian silibus, bagaimana sekiranya mereka (pelajar) terus lupa selepas tamat sahaja peperiksaan sedangkan tujuan asal untuk ia kekal di dalam hati?

"Dalam keadaan ini, tugas Rasuah Busters menjadi sukar. Kita kena berhati-hati untuk menjadikan ia sebagai pendidikan formal terutamanya berkaitan subjek yang sememangnya lahir daripada hati seperti kejujuran, bercakap benar dan sebagainya.

"Tiga perkara yang menjadi punca kepada rasuah iaitu keinginan, tamak dan peluang. Sepatutnya ia tidak perlu berada dalam silibus malah ia terhenti sekadar pendidikan formal di sahaja," katanya.

Tambah Nurhayati, pembinaan karakter bangsa seharusnya menjadi benteng penghalang kepada rasuah daripada membentuk budaya dalam kalangan masyarakat berbilang kaum.

"Kalau kita berpegang teguh kepada asal usul dan kemanusiaan yang dibina sejak dahulu, ia menjadi benteng kepada agama serta bangsa untuk tidak membenarkan perbuatan rasuah.

"Sebenarnya Rukun Negara dibina bukan sekadar untuk kita menerapkan kehidupan selepas peristiwa pada 1969 tetapi formula kejayaan menyelesaikan konflik.

"Kenapa kita tidak gunakan Rukun Negara sebagai benteng pertahanan untuk membentuk budaya Malaysia itu sendiri?" soalnya.

**SINAR HARIAN**
**15/12/2023**
**(JUMAAT)**

# Laksana segera reformasi institusi perangi rasuah

**SHAH ALAM** - Reformasi institusi perlu dilakukan segera sebagai usaha untuk membendung jenayah rasuah dalam negara daripada semakin membarah."

Presiden Pertubuhan Ikram Malaysia (Ikram), Badlishah Sham Baharin berkata, ia termasuk menggubal akta pendanaan politik dan memperkasakan pemisahan kuasa antara pendakwa raya dengan Peguam Negara.

"Sistem negara perlu ditukar supaya budaya rasuah yang sudah berakar umbi ini dapat dibendung dalam masa akan datang.

"Budaya rasuah memang perlu diperangi menerusi didikan awal kepada anak-anak sejak kecil hingga dewasa termasuk pendidikan agama tetapi pendidikan sahaja tidak cukup.

"Begitu juga dengan tahap ekonomi negara, di mana kadar kemiskinan kini berada pada tahap pendapatan RM1,800 sebulan. Jadi mereka (penjawat) akan merasa terdesak dan mengambil sogokan bagi menampung perbelanjaan bulanan," katanya.



**Dari kiri: Ismail, Nurhayati dan Badlishah Sham ketika Wacana *Sinar Harian* bertajuk 'Rasuah Robek Budaya Bangsa' di Kompleks Kumpulan Karangkraf, Shah Alam pada Rabu.**

Beliau berkata demikian ketika Wacana *Sinar Harian* Siri 423 bertajuk 'Rasuah Robek Budaya Bangsa' yang dihoskan oleh Ismail Adnan sempena sambutan Hari Antirasuah Antarabangsa (HARA) Rasuah Busters 2023 di Kompleks Kumpulan Karangkraf di sini pada Rabu.

Antara panel lain yang terlibat ialah Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Sinar Untuk Malaysia (Rasuah Busters), Nurhayati Nordin.

Tambah Badlishah Sham, isu 'kabel' atau menggunakan orang tengah dalam sesuatu urusan juga perlu segera dibendung kerana ia dianggap sebagai satu kesalahan kecil yang tidak memudaratkan mana-mana pihak.

Menurut beliau, tindakan itu tanpa disedari telah mengambil hak orang lain yang lebih layak untuk menerimanya.

"Sedikit-sedikit lama-lama jadi bukit. Itu perumpamaan yang sesuai digunakan untuk situasi ini. Kita sebagai umat Islam tidak boleh pandang enteng terhadap dosa atau tindakan yang salah walaupun ia kecil.

"Justeru, nilai murni yang baik seperti kejujuran, amanah dan berintegriti merupakan satu nilai yang bermakna kepada masyarakat serta memberi manfaat kepada semua pihak sekiranya diamalkan," jelas beliau.

**SINAR HARIAN**
**15/12/2023**
**(JUMAAT)**

# Suntik nilai integriti kepada awam

**Rangkuman aktiviti sepanjang HARA 2023 Rasuah Busters tinggalkan impak mendalam kepada pengunjung**

SHAH ALAM

Penganjuran Hari Antirasuah Antarabangsa (HARA) Rasuah Busters 2023 berjaya memupuk kesedaran bahkan menyentuh hati orang awam menerusi perkongsian daripada gabungan rakan sinergi dan pemegang taruh di negara ini.



NURHAYATI

Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Sinar Untuk Malaysia (Rasuah Busters), Nurhayati Nordin berkata, rangkuman aktiviti sepanjang HARA dilihat cukup meninggalkan impak mendalam kepada pengunjung, lebih-lebih lagi perkongsian daripada banduan atau Orang Diselia (ODS) dari Penjara Sungai Buloh.

Menurutnya, penglibatan pemegang taruh seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Institut Integriti Malaysia (IIM), SIRIM Berhad (SIRIM) dan Jabatan Penjara Malaysia mampu menyuntik nilai integriti dalam diri orang awam menerusi pameran serta aktiviti disediakan.

"Pertubuhan bukan kerajaan seperti C4 Center, Pertubuhan Ikram Malaysia (Ikram) dan sebagainya turut berkongsi bagaimana cabaran atau jalan penyelesaian untuk menangani isu integriti serta rasuah.

"Ada juga persembahan pelajar tadika swasta menyanyikan *Free Palestine* sambil mengenakan pakaian tradisional, ia memaparkan semangat patriotik dan simbolik keutuhan kemanusiaan yang perlu dibina dalam kalangan masyarakat.

"Kita ada pantomim, teater pendek dan apresiasi puisi, semuanya mempunyai makna luar biasa, inilah ekspresi melawan rasuah yang sebenarnya," kata beliau kepada *Sinar Harian* pada Khamis.



**Ketua Pasukan Rasuah Busters, Datuk Hussamuddin Yaacub selepas ucapan perasmian HARA 2023 di Kompleks Kumpulan Karangkraf pada Rabu.**

HARA 2023 merupakan inisiatif memberi pendidikan antirasuah kepada masyarakat menerusi kerjasama gabungan #RasuahBusters yang berlangsung selama dua hari dari 13 hingga 14 Disember bertempat di Kompleks Kumpulan Karangkraf di sini.

Ditanya mengenai sambutan yang diterima, Nurhayati memaklumkan, pihaknya setakat ini berpuas hati dengan komitmen tinggi yang ditunjukkan orang awam terhadap penganjuran sulung program berkenaan dalam usaha memerangi rasuah mengikut kemampuan dan kapasiti masing-masing.

"Kaedah menangani isu rasuah tidak semestinya ceramah sahaja, ia perlukan sesuatu yang menyentuh hati orang ramai.

"Justeru, kita nak tengok masyarakat kembali kepada nilai moral karakter bangsa yang sebenar tanpa mengira agama untuk diri, komuniti dan negara, insya-ALLAH," ujar beliau.

Jelasnya lagi, perancangan #RasuahBusters pada masa hadapan diharap dapat melibatkan lebih ramai rakan kolaboratif dan secara serius mengangkat Disember sebagai bulan antirasuah di negara ini.

"Refleksi diri, keluarkan segala budaya rasuah pada bulan ini (Disember) dan mula melangkah ke tahun baharu dengan semangat, impian serta cita-cita baharu," kata Nurhayati.

**SINAR HARIAN**
**15/12/2023**
**(JUMAAT)**

# Gema semangat menentang rasuah menerusi puisi

**SHAH ALAM** - Pemimpin yang diberi kuasa di negara ini digesa untuk sentiasa amanah dalam melaksanakan tanggungjawab mereka dan tidak menggelapkan harta negara demi kepentingan sendiri.

Gesaan itu dibuat Canselor Kolej Universiti Inovas, Profesor Emeritus Datuk Dr Hashim Yaacob menerusi puisi bertajuk *Rasuah Melahap Kita* hasil nukilan beliau sendiri.

"Dengarlah ini puisi nestapa tertulis duka, ketika bulan tumbang membawa gelap malam. Rasuah sedarlah melahap kita, bertemasya dia (rasuah) ke sumsum tulang.

"Semakin lama ditentang semakin garang rasuah menyerang. Telah menyala api korupsi membakar langit menjadi merah, melukakan bumi jadi parah," katanya ketika mendeklamasikan puisi berkenaan pada Apresiasi Puisi Antirasuah.

Selain Hashim, sebanyak lapan puisi turut dideklamasikan sepanjang program itu berlangsung iaitu daripada Kumpulan Deksa dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), *Suapan yang Tercicir*, Bard Puisi, *Al-Risywah*, pelajar Sekolah Kebangsaan Wesley Methodist Kuala Lumpur, *Bebaskan Negara Kita*; Presiden Pemuisi Nasional Malaysia (Pemuisi), Datuk Dr Radzuan Ibrahim, *Gelap dan Terang*, Haslinaz Hanapi bersama anaknya, Aryan Andika, *Bahana Rasuah*; ARSIDRA, *Azab Makan Suap*; Ketua Pegawai Eksekutif SIRIM, Datuk Dr Ahmad Sabirin Arshad, *Pejuang Banteras Rasuah* dan nyanyian puisi oleh Siso Kopratasa, *Taluk Kita Orang Melayu*.



Hashim mendeklamasikan puisi *Rasuah Melahap Kita.*



Radzuan menyampaikan puisi bertajuk *Gelap dan Terang*



Bard Pulsi mendendangkan lagu puisi *Al-Risywah.*

Dalam pada itu, Radzuan menerusi puisinya, *Gelap dan Terang* menyeru masyarakat hidup berteraskan agama masing-masing supaya 'cahaya terang' dapat dijadikan petunjuk untuk melalui "kegelapan" alam semesta.

"Ada cahaya lampu yang boleh menerangi kegelapan. Al-Quran juga dijadikan sebagai penunjuk jalan, tetapi masih ada sesetengah manusia yang sesat.

"Itu ujian yang diterima setiap insan. Jadi, kembalilah ke ajaran agama masing-masing supaya kita hidup dengan aman," katanya.

Sementara itu, Bard Puisi mendedahkan orang ramai tentang sejarah perbuatan rasuah yang dimulakan oleh kaum Yahudi.

"Al-Risywah ialah perkataan dalam bahasa Arab membawa maksud rasuah. Bagi menghasilkan puisi ini saya buat kajian terperinci berkaitan rasuah terutama dengan merujuk al-Quran.

"Dalam al-Quran menyebut Yahudi adalah pengamal rasuah yang terawal dan apa yang mendukacitakan kita ketika ini Yahudi terus berlaku kejam ke atas rakyat Palestin.

"Jadi pada masa sama menerusi puisi ini, saya turut zahirkan sokongan kepada Palestin selain puisi disampaikan dalam bentuk lagu agar ia menusuk ke kalbu pendengar," katanya.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**SINAR HARIAN**
**15/12/2023**
**(JUMAAT)**

# Felcra pastikan pengurusan projek bebas rasuah

**PASIR SALAK** - Felcra Berhad meneruskan usaha pencegahan dan pendidikan antirasuah bagi memastikan pengurusan projek dikendalikan dalam persekitaran yang bebas rasuah.

Pengurus Besar Felcra Wilayah Perak, Yusoff Razali berkata, dengan perkembangan ekonomi, syarikat korporat milik penuh kerajaan itu banyak terlibat dengan kerja pembangunan tanah dan ladang yang melibatkan peruntukan besar diterima daripada kementerian.

RASUAH BUSTERS

Menurutnya, ia menjadikan pegawai dan kakitangan di setiap kawasan mudah terdedah kepada amalan rasuah terutama yang melibatkan pengurusan dengan pihak luar.

"Bukan apa, kadang-kadang takut gelap mata, sebab itu kita nak pastikan pada isu-isu berkaitan pemantapan integriti, bukan sahaja di peringkat pemantauan dan pelaksanaan, tetapi di peringkat pengurusan itu sendiri.

"Semua kakitangan dari peringkat atasan sampai bawahan yang melibatkan (urusan) projek dengan kontraktor-kontraktor luar perlu memahami maksud sebenar integriti.

"Elakkan daripada berlakunya rasuah terutama sekali yang melibatkan peruntukan daripada kerajaan untuk pembangunan dan kegunaan rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Program Pemantapan Integriti dan Pencegahan Rasuah Felcra Berhad Wilayah Perak di Kolej Felcra dekat Seberang Perak di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Perak, Ahmad Sabri Mohamed.

Program itu disertai 77 pengurus kawasan Felcra Berhad Wilayah Perak dan 20 pegawai tinggi pengurusan.

Yusoff berkata, kerjasama bersama SPRM dalam program pemantapan integriti mula dilaksanakan sejak 2014 dengan pelbagai penganjuran program, kursus dan bengkel.

"Sekarang apabila berlaku pertukaran kakitangan, mungkin yang baru masuk, mereka masih tidak memahami apa maksud pelaksanaan program begini, sebab itu kita perlu sentiasa memperbaharuinya dari semasa ke semasa," katanya.

Sementara itu, Ahmad Sabri berkata, SPRM mengalu-alukan penglibatan semua pihak ke arah peningkatan integriti dan moral kalangan pegawai dan kakitangan.

Ujar beliau, usaha itu dapat membantu menjayakan sasaran Malaysia menduduki tangga 25 teratas dunia dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) dalam tempoh 10 tahun.

"Untuk sampai ke tahap itu sudah pasti memerlukan penglibatan semua pihak, bukan hanya fokus sektor awam.

"Syarikat berkaitan kerajaan (GLC), swasta serta lapisan masyarakat perlu bersama-sama dalam menjayakan agenda pencegahan rasuah ini," katanya.

**SINAR HARIAN**
**19/12/2023**
**(SELASA)**

# SPRM masih siasat Aman Palestin

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) masih menjalankan siasatan lanjut terhadap Aman Palestin Berhad (Aman Palestin), yang kini dibekukan aset sejak bulan lalu.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki, berkata setakat ini siasatan masih dilakukan sebelum kertas siasatan diserahkan ke Jabatan Peguam Negara untuk tindakan selanjutnya.

"Belum diserahkan (ke Timbalan Pendakwa Raya)," katanya kepada *BH* di sini semalam.

SPRM bulan lalu mengesahkan pihaknya sudah membekukan 41 aset Aman Palestin bernilai RM15,868,762, berdasarkan Seksyen 44(1) Akta Pencegahan Wang Haram Dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AMLATFPUAA) 2001.

SPRM memulakan siasatan ke atas Aman Palestin berhubung aktiviti pengumpulan derma untuk rakyat Palestin susulan tindakan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis (JAIPs) menarik balik kebenaran untuk syarikat itu membuat kutipan bagi tujuan berkenaan di negeri itu.

Siasatan agensi penguatkuasaan itu juga dilakukan ekoran dakwaan syarikat pertubuhan amal berkenaan menyalahgunakan wang sumbangan orang ramai sejak 17 Oktober lalu.

SPRM sudah merakam keterangan beberapa saksi penting dan hasil siasatan awal mengenal pasti beberapa isu membabitkan penyelewengan dana dianggarkan berjumlah RM70 juta yang disalurkan bagi tujuan selain objektif penubuhan syarikat berkenaan.

Aman Palestin bagaimanapun menafikannya dan mengaku misi bantuan kemanusiaan di negara berkenaan akan terjejas berikutan akaun syarikat itu dibekukan oleh SPRM.



*Azam Baki*

**BERITA HARIAN**
**20/12/2023**
**(RABU)**

# 35 polis Kelantan kena tindakan tatatertib

**Kota Bharu:** Seramai 35 pegawai dan anggota polis dikenakan pelbagai tindakan tatatertib, termasuk ditahan kerja kerana terbabit pelbagai kesalahan sepanjang tahun ini.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Muhamad Zaki Harun, berkata kesalahan paling banyak membabitkan salah laku dengan sembilan kes, disusuli lapan kes jenayah dan tiga kes berkaitan penyalahgunaan dadah dan ada juga kes masih dalam siasatan.

"Majoriti membabitkan anggota, tetapi jumlah itu berkurang berbanding 70 orang tahun lalu. Statistik itu menunjukkan ia masih terkawal. Jika membabitkan narkotik, memang kita kesan dan pantau dari awal, termasuk perubahan tingkah laku serta buat ujian saringan," katanya.

Memberitahu demikian pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kelantan, di sini semalam, Muhamad Zaki berkata, setakat ini tiada pegawai dan anggota polis di negeri ini dibuang kerja dalam tempoh 11 bulan pertama tahun ini.

"Jika disabitkan dengan penyalahgunaan dadah, mereka akan terus ditahan kerja, manakala bagi kes yang terdapat keraguan, siasatan lanjut terus dibuat. Kita jalankan ujian saringan secara berkala dan apa-apa kes yang timbul, siasatan segera akan dibuat," katanya.

Sementara itu, Muhamad Zaki berkata, polis menahan lelaki warga Thailand bersama 100,000 biji pil kuda di Tunjong, 11.45 malam kelmarin.

Katanya, serbuan dilakukan pasukan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK).

Beliau berkata, lelaki warga Thailand yang ditahan dan membawa pil kuda dianggarkan bernilai RM851,475.

Katanya, awal siasat juga mendapati suspek berusia 36 tahun memasuki negara ini melalui laluan tidak sah.



*Muhamad Zaki (tengah) bersama pegawai menunjukkan sebahagian dadah jenis pil Yaba yang dirampas ketika sidang media IPK Kelantan, semalam.*
(Foto/BERNAMA)

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**BERITA HARIAN**
**22/12/2023**
**(JUMAAT)**

Menara Ilham menempatkan pejabat tokoh korporat

# Siasatan ada kaitan kes seleweng dana negara

KUALA LUMPUR

Siasatan dan sitaan yang dilakukan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ke atas bangunan Menara Ilham di sini pada Isnin lepas dipercayai berkaitan kes penyelewengan dana negara berjumlah lebih RM2.3 bilion membabitkan seorang tokoh korporat dan bekas menteri kanan.

LAPORAN MUKA DEPAN

Sumber SPRM ketika menghubungi *Bernama* berkata bangunan itu, yang turut menempatkan pejabat tokoh korporat berkenaan, disita di bawah Akta SPRM 2009.

Penyitaan harta tak alih bertarikh 18 Disember 2023 itu disiarkan dalam ruangan notis pemberitahuan sebuah portal berita dalam talian.

Menurut notis ditandatangani oleh Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Ahmad Akram Gharib itu, Pendaftar Hak Milik, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan diarah untuk menyita bangunan Menara Ilham yang mempunyai alamat di No. 8, Jalan Binjai di sini.

Arahan itu dikeluarkan di bawah Seksyen 38(1) Akta SPRM 2009 (Akta 694) dan Seksyen 376(3) Kanun Tatacara Jenayah setelah berpuas hati dengan maklumat yang diberikan oleh pegawai agensi antirasuah berkenaan.

Notis itu turut melarang segala urusan berkaitan bangunan berkenaan dan mencatatkan terma notis pada dokumen hak milik bangunan tersebut di pejabat Pendaftar Hak Milik.

Menurut notis itu, individu yang tidak mematuhi notis tersebut akan disiasat mengikut Seksyen 38(5) Akta SPRM 2009 yang membawa hukuman denda tidak melebihi dua kali ganda nilai harta berkenaan atau RM50,000 mengikut mana lebih tinggi dan boleh dipenjara tidak melebihi dua tahun.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki, yang mengesahkan perkara itu kepada pemberita menerusi aplikasi WhatsApp bagaimanapun enggan mengulas lanjut.

Pada Mei lepas, SPRM dilaporkan sedang menyiasat seorang tokoh korporat berhubung kes penyelewengan dana negara bernilai lebih RM2.3 bilion.

Siasatan itu adalah kesinambungan dan lanjutan daripada pendedahan dokumen sulit oleh Konsortium Wartawan Penyiasatan Antarabangsa (ICIJ) berhubung transaksi yang disyaki berlaku di beberapa pusat kewangan luar pesisir.

Siasatan itu dijalankan mengikut Akta SPRM 2009 serta Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001.

Menara Ilham mempunyai ketinggian 274 meter merangkumi hotel empat bintang, pejabat rasmi, galeri, medan selera serta kedai cenderamata, manakala sebanyak 33 tingkat aras untuk kegunaan pejabat dan selebihnya adalah apartmen.

Dilaporkan bangunan pencakar langit itu dimiliki tokoh korporat yang rapat dengan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.



Tinjauan mendapati Menara Ilham di Kuala Lumpur masih beroperasi seperti biasa, pada Jumaat.

**SINAR HARIAN**
**23/12/2023**
**(SABTU)**

# Biar SPRM siasat, 'orang besar' tidak dilindungi - PM

**Tidak perlu kaitkan kerajaan dalam kes sita Menara Ilham**

PETALING JAYA



Perdana Menteri selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Kota Damansara, Petaling Jaya.

Tindakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyiasat dan menyita Menara Ilham di ibu negara membuktikan sistem penguatkuasaan negara ini tidak melindungi sesiapa yang terlibat dalam rasuah, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata, semua pihak hendaklah memahami dan memberi ruang kepada badan penyiasatan itu melaksanakan tugas termasuk jika siasatan melibatkan individu berpengaruh, berpangkat atau mempunyai kuasa besar.

LAPORAN MUKA DEPAN

Anwar berkata, sistem keadilan dan penguatkuasaan khususnya berkaitan integriti mesti menunjukkan contoh dan berani untuk bertindak terhadap perasuah besar.

"Biar SPRM jalankan tugas dia dan tidak kiralah kedudukan sesiapa pun... kalau tidak (siasatan terpilih) nanti, (umum) akan kritik ikan kecil (orang biasa) ditangkap, tapi kepala (individu berpengaruh) tak disentuh.

"Biarlah ada siasatan supaya pemimpin tidak dilihat dilindungi kuasa besar. Itu tanggungjawab SPRM untuk jalankan tugas dan siasatan," kata beliau kepada pemberita selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Kota Damansara, di sini.

Perdana Menteri turut meminta semua pihak agar tidak membuat sebarang tafsiran atau tanggapan seolah-olah kerajaan mempunyai muslihat tertentu apabila terdapat siasatan melibatkan individu berpengaruh.

"Jangan buat tafsiran setiap kali sentuh (siasat) orang besar (individu berpengaruh) makna kita (kerajaan) ada muslihat, kalau orang kecil tiada apa-apa pulak (ada muslihat)," katanya.

Anwar berkata demikian sebagai mengulas tindakan SPRM yang menyita Menara Ilham di Jalan Binjai, Kuala Lumpur yang dikatakan dimiliki keluarga seorang tokoh korporat dan bekas menteri kanan baru-baru ini.

Notis penyitaan bangunan setinggi 60 tingkat bertarikh 16 Disember lepas itu, ditandatangani Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Ahmad Akram Gharib, disiarkan melalui ruangan pemberitahuan sebuah portal berita pada Khamis.

Dalam perkembangan lain, Anwar berkata, sebarang penganugerahan dan pelaksanaan projek Aliran Rentas Pelbagai Lorong (MLFF) bagi sistem kutipan tol di lebuh raya adalah dibuat mengikut proses biasa dan telus.

"Ia akan melalui proses biasa, tidak ada asas atau apa pun untuk menganggap bahawa proses itu akan melalui proses rundingan terus. Tidak.

"Ia perlu melalui proses yang sewajarnya dan telus seperti yang telah dijelaskan sebelum ini," kata beliau.

Anwar mengulas laporan media mengenai 'perjanjian pelantikan' penganugerahan konsesi untuk projek plaza tol MLFF yang ditandatangani antara kerajaan sementara dan sebuah syarikat swasta, dua hari sebelum pilihan raya umum ke-15.

Bagaimanapun, Menteri Kerja Raya Alexander Nanta Linggi baru-baru ini berkata, penganugerahan projek itu masih belum dimuktamadkan. - *Bernama*

**SINAR HARIAN**
**23/12/2023**
**(SABTU)**




SUASANA di sekitar Menara Ilham di Jalan Binjai selepas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyita bangunan tersebut pada Isnin lalu. - Gambar NSTP/SADIQ SANI

### KES SELEWENG DANA NEGARA RM2.3 BILION

# SPRM sita Menara Ilham

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyita bangunan Menara Ilham di sini pada Isnin lalu dipercayai berkaitan kes penyelewengan dana negara berjumlah lebih RM2.3 bilion membabitkan seorang tokoh korporat dan bekas menteri kanan.

Sumber SPRM ketika dihubungi Bernama berkata bangunan itu, yang turut menempatkan pejabat tokoh korporat berkenaan, disita di bawah Akta SPRM 2009.

Penyitaan harta tak alih bertarikh 18 Dis 2023 itu disiarkan dalam bentuk notis pemberitahuan sebuah portal berita dalam talian kelmarin.

Menurut notis ditandatangani oleh Timbalan Pendakwa Raya SPRM Ahmad Akram Gharib itu, Pendaftar Hak Milik, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan diarah untuk menyita bangunan Menara Ilham yang mempunyai alamat di No 8, Jalan Binjai di sini.

Arahan itu dikeluarkan di bawah Seksyen 38(1) Akta SPRM 2009 (Akta 694) dan Seksyen 37(3) Kanun Tatacara Jenayah setelah berpuas hati dengan maklumat yang diberikan oleh pegawai agensi antirasuah berkenaan.

Notis itu turut melarang segala urusan berkaitan bangunan berkenaan dan mencatatkan terma notis pada dokumen hak milik bangunan tersebut di pejabat Pendaftar Hak Milik.

Menurut notis itu, individu yang tidak mematuhi notis tersebut akan disiasat mengikut Seksyen 38(5) Akta SPRM 2009 yang membawa hukuman denda tidak melebihi dua kali ganda nilai harta berkenaan atau RM50,000 mengikut mana lebih tinggi dan boleh dipenjara tidak melebihi dua tahun.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki yang mengesahkan perkara itu kepada Bernama menerusi aplikasi WhatsApp, bagaimanapun enggan mengulas lanjut.

**Bangunan yang turut menempatkan pejabat tokoh korporat disita di bawah Akta SPRM 2009**

Pada Mei lalu, SPRM dilaporkan sedang menyiasat seorang tokoh korporat berhubung kes penyelewengan dana negara bernilai lebih RM2.3 bilion.

Siasatan itu adalah kesinambungan dan lanjutan daripada pendedahan dokumen sulit oleh Konsortium Wartawan Penyiasatan Antarabangsa (ICIJ) berhubung transaksi yang disyaki berlaku di beberapa pusat kewangan luar pesisir.

Siasatan itu dijalankan mengikut Akta SPRM 2009 serta Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001.

**HARIAN METRO**
**23/12/2023**
**(SABTU)**

# 'SPRM sita Menara Ilham bukan muslihat kerajaan'




*Menara Ilham di Jalan Binjai, Kuala Lumpur.*

## Anwar tegaskan agensi penguat kuasa rasuah buat siasatan tanpa kira kedudukan

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
[illegible]

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata siasatan rasuah membabitkan individu ternama oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak sebarusnya dikaitkan dengan sebarang bentuk muslihat oleh pentadbiran kerajaan.

Sebaliknya, Perdana Menteri menegaskan, siasatan itu membuktikan komitmen agensi penguat kuasa rasuah berkenaan dalam menjalankan siasatannya, tanpa mengira latar belakang individu atau dipengaruhi pihak tertentu.

"SPRM menjalankan tugas dan tidak mengira kedudukan, sama ada dia Tun (atau) Tan Sri. Kalau (tidak diambil tindakan) begitu [illegible] kritikannya apa... ikan kecil ini ditangkap, yang kepala-kepala (individu berkedudukan tinggi) tak boleh disentuh.

"Bila sentuh (individu berkedudukan tinggi) masih ada yang pertahankan dan gunakan pengaruh media, terutama media sosial. Biarkan siasatan dibuat," katanya ketika ditemui selepas solat Jumaat di Masjid Kota Damansara, di sini semalam.

Beliau berkata demikian mengulas tindakan SPRM menyita Menara Ilham di Jalan Binjai, di sini yang dikatakan milik keluarga bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin.

*BH Online* sebelum ini melaporkan Menara Ilham yang turut menempatkan hotel, pejabat dan galeri lukisan disita SPRM dengan notis sitaan bertarikh 18 Disember ditandatangani Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Ahmad Akram Gharib disiarkan melalui ruangan pemberitahuan sebuah portal berita.

Daim sebelum ini disebut antara individu disiasat SPRM berkait transaksi korporat bernilai RM2.3 bilion pada November 1997, membabitkan Renong Bhd dan United Engineers Malaysia Bhd (UEM), dua entiti yang juga bekas tonggak perniagaan dikaitkan dengan UMNO ketika parti itu mentadbir negara.

Siasatan itu kesinambungan pendedahan dokumen sulit oleh International Consortium of Investigative Journalists (ICIJ) berhubung transaksi disyaki berlaku di beberapa pusat kewangan luar pesisir.

**[illegible]**

Susulan itu, SPRM pada Jun lalu membekukan akaun bank bernilai lebih RM30 juta, antara lain membabitkan milik bekas menteri kanan, dua ahli perniagaan bergelar 'Tan Sri' dan ahli keluarga mereka meliputi 112 akaun bank, 35 akaun syarikat dan 157 akaun individu.

Mengulas lanjut, Anwar berkata isu kekayaan dikaitkan dengan pemimpin tertentu itu bukanlah satu perkara baharu.

"Ini bukan rahsia umum. Seorang yang menanggah kekayaan begitu besar, biarlah ada siasatan supaya pemimpin jangan dilihat sebagai melindungi perasuah besar.

"Jadi itulah tanggungjawab SPRM (untuk) jalankan tugas siasatan dan jangan buat tafsiran. Setiap kali kita sentuh 'orang besar' maknanya ada muslihat.

"Kalau orang kecil yang kita sentuh, tidak ada apa-apa. Jadi sistem apa begitu," katanya.

Anwar menjelaskan, tindakan siasatan dilaksana badan penguat kuasa negara mesti menunjukkan contoh keberanian, khususnya dalam mengambil tindakan terhadap perasuah besar.

"Kita bukan mewakili satu sistem yang bobrok. Sistem kita mesti menunjukkan contoh keberanian untuk bertindak kepada perasuah besar.

"Apakah ia benar atau tidak, biarlah proses dijalankan dan kemudiannya badan kehakiman memutuskan," katanya.

**BERITA HARIAN**
**23/12/2023**
**(SABTU)**

# Premis perniagaan masih boleh beroperasi

**Kuala Lumpur:** Semua premis perniagaan dalam Menara Ilham di Jalan Binjai di sini boleh beroperasi seperti biasa meskipun bangunan dikatakan milik bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin itu kini disita Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Ini kerana, notis sitaan mengikut Seksyen 38(1) Akta SPRM 2009 itu hanya memfokuskan kepada urusan berkaitan pemindahan milikan harta tak alih berkenaan dan tidak memberi sebarang implikasi kepada aktiviti perniagaan dalam bangunan 60 tingkat itu.

Peguam Datuk Gurdial Ram V Prent, berkata larangan bagi semua transaksi berkaitan harta tak alih dalam notis itu hanya merujuk kepada pemilik tidak boleh menjual atau memindah milik bangunan berkenaan sahaja.

"Ia (notis sitaan) hanya merujuk kepada larangan segala urusan mengenai urusan pertukaran atau memindah pemilikan (bangunan terbabit)," katanya mengulas tindakan sita diambil SPRM terhadap Menara Ilham.

Sementara itu, tinjauan mendapati Menara Ilham menjadi tumpuan bagi sementara susulan laporan mengenai tindakan sita harta tak alih yang diambil SPRM itu.

Semakan bagaimanapun mendapati tiada sebarang notis mengenai sitaan dilekatkan pada bangunan terbabit atau sebarang arahan larangan masuk di sekeliling bangunan terbabit.

Malah, pekerja dilihat keluar masuk seperti biasa ke bangunan terbabit.

Menara Ilham dilaporkan mempunyai ketinggian 274 meter merangkumi hotel empat bintang, pejabat rasmi, galeri, ruang selera serta kedai cenderamata, manakala 33 tingkat atas untuk kegunaan pejabat dan selebihnya adalah apartmen.

Ia siap dibina pada 2015 juga dikenali sebagai Menara IB, singkatan kepada Ilham Baru.

**"Ia (notis sitaan) hanya merujuk kepada larangan segala urusan mengenai urusan pertukaran atau memindah pemilikan (bangunan terbabit)"**

*Gurdial Ram Vincent,*
*Peguam*



**BERITA HARIAN**
**23/12/2023**
**(SABTU)**

# Sita Menara Ilham untuk elak ganggu siasatan SPRM

**Kuala Lumpur:** Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki menyatakan, tindakan penyitaan Menara Ilham milik keluarga seorang bekas menteri adalah bertujuan mengelakkan sebarang tindakan yang boleh mengganggu siasatan agensi penguat kuasa itu.

Beliau berkata, antara tindakan yang boleh mengganggu siasatan seperti penjualan bangunan pencakar langit itu.

"Siasatan masih berjalan dan perkara (notis sita Menara Ilham) yang dilakukan itu adalah perkara biasa," katanya kepada *BH*, di sini semalam.

Beliau turut mengesahkan, setakat ini SPRM masih menjalankan siasatan lanjut terhadap kes berprofil tinggi yang disiasat atas kesalahan rasuah dan pengubahan wang haram.

"Siasatan dijalankan mengikut Akta SPRM 2009," katanya yang enggan mengulas lanjut siasatan berkenaan.

Bangunan Menara Ilham di Jalan Binjai, di sini, yang dikatakan milik keluarga bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin, disita Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Khamis lalu, *BH* melaporkan, notis penyitaan bangunan setinggi 60 tingkat itu bertarikh 18 Disember lalu disiarkan semalam melalui ruangan pemberitahuan sebuah portal berita, dengan ditandatangani Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Ahmad Akram Gharib.

Ia ditujukan kepada Pendaftar Hak Milik, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan.

Daim sebelum ini dilaporkan antara yang turut disiasat SPRM berkait transaksi korporat bernilai RM2.3 bilion pada November 1997 yang membabitkan Renong Bhd dan United Engineers Malaysia Bhd (UEM), dua entiti yang juga bekas tonggak perniagaan dikaitkan dengan UMNO ketika parti itu mentadbir negara.

Siasatan itu kesinambungan pendedahan dokumen sulit oleh International Consortium of Investigative Journalists (ICIJ) berhubung transaksi yang disyaki berlaku di beberapa pusat kewangan luar pesisir.

Susulan itu, SPRM pada Jun lalu membekukan akaun bank berjumlah lebih RM30 juta antara lain membabitkan milik bekas menteri kanan, dua ahli perniagaan bergelar 'Tan Sri' dan ahli keluarga mereka.

Pembekuan itu membabitkan 192 akaun bank, merangkumi 35 akaun syarikat dan 157 akaun individu.

Azam sebelum ini dilaporkan berkata, siasatan itu bertumpu pada Seksyen 23 Akta SPRM 2009, berhubung kesalahan salah guna kuasa untuk mendapat suapan dan kesalahan pengubahan wang haram di bawah Seksyen 4 (1) AMLATFPUAA 2001.

Menara Ilham difahamkan mempunyai ketinggian 274 meter merangkumi hotel empat bintang, pejabat rasmi, galeri, medan selera serta kedai cenderamata manakala sebanyak 32 tingkat aras untuk kegunaan pejabat dan selebihnya adalah apartmen.

Ia siap dibina pada 2015 juga dikenali sebagai Menara IB, singkatan kepada Ilham Baru.

'SPRM sita Menara Ilham bukan muslihat kerajaan'



*Keratan akhbar BH, semalam.*

**BERITA HARIAN**
**24/12/2023**
**(AHAD)**

# Daim disiasat dakwaan rasuah

## Susulan sitaan Menara Ilham, SPRM tidak halang operasi harian di bangunan tersebut

Oleh AHMAD ISMADI ISMAIL
PUTRAJAYA

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesahkan sedang menyiasat bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin berhubung dakwaan rasuah dan pengubahan wang haram susulan sitaan bangunan Menara Ilham baru-baru ini.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki yang membuat pengesahan itu bagaimanapun enggan mengulas lanjut perincian kes siasatan terhadap tokoh konglomerat tersebut.

Menurutnya, tindakan sitaan bangunan Menara Ilham yang dikeluarkan menerusi notis di akhbar pada Jumaat lalu tidak menjejaskan operasi dan urusan di bangunan tersebut.

"Apabila kami menyiasat dakwaan rasuah dan salah guna kuasa serta melibatkan harta tak alih, kami dibenarkan di bawah Akta SPRM menghantar permohonan sitaan kepada timbalan pendakwa raya.



AZAM



DAIM

"Itulah apa yang berlaku. Kami menggunakan kuasa diperuntukkan kepada timbalan pendakwa raya untuk mengarahkan pejabat tanah meletakkan kaveat terhadap tanah berkenaan," katanya ketika dihubungi.

Tambah Azam, proses sama telah dilakukan SPRM sejak sekian lama ketika proses siasatan dilaksanakan, sambil menekankan sitaan Menara Ilham itu bukan satu-satunya kes.

Pada Jumaat, media melaporkan sitaan bangunan Menara Ilham oleh SPRM adalah untuk menyekat apa-apa tindakan menjual, memindah hak milik atau melupuskan bangunan tersebut secara keseluruhan atau mana-mana bahagian bangunan tersebut.

Sitaan dilakukan selepas satu siasatan telah dibuka berkaitan dengan 'pengambilalihan saham membabitkan dua syarikat tersenarai berjumlah RM2.34 bilion'.

Nilai berkenaan melibatkan pengambilalihan saham Renong Berhad sebanyak 32.6 peratus ekuiti oleh UEM Group.

Sitaan dilakukan selepas siasatan SPRM mendapati pemilik kepada Menara Ilham adalah sebuah syarikat yang dimiliki oleh isteri dan anak kepada seorang bekas Menteri Kewangan.

Projek pembinaan Menara Ilham itu bernilai lebih kurang RM580 juta.

Aktiviti operasi harian dalam bangunan tersebut berjalan seperti biasa dan tidak dihalang oleh SPRM.




Laporan Sinar Harian berhubung sitaan Menara Ilham oleh SPRM.

**SINAR AHAD**
**24/12/2023**
**(AHAD)**

SPRM digesa lakukan siasatan secara telus, profesional

# Tindakan sita aset tepat untuk bantu siasatan SPRM

Oleh AISYAH BASARUDDIN
SHAH ALAM

Tindakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyita harta mana-mana individu yang enggan memberikan kerjasama sebagai tepat dan mengikut sistem perundangan negara.

Ahli Jawatankuasa Rasuah Busters Selangor, Dr Helmi Ibrahim berkata, meskipun mengambil masa terlalu lama untuk menjalankan siasatan, namun ia menjadi satu tanggungjawab SPRM untuk menyelesaikan sebarang kes yang dilaporkan.

Menurut beliau, inilah juga masa untuk Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menampilkan iltizamnya dalam membanteras jenayah rasuah.

"Justeru, ia merupakan 'acid test' untuk menguji sejauh manakah keseriusan Kerajaan Perpaduan dalam memerangi rasuah," katanya kepada *Sinar Harian*.



HELMI

Beliau berkata demikian mengulas tindakan sita Menara Ilham bernilai antara RM1.5 bilion ke RM2 bilion susulan pemiliknya didakwa tidak mahu mematuhi arahan SPRM.

Menurut sumber terdekat, pemilik bangunan yang rapat dengan mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad itu enggan mengisytiharkan pegangan kewangan miliknya dan keluarga.

Kata sumber itu, tindakan tersebut adalah sebahagian daripada siasatan penggubahan wang haram yang bermula Mei lalu berkaitan transaksi korporat bernilai RM2.3 bilion pada November 1997 melibatkan Renong Bhd dan United Engineers Malaysia Bhd (UEM).

Mengulas lanjut, Helmi yang juga Setiausaha Agung Majlis Ekonomi Halal (MEH) berkata, langkah SPRM wajar dilakukan kerana sejak sekian lama masyarakat disajikan dengan pelbagai tuduhan terkait individu tersebut.

Bagaimanapun, beliau berharap SPRM melakukan siasatan secara telus dan profesional bagi membolehkan rakyat mengetahui kedudukan sebenar kes berkenaan.

"Kita tidak mahu siasatan sekadar hangat-hangat tahi ayam dan hilang punca di tengah jalan seperti mana beberapa siasatan kes berprofil tinggi sebelum ini," ujarnya.




SPRM menyita Menara Ilham selepas individu yang disiasat enggan memberikan kerjasama dan membantu siasatan agensi tersebut.

**SINAR HARIAN**
**27/12/2023**
**(RABU)**

# 'Kenapa identiti pemberi rasuah seperti sengaja disenyapkan?'

**KUALA LUMPUR** - Bekas Ketua UMNO Bahagian Cheras, Datuk Seri Syed Ali Al-Habshee mempersoalkan mengapa hanya penerima rasuah yang didedahkan secara umum, sedangkan pemberi rasuah jarang diberikan tumpuan.

Menurut Syed Ali, perbuatan memberi dan menerima rasuah adalah dianggap bersalah mengikut peruntukan undang-undang sedia ada termasuk akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Beliau juga menimbulkan persoalan kenapa identiti pemberi rasuah seperti sengaja disenyapkan daripada diketahui orang ramai.

"Persepsi semakin buruk apabila pihak akhbar dan media akan membesar-besarkan laporan berita penerima rasuah, sedangkan pemberi rasuah jarang sekali diberikan tumpuan.

"Mengapa kita jarang sekali mendengar dan melihat berita pemberi rasuah yang diheret ke mahkamah? Kenapa identiti pemberi rasuah seperti sengaja disenyapkan dari diketahui orang ramai?

"Mengapa pemberi rasuah tidak didedahkan kepada umum sedangkan pelaku rasuah dalam apa juga kategorinya, tetap menyalahi undang-undang dan menerima hukuman yang setimpal," katanya dalam satu kenyataan di laman Facebook pada Selasa.

Aktiviti rasuah tidak akan berlaku jika tiada yang sanggup memberikan sogokan sama ada secara terus atau melalui orang tengah, tambahnya.

Beliau mendakwa, penjawat awam turut dikatakan antara kumpulan tertinggi yang ditahan oleh SPRM bagi siasatan berkaitan kesalahan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

"Apabila didedahkan bahawa penjawat awam terlibat menerima rasuah, ianya akan menimbulkan tanggapan umum bahawa majoriti yang terbabit itu adalah orang Melayu," ujarnya.

Sehubungan itu, beliau mengalu-alukan tindakan pihak berkuasa di negara ini untuk berusaha membanteras kegiatan tersebut. - *Astro Awani*

> *Mengapa kita jarang sekali mendengar dan melihat berita pemberi rasuah yang diheret ke mahkamah?"*
>
> -Syed Ali Al-Habshee



**SINAR HARIAN**
**27/12/2023**
**(RABU)**

# 2023 bukan lagi tahun untuk 'jerung rasuah' terlepas

- Pada 15 Julai lalu, siasatan SPRM berhubung beroperasinya lombong nadir bumi (REE) dijalankan secara haram di Kedah yang mengakibatkan kerajaan rugi turut mengejutkan orang ramai

- November lalu, satu lagi kes berprofil tinggi mengejutkan apabila SPRM membekukan 13 akaun Aman Palestin dan beberapa entiti syarikat yang berkaitan dengan jumlah keseluruhan kira-kira RM59 juta





**BERITA HARIAN**
**28/12/2023**
**(KHAMIS)**

# 'Siasatan bermotif politik'

## Tun Daim, keluarga nafi terbabit rasuah, persoal tindakan diambil SPRM

Oleh [illegible]

**Putrajaya:** Tun Daim Zainuddin menafikan beliau dan keluarganya terbabit dalam rasuah atau sebarang salah laku, sebaliknya mendakwa siasatan yang dijalankan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadapnya bermotifkan politik.

Bekas Menteri Kewangan itu mendakwa, sehingga kini beliau tidak dimaklumkan mengenai kesalahan yang dilakukannya, walaupun sudah banyak kali mengajukan perkara itu kepada SPRM.

"Saya boleh mengesahkan bahawa kami menerima surat yang ditandatangani oleh (Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri) Azam Baki sendiri, yang menolak secara langsung untuk memberitahu apa kesalahan saya.

"Namun, terdapat usaha terancang untuk memburukkan saya dengan mengeluarkan maklumat salah dan sindiran tidak berasas terhadap saya," katanya dalam kenyataan semalam.

Media sebelum ini melaporkan Bangunan Menara Ilham yang terletak dekat Jalan Binjai di ibu kota, Kuala Lumpur yang dikaitkan milik keluarga Daim, disita SPRM.

Notis penyitaan bangunan setinggi 60 tingkat itu bertarikh 18 Disember lalu disiarkan melalui ruangan pemberitahuan sebuah portal berita dengan ditandatangani Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Ahmad Akram Gharib.

Daim juga sebelum ini dilaporkan antara yang turut disiasat SPRM berkait transaksi korporat bernilai RM2.3 bilion pada November 1997 yang membabitkan Renong Bhd dan United Engineers Malaysia Bhd (UEM), dua entiti yang juga bekas tunggak perniagaan dikaitkan dengan UMNO ketika parti itu menerajui negara.

**[illegible]**

Daim turut mengkritik Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang didakwanya mengeluarkan kenyataan tanpa asas berhubung siasatan SPRM untuk memburukkan kredibilitinya.

"Umum mengetahui bahawa Anwar atas alasan yang dirinya sendiri tahu, menganggap saya sebagai ancaman dan musuh politik yang perlu dihapuskan kredibiliti. Amat tidak jujur untuk beliau menafikan perkara ini.

"Serangan terbaru Anwar terhadap saya pada 19 Disember lalu ialah 'Ia adalah rahsia terbuka. Seseorang mengaut kekayaan yang banyak' adalah tuduhan tidak berasas kononnya saya bersalah atas kesalahan yang tidak dinyatakan.

> Terdapat usaha terancang untuk memburukkan saya dengan mengeluarkan maklumat salah dan sindiran tidak berasas terhadap saya
>
> *Daim Zainuddin*
> *Bekas Menteri Kewangan*



"Saya sudah memaklumkan kepada peguam dan akan mengambil tindakan sewajarnya," katanya.

Mengenai Azam pula, beliau mendakwa Ketua Pesuruhjaya SPRM itu bertindak secara tidak profesional dan [illegible] membuat pelbagai komen [illegible] terhadapnya ketika siasatan masih berjalan.

"Sebagai ketua organisasi, Azam perlu bertanggungjawab terhadap kebocoran berita 'sumber' mengenai siasatan ini.

"Apa yang dipanggil 'sumber' ini hanya boleh datang dari dalam SPRM kerana ia bertujuan untuk mendedahkan [illegible] salah terbaru," katanya.

Dalam pada itu, beliau turut menolak dakwaan kononnya enggan mendedahkan butiran kewangan seperti diminta oleh SPRM.

Tegasnya, beliau memberikan kerjasama penuh sejak awal siasatan berjalan dan sering berkomunikasi dengan agensi tersebut menerusi peguamnya.

"Oleh itu, adalah salah bagi sumber SPRM untuk mendakwa bahawa saya tidak membuat pendedahan yang betul mengenai butiran kewangan yang dituntut oleh SPRM.

"Saya mengulangi bahawa semua yang diminta secara bertulis oleh SPRM sudah didedahkan dan mengikut undang-undang," katanya sambil menambah sebagai bekas anggota kabinet kerajaan dan menghormati proses siasatan, beliau hanya mendiamkan diri hingga kini.

"Namun, Perdana Menteri dan SPRM tidak menunjukkan rasa hormat yang sama terhadap proses itu sehingga memaksa saya memberi maklum balas bagi menjaga nama baik dan reputasi saya.

"Tetapi bukan itu sahaja yang membimbangkan saya, saya juga khuatir dengan keadilan dan integriti institusi kita. Institusi ini perlu dilindungi demi kebaikan negara.

"Demi kepentingan umum, proses penyiasatan dan pendakwaan tidak boleh dicemari dengan berat sebelah, kepalsuan atau bermotifkan politik. Ini akan menjejaskan setiap rakyat Malaysia," katanya.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**BERITA HARIAN**
**29/12/2023**
**(JUMAAT)**

MENANGANI JENAYAH DIGITAL YANG KIAN KOMPLEKS

# SPRM perkasa forensik teknologi



SPRM berkeyakinan BFT mampu menjadi tenaga pakar dan pusat rujukan dalam menjalankan siasatan forensik teknologi

Pengarah Bahagian Forensik Teknologi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

**HARIAN METRO**
**29/12/2023**
**(JUMAAT)**

# Siasatan berdasarkan Kertas Pandora

**SPRM buka siasatan terhadap Daim sejak Februari lalu, gesa semua pihak untuk tidak membuat sebarang spekulasi**

**Oleh MUHAMMAD AMINURALIF MOHD ZOKI**
**SHAH ALAM**

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membuka siasatan terhadap bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin berdasarkan maklumat Kertas Pandora sejak Februari lalu.

SPRM dalam satu kenyataan memaklumkan, pihaknya ingin memperbetulkan fakta berhubung kenyataan Daim mengenai siasatan kes beliau yang telah menimbulkan kekeliruan dan salah faham kepada masyarakat umum.



Laporan *Sinar Harian* pada 29 Disember lalu.

"SPRM tidak [illegible] [illegible] [illegible] sebarang kenyataan rasmi yang menuduh Tun Daim telah pun melakukan sebarang kesalahan.

"Pada 7 Jun 2023 satu notis di bawah Seksyen 36(1)(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) telah diserahkan kepada Tun Daim yang menghendaki beliau supaya mengisytiharkan segala aset miliknya sama ada di dalam dan luar negara secara bertulis dan akuan bersumpah dalam tempoh 30 hari daripada tarikh notis tersebut," jelas kenyataan berkenaan pada Sabtu.

Menurut SPRM, Tun Daim telah memohon lanjutan tempoh sebanyak lima kali.

"Beliau kemudiannya telah diberikan lanjutan pada 6 Julai 2023, 10 Ogos 2023, 11 September 2023, 11 Oktober 2023 dan yang terakhir pada 14 November 2023 untuk mengisytiharkan segala aset miliknya.

"Sebagai sebahagian daripada proses siasatan, pendakwa raya telah mengeluarkan Notis Penyitaan Harta Alih pada 18 Disember 2023, di bawah Seksyen 38 (1), Akta SPRM 2009 (Penyitaan Harta Alih)," katanya.



DAIM

Tambah kenyataan itu, Daim disiasat di bawah Seksyen 23 Akta SPRM 2009 dan Seksyen 4 (1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA).

"Bagaimanapun, berdasarkan prinsip undang-undang 'anggapan tidak bersalah' (*presumption of innocence*), seseorang yang disiasat adalah dianggap tidak bersalah sehingga dibuktikan kesalahannya.

"Mana-mana individu terlibat mempunyai peluang untuk membersihkan namanya sekiranya kes ini dibicarakan di mahkamah.

"SPRM menggesa semua pihak untuk tidak membuat sebarang spekulasi mengenai kes tersebut dan membenarkan siasatan diteruskan tanpa gangguan," katanya.

Pada 21 Februari lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, siasatan terperinci akan dilaksanakan terhadap semua individu yang disyaki terlibat dalam isu Kertas Pandora tanpa mengira parti politik.

Menurutnya, badan-badan siasatan yang terlibat telah diarahkan menjalankan siasatan berdasarkan bukti dan fakta tetapi sekiranya wujud penyalahgunaan kuasa atau motif politik, mana-mana pihak boleh mencabarnya.

**SINAR HARIAN**
**31/12/2023**
**(AHAD)**